

## NORTHEAST GROUP BERHAD

(No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P))  
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)

TAWARAN AWAM PERMULAAN (“IPO”) BERHUBUNG DENGAN PENYENARAIAN NORTHEAST GROUP BERHAD (“NORTHEAST” ATAU “SYARIKAT”) DI PASARAN ACE BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD (“BURSA SECURITIES”) MERANGKUMI:

(I) TERBITAN AWAM SEBANYAK 168,989,000 SAHAM BIASA BAHARU DALAM SYARIKAT KAMI (“SAHAM”) (“SAHAM TERBITAN”) DENGAN CARA BERIKUT:

- 37,000,000 SAHAM TERBITAN TERSEDIA UNTUK PERMOHONAN OLEH ORANG AWAM MALAYSIA;
- 29,600,000 SAHAM TERBITAN TERSEDIA UNTUK PERMOHONAN OLEH PENGARAH DAN KAKITANGAN SERTA SEKUTU PERNIAGAAN YANG LAYAK YANG TELAH MENYUMBANG KEPADA KEJAYAAN SYARIKAT DAN ANAK-ANAK SYARIKAT KAMI;
- 61,689,000 SAHAM TERBITAN MELALUI CARA PENEMPATAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR TERPILIH; DAN
- 40,700,000 SAHAM TERBITAN MELALUI CARA PENEMPATAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR BUMIPUTERA DIKENAL PASTI YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI MALAYSIA (“MITI”);

DAN

(II) TAWARAN UNTUK JUALAN SEBANYAK 51,800,000 SAHAM SEDIA ADA (“SAHAM TAWARAN”) MELALUI CARA PENEMPATAN PERSENDIRIAN KEPADA PELABUR BUMIPUTERA DIKENAL PASTI YANG DILULUSKAN OLEH MITI,

PADA HARGA IPO SEBANYAK RM0.50 SETIAP SAHAM TERBITAN / SAHAM TAWARAN, PERLU DIBAYAR DENGAN PENUH SEMASA PERMOHONAN

PENASIHAT UTAMA, PENAJA, EJEN PENEMPATAN TUNGGAL DAN PENAJA JAMIN TUNGGAL



**AFFIN HWANG INVESTMENT BANK BERHAD**

(No. Pendaftaran 197301000792 (14389-U))  
(Sebuah organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian)

PASARAN ACE MERUPAKAN PASARAN ALTERNATIF YANG DIREKA BENTUK TERUTAMANYA UNTUK SYARIKAT BARU MUNCUL YANG MUNGKIN MEMBAWA RISIKO PELABURAN YANG LEBIH TINGGI BERBANDING DENGAN SYARIKAT YANG LEBIH BESAR ATAU LEBIH KUKUH YANG TERSENARAI DI PASARAN UTAMA. TIADA JAMINAN JUGA DAPAT DIBERIKAN BAHAWA PASARAN CAIR AKAN WUJUD BAGI SAHAM ATAU UNIT SAHAM YANG DIDAGANGKAN DI PASARAN ACE. ANDA HENDAKLAH MENYEDARI RISIKO-RISIKO MELABUR DALAM SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT DAN HENDAKLAH MEMBUAT KEPUTUSAN UNTUK MELABUR HANYA SELEPAS MEMBUAT PERTIMBANGAN DENGAN TELITI.

TERBITAN, TAWARAN ATAU PELAWAAN UNTUK PENAWARAN IALAH CADANGAN YANG TIDAK MEMERLUKAN KELULUSAN, KEBENARAN ATAU PENGIKTIRAFAN SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA DI BAWAH SEKSYEN 212(8) AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007 (“CMSA”).

TIADA SEKURITI AKAN DIPERUNTUKKAN ATAU DITERBITKAN BERDASARKAN PROSPEKTUS INI SELEPAS ENAM (6) BULAN DARI TARIKH PROSPEKTUS INI.

PARA PELABUR DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS INI. SEKIRANYA TERDAPAT KERAGUAN, SILA DAPATKAN PANDANGAN DARIPADA PENASIHAT PROFESIONAL.


BAGI MAKLUMAT MENGENAI FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG PERLU DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL PELABUR, SILA LIHAT “FAKTOR RISIKO” YANG BERMULA PADA MUKA SURAT 151 PROSPEKTUS INI.

BURSA SECURITIES TELAH MELULUSKAN PENERIMAAN MASUK KAMI KE SENARAI RASMI PASARAN ACE BURSA SECURITIES DAN PENYENARAIAN DAN SEBUT HARGA BAGI KESELURUHAN MODAL SAHAM TERBITAN DIPERBESAR KAMI DI PASARAN ACE BURSA SECURITIES. PROSPEKTUS INI TELAH DIDAFTARKAN OLEH BURSA SECURITIES. KELULUSAN IPO KAMI DAN PENDAFTARAN PROSPEKTUS INI, TIDAK BOLEH DIANGGAP SEBAGAI PETUNJUK BAHAWA BURSA SECURITIES MENGESYORKAN TAWARAN ATAU MENERIMA TANGGUNGJAWAB KE ATAS KETEPATAN APA-APA KENYATAAN YANG DIBUAT, PENDAPAT YANG DIBERIKAN ATAU LAPORAN YANG TERKANDUNG DALAM PROSPEKTUS INI. BURSA SECURITIES TIDAK, DALAM APA JUA CARA, MEMPERTIMBANGKAN MERIT SEKURITI YANG DITAWARKAN UNTUK PELABURAN.

BURSA SECURITIES TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP APA-APA KETIDAKDEDAHAN OLEH PIHAK SYARIKAT DAN TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS KANDUNGAN PROSPEKTUS INI, TIDAK MEMBUAT PERWAKILAN TENTANG KETEPATAN ATAU KESEMPURNAANNYA, DAN SECARA NYATA MENAFIKAN SEBARANG LIABILITI BAGI APA-APA KERUGIAN YANG ANDA MUNGKIN ALAMI DIKAKIBATKAN OLEH ATAU DALAM PERGANTUNGAN PADA KESELURUHAN ATAU MANA-MANA BAHAGIAN KANDUNGAN PROSPEKTUS INI.



\* Lokasi pelanggan utama kami pada  
30 Ogos 2024



## NORTHEAST GROUP BERHAD

(No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P))  
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016)

**Alamat** : 1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1,  
Taman IKS Bukit Minyak,  
14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang

**Hubungi** : +604-502 0303 (Malaysia)

**E-mel** : info@northeast.my

[www.northeast.my](http://www.northeast.my)

NORTHEAST GROUP BERHAD



PROSPEKTUS

Semua istilah ditakrifkan yang digunakan dalam Prospektus ini ditakrifkan di bawah “Pembentangan Maklumat”, “Definisi” dan “Glosari Istilah Teknikal” bermula masing-masing pada halaman ix, xi dan xxii Prospektus ini.

### **PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Pengarah, Promoter dan Pemegang Saham Menjual kami telah melihat dan meluluskan Prospektus ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tiada kenyataan palsu atau mengelirukan atau fakta-fakta lain yang jika ditinggalkan, akan menjadikan sebarang kenyataan dalam Prospektus ini palsu atau mengelirukan.

Affin Hwang IB, sebagai Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal kami, mengesahkan bahawa, berdasarkan semua maklumat yang tersedia dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaiknya, Prospektus ini merupakan pendedahan penuh dan benar mengenai semua fakta material berhubung dengan penawaran kami.

### **PENYATA PENAFIAN**

Kelulusan telah diberikan oleh Bursa Securities bagi penyenaian dan sebut harga bagi Saham kami yang ditawarkan. Penerimaan masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities tidak boleh dianggap sebagai petunjuk merit penawaran kami, Syarikat kami atau Saham kami.

Bursa Securities tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa ketidakdedahan oleh pihak kami dan tidak akan bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus ini, tidak membuat perwakilan tentang ketepatan atau kesempurnaannya dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami diakibatkan oleh atau dalam pergantungan pada keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus ini.

Prospektus ini, bersama dengan Borang Permohonan, juga telah diserahkan simpan dengan Pendaftar Syarikat, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya.

### **PENYATA LAIN**

Para pelabur hendaklah mengambil perhatian bahawa mereka boleh mendapatkan rekursa di bawah Seksyen 248, 249 dan 357 CMSA bagi pelanggaran undang-undang sekuriti termasuk sebarang kenyataan dalam Prospektus ini yang palsu, mengelirukan, atau yang mana terdapat peninggalan material; atau bagi sebarang tindakan yang mengelirukan atau berbentuk penipuan berhubung dengan Prospektus ini atau tindakan mana-mana orang lain yang berkaitan dengan Syarikat kami.

Saham kami ditawarkan kepada orang awam berdasarkan pendedahan yang lengkap dan tepat bagi semua maklumat material berkenaan penawaran kami, yang dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana orang yang dinyatakan dalam Seksyen 236 CMSA.

Para pelabur harus mengambil perhatian bahawa sebarang perjanjian oleh Penaja Jamin Tunggal kami untuk menaja jamin Saham Terbitan kami di bawah Terbitan Awam tidak boleh dianggap sebagai petunjuk tentang merit Saham kami yang ditawarkan.

Saham kami diklasifikasikan sebagai patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah SC. Klasifikasi ini kekal sah dari tarikh terbitan Prospektus ini sehingga semakan pematuhan Syariah seterusnya yang dijalankan oleh Majlis Penasihat Syariah SC. Status baharu itu dikeluarkan dalam senarai terkini sekuriti patuh Syariah, pada Jumaat terakhir bulan Mei dan November.

Prospektus ini telah disediakan dan diterbitkan hanya berhubung dengan penawaran kami di bawah undang-undang Malaysia. Saham kami ditawarkan di Malaysia hanya berdasarkan kandungan Prospektus ini. Syarikat, Promoter, Pemegang Saham Menjual, Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal kami tidak membenarkan mana-mana orang untuk membekalkan anda dengan maklumat yang tidak terkandung dalam Prospektus ini. Sebarang maklumat atau perwakilan yang tidak terkandung dalam Prospektus ini tidak boleh dibuat pergantungan sebagai telah dibenarkan oleh Syarikat, Promoter, Pemegang Saham Menjual, Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal kami, atau mana-mana pengarah masing-masing atau mana-mana orang lain yang terlibat dalam penawaran kami.

Prospektus ini disediakan dan diterbitkan dalam konteks IPO di bawah undang-undang Malaysia. Ia tidak mematuhi undang-undang mana-mana bidang kuasa selain Malaysia, dan tidak pernah dan tidak akan diserahkan, disimpan, didaftarkan atau diluluskan menurut atau di bawah mana-mana perundangan sekuriti atau setara yang terpakai atau oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia dalam mana-mana bidang kuasa selain Malaysia.

Pengedaran Prospektus ini dan penawaran kami adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia. Prospektus ini tidak akan diedarkan di luar Malaysia. Syarikat, Promoter, Pemegang Saham Menjual, Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal kami tidak bertanggungjawab ke atas pengedaran Prospektus ini (dalam bentuk awal atau akhir) di luar Malaysia. Tiada tindakan telah diambil untuk membenarkan penawaran awam sekuriti Syarikat kami berdasarkan Prospektus ini atau pengedaran Prospektus ini di luar Malaysia.

Prospektus ini tidak boleh digunakan untuk tujuan dan tidak membentuk tawaran untuk menjual atau pelawaan untuk membeli sekuriti yang ditawarkan di bawah penawaran kami dalam mana-mana bidang kuasa atau dalam apa-apa keadaan di mana penawaran atau pelawaan sedemikian tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang. Prospektus ini juga tidak boleh digunakan untuk membuat tawaran atau pelawaan untuk membeli sekuriti yang ditawarkan di bawah penawaran kami kepada mana-mana orang yang menyalahi undang-undang untuk berbuat demikian. Pengedaran Prospektus ini dan penjualan Saham kami yang ditawarkan di bawah penawaran kami dalam bidang kuasa tertentu mungkin dihadkan oleh undang-undang. Syarikat, Promoter, Pemegang Saham Menjual dan Penasihat Utama kami memerlukan anda untuk mengambil maklum mengenai sekatan sedemikian dan mematuhi.

Kami tidak akan, sebelum bertindak ke atas mana-mana penerimaan berhubung dengan penawaran kami, membuat atau terikat untuk membuat sebarang pertanyaan sama ada anda mempunyai alamat berdaftar di Malaysia dan tidak akan menerima atau dianggap sebagai menerima sebarang liabiliti berhubung dengannya sama ada atau sebarang pertanyaan atau penyiasatan telah dibuat berkaitan dengannya atau tidak. Ia akan menjadi tanggungjawab anda sendiri, jika anda tertakluk atau mungkin tertakluk pada undang-undang mana-mana negara atau bidang kuasa selain daripada Malaysia, untuk berunding dengan penasihat undang-undang dan/atau profesional anda yang lain sama ada permohonan anda bagi penawaran kami akan menyebabkan pelanggaran mana-mana undang-undang negara atau bidang kuasa tersebut. Kami atau Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal kami atau mana-mana penasihat lain berhubung dengan penawaran kami tidak akan menerima sebarang tanggungjawab atau liabiliti sekiranya sebarang permohonan yang anda buat menyalahi undang-undang, tidak boleh dikuatkuasakan, boleh batal atau terbatal dalam mana-mana negara atau bidang kuasa sedemikian.

Selanjutnya, ia juga akan menjadi tanggungjawab anda sendiri untuk memastikan bahawa permohonan anda bagi penawaran kami akan mematuhi terma-terma Prospektus ini dan tidak akan melanggar mana-mana undang-undang negara atau bidang kuasa selain daripada Malaysia yang mana anda tertakluk. Kami juga akan mengandaikan bahawa anda telah menerima penawaran ini di Malaysia dan akan pada semua waktu berkenaan, tertakluk hanya kepada undang-undang Malaysia yang berkaitan dengannya. Walau bagaimanapun, kami mempunyai hak, mengikut budi bicara mutlak kami, untuk menganggap mana-mana penerimaan sebagai tidak sah sekiranya kami percaya bahawa penerimaan tersebut mungkin mencabuli mana-mana undang-undang atau keperluan perundangan atau kawal selia yang berkenaan.

## PROSPEKTUS ELEKTRONIK

Prospektus ini juga boleh dilihat atau dimuat turun daripada laman web Bursa Securities di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com). Kandungan Prospektus elektronik adalah sama seperti salinan Prospektus ini yang didaftarkan dengan Bursa Securities.

Anda dinasihatkan bahawa internet bukanlah medium yang selamat sepenuhnya, dan bahawa Permohonan Saham Internet anda mungkin tertakluk pada risiko-risiko masalah yang berlaku semasa transmisi data, ancaman keselamatan komputer seperti virus, penggadam dan pencuri data, kerosakan perisian komputer dan kejadian lain yang di luar kawalan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet. Risiko ini tidak boleh ditanggung oleh Institusi Kewangan Yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet.

Sekiranya anda ragu-ragu tentang kesahihan atau integriti Prospektus elektronik, anda hendaklah dengan segera meminta daripada kami atau Rumah Terbitan kami, salinan kertas/bercetak Prospektus ini. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kandungan Prospektus elektronik dan kandungan salinan kertas/bercetak Prospektus ini atas sebarang sebab sekalipun, kandungan salinan kertas/bercetak Prospektus ini yang serupa dengan salinan Prospektus yang didaftarkan dengan Bursa Securities, akan diguna pakai.

Berhubung dengan sebarang rujukan dalam Prospektus ini kepada laman internet pihak ketiga (dirujuk sebagai "**Laman Internet Pihak Ketiga**"), sama ada melalui pautan hiper atau melalui keterangan tentang Laman Internet Pihak Ketiga, anda mengakui dan bersetuju bahawa:

- (i) kami dan Penasihat Utama kami tidak mengesahkan dan tidak bersekutu dengan apa-apa cara sekalipun dengan Laman Internet Pihak Ketiga dan tidak bertanggungjawab ke atas kewujudan, atau kandungan atau sebarang data, maklumat, fail atau bahan lain yang disediakan pada Laman Internet Pihak Ketiga. Anda hendaklah menanggung semua risiko yang berkaitan dengan akses kepada atau penggunaan Laman Internet Pihak Ketiga;
- (ii) kami dan Penasihat Utama kami tidak bertanggungjawab terhadap kualiti produk atau perkhidmatan di Laman Internet Pihak Ketiga, secara khususnya dalam memenuhi sebarang terma perjanjian anda dengan Laman Internet Pihak Ketiga tersebut. Kami dan Penasihat Utama kami juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan atau kerosakan atau kos yang anda mungkin alami atau tanggung berhubung dengan atau akibat daripada berurusan dengan Laman Internet Pihak Ketiga atau penggunaan atau pergantungan terhadap sebarang data, maklumat, fail atau bahan lain yang disediakan oleh pihak tersebut; dan
- (iii) sebarang data, maklumat, fail atau bahan lain yang dimuat turun daripada Laman Internet Pihak Ketiga dilakukan atas budi bicara dan risiko anda sendiri. Kami dan Penasihat Utama kami tidak bertanggungjawab, menanggung liabiliti atau mempunyai kewajipan terhadap sebarang kerosakan kepada sistem komputer anda atau kehilangan data akibat daripada muat turun sebarang data, maklumat, fail atau bahan lain tersebut.

Apabila Prospektus elektronik dihoskan pada laman web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet, anda dinasihatkan bahawa:

- (i) Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet tersebut hanya bertanggungjawab berhubung dengan integriti kandungan Prospektus elektronik, setakat mana kandungan Prospektus elektronik yang terletak pada pelayan web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet boleh dilihat melalui pelayan web anda atau perisian lain yang berkaitan;
- (ii) Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet tidak akan bertanggungjawab ke atas integriti kandungan Prospektus elektronik yang telah dimuat turun atau sebaliknya diperoleh daripada pelayan web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet dan kemudiannya disampaikan atau disebarkan dalam apa-apa cara kepada anda atau pihak lain; dan
- (iii) walaupun semua langkah munasabah telah diambil untuk memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan maklumat yang disediakan dalam Prospektus elektronik, ketepatan dan kebolehpercayaan Prospektus elektronik sedemikian tidak boleh dijamin memandangkan internet bukanlah medium yang selamat sepenuhnya.

Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet tidak akan bertanggungjawab (sama ada dalam tort atau kontrak atau yang lain) ke atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kos, yang anda atau mana-mana orang lain mungkin alami atau tanggung yang disebabkan oleh, akibat daripada atau yang berkaitan dengan sebarang ketidaktepatan, perubahan, pindaan, pemotongan atau butiran yang tertinggal berkenaan maklumat yang disediakan dalam Prospektus elektronik yang mungkin timbul berhubung dengan atau akibat daripada sebarang kesilapan pelayan web atau perisian berkaitan yang lain, sebarang kesilapan pada komputer peribadi, sistem operasi atau perisian lain anda atau mana-mana pihak ketiga, virus atau ancaman keselamatan lain, akses tanpa kebenaran kepada maklumat atau sistem berhubung dengan laman web Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet, dan/atau masalah yang berlaku semasa transmisi data, yang mungkin mengakibatkan salinan maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap dimuat turun atau dipaparkan pada komputer peribadi anda.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

**JADUAL WAKTU INDIKATIF**

Jadual waktu indikatif bagi IPO kami dibentangkan di bawah:

<b>Peristiwa</b>	<b>Masa / tarikh</b>
Penerbitan Prospektus/ Pembukaan Permohonan	10.00 pagi, 26 September 2024
Penutupan Permohonan	5.00 petang, 3 Oktober 2024
Pengundian Permohonan	7 Oktober 2024
Peruntukan/pemindahan Saham IPO kami kepada pemohon yang berjaya	14 Oktober 2024
Penyenaraian	15 Oktober 2024

Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada jadual waktu, kami akan mengiklankan notis mengenai perubahan tersebut dalam akhbar harian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia di Malaysia dan mengumumkannya pada laman web Bursa Securities dengan sewajarnya.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

**JADUAL KANDUNGAN**


---

	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PEMBENTANGAN MAKLUMAT .....</b>	<b>x</b>
<b>KENYATAAN MEMANDANG KE HADAPAN .....</b>	<b>xii</b>
<b>DEFINISI .....</b>	<b>xiii</b>
<b>GLOSARI ISTILAH TEKNIKAL .....</b>	<b>xxv</b>
<b>DIREKTORI KORPORAT .....</b>	<b>xxvii</b>
<b>1. KELULUSAN DAN SYARAT .....</b>	<b>1</b>
1.1 Kelulusan dan syarat .....	1
1.2 Moratorium ke atas Saham kami .....	2
<b>2. RINGKASAN PROSPEKTUS .....</b>	<b>4</b>
2.1 Butiran utama IPO kami.....	4
2.2 Perniagaan kami .....	4
2.3 Kekuatan daya saing kami .....	5
2.4 Rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami .....	7
2.5 Faktor risiko .....	8
2.6 Promoter dan pemegang saham utama .....	11
2.7 Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting .....	12
2.8 Penggunaan perolehan .....	12
2.9 Gangguan perniagaan .....	12
2.10 Sorotan kewangan dan operasi .....	13
2.11 Dasar dividen .....	13
<b>3. BUTIRAN IPO KAMI.....</b>	<b>14</b>
3.1 Pembukaan dan penutupan Permohonan .....	14
3.2 Jadual waktu indikatif .....	14
3.3 Butiran IPO kami.....	14
3.4 Modal saham, kelas saham dan penarafan .....	22
3.5 Asas penetapan Harga IPO .....	23
3.6 Pencairan .....	24
3.7 Penggunaan perolehan .....	26
3.8 Brokeraj, komisen taja jamin dan yuran penempatan .....	33
3.9 Butiran pengaturan taja jamin.....	34
3.10 Perdagangan dan penyelesaian di pasaran sekunder .....	40

**JADUAL KANDUNGAN (SAMBUNGAN)**

<b>4.</b>	<b>MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI .....</b>	<b>41</b>
4.1	Promoter dan pemegang saham utama .....	41
4.2	Lembaga Pengarah .....	48
4.3	Amalan Lembaga .....	62
4.4	Struktur laporan pengurusan .....	68
4.5	Pengurusan Kanan Penting .....	69
4.6	Kontrak perkhidmatan .....	77
4.7	Kaitan atau talian persaudaraan antara Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.....	77
4.8	Pengakuan oleh Promoter, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami .....	78
<b>5.</b>	<b>MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI .....</b>	<b>79</b>
5.1	Syarikat kami .....	79
5.2	Anak syarikat, usaha sama dan syarikat sekutu kami.....	84
<b>6.</b>	<b>GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN .....</b>	<b>89</b>
6.1	Sejarah kami .....	89
6.2	Aktiviti utama kami .....	92
6.3	Segmen hasil kami mengikut industri pelanggan dan pasaran geografi.....	97
6.4	Kekuatan daya saing kami .....	99
6.5	Rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami .....	102
6.6	Kebermusiman .....	104
6.7	Perniagaan dan proses operasi kami .....	105
6.8	Jualan dan pemasaran .....	111
6.9	Pengiktirafan anugerah penting. ....	112
6.10	Jenis, sumber dan ketersediaan bahan mentah dan input utama .....	113
6.11	R&D .....	114
6.12	Perisian dan mesin yang digunakan.....	114
6.13	Kapasiti operasi dan penggunaan .....	116
6.14	Jentera dan peralatan material .....	117
6.15	Jaminan kualiti dan pengesahan .....	117
6.16	Pelanggan utama .....	119
6.17	Pembekal utama .....	121



**JADUAL KANDUNGAN (SAMBUNGAN)**

6.18	Gangguan perniagaan .....	123
6.19	Pergantungan pada kontrak, hak harta intelek, lesen, permit dan proses pengeluaran atau perniagaan kami .....	124
6.20	Harta intelek .....	124
6.21	Pekerja .....	125
6.22	Undang-undang, kawal selia, peraturan atau keperluan yang mengawal.....	127
6.23	Amalan ESG .....	136
<b>7.</b>	<b>GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI .....</b>	<b>138</b>
<b>8.</b>	<b>FAKTOR RISIKO .....</b>	<b>151</b>
8.1	Risiko berkaitan dengan perniagaan dan operasi kami.....	151
8.2	Risiko berkaitan dengan industri kami.....	158
8.3	Risiko berkaitan dengan Saham kami dan Penyenaraian kami .....	160
<b>9.</b>	<b>URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN .....</b>	<b>163</b>
9.1	Urus niaga pihak berkaitan Kumpulan kami .....	163
9.2	Pemantauan dan pengawasan urus niaga pihak berkaitan .....	168
<b>10.</b>	<b>KONFLIK KEPENTINGAN .....</b>	<b>170</b>
10.1	Kepentingan dalam perniagaan dan perbadanan yang menjalankan perdagangan yang serupa dengan Kumpulan kami atau yang merupakan pelanggan atau pembekal kami .....	170
10.2	Pengakuan oleh penasihat mengenai konflik kepentingan .....	170
<b>11.</b>	<b>MAKLUMAT KEWANGAN .....</b>	<b>171</b>
11.1	Maklumat kewangan lampau .....	171
11.2	Permodalan dan keterhutangan .....	175
11.3	Perbincangan dan analisis pengurusan mengenai keadaan kewangan dan keputusan operasi .....	175
11.4	Kecairan dan sumber modal .....	208
11.5	Maklumat trend .....	228
11.6	Perubahan signifikan .....	229
11.7	Buku pesanan .....	229
11.8	Dasar dividen .....	229
11.9	Laporan Akauntan Melapor mengenai Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan .....	231
<b>12.</b>	<b>LAPORAN AKAUNTAN .....</b>	<b>242</b>

**JADUAL KANDUNGAN (SAMBUNGAN)**

<b>13. MAKLUMAT TAMBAHAN .....</b>	<b>328</b>
13.1 Petikan Perlembagaan kami .....	328
13.2 Batasan ke atas hak memiliki sekuriti dan/atau melaksanakan hak mengundi.....	336
13.3 Modal saham .....	336
13.4 Kawalan pertukaran .....	337
13.5 Kontrak material .....	337
13.6 Pengambilalihan awam .....	338
13.7 Persetujuan .....	338
13.8 Dokumen tersedia untuk pemeriksaan .....	338
13.9 Penyata tanggungjawab .....	339
<b>14. RINGKASAN TACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN .....</b>	<b>340</b>
14.1 Pembukaan dan penutupan Permohonan .....	340
14.2 Kaedah Permohonan .....	340
14.3 Kelayakan .....	341
14.4 Tatacara permohonan melalui cara Borang Permohonan .....	342
14.5 Permohonan melalui cara Permohonan Saham Elektronik .....	343
14.6 Permohonan melalui cara Permohonan Saham Internet .....	344
14.7 Kuasa Lembaga dan Rumah Terbitan kami .....	344
14.8 Lebihan/kurang langganan .....	345
14.9 Pemohon yang tidak berjaya/berjaya separa .....	345
14.10 Pemohon yang berjaya .....	347
14.11 Pertanyaan .....	347
<b>LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI .....</b>	<b>A-1</b>
<b>LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI .....</b>	<b>B-1</b>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

## PEMBENTANGAN MAKLUMAT

---

Semua rujukan kepada “Syarikat kami” atau “Northeast” dalam Prospektus ini adalah kepada Northeast Group Berhad. Semua rujukan kepada “Kumpulan kami” atau “Kumpulan Northeast” dalam Prospektus ini adalah kepada Syarikat kami dan anak-anak syarikat kami secara kolektif. Semua rujukan kepada “kami” dan “diri kami” dalam Prospektus ini adalah kepada Syarikat kami dan jika konteks memerlukan selainnya, akan termasuk anak-anak syarikat kami. Melainkan konteks memerlukan sebaliknya, rujukan kepada “Pengurusan” dalam Prospektus ini adalah kepada Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami pada tarikh Prospektus ini, dan kenyataan berhubung dengan kepercayaan, jangkaan, anggaran dan pendapat kami ialah kenyataan daripada Pengurusan kami.

Semua rujukan kepada “anda” adalah kepada bakal pelabur kami.

Semua rujukan kepada “LPD” dalam Prospektus ini adalah kepada 30 Ogos 2024, iaitu tarikh boleh laksana akhir sebelum pendaftaran Prospektus ini dengan Bursa Securities.

Singkatan dan akronim lain yang digunakan dalam Prospektus ini ditakrifkan dalam seksyen “Definisi” dan istilah teknikal yang digunakan dalam Prospektus ini ditakrifkan dalam seksyen “Glosari Istilah Teknikal”. Perkataan yang menunjukkan mufrad hendaklah, di mana berkenaan, termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya dan perkataan yang menunjukkan jantina maskulin hendaklah, di mana berkenaan, termasuk jantina feminin dan/atau neuter dan begitu sebaliknya. Sebarang rujukan kepada orang hendaklah, di mana berkenaan, termasuk syarikat dan perbadanan.

Sebarang rujukan dalam Prospektus ini kepada mana-mana peruntukan dalam statut, peraturan, kawal selia, enakmen atau syarat bursa saham hendaklah (di mana konteks mengakui), ditafsirkan sebagai rujukan kepada peruntukan statut, peraturan, kawal selia, enakmen atau syarat bursa saham tersebut (mengikut keadaan) sebagaimana yang diubah suai oleh mana-mana undang-undang bertulis atau (jika berkenaan) pindaan atau enakmen semula kepada statut, peraturan, kawal selia, enakmen atau syarat bursa saham yang berkuat kuasa buat masa ini.

Semua rujukan kepada masa dan tarikh dalam Prospektus ini ialah rujukan kepada masa dan tarikh di Malaysia, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Perkataan “kira-kira” yang digunakan dalam Prospektus ini menunjukkan bahawa nombor itu bukan nombor yang tepat, tetapi nombor itu biasanya dibundarkan kepada ribu, juta atau 2 perpuluhan terdekat. Amaun dan angka peratusan tertentu yang termasuk dalam Prospektus ini telah tertakluk kepada pelarasan pembundaran. Oleh itu, sebarang percanggahan dalam jadual atau carta antara amaun yang tersenarai dan jumlahnya dalam Prospektus ini adalah disebabkan oleh pelarasan pembundaran.

Prospektus ini mengandungi data statistik yang disediakan oleh kami dan pelbagai pihak ketiga dan memetik unjuran pihak ketiga berhubung dengan pertumbuhan dan prestasi industri di mana kami beroperasi serta anggaran bahagian pasaran kami dalam industri di mana kami beroperasi. Data ini diambil atau diperolehi daripada maklumat yang diterbitkan oleh sumber industri dan daripada data dalaman kami. Dalam setiap hal tersebut, sumber dinyatakan dalam Prospektus ini, jika sumber tidak dinyatakan, boleh diandaikan bahawa maklumat tersebut berasal daripada kami atau dipetik daripada Laporan Penyelidikan Pasaran Bebas (“**Laporan IMR**”) yang disediakan oleh Smith Zander International Sdn Bhd (“**SMITH ZANDER**”), iaitu penyelidik pasaran bebas, seperti yang dimasukkan dalam Seksyen 7 Prospektus ini. Ketika menyusun data mereka bagi semakan, SMITH ZANDER telah bergantung pada kaedah penyelidikannya, sumber industri, bahan tersiar, bank data persendirian mereka dan hubungan langsung dalam industri. Selanjutnya, unjuran pihak ketiga, termasuk unjuran daripada Laporan IMR, yang dinyatakan dalam Prospektus ini adalah tertakluk kepada ketidakpastian yang boleh menyebabkan data sebenar berbeza secara material daripada angka yang diunjurkan. Kami tidak dapat memberi jaminan bahawa angka yang diunjurkan akan dicapai dan anda tidak seharusnya membuat pergantungan tidak wajar ke atas data statistik dan unjuran pihak ketiga yang dinyatakan dalam Prospektus ini.

**PEMBENTANGAN MAKLUMAT (*SAMBUNGAN*)**

---

Jika terdapat sebarang percanggahan atau ketidaktekalan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia bagi Prospektus ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Maklumat pada laman web kami atau mana-mana laman web, secara langsung atau tidak langsung, dihubungkan kepada laman web sedemikian tidak membentuk sebahagian daripada Prospektus ini dan anda tidak harus bergantung pada maklumat tersebut untuk tujuan membuat keputusan anda sama ada untuk melabur atau tidak dalam Saham kami. Selanjutnya, jika terdapat sebarang percanggahan antara kandungan laman web tersebut yang berkaitan dengan Kumpulan kami dan Prospektus ini, maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini akan diguna pakai.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

**KENYATAAN MEMANDANG KE HADAPAN**

---

Prospektus ini mengandungi kenyataan memandang ke hadapan. Semua kenyataan selain daripada kenyataan fakta-fakta masa lampau yang dimasukkan dalam Prospektus ini, termasuk, tanpa batasan, yang berkaitan dengan kedudukan kewangan, strategi perniagaan, rancangan atau prospek kami ialah kenyataan memandang ke hadapan. Kenyataan memandang ke hadapan sedemikian melibatkan risiko diketahui dan tidak diketahui, ketidaktentuan dan faktor-faktor lain yang boleh menyebabkan keputusan, prestasi atau pencapaian sebenar kami atau keputusan industri menjadi berbeza secara material daripada keputusan, prestasi atau pencapaian, atau keputusan industri masa hadapan yang dinyatakan atau tersirat dalam kenyataan memandang ke hadapan sedemikian. Kenyataan memandang ke hadapan sedemikian adalah berdasarkan pelbagai andaian berhubung dengan strategi perniagaan semasa dan masa hadapan kami dan persekitaran di mana kami akan beroperasi pada masa hadapan. Kenyataan memandang ke hadapan sedemikian menggambarkan pandangan semasa kami berkaitan dengan peristiwa masa hadapan dan bukan jaminan kepada prestasi masa hadapan.

Kenyataan memandang ke hadapan boleh dikenal pasti dengan penggunaan terminologi memandang ke hadapan seperti perkataan “jangka”, “percaya”, “rancang”, “sasar”, “hasrat”, “anggar”, “ramal”, “mungkin”, “akan”, “unjur” dan “boleh” atau ungkapan serupa dan termasuk semua kenyataan yang bukan merupakan fakta sejarah. Kenyataan memandang ke hadapan tersebut termasuk, tanpa batasan, kenyataan yang berkaitan dengan:

- (i) persekitaran industri umum, termasuk permintaan untuk dan pembekalan produk kami;
- (ii) rancangan pembangunan dan operasi perniagaan keseluruhan masa hadapan kami;
- (iii) strategi perniagaan, trend dan kedudukan daya saing kami dan kesan persaingan sedemikian;
- (iv) potensi peluang pertumbuhan;
- (v) prestasi kewangan dan rancangan pembiayaan kami termasuk perolehan, aliran tunai dan kecairan kami pada masa depan; dan
- (vi) persekitaran kawal selia dan kesan peraturan pada masa depan.

Faktor-faktor yang boleh menyebabkan keputusan, prestasi atau pencapaian sebenar kami berbeza secara material daripada yang dinyatakan atau tersirat dalam kenyataan memandang ke hadapan dalam Prospektus ini termasuk yang dibincangkan dalam Seksyen 8 Prospektus ini mengenai “Faktor Risiko” dan Seksyen 11.3 Prospektus ini mengenai “Perbincangan dan Analisis Pengurusan mengenai Keadaan Kewangan dan Keputusan Operasi”. Kami tidak dapat memberi sebarang jaminan bahawa kenyataan memandang ke hadapan yang dibuat dalam Prospektus ini akan direalisasikan. Kenyataan memandang ke hadapan tersebut dibuat berdasarkan maklumat yang tersedia kepada kami pada LPD dan dibuat hanya pada LPD.

Sekiranya kami menyedari tentang apa-apa perubahan atau perkembangan signifikan selepas ini yang akan mempengaruhi perkara yang didedahkan dalam Prospektus ini yang timbul dari tarikh pendaftaran Prospektus ini tetapi sebelum tarikh peruntukkan/pemindahan Saham IPO kami, kami akan menerbitkan prospektus tambahan atau gantian, mengikut keadaan, menurut peruntukan Seksyen 238(1) CMSA dan Perenggan 1.02, Bab 1 Bahagian II (Divisyen 6) Garis Panduan Prospektus (Prospektus Tambahan dan Gantian).

**DEFINISI**

Melainkan konteks memerlukan sebaliknya, definisi yang berikut hendaklah dipakai pada seluruh Prospektus ini:

ADA	: Ejen Depositori Bertauliah
Affin Hwang IB, Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal atau Penaja jamin Tunggal	: Affin Hwang Investment Bank Berhad (No. Pendaftaran 197301000792 (14389-U))
Akaun CDS	: Akaun yang diwujudkan oleh Bursa Depository untuk pendeposit merekodkan deposit atau pengeluaran sekuriti dan mengurus niaga dalam sekuriti tersebut
Akta	: Akta Syarikat 2016
ATM	: Mesin teler automatik
BLR	: Kadar Pinjaman Asas
Borang Permohonan	: Borang permohonan untuk permohonan Saham Terbitan kami yang mengiringi Prospektus ini
Bursa Depository	: Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (No. Pendaftaran 198701006854 (165570-W))
Bursa Securities	: Bursa Malaysia Securities Berhad (No. Pendaftaran 200301033577 (635998-W))
CAGR	: Kadar pertumbuhan tahunan kompaun
CCC	: Sijil penyiapan dan pematuhan
CDS	: Sistem Depositori Pusat
CF	: Sijil Kelayakan
CMSA	: Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007
COA	: Perakuan Penginapan
COVID-19	: Penyakit Coronavirus 2019
E&E	: Elektrik dan elektronik
EBITDA	: Perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan
EIS	: Sistem Insurans Pekerja
EPF	: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
EPS	: Perolehan setiap saham

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

ESG	:	Alam sekitar, sosial dan tadbir urus
FPE	:	Tempoh kewangan berakhir 31 Mei
FYE	:	Tahun kewangan berakhir/akan berakhir 30 September, menurut yang mana berkenaan
GP	:	Untung kasar
Harga IPO	:	RM0.50 bagi setiap Saham IPO
Hari Pasaran	:	Hari di mana Bursa Securities dibuka untuk dagangan sekuriti, yang boleh termasuk cuti mengejut (iaitu hari yang diisytiharkan sebagai cuti umum yang tidak diwartakan sebagai cuti umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada awal tahun kalendar)
HMLV	:	Campuran tinggi volum rendah
IMR atau SMITH ZANDER	:	Smith Zander International Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201301028298 (1058128-V))
Institusi Kewangan Dibenarkan	:	Institusi kewangan dibenarkan yang mengambil bahagian dalam Permohonan Saham Internet berkenaan dengan pembayaran untuk Saham Terbitan kami
Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian	:	Institusi kewangan yang mengambil bahagian untuk Permohonan Saham Elektronik, sebagaimana disenaraikan dalam Seksyen 14.5 Prospektus ini
Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet	:	Institusi kewangan yang mengambil bahagian dalam Permohonan Saham Internet, sebagaimana yang disenaraikan dalam Seksyen 14.6 Prospektus ini
IPO	:	Secara kolektif, tawaran awam permulaan Saham IPO kami yang merangkumi Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan
Kehendak Penyenaraian	:	Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Securities
Kilang 1	:	Sebuah bangunan kilang dua tingkat ditambah dengan bangunan pejabat dua tingkat yang didirikan di atas tanah perindustrian pegangan pajak yang dikenali sebagai Lot 21062 (dahulunya dikenali sebagai Lot 521), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah PM 460 (dahulunya dikenali sebagai PM 65) yang terletak di 1088 Jalan Juru, Kawasan Perindustrian Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
Kilang 2	:	Sebuah bangunan kilang satu tingkat ditambah dengan bangunan pejabat dua tingkat yang didirikan di atas tanah perindustrian pegangan pajak yang dikenali sebagai PT 181, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah HSD 16517 dan Lot 20460, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang dipegang di bawah PN 10893 yang terletak di 868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

Kilang 3	:	Sebuah bangunan kilang dua tingkat dengan bangunan pejabat 3 tingkat ditambah dengan bangunan kilang dua tingkat dengan gudang didirikan di atas tanah pegangan pajak yang dikenali sebagai Lot 7703, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah PN 10420 yang terletak di 1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1, Taman IKS Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
Kilang Baharu	:	Sebuah kilang 2 tingkat dengan tempat letak kereta bawah tanah 1 tingkat yang dicadangkan untuk dibina di Lot 1143
kps	:	Kaki persegi
Kumpulan Northeast atau Kumpulan	:	Secara kolektif, Syarikat dan anak-anak syarikat kami
Laporan IMR	:	Laporan Penyelidikan Pasaran Bebas yang disediakan oleh SMITH ZANDER
Lembaga	:	Lembaga Pengarah Syarikat kami
Lot 1143	:	Sebidang tanah kosong pegangan kekal dikenali sebagai Lot 1143, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang dipegang di bawah GM 603
Lot 1368	:	Sebidang tanah kosong pegangan kekal dikenali sebagai Lot 1368, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang dipegang di bawah GM 788
Lot 20449	:	Sebuah banglo kilang industri ringan dua tingkat yang didirikan di atas tanah pegangan kekal yang dikenali sebagai Lot 20449, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang dipegang di bawah GM2255, yang terletak di 8, Lorong Industri Ringan 4, Kawasan Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang
LPD	:	30 Ogos 2024, iaitu tarikh boleh laksana akhir sebelum pendaftaran Prospektus ini dengan Bursa Securities
MBSP	:	Majlis Bandaraya Seberang Prai
MCCG	:	Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia
MCO	:	Perintah Kawalan Pergerakan di seluruh negara yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967 sebagai langkah untuk membendung penularan wabak COVID-19
Mesin CNC	:	Mesin Kawalan Berangka Komputer
MFRS	:	Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
MIDA	:	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MITI	:	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri Malaysia
Mountain Range	:	Mountain Range Sdn Bhd (No. Pendaftaran 202201038646 (1484343-M))



**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

mps	:	Meter persegi
MyIPO	:	Perbadanan Harta Intelek Malaysia
N/A	:	Tidak berkenaan
NA	:	Aset bersih
NBV	:	Nilai buku bersih
Northeast atau Syarikat	:	Northeast Group Berhad (No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P))
Orang Awam Malaysia	:	Warganegara Malaysia, syarikat, persatuan, koperasi dan institusi yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia
Orang yang Layak	:	Pengarah, kakitangan dan sekutu perniagaan yang layak yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami
Pasaran ACE	:	Pasaran ACE Bursa Securities
PAT	:	Untung selepas cukai
PBT	:	Untung sebelum cukai
PDC	:	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Pelabur Terpilih	:	iaitu pelabur yang memenuhi syarat keperluan pelabur sofistikated dalam Garis Panduan Kategori Pelabur Sofistikated yang dikeluarkan oleh SC dan melanggan Saham IPO kami melalui penempatan persendirian
Pemegang Saham Menjual	:	Pemegang Saham Menjual menurut Tawaran untuk Jualan iaitu, Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean, Ng Chai Hee, Ng Meng Hang, Tang Ah Lek dan Yin Thien Hee, yang mana butiran mereka dibentangkan dalam Seksyen 3.3.2 Prospektus ini
Pemegang Saham Moratorium Sukarela	:	Secara kolektif, Ng Meng Hang, Tang Ah Lek dan Yin Thien Hee
Pemegang Saham Tertentu	:	Pemegang saham tertentu Northeast ialah Mountain Range, Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean, Ng Chai Hee, Ng Ai Lee dan Chen Bun Chong
Pemerolehan	:	Secara kolektif, Pemerolehan NE Components, Pemerolehan NE Integrated, Pemerolehan NE Solutions, Pemerolehan NE Technologies dan Pemerolehan Northeast Precision
Pemerolehan NE Components	:	Pemerolehan keseluruhan modal saham terbitan NE Components oleh Northeast daripada Ng Chay Chin, Yin Thien Hee, Chong Ewe Hean, Ng Meng Hang dan Ng Chai Hee untuk pertimbangan belian sebanyak RM31,630,700, yang telah dijelaskan sepenuhnya melalui penerbitan 126,522,800 Saham baharu pada harga terbitan sebanyak RM0.25 setiap Saham. Pemerolehan NE Components telah diselesaikan pada 5 Januari 2024

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

Pemerolehan NE Integrated	: Pemerolehan keseluruhan modal saham terbitan NE Integrated oleh Northeast daripada Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean, Huang HongHui dan Ng Chai Hee untuk pertimbangan belian sebanyak RM19,602,900, yang telah dijelaskan sepenuhnya melalui penerbitan 78,411,600 Saham baharu pada harga terbitan sebanyak RM0.25 setiap Saham. Pemerolehan NE Integrated telah diselesaikan pada 5 Januari 2024
Pemerolehan NE Solutions	: Pemerolehan keseluruhan modal saham terbitan NE Solutions oleh Northeast daripada Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean untuk pertimbangan belian sebanyak RM2,468,100, yang telah dijelaskan sepenuhnya melalui penerbitan 9,872,400 Saham baharu pada harga terbitan sebanyak RM0.25 setiap Saham. Pemerolehan NE Solutions telah diselesaikan pada 5 Januari 2024
Pemerolehan NE Technologies	: Pemerolehan keseluruhan modal saham terbitan NE Technologies oleh Northeast daripada Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean, Ng Meng Hang, Tang Ah Lek dan Ng Chai Hee untuk pertimbangan belian sebanyak RM15,121,500, yang telah dijelaskan sepenuhnya melalui penerbitan 60,486,000 Saham baharu pada harga terbitan sebanyak RM0.25 setiap Saham. Pemerolehan NE Technologies telah diselesaikan pada 5 Januari 2024
Pemerolehan Northeast Precision	: Pemerolehan keseluruhan modal saham terbitan Northeast Precision oleh Northeast daripada Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean, Ng Meng Hang dan Tang Ah Lek untuk pertimbangan belian sebanyak RM73,929,300, yang telah dijelaskan sepenuhnya melalui penerbitan 295,717,200 Saham baharu pada harga terbitan sebanyak RM0.25 setiap Saham. Pemerolehan Northeast Precision telah diselesaikan pada 5 Januari 2024
Pendaftar Saham	: Boardroom Share Registrars Sdn Bhd (No. Pendaftaran 199601006647 (378993-D))
Penerimaan masuk	: Penerimaan masuk Saham kami ke Senarai Rasmi
Pengarah	: Pengarah Syarikat kami dan hendaklah mempunyai maksud yang diberikan dalam Seksyen 2 CMSA
Pengurusan Kanan Penting	: Pengurusan Kanan Penting Kumpulan kami, termasuk Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif dan mereka seperti yang dibentangkan dalam Seksyen 4.5 Prospektus ini
Penyenaraian	: Penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan diperbesar Northeast di Pasaran ACE
Peraturan Bursa Depository	: Peraturan Bursa Depository sebagaimana diterbitkan di bawah SICDA
Perisian CAD	: Perisian reka bentuk berbantuan komputer
Perisian CAM	: Perisian pembuatan berbantuan komputer
Perjanjian Taja Jamin	: Perjanjian taja jamin bertarikh 3 September 2024 yang dimeterai antara Syarikat kami dan Penaja Jamin Tunggal kami untuk tujuan IPO
Perlembagaan	: Perlembagaan Syarikat kami

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

Permohonan	: Permohonan untuk Saham Terbitan kami melalui cara Borang Permohonan, Permohonan Saham Elektronik atau Permohonan Saham Internet
Permohonan Saham Elektronik	: Permohonan bagi Saham Terbitan kami melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian
Permohonan Saham Internet	: Permohonan untuk Saham Terbitan kami melalui Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet
Peruntukan Borang Merah Jambu	: 29,600,000 Saham Terbitan tersedia untuk permohonan oleh Orang yang Layak
Promoter	: Promoter Northeast, iaitu Mountain Range, Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean, yang mana butiran mereka dibentangkan dalam Seksyen 4.1 Prospektus ini
Prospektus	: Prospektus ini yang bertarikh 26 September 2024 berhubung dengan IPO kami
Prospektus Elektronik	: Salinan Prospektus ini yang dikeluarkan, diedarkan, diagihkan, disimpan atau dihoskan pada platform digital atau medium storan elektronik, termasuk tetapi tidak terhad kepada laman web, aplikasi mudah alih, e-mel, cakera padat, pemacu ibu jari dan storan berasaskan awan
QA & QC	: Jaminan Kualiti dan Kawalan Kualiti
R&D	: Penyelidikan dan Pembangunan
Rumah Terbitan	: Malaysian Issuing House Sdn Bhd (No. Pendaftaran 199301003608 (258345-X))
SAC	: Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Saham IPO	: Secara kolektif, Saham Terbitan dan Saham Tawaran
Saham Northeast atau Saham	: Saham biasa dalam Syarikat kami
Saham Tawaran	: 51,800,000 Saham sedia ada yang akan ditawarkan oleh Pemegang Saham Menjual kami menurut Tawaran untuk Jualan
Saham Terbitan	: 168,989,000 Saham baharu yang akan diterbitkan menurut Terbitan Awam
SC	: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
Senarai Rasmi	: Senarai yang menyatakan semua sekuriti yang tersenarai di Bursa Securities
SICDA	: Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 Malaysia
SOCOSO	: Pertubuhan Keselamatan Sosial
Tahun Kewangan Dalam Semakan	: Secara kolektif, FYE 2021, FYE 2022 dan FYE 2023

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

Tawaran untuk Jualan	: Tawaran untuk Jualan Saham Tawaran pada Harga IPO oleh Pemegang Saham Menjual kami
Tempoh Kewangan Dalam Semakan	: Secara kolektif, FPE 2023 dan FPE 2024
Tempoh Moratorium	: Tempoh moratorium selama 6 bulan yang akan dikenakan ke atas penjualan, pemindahan atau penyerahan hak Saham kami yang dipegang oleh Pemegang Saham Tertentu kami dari tarikh Penerimaan Masuk kami, menurut Peraturan 3.19(1A)(b) Kehendak Penyenaraian
Terbitan Awam	: Terbitan Awam sebanyak 168,989,000 Saham Terbitan pada Harga IPO merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) 37,000,000 Saham Terbitan tersedia untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia;</li> <li>(ii) 29,600,000 Saham Terbitan tersedia untuk Orang yang Layak;</li> <li>(iii) 61,689,000 Saham Terbitan melalui cara penempatan persendirian kepada Pelabur Terpilih; dan</li> <li>(iv) 40,700,000 Saham Terbitan melalui cara penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI.</li> </ul>
UK	: United Kingdom
USA	: Amerika Syarikat

**ANAK-ANAK SYARIKAT KAMI**

NE Components	: NE Components Sdn Bhd (No. Pendaftaran 200901020646 (863743-W))
NE Integrated	: NE Integrated Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201201003919 (977444-P))
NE Solutions	: NE Solutions Sdn Bhd (No. Pendaftaran 201501018590 (1143922-K))
NE Technologies	: NE Technologies Sdn Bhd (No. Pendaftaran 200601024605 (744359-T))
Northeast Precision	: Northeast Precision Sdn Bhd (No. Pendaftaran 200401019379 (657883-H))

**MATA WANG**

Euro	: Euro, mata wang sah Kesatuan Eropah
GBP	: Great Britain Pound, mata wang sah UK
RM dan sen	: Ringgit Malaysia dan sen, mata wang sah Malaysia
SGD	: Dolar Singapura, mata wang sah Singapura
USD	: Dolar Amerika Syarikat, mata wang sah USA

---

## DEFINISI (SAMBUNGAN)

---

### PELANGGAN DAN PEMBEKAL KAMI

#### Pelanggan

Kumpulan syarikat Pelanggan A : Pelanggan A merupakan sekumpulan syarikat yang terdiri daripada 2 buah syarikat diperbadankan di USA ("**Syarikat A1**" dan "**Syarikat A2**"), sebuah syarikat diperbadankan di Rusia ("**Syarikat A3**"), sebuah syarikat diperbadankan di Jerman ("**Syarikat A4**"), dan sebuah syarikat diperbadankan di Itali ("**Syarikat A5**"), yang terlibat terutamanya dalam pembangunan, pembuatan dan penjualan komponen fotonik seperti laser gentian, amplifler gentian dan laser diod.

Syarikat A2, Syarikat A3, Syarikat A4 dan Syarikat A5 adalah syarikat berkaitan Syarikat A1, yang tersenarai di Pasaran Saham Nasdaq.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti kumpulan syarikat Pelanggan A berdasarkan perjanjian kerahsiaan dan ketidakeddahan bersama yang dilaksanakan dengan Syarikat A1, yang mengandungi klausa ketidakeddahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan kumpulan syarikat Pelanggan A tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Syarikat A1.

Kumpulan syarikat Pelanggan B : Pelanggan B merupakan sekumpulan syarikat yang terdiri daripada sebuah syarikat yang diperbadankan di UK ("**Syarikat B1**"), sebuah syarikat yang diperbadankan di China ("**Syarikat B2**"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Poland ("**Syarikat B3**"), dan sebuah syarikat yang diperbadankan di USA ("**Syarikat B4**"), yang terlibat terutamanya dalam pembekalan peralatan mesin fotonik, peralatan laser dan elektronik untuk aplikasi industri.

Syarikat B1, Syarikat B2, Syarikat B3 dan Syarikat B4 tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti kumpulan syarikat Pelanggan B berdasarkan perjanjian pendedahan sulit serta perjanjian kerahsiaan dan tidak digunakan yang dilaksanakan dengan Syarikat B1 dan Syarikat B2, masing-masing kerana perjanjian ini mengandungi klausa ketidakeddahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan kumpulan syarikat Pelanggan B tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Syarikat B1.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**


---

- Kumpulan syarikat Pelanggan C : Pelanggan C merupakan sekumpulan syarikat yang terdiri daripada sebuah syarikat yang diperbadankan di Jerman ("**Syarikat C1**"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura ("**Syarikat C2**"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia ("**Syarikat C3**"), dan sebuah syarikat yang diperbadankan di UK ("**Syarikat C4**"), yang terlibat terutamanya dalam pembuatan peralatan semikonduktor dan peralatan teknologi pelekap permukaan.
- Syarikat C1, Syarikat C2, Syarikat C3 dan Syarikat C4 dipegang oleh sebuah syarikat induk yang diperbadankan di Kepulauan Cayman, yang tersenarai di Bursa Saham Hong Kong.
- Kami tidak dapat mendedahkan identiti kumpulan syarikat Pelanggan C berdasarkan perjanjian ketidakeddahan yang dilaksanakan dengan Syarikat C2, yang mengandungi klausa ketidakeddahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan kumpulan syarikat Pelanggan C tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Syarikat C2.
- Pelanggan D : Pelanggan D merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di Thailand, yang terlibat terutamanya dalam penyediaan pengilangan optik ketepatan, elektro-mekanikal dan elektronik untuk pengeluar peralatan asal komponen komunikasi optik, modul dan subsistem, laser industri dan penderia.
- Pelanggan D ialah anak syarikat sebuah syarikat yang diperbadankan di Kepulauan Cayman, yang tersenarai di Bursa Saham New York.
- Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pelanggan D berdasarkan perjanjian ketidakeddahan bersama yang dilaksanakan dengan Pelanggan D yang mengandungi klausa ketidakeddahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan Pelanggan D tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pelanggan D.
- Kumpulan syarikat Pelanggan E : Pelanggan E merupakan sekumpulan syarikat yang terdiri daripada sebuah syarikat yang diperbadankan di USA ("**Syarikat E1**"), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia ("**Syarikat E2**") dan sebuah syarikat yang diperbadankan di Hungary ("**Syarikat E3**"), yang terlibat terutamanya dalam penyediaan penyelesaian sistem ujian dan pengukuran automatik untuk pelbagai industri termasuk industri telekomunikasi.
- Syarikat E1, Syarikat E2 dan Syarikat E3 dipegang oleh sebuah syarikat induk yang diperbadankan di USA, yang tersenarai di Bursa Saham New York.
- Kami tidak dapat mendedahkan identiti kumpulan syarikat Pelanggan E berdasarkan perjanjian untuk melindungi maklumat yang dilaksanakan dengan Syarikat E2 yang mengandungi klausa ketidakeddahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan kumpulan syarikat Pelanggan E tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Syarikat E2.

---

## DEFINISI (SAMBUNGAN)

---

Kumpulan syarikat Pelanggan F : Pelanggan F merupakan sekumpulan syarikat yang terdiri daripada sebuah syarikat yang diperbadankan di Switzerland ("**Syarikat F1**") dan sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia ("**Syarikat F2**"), yang terlibat terutamanya dalam pembuatan injap vakum, unit berbilang injap, modul vakum dan belon logam dikimpal tepi untuk pelbagai industri, termasuk industri semikonduktor.

Syarikat F1 dan Syarikat F2 dipegang oleh sebuah syarikat induk yang diperbadankan di Switzerland, yang tersenarai di Bursa Swiss SIX.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti kumpulan syarikat Pelanggan F berdasarkan perjanjian ketidakterbukaan yang dilaksanakan dengan Syarikat F2 kerana perjanjian ini mengandungi klausa ketidakterbukaan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan kumpulan syarikat Pelanggan F tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Syarikat F2.

Kumpulan syarikat Pelanggan G : Pelanggan G merupakan sekumpulan syarikat yang terdiri daripada sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura ("**Syarikat G1**") dan sebuah syarikat yang diperbadankan di Sweden ("**Syarikat G2**"), yang terlibat terutamanya dalam pembekalan bahagian mekanikal dan sub-pemasangan tersuai untuk pelbagai industri, termasuk industri semikonduktor.

Syarikat G1 dan Syarikat G2 tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti kumpulan syarikat Pelanggan G berdasarkan perjanjian pendedahan sulit yang dilaksanakan dengan Syarikat G1 kerana perjanjian ini mengandungi klausa ketidakterbukaan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan kumpulan syarikat Pelanggan G tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Syarikat G1.

### Pembekal

Pembekal A : Pembekal A ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat terutamanya dalam perdagangan busbar tembaga, pita dan produk tembaga lain, pembuatan dan perdagangan bahan pembumian dan kilat, serta perdagangan produk elektronik lain.

Pembekal A tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pembekal A kerana kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pembekal A.

---

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

---

Pembekal B : Pembekal B ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang, melalui anak syarikatnya, terlibat terutamanya dalam pembuatan dan perdagangan penyemperitan aluminium serta produk aluminium lain.

Pembekal B tersenarai di Pasaran Utama Bursa Securities.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pembekal B kerana kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pembekal B.

Pembekal C : Pembekal C ialah hak milik tunggal yang berdaftar di Malaysia yang terlibat terutamanya dalam penyediaan pemesinan CNC, kemasan permukaan serta perkhidmatan fabrikasi logam dan plastik.

Pembekal C tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pembekal C berdasarkan perjanjian ketidakdedahan bersama yang dilaksanakan dengan Pembekal C, yang mengandungi klausa ketidakdedahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan Pembekal C tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pembekal C.

Pembekal D : Pembekal D ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat terutamanya dalam penyediaan perkhidmatan kejuruteraan logam.

Pembekal D tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pembekal D berdasarkan perjanjian ketidakdedahan bersama yang dilaksanakan dengan Pembekal D, yang mengandungi klausa ketidakdedahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan Pembekal D tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pembekal D.

Pembekal E : Pembekal E ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat terutamanya dalam perdagangan keluli, keluli tahan karat, loyang dan aluminium, antara lain.

Pembekal E tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pembekal E berdasarkan perjanjian ketidakdedahan bersama yang dilaksanakan dengan Pembekal E, yang mengandungi klausa ketidakdedahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan Pembekal E tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pembekal E.



---

**DEFINISI (SAMBUNGAN)**

---

Pembekal F : Pembekal F ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat terutamanya dalam penyediaan perkhidmatan pemesinan ketepatan dan pemasangan bahagian.

Pembekal F tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pembekal F berdasarkan perjanjian ketidakdedahan bersama yang dilaksanakan dengan Pembekal F, yang mengandungi klausa ketidakdedahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan Pembekal F tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pembekal F.

Pembekal G : Pembekal G ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia yang terlibat terutamanya dalam pembuatan komponen logam dan bahagian berkaitan.

Pembekal G tidak tersenarai di mana-mana bursa saham.

Kami tidak dapat mendedahkan identiti Pembekal G berdasarkan perjanjian ketidakdedahan bersama yang dilaksanakan dengan Pembekal G, yang mengandungi klausa ketidakdedahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan Pembekal G tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Kebenaran bertulis terlebih dahulu yang diminta oleh kami untuk mendedahkan namanya dalam Prospektus tidak diberikan oleh Pembekal G.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

**GLOSARI ISTILAH TEKNIKAL**


---

Glosari ini mengandung penerangan mengenai istilah tertentu yang digunakan pada keseluruhan Prospektus ini berhubung dengan dan dalam konteks perniagaan kami. Terminologi dan maksud bagi istilah ini mungkin tidak sama dengan penggunaan standard industri.

Amplifier	:	Peranti yang digunakan untuk meningkatkan voltan, arus atau kuasa isyarat
Fotodiod	:	Komponen yang menukarkan cahaya kepada arus elektrik
Fotonik	:	Teknologi penjanaan, pengesanan dan manipulasi cahaya untuk pelbagai tujuan seperti komunikasi, pengimejan dan penderiaan
Frekuensi radio	:	Satu bentuk tenaga elektromagnet yang menghasilkan gelombang radio yang membolehkan komunikasi tanpa wayar
Grafit	:	Satu bentuk karbon yang biasa digunakan sebagai kemasan permukaan untuk mencapai fungsi tertentu seperti mengurangkan geseran, mengalirkan elektrik, menahan kakisan dan menahan suhu tinggi
Kamera optik industri	:	Peranti pengimejan yang digunakan dalam aplikasi industri seperti pemeriksaan visual dan pemantauan proses pengeluaran
Kebolehpaterian	:	Keupayaan permukaan bahan untuk diikat oleh pateri untuk membentuk sambungan mekanikal dan elektrik yang boleh dipercayai
Kemasan oksida anod	:	Salutan anod yang dicipta melalui proses elektrolitik untuk membentuk lapisan pelindung pada permukaan logam
Kepala	:	Peranti yang terdiri daripada satu atau lebih baris pin yang diacu pada tapak plastik yang bertindak sebagai antara muka untuk membenarkan sambungan wayar dan komponen luaran
Kromat	:	Sebatian kimia yang diperolehi daripada kromium yang biasa digunakan sebagai kemasan permukaan untuk mendapatkan rupa hiasan atau fungsi tertentu seperti menahan kakisan dan mengalirkan elektrik
Larutan elektrolit	:	Larutan yang mempunyai keupayaan untuk mengalirkan elektrik dan biasanya digunakan dalam proses elektrolitik
Laser gentian	:	Sejenis laser yang menggunakan gentian optik sebagai medium penguat untuk menghasilkan pancaran cahaya yang stabil dan sempit yang mana cekap untuk aplikasi dalam pelbagai sektor, termasuk pembuatan, penjagaan kesihatan dan telekomunikasi
Mesin pembersihan ultrasonik	:	Peranti pembersihan yang menggunakan getaran untuk menghasilkan gelombang bunyi frekuensi tinggi dalam larutan untuk menghilangkan bahan cemar pada permukaan komponen

---

**GLOSARI ISTILAH TEKNIKAL (SAMBUNGAN)**


---

Mikron	: Satu unit panjang yang biasa digunakan untuk mengukur objek kecil. Satu mikron ialah seperseribu milimeter atau 0.001 milimeter
Nikel sulfamat	: Larutan yang digunakan dalam proses penyaduran untuk memendapkan nikel pada permukaan komponen untuk mencapai fungsi seperti menahan kakisan dan mengalirkan elektrik
Nikel tanpa elektrik	: Kemasan permukaan di mana lapisan nikel-fosforus dimendapkan pada permukaan komponen tanpa menggunakan arus elektrik
Optoelektronik	: Teknologi menggunakan sistem dan peranti elektronik untuk mengesan dan memanipulasi cahaya yang selalunya melibatkan interaksi cahaya dan isyarat elektronik
Pengedap kaca ke logam	: Pengedap kedap udara antara kaca dan logam yang mampu menahan persekitaran yang teruk (cth. suhu melampau, kelembapan, tekanan atau pendedahan kepada bahan kimia) sambil membenarkan pengaliran arus elektrik
Penyambung	: Peranti yang digunakan untuk menyambung litar elektrik
Perak di atas nikel	: Kemasan permukaan di mana lapisan perak dimendapkan pada permukaan komponen yang sebelum ini disalut dengan lapisan nikel
Proses elektrolitik	: Satu proses di mana komponen logam direndam dalam larutan elektrolit, dan melalui penggunaan arus elektrik, lapisan logam dimendapkan pada permukaan komponen logam untuk mencapai fungsi hiasan atau perlindungan
Rhodium	: Logam yang mampu menahan kakisan, meningkatkan ketahanan dan memberikan kemasan reflektif dan cerah apabila disalut pada permukaan komponen
Sinki haba	: Peranti yang digunakan untuk menyebarkan haba daripada peranti elektronik untuk mengelakkan panas yang keterlaluan
Teknologi pelekap permukaan	: Kaedah pemasangan dan pengeluaran di mana komponen dipasang terus ke permukaan papan litar bercetak
Terminal	: Komponen yang digunakan untuk memudahkan penyambungan wayar dan kabel

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

**DIREKTORI KORPORAT****LEMBAGA PENGARAH**

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Warganegara</b>	<b>Alamat</b>
Dato' Seri Lee Kah Choon	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia	961, Tingkat Aman 4 Teluk Air Tawar 13050 Butterworth Pulau Pinang
Ng Chay Chin	Pengarah Urusan	Malaysia	2, Jalan Bukit Minyak Permai 1 Taman Bukit Minyak Permai 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang
Chong Ewe Hean	Pengarah Eksekutif	Malaysia	119-08-3A, Putra Marine Resort Bayan Indah Sungai Nibong 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang
Dato' Faiza Binti Zulkifli (p)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia	51, Jalan Suarasa 4/1 Avenue 4 Lake Valley Bandar Tun Hussein Onn 43200 Cheras Selangor
Ong Kim Nam	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia	9-3-3, The Waterfront Persiaran Tanjung Bungah 11200 Tanjung Bungah Pulau Pinang
Ong Guat Ean (p)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Malaysia	3, Solok Jelutong 11600 George Town Pulau Pinang

**JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO**

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Jawatan Pengarah</b>
Ong Kim Nam	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Dato' Faiza Binti Zulkifli (p)	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Guat Ean (p)	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**DIREKTORI KORPORAT (SAMBUNGAN)****JAWATANKUASA PENCALONAN**

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Jawatan Pengarah</b>
Ong Guat Ean (p)	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Dato' Faiza Binti Zulkifli (p)	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Kim Nam	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

**JAWATANKUASA IMBUHAN**

<b>Nama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Jawatan Pengarah</b>
Dato' Faiza Binti Zulkifli (p)	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Guat Ean (p)	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Kim Nam	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Nota:

(p) merujuk kepada perempuan

**SETIAUSAHA SYARIKAT** : Ch'ng Lay Hoon  
Suite 12-A, Level 12, Menara Northam  
55 Jalan Sultan Ahmad Shah  
10050 George Town  
Pulau Pinang

No. Telefon : +604 228 0511  
Kelayakan : Institut Setiausaha dan Pentadbir profesional  
Bertauliah Malaysia ("MAICSA") (No. Keahlian MAICSA: 0818580 / SSM PC. No.: 201908000494)

**PEJABAT BERDAFTAR** : Suite 12-A, Level 12, Menara Northam  
55 Jalan Sultan Ahmad Shah  
10050 George Town  
Pulau Pinang

No. Telefon : +604 228 0511  
E-mel : general@enetcorsb.com

**IBU PEJABAT/ PEJABAT PENGURUSAN** : 1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1  
Taman IKS Bukit Minyak  
14100 Simpang Ampat  
Pulau Pinang

No. Telefon : +604 502 0303  
Laman web : www.northeast.my  
E-mel : info@northeast.my

---

**DIREKTORI KORPORAT (SAMBUNGAN)**

---

**PENASIHAT UTAMA, PENAJA,  
EJEN PENEMPATAN  
TUNGGAL DAN PENAJA  
JAMIN TUNGGAL** : Affin Hwang Investment Bank Berhad  
Level 33, Menara AFFIN  
Lingkar TRX  
Tun Razak Exchange  
55188 Kuala Lumpur

No. Telefon : +603 2142 3700

**JURUAUDIT DAN AKAUNTAN  
MELAPOR** : BDO PLT (201906000013 (LLP0018825-LCA) & AF 0206))  
Akauntan Bertauliah  
51-21-F, Menara BHL  
Jalan Sultan Ahmad Shah  
10050 Pulau Pinang

No. Telefon : +604 222 0149  
Rakan : Goh Chee Beng  
bertanggungjawab  
No. Kelulusan : 03535/11/2024 J  
Kelayakan : Akauntan Bertauliah,  
profesional Institut Akauntan Malaysia  
(No. Keahlian 43250)

**PEGUAM** : Wong Beh & Toh  
1<sup>st</sup> Floor, Nos. 173 & 174  
Jalan Kelab Cinta Sayang  
Taman Ria Jaya  
08000 Sungai Petani  
Kedah

No. Telefon : +604 442 9081

**PENYELIDIK PASARAN  
BEBAS** : Smith Zander International Sdn Bhd  
15-01, Level 15, Menara MBMR  
1 Jalan Syed Putra  
58000 Kuala Lumpur

No. Telefon : +603 2732 7537  
Rakan : Dennis Tan Tze Wen  
Pengurusan  
Kelayakan : Sarjana Muda Sains dari Memorial  
profesional University of Newfoundland, Kanada

*(Sila rujuk Seksyen 7 Prospektus ini bagi profil firma dan rakan penandatanganan)*

**PENDAFTAR SAHAM** : Boardroom Share Registrars Sdn Bhd  
11<sup>th</sup> Floor, Menara Symphony  
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim  
Seksyen 13  
46200 Petaling Jaya  
Selangor

No. Telefon : +603 7890 4700  
No. Faks : +603 7890 4670

**DIREKTORI KORPORAT (SAMBUNGAN)**

---

**RUMAH TERBITAN** : Malaysian Issuing House Sdn Bhd  
11<sup>th</sup> Floor, Menara Symphony  
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim  
Seksyen 13  
46200 Petaling Jaya  
Selangor

No. Telefon : +603 7890 4700  
No. Faks : +603 7890 4670

**PENYENARAIAN DIPOHON** : Pasaran ACE Bursa Securities

**STATUS SYARIAH** : Diluluskan oleh SAC

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 1. KELULUSAN DAN SYARAT

### 1.1 KELULUSAN DAN SYARAT

#### 1.1.1 Bursa Securities

Bursa Securities telah, melalui suratnya bertarikh 19 Jun 2024, meluluskan Penerimaan Masuk dan Penyenaian kami di Pasaran ACE.

Kelulusan daripada Bursa Securities adalah tertakluk kepada syarat berikut:

No.	Syarat	Status pematuhan
1.	Pengemukakan maklumat berikut berhubung dengan moratorium ke atas pemegang saham Pemegang Saham Tertentu kepada Bursa Depository:  (i) Nama pemegang saham; (ii) Bilangan Saham; dan (iii) Tarikh tamat tempoh moratorium bagi setiap blok Saham.	Akan dipatuhi
2.	Pengesahan bahawa kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan telah diperolehi untuk pelaksanaan cadangan penyenaian;	Akan dipatuhi
3.	Kehendak ekuiti Bumiputera untuk syarikat tersenarai awam sebagaimana diluluskan/dikecualikan oleh SC termasuk apa-apa syarat yang dikenakan ke atasnya;	Akan dipatuhi
4.	Membuat pengumuman yang berkaitan menurut perenggan 8.1 dan 8.2 Nota Panduan 15 Kehendak Penyenaian;	Akan dipatuhi
5.	Mengemukakan kepada Bursa Securities satu salinan jadual pengagihan yang menunjukkan pematuhan kepada syarat tebaran pemegang saham awam berdasarkan keseluruhan modal saham terbitan Northeast pada hari pertama penyenaian;	Akan dipatuhi
6.	Mengenai penawaran awam yang akan dilaksanakan oleh Northeast, untuk mengumumkan sekurang-kurangnya 2 hari pasaran sebelum tarikh penyenaian, keputusan penawaran termasuk yang berikut:  (i) Tahap langganan pengundian awam dan penempatan; (ii) Asas perumpukan/peruntukan; (iii) Jadual yang menunjukkan pengagihan untuk tranche penempatan seperti format dalam Lampiran I surat kelulusan Bursa Securities; dan (iv) Pendedahan penerima penempatan yang menjadi pemegang saham utama Northeast daripada penawaran awam, jika ada.  Diingatkan bahawa Affin Hwang IB mesti memastikan pengagihan keseluruhan sekuriti Northeast dijalankan dengan betul untuk mengurangkan dagangan tidak teratur di pasaran sekunder; dan	Akan dipatuhi
7.	Northeast/ Affin Hwang IB mengemukakan kepada Bursa Securities dengan pengesahan bertulis mengenai pematuhannya dengan terma dan syarat kelulusan Bursa Securities semasa penerimaan masuk Northeast ke Senarai Rasmi Pasaran ACE.	Akan dipatuhi



---

## 1. KELULUSAN DAN SYARAT (*SAMBUNGAN*)

---

### 1.1.2 SC

Penyenaraian kami ialah urus niaga yang dikecualikan di bawah Seksyen 212(8) CMSA dan dengan itu tidak tertakluk kepada kelulusan SC.

SC telah, melalui suratnya bertarikh 24 Jun 2024, meluluskan struktur ekuiti hasilan Syarikat kami menurut Penyenaraian kami di bawah kehendak ekuiti Bumiputera bagi syarikat tersenarai awam, tertakluk kepada Syarikat kami memperuntukkan Saham bersamaan dengan 12.50% daripada bilangan Saham terbitan diperbesar kami kepada pelabur Bumiputera yang akan diluluskan oleh MITI. Selain itu, Syarikat kami mesti menyediakan sekurang-kurangnya 50% daripada Saham yang ditawarkan kepada pelabur awam Malaysia melalui pengundian pelabur awam Bumiputera.

### 1.1.3 MITI

MITI telah, melalui suratnya bertarikh 9 Mei 2024, menyatakan bahawa ia tidak mempunyai bantahan terhadap Penyenaraian kami.

### 1.1.4 SAC

SAC telah, melalui suratnya bertarikh 24 April 2024, mengklasifikasikan Saham kami sebagai sekuriti patuh Syariah berdasarkan penyata kewangan bergabung teraudit kami bagi FYE 2023 dan pro forma penyata kedudukan kewangan disatukan pada 30 September 2023.

## 1.2 MORATORIUM KE ATAS SAHAM KAMI

Pada tarikh permohonan penyenaraian kami dikemukakan kepada Bursa Securities, kami telah memenuhi kriteria kuantitatif bagi penerimaan masuk ke Pasaran Utama Bursa Securities. Oleh itu, moratorium akan dikenakan ke atas penjualan, pemindahan atau penyerahan hak Saham kami yang dipegang oleh Pemegang Saham Tertentu kami untuk tempoh 6 bulan dari tarikh penerimaan masuk kami ke Senarai Rasmi menurut Peraturan 3.19(1A)(b) Kehendak Penyenaraian.

Affin Hwang IB, sebagai Penaja Syarikat kami bagi Penyenaraian, mengesahkan bahawa Kumpulan kami telah memenuhi kriteria kuantitatif untuk penerimaan masuk ke Pasaran Utama Bursa Securities pada tarikh permohonan penyenaraian dikemukakan kepada Bursa Securities menurut Peraturan 3.19(1A)(b) Kehendak Penyenaraian.

Moratorium juga akan terpakai kepada pemegang saham Mountain Range, iaitu Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean, Ng Chai Hee, Ng Meng Hang, Tang Ah Lek dan Yin Thien Hee, yang telah secara kolektif, memberikan aku janji bahawa mereka tidak akan menjual, memindah atau menyerah hak saham mereka masing-masing dalam Mountain Range semasa Tempoh Moratorium menurut Peraturan 3.19 Kehendak Penyenaraian.

Selain itu, Ng Meng Hang, Tang Ah Lek dan Yin Thien Hee, yang merupakan pemegang saham Mountain Range, juga telah membuat aku janji untuk tidak menjual, memindah atau menyerah hak mana-mana pegangan saham mereka dalam Syarikat kami semasa Tempoh Moratorium.

## 1. KELULUSAN DAN SYARAT (SAMBUNGAN)

Butiran Saham kami yang akan tertakluk kepada moratorium adalah seperti berikut:

	<b>Bil. Saham yang akan dipegang di bawah moratorium</b>	<b>(i)(ii)%</b>
<b>Pemegang Saham Tertentu dan pemegang saham utama</b>		
Mountain Range	397,321,608	53.69
Ng Chay Chin	29,600,000	4.00
Chong Ewe Hean	25,900,000	3.50
<b>Pemegang Saham Tertentu</b>		
Ng Chai Hee	8,880,000	1.20
Ng Ai Lee	2,000,000	0.27
Chen Bun Chong	2,000,000	0.27
<b>Pemegang Saham Moratorium Sukarela</b>		
Ng Meng Hang	18,500,000	2.50
Tang Ah Lek	22,200,000	3.00
Yin Thien Hee	7,400,000	1.00
<b>Jumlah</b>	<b>513,801,608</b>	<b>69.43</b>

Nota:

- (i) Mengandaikan Peruntukan Borang Merah Jambu dilanggan sepenuhnya oleh Orang yang Layak.
- (ii) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.

Moratorium telah diterima sepenuhnya oleh Pemegang Saham Tertentu dan Pemegang Saham Moratorium Sukarela yang telah member aku janji bertulis bahawa mereka tidak akan menjual, memindah atau menyerahkan hak pegangan saham masing-masing dalam Syarikat kami semasa Tempoh Moratorium.

Sekatan moratorium diendors secara khusus di atas sijil saham yang mewakili Saham dipegang oleh Pemegang Saham Tertentu dan Pemegang Saham Moratorium Sukarela yang di bawah moratorium untuk memastikan bahawa Pendaftar Saham kami tidak mendaftarkan sebarang penjualan, pemindahan atau penyerahan hak yang melanggar sekatan sedemikian. Sebagai pematuhan kepada sekatan tersebut, Pendaftar Saham kami akan mengeluarkan sijil saham yang mewakili blok Saham moratorium dengan klausa moratorium diendors di atasnya bersama dengan surat yang memberikan butiran mengenai moratorium kepada Bursa Depository.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS

Ringkasan Prospektus ini hanya menyerlahkan maklumat penting daripada bahagian lain Prospektus ini. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang mungkin penting untuk anda. Anda harus membaca dan memahami kandungan keseluruhan Prospektus sebelum memutuskan sama ada akan melabur dalam Saham kami.

### 2.1 BUTIRAN UTAMA IPO KAMI

Tertakluk kepada terma dan syarat Prospektus ini, Terbitan Awam kami sebanyak 168,989,000 Saham Terbitan dan Tawaran untuk Jualan sebanyak 51,800,000 Saham Tawaran akan diperuntukkan dengan cara berikut:

	<b>Bil. Saham IPO</b>
<b>Terbitan Awam</b>	
- Orang Awam Malaysia	37,000,000
- Orang yang Layak	29,600,000
- Pelabur Terpilih	61,689,000
- Pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI	40,700,000
	<b>168,989,000</b>
<b>Tawaran untuk Jualan</b>	
- Pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI	51,800,000
<b>Jumlah</b>	<b>220,789,000</b>
Modal saham terbitan diperbesar pada Penyenaraian	RM225,161,874 merangkumi 740,000,000 Saham
Harga IPO	RM0.50
Permodalan pasaran pada Penyenaraian (berdasarkan Harga IPO kami dan modal saham terbitan diperbesar pada Penyenaraian)	RM370,000,000

Sila rujuk Seksyen 3 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai IPO kami.

Pada tarikh permohonan penyenaraian kami dikemukakan kepada Bursa Securities, kami telah memenuhi kriteria kuantitatif untuk penerimaan masuk ke Pasaran Utama Bursa Securities. Oleh itu, moratorium akan dikenakan ke atas penjualan, pemindahan atau penyerahan hak Saham kami dipegang oleh Pemegang Saham Tertentu kami untuk Tempoh Moratorium menurut Peraturan 3.19(1A)(b) Kehendak Penyenaraian. Selain itu, Pemegang Saham Moratorium Sukarela telah secara sukarela membuat aku janji untuk tidak menjual, memindahkan atau menyerahkan hak mana-mana pegangan saham mereka dalam Syarikat kami dalam Tempoh Moratorium.

Sila rujuk Seksyen 1.2 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai moratorium ke atas Saham kami.


### 2.2 PERNIAGAAN KAMI

Syarikat kami diperbadankan di Malaysia di bawah Akta pada 18 Julai 2022 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad oleh saham di bawah nama Northeast Group Sdn Bhd. Pada 5 Januari 2024, kami telah menyelesaikan Pemerolehan yang mengakibatkan NE Components, NE Integrated, NE Solutions, NE Technologies dan Northeast Precision menjadi anak syarikat milik penuh kami. Kemudiannya, pada 10 Januari 2024, Syarikat kami diubah kepada syarikat awam berhad untuk memudahkan Penyenaraian kami dan menggunakan nama semasa kami.

Kami ialah syarikat pemegang pelaburan. Melalui anak-anak syarikat kami, kami terlibat terutamanya dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan yang digunakan dalam industri fotonik, E&E, semikonduktor, telekomunikasi dan optoelektronik. Sejarah Kumpulan kami boleh ditelusuri kembali ke 2004 dengan pemerbadanan Northeast Precision. Sila rujuk Seksyen 6.1 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai sejarah dan pencapaian perniagaan utama operasi perniagaan Kumpulan kami sejak 2004.

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)


Pada LPD, struktur kumpulan kami adalah seperti berikut:



Nota:

- (i) Mountain Range dimiliki oleh Ng Chay Chin (45.30%), Chong Ewe Hean (26.70%), Ng Meng Hang (13.50%), Tang Ah Lek (8.70%), Yin Thien Hee (3.20%) dan Ng Chai Hee (2.60%).
- (ii) Terdiri daripada 4 pemegang saham, iaitu Ng Meng Hang (6.61%), Tang Ah Lek (6.09%), Yin Thien Hee (2.20%) dan Huang HongHui (1.65%).

Ringkasan model perniagaan kami adalah seperti berikut:



Hasil kami terutamanya disumbangkan oleh jualan kepada pelanggan luar negara, yang membentuk kira-kira 78.32%, 77.15%, 73.90% dan 71.47% daripada jumlah hasil Kumpulan kami masing-masing bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Baki hasil Kumpulan kami disumbangkan oleh jualan kepada pelanggan tempatan, mewakili kira-kira 21.68%, 22.85%, 26.10% dan 28.53% daripada jumlah hasil Kumpulan kami masing-masing bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Bagi hasil daripada pelanggan luar negara, USA merupakan penyumbang terbesar menyumbang kira-kira 48.34%, 39.84%, 32.78% dan 26.98% kepada jumlah hasil Kumpulan kami masing-masing pada Tahun Kewangan Bawah Semakan dan FPE 2024.

Sila rujuk Seksyen 5 dan 6 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai Kumpulan kami dan perniagaan kami masing-masing.

### 2.3 KEKUATAN DAYA SAING KAMI

#### (i) Kami mempunyai sejarah yang mantap dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan

Kami mempunyai sejarah yang mantap selama kira-kira 20 tahun sejak kami memulakan perniagaan kami pada 2004 dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Pengalaman industri yang kami peroleh selama bertahun-tahun telah membawa kepada pengembangan perniagaan kami, selanjutnya menempatkan kami sebagai pengeluar komponen kejuruteraan ketepatan yang bereputasi, dibuktikan oleh hubungan kami yang telah lama terjalin dengan pelanggan kami.

Kami percaya bahawa sejarah kami yang mantap sebagai pengeluar komponen kejuruteraan ketepatan telah membentuk asas yang kukuh dan meningkatkan reputasi kami untuk terus mendapatkan jualan daripada pelanggan kami yang sedia ada dan baharu untuk terus memacu pertumbuhan Kumpulan kami.

---

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

---

(ii) **Keupayaan kejuruteraan dan pemesinan kami, serta pengetahuan industri membolehkan kami untuk memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan kami secara konsisten**

Pertumbuhan Kumpulan kami disokong oleh keupayaan kejuruteraan dan pemesinan kami. Pada LPD, kami mempunyai 4 pengurus kejuruteraan (masing-masing 2 daripada jabatan kejuruteraan dan pengeluaran) yang terlibat dalam menerajui kejuruteraan proses dan penambahbaikan berterusan proses pemesinan dan pembuatan kami. Kami mempunyai 277 unit mesin CNC pada 30 September 2023 dan 31 Mei 2024, yang mampu melaksanakan pemesinan ketepatan pada pelbagai jenis bahan.

Kami terlibat secara aktif dengan pelanggan kami untuk mengikuti perkembangan terkini industri serta mendapatkan maklum balas dan pemahaman industri, termasuk memahami aplikasi komponen kejuruteraan ketepatan kami dalam proses pengeluaran/pemasangan atau produk akhir mereka. Selanjutnya, kami mengikuti perkembangan teknologi pembuatan dan pengetahuan kejuruteraan yang terkini dengan merujuk kepada penerbitan seperti Photonics Spectra. Kumpulan kami percaya bahawa dengan keupayaan kejuruteraan dan pemesinan kami serta pengetahuan dan pengetahuan industri kami, kami akan dapat terus memenuhi keperluan pelanggan kami dengan mencapai keperluan dan spesifikasi produk mereka.

(iii) **Kami mempunyai perniagaan berorientasikan eksport dan hubungan yang telah lama terjalin dengan pelanggan kami**

Kami mempunyai perniagaan berorientasikan eksport dengan jualan eksport masing-masing menyumbang kira-kira 78.32%, 77.15%, 73.90% dan 71.47% kepada jumlah hasil kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, di mana produk kami telah dieksport ke, antara lain, USA, UK, Thailand, Singapura, Rusia, Kanada, Jerman dan Hungary.

Keupayaan kami untuk mendapatkan jualan daripada pelanggan antarabangsa adalah disebabkan oleh kualiti produk kami yang memenuhi langkah QA & QC dalaman mereka yang ketat serta piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Keupayaan kami untuk menghantar produk kepada pelanggan kami tepat pada masanya, serta menyediakan perkhidmatan nilai tambah atas permintaan, telah menghasilkan pesanan berulang daripada pelanggan kami.

Faktor-faktor yang dinyatakan di atas adalah penting dalam mengekalkan reputasi kami dan keyakinan pelanggan terhadap keupayaan pembuatan dan kejuruteraan kami, selanjutnya membolehkan Kumpulan kami untuk mewujudkan hubungan yang terjalin lama dengan pelanggan kami. Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, semua pelanggan utama kami telah menjalin sekurang-kurangnya 8 tahun hubungan perniagaan dengan Kumpulan kami dan daripadanya, 5 daripada mereka telah menjalinkan sekurang-kurangnya 10 tahun hubungan perniagaan dengan kami pada LPD.

(iv) **Kualiti produk kami dibuktikan oleh pematuhan kami kepada langkah kawalan kualiti dan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa**

Keupayaan kami untuk mengekalkan konsistensi dalam kualiti produk kami adalah penting untuk membina keyakinan pelanggan kami terhadap kami. Kami memastikan kualiti dan konsistensi produk kami dengan melaksanakan langkah kawalan kualiti yang ditetapkan oleh pasukan QA & QC kami sepanjang proses pembuatan kami. Produk yang tidak memenuhi piawaian dalaman kami akan ditolak semasa peringkat kawalan kualiti. Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, Kumpulan kami telah merekodkan kadar pulangan produk masing-masing kira-kira 0.61%, 0.60%, 1.03% dan 0.32%, di mana produk yang rosak diolah semula, jika boleh, atau digantikan oleh Kumpulan kami dengan produk baru.

Kumpulan kami telah dianugerahkan dengan pensijilan yang membuktikan standard kualiti produk kami. Kumpulan kami mematuhi piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti berkenaan dengan pembuatan dan pemasangan komponen mekanikal untuk industri telekomunikasi, elektronik, aeroangkasa dan automotif. Pada FYE 2023 dan FPE 2024, kami mempunyai 69 dan 78 pelanggan berulang daripada jumlah pangkalan pelanggan kami iaitu 79 dan 86 pelanggan, masing-

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

masing menyumbang kira-kira 87.34% dan 90.70% daripada jumlah pangkalan pelanggan kami.

(v) **Kami mempunyai pasukan Pengurusan Kanan Penting yang berpengalaman dan praktikal**

Kumpulan kami diketuai oleh Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami yang telah mengumpul pengalaman bertahun-tahun dalam bidang masing-masing dan mereka memiliki kepakaran yang berkaitan, pengalaman industri dan pengetahuan mendalam tentang operasi perniagaan kami. Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif kami disokong oleh pasukan Pengurusan Kanan Penting kami yang mempunyai pengetahuan industri yang mendalam dan kepakaran fungsi yang kukuh dengan pengalaman bertahun-tahun dalam bidang masing-masing. Kami percaya pasukan Pengurusan Kanan Penting kami dan komitmen mereka yang kukuh kepada Kumpulan kami boleh menyokong pertumbuhan kami pada masa hadapan sewaktu kami terus berkembang.

Sila rujuk Seksyen 6.4 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai kekuatan daya saing kami.

### 2.4 RANCANGAN MASA DEPAN DAN STRATEGI PERNIAGAAN KAMI

(i) **Memperluas kapasiti pengeluaran dengan membina Kilang Baharu**

Pada LPD, aktiviti perniagaan kami dijalankan di 3 kilang yang terletak di Juru dan Bukit Minyak, Pulau Pinang dengan jumlah keluasan binaan kira-kira 208,468.19 kps. Pada LPD, kesemua ruang lantai pengeluaran di kilang kami telah digunakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kadar penggunaan mesin pengisaran CNC, pemusing CNC dan pelarik automatik CNC kami adalah kira-kira 73.30%, 85.10% dan 93.70% masing-masing untuk FYE 2023 dan 64.80%, 89.84% dan 93.76% untuk FPE 2024. Sila rujuk Seksyen 6.13 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai kapasiti operasi dan kadar penggunaan kami.

Untuk terus mengembangkan perniagaan kami dengan mendapatkan tempahan tambahan dan mengembangkan pangkalan pelanggan kami, ianya penting bagi Kumpulan kami untuk mengembangkan ruang lantai pengeluaran kami serta kapasiti pengeluaran untuk memenuhi keperluan pengeluaran kami. Oleh itu, Kumpulan kami berhasrat untuk membina Kilang Baharu yang dijangka mempunyai jumlah ruang lantai pengeluaran kira-kira 79,020 kps, yang boleh memuatkan kira-kira 200 unit mesin CNC untuk menyokong aktiviti pengeluaran kami. Kami berhasrat untuk memulakan pembinaan Kilang Baharu pada suku keempat 2024, dan untuk memulakan operasi pada suku pertama 2027. Sila rujuk Seksyen 3.7.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang pecahan kos pembinaan dan garis masa tentatif untuk pembinaan Kilang Baharu.

(ii) **Pembelian mesin CNC baharu untuk menyokong pengembangan kapasiti pengeluaran kami**

Selaras dengan rancangan kami untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran kami dengan menubuhkan Kilang Baharu, kami berhasrat untuk membeli 36 unit mesin CNC baharu (merangkumi pengisaran CNC, pemusingan CNC, pengisaran pusingan CNC, pelarik automatik CNC dan pengindeks CNC) untuk menyokong keperluan pengeluaran kami.

Mesin CNC yang akan dibeli dijangka akan meningkatkan anggaran kapasiti operasi tahunan kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 6.5.2 Prospektus ini. Peningkatan dalam anggaran kapasiti operasi tahunan akan membolehkan kami memenuhi jangkaan permintaan daripada pelanggan kami dari segi jumlah pesanan, kerumitan serta memendekkan masa penghantaran. Ini juga selaras dengan matlamat kami untuk mengembangkan pangkalan pelanggan kami dan memberi perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan tempatan dan antarabangsa untuk pertumbuhan dan pengembangan perniagaan masa depan kami.

Sila rujuk Seksyen 6.5 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami.

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

### 2.5 FAKTOR RISIKO

Ringkasan faktor risiko utama yang kami hadapi dalam perniagaan dan operasi kami adalah seperti berikut:

**(i) Kami bergantung kepada pelanggan utama kami**

Kami bergantung kepada pelanggan utama, iaitu kumpulan syarikat Pelanggan A yang menyumbang kira-kira 50.95%, 46.90%, 33.77% dan 24.49% kepada hasil Kumpulan kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 masing-masing. Kumpulan syarikat Pelanggan A merupakan pelanggan kami sejak 2006, di mana kami membekalkan komponen kejuruteraan ketepatan kepada mereka untuk digunakan dalam industri fotonik.

Memandangkan kami bergantung kepada kumpulan syarikat Pelanggan A, sebarang kelewatan yang ketara dalam penerimaan pesanan atau penurunan nilai pesanan daripada kumpulan syarikat Pelanggan A boleh memberi kesan buruk kepada prestasi kewangan kami. Selanjutnya, memandangkan kami tidak melakukan sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami, termasuk kumpulan syarikat Pelanggan A, tidak ada jaminan bahawa kumpulan syarikat Pelanggan A akan terus membeli produk kami pada masa hadapan atau permintaan daripada mereka akan dikekalkan pada tahap semasa pada masa hadapan.

**(ii) Kami bergantung kepada pasaran eksport**

Kami bergantung kepada pasaran eksport kerana majoriti jualan kami diperoleh daripada pelanggan luar negara. Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, jualan eksport kami masing-masing menyumbang kira-kira 78.32%, 77.15%, 73.90% dan 71.47% kepada hasil Kumpulan kami. Sebarang perubahan yang tidak menggalakkan dalam persekitaran ekonomi, politik dan/atau undang-undang di negara yang kami mengeksport produk kami, termasuk, antara lain, USA, UK, Thailand, Singapura, Rusia, Kanada, Jerman dan Hungary, boleh mengakibatkan penurunan dalam permintaan untuk produk kami dan boleh menjejaskan prestasi kewangan kami secara material.

**(iii) Kami tertakluk kepada risiko turun naik pertukaran asing yang boleh memberi kesan kepada keuntungan Kumpulan kami**

Kami terdedah kepada risiko turun naik pertukaran asing kerana jualan eksport kami dan beberapa jualan tempatan kami diurus niaga dalam mata wang asing. Jualan tempatan kami yang diurus niaga dalam mata wang asing, kebanyakannya USD, dijana daripada syarikat multinasional yang terletak di Malaysia. Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, jualan eksport dan jualan tempatan kami yang dalam denominasi mata wang asing masing-masing membentuk kira-kira 82.38%, 79.16%, 77.19% dan 76.08% daripada hasil Kumpulan kami.

Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, lebih daripada 90% daripada pembelian kami adalah dalam denominasi RM; oleh itu, pendedahan kami kepada risiko urus niaga pertukaran asing untuk pembelian kami adalah minimum.

Kami tidak menggunakan sebarang instrumen kewangan untuk melindungi nilai pendedahan kami terhadap urus niaga dalam mata wang asing. Oleh itu, hasil kami dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada risiko turun naik pertukaran asing, terutamanya USD, kerana lebih daripada 60.00% daripada hasil kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 adalah dalam USD.

**(iv) Kami bergantung kepada Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami untuk kejayaan dan pertumbuhan berterusan perniagaan kami**

Pertumbuhan masa depan dan kejayaan berterusan Kumpulan kami sebahagian besarnya bergantung kepada sumbangan dan penglibatan berterusan Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami. Pengarah Urusan kami, Ng Chay Chin, dan Pengarah Eksekutif, Chong Ewe Hean, masing-masing mempunyai lebih kurang 30 tahun dan 31 tahun pengalaman dalam industri pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan, adalah bertanggungjawab untuk mengemudi hala tuju strategik keseluruhan Kumpulan kami.

Oleh itu, kehilangan mana-mana Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami secara serentak atau dalam tempoh masa yang singkat mungkin

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

memberikan kesan yang boleh menjejaskan operasi Kumpulan kami dan pertumbuhan masa depan perniagaan kami.

**(v) Kami bergantung kepada pengurus kejuruteraan dan juruteknik kami**

Kumpulan kami bergantung kepada pengurus kejuruteraan dan juruteknik kami untuk melaksanakan operasi perniagaan kami. Pengurus kejuruteraan kami terlibat dalam menerajui kejuruteraan proses dan penambahbaikan berterusan proses pemesanan dan pembuatan kami. Juruteknik kami, yang juga merupakan sebahagian daripada pasukan kejuruteraan kami, terlibat terutamanya dalam menyediakan jentera untuk pengeluaran komponen kejuruteraan ketepatan, serta melakukan penyelenggaraan pada jentera, alatan dan peralatan kami.

Kehilangan sejumlah besar pengurus kejuruteraan dan juruteknik Kumpulan kami secara serentak atau dalam tempoh masa yang singkat tanpa sebarang penggantian yang sesuai atau tepat pada masanya, atau ketidakupayaan kami untuk menarik atau mengekalkan pengurus kejuruteraan dan juruteknik yang cekap, boleh menjejaskan keupayaan kami untuk bersaing dan berkembang dalam industri.

**(vi) Kami mungkin tidak berjaya dalam pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami**

Kami merancang untuk mengembangkan perniagaan Kumpulan kami dengan mengembangkan kapasiti pengeluaran kami, melalui rancangan masa depan dan strategi perniagaan seperti berikut:

- (a) mengembangkan kapasiti pengeluaran dengan membina Kilang Baharu; dan
- (b) membeli mesin CNC baharu untuk menyokong pengembangan kapasiti pengeluaran kami.

Pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami adalah tertakluk kepada perbelanjaan tambahan, seperti perbelanjaan modal, perbelanjaan operasi dan keperluan modal kerja yang lain. Perbelanjaan tambahan sedemikian boleh menjejaskan margin keuntungan kami jika kami tidak dapat memperoleh jualan yang mencukupi berikutan pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan ini. Tambahan pula, pelaksanaan rancangan dan strategi perniagaan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor di luar kawalan kami, seperti perubahan dalam keadaan pasaran umum, iklim ekonomi serta persekitaran politik di Malaysia dan negara lain di mana kami mengeksport produk kami, yang mungkin menjejaskan daya maju komersial rancangan dan strategi perniagaan kami.

**(vii) Ketiadaan kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami boleh mengakibatkan turun naik dalam prestasi kewangan Kumpulan kami**

Kami tidak memasuki sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami kerana pelanggan kami secara amnya membeli komponen kejuruteraan ketepatan daripada kami melalui pesanan pembelian. Ketiadaan kontrak jangka panjang disebabkan terutamanya oleh sifat perniagaan kami yang memberi tumpuan kepada pembuatan HMLV untuk mengeluarkan komponen unik dan kompleks dengan keperluan kualiti khusus dan kuantiti yang kecil.

Memandangkan kami tidak mempunyai sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami, kami terdedah kepada risiko kehilangan pelanggan kami kerana mereka tidak berkewajipan untuk membeli komponen kejuruteraan ketepatan daripada kami. Sekiranya berlaku kehilangan mana-mana pelanggan kami, terutamanya pelanggan utama kami, serta ketidakupayaan untuk mendapatkan jualan tambahan daripada pelanggan sedia ada atau mendapatkan pelanggan baharu tepat pada masanya, prestasi kewangan kami mungkin terjejas.

**(viii) Operasi perniagaan kami terdedah kepada gangguan yang tidak dijangka atau kelewatan disebabkan oleh kegagalan peralatan, kebakaran, bencana alam, kejadian force majeure dan wabak penyakit berjangkit, yang mungkin di luar kawalan kami**

Kami bergantung pada pelbagai jenis jentera dan peralatan untuk mengeluarkan komponen kejuruteraan ketepatan. Jentera dan peralatan ini mungkin, kadangkala, tidak berfungsi kerana kegagalan yang tidak dijangka atau kerosakan yang dialami semasa operasi. Perniagaan kami juga tertakluk kepada kerugian akibat kejadian di luar kawalan kami



## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

seperti kebakaran, yang boleh menyebabkan kerosakan atau kemusnahan semua atau sebahagian daripada kemudahan pembuatan dan jentera dan peralatan kami. Selanjutnya, operasi perniagaan kami juga mungkin terjejas oleh kegagalan kuasa yang tidak dijangka dan keadaan cuaca buruk atau bencana alam seperti banjir atau ribut.

Sekiranya kami terpaksa menghentikan operasi kami disebabkan insiden yang dinyatakan di atas, kami masih perlu menanggung perbelanjaan operasi tertentu seperti kos buruh dan kos utiliti. Operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kami mungkin terjejas jika gangguan berlaku untuk tempoh masa yang berpanjangan.

**(ix) Kami terdedah kepada risiko kredit dan pembayaran ingkar oleh pelanggan**

Untuk FYE 2023 dan FPE 2024, kami memberikan pelanggan kami tempoh kredit masing-masing selama 30 hari hingga 120 hari dari penghantaran barang. Sekiranya kami tidak menerima bayaran dalam tempoh kredit atau kegagalan pembayaran oleh pelanggan kami, aliran tunai operasi atau keputusan kewangan kami mungkin terjejas. Selanjutnya, ia juga boleh menyebabkan kerugian rosot nilai ke atas perdagangan belum terima atau hapus kira perdagangan belum terima sebagai hutang lapuk, yang boleh menjejaskan prestasi kewangan kami.

**(x) Perlindungan insurans kami mungkin tidak mencukupi untuk menampung semua kerugian atau liabiliti yang mungkin timbul berkaitan dengan operasi kami**

Kami mengekalkan insurans pada tahap yang lazim dalam industri untuk melindungi daripada pelbagai kerugian dan liabiliti seperti kebakaran, kecurian, rompakan bersenjata, kerosakan jentera, antara lain. Pada LPD, kami mempunyai jumlah yang diinsuranskan sebanyak kira-kira RM140.27 juta. Walau bagaimanapun, polisi insurans yang telah kami beli adalah tertakluk kepada had dan pengecualian liabiliti dari segi kejadian yang berlaku serta jumlah yang diinsuranskan. Oleh itu, polisi Kumpulan kami mungkin tidak mencukupi untuk menampung semua kerugian atau liabiliti yang dialami akibat berlakunya sebarang kejadian yang tidak dijangka pada masa hadapan.

**(xi) Kami terdedah kepada risiko pematuhan kawal selia**

Kami terdedah kepada risiko pematuhan kawal selia kerana operasi perniagaan kami tertakluk kepada pelbagai undang-undang, kawal selia dan peraturan.

Seperti yang didedahkan dalam Nota (i) Lampiran B Prospektus ini, NE Components, NE Integrated dan NE Technologies masih belum mematuhi salah satu syarat lesen pengilangan mereka, iaitu jumlah tenaga kerja sepenuh masa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% rakyat Malaysia menjelang 31 Disember 2024. Tiada jaminan bahawa NE Components, NE Integrated dan NE Technologies akan dapat memenuhi syarat tersebut menjelang 31 Disember 2024. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi sebelum 31 Disember 2024 dan tempoh lanjutan tidak dilanjutkan oleh MITI, MITI boleh mengambil tindakan dengan mengeluarkan amaran, mengenakan penalti atau syarat atau sekatan tambahan, menggantung dan/atau membatalkan lesen pengilangan kami untuk sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan syarat. Operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kami akan terjejas secara material jika lesen pengilangan NE Components, NE Integrated dan NE Technologies dibatalkan.

**(xii) Kami mungkin tidak dapat memperoleh pendanaan, terutamanya pada syarat yang boleh diterima oleh kami, untuk memenuhi keperluan modal kami**

Keupayaan kami untuk mendapatkan pembiayaan luar adalah tertakluk kepada pelbagai ketidakpastian, termasuk keputusan operasi, keadaan kewangan dan aliran tunai masa depan kami, prestasi ekonomi Malaysia dan pasaran luar negara di mana kami mengeksport produk kami, kos pembiayaan dan keadaan pasaran kewangan, dan ketersediaan bank untuk terus menyediakan pinjaman baharu. Tiada jaminan bahawa sebarang pembiayaan yang diperlukan, sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang, akan disediakan kepada kami pada syarat yang memuaskan atau tidak sama sekali.

Sila rujuk Seksyen 8 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai faktor risiko kami.

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

### 2.6 PROMOTER DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

Butiran Promoter dan pemegang saham utama dan pemegangan saham mereka masing-masing dalam Syarikat kami sebelum dan selepas IPO kami adalah seperti berikut:

Nama	Warganegara/ Negara Diperbadankan	Sebelum IPO kami / Pada LPD				Selepas IPO kami			
		Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
		Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(ii)%
<b>Promoter dan pemegang saham utama</b>									
Mountain Range	Malaysia	397,321,608	69.58	-	-	397,321,608	53.69	-	-
Ng Chay Chin	Malaysia	37,000,000	6.48	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	69.58	29,600,000	4.00	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	53.69
Chong Ewe Hean	Malaysia	29,600,000	5.18	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	69.58	25,900,000	3.50	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	53.69
<b>Pemegang saham utama</b>									
Ng Meng Hang	Malaysia	37,740,000	6.61	-	-	18,500,000	2.50	-	-
Tang Ah Lek	Malaysia	34,780,000	6.09	-	-	22,200,000	3.00	-	-

Nota:

- (i) Berdasarkan modal saham terbitan sebanyak 571,011,000 Saham sebelum IPO kami/pada LPD.
- (ii) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.
- (iii) Dianggap mempunyai kepentingan berdasarkan kepentingannya dalam Mountain Range menurut Seksyen 8 Akta.

Sila rujuk Seksyen 4.1 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai Promoter dan pemegang saham utama kami.

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

### 2.7 PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN PENTING

Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan
<b><u>Pengarah</u></b>	
Dato' Seri Lee Kah Choon	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas
Ng Chay Chin	Pengarah Urusan
Chong Ewe Hean	Pengarah Eksekutif
Dato' Faiza Binti Zulkifli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Kim Nam	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Guat Ean	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
<b><u>Pengurusan Kanan Penting</u></b>	
Ng Chai Hee	Pengarah Operasi Kanan
Yin Thien Hee	Pengarah Perniagaan & Jualan Kanan
Tan Suat Hoon	Ketua Pegawai Kewangan

Sila rujuk Seksyen 4.2 dan 4.5 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami masing-masing.

### 2.8 PENGGUNAAN PEROLEHAN

Kami menjangkakan untuk menggunakan perolehan kasar yang dikumpulkan daripada Terbitan Awam kami melalui cara berikut:

Butiran penggunaan perolehan	Anggaran rangka masa penggunaan perolehan dari tarikh Penyenaraian kami	RM'000	%
Pembinaan Kilang Baharu	Dalam masa 36 bulan	40,000	47.34
Pembayaran balik pinjaman bank	Dalam masa 12 bulan	20,000	23.67
Pembelian mesin CNC baharu	Dalam masa 36 bulan	12,378	14.65
Modal kerja	Dalam masa 12 bulan	5,516	6.53
Anggaran perbelanjaan penyenaraian	Dalam masa 1 bulan	6,600	7.81
<b>Jumlah</b>		<b>84,494</b>	<b>100.00</b>

Sila rujuk Seksyen 3.7 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai penggunaan perolehan yang dikumpulkan daripada Terbitan Awam kami.

Jumlah perolehan kasar akan dikumpulkan daripada Tawaran untuk Jualan berjumlah kira-kira RM25.90 juta akan terakru sepenuhnya kepada Pemegang Saham Menjual kami.

### 2.9 GANGGUAN PERNIAGAAN

Kumpulan kami tidak mengalami apa-apa gangguan material yang mempengaruhi secara signifikan perniagaan kami dalam tempoh 12 bulan yang lalu sebelum LPD.

Walau bagaimanapun, kami mengalami penggantungan sementara operasi perniagaan dalam tempoh MCO pertama (iaitu 18 Mac 2020 hingga 18 April 2020) dan dalam tempoh apabila Kilang 1 ditutup sementara selama 6 hari pada Ogos 2021 untuk pembasmian kuman seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia disebabkan kes positif COVID-19 di kalangan pekerja kami. Walaupun kami mengalami sedikit kelewatan dalam penghantaran pesanan jualan disebabkan penggantungan sementara operasi perniagaan kami seperti yang dinyatakan serta gangguan dalam rantaian logistik berikutan gangguan rantaian bekalan global dan kekurangan kontenya, tiada kesan buruk yang material terhadap jualan kami dan jadual penghantaran kami semasa pandemik COVID-19. Kami telah memaklumkan kepada pelanggan kami tentang kemungkinan kelewatan dalam jadual penghantaran apabila diperlukan, dan kami tidak menerima sebarang tuntutan penalti terhadap Kumpulan kami daripada pelanggan kami yang timbul daripada kelewatan tersebut.

## 2. RINGKASAN PROSPEKTUS (SAMBUNGAN)

Wabak pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan kenaikan harga bahan mentah pada 2021 dan 2022 akibat gangguan rantaian bekalan global. Walau bagaimanapun, tiada kesan material ke atas prestasi kewangan kami kerana kami dapat menyalurkan peningkatan kos tersebut kepada pelanggan kami.

Sila rujuk Seksyen 6.18 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai gangguan perniagaan kepada Kumpulan kami.

### 2.10 SOROTAN KEWANGAN DAN OPERASI

Jadual berikut membentangkan sorotan kewangan dan operasi utama Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Hasil	113,207	144,515	93,335	65,745	62,212
Kos jualan	(78,377)	(89,738)	(57,885)	(39,060)	(38,313)
GP	34,830	54,777	35,450	26,685	23,899
PBT	25,299	47,802	23,336	17,984	16,384
<b>PAT</b>	<b>19,816</b>	<b>38,071</b>	<b>18,360</b>	<b>13,935</b>	<b>12,364</b>
<b>Jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepenuhnya entiti bergabung/ pemilik syarikat induk</b>	<b>89,032</b>	<b>126,383</b>	<b>142,743</b>	<b>140,318</b>	<b>155,108</b>
Jumlah pinjaman	24,543	23,517	31,053	32,109	28,818
<b>Nisbah kewangan utama:</b>					
Margin GP (%)	30.77	37.90	37.98	40.59	38.42
Margin PBT (%)	22.35	33.08	25.00	27.35	26.34
Margin PAT (%)	17.50	26.34	19.67	21.20	19.87
EPS asas dan cair (sen)	2.68	5.14	2.48	1.88	1.67
Nisbah semasa (kali)	2.45	5.00	6.46	6.38	10.84
Nisbah penggearing (kali)	0.28	0.19	0.22	0.23	0.19
Nisbah penggearing bersih (kali)	(0.32)	(0.38)	(0.36)	(0.34)	(0.36)

Sila rujuk Seksyen 11 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai maklumat kewangan kami.

### 2.11 DASAR DIVIDEN

Pada masa ini, Syarikat kami tidak mempunyai apa-apa dasar dividen yang rasmi. Oleh sebab kami ialah syarikat pemegang, keupayaan kami untuk membayar dividen akan bergantung kepada dividen atau pengagihan lain yang kami terima daripada anak syarikat kami. Pembayaran dividen oleh anak syarikat kami bergantung kepada keuntungan boleh agih mereka, prestasi kewangan, keperluan aliran tunai untuk kendalian dan perbelanjaan modal dan apa-apa faktor lain.

Untuk tujuan maklumat, jadual di bawah membentangkan dividen yang diisytiharkan oleh Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Bawah Semakan dan Tahun Kewangan Bawah Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dividen diisytiharkan	-	1,020	2,000	-	-
PAT	19,816	38,071	18,360	13,935	12,364

Kecuali seperti didedahkan di atas, Kumpulan tidak berhasrat untuk mengisytiharkan apa-apa dividen atau membayar apa-apa dividen sebelum Penyenaian kami.

Sila rujuk Seksyen 11.8 Prospektus ini bagi butiran lanjut mengenai dasar dividen kami.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI

#### 3.1 PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN PERMOHONAN

Permohonan untuk Saham Terbitan kami akan dibuka pada 10.00 pagi pada 26 September 2024 dan ditutup pada 5.00 petang pada 3 Oktober 2024. Permohonan lewat tidak akan diterima.

#### 3.2 JADUAL WAKTU INDIKATIF

Jadual waktu indikatif bagi IPO kami dinyatakan di bawah:

Peristiwa	Masa / tarikh
Penerbitan Prospektus/ Pembukaan Permohonan	10.00 pagi, 26 September 2024
Penutupan Permohonan	5.00 petang, 3 Oktober 2024
Pengundian Permohonan	7 Oktober 2024
Peruntukan/pemindahan Saham IPO kami kepada pemohon yang berjaya	14 Oktober 2024
Penyenaraian	15 Oktober 2024

Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada jadual waktu, kami akan mengiklankan notis mengenai perubahan tersebut dalam akhbar harian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia di Malaysia dan mengumumkannya pada laman web Bursa Securities dengan sewajarnya.

#### 3.3 BUTIRAN IPO KAMI

IPO kami terdiri daripada Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan, sejumlah 220,789,000 Saham IPO, yang mewakili kira-kira 29.84% daripada modal saham terbitan diperbesar kami.

##### 3.3.1 Terbitan Awam

Terbitan Awam kami sebanyak 168,989,000 Saham Terbitan, yang mewakili kira-kira 22.84% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, akan diperuntukkan mengikut cara berikut, pada Harga IPO, tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.3.4 Prospektus ini:

##### (i) Orang Awam Malaysia

37,000,000 Saham Terbitan, yang mewakili kira-kira 5.00% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia melalui cara pengundian seperti berikut:

- (a) 18,500,000 Saham Terbitan, yang mewakili kira-kira 2.50% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk Orang Awam Bumiputera Malaysia; dan
- (b) 18,500,000 Saham Terbitan, yang mewakili kira-kira 2.50% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk Orang Awam Malaysia.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### (ii) Orang yang Layak

29,600,000 Saham Terbitan (iaitu Peruntukan Borang Merah Jambu), yang mewakili 4.00% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk permohonan oleh Orang yang Layak. Butiran adalah seperti berikut:

Orang yang Layak	Bil. orang	Bil. agregat Saham Terbitan yang diperuntukkan
Pengarah yang Layak <sup>(i)</sup>	4	3,700,000
Kakitangan dan sekutu perniagaan yang layak yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami <sup>(ii)(iii)</sup>	250	25,900,000
<b>Jumlah</b>	<b>254</b>	<b>29,600,000</b>

Nota:

- (i) Peruntukan kepada Pengarah yang layak adalah berdasarkan, antara lain, peranan dan tanggungjawab masing-masing serta sumbangan mereka yang dijangkakan kepada Kumpulan kami. Peruntukan Saham Terbitan yang dikhususkan untuk Pengarah yang layak adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan	Bil. Saham Terbitan yang diperuntukkan
Dato' Seri Lee Kah Choon	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas	1,300,000
Dato' Faiza Binti Zulkifli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	800,000
Ong Kim Nam	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	800,000
Ong Guat Ean	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	800,000
<b>Jumlah</b>		<b>3,700,000</b>

- (ii) Kriteria peruntukan kepada kakitangan kami yang layak (sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga kami) adalah berdasarkan, antara lain, yang berikut:
- kakitangan yang layak mestilah merupakan pekerja sepenuh masa dan disahkan jawatan Kumpulan kami dan ada dalam senarai gaji Kumpulan kami; dan
  - kekananan, gred pekerjaan, tempoh perkhidmatan, prestasi masa lepas dan sumbangan kepada Kumpulan kami dan apa-apa faktor lain yang dianggap berkaitan oleh Lembaga kami.
- (iii) Kriteria peruntukan kepada sekutu perniagaan yang layak adalah berdasarkan, antara lain, tempoh hubungan perniagaan mereka dengan Kumpulan kami, sumbangan dan sokongan semasa dan masa lepas kepada Kumpulan kami, dan sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga kami. Sekutu perniagaan yang layak mungkin termasuk pelanggan, pembekal, sub-kontraktor dan sekutu perniagaan kami yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami.

---

**3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)**

---

Selain Peruntukan Borang Merah Jambu mereka, Syarikat kami tidak mengetahui sama ada mana-mana pemegang saham utama, Pengarah atau Pengurusan Kanan Penting kami mempunyai niat untuk melanggan Saham IPO kami.

**(iii) Penempatan persendirian kepada Pelabur Terpilih**

61,689,000 Saham Terbitan, mewakili kira-kira 8.34% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk permohonan melalui cara penempatan persendirian kepada Pelabur Terpilih.

**(iv) Penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI**

40,700,000 Saham Terbitan, mewakili 5.50% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, akan disediakan untuk permohonan melalui cara penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### 3.3.2 Tawaran untuk Jualan

Pemegang Saham Menjual kami akan menawarkan sejumlah 51,800,000 Saham Tawaran, yang mewakili kira-kira 9.07% daripada modal saham terbitan sedia ada kami pada LPD atau kira-kira 7.00% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, pada Harga IPO, melalui cara penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI, tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.3.4 Prospektus ini.

Butiran mengenai Pemegang Saham Menjual kami adalah seperti berikut:

Nama/ Alamat	Hubungan material dengan Kumpulan kami dalam tempoh 3 tahun yang lalu	Pemegangan saham langsung pada LPD		Saham Tawaran yang ditawarkan menurut Tawaran untuk Jualan		Pemegangan saham langsung seurus selepas IPO kami	
		Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(ii)%
Ng Chay Chin/ 2, Jalan Bukit Minyak Permai 1 Taman Bukit Minyak Permai 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Promoter</li> <li>Pemegang saham utama</li> <li>Pengarah NE Components, NE Integrated, NE Solutions, NE Technologies dan Northeast Precision</li> <li>Pengurusan Kanan Penting</li> </ul>	37,000,000	6.48	7,400,000	1.00	29,600,000	4.00
Chong Ewe Hean/ 119-08-3A, Putra Marine Resort Bayan Indah Sungai Nibong 11900 Bayan Lepas Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Promoter</li> <li>Pemegang saham utama</li> <li>Pengarah NE Components, NE Integrated, NE Solutions, NE Technologies dan Northeast Precision</li> <li>Pengurusan Kanan Penting</li> </ul>	29,600,000	5.18	3,700,000	0.50	25,900,000	3.50
Ng Chai Hee/ 23, Lorong Seri Tambun 2 Taman Seri Tambun 14100 Simpang Ampat Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang Saham Tertentu</li> <li>Pengarah NE Integrated dan NE Technologies</li> <li>Pengurusan Kanan Penting</li> </ul>	12,580,000	2.20	3,700,000	0.50	8,880,000	1.20



## 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

Nama/ Alamat	Hubungan material dengan Kumpulan kami dalam tempoh 3 tahun yang lalu	Pemegangan saham langsung pada LPD		Saham Tawaran yang ditawarkan menurut Tawaran untuk Jualan		Pemegangan saham langsung sejeurus selepas IPO kami	
		Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(ii)%
Ng Meng Hang/ 6598 I Block C Taman Mak Mandin 13400 Butterworth Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang saham</li> <li>• Kakitangan Kumpulan Northeast</li> <li>• Pengarah NE Components dan Northeast Precision<sup>(iii)</sup></li> </ul>	37,740,000	6.61	19,240,000	2.60	18,500,000	2.50
Tang Ah Lek/ 6, Jalan Bukit Minyak Permai 1 Taman Bukit Minyak Permai 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang saham</li> </ul>	34,780,000	6.09	12,580,000	1.70	22,200,000	3.00
Yin Thien Hee/ 179, Jalan Padang 09800 Serdang Kedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemegang saham</li> <li>• Pengarah NE Components</li> <li>• Pengurusan Kanan Penting</li> </ul>	12,580,000	2.20	5,180,000	0.70	7,400,000	1.00

Nota:

- (i) Berdasarkan modal saham terbitan sebanyak 571,011,000 Saham selepas Pemerolehan.
- (ii) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.
- (iii) Meletak jawatan sebagai Pengarah NE Components dan Northeast Precision pada 27 September 2022.

Berdasarkan Harga IPO, Tawaran untuk Jualan dijangka akan mengumpul perolehan kasar sebanyak kira-kira RM25.90 juta yang akan terakru sepenuhnya kepada Pemegang Saham Menjual kami. Saham Tawaran tidak ditaja jamin kerana saham tawaran akan disediakan untuk langganan dengan cara penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI, dan perbelanjaannya akan ditanggung sepenuhnya oleh Pemegang Saham Menjual kami.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### 3.3.3 Taja jamin dan peruntukan Saham IPO

Secara ringkasnya, tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.3.4 Prospektus ini, Saham IPO kami akan diperuntukkan dengan cara berikut:

	Terbitan Awam		Tawaran untuk Jualan		Jumlah	
	Bil. Saham Terbitan	(i)%	Bil. Saham Tawaran	(i)%	Bil. Saham IPO	(i)%
Orang Awam Malaysia (melalui pengundian):						
▪ Bumiputera	18,500,000	2.50	-	-	18,500,000	2.50
▪ Bukan Bumiputera	18,500,000	2.50	-	-	18,500,000	2.50
Orang yang Layak:						
▪ Pengarah	3,700,000	0.50	-	-	3,700,000	0.50
▪ Kakitangan dan sekutu perniagaan yang telah menyumbang kepada kejayaan Kumpulan kami	25,900,000	3.50	-	-	25,900,000	3.50
Penempatan persendirian kepada Pelabur Terpilih	61,689,000	8.34	-	-	61,689,000	8.34
Penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI	40,700,000	5.50	51,800,000	7.00	92,500,000	12.50
<b>Jumlah</b>	<b>168,989,000</b>	<b>22.84</b>	<b>51,800,000</b>	<b>7.00</b>	<b>220,789,000</b>	<b>29.84</b>

Nota:

- (i) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.

37,000,000 Saham Terbitan yang disediakan untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia (melalui pengundian) dan 29,600,000 Saham Terbitan yang disediakan di bawah Peruntukan Borang Merah Jambu ditaja jamin sepenuhnya oleh Penaja Jamin Tunggal kami.

154,189,000 Saham IPO yang disediakan untuk permohonan melalui cara penempatan persendirian kepada Pelabur Terpilih dan pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI tidak ditaja jamin. Aku janji tidak boleh ditarik balik telah atau akan diperoleh daripada Pelabur Terpilih dan pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI untuk melanggan Saham IPO kami yang disediakan di bawah penempatan persendirian.

Tiada lebih peruntukan atau opsyen "greenshoe" yang akan meningkatkan bilangan Saham Terbitan kami.

---

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (*SAMBUNGAN*)

---

#### 3.3.4 Penarikan balik dan peruntukan semula

Saham IPO kami akan tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula berikut:

**(i) Orang Awam Malaysia**

Sekiranya terdapat kurang langganan Saham Terbitan kami oleh Orang Awam Malaysia, dan tertakluk kepada lebih langganan yang sepadan oleh Orang yang Layak atau Pelabur Terpilih di bawah penempatan persendirian, bahagian yang tinggal akan ditarik balik dan diperuntukkan semula kepada Orang yang Layak dan/atau ditawarkan kepada Pelabur Terpilih di bawah penempatan persendirian, yang mana perkadarannya adalah mengikut budi bicara Ejen Penempatan Tunggal dan Lembaga kami.

Sebarang baki Saham Terbitan yang tidak dilanggan akan dilanggan oleh Penaja Jamin Tunggal kami selaras dengan terma Perjanjian Taja Jamin.

**(ii) Orang yang Layak**

Sekiranya terdapat kurang langganan Saham Terbitan kami oleh Orang yang Layak di bawah Peruntukan Borang Merah Jambu, Saham Terbitan yang tidak dilanggan akan diperuntukkan semula kepada Orang yang Layak lain yang telah memohon Saham Tawaran lebihan (jika ada) ("**Saham Lebihan**") selain daripada peruntukan mereka yang telah ditentukan terlebih dahulu. Saham Lebihan sedemikian akan diperuntukkan kepada Orang yang Layak yang telah memohon Saham Lebihan secara adil dan saksama mengikut keutamaan yang berikut:

- (a) pertamanya, peruntukan mengikut kadar berdasarkan bilangan Saham Lebihan yang dipohon; dan
- (b) keduanya, untuk meminimumkan lot ganjil.

Lembaga kami berhak untuk memperuntukkan kepada Orang yang Layak yang telah memohon Saham Lebihan selain daripada peruntukan kepada mereka yang telah ditentukan terlebih dahulu mengikut budi bicara Lembaga kami mengikut cara yang difikirkan sesuai dan wajar demi kepentingan Syarikat kami, tertakluk pada peruntukan tersebut dibuat secara adil dan saksama, dan bahawa tujuan Lembaga kami sebagaimana yang dinyatakan dalam item (a) dan (b) di atas dicapai. Lembaga kami juga berhak untuk menerima atau menolak apa-apa permohonan Saham Lebihan, sepenuhnya atau sebahagiannya, tanpa memberikan sebarang sebab.

Sekiranya terdapat kurang langganan oleh Orang yang Layak lain (selepas peruntukan semula Saham Lebihan kepada Orang yang Layak lain), dan tertakluk kepada lebih langganan yang sepadan oleh Orang Awam Malaysia atau Pelabur Terpilih di bawah penempatan persendirian, bahagian yang tinggal akan ditarik balik dan diperuntukkan semula kepada Orang Awam Malaysia dan/atau ditawarkan kepada Pelabur Terpilih di bawah penempatan persendirian, yang mana perkadarannya adalah mengikut budi bicara Ejen Penempatan Tunggal kami dan Lembaga kami.

Selepas itu, sebarang baki Saham Terbitan yang tidak dilanggan akan dilanggan oleh Penaja Jamin Tunggal kami selaras dengan terma Perjanjian Taja Jamin.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### (iii) Penempatan persendirian kepada Pelabur Terpilih

Sekiranya terdapat kurang langganan Saham Terbitan oleh Pelabur Terpilih di bawah penempatan persendirian dan tertakluk kepada lebih langganan yang sepadan oleh Orang Awam Malaysia atau Orang yang Layak, bahagian yang tinggal akan ditarik balik dan diperuntukkan semula kepada Orang Awam Malaysia dan/atau ditawarkan kepada Orang yang Layak, yang mana perkadarannya adalah mengikut budi bicara Ejen Penempatan Tunggal kami dan Lembaga kami.

#### (iv) Penempatan persendirian kepada pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI

Sekiranya terdapat kurang langganan Saham IPO kami oleh pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI di bawah penempatan persendirian dan tertakluk kepada lebih langganan yang sepadan oleh Orang Awam Malaysia atau Pelabur Terpilih di bawah penempatan persendirian, bahagian yang tinggal akan ditarik balik dan diperuntukkan semula seperti berikut:

- (a) pertamanya, kepada pelabur institusi Malaysia yang merupakan sebahagian daripada Pelabur Terpilih di bawah Seksyen 3.3.1(iii) Prospektus ini; dan
- (b) keduanya, kepada Orang Awam Bumiputera Malaysia yang merupakan sebahagian daripada Orang Awam Malaysia di bawah Seksyen 3.3.1(i) Prospektus ini.

Selepas itu, sebarang Saham IPO yang tinggal akan disediakan untuk Orang Awam Malaysia lain di bawah Seksyen 3.3.1(i) Prospektus ini dan/atau ditawarkan kepada Pelabur Terpilih lain di bawah Seksyen 3.3.1(iii) Prospektus ini, yang mana perkadarannya adalah mengikut budi bicara Ejen Penempatan Tunggal kami dan Lembaga kami. Sekiranya masih terdapat kurang langganan, Saham IPO tersebut akan disediakan untuk langganan oleh Orang yang Layak.

Peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula tidak akan terpakai jika terdapat lebih langganan dalam semua peruntukan Saham IPO kami pada tarikh tutup IPO kami.

Saham IPO kami akan diperuntukkan secara adil dan saksama dan asas peruntukan bagi Saham IPO tersebut hendaklah mengambil kira keinginan untuk mengagihkan Saham IPO tersebut kepada bilangan pemohon yang munasabah dengan tujuan untuk meluaskan asas pemegangan saham Syarikat kami untuk memenuhi syarat tebaran pemegangan saham awam Bursa Securities dan untuk mewujudkan pasaran yang cair untuk Saham kami.

Pada LPD, setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik kami:

- (i) tidak ada pemegang saham utama, Pengarah atau Pengurusan Kanan Penting yang telah menyatakan kepada Lembaga kami bahawa mereka berhasrat untuk melanggan Saham IPO kami, kecuali Saham Terbitan yang tersedia untuk permohonan di bawah Peruntukan Borang Merah Jambu; dan
- (ii) tidak ada orang yang berhasrat untuk melanggan lebih daripada 5.00% Saham IPO kami.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### 3.3.5 Paras langganan minimum

Tiada langganan minimum dari segi jumlah perolehan yang akan dikumpul daripada IPO kami. Walau bagaimanapun, demi mematuhi syarat tebaran awam Kehendak Penyenaian, paras langganan minimum adalah bilangan Saham yang perlu dipegang oleh pemegang saham awam.

Menurut Kehendak Penyenaian, sekurang-kurangnya 25.00% daripada modal saham terbitan diperbesar kami mesti dipegang oleh sejumlah minimum 200 pemegang saham awam yang setiap seorang memegang tidak kurang daripada 100 Saham pada masa Penerimaan Masuk kami. Sebelum Penerimaan Masuk kami, kami akan memastikan bahawa syarat ini dipenuhi melalui proses pengundian dan pelaksanaan penempatan persendirian untuk memastikan terdapat sekurang-kurangnya 200 pemegang saham awam yang setiap seorang memegang tidak kurang daripada 100 Saham dan sekurang-kurangnya 25.00% daripada modal saham terbitan diperbesar kami dipegang oleh pemegang saham awam.

Jika syarat tebaran awam tidak dapat dipenuhi, kami mungkin tidak dapat meneruskan Penyenaian kami. Sekiranya ini berlaku, wang yang dibayar berkenaan dengan semua permohonan akan dikembalikan sepenuhnya, tanpa faedah atau apa-apa perkongsian hasil atau manfaat yang timbul daripadanya. Jika apa-apa wang tersebut tidak dibayar balik sepenuhnya dalam masa 14 hari selepas kami bertanggungjawab untuk berbuat demikian, peruntukan Seksyen 243(2) CMSA akan dengan itu terpakai. Sila rujuk Seksyen 8.3.5 Prospektus ini untuk butiran sekiranya terdapat kelewatan atau penamatan Penyenaian kami.

### 3.4 MODAL SAHAM, KELAS SAHAM DAN PENARAFAN

	Bil. Saham	RM
Modal saham terbitan pada LPD	571,011,000	142,753,500
Saham baharu yang akan diterbitkan menurut Terbitan Awam	168,989,000	<sup>(i)</sup> 82,408,374
<b>Modal saham terbitan diperbesar semasa Penyenaian</b>	<b>740,000,000</b>	<b>225,161,874</b>
Saham yang akan ditawarkan di bawah Tawaran untuk Jualan	51,800,000	25,900,000
Harga IPO		0.50
Permodalan pasaran semasa Penyenaian (berdasarkan Harga IPO dan modal saham terbitan diperbesar kami semasa Penyenaian)		370,000,000

Nota:

- (i) Dikira berdasarkan Harga IPO sebanyak RM0.50 setiap Saham Terbitan dan selepas menolak anggaran perbelanjaan penyenaian sebanyak kira-kira RM2,086,126, yang merupakan perbelanjaan penyenaian yang berkaitan langsung dengan IPO kami dan oleh itu, akan didebitkan daripada modal saham Syarikat kami. Perbelanjaan ini terdiri daripada yuran pembrokeran, komisen taja jamin dan yuran penempatan.

Tawaran untuk Jualan tidak akan memberi apa-apa kesan kepada modal saham terbitan kami kerana Saham Tawaran telah wujud sebelum IPO kami.

Pada tarikh Prospektus ini, kami hanya mempunyai 1 kelas saham dalam Syarikat kami, iaitu saham biasa.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

Saham Terbitan akan, pada peruntukan dan terbitan, mempunyai taraf yang sama dalam semua aspek dengan Saham kami yang sedia ada termasuk hak mengundi, dan berhak kepada semua hak, dividen dan agihan yang mungkin diisytiharkan selepas tarikh peruntukan Saham Terbitan.

Saham Tawaran mempunyai taraf yang sama dalam semua aspek dengan Saham terbitan kami yang sedia ada, dan berhak kepada semua hak, dividen dan pengagihan lain yang mungkin diisytiharkan selepas tarikh pemindahan Saham Tawaran.

Tertakluk pada apa-apa hak istimewa yang terikat pada mana-mana Saham yang mungkin kami terbitkan pada masa depan, para pemegang saham kami akan, mengikut perkadaran jumlah yang dibayar untuk Saham yang dipegang oleh mereka, berhak untuk berkongsi keuntungan yang dibayar oleh kami sebagai dividen dan pengagihan yang lain. Begitu juga, jika Syarikat kami dibubarkan, para pemegang saham kami berhak mendapat lebihan (jika ada), menurut Perlembagaan kami, selepas menjelaskan apa-apa pembayaran keutamaan selaras dengan Akta dan liabiliti kami.

Pada mesyuarat agung kami, setiap pemegang saham berhak untuk mengundi secara sendiri, melalui proksi, melalui peguam, atau melalui wakil lain yang diberi kuasa sewajarnya. Tertakluk pada Kehendak Penyenaraian, sebarang resolusi yang dikemukakan untuk diundi pada mesyuarat akan diputuskan melalui pungutan undi. Dalam pungutan undi, setiap pemegang saham yang hadir sama ada secara sendiri atau melalui proksi, peguam atau wakil lain yang diberi kuasa sewajarnya akan mempunyai 1 undi bagi setiap Saham yang dipegang. Seorang proksi boleh namun tidak semestinya menjadi ahli Syarikat kami.

## 3.5 ASAS PENETAPAN HARGA IPO

### 3.5.1 Harga IPO

Pengarah, Promoter dan Pemegang Saham Menjual kami telah menentukan dan bersetuju dengan Harga IPO sebanyak RM0.50 setiap Saham IPO dengan berunding dengan Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal kami, selepas mengambil kira perkara berikut:

- (i) EPS kami sebanyak kira-kira 2.48 sen berdasarkan PAT kami bagi FYE 2023 sebanyak kira-kira RM18.36 juta dan modal saham terbitan diperbesar kami sebanyak 740,000,000 Saham, yang diterjemahkan kepada pengganda harga perolehan sebanyak kira-kira 20.16 kali;
- (ii) EPS kami sebanyak kira-kira 1.67 sen berdasarkan PAT kami bagi FPE 2024 sebanyak kira-kira RM12.36 juta dan modal saham terbitan diperbesar kami sebanyak 740,000,000 Saham, yang diterjemahkan kepada pengganda harga perolehan tahunan sebanyak kira-kira 19.95 kali;
- (iii) pro forma NA setiap Saham kami sebanyak RM0.31 pada 31 Mei 2024 berdasarkan modal saham terbitan diperbesar kami sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami dan selepas penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam kami;
- (iv) gambaran keseluruhan perniagaan dan prestasi kewangan kami sebagaimana yang diterangkan masing-masing dalam Seksyen 6 dan 11 Prospektus ini;
- (v) kekuatan daya saing kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 6.4 Prospektus ini;

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

- (vi) rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 6.5 Prospektus ini; dan
- (vii) gambaran keseluruhan dan tinjauan industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia sebagaimana yang diterangkan dalam Seksyen 7 Prospektus ini.

Anda harus mengambil perhatian bahawa harga pasaran Saham kami selepas Penyenaraian adalah tertakluk pada ragam kuasa pasaran dan ketidakpastian lain yang mungkin mempengaruhi harga dagangan Saham kami. Anda harus membentuk pandangan anda sendiri tentang penilaian Saham IPO kami sebelum membuat keputusan untuk melabur dalam Saham kami. Anda juga diingatkan supaya menimbang dengan teliti faktor risiko yang dinyatakan dalam Seksyen 8 Prospektus ini sebelum memutuskan untuk melabur dalam Saham kami.

#### 3.5.2 Permodalan pasaran dijangka

Berdasarkan Harga IPO RM0.50 setiap Saham IPO, jumlah permodalan pasaran Syarikat kami semasa Penyenaraian akan menjadi kira-kira RM370.00 juta.

### 3.6 PENCAIRAN

Pencairan ialah jumlah yang mana harga yang dibayar oleh pelabur untuk Saham IPO kami melebihi pro forma NA setiap Saham kami sejurus selepas IPO kami.

Pro forma NA setiap Saham kami pada 31 Mei 2024 dan selepas melaraskan urus niaga material\* tetapi sebelum IPO kami adalah kira-kira RM0.27 setiap Saham.

Selaras dengan terbitan 168,989,000 Saham baharu di bawah IPO kami dan selepas melaraskan penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam kami, pro forma NA setiap Saham kami berdasarkan modal saham terbitan diperbesar kami semasa Penyenaraian sebanyak 740,000,000 Saham adalah kira-kira RM0.31 setiap Saham.

Jadual di bawah menggambarkan pencairan tersebut atas asas setiap Saham:

	RM
Harga IPO	0.50
Pro forma NA setiap Saham pada 31 Mei 2024 dan selepas melaraskan urus niaga material* tetapi sebelum IPO kami	0.27
Pro forma NA setiap Saham pada 31 Mei 2024 dan selepas memberi kesan kepada IPO kami serta penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam kami	0.31
Peningkatan dalam pro forma NA setiap Saham kepada pemegang saham sedia ada kami	0.04
Pencairan dalam pro forma NA setiap Saham kepada pelabur baharu	0.19
Pencairan dalam pro forma NA setiap Saham kepada pelabur baharu sebagai peratusan daripada Harga IPO	38.00%

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

Nota:

- \* Urus niaga material merupakan pembelian sebidang tanah kosong pegangan kekal yang dikenali sebagai Lot 1144, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang dipegang di bawah GM 889 oleh NE Components daripada Tan Hwang Jin dan Tan Lim Piu (kedua-duanya sebagai pelaksana harta pusaka Tan Tong Nam, si mati) untuk pertimbangan tunai sebanyak RM10,869,760. Sila rujuk Seksyen 11.9 dan 13.5 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai urus niaga ini.

Selain daripada yang didedahkan di bawah, tiada seorang pun Pengarah, Pengurusan Kanan Penting, pemegang saham utama kami atau orang yang berkaitan dengan mereka telah memperoleh apa-apa sekuriti dalam Syarikat kami, dan mereka juga tidak melakukan apa-apa urus niaga yang memberi mereka hak untuk memperoleh mana-mana Saham kami sejak pembedaan kami sehingga tarikh Prospektus ini:

	Bil. Saham yang dipegang selepas Pemerolehan dan novasi Saham kepada Mountain Range tetapi sebelum IPO kami	<sup>(i)</sup> Bil. Saham daripada IPO kami	Jumlah pertimbangan RM	Kos efektif setiap Saham RM
<b>Promoter dan pemegang saham utama</b>				
Mountain Range	397,321,608	-	99,330,402	0.25
<b>Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah</b>				
Ng Chay Chin	37,000,000	-	9,250,000	0.25
Chong Ewe Hean	29,600,000	-	7,400,000	0.25
<b>Pengarah</b>				
Dato' Seri Lee Kah Choon	-	1,300,000	650,000	0.50
Dato' Faiza Binti Zulkifli	-	800,000	400,000	0.50
Ong Kim Nam	-	800,000	400,000	0.50
Ong Guat Ean	-	800,000	400,000	0.50
<b>Pengurusan Kanan Penting</b>				
Ng Chai Hee	12,580,000	-	3,145,000	0.25
Yin Thien Hee	12,580,000	-	3,145,000	0.25
Tan Suat Hoon	-	50,000	25,000	0.50
<b>Orang yang berkaitan dengan Pengarah/ pemegang saham utama/ Pengurusan Kanan Penting</b>				
Ng Ai Lee <sup>(ii)</sup>	-	2,000,000	1,000,000	0.50
Chen Bun Chong <sup>(ii)</sup>	-	2,000,000	1,000,000	0.50
<b>Pelabur baharu daripada IPO kami</b>	-	212,089,000	106,044,500	0.50



### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

Nota:

- (i) Dengan andaian semua Peruntukan Borang Merah Jambu telah dilanggan sepenuhnya.
- (ii) Ng Ai Lee merupakan adik dan Chen Bun Chong merupakan adik ipar kepada Ng Chay Chin dan Ng Chai Hee. Mereka adalah kakitangan Kumpulan Northeast.

### 3.7 PENGGUNAAN PEROLEHAN

Kami menjangkakan untuk menggunakan perolehan kasar yang dikumpul daripada Terbitan Awam kami berjumlah kira-kira RM84.49 juta dengan cara berikut:

Butiran penggunaan perolehan	Seksyen	Rangka masa anggaran untuk penggunaan perolehan dari tarikh Penyenaraian kami	RM'000	%
Pembinaan Kilang Baharu	3.7.1	Dalam masa 36 bulan	40,000	47.34
Pembayaran balik pinjaman bank	3.7.2	Dalam masa 12 bulan	20,000	23.67
Pembelian mesin CNC baharu	3.7.3	Dalam masa 36 bulan	12,378	14.65
Modal kerja	3.7.4	Dalam masa 12 bulan	5,516	6.53
Anggaran perbelanjaan penyenaraian	3.7.5	Dalam masa 1 bulan	6,600	7.81
<b>Jumlah</b>			<b>84,494</b>	<b>100.00</b>

#### 3.7.1 Pembinaan Kilang Baharu

Pada LPD, aktiviti perniagaan kami dijalankan di 3 kilang yang terletak di Juru dan Bukit Minyak, Pulau Pinang, butiran lanjut seperti berikut:

Kilang	Syarikat kendalian	Kegunaan sedia ada	Kawasan tanah kps	Kawasan binaan kps
Kilang 1	NE Technologies	Kilang pembuatan dan pejabat	58,329.63	44,034.00
Kilang 2	NE Components dan Northeast Precision	Kilang pembuatan, pejabat, gudang dan penginapan untuk pekerja	135,549.82	74,788.19
Kilang 3	NE Integrated dan NE Solutions	Kilang pembuatan, pejabat dan gudang	93,473.80	89,646.00
<b>Jumlah</b>			<b>287,353.25</b>	<b>208,468.19</b>

Kami berhasrat untuk membina Kilang Baharu dan kami merancang untuk memindahkan:

- (i) operasi perniagaan NE Components dari Kilang 2 ke Kilang Baharu; dan
- (ii) operasi perniagaan NE Technologies dari Kilang 1 ke Kilang Baharu.

---

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

---

Pada masa kini, NE Components sedang menjalankan operasi perniagaan mereka di Kilang 2 yang dimiliki dan juga dikendalikan oleh Northeast Precision. NE Components menduduki keluasan kira-kira 36.60% daripada jumlah ruang lantai kilang (meliputi pengeluaran, gudang, QA & QC dan kawasan penyaduran) manakala baki ruang lantai, kira-kira 63.40%, diduduki oleh Northeast Precision. Pada masa kini, ruang lantai pengeluaran Kilang 2 digunakan sepenuhnya dan oleh itu, kami merancang untuk membina Kilang Baharu bagi membolehkan NE Components untuk menempatkan operasinya dan meningkatkan ruang lantai pengeluaran untuk menampung pengeluaran produknya. Ini seterusnya akan membolehkan Northeast Precision untuk menggunakan ruang lantai yang sebelum ini diduduki oleh NE Components untuk aktiviti pembuatannya sendiri selepas NE Components berpindah ke Kilang Baharu.

Selain itu, NE Technologies, yang kini beroperasi di Kilang 1, akan memindahkan operasi perniagaan mereka ke Kilang Baharu apabila ia siap, kerana pada masa kini ruang lantai pengeluarannya telah digunakan sepenuhnya dan ruang lantai pengeluaran yang lebih besar diperlukan untuk menampung aktiviti pembuatannya untuk memenuhi permintaan terhadap produknya. Selepas itu, kami merancang untuk menggunakan Kilang 1 untuk mengembangkan tawaran perkhidmatan nilai tambah kami, iaitu untuk penyaduran dan kemasan permukaan anod kami. Pengembangan sedemikian di Kilang 1 (termasuk pembelian mesin dan peralatan baharu, pengubahsuaian dan kelengkapan serta kos pemindahan yang berkaitan) hanya akan berlaku selepas pembinaan Kilang Baharu siap dan akan dibiayai melalui dana janaan dalaman dan/atau pinjaman bank.

Sila rujuk Seksyen 6.5.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai penggunaan ruang lantai pengeluaran untuk Kilang 1, Kilang 2 dan Kilang 3.

Memandangkan perkara di atas dan sebagai sebahagian daripada rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami, pembinaan Kilang Baharu adalah sebahagian daripada rancangan pengembangan perniagaan kami untuk mengembangkan operasi perniagaan Kumpulan kami dan untuk menempatkan mesin CNC baharu yang akan dibeli (seperti yang didedahkan dalam Seksyen 6.5.2 Prospektus ini) untuk menghasilkan komponen kejuruteraan ketepatan yang lebih kompleks dan lebih pelbagai serta mengembangkan pangkalan pelanggan kami dan menawarkan perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan tempatan dan antarabangsa. Kilang Baharu juga merupakan sebahagian daripada usaha Kumpulan kami untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran untuk memenuhi keperluan pengeluaran kami. Untuk FYE 2023, kadar penggunaan Kumpulan kami untuk mesin pengisaran CNC, mesin pemusing CNC dan mesin pelarik automatik CNC adalah kira-kira 73.30%, 85.10% dan 93.70% masing-masing, manakala untuk FPE 2024, kadar penggunaan Kumpulan kami untuk mesin pengisaran CNC, mesin pemusing CNC dan mesin pelarik automatik CNC adalah kira-kira 64.80%, 89.84% dan 93.76% masing-masing.

Bagi Kilang Baharu, NE Components telah memperoleh Lot 1143 daripada Sheng Kimn Hong Sdn Bhd, pihak yang tidak berkaitan dengan Kumpulan kami, Promoter, pemegang saham utama atau Pengarah kami, dengan pertimbangan tunai sebanyak kira-kira RM12.26 juta. Pemerolehan itu dibiayai melalui pinjaman bank serta dana janaan dalaman. Hak milik tanah telah didaftarkan di bawah nama NE Components pada 12 April 2023 dan pemerolehan tersebut telah selesai pada 3 Mei 2023. Sila rujuk Seksyen 13.5(iv) dan Lampiran A Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai perjanjian jual beli dengan Sheng Kimn Hong Sdn Bhd serta butiran hartanah di Lot 1143.

Kami berhasrat untuk membina sebuah kilang 2 tingkat dengan tempat letak kereta bawah tanah 1 tingkat dengan keluasan binaan sebanyak kira-kira 227,687 kaki persegi di Lot 1143.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

Kilang Baharu itu dijangka akan merangkumi, antara lain, 1 tingkat kawasan pengeluaran, 2 gudang, 3 bilik mesyuarat, 2 pejabat kejuruteraan dan 2 pejabat pentadbiran. Kilang Baharu dijangka mempunyai jumlah ruang lantai pengeluaran sebanyak kira-kira 79,020 kps, yang boleh memuatkan kira-kira 200 unit mesin CNC (terdiri daripada mesin CNC sedia ada dan baharu seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.7.3 Prospektus ini), sebagai mesin utama yang Kumpulan kami gunakan dalam aktiviti pengeluaran kami. Kilang Baharu juga dijangka mempunyai kawasan QA & QC, kawasan pentadbiran dan kawasan penyimpanan/gudang masing-masing seluas kira-kira 24,467 kps, 20,425 kps dan 15,240 kps.

Pembinaan Kilang Baharu itu dijangka menelan kos sebanyak kira-kira RM50.40 juta\*, termasuk, antara lain, kerja memantakkan cerucuk, kerja bangunan utama, kerja mekanikal dan elektrik. Kami bercadang untuk menggunakan RM40.00 juta atau kira-kira 47.34% daripada perolehan kasar yang dikumpul daripada Terbitan Awam untuk pembinaan Kilang Baharu, dengan baki kira-kira RM10.40 juta yang akan dibiayai melalui dana janaan dalaman dan/atau pinjaman bank. Pada LPD, pembinaan Kilang Baharu belum dimulakan.

\* Anggaran kos pembinaan Kilang Baharu adalah berdasarkan sebut harga yang diperolehi daripada firma arkitek.

Pecahan kos pembinaan Kilang Baharu adalah dianggarkan seperti berikut:

<b>Butiran</b>	<b>RM'000</b>
Kerja bangunan utama dan memantakkan cerucuk	36,902
Kerja mekanikal dan elektrik	7,000
Kerja infrastruktur dan bangunan sampingan	4,135
Kos kerja awalan dan penyediaan <sup>(i)</sup>	2,363
<b>Jumlah</b>	<b>(ii)(iii) 50,400</b>

Nota:

- (i) Kos kerja awalan dan penyediaan, termasuk, antara lain, pemasangan perancah dan perkhidmatan pemasangan tapak.
- (ii) Pecahan dana yang akan digunakan untuk pembinaan Kilang Baharu mungkin berbeza bergantung pada kos pembinaan sebenar dan keperluan Kumpulan kami menjelang penyempurnaan.
- (iii) Tidak termasuk, antara lain, kos untuk pembersihan tapak dan kerja tanah, sumbangan dan bayaran kepada pihak berkuasa berkaitan, yuran profesional, perabot dan kelengkapan serta kerja reka bentuk dalaman.

Pada LPD, Kumpulan kami masih belum menanggung apa-apa kos pembinaan yang disenaraikan di atas untuk Kilang Baharu.

Kami perlu mendapatkan permit/kelulusan berikut sebelum memulakan pembinaan Kilang Baharu:

- (i) kebenaran perancangan dan kelulusan pelan bangunan untuk diperolehi daripada MBSP;
- (ii) kelulusan pelan sivil dan struktur serta mekanikal dan elektrik;
- (iii) permit untuk penimbunan tanah dan kerja tanah untuk diperolehi daripada Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang dan MBSP; dan

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

(iv) permit untuk memulakan kerja pembinaan untuk diperoleh daripada MBSP.

Garis masa indikatif untuk pembinaan Kilang Baharu adalah seperti berikut:

Rangka masa	Tanda aras
Suku kedua 2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memuktamadkan reka bentuk dan pelan susun atur Kilang Baharu</li> <li>• Mengemukakan kebenaran perancangan dan pelan bangunan</li> <li>• Menyerahkan hak milik kepada pejabat tanah dan menukar kegunaan tanah kepada industri</li> </ul>
Suku keempat 2024	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memperoleh kebenaran perancangan dan kelulusan pelan bangunan</li> <li>• Penyerahan dan kelulusan pelan kerja tanah</li> <li>• Memperoleh kebenaran untuk memulakan pembinaan</li> <li>• Memulakan pembinaan Kilang Baharu</li> </ul>
Suku keempat 2026	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyiapan pembinaan Kilang Baharu dengan CCC</li> <li>• Pembelian mesin CNC baharu</li> </ul>
Suku pertama 2027	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemasangan mesin CNC baharu</li> <li>• Memulakan operasi Kilang Baharu</li> </ul>

Sekiranya kos pembinaan sebenar Kilang Baharu adalah lebih rendah daripada jumlah yang diperuntukkan di atas, lebihan tersebut akan digunakan untuk tujuan modal kerja kami.

Sila rujuk Seksyen 6.5 dan 8.1.6 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami serta risiko berkaitan berhubung dengan pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami masing-masing.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### 3.7.2 Pembayaran balik pinjaman bank

Pada LPD, jumlah pinjaman bank kami (termasuk liabiliti pajakan) yang terhutang kepada institusi kewangan adalah kira-kira RM37.29 juta.

Kami bercadang untuk menggunakan RM20.00 juta atau kira-kira 23.67% daripada perolehan kasar yang dikumpul daripada Terbitan Awam untuk membayar sebahagian pinjaman bank kami yang tertunggak seperti berikut:

No.	Butiran	Peminjam	Tujuan	Kadar faedah setahun/ Tarikh matang	Jumlah tertunggak pada LPD	<sup>(i)</sup> Cadangan pembayaran balik daripada perolehan Terbitan Awam
					RM'000	RM'000
1.	RHB Islamic Bank Berhad (Pinjaman berjangka)	NE Components	Pemerolehan Lot 1143	<sup>(ii)</sup> Kadar pembiayaan asas – 2.40%/ Oktober 2038	10,425	10,000
2.	Public Bank Berhad (Pinjaman berjangka)	Northeast Precision	Pemerolehan tanah (bersama dengan bangunan sedia ada yang didirikan di atasnya) untuk Kilang 2	<sup>(iii)</sup> BLR – 2.20%/ Mei 2037	4,903	4,800
3.	Public Bank Berhad (Pinjaman berjangka)	NE Integrated	Pemerolehan tanah (bersama dengan bangunan sedia ada yang didirikan di atasnya) untuk Kilang 3	<sup>(iii)</sup> BLR – 2.30%/ September 2035	3,361	3,200
4.	Public Bank Berhad (Pinjaman berjangka)	Northeast Precision	Pemerolehan Lot 1368	<sup>(iii)</sup> BLR + 0.50%/ Julai 2034	2,088	2,000
<b>Jumlah</b>					<b>20,777</b>	<b>20,000</b>

Nota:

- (i) Kumpulan kami bercadang untuk membuat pembayaran balik sebahagian daripada pinjaman bank kami yang tertunggak melalui perolehan kasar yang dikumpul daripada Terbitan Awam kami.
- (ii) Pada LPD, kadar pembiayaan asas ialah 6.70% setahun.
- (iii) Pada LPD, BLR ialah 6.72% setahun.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

Pembayaran balik pinjaman bank yang dinyatakan di atas akan mengurangkan nisbah penggearingan kami daripada 0.19 kali ganda kepada 0.08 kali ganda berdasarkan pro forma penyata kedudukan kewangan disatukan pada 31 Mei 2024 dan dijangka menghasilkan penjimatan faedah tahunan kira-kira RM0.93 juta berdasarkan kadar faedah semasa. Walau bagaimanapun, penjimatan faedah sebenar mungkin berbeza bergantung pada kadar faedah yang terpakai pada masa pembayaran balik. Pembayaran balik sebahagian daripada pinjaman bank tertunggak yang dinyatakan di atas tidak akan menyebabkan apa-apa penalti atau yuran bayaran balik awal yang ditanggung oleh Kumpulan kami.

Sekiranya jumlah tertunggak untuk mana-mana pinjaman bank yang terhutang kepada institusi kewangan, seperti yang disenaraikan di atas, adalah lebih rendah daripada perolehan yang dicadangkan untuk pembayaran balik, jumlah lebihan akan digunakan untuk membayar balik pinjaman bank lain seperti yang disenaraikan di atas. Selepas itu, sekiranya terdapat lebihan baki, lebihan itu akan diperuntukkan untuk tujuan modal kerja kami.

#### 3.7.3 Pembelian mesin CNC baharu

Bersempena dengan pembinaan Kilang Baharu untuk memenuhi keperluan pengembangan kami dan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran keseluruhan Kumpulan kami, kami bercadang untuk menggunakan kira-kira RM12.38 juta atau kira-kira 14.65% daripada perolehan kasar yang dikumpul daripada Terbitan Awam untuk membeli mesin CNC baharu.

Kami merancang untuk menaik taraf dan menambah bilangan mesin CNC untuk membolehkan kami memenuhi permintaan daripada pelanggan sedia ada dan baharu kami dari segi saiz pesanan, kerumitan serta mengurangkan masa tunggu penghantaran.

Butiran mengenai mesin CNC yang akan dibeli adalah seperti berikut:

Jenis mesin CNC	Fungsi	Bil. unit	Jumlah anggaran kos <sup>(i)</sup>
			RM'000
Pengisar CNC	Mesin yang menggunakan kawalan berkomputer dan alat pemotong berbilang titik berputar untuk mengeluarkan bahan berlebihan secara beransur-ansur daripada bahan kerja dan menghasilkan bahagian atau komponen yang direka khas	20	7,738
Pemusing CNC	Mesin yang memusingkan bahan kerja akhir atau bahan pada kelajuan tinggi dengan alat pemotong yang mencukur bahan secara beransur-ansur untuk menghasilkan bahagian atau komponen yang direka khas	4	1,526
Pengisar pusing CNC	Mesin yang menggabungkan kedua-dua proses memusing dan mengisar	3	1,419
Pelarik automatik CNC	Mesin yang dikendalikan secara mekanikal dan memerlukan hanya sedikit campur tangan manusia untuk memotong, mengempelas, menggerudi, mengubah bentuk dan memusingkan bahan kerja. Mesin ini juga mampu melakukan proses pengisaran pusing untuk bahagian dan komponen mesin ketepatan yang lebih kecil	3	1,245

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

Jenis mesin CNC	Fungsi	Bil. unit	Jumlah anggaran kos <sup>(i)</sup>
			RM'000
Pengindeks CNC	Mesin yang menggunakan pengindeksan untuk meletakkan bahan kerja untuk pelbagai aplikasi termasuk pemesinan, kedudukan dan pemeriksaan	6	450
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>	<b>12,378</b>

Nota:

- (i) Berdasarkan sebut harga yang diperoleh daripada pembekal dan termasuk kos pemasangan yang berkaitan. Anggaran kos mesin CNC dan aksesori sampingan yang sepadan adalah tertakluk kepada perubahan jika sebut harga yang diperoleh disemak semula oleh pembekal kami.

Kebanyakan mesin CNC di atas akan diperuntukkan antara Northeast Precision dan NE Technologies dan akan dipasang masing-masing di Kilang 2 dan Kilang Baharu. Tambahan mesin pengisaran CNC, mesin pemusing CNC dan mesin pelarik automatik CNC baharu tersebut dijangka akan meningkatkan kapasiti operasi Kumpulan kami masing-masing sebanyak kira-kira 8.51%, 13.33% dan 25.00%. Sila rujuk Seksyen 6.13 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai kapasiti operasi Kumpulan kami dan kadar penggunaan mesin CNC kami bagi FYE 2023 dan FPE 2024. Peningkatan kapasiti pengeluaran keseluruhan kami adalah selaras dengan rancangan kami untuk mengembangkan pangkalan pelanggan kami dan memberi perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan tempatan dan antarabangsa. Tambahan pula, kapasiti pengeluaran tambahan akan membolehkan kami memenuhi tempahan daripada pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan baharu. Pada LPD, kami belum memperoleh atau membuat apa-apa pesanan pembelian atau perjanjian yang mengikat untuk pembelian mesin CNC baharu ini.

Sekiranya perolehan yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk pembelian mesin CNC baharu, apa-apa kekurangan akan dibiayai melalui dana janaan dalaman. Sebaliknya, jika kos sebenar adalah lebih rendah daripada jumlah yang diperuntukkan di atas, lebihan itu akan diperuntukkan untuk tujuan modal kerja kami.

#### 3.7.4 Modal kerja

Selaras dengan jangkaan pengembangan dan pertumbuhan perniagaan Kumpulan kami, Kumpulan kami menjangkakan akan menggunakan jumlah bahan mentah yang lebih tinggi untuk memenuhi permintaan pelanggan sedia ada kami serta untuk memenuhi tempahan bakal pelanggan baharu. Bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, bahan mentah, sebagai salah satu komponen utama kos jualan kami, masing-masing menyumbang kira-kira 36.39%, 38.02%, 25.91% dan 24.08% daripada jumlah kos jualan kami.

Kami bercadang untuk menggunakan kira-kira RM5.52 juta atau 6.53% daripada perolehan kasar yang dikumpul daripada Terbitan Awam untuk pembelian bahan mentah utama kami, seperti aluminium, tembaga dan keluli tahan karat. Jumlah tersebut dicapai selepas mempertimbangkan bahan mentah tambahan yang diperlukan untuk menyokong rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6.5 Prospektus ini.

Kumpulan kami membiayai modal kerja kami melalui dana janaan dalaman pada masa kini dan pada masa lalu. Oleh itu, modal kerja tambahan dijangka akan meningkatkan kecairan dan aliran tunai Kumpulan kami dan akan meletakkan kami dalam kedudukan yang lebih baik untuk menerima lebih banyak pesanan daripada pelanggan kami.

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### 3.7.5 Anggaran perbelanjaan penyenaian

Kami bercadang untuk memperuntukkan RM6.60 juta atau kira-kira 7.81% daripada perolehan kasar yang dikumpul daripada Terbitan Awam untuk membayar perbelanjaan penyenaian kami seperti berikut:

Butiran	RM'000
Yuran profesional <sup>(i)</sup>	3,253
Yuran taja jamin, penempatan dan pembrokeran	2,086
Bayaran kepada pihak berkuasa	87
Perbelanjaan percetakan dan pengiklanan	300
Belanja pelbagai dan kontingensi <sup>(ii)</sup>	874
<b>Jumlah</b>	<b>6,600</b>

Nota:

- (i) Termasuk yuran nasihat/ profesional untuk, antara lain, Penasihat Utama, Peguam Cara, Akauntan Pelapor, IMR dan Setiausaha Syarikat kami.
- (ii) Terdiri daripada apa-apa perbelanjaan sampingan atau berkaitan lain berhubung dengan IPO kami seperti perbelanjaan acara berkaitan IPO/ jerayawara dan dana yang dikhususkan untuk tujuan kontingensi.

Sekiranya perolehan yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk perbelanjaan penyenaian, apa-apa kekurangan akan dibiayai melalui dana janaan dalaman manakala apa-apa lebihan akan digunakan untuk tujuan modal kerja kami.

Sementara menunggu penggunaan akhir perolehan daripada Terbitan Awam, kami bercadang untuk meletakkan perolehan (termasuk faedah terakru, jika ada) atau mana-mana bakinya dengan institusi kewangan berlesen di Malaysia dan/atau dalam instrumen pasaran wang.

Syarikat kami tidak akan menerima apa-apa perolehan daripada Tawaran untuk Jualan. Perolehan kasar yang dikumpul daripada Tawaran untuk Jualan sebanyak kira-kira RM25.90 juta akan terakru sepenuhnya kepada Pemegang Saham Menjual kami. Pemegang Saham Menjual kami akan menanggung semua perbelanjaan yang berkaitan dengan Tawaran untuk Jualan, termasuk yuran penempatan berkenaan dengan Saham Tawaran, yang dianggarkan kira-kira RM0.58 juta.

### 3.8 BROKERAJ, KOMISEN TAJA JAMIN DAN YURAN PENEMPATAN

#### 3.8.1 Yuran pembrokeran

Kami akan membayar yuran pembrokeran untuk 66,600,000 Saham Terbitan yang tersedia untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia dan Orang yang Layak di bawah Seksyen 3.3.1(i) dan 3.3.1(ii) Prospektus ini, pada kadar 1.00% (tidak termasuk apa-apa cukai yang dikenakan) ke atas Harga IPO berkenaan dengan semua permohonan yang berjaya yang mempunyai cap Affin Hwang IB, organisasi Bursa Securities yang mengambil bahagian, ahli Persatuan Bank-bank di Malaysia, ahli Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia atau Rumah Terbitan.



### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

#### 3.8.2 Komisen taja jamin

Affin Hwang IB, sebagai Penaja Jamin Tunggal kami telah bersetuju untuk menaja jamin 66,600,000 Saham Terbitan yang tersedia untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia dan Orang yang Layak masing-masing di bawah Seksyen 3.3.1(i) dan 3.3.1(ii) Prospektus ini. Seperti yang ditetapkan dalam Perjanjian Taja Jamin, kami akan membayar Penaja Jamin Tunggal kami komisen taja jamin pada kadar 2.25% (tidak termasuk apa-apa cukai yang dikenakan) daripada jumlah nilai Saham yang ditaja jamin.

#### 3.8.3 Yuran penempatan

Kami akan membayar Ejen Penempatan Tunggal kami yuran penempatan pada kadar 2.25% (tidak termasuk apa-apa cukai yang dikenakan) daripada nilai 102,389,000 Saham Terbitan yang dikhaskan untuk penempatan persendirian kepada Pelabur Terpilih dan pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI masing-masing di bawah Seksyen 3.3.1(iii) dan 3.3.1(iv) Prospektus ini.

Pemegang Saham Menjual kami juga akan membayar Ejen Penempatan Tunggal kami yuran penempatan sebanyak 2.25% (tidak termasuk apa-apa cukai yang dikenakan) daripada Harga IPO didarab dengan bilangan Saham Tawaran yang berjaya diletakkan kepada pelabur Bumiputera dikenal pasti yang diluluskan oleh MITI di bawah Seksyen 3.3.2 Prospektus ini.

### 3.9 BUTIRAN PENGATURAN TAJA JAMIN

Kami telah menandatangani Perjanjian Taja Jamin dengan Penaja Jamin Tunggal kami untuk menaja jamin 66,600,000 Saham Terbitan yang tersedia untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia dan Orang yang Layak di bawah Seksyen 3.3.1(i) dan 3.3.1(ii) Prospektus ini, tertakluk kepada penarikan balik dan peruntukan semula seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.3.4 Prospektus ini dan atas terma dan tertakluk kepada syarat Perjanjian Taja Jamin.

Butiran komisen taja jamin dinyatakan dalam Seksyen 3.8.2 Prospektus ini manakala terma penting Perjanjian Taja Jamin adalah seperti berikut:

#### (i) Syarat terdahulu untuk taja jamin

Kewajipan Penaja Jamin Tunggal kami di bawah Perjanjian Taja Jamin adalah bersyarat pada pematuhan dan/atau pemenuhan berikut:

- (a) Kelulusan Bursa Securities terhadap Penyenaraian kami kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan semua syarat (kecuali untuk mana-mana yang hanya boleh dipatuhi selepas penyelesaian IPO kami) telah dipatuhi;
- (b) tawaran dan penerbitan Saham IPO kami telah diluluskan oleh pemegang saham Syarikat kami;
- (c) penghantaran kepada Penaja Jamin Tunggal kami sebelum tarikh pendaftaran Prospektus ini dengan Bursa Securities, 3 petikan yang diperakui benar bagi semua resolusi Lembaga kami, (i) meluluskan IPO dan Penyenaraian kami dan urus niaga yang dipertimbangkan masing-masing, (ii) meluluskan dan membenarkan pelaksanaan Perjanjian Taja Jamin dan memberi kuasa kepada orang yang ditentukan oleh Lembaga kami untuk melaksanakan Perjanjian Taja Jamin, (iii) meluluskan peruntukan dan terbitan Saham Terbitan untuk IPO kami, (iv) meluluskan dan membenarkan terbitan Prospektus ini, dan (v) mengesahkan bahawa Pengarah kami, secara kolektif dan individu, menerima tanggungjawab penuh untuk ketepatan semua maklumat yang dinyatakan dalam Prospektus ini;

---

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

---

- (d) semua resolusi yang disebut dalam Klausa (b) dan (c) di atas kekal berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya pada hari dan masa terakhir untuk penerimaan dan pembayaran Terbitan Awam sebanyak 37,000,000 Saham Terbitan yang tersedia untuk permohonan oleh Orang Awam Malaysia dan 29,600,000 Saham Terbitan yang tersedia untuk permohonan oleh Orang yang Layak menurut Prospektus ini dan Borang Permohonan atau mana-mana tarikh yang dilanjutkan dari masa ke masa oleh Syarikat kami bersama dengan persetujuan bersama Penaja Jamin Tunggal kami secara bertulis, tertakluk kepada kelulusan bertulis terdahulu daripada pihak berkuasa berkaitan, jika diperlukan ("**Tarikh Tutup**") dan tarikh penghantaran Borang Permohonan bersama dengan penghantaran wang langganan yang perlu dibayar atas permohonan saham yang tidak dilanggan oleh Penaja Jamin Tunggal kami ("**Tarikh Penyelesaian**") dan tiada yang telah dibatalkan atau ditarik balik atau diubah;
- (e) penyerahan simpan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia salinan Prospektus ini dan dokumen lain yang mungkin diperlukan menurut CMSA dan Akta;
- (f) pendaftaran Prospektus ini dan dokumen lain yang mungkin diperlukan menurut CMSA berhubung dengan IPO kami dengan Bursa Securities dan penyerahan dokumen yang mengiringi kepada Bursa Securities pada atau sebelum penerbitan, pengedaran atau pengagihan Prospektus ini kepada orang awam;
- (g) semua kelulusan yang diperlukan berhubung dengan IPO, Penerimaan Masuk dan Penyenaraian kami, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelulusan daripada pihak berkuasa yang telah diperolehi dan berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya pada Tarikh Tutup dan Tarikh Penyelesaian dan semua syarat kepada kelulusan (kecuali untuk mana-mana yang hanya boleh dipatuhi selepas penyelesaian IPO kami) telah dipatuhi;
- (h) Perjanjian Penaja Taja Jamin telah ditandatangani dan dicap dengan sewajarnya dalam rangka masa berkanun;
- (i) Prospektus ini diterbitkan tidak lewat daripada 29 November 2024 atau tarikh lebih lewat yang mungkin dipersetujui antara Penaja Jamin Tunggal kami dan Syarikat kami secara bertulis;
- (j) IPO kami dan penawaran, penjualan, penerbitan, pembelian dan langganan Saham IPO kami, Penyenaraian kami dan urus niaga yang dipertimbangkan di bawah Perjanjian Taja Jamin menurut peruntukannya tidak dilarang atau dihalang oleh undang-undang sama ada diisytiharkan oleh mana-mana badan atau pihak berkuasa perundangan, eksekutif atau kawal selia Malaysia (termasuk Bursa Securities) atau mana-mana bidang kuasa di mana Saham IPO tersebut ditawarkan;
- (k) tidak ada, pada pendapat Penaja Jamin Tunggal kami, pada atau sebelum Tarikh Tutup dan Tarikh Penyelesaian, apa-apa perubahan atau perkembangan yang akan memberi kesan buruk material kepada Kumpulan kami atau apa-apa kejadian atau penemuan apa-apa fakta atau keadaan yang menyebabkan apa-apa representasi, waranti, aku janji atau apa-apa kewajipan Syarikat kami dalam Perjanjian Taja Jamin menjadi tidak benar, tidak tepat, mengelirukan atau tidak betul, tidak dipatuhi, dilanggar dan/atau gagal dilaksanakan dalam apa-apa aspek;

---

**3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)**

---

- (l) Penaja Jamin Tunggal kami berpuas hati bahawa tiada pelanggaran, atau kegagalan di pihak Syarikat kami untuk mematuhi, apa-apa kewajipan di bawah Perjanjian Taja Jamin dan bahawa IPO kami (termasuk tawaran, jualan dan terbitan Saham IPO) telah mematuhi undang-undang dan semua semakan, pindaan dan/atau tambahan kepadanya;
- (m) penghantaran kepada Penaja Jamin Tunggal kami daripada Syarikat kami sijil dalam bentuk atau sebahagian besarnya dalam bentuk yang terkandung dalam Perjanjian Taja Jamin, yang ditandatangani oleh pengarah atau pegawai Syarikat kami yang diberi kuasa sewajarnya (bagi pihak Syarikat), bertarikh pada tarikh pendaftaran Prospektus ini, dan seterusnya Tarikh Tutup, yang bermaksud bahawa orang yang memberikan sijil tersebut telah memeriksa Perjanjian Taja Jamin dengan teliti dan bahawa:
1. representasi, waranti dan aku janji Syarikat kami adalah benar, tepat dan betul serta tidak mengelirukan dalam semua aspek pada dan setakat tarikh pendaftaran Prospektus ini dan Tarikh Tutup, seolah-olah ia telah diberikan dan dibuat pada tarikh pendaftaran Prospektus ini dan seterusnya Tarikh Tutup, dan tidak terdapat apa-apa kejadian atau keadaan atau penemuan apa-apa fakta atau keadaan atau peninggalan mana-mana fakta atau perkembangan yang akan menyebabkan apa-apa representasi atau waranti oleh Syarikat kami dalam apa-apa aspek, atau mengakibatkan pelanggaran Perjanjian Taja Jamin oleh Syarikat kami. Syarikat kami telah mematuhi semua terma Perjanjian Taja Jamin dan memenuhi semua syarat dan kewajipan;
  2. sejak tarikh Perjanjian Taja Jamin, tiada perubahan atau perkembangan yang mungkin mempunyai kesan buruk yang material;
  3. peruntukan dan penerbitan Saham IPO kami tidak dilarang oleh mana-mana statut atau peraturan yang diisytiharkan atau dikeluarkan oleh mana-mana badan perundangan atau kawal selia di Malaysia;
  4. semua syarat yang ditetapkan dalam syarat-syarat terdahulu untuk taja jamin oleh Perjanjian Taja Jamin berkenaan dengan Syarikat kami telah dipenuhi; dan
  5. tiada peristiwa telah berlaku berkenaan dengan Syarikat kami yang akan memberikan hak kepada Penaja Jamin Tunggal kami untuk memberi notis kepada Syarikat kami untuk menamatkan Perjanjian Taja Jamin.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (*SAMBUNGAN*)

#### (ii) Penamatan oleh Penaja Jamin Tunggal kami apabila berlakunya perubahan buruk dan akibatnya

Tidak kira sebarang perkara yang terkandung dalam Perjanjian Taja Jamin, Penaja Jamin Tunggal kami, boleh melalui notis bertulis kepada Syarikat kami yang diberikan pada bila-bila masa sebelum tarikh Penyenaraian kami, menamatkan, membatalkan dan menarik balik komitmennya untuk menaja jamin jika pada pendapat Penaja Jamin Tunggal kami:

- (a) terdapat apa-apa pelanggaran oleh Syarikat kami terhadap mana-mana kewajipan, representasi, waranti atau aku janji yang dinyatakan dalam Perjanjian Taja Jamin dalam apa jua aspek; atau terdapat apa-apa kejadian atau penemuan apa-apa fakta atau keadaan yang menjadikan mana-mana waranti atau representasi atau aku janji tidak benar, tidak tepat, mengelirukan atau tidak betul dalam apa-apa aspek atau mengakibatkan mana-mana aku janji tidak dipatuhi, dilanggar dan/atau gagal dilaksanakan dalam apa-apa aspek; dan dalam mana-mana keadaan, di mana salah nyata atau pelanggaran itu boleh diperbaiki, perkara yang sama tidak diperbaiki dalam masa 3 Hari Pasaran atau pada hari lain sedemikian di mana pihak-pihak tersebut boleh bersetuju secara bertulis, tetapi dalam apa-apa keadaan tidak lewat dari Tarikh Tutup daripada pemberian notis bertulis kepada Syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh Penaja Jamin Tunggal kami;
- (b) Syarikat kami menyembunyikan apa-apa maklumat penting daripada Penaja Jamin Tunggal kami, yang, pada pendapat Penaja Jamin Tunggal kami, berkemungkinan mempunyai kesan buruk yang material;
- (c) telah berlaku, terjadi atau berkuat kuasa apa-apa peristiwa atau siri peristiwa di luar kawalan Penaja Jamin Tunggal kami atas sebab Force Majeure (seperti yang ditakrifkan di bawah) yang akan mempunyai atau boleh dijangka mempunyai, kesan buruk yang material terhadap perniagaan, operasi, keadaan kewangan atau prospek Kumpulan kami atau kejayaan IPO kami atau yang berkemungkinan mempunyai kesan untuk menyebabkan apa-apa kewajipan material di bawah Perjanjian Taja Jamin tidak mampu dilaksanakan menurut termannya atau Syarikat kami akan menanggung apa-apa kerugian material atau gangguan terhadap perniagaan daripada kebakaran, letupan, banjir atau malapetaka lain, sama ada dilindungi oleh insurans atau tidak, atau daripada apa-apa gangguan atau pertikaian buruh atau apa-apa tindakan, perintah atau dekri mana-mana mahkamah atau penimbang tara atau pihak berkuasa kerajaan atau kawal selia, dalam setiap kes, yang telah atau boleh dijangka mempunyai kesan buruk yang material;

“**Force Majeure**” bermaksud sebab-sebab yang tidak dapat diramalkan dan di luar kawalan pihak yang menuntut force majeure yang tidak dapat dielakkan atau dihalang oleh ramalan, perancangan dan pelaksanaan yang munasabah termasuk tetapi tidak terhad kepada:

1. perang, tindakan peperangan, sabotaj, permusuhan, serangan, pencerobohan oleh angkatan bersenjata, tindakan tentera musuh, negara atau musuh, perang saudara atau kekecohan, rampasan, keganasan, darurat negara;
2. rusuhan, pemberontakan menentang pihak berkuasa yang dibentuk, kekecohan awam, kekacauan, pemberontakan, penentangan bersenjata yang teratur terhadap kerajaan, penentangan, pengambilalihan tentera atau rampasan kuasa;

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)

3. bencana alam termasuk tetapi tidak terhad kepada gempa bumi, banjir, kebakaran, ribut, kilat, ribut kencang, letupan, kemalangan, epidemik, pandemik, wabak penyakit, pelaksanaan sekatan pergerakan atau langkah serupa untuk mengawal penyebaran apa-apa wabak atau bencana alam lain; atau
  4. berlakunya apa-apa malapetaka atau krisis atau kecemasan lain atau apa-apa kejadian atau siri kejadian bersifat force majeure, atau kemerosotan mana-mana keadaan sedemikian.
- (d) apa-apa permintaan kerajaan atau kejadian lain dalam apa jua bentuk sekalipun yang secara munasabah berkemungkinan memberi kesan buruk yang material ke atas perniagaan, operasi, keadaan kewangan atau prospek Kumpulan kami atau kejayaan IPO kami;
- (e) apa-apa perubahan buruk yang material dalam pasaran monetari negara atau antarabangsa, kewangan dan pasaran modal (termasuk keadaan pasaran saham dan kadar faedah), keadaan politik atau ekonomi atau kawalan pertukaran atau kadar pertukaran mata wang yang pada pendapat Penaja Jamin Tunggal kami berkemungkinan mempunyai kesan buruk yang material (sama ada dalam pasaran utama atau berkenaan dengan urusan dalam pasaran sekunder). Untuk mengelakkan keraguan dan tanpa prejudis kepada perkara di atas, jika FTSE Bursa Malaysia KLCI ("**Indeks**"), pada penutup dagangan biasa di Bursa Securities, pada mana-mana Hari Pasaran:
1. pada atau selepas tarikh Perjanjian Taja Jamin; dan
  2. sebelum Tarikh Tutup,
- lebih rendah daripada 85%, daripada paras Indeks pada penutup terakhir dagangan biasa di bursa yang berkaitan pada Hari Pasaran sejurus sebelum tarikh Perjanjian Taja Jamin dan kekal pada atau di bawah paras itu untuk sekurang-kurangnya 3 Hari Pasaran berturut-turut, ini akan dianggap sebagai perubahan buruk yang material dalam keadaan pasaran saham;
- (f) perdagangan semua sekuriti di Bursa Securities, Singapore Exchange Securities Trading Limited, Bursa Saham New York, Nasdaq, Bursa Saham London atau Bursa Saham Hong Kong telah dihadkan atau digantung atau harga minimum telah ditetapkan di Bursa Securities untuk 3 Hari Pasaran berturut-turut atau bentuk sekatan material yang lain dalam perdagangan untuk 3 Hari Pasaran berturut-turut atau lebih;
- (g) moratorium perbankan telah diisytiharkan oleh pihak berkuasa di Malaysia, USA, UK, Singapura atau Hong Kong, atau gangguan material aktiviti perbankan komersial atau penyelesaian sekuriti atau perkhidmatan penyelesaian telah berlaku di Malaysia, USA, UK, Singapura atau Hong Kong;
- (h) mana-mana undang-undang atau peraturan baharu atau perubahan undang-undang, dalam mana-mana bidang kuasa, tafsiran atau permohonan yang berkenaan oleh mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa yang pada pendapat Penaja Jamin Tunggal kami berkemungkinan secara munasabah menjejaskan kejayaan IPO atau Penyenaraian kami atau yang akan mempunyai atau berkemungkinan besar mempunyai kesan menjadikannya tidak praktikal untuk menguatkuasakan kontrak untuk memperuntukkan dan/atau untuk memindahkan Saham IPO kami atau yang akan mempunyai atau berkemungkinan besar secara munasabah mempunyai kesan untuk membuat apa-apa kewajipan di bawah Perjanjian Taja Jamin tidak dapat dilaksanakan mengikut termannya;

---

**3. BUTIRAN IPO KAMI (SAMBUNGAN)**

---

- (i) jika SC atau mana-mana pihak berkuasa lain mengeluarkan perintah menurut Undang-undang Malaysia menjadikannya tidak praktikal untuk memasarkan IPO kami atau untuk menguatkuasakan kontrak untuk memperuntukkan dan/atau memindahkan Saham IPO kami;
- (j) mana-mana bahagian penempatan persendirian atau IPO kami dihentikan atau ditangguhkan oleh Syarikat kami atau mana-mana pihak berkuasa atas apa-apa sebab sekalipun (melainkan kelewatan tersebut telah diluluskan oleh Penaja Jamin Tunggal kami secara bertulis);
- (k) Penyenaraian kami tidak berlaku pada atau sebelum 18 Disember 2024 atau dalam tempoh 5 Hari Pasaran selepas Tarikh Penyelesaian, yang mana lebih awal, atau tarikh lanjutan lain yang dipersetujui oleh Penaja Jamin Tunggal kami;
- (l) sekiranya Penyenaraian kami ditarik balik atau tidak diperoleh atau diperoleh tetapi tertakluk kepada syarat yang tidak boleh diterima oleh Penaja Jamin Tunggal kami;
- (m) kelulusan IPO kami ditarik balik, diubah suai dan/atau tertakluk kepada terma dan syarat yang, pada pendapat Penaja Jamin Tunggal kami, tidak boleh diterima oleh Penaja Jamin Tunggal kami;
- (n) Tarikh Tutup tidak berlaku pada atau sebelum 6 Disember 2024 atau mana-mana tarikh kemudian sebagaimana yang dipersetujui oleh Penaja Jamin Tunggal kami;
- (o) sebarang permulaan prosiding undang-undang, siasatan rasmi, pertanyaan atau tindakan terhadap Syarikat kami atau mana-mana Pengarah atau pegawai eksekutif kami yang pada pendapat Penaja Jamin Tunggal kami, akan mempunyai atau berkemungkinan mempunyai kesan buruk yang material atau menjadikannya tidak praktikal untuk memasarkan kami IPO atau untuk menguatkuasakan kontrak untuk memperuntukkan dan/atau memindahkan Saham IPO kami;
- (p) mana-mana resolusi atau kelulusan seperti yang dirujuk dalam Perjanjian Taja Jamin dibatalkan, digantung, ditarik balik atau tidak lagi mempunyai apa-apa kesan, atau diubah atau ditambah dan pembatalan, penggantungan, penghentian, perubahan, penarikan balik atau tambahan tersebut pada terma yang telah atau akan mempunyai atau berkemungkinan mempunyai kesan buruk yang material; atau
- (q) apa-apa kenyataan yang terkandung dalam Prospektus ini telah menjadi atau didapati tidak benar, tidak tepat atau mengelirukan dalam apa-apa aspek atau perkara telah timbul atau telah ditemui yang akan menjadikan peninggalan material.

---

### 3. BUTIRAN IPO KAMI (*SAMBUNGAN*)

---

#### 3.10 PERDAGANGAN DAN PENYELESAIAN DI PASARAN SEKUNDER

Pada Penyenaraian kami, Saham kami akan didagangkan melalui Bursa Securities dan diselesaikan melalui penyelesaian catatan buku melalui CDS, yang dikendalikan oleh Bursa Depository. Ini akan berkuat kuasa menurut Peraturan Bursa Depository dan peruntukan SICDA. Sehubungan itu, Syarikat kami tidak akan menghantar sijil saham kepada pelanggan atau pembeli Saham IPO kami.

Pemilik benefisial Saham kami dikehendaki di bawah Peraturan Bursa Depository untuk mengekalkan Saham kami dalam Akaun CDS, sama ada secara langsung atas nama mereka atau melalui penama yang diberi kuasa. Orang yang namanya terpapar dalam Rekod Pendeposit kami yang diselenggarakan oleh Bursa Depository akan dianggap sebagai pemegang saham kami berkenaan dengan bilangan Saham yang dikreditkan ke Akaun CDS mereka masing-masing.

Urus niaga dalam Saham kami di bawah sistem penyelesaian catatan buku akan ditunjukkan oleh Akaun CDS penjual yang didebitkan dengan bilangan Saham yang dijual dan Akaun CDS pembeli dikreditkan dengan bilangan Saham yang diperolehi. Tiada duti setem pemindahan perlu dibayar pada masa kini untuk Saham kami yang diselesaikan melalui catatan buku, walaupun terdapat yuran pemindahan nominal sebanyak RM10.00 yang perlu dibayar untuk setiap pemindahan yang tidak diurusniagakan di pasaran.

Saham yang dipegang dalam Akaun CDS tidak boleh dikeluarkan daripada CDS kecuali dalam keadaan berikut:

- (i) untuk memudahkan pembelian balik saham;
- (ii) untuk memudahkan penukaran sekuriti hutang;
- (iii) untuk memudahkan proses penstrukturan semula syarikat;
- (iv) apabila badan korporat dikeluarkan daripada Senarai Rasmi;
- (v) untuk memudahkan pembetulan apa-apa kesilapan; dan
- (vi) dalam apa-apa keadaan lain seperti yang ditentukan oleh Bursa Depository dari masa ke masa, selepas berunding dengan SC.

Dagangan saham syarikat yang tersenarai di Bursa Securities biasanya dilakukan dalam "lot niaga" sebanyak 100 saham. Pelabur yang ingin berdagang kurang daripada 100 saham dikehendaki berdagang di bawah pasaran lot ganjil. Penyelesaian dan pembayaran perdagangan yang dilakukan secara "sedia ada" di Bursa Securities biasanya berlaku pada Hari Pasaran kedua selepas tarikh urus niaga.

Saham kami dijangka akan memulakan dagangan di Bursa Securities kira-kira 10 Hari Pasaran selepas penutupan IPO. Pelanggan Saham kami tidak akan dapat menjual atau sebaliknya berurusan dalam Saham kami (kecuali melalui pemindahan catatan buku ke Akaun CDS lain dalam keadaan yang tidak melibatkan perubahan dalam pemilikan benefisial) sebelum permulaan dagangan di Bursa Securities.

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI

##### 4.1 PROMOTER DAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

##### 4.1.1 Pemegangan saham Promoter dan pemegang saham utama kami

Butiran Promoter dan pemegang saham utama kami dan pegangan saham masing-masing dalam Syarikat kami sebelum dan selepas IPO adalah seperti berikut:

Nama	Warganegara/ Negara Diperbadankan	Sebelum IPO kami/ Pada IPO				Selepas IPO kami			
		Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
		Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(ii)%
<b>Promoter dan pemegang saham utama</b>									
Mountain Range	Malaysia	397,321,608	69.58	-	-	397,321,608	53.69	-	-
Ng Chay Chin	Malaysia	37,000,000	6.48	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	69.58	29,600,000	4.00	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	53.69
Chong Ewe Hean	Malaysia	29,600,000	5.18	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	69.58	25,900,000	3.50	<sup>(iii)</sup> 397,321,608	53.69
<b>Pemegang saham utama</b>									
Ng Meng Hang	Malaysia	37,740,000	6.61	-	-	18,500,000	2.50	-	-
Tang Ah Lek	Malaysia	34,780,000	6.09	-	-	22,200,000	3.00	-	-

Nota:

- (i) Berdasarkan modal saham terbitan sebanyak 571,011,000 Saham sebelum IPO kami /pada LPD.
- (ii) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.
- (iii) Dianggap berkepentingan berdasarkan kepentingannya dalam Mountain Range menurut Seksyen 8 Akta.

Promoter dan pemegang saham utama kami tidak mempunyai hak mengundi yang berbeza daripada pemegang saham lain Syarikat kami kerana semua Saham kami sebelum dan selepas IPO kami adalah daripada kelas yang sama.



#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

Kecuali seperti yang didedahkan di atas, tidak ada orang lain yang, secara langsung atau tidak langsung, secara bersama atau berasingan, mengawal Syarikat kami pada LPD. Tidak terdapat pengaturan antara Syarikat kami dan pemegang saham kami dengan mana-mana pihak ketiga, yang mungkin, pada tarikh berikutnya, mengakibatkan perubahan dalam kawalan Syarikat kami.

##### 4.1.2 Profil Promoter dan pemegang saham utama kami

Profil Promoter dan/atau pemegang saham utama kami adalah seperti yang berikut:

##### (i) Mountain Range

Mountain Range telah diperbadankan di Malaysia pada 18 Oktober 2022 di bawah Akta sebagai sebuah syarikat sendirian berhad. Aktiviti utama Mountain Range ialah pemegangan pelaburan untuk memegang Saham Syarikat kami.

Pada LPD, modal saham terbitan Mountain Range ialah RM1,000 terdiri daripada 1,000 saham biasa.

Pada LPD, pengarah Mountain Range ialah Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean.

Butiran pemegang saham dan pegangan saham masing-masing di Mountain Range adalah seperti berikut:

Nama	Warganegara	Langsung		Tidak Langsung	
		Bil. saham	%	Bil. saham	%
Ng Chay Chin	Malaysia	453	45.30	-	-
Chong Ewe Hean	Malaysia	267	26.70	-	-
Ng Meng Hang	Malaysia	135	13.50	-	-
Tang Ah Lek	Malaysia	87	8.70	-	-
Yin Thien Hee	Malaysia	32	3.20	-	-
Ng Chai Hee	Malaysia	26	2.60	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>1,000</b>	<b>100.00</b>	-	-

Pada LPD, Mountain Range tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam syarikat lain selain daripada Northeast.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**

---

**(ii) Ng Chay Chin**

**Ng Chay Chin**, warganegara Malaysia berumur 50 tahun, ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Urusan kami. Beliau bertanggungjawab untuk menyelia keseluruhan pengurusan harian Kumpulan kami dan penggubalan rancangan dan strategi operasi. Beliau telah dilantik ke Lembaga kami pada 18 Julai 2022.

Pada 1993, beliau menamatkan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Serdang, Kedah.

Beliau mempunyai kira-kira 30 tahun pengalaman dalam persediaan mesin, penyelenggaraan dan penyelesaian masalah serta operasi pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 1994, beliau memulakan kerjayanya sebagai Perantis di limbungan kapal di Singapura, di mana beliau terlibat dalam kerja-kerja mekanikal bahagian dan komponen untuk pembinaan kapal. Pada tahun yang sama, beliau meninggalkan Singapura dan kembali ke Malaysia untuk menyertai AE Technology Sdn Bhd sebagai Perantis. Beliau terlibat dalam penyelenggaraan dan penyelesaian masalah acuan peneraan untuk operasi peneraan logam.

Pada 1995, beliau meninggalkan AE Technology Sdn Bhd dan menyertai Eng Teknologi Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Eng Teknologi Holdings Bhd (sebuah syarikat yang sebelum ini disenaraikan di Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur ("**KLSE**") dan kemudiannya dipindahkan ke Papan Utama KLSE sebelum ia dinyahsenarai pada 2012) sebagai Juruteknik Pemesinan. Beliau terlibat dalam penyediaan mesin CNC untuk pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 1996, beliau meninggalkan Eng Teknologi Sdn Bhd dan menyertai DMS Microcut Sdn Bhd sebagai Juruteknik di mana beliau bertanggungjawab untuk mengkonfigurasi, menentukur serta menyelesaikan masalah mesin. Pada 1998, beliau dinaikkan pangkat sebagai Jurutera di mana beliau bertanggungjawab mengetuai pasukan juruteknik dalam mengendalikan operasi mesin, termasuk pengaturcaraan mesin untuk pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 1999, beliau meninggalkan DMS Microcut Sdn Bhd dan menyertai Micro-Mechanics Technology Sdn Bhd sebagai Jurumesin di mana beliau terlibat dalam tugas yang serupa dalam mengendalikan operasi mesin, termasuk pengaturcaraan mesin untuk pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 2001, beliau meninggalkan Micro-Mechanics Technology Sdn Bhd dan menyertai Auer Precision Asia Sdn Bhd sebagai Penyelia Teknikal di mana beliau terlibat dalam penyeliaan operasi harian jabatan teknikal.

Pada 2002, beliau meninggalkan Auer Precision Asia Sdn Bhd dan menyertai Eng Teknologi Holdings Bhd sebagai Pengurus Kejuruteraan. Beliau ditempatkan di operasi syarikat di Filipina dan bertanggungjawab untuk menubuhkan jabatan mesin pelarik automatik serta menyelia bahagian operasi pengeluaran. Pada 2004, beliau meninggalkan Eng Teknologi Holdings Bhd.

---

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

---

Selepas mengumpul kira-kira 9 tahun pengalaman bekerja dalam industri kejuruteraan ketepatan, beliau menjadi pemegang saham Northeast Precision pada 2004. Dari tahun ke tahun, bersama Chong Ewe Hean, beliau terus menerajui pengembangan perniagaan Kumpulan kami dengan mengembangkan keupayaan pembuatan kami, pangkalan pelanggan dan pasaran eksport.

Pada LPD, beliau memegang jawatan pengarah dalam sebuah syarikat sendiri berhad seperti yang didedahkan dalam Seksyen 4.2.3(ii) Prospektus ini.

##### (iii) **Chong Ewe Hean**

**Chong Ewe Hean**, warganegara Malaysia berumur 52 tahun, ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Eksekutif kami. Beliau bertanggungjawab untuk menerajui aktiviti pembangunan perniagaan Kumpulan kami, termasuk penggubalan strategi pembangunan perniagaan dan meneroka peluang perniagaan baharu dan industri pelanggan untuk usaha niaga dan pengembangan. Beliau telah dilantik ke Lembaga kami pada 18 Julai 2022.

Pada 1991, beliau menamatkan pendidikan menengah dari Kolej Vokasional Batu Lanchang, Pulau Pinang.

Beliau mempunyai kira-kira 31 tahun pengalaman dalam pembangunan perniagaan, jualan dan operasi pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 1992, beliau memulakan kerjayanya dengan Polytool Engineering Sdn Bhd sebagai Pelatih di mana beliau terlibat dalam pengendalian bahan dan kerja mekanikal.

Pada 1993, beliau meninggalkan Polytool Engineering Sdn Bhd dan menyertai Eng Hardware Engineering Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Eng Teknologi Holdings Bhd (sebuah syarikat yang sebelum ini disenaraikan di Papan Kedua KLSE dan kemudiannya dipindahkan ke Papan Utama KLSE sebelum ia dinyahsenarai pada 2012) sebagai Penyelia Juruteknik Alat. Beliau bertanggungjawab untuk menyelia bahagian alat. Pada 1999, beliau telah dipindahkan ke Engtek Precision Philippines, Inc, anak syarikat milik penuh Eng Teknologi Holdings Bhd, dan dinaikkan pangkat kepada Pengurus Kejuruteraan dan Pengeluaran. Beliau bertanggungjawab untuk menyelia operasi harian dan pembangunan Bahagian Alat Ketepatan dan Pemusingan CNC syarikat. Pada 2001, beliau telah dilantik semula sebagai Pengurus Kanan Jualan dan Pemasaran, di mana beliau terlibat dalam menyelia fungsi jualan dan pemasaran syarikat, termasuk melibatkan pelanggan baharu dan mengembangkan penawaran produk kepada pelanggan baharu. Pada 2003, beliau meninggalkan Engtek Precision Philippines, Inc dan kembali ke Malaysia.

Selepas mengumpul kira-kira 11 tahun pengalaman bekerja dalam industri kejuruteraan ketepatan, beliau memperbadankan Northeast Precision bersama dengan Ng Meng Hang pada 2004 untuk menceburi bidang pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Dari tahun ke tahun, bersama Ng Chay Chin, beliau terus menerajui pengembangan perniagaan Kumpulan kami dengan mengembangkan keupayaan pembuatan, pangkalan pelanggan dan pasaran eksport kami.

Pada LPD, beliau memegang jawatan pengarah dalam sebuah syarikat sendiri berhad seperti yang didedahkan dalam Seksyen 4.2.3(iii) Prospektus ini.

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**

---

**(iv) Ng Meng Hang**

**Ng Meng Hang**, warganegara Malaysia berumur 51 tahun, ialah pemegang saham utama kami pada LPD dan akan berhenti menjadi pemegang saham utama selepas IPO kami.

Pada 1993, beliau menamatkan pendidikan menengah dari Sekolah Menengah Kebangsaan Serdang, Kedah.

Pada 1994, beliau memulakan kerjayanya dengan Eng Teknologi Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh Eng Teknologi Holdings Bhd (sebuah syarikat yang sebelum ini disenaraikan di Papan Kedua KLSE dan kemudiannya dipindahkan ke Papan Utama KLSE sebelum ia dinyahsenarai pada 2012) sebagai Juruteknik Kejuruteraan di mana beliau terlibat dalam pembangunan artikel pertama, iaitu pembangunan prototaip.

Pada 1999, beliau meninggalkan Eng Teknologi Sdn Bhd dan menyertai Mahlin Min Aik Corporation Sdn Bhd sebagai Jurutera. Beliau bertanggungjawab untuk keseluruhan operasi jabatan kejuruteraan. Pada 2001, beliau meninggalkan Mahlin Min Aik Corporation Sdn Bhd dan menyertai Engtek Precision Philippines, Inc, anak syarikat milik penuh Eng Teknologi Holdings Bhd, sebagai Pengurus Teknikal untuk produk pemacu cakera keras dan pembangunan artikel pertama. Pada 2003, beliau meninggalkan Engtek Precision Philippines, Inc dan menyertai Northeast Precision pada 2004 sebagai Pengarah Kejuruteraan di mana beliau bertanggungjawab untuk menyelia keseluruhan operasi jabatan kejuruteraan. Beliau juga dilantik sebagai Pengarah Northeast Precision dan NE Components masing-masing pada Jun 2004 dan Ogos 2015. Selepas itu, beliau meletakkan jawatan sebagai Pengarah Northeast Precision dan NE Components pada September 2022 dan beliau telah dilantik semula sebagai Penasihat Teknikal, jawatan yang beliau pegang sehingga kini. Sebagai Penasihat Teknikal, beliau terlibat dalam pembangunan proses pembuatan dan penyediaan latihan dan kepakaran teknikal kepada Kumpulan kami.

Pada LPD, beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah dalam mana-mana syarikat tersenarai awam atau syarikat sendirian berhad.

**(v) Tang Ah Lek**

**Tang Ah Lek**, warganegara Malaysia berumur 76 tahun, ialah pemegang saham utama kami pada LPD dan akan berhenti menjadi pemegang saham utama selepas IPO kami.

Pada 1960, beliau menamatkan pendidikan rendah dari Sekolah Rendah Kebangsaan (C) Serdang, Kedah.

Pada 1961, beliau mula bekerja sebagai pekerja am di pelbagai ladang getah dan kelapa sawit tempatan di mana beliau terlibat dalam penanaman, perladangan, penuaian dan pengurusan am ladang.

Selepas mengumpul lebih 19 tahun pengalaman dalam industri kelapa sawit, beliau memulakan usaha beliau sebagai subkontraktor kelapa sawit atas kapasitinya sendiri pada 1980 di mana beliau menguruskan penanaman kelapa sawit serta menyelia pengurusan am ladang kelapa sawit. Beliau telah berada dalam industri yang sama sejak itu dan sehingga kini.

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)**

---

Pada LPD, beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah dalam mana-mana syarikat tersenarai awam atau syarikat sendirian berhad.

Sila rujuk Seksyen 4.7 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai kaitan atau talian persaudaraan antara Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### 4.1.3 Perubahan pemegangan saham Promoter dan pemegang saham utama kami dalam Syarikat kami

Perubahan pemegangan saham Promoter dan pemegang saham utama kami dalam Syarikat kami sejak tarikh pemerbadanan kami pada 18 Julai 2022 sehingga LPD dan selepas IPO kami adalah seperti berikut:

Nama	Pada 18 Julai 2022 (tarikh pemerbadanan)				Selepas Pemerolehan dan novasi Saham kepada Mountain Range dan pada LPD				Selepas IPO kami			
	Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(iii)%	Bil. Saham	(iii)%
<b>Promoter dan pemegang saham utama</b>												
Mountain Range	-	-	-	-	397,321,608	69.58	-	-	397,321,608	53.69	-	-
Ng Chay Chin	1	50.00	-	-	37,000,000	6.48	<sup>(iv)</sup> 397,321,608	69.58	29,600,000	4.00	<sup>(iv)</sup> 397,321,608	53.69
Chong Ewe Hean	1	50.00	-	-	29,600,000	5.18	<sup>(iv)</sup> 397,321,608	69.58	25,900,000	3.50	<sup>(iv)</sup> 397,321,608	53.69
<b>Pemegang saham utama</b>												
Ng Meng Hang	-	-	-	-	37,740,000	6.61	-	-	18,500,000	2.50	-	-
Tang Ah Lek	-	-	-	-	34,780,000	6.09	-	-	22,200,000	3.00	-	-

Nota:

- (i) Berdasarkan modal saham terbitan sebanyak 2 Saham.
- (ii) Berdasarkan modal saham terbitan sebanyak 571,011,000 Saham selepas Pemerolehan dan pada LPD.
- (iii) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.
- (iv) Dianggap berkepentingan berdasarkan kepentingannya dalam Mountain Range menurut Seksyen 8 Akta.

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### 4.1.4 Manfaat yang dibayar atau dihasratkan untuk dibayar atau diberikan kepada Promoter dan pemegang saham utama kami

Kecuali yang berikut, tiada amaun atau manfaat lain yang telah dibayar atau dihasratkan untuk dibayar atau diberikan kepada Promoter dan pemegang saham utama kami dalam tempoh 2 tahun sebelum tarikh Prospektus ini:

- (i) pengagihan dividen oleh Northeast Precision dan NE Components untuk FYE 2022 dan FYE 2023, masing-masing kepada Promoter dan pemegang saham utama kami adalah seperti berikut:

	FYE 2022	FYE 2023
	RM'000	RM'000
Ng Chay Chin	255	700
Chong Ewe Hean	255	350

- (ii) penerbitan Saham kami sebagai pertimbangan menurut Pemerolehan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 5.1.1 Prospektus ini; dan
- (iii) agregat imbuhan dan manfaat yang dibayar dan dicadangkan untuk dibayar untuk perkhidmatan yang diberikan kepada Kumpulan kami dalam semua kapasiti adalah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.2.4 Prospektus ini.

#### 4.2 LEMBAGA PENGARAH

##### 4.2.1 Pemegangan saham Pengarah kami

Butiran Pengarah kami dan pemegangan saham masing-masing dalam Syarikat kami sebelum IPO/ pada LPD dan selepas IPO kami (dengan andaian setiap Pengarah kami melanggan sepenuhnya kelayakan masing-masing di bawah Peruntukan Borang Merah Jambu seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.3.1 (ii) Prospektus ini) adalah seperti berikut:

Nama	Sebelum IPO kami/ Pada LPD				Selepas IPO kami			
	Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
	Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(i)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(iii)%
Dato' Seri Lee Kah Choon	-	-	-	-	1,300,000	0.18	-	-
Ng Chay Chin	37,000,000	6.48	(iii)397,321,608	69.58	29,600,000	4.00	(iii)397,321,608	53.69
Chong Ewe Hean	29,600,000	5.18	(iii)397,321,608	69.58	25,900,000	3.50	(iii)397,321,608	53.69
Dato' Faiza Binti Zulkifli	-	-	-	-	800,000	0.11	-	-
Ong Kim Nam	-	-	-	-	800,000	0.11	-	-
Ong Guat Ean	-	-	-	-	800,000	0.11	-	-

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

Nota:

- (i) Berdasarkan modal saham terbitan sebanyak 571,011,000 Saham sebelum IPO kami/pada LPD.
- (ii) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.
- (iii) Dianggap berkepentingan berdasarkan kepentingannya dalam Mountain Range menurut Seksyen 8 Akta.

Selain Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean yang merupakan pemegang saham Mountain Range, tiada Pengarah kami mewakili mana-mana pemegang saham korporat dalam Lembaga kami. Sila rujuk Seksyen 4.7 Prospektus ini untuk butiran mengenai kaitan atau talian persaudaraan antara Promoter kami, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.

##### 4.2.2 Profil Pengarah kami

Profil Pengarah kami, kecuali Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean yang masing-masing dinyatakan dalam Seksyen 4.1.2(ii) dan 4.1.2(iii) Prospektus ini, adalah seperti berikut:

###### (i) **Dato' Seri Lee Kah Choon**

**Dato' Seri Lee Kah Choon**, warganegara Malaysia berumur 64 tahun, ialah Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif kami dan telah dilantik ke Lembaga kami pada 15 Januari 2024.

Pada 1985, beliau memperoleh Sarjana Muda Undang-undang dari University of Southampton, UK. Pada 1986, beliau telah diterima ke Bar England dan Wales di Honorable Society of the Middle Temple. Pada 1987, beliau memperoleh Sarjana Sastera dalam Undang-undang dan Amalan dari The City University, UK. Beliau juga diterima ke Badan Peguam Malaysia pada tahun yang sama. Sejak 2019, beliau merupakan Perancang Kewangan Bertauliah melalui Persatuan Perancang Kewangan Malaysia.

Pada 1987, beliau memulakan kerjayanya dengan Tetuan Wong-Chooi & Mohd. Nor sebagai Pembantu Undang-undang, di mana beliau bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan undang-undang yang berkaitan dengan pemindahhakkan, amanah dan harta pusaka, perbankan dan korporat. Pada 1991, beliau telah diterima sebagai Rakan Kongsi firma tersebut sebelum meninggalkannya pada 1998.

Pada 1999, beliau mengasaskan amalan guaman sendiri, Tetuan KC Lee & Partners untuk memberi khidmat nasihat undang-undang. Sebagai Rakan Urusan, beliau memberi tumpuan kepada perkhidmatan pemindahhakkan, amanah dan harta pusaka, perbankan dan korporat.

Pada 2004, beliau melepaskan jawatannya dalam Tetuan KC Lee & Partners untuk bertugas sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan Malaysia. Beliau bertanggungjawab membantu Menteri dalam hal kesihatan di Malaysia, menjawab soalan berkaitan perundangan dan membentangkan laporan bagi pihak Menteri di dewan Parlimen semasa ketiadaan Menteri. Pada 2008, beliau melepaskan jawatan tersebut.



---

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

---

Pada 2008, beliau telah dilantik sebagai Pengarah beberapa syarikat berkaitan kerajaan. Ini termasuk Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (agensi pembangunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, yang aktiviti utamanya termasuk menjadi badan pemikir kerajaan, pembangunan taman perindustrian, pembangunan perbandaran, pembangunan semula bandar, rumah mampu milik dan pelaburan) sehingga 2023, serta Invest-in-Penang Berhad (sebuah entiti bukan untung Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan tujuan utama untuk mempromosikan pelaburan di Pulau Pinang) sehingga 2023. Selanjutnya, beliau ialah Pengarah Penang Hill Corporation (sebuah firma yang ditubuhkan dengan objektif utama untuk mengurus sistem funikular dan pembangunan Penang Hill) dari 2010 hingga 2023. Beliau juga merupakan Penasihat Pelaburan Khas kepada Ketua Menteri Pulau Pinang sehingga 2023.

Pada LPD, beliau menganggotai lembaga pengarah beberapa syarikat awam tersenarai dan syarikat sendirian berhad seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 4.2.3(i) Prospektus ini.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.

##### (ii) **Dato' Faiza Binti Zulkifli**

**Dato' Faiza Binti Zulkifli**, warganegara Malaysia berumur 64 tahun, ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami dan dilantik ke Lembaga kami pada 15 Januari 2024. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Imbuan kami dan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko serta Jawatankuasa Pencalonan kami.

Beliau memperoleh Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1984 dan Sarjana Undang-undang dalam Teknologi Maklumat dan Undang-undang Harta Intelek dari University of East Anglia, Norwich, UK pada 2006. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai Peguambela dan Peguamcara pada 2020. Beliau juga memperoleh Diploma Penterjemahan Profesional (modul undang-undang) daripada Institut Terjemahan Negara Malaysia pada 2018.

Pada 1984, beliau memulakan kerjayanya sebagai Majistret, di mana beliau bertanggungjawab mempengerusikan perkara sivil dan jenayah di Mahkamah Majistret sehingga 1988. Dari 1988 hingga 1991, beliau dilantik sebagai Penolong Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Malaysia di Perak. Beliau bertanggungjawab untuk mengendalikan kes bantuan guaman dalam bidang undang-undang keluarga, harta pusaka kecil (pembahagian), sewa beli, urusan penyewaan, kemalangan jalan raya dan tuntutan pegguna.

Dari 1991 hingga 2002, beliau dilantik sebagai Penasihat Undang-undang untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Beliau bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia semua perkara undang-undang dan bertindak sebagai Penasihat Undang-undang untuk Kementerian dalam kes sivil. Sepanjang perkhidmatan beliau dengan Kementerian, beliau terlibat dalam pelbagai jawatankuasa kerja dalam merangka strategi dan dasar serta mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan perdagangan dalam negeri, khususnya dalam sektor perdagangan pengedaran dan kepenggunaan.

---

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

---

Dari 2002 hingga 2007, beliau dilantik sebagai Penolong Kanan Penggubal Parlimen di Jabatan Peguam Negara Malaysia. Beliau terlibat dalam merangka dan menapis perundangan primer dan subsidiari serta menasihati kementerian mengenai perkara undang-undang.

Dari 2007 hingga 2013, beliau dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang. Beliau bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia hal undang-undang di semua jabatan Negeri Pulau Pinang. Beliau juga merupakan ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ahli Jawatankuasa Perancang Negeri, dan Jawatankuasa Tanah Negeri. Beliau juga bertindak sebagai Penasihat Undang-undang untuk negeri dalam kes sivil.

Dari 2014 hingga 2017, beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat di Jabatan Perdana Menteri. Beliau bertanggungjawab untuk mengetuai kes rayuan yang difailkan oleh tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan (undang-undang menentang subversi, keganasan terancang, dan perbuatan serta jenayah yang memudaratkan kuasa kecemasan awam).

Dari 2017 hingga 2018, beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Tribunal Rayuan Kastam di bawah Kementerian Kewangan di mana beliau mempengerusikan kes rayuan yang difailkan oleh orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah Kastam. Jawatan terakhir beliau dalam kerajaan sebelum bersara pada 2020 ialah Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan di bawah Kementerian Kewangan (dari 2018 hingga 2020). Beliau bertanggungjawab untuk mempengerusikan sebagai Pengerusi dalam kes rayuan yang difailkan oleh pembayar cukai terhadap pentaksiran Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri, Malaysia.

Dari April 2022 hingga Januari 2023, beliau telah dilantik sebagai ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Selain itu, pada Mac 2022, beliau telah dilantik sebagai ahli Panel Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia untuk tempoh 3 tahun sehingga Februari 2025.

Pada LPD, beliau menganggotai lembaga pengarah beberapa syarikat tersenarai awam seperti yang didedahkan dalam Seksyen 4.2.3(iv) Prospektus ini.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.

##### (iii) **Ong Kim Nam**

**Ong Kim Nam**, warganegara Malaysia berumur 68 tahun, ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami dan telah dilantik ke Lembaga kami pada 15 Januari 2024. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami dan ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan kami.

Pada 1975, beliau menamatkan pendidikan tingkatan enam dari Sekolah Menengah Westland, Pulau Pinang.

Beliau memperoleh kelayakan profesionalnya daripada Association of Chartered Accountants, UK ("**ACCA**") dan diterima sebagai ahli ACCA pada 1992. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia ("**MIA**") sejak 1993 dan Ahli Fellow ACCA sejak 1997.

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**

---

Dari 1975 hingga 1977, beliau berehat sementara selepas menamatkan pendidikan menengahnya dan sedang mempertimbangkan pilihan untuk masa depan. Pada 1977, beliau memulakan kerjayanya dengan menyertai Kiat & Associates sebagai Junior Audit di mana beliau membantu dalam menjalankan tugas audit. Dari tahun ke tahun, beliau memikul tanggungjawab tambahan dalam menjalankan tugas audit sebelum dipindahkan ke Kiat & Associates Management Consultants Sdn Bhd sebagai Pengurus pada 1984. Sebagai Pengurus, beliau bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan perundingan berhubung dengan perkhidmatan pencukaian dan pengurusan.

Pada 1991, beliau meninggalkan Kiat & Associates Management Consultants Sdn Bhd dan menyertai A.A. Anthony & Co Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar di mana beliau bertanggungjawab untuk menyelaras dan mengurus pemprosesan transaksi dan dokumentasi urus niaga saham, serta menyelia jabatan kewangan dan pentadbiran.

Pada 1994, beliau meninggalkan A.A. Anthony & Co Sdn Bhd dan mengasaskan OKN Management PLT (dahulunya dikenali sebagai OKN Management (M) Sdn Bhd), sebuah syarikat yang mengkhusus dalam penyediaan khidmat nasihat mengenai perkara yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan pencukaian. Sebagai pengasas, beliau menyelia keseluruhan operasi syarikat dan merangka strategi untuk memacu pertumbuhan syarikat.

Pada LPD, beliau menganggotai lembaga pengarah sebuah syarikat tersenarai awam seperti yang didedahkan dalam Seksyen 4.2.3(v) Prospektus ini.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Promoter kami, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.

**(iv) Ong Guat Ean**

**Ong Guat Ean**, warganegara Malaysia berumur 60 tahun, ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami dan telah dilantik ke Lembaga kami pada 15 Januari 2024. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan kami dan ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko serta Jawatankuasa Imbuan kami.

Pada 1988, beliau memperoleh Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia sebagai Peguambela dan Peguamcara pada 1989. Pada 1999, beliau memperoleh Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Universiti Sains Malaysia.

Pada 1989, beliau memulakan kerjayanya dengan Tetuan Wong-Chooi & Mohd. Nor sebagai Pembantu Undang-undang. Beliau terlibat dalam menyediakan perkhidmatan litigasi dan pemindahhakkan. Pada 1996, beliau telah diterima sebagai Rakan Kongsi firma dan tanggungjawabnya telah diperluas untuk menyediakan khidmat nasihat. Pada 1999, beliau telah dilantik sebagai Rakan Kongsi pejabat cawangan Butterworth Tetuan Wong-Chooi & Mohd. Nor di mana beliau bertumpu dalam penyediaan pemindahhakkan dan khidmat nasihat serta menyelia perniagaan dan operasi pejabat cawangan Butterworth. Pada 2013, beliau meninggalkan Tetuan Wong-Chooi & Mohd. Nor.

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)**

---

Selepas mengumpul kira-kira 24 tahun pengalaman kerja dalam industri undang-undang, beliau mengasaskan bersama firma guaman, Tetuan Annie Ong-Teng & Associates pada 2013. Sebagai Rakan Kongsi pengasas, beliau mengetuai firma itu dan menyediakan khidmat nasihat berkaitan litigasi dan pemindahhakkan.

Pada LPD, beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah dalam mana-mana syarikat tersenarai awam atau syarikat sendirian berhad.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### 4.2.3 Penglibatan Pengarah kami dalam aktiviti perniagaan utama lain di luar Kumpulan kami

Aktiviti perniagaan utama yang dijalankan oleh Pengarah kami di luar Kumpulan kami pada LPD dan jawatan pengarah semasa mereka dalam syarikat di luar Kumpulan kami dan dalam tempoh 5 tahun yang lalu sebelum LPD adalah seperti berikut:

##### (i) Dato' Seri Lee Kah Choon

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<i>Penglibatan semasa:</i>			
Aemulus Holdings Berhad	Pemegangan pelaburan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam mereka bentuk dan membangunkan peralatan ujian automatik dan instrumen ujian dan pengukuran serta penyediaan perundingan reka bentuk dan perkhidmatan berkaitan pengujian)	Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif	Pemegang saham dengan kira-kira 0.003% kepentingan ekuiti langsung
Cereal Products (M) Sdn Bhd	Pembuatan dan pemasaran produk bijirin	Pengarah	-
Federal Oats Mills Sdn Bhd	Pembuatan oat	Pengarah	-
Khong Guan Vegetable Oil Refinery Sdn Bhd	Pembungkusan semula dan penapisan semula pemasaran minyak makan	Pengarah	-
L&P Global Berhad	Pemegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada anak-anak syarikatnya (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam penyediaan penyelesaian pembungkusan industri bersepadu)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Pemegang saham dengan kira-kira 0.10% kepentingan ekuiti langsung
Leong Hong Oil Mill Sdn Bhd	Pemasaran polard dan dedak serta syarikat pemegangan pelaburan	Pengarah	-

## 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
NationGate Holdings Berhad	Pemegangan pelaburan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan pembuatan elektronik)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Pemegang saham dengan kira-kira 0.084% kepentingan ekuiti langsung
<i><u>Penglibatan terdahulu:</u></i>			
Invest-In-Penang Berhad	Menggalakkan pelaburan di negeri Pulau Pinang	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 30 September 2023)	-
Island Golf Properties Bhd	Pengendalian Kelab Golf Pulau Pinang yang menyediakan kemudahan bermain golf dan bersosial	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 21 Ogos 2020)	-
PDC Premier Holdings Sdn Bhd	Syarikat pemegang pelaburan dan penyediaan perkhidmatan berkaitan sumber manusia dan perundingan pengurusan	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 9 Oktober 2023)	-
Malaysia Debt Ventures Berhad	Penyediaan kemudahan pembiayaan kepada teknologi maklumat dan komunikasi ("ICT"), bioteknologi dan sektor teknologi baharu muncul yang lain seperti yang dimandatkan oleh Kerajaan Malaysia untuk memacu pembangunan sektor ICT dan bioteknologi di Malaysia	Pengerusi Bukan Eksekutif (berhenti menjadi pengarah pada 28 Oktober 2020)	-

4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

## (ii) Ng Chay Chin

<b>Nama Syarikat/Firma</b>	<b>Aktiviti perniagaan utama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah</b>
<i>Penglibatan semasa:</i> Mountain Range	Syarikat pemegangan pelaburan untuk memegang Saham Syarikat kami	Pengarah	Pemegang saham dengan kira-kira 45.30% kepentingan ekuiti langsung
<i>Penglibatan terdahulu:</i> FY Builder Sdn Bhd	Perkhidmatan perundingan kejuruteraan berhubung dengan pembinaan hartanah	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 1 Jun 2022)	-
Nordost Sdn Bhd	Pengendalian kafe dan restoran (dibubarkan pada 3 Januari 2020)	Pengarah (dianggap berhenti menjadi pengarah pada tarikh pembubaran pada 3 Januari 2020)	-
Triones Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Starwave Sdn Bhd)	Penyediaan perkhidmatan mengecat dan pembaikan am untuk bangunan industri, komersial dan domestik	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 31 Mei 2023)	-

4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

## (iii) Chong Ewe Hean

Nama syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<i>Penglibatan semasa:</i>			
Mountain Range	Syarikat pemegangan pelaburan untuk memegang Saham Syarikat kami	Pengarah	Pemegang saham dengan kira-kira 26.70% kepentingan ekuiti langsung
<i>Penglibatan terdahulu:</i>			
Nordost Sdn Bhd	Pengendalian kafe dan restoran (dibubarkan pada 3 Januari 2020)	Pengarah (dianggap berhenti menjadi pengarah pada tarikh pembubaran pada 3 Januari 2020)	-
Triones Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Starwave Sdn Bhd)	Penyediaan perkhidmatan mengecat dan pembaikan am untuk bangunan industri, komersial dan domestik	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 31 Mei 2023)	-



## 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

## (iv) Dato' Faiza Binti Zulkifli

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<i>Penglibatan semasa:</i>			
ARK Resources Holdings Berhad	Pemegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam pembangunan hartanah, kerja sivil, bangunan, pembinaan dan kerja-kerja kejuruteraan dan pembinaan turnkey)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	-
Mestron Holdings Berhad	Pemegangan pelaburan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam pembuatan tiang keluli, perdagangan produk lampu luar, tenaga boleh diperbaharui dan pembangunan hartanah)	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas	-
NationGate Holdings Berhad	Pemegangan pelaburan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan pembuatan elektronik)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	-
<i>Penglibatan terdahulu:</i>			
Tiada	-	-	-

4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

## (v) Ong Kim Nam

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<u>Penglibatan semasa:</u> Eng Kah Corporation Berhad	Pemegangan pelaburan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam pembuatan, penjualan, pemasaran dan pengedaran produk penjagaan diri, isi rumah, produk minyak wangi dan wangian rumah serta cenderung aromaterapi)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Pemegang saham dengan kira-kira 0.01% kepentingan ekuiti langsung dan 0.03% kepentingan ekuiti tidak langsung menerusi pasangannya menurut Seksyen 59(11)(c) Akta
OKN Management PLT*	Penyediaan aktiviti perakaunan, simpan kira dan pengauditan, perundingan cukai, perkhidmatan keselamatan sistem teknologi komunikasi maklumat	Rakan Kongsi	-
<u>Penglibatan terdahulu:</u> PWF Corporation Berhad	Pemegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikat yang terlibat terutamanya dalam menyediakan penternakan ayam pedaging, pembiakan anak ayam berumur sehari, pembuatan dan penjualan makanan ayam dan makanan haiwan peliharaan, pemprosesan dan pengedaran produk ayam)	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (berhenti menjadi pengarah pada 31 Mei 2023)	Pemegang saham dengan kira-kira 0.003% kepentingan ekuiti langsung
Sincere Commercial Services Sdn Bhd	Perkhidmatan komersial (dibubarkan pada 6 Disember 2019)	Pengarah (dianggap berhenti menjadi pengarah pada tarikh pembubaran 6 Disember 2019)	-

Nota:

- \* Sebagai sebahagian daripada perkhidmatan yang disediakan oleh OKN Management PLT kepada pelanggan perkongsian liabiliti terhadnya, Ong Kim Nam juga bertindak sebagai pegawai pematuhan untuk beberapa pelanggan ini.

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**


---

**(vi) Ong Guat Ean**

<b>Nama Syarikat/Firma</b>	<b>Aktiviti perniagaan utama</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah</b>
<i>Penglibatan semasa:</i> Annie Ong-Teng & Associates	Penyediaan perkhidmatan perundangan	Rakan Kongsi	-
<i>Penglibatan terdahulu:</i> Tiada	-	-	-

Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif kami tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan di luar Kumpulan kami kecuali Mountain Range, yang merupakan syarikat pemegang pelaburan yang memegang Saham Syarikat kami. Oleh itu, penglibatan mereka tidak akan menjejaskan keupayaan mereka untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka serta sumbangan mereka kepada Kumpulan kami.

Penglibatan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami dalam aktiviti perniagaan lain di luar Kumpulan kami tidak akan menjejaskan sumbangan mereka kepada Kumpulan kami kerana penglibatan mereka dalam Syarikat kami adalah setakat menghadiri mesyuarat dan melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengarah bebas.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### 4.2.4 Imbuhan dan manfaat barangan material Pengarah kami

Agregat imbuhan dan manfaat barangan material (termasuk mana-mana imbuhan kontingen atau tertunda) yang dibayar dan dicadangkan untuk dibayar kepada Pengarah kami untuk perkhidmatan yang diberikan kepada kami dalam kapasiti mereka kepada Kumpulan kami bagi FYE 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

##### FYE 2023 (Sebenar):

Nama	Yuran Pengarah	Gaji	Bonus	Elaun dan manfaat barangan	Emolumen lain <sup>(i)</sup>	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dato' Seri Lee Kah Choon	-	-	-	-	-	-
Ng Chay Chin	187	2,010	-	24	245	2,466
Chong Ewe Hean	48	1,780	-	24	218	2,070
Dato' Faiza Binti Zulkifli	-	-	-	-	-	-
Ong Kim Nam	-	-	-	-	-	-
Ong Guat Ean	-	-	-	-	-	-

##### FYE 2024 (Dicadangkan):

Nama	Yuran Pengarah	Gaji	Bonus <sup>(iii)</sup>	Elaun dan manfaat barangan	Emolumen lain <sup>(i)</sup>	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dato' Seri Lee Kah Choon <sup>(ii)</sup>	34	-	-	1	-	35
Ng Chay Chin	-	1,500	-	24	181	1,705
Chong Ewe Hean	-	1,500	-	24	181	1,705
Dato' Faiza Binti Zulkifli <sup>(ii)</sup>	28	-	-	3	-	31
Ong Kim Nam <sup>(ii)</sup>	30	-	-	4	-	34
Ong Guat Ean <sup>(ii)</sup>	28	-	-	3	-	31

Nota:

- (i) Caruman syarikat kepada EPF, SOCSO dan EIS.

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

- (ii) Dato' Seri Lee Kah Choon, Dato' Faiza Binti Zulkifli, Ong Kim Nam dan Ong Guat Ean telah dilantik ke Lembaga kami pada 15 Januari 2024. Oleh itu, jumlah bagi FYE 2024 adalah secara pro rata.
- (iii) Bonus akhir akan ditentukan kemudian berdasarkan prestasi individu serta prestasi perniagaan Kumpulan kami dan aliran tunai pada masa penilaian.

Imbuan Pengarah kami mesti dipertimbangkan dan disyorkan oleh Jawatankuasa Imbuan kami dan seterusnya diluluskan oleh Lembaga kami. Yuran Pengarah kami mesti diluluskan/disahkan lagi oleh pemegang saham kami menurut resolusi biasa yang diluluskan pada mesyuarat agung.

#### 4.3 AMALAN LEMBAGA

Lembaga kami bertanggungjawab untuk memimpin dan mengurus Syarikat kami dengan cara yang berkesan dan bertanggungjawab dan semua Pengarah kami mempunyai tanggungjawab yang sama untuk operasi dan akauntabiliti korporat kami.

Dengan had yang ditetapkan oleh Perlembagaan kami, Lembaga kami bertanggungjawab ke atas tadbir urus dan pengurusan Syarikat kami, yang termasuk menyemak dan menerima pakai pelan strategik dan hala tuju untuk Kumpulan kami, mengawasi kelakuan dan prestasi perniagaan Kumpulan kami untuk menilai sama ada perniagaan kami adalah diurus dengan betul, mengenal pasti risiko utama Kumpulan kami dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman dan langkah mitigasi yang sesuai, mewujudkan pelan penggantian untuk pengurusan kanan kami, serta menyemak kecukupan dan integriti maklumat pengurusan dan sistem kawalan dalaman Kumpulan kami.

##### 4.3.1 Tempoh perkhidmatan Lembaga kami

Butiran Pengarah kami, yang kesemuanya adalah warganegara Malaysia, tempoh luput setiap tempoh jawatan semasa mereka dan tempoh perkhidmatan mereka pada LPD adalah seperti berikut:

Nama	Umur	Jawatan	Tarikh pelantikan	Tarikh luput tempoh perkhidmatan semasa	Anggaran bil. tahun dalam perkhidmatan sehingga LPD
Dato' Seri Lee Kah Choon	64	Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas	15 Januari 2024	Akan bersara pada mesyuarat agung tahunan (" <b>AGM</b> ") ke-2 kami yang akan diadakan pada 2025	Kurang dari 1 tahun
Ng Chay Chin	50	Pengarah Urusan	18 Julai 2022	Akan bersara pada AGM ke-2 kami yang akan diadakan pada 2025	2 tahun

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

Nama	Umur	Jawatan	Tarikh pelantikan	Tarikh luput tempoh perkhidmatan semasa	Anggaran bil. tahun dalam perkhidmatan sehingga LPD
Chong Ewe Hean	52	Pengarah Eksekutif	18 Julai 2022	Akan bersara pada AGM ke-3 kami yang akan diadakan pada 2026	2 tahun
Dato' Faiza Binti Zulkifli	64	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	15 Januari 2024	Akan bersara pada AGM ke-2 kami yang akan diadakan pada 2025	Kurang dari 1 tahun
Ong Kim Nam	68	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	15 Januari 2024	Akan bersara pada AGM ke-2 kami yang akan diadakan pada 2025	Kurang dari 1 tahun
Ong Guat Ean	60	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	15 Januari 2024	Akan bersara pada AGM ke-2 kami yang akan diadakan pada 2025	Kurang dari 1 tahun

Selaras dengan Perlembagaan kami, pemilihan Pengarah akan diadakan setiap tahun pada mesyuarat agung tahunan Syarikat kami dengan 1/3 daripada Pengarah kami yang tertakluk kepada persaraan mengikut giliran buat masa ini atau jika bilangan mereka bukan 3 atau gandaan 3, maka nombor yang paling hampir dengan 1/3 harus bersara daripada jawatan dan layak untuk dipilih semula, dengan syarat semua Pengarah harus bersara daripada jawatan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 3 tahun. Pengarah yang akan bersara akan layak untuk dilantik semula. Pengarah yang bersara dalam mesyuarat harus mengekalkan jawatan sehingga tamat mesyuarat.

Lembaga kami mengiktiraf dan mengambil tahu tentang MCCG yang mengandungi amalan terbaik dan panduan untuk syarikat tersenarai untuk menambah baik atau mempertingkatkan tadbir urus korporat mereka kerana ia merupakan bahagian penting dalam operasi dan budaya perniagaan mereka.

Lembaga kami percaya bahawa komposisi Lembaga sedia ada kami menyediakan keseimbangan yang sesuai dari segi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman untuk menggalakkan kepentingan semua pemegang saham dan untuk mentadbir Kumpulan kami dengan berkesan.

Lembaga kami komited untuk mencapai dan mengekalkan piawaian tadbir urus korporat yang tinggi dan kami telah mempertimbangkan amalan dan panduan terbaik tambahan yang ditetapkan dalam MCCG yang merangkumi ketidakterlibatan Pengerusi kami dalam Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan kami dan untuk Syarikat kami mempunyai sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita dalam Lembaga kami.

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

##### 4.3.2 Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami telah dibentuk oleh Lembaga kami pada 15 Januari 2024. Ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami terdiri daripada yang berikut:

Nama	Jawatan	Jawatan Pengarah
Ong Kim Nam	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Dato' Faiza Binti Zulkifli	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Guat Ean	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami melaksanakan, antara lain, fungsi berikut:

##### Audit luaran

- (i) untuk mencalonkan dan mengesyorkan pelantikan dan pelantikan semula juruaudit luar dengan mengambil kira kecukupan pengalaman, sumber dan yuran audit, dan sebarang isu berkenaan peletakan jawatan atau pemecatan juruaudit luar;
- (ii) untuk menyemak dengan juruaudit luar, jenis, skop dan rancangan audit sebelum audit bermula dan melaporkan perkara yang sama kepada Lembaga kami;
- (iii) untuk menyemak dengan juruaudit luar, laporan audit mereka dan penilaian dasar perakaunan dan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko, dan melaporkan perkara yang sama kepada Lembaga kami;
- (iv) untuk menyemak keadaan perkhidmatan bukan audit yang boleh disertai dan prosedur yang mesti dipatuhi oleh juruaudit luar;
- (v) untuk memantau pematuhan juruaudit luar terhadap panduan etika dan profesional yang berkaitan tentang penggiliran rakan kongsi audit, tahap bayaran yang dibayar berbanding sebut harga lain yang diperoleh untuk perkhidmatan serupa dan keperluan lain yang berkaitan; dan
- (vi) untuk memastikan dasar dan prosedur betul diwujudkan untuk menilai kesesuaian, objektiviti dan kebebasan juruaudit luar untuk menjaga kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit, termasuk mendapatkan jaminan bertulis daripada juruaudit luar yang mengesahkan bahawa mereka adalah, dan telah, bebas sepanjang menjalankan tugas audit menurut bidang tugas semua keperluan profesional dan kawal selia yang berkaitan.

##### Audit dalaman

- (i) untuk menyemak dan melaporkan kepada Lembaga kami kecukupan skop, fungsi, kecekapan dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan kerjanya;
- (ii) untuk menyemak dan melaporkan perkara yang sama kepada Lembaga kami mengenai semakan audit dalaman, proses, keputusan semakan audit dalaman, proses atau penyiasatan yang dijalankan dan sama ada tindakan sewajarnya diambil atau tidak atas syor fungsi audit dalaman;

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**


---

- (iii) untuk menyemak kecukupan profil risiko Kumpulan kami dan rangka kerja pengurusan risiko, dan menilai sumber dan pengetahuan pengurusan kanan dan pekerja yang terlibat dalam proses pengurusan risiko;
- (iv) untuk mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko yang digunakan oleh pengurusan kanan untuk menangani risiko tersebut, dan mengesyorkan langkah pembetulan yang diambil untuk memperbaiki kegagalan dan/atau kelemahan;
- (v) untuk berkomunikasi dan memantau keputusan penilaian risiko kepada Lembaga kami; dan
- (vi) untuk menyemak penyata pengurusan risiko dan kawalan dalaman untuk pendedahan dalam laporan tahunan dan memastikan bahawa pendedahan tersebut mematuhi keperluan pihak berkuasa yang berkaitan.

**Pelaporan kewangan**

- (i) untuk membuat pengesyoran kepada Lembaga kami, menyemak penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahun serta melaporkan perkara yang sama kepada Lembaga kami, memberi tumpuan terutamanya kepada:
  - (a) sebarang perubahan dalam atau pelaksanaan dasar perakaunan utama;
  - (b) perkara penting yang diketengahkan termasuk isu pelaporan kewangan, pertimbangan penting yang dibuat oleh pengurusan kanan, peristiwa atau urusan niaga penting dan luar biasa, dan cara perkara ini ditangani;
  - (c) pelarasan penting yang timbul daripada audit;
  - (d) andaian usaha berterusan; dan
  - (e) pematuhan piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang lain.

**Lain-lain**

- (i) untuk menyemak sebarang urusan niaga pihak berkaitan (termasuk urusan niaga pihak berkaitan berulang) dan situasi konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam Kumpulan kami (termasuk sebarang urusan niaga, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan) dan melaporkan perkara yang sama kepada Lembaga kami;
- (ii) untuk menyemak sebarang urusan niaga pihak berkaitan yang dimeterai oleh Syarikat atau Kumpulan kami dan untuk menentukan sama ada urusan niaga tersebut dijalankan atas asas tulus dan terma komersial biasa, atas terma yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan daripada yang pada umumnya tersedia untuk orang awam, dan untuk memastikan bahawa Pengarah kami melaporkan urusan niaga tersebut setiap tahun kepada para pemegang saham dalam laporan tahunan;



#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

- (iii) untuk mengekalkan dan sentiasa menyemak mekanisme penyampaian maklumat Kumpulan kami menurut Dasar Pemberi Maklumat, serta satu set prosedur penyiasatan yang berkesan dan cekap, yang bertujuan untuk memberi perlindungan dan kerahsiaan;
- (iv) untuk memastikan bahawa keputusan sebarang audit, semakan penilaian risiko, langkah kawalan dan prestasi dilaporkan kepada semua pengurusan peringkat atasan, termasuk Lembaga penuh dan diambil tindakan;
- (v) mempunyai sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya, termasuk menugaskan orang atau fungsi yang kompeten untuk bertanggungjawab bagi semua perkara pematuhan anti rasuah dan anti sogokan;
- (vi) memastikan latihan dalaman dan luaran berhubung anti rasuah dan anti sogokan dibangunkan untuk Pengarah, pengurusan kanan dan semua pekerja;
- (vii) menyemak penemuan utama sebarang perkara rasuah dan hal-hal pemberi maklumat, mempertimbangkan dan memutuskan tindakan sewajarnya yang diperlukan ke atas perkara tersebut sehingga perkara itu diselesaikan dengan memuaskan; dan
- (viii) untuk menyemak dan mengesahkan peruntukan opsyen atau pemberian saham kepada pekerja di bawah skim terbitan saham pekerja, jika ada.

##### 4.3.3 Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan kami telah dibentuk oleh Lembaga kami pada 15 Januari 2024. Ahli Jawatankuasa Pencalonan kami terdiri daripada yang berikut:

Nama	Jawatan	Jawatan Pengarah
Ong Guat Ean	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Dato' Faiza Binti Zulkifli	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Kim Nam	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Jawatankuasa Pencalonan kami melaksanakan, antara lain, fungsi berikut:

- (i) untuk mengesyorkan kepada Lembaga kami, calon untuk kesemua kekosongan jawatan pengarah untuk diisi;
- (ii) untuk mengesyorkan kepada Lembaga kami, calon untuk mengisi kekosongan dalam jawatankuasa Lembaga dan mengesyorkan kepada Lembaga kami berkenaan dengan kebebasan Pengarah dan konflik kepentingan, jika ada, dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk menguruskan potensi konflik kepentingan;
- (iii) untuk menilai jurang kemahiran dan keperluan latihan setiap Pengarah, menyemak pemenuhan latihan tersebut dan mendedahkan butiran tersebut dalam laporan tahunan mengikut kesesuaian;

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

- (iv) untuk menyemak rancangan penggantian Lembaga kami dengan mengambil kira saiz, struktur dan komposisi Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga serta gabungan kemahiran, pengalaman dan kecekapan yang diperlukan, dan membuat cadangan kepada Lembaga kami berkenaan dengan sebarang pelarasan yang dianggap perlu;
- (v) untuk membantu Lembaga kami menyemak, pada asas tahunan, keseimbangan dan saiz penyertaan bukan eksekutif yang sesuai untuk mewujudkan prosedur dan proses ke arah penilaian tahunan keberkesanan Lembaga kami secara keseluruhan dan sumbangan setiap Pengarah individu dan ahli jawatankuasa Lembaga;
- (vi) untuk menilai keberkesanan Lembaga kami secara keseluruhan setiap tahun, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan setiap Pengarah individu untuk menentukan sama ada Pengarah atau jawatankuasa Lembaga dan ahlinya (mengikut mana-mana yang berkenaan) telah menjalankan tugas mereka mengikut Piagam Lembaga dan bidang tugas masing-masing. Semua penilaian yang dijalankan oleh Jawatankuasa Pencalonan dalam melaksanakan fungsinya perlu didokumenkan dengan betul; dan
- (vii) untuk menyemak tempoh perkhidmatan setiap Pengarah dan melaksanakan pemilihan semula tahunan Pengarah dengan mempertimbangkan penilaian yang memuaskan terhadap prestasi dan sumbangan mereka.

##### 4.3.4 Jawatankuasa Imbuan

Jawatankuasa Imbuan kami telah dibentuk oleh Lembaga kami pada 15 Januari 2024. Ahli Jawatankuasa Imbuan kami terdiri daripada yang berikut:

Nama	Jawatan	Jawatan Pengarah
Dato' Faiza Binti Zulkifli	Pengerusi	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Kim Nam	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas
Ong Guat Ean	Ahli	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

Jawatankuasa Imbuan kami melaksanakan, antara lain, fungsi berikut:

- (i) untuk menetapkan, menyemak, mengesyorkan dan menasihati rangka kerja dasar berkaitan dengan imbuan Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami;
- (ii) untuk menyemak dan mengesyorkan kepada Lembaga kami pakej imbuan para Pengarah kami (kedua-dua eksekutif dan bukan eksekutif) dan Pengurusan Kanan Penting termasuk bonus, insentif, manfaat barangan, pembayaran pemecatan, sebarang pemberian kelayakan di bawah skim saham (jika berkenaan) berdasarkan merit, kelayakan dan kecekapan dengan mengambil kira keputusan operasi, prestasi individu dan statistik pasaran yang setanding;
- (iii) untuk menyemak sejarah dan cadangan pakej imbuan setiap jawatankuasa Lembaga; dan
- (iv) memastikan komunikasi kerap dengan Jawatankuasa Pencalonan untuk menyelaraskan dasar dan prosedur imbuan kepada perancangan penggantian dan memastikan hasil risiko dipertimbangkan secukupnya dalam reka bentuk dasar dan prosedur imbuan.

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

##### 4.4 STRUKTUR LAPORAN PENGURUSAN

Carta berikut menggambarkan struktur laporan pengurusan Kumpulan kami:



(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### 4.5 PENGURUSAN KANAN PENTING

##### 4.5.1 Pemegangan saham Pengurusan Kanan Penting kami

Kecuali pemegangan saham Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean, masing-masing sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif kami, yang telah dinyatakan dalam Seksyen 4.2.1 Prospektus ini, butiran Pengurusan Kanan Penting kami dan pemegangan saham masing-masing dalam Syarikat kami pada LPD dan selepas IPO kami (dengan andaian setiap Pengurusan Kanan Penting kami melanggan sepenuhnya kelayakan masing-masing di bawah Peruntukan Borang Merah Jambu seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 3.3.1(ii) Prospektus ini) adalah seperti berikut:

Nama	Jawatan	Sebelum IPO kami/ Pada LPD				Selepas IPO kami			
		Langsung		Tidak Langsung		Langsung		Tidak Langsung	
		Bil. Saham	(i)%	Bil Saham	(i)%	Bil. Saham	(ii)%	Bil. Saham	(ii)%
Ng Chai Hee	Pengarah Operasi Kanan	12,580,000	2.20	-	-	8,880,000	1.20	-	-
Yin Thien Hee	Pengarah Perniagaan & Jualan Kanan	12,580,000	2.20	-	-	7,400,000	1.00	-	-
Tan Suat Hoon	Ketua Pegawai Kewangan	-	-	-	-	50,000	*	-	-

Nota:

(i) Berdasarkan modal saham terbitan sebanyak 571,011,000 Saham sebelum IPO kami/pada IPO.

(ii) Berdasarkan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami.

\* Kurang daripada 0.01%.

Selain Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean yang merupakan wakil Mountain Range, tiada seorang pun daripada Pengurusan Kanan Penting kami yang mewakili mana-mana pemegang saham korporat.

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**

---

**4.5.2 Profil Pengurusan Kanan Penting kami**

Profil Pengurusan Kanan Penting kami yang lain adalah seperti berikut:

**(i) Ng Chai Hee**

**Ng Chai Hee**, warganegara Malaysia berumur 46 tahun, ialah Pengarah Operasi Kanan kami. Beliau bertanggungjawab untuk mengawasi keseluruhan operasi dan aktiviti pembuatan Kumpulan kami.

Pada 1994, beliau menamatkan Tingkatan 3 di Sekolah Menengah Serdang, Kedah dan belajar di sekolah yang sama sehingga 1996.

Beliau mempunyai kira-kira 28 tahun pengalaman dalam konfigurasi mesin dan penyelesaian masalah, serta operasi pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 1996, beliau memulakan kerjayanya dengan menyertai Eng Teknologi Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Eng Teknologi Holdings Bhd (sebuah syarikat yang sebelum ini disenaraikan di Papan Kedua KLSE dan kemudiannya dipindahkan ke Papan Utama KLSE sebelum ia dinyahsenarai pada 2012) sebagai Juruteknik. Beliau bertanggungjawab untuk mengkonfigurasi, menentukur serta menyelesaikan masalah mesin.

Pada 1999, beliau meninggalkan Eng Teknologi Sdn Bhd dan menyertai Mahlin Min Aik Corporation Sdn Bhd sebagai Juruteknik. Beliau turut bertanggungjawab untuk mengkonfigurasi, menentukur serta menyelesaikan masalah mesin. Pada 2001, beliau meninggalkan Mahlin Min Aik Corporation Sdn Bhd dan menyertai JCY HDD Technology Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh JCY International Berhad (sebuah syarikat yang sebelum ini disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Securities) sebagai Ketua Syif, di mana beliau bertanggungjawab untuk merancang dan memantau jadual pengeluaran komponen cakera keras.

Pada 2004, beliau meninggalkan JCY HDD Technology Sdn Bhd dan menyertai Engtek Precision Philippines, Inc, anak syarikat milik penuh Eng Teknologi Holdings Bhd, sebagai Penyelia Teknikal. Beliau bertanggungjawab menyelia aktiviti perancangan pengeluaran dan pelaksanaan strategi operasi dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Beliau meninggalkan Engtek Precision Philippines Inc. selepas beberapa bulan pada Jun 2004 dan kembali ke Malaysia pada tahun yang sama.

Pada Julai 2004, beliau menyertai Kumpulan kami sebagai Pengurus di mana beliau terlibat dalam menyelaras dan mengurus operasi harian dan aktiviti pembuatan kami. Pada 2010, beliau telah dilantik semula sebagai Pengurus Operasi untuk memikul tanggungjawab yang sama. Pada 2014 dan 2022, beliau telah dinaikkan pangkat masing-masing sebagai Pengurus Besar dan Pengurus Besar Kanan, di mana beliau bertanggungjawab untuk menyelia keseluruhan operasi dan aktiviti pembuatan Kumpulan kami. Pada 2023, beliau telah dinaikkan pangkat kepada Pengarah Operasi Kanan, jawatan yang disandangnya sehingga kini.

Pada LPD, beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah dalam mana-mana syarikat tersenarai awam atau syarikat sendirian berhad.

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**

---

Kecuali seperti yang didedahkan dalam Seksyen 4.7 Prospektus ini, beliau tidak mempunyai hubungan lain dengan Promoter kami, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami yang lain.

**(ii) Yin Thien Hee**

**Yin Thien Hee**, warga Malaysia berumur 51 tahun, ialah Pengarah Perniagaan & Jualan Kanan kami. Beliau bertanggungjawab untuk mengurus dan menyelia aktiviti jualan dan pemasaran Kumpulan kami.

Pada 1995, beliau memperoleh Diploma Kejuruteraan Mekanikal dari Institut Teknologi Persekutuan Malaysia (bergabung dengan dan diiktiraf oleh Northumbria University di Newcastle, UK dan University of Sunderland, UK).

Beliau mempunyai kira-kira 28 tahun pengalaman dalam industri pengendalian bahan dan peralatan automasi serta industri kejuruteraan ketepatan.

Pada 1996, beliau memulakan kerjayanya dengan G-Force Sdn Bhd sebagai Eksekutif Jualan, di mana beliau terlibat dalam penjualan peralatan pengendalian bahan dan perkhidmatan pelanggan. Beliau meninggalkan G-Force Sdn Bhd pada tahun yang sama.

Pada 1997, beliau menyertai Alstron Engineering (M) Sdn Bhd sebagai Jurutera Jualan, di mana beliau bertanggungjawab untuk penjualan peralatan automasi serta menguruskan perhubungan pelanggan. Pada 1999, beliau meninggalkan Alstron Engineering (M) Sdn Bhd untuk menyertai Shanghai Komark Labels & Labeling Co. Ltd di China sebagai Jurutera Jualan, di mana beliau terlibat dalam aktiviti pembangunan perniagaan untuk memacu jualan peralatan automasi.

Pada 2001, beliau meninggalkan Shanghai Komark Labels & Labeling Co. Ltd untuk menyertai Clearpack Automation Suzhou Co. Ltd di China sebagai Pengurus Jualan, di mana beliau bertanggungjawab untuk mengurus dan mengetuai pasukan jualan, mengurus perhubungan pelanggan serta menjana jualan untuk peralatan automasi. Pada 2004, beliau meninggalkan Clearpack Automation Suzhou Co Ltd di China dan kembali ke Malaysia.

Pada 2005, beliau menyertai Wong Engineering Industries Sdn Bhd sebagai Pengurus Jualan. Beliau terlibat dalam aktiviti pembangunan perniagaan untuk memacu jualan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 2008, beliau meninggalkan Wong Engineering Industries Sdn Bhd dan menyertai LKT Precision Engineering Sdn Bhd sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan. Beliau terlibat dalam aktiviti pembangunan perniagaan untuk memacu jualan komponen kejuruteraan ketepatan.

Pada 2009, beliau meninggalkan LKT Precision Engineering Sdn Bhd dan menyertai Kumpulan kami sebagai Pengurus di mana beliau terlibat dalam aktiviti pembangunan perniagaan untuk mengembangkan pangkalan pelanggan kami dan memacu jualan komponen kejuruteraan ketepatan kami. Pada 2019, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Perniagaan di mana beliau bertanggungjawab untuk mengurus dan melaksanakan strategi dan aktiviti pembangunan perniagaan kami. Pada 2022, beliau telah dilantik semula sebagai Pengarah Pemasaran kami dan telah dinaikkan pangkat kepada Pengarah Perniagaan & Jualan Kanan pada 2023, jawatan yang beliau pegang sehingga kini.

---

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (*SAMBUNGAN*)

---

Pada LPD, beliau tidak memegang sebarang jawatan pengarah dalam mana-mana syarikat tersenarai awam atau syarikat sendirian berhad.

Kecuali seperti yang didedahkan dalam Seksyen 4.7 Prospektus ini, beliau tidak mempunyai hubungan lain dengan Promoter kami, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami yang lain.

##### (iii) **Tan Suat Hoon**

**Tan Suat Hoon**, warganegara Malaysia berumur 55 tahun, ialah Ketua Pegawai Kewangan kami. Beliau bertanggungjawab untuk menyelia hal-hal perakaunan, kewangan dan korporat Kumpulan kami.

Beliau memperoleh Diploma dalam Perdagangan (Perakaunan Pengurusan) dari Kolej Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 1992. Beliau telah diterima masuk sebagai Ahli Sekutu Chartered Institute of Management Accountants, UK ("**CIMA**") dan ACCA pada 1996 dan sebagai Ahli Fellow untuk kedua-dua CIMA dan ACCA pada 2001. Beliau juga telah merupakan Akauntan Bertauliah dengan MIA sejak 1996. Beliau kini merupakan ahli CIMA dan MIA.

Beliau telah mengumpul lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam kewangan korporat, perundingan dan pasaran modal hutang dalam industri perbankan pelaburan, dan terlibat dalam tawaran awam permulaan, usaha pengumpulan modal dan dana, penstrukturan semula korporat, penggabungan dan pemerolehan, penswastan dan pengambilalihan.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Pembantu Audit dengan KPMG Peat Marwick (kini dikenali sebagai KPMG) pada 1992 dan berhenti sebagai Senior Audit pada 1996, di mana beliau terlibat dalam tugas audit syarikat swasta dan tersenarai dalam pelbagai industri.

Pada 1996, beliau menyertai Malaysia International Merchant Bankers Berhad (yang telah diambil alih oleh EON Bank Berhad dan seterusnya oleh Hong Leong Bank Berhad) sebagai Eksekutif dalam Kewangan Korporat dan berhenti pada 2002 sebagai Pengurus, di mana beliau terlibat dalam menyediakan khidmat nasihat dan perundingan perkhidmatan, serta menguruskan latihan korporat untuk pelanggan dalam pelbagai industri.

Pada 2002, beliau menyertai AmInvestment Bank Berhad sebagai Pengurus dalam Kewangan Korporat dan berhenti pada 2017 sebagai Naib Presiden Kanan, di mana beliau bertanggungjawab untuk menyediakan khidmat nasihat dan perundingan serta menyelaras dan mengetuai latihan korporat untuk pelanggan dalam pelbagai industri.

Pada 2017, beliau menyertai Pen Petroleum Sdn Bhd sebagai Pengurus Kanan Kewangan Kumpulan di mana beliau bertanggungjawab untuk menyelia fungsi harian jabatan kewangan. Pada 2018, beliau meninggalkan Pen Petroleum Sdn Bhd dan menyertai Kenanga Investment Bank Berhad sebagai Naib Presiden Kanan dalam Kewangan Korporat di mana beliau bertanggungjawab untuk menyediakan khidmat nasihat dan perundingan serta mengetuai latihan kewangan korporat untuk pelanggan dalam pelbagai industri.

---

**4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)**

---

Pada Jun 2021, beliau meninggalkan Kenanga Investment Bank Berhad dan menyertai Texchem Corporation Sdn Bhd, anak syarikat Texchem Resources Bhd (“**TRB**”), sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan bertanggungjawab ke atas hal ehwal kewangan dan perbendaharaan untuk kumpulan syarikat TRB yang terlibat dalam segmen industri, kejuruteraan polimer, makanan dan restoran. Beliau telah ditukarkan ke TRB sebagai Pegawai Khas-Kawal Selia, Pejabat Presiden pada Julai 2022 sebelum beliau berhenti pada September 2022. Beliau bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan TRB dengan keperluan kawal selia yang berkaitan dan mengurus projek ad-hoc yang diberikan oleh Pejabat Presiden.

Pada September 2022, beliau menyertai Kumpulan kami sebagai Ketua Pegawai Kewangan kami di mana beliau memikul tanggungjawab semasanya.

Pada LPD, beliau menganggotai lembaga pengarah beberapa syarikat awam tersenarai dan sebuah syarikat awam berhad seperti yang didedahkan dalam Seksyen 4.5.3(iii) Prospektus ini.

Beliau tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Promoter kami, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### 4.5.3 Penglibatan Pengurusan Kanan Penting kami dalam aktiviti perniagaan utama lain di luar Kumpulan kami

Kecuali penglibatan Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean, masing-masing sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif kami, yang telah dinyatakan dalam Seksyen 4.2.3 Prospektus ini, aktiviti perniagaan utama yang dilakukan oleh Pengurusan Kanan Penting kami di luar Kumpulan kami pada LPD dan jawatan pengarah semasa mereka dalam syarikat di luar Kumpulan kami dan dalam tempoh 5 tahun yang lalu sebelum LPD adalah seperti berikut:

##### (i) Ng Chai Hee

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<i>Penglibatan semasa:</i> Mountain Range	Syarikat pemegangan pelaburan untuk memegang Saham Syarikat kami	-	Pemegang saham dengan kira-kira 2.60% kepentingan ekuiti langsung
<i>Penglibatan terdahulu:</i> FY Builder Sdn Bhd	Perkhidmatan perundingan kejuruteraan berkaitan pembinaan hartanah	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 4 November 2019)	-

##### (ii) Yin Thien Hee

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<i>Penglibatan semasa:</i> Mountain Range	Syarikat pemegangan pelaburan untuk memegang Saham Syarikat kami	-	Pemegang saham dengan kira-kira 3.20% kepentingan ekuiti langsung
<i>Penglibatan terdahulu:</i> FY Builder Sdn Bhd	Perkhidmatan perundingan kejuruteraan berkaitan pembinaan hartanah	Pengarah (berhenti menjadi pengarah pada 4 November 2019)	-

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### (iii) Tan Suat Hoon

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<p><u>Penglibatan semasa:</u></p> <p>CBH Engineering Holding Berhad</p>	<p>Pemegangan pelaburan (sebuah syarikat awam berhad dan melalui anak-anak syarikatnya yang dicadangkan, mereka pada asasnya merupakan penyedia perkhidmatan kejuruteraan elektrik dan pakar dalam sistem pengagihan bekalan elektrik. Ia juga menjalankan kerja-kerja kejuruteraan mekanikal untuk sistem bangunan)</p>	<p>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</p>	<p>-</p>
<p>Central Global Berhad</p>	<p>Pemegangan pelaburan (sebuah syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikatnya yang terlibat terutamanya dalam pembuatan, penjualan dan perdagangan label stok dan pita pelekat diri, kontraktor dan pembinaan bangunan dan infrastruktur dan perdagangan bahan pembinaan, penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat dan perkhidmatan berkaitan; pemegangan pelaburan dalam harta dan hartanah dan pengendalian kemudahan am yang menghasilkan tenaga elektrik dan pembinaan loji kuasa)</p>	<p>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</p>	<p>-</p>
<p>Elridge Energy Holdings Berhad</p>	<p>Pemegangan pelaburan (sebuah syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikatnya yang terlibat terutamanya dalam pembuatan dan perdagangan produk bahan api biojisim, khususnya cangkerang isirung sawit serta pelet kayu)</p>	<p>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</p>	<p>Pemegang saham dengan kira-kira 0.025% kepentingan ekuiti langsung</p>
<p>Smart Asia Chemical Bhd</p>	<p>Pemegangan pelaburan (sebuah syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikatnya yang terlibat terutamanya dalam pembangunan, pembuatan, pengedaran dan penjualan cat hiasan dan salutan pelindung untuk aplikasi isi rumah dan industri)</p>	<p>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas</p>	<p>Pemegang saham dengan kira-kira 0.01% kepentingan ekuiti langsung</p>

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

Nama Syarikat/Firma	Aktiviti perniagaan utama	Jawatan	Penglibatan dalam aktiviti perniagaan utama selain sebagai pengarah
<p><u>Penglibatan terdahulu:</u></p> <p>PGF Capital Berhad</p>	<p>Pemegangan pelaburan, perdagangan kapas kaca gentian dan produk berkaitannya serta penyediaan perkhidmatan pengurusan (syarikat tersenarai awam dengan anak-anak syarikatnya yang terlibat terutamanya dalam pembuatan, penjualan dan perdagangan kapas kaca gentian dan produk berkaitannya; pembangunan hartanah, pemegangan pelaburan dalam hartanah, pembuatan dan perdagangan produk binaan dan produk kebersihan serta penanaman buah-buahan tropika)</p>	<p>Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (berhenti menjadi pengarah pada 31 Julai 2024)</p>	<p>-</p>

Ng Chai Hee dan Yin Thien Hee tidak terlibat dalam sebarang aktiviti perniagaan di luar Kumpulan kami kecuali Mountain Range, yang merupakan syarikat pemegangan pelaburan yang memegang Saham Syarikat kami. Oleh itu, penglibatan mereka tidak akan menjejaskan keupayaan mereka untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka serta sumbangan mereka kepada Kumpulan kami.

Di samping itu, penglibatan Tan Suat Hoon dalam CBH Engineering Holding Berhad, Central Global Berhad, Elridge Energy Holdings Berhad dan Smart Asia Chemical Bhd sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dijangka tidak memerlukan banyak masa dan menjejaskan sumbangannya kepada Kumpulan kami kerana penglibatannya dalam aktiviti perniagaan di luar Kumpulan kami adalah setakat menghadiri mesyuarat dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengarah bebas. Kehadirannya dalam mesyuarat ini memerlukan masa perjalanan yang minimum kerana kebanyakan mesyuarat dijalankan secara maya, justeru, membolehkannya menghabiskan sebahagian besar masanya dalam Kumpulan kami. Tambahan pula, selain Tan Suat Hoon, fungsi perakaunan dan kewangan Kumpulan kami disokong oleh sekumpulan 5 kakitangan, salah seorang daripada mereka juga merupakan akauntan bertauliah dan memegang jawatan sebagai Pengawal Kewangan.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

##### 4.5.4 Imbuan dan manfaat barangan material Pengurusan Kanan Penting kami

Kecuali agregat imbuan dan manfaat barangan material yang dibayar dan dicadangkan untuk dibayar kepada Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean, masing-masing sebagai Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif kami yang dinyatakan dalam Seksyen 4.2.4 Prospektus ini, agregat imbuan dan manfaat barangan material (termasuk sebarang imbuan kontingen atau tertunda) yang dibayar dan dicadangkan untuk dibayar kepada Pengurusan Kanan Penting kami yang lain untuk perkhidmatan yang diberikan kepada kami dalam kapasiti mereka kepada Kumpulan kami bagi FYE 2023 dan 2024 adalah seperti berikut:

Nama	Jalur Imbuan	
	FYE 2023 (Sebenar)	FYE 2024 (Dicadangkan)
	RM'000	RM'000
Ng Chai Hee	200 - 250	200 - 250
Yin Thien Hee	550 - 600	550 - 600
Tan Suat Hoon	350 - 400	350 - 400

#### 4.6 KONTRAK PERKHIDMATAN

Pada LPD, kami tidak mempunyai sebarang kontrak perkhidmatan sedia ada atau yang dicadangkan dengan Pengarah atau Pengurusan Kanan Penting kami, yang memberikan manfaat selepas penamatan pekerjaan.

#### 4.7 KAITAN ATAU TALIAN PERSAUDARAAN ANTARA PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, tiada kaitan atau talian persaudaraan antara mana-mana Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami:

Nama	Jawatan	Perhubungan
Ng Chay Chin	Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting. Beliau juga merupakan Pengarah NE Components, NE Integrated, NE Solutions, NE Technologies dan Northeast Precision.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Abang kepada Ng Chai Hee</li> <li>Pengarah dan pemegang saham utama Mountain Range</li> </ul>
Chong Ewe Hean	Promoter, pemegang saham utama, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting. Beliau juga merupakan Pengarah NE Components, NE Integrated, NE Solutions, NE Technologies dan Northeast Precision.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengarah dan pemegang saham utama Mountain Range</li> </ul>
Ng Chai Hee	Pemegang Saham Tertentu dan Pengurusan Kanan Penting. Beliau juga merupakan Pengarah NE Integrated dan NE Technologies.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Adik kepada Ng Chay Chin</li> <li>Pemegang saham Mountain Range</li> </ul>

#### 4. MAKLUMAT MENGENAI PROMOTER, PEMEGANG SAHAM UTAMA DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI (SAMBUNGAN)

Nama	Jawatan	Perhubungan
Yin Thien Hee	Pemegang saham dan Pengurusan Kanan Penting. Beliau juga merupakan Pengarah NE Components.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemegang saham Mountain Range</li> </ul>

#### 4.8 PENGAKUAN OLEH PROMOTER, PENGARAH DAN PENGURUSAN KANAN PENTING KAMI

Tiada Promoter, Pengarah dan Pengurusan Kanan Penting kami yang terlibat atau pernah terlibat dalam mana-mana peristiwa berikut (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) pada LPD:

- (i) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, petisyen di bawah mana-mana undang-undang kebangkrutan atau insolvensi telah difailkan (dan tidak dibatalkan) terhadap orang tersebut atau mana-mana perkongsian di mana beliau menjadi rakan kongsi atau mana-mana perbadanan di mana beliau menjadi pengarah atau ahli pengurusan kanan penting;
- (ii) individu tersebut telah hilang kelayakan daripada bertindak sebagai pengarah bagi mana-mana perbadanan, atau daripada mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pengurusan mana-mana perbadanan;
- (iii) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, individu tersebut telah didakwa atau disabitkan dalam prosiding jenayah atau merupakan subjek yang dinamakan bagi prosiding jenayah yang belum selesai;
- (iv) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, apa-apa penghakiman telah dibuat terhadap individu itu, atau penemuan kesalahan, salah nyata, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan di pihaknya, yang melibatkan pelanggaran mana-mana undang-undang atau keperluan kawal selia yang berkaitan dengan pasaran modal;
- (v) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, individu itu menjadi subjek mana-mana prosiding sivil, yang melibatkan dakwaan penipuan, salah nyata, ketidakjujuran, ketidakcekapan atau penyelewengan di pihaknya yang berkaitan dengan pasaran modal;
- (vi) individu tersebut merupakan subjek bagi sebarang perintah, penghakiman atau ketetapan mana-mana mahkamah, kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia atau badan yang melarangnya untuk sementara daripada terlibat dalam apa-apa jenis amalan atau aktiviti perniagaan;
- (vii) dalam tempoh 10 tahun yang lalu, individu tersebut telah ditegur atau diberikan apa-apa amaran oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia, bursa sekuriti atau derivatif, badan profesional atau agensi kerajaan; dan
- (viii) sebarang penghakiman yang tidak berpuas hati terhadap individu tersebut.


**5. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN KAMI**

**5.1 SYARIKAT KAMI**

Syarikat kami diperbadankan di Malaysia di bawah Akta pada 18 Julai 2022 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad oleh saham di bawah nama Northeast Group Sdn Bhd. Pada 5 Januari 2024, kami telah menyelesaikan Pemerolehan yang mengakibatkan NE Components, NE Integrated, NE Solutions, NE Technologies dan Northeast Precision menjadi anak syarikat milik penuh kami. Kemudiannya pada 10 Januari 2024, Syarikat kami diubah kepada syarikat awam berhad untuk memudahkan Penyenaiaan kami dan menggunakan nama semasa kami.

Kumpulan kami percaya bahawa faktor-faktor yang dinyatakan di atas adalah penting dalam mengekalkan reputasi kami dan keyakinan pelanggan terhadap keupayaan pembuatan dan kejuruteraan kami, selanjutnya membolehkan Kumpulan kami untuk mewujudkan hubungan yang terjalin lama dengan pelanggan kami. Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, semua pelanggan utama kami telah menjalin sekurang-kurangnya 8 tahun hubungan perniagaan dengan Kumpulan kami dan daripadanya, 5 daripada mereka telah menjalin sekurang-kurangnya 10 tahun hubungan perniagaan dengan kami pada LPD. Sila rujuk Seksyen 6.16 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai pelanggan utama kami.

---

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*SAMBUNGAN*)

---

### 6.4.4 Kualiti produk kami dibuktikan oleh pematuhan kami kepada langkah kawalan kualiti dan piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa

Keupayaan kami untuk mengekalkan konsistensi dalam kualiti produk kami adalah penting untuk membina keyakinan pelanggan kami terhadap kami. Kami memastikan kualiti dan konsistensi produk kami dengan melaksanakan langkah kawalan kualiti yang ditetapkan oleh pasukan QA & QC kami sepanjang proses pembuatan kami. Produk yang tidak memenuhi piawaian dalaman kami akan ditolak semasa peringkat kawalan kualiti. Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, Kumpulan kami telah merekodkan kadar pulangan produk masing-masing kira-kira 0.61%, 0.60%, 1.03% dan 0.32%, di mana produk yang rosak telah diolah semula, jika boleh, atau digantikan oleh Kumpulan kami dengan produk baru.

Di samping itu, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 6.4.3 di atas, Kumpulan kami telah dianugerahkan dengan pensijilan yang membuktikan standard kualiti produk kami. Kumpulan kami mematuhi piawaian Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa berkenaan dengan pembuatan dan pemasangan komponen mekanikal untuk industri telekomunikasi, elektronik, aeroangkasa dan automotif. Sila rujuk Seksyen 6.15 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai jaminan kualiti dan pengesahan kami.

Selanjutnya, atas permintaan pelanggan, audit kelayakan produk akan dilakukan oleh pelanggan baharu kami ke atas Kumpulan kami sebelum pembuatan besar-besaran untuk menilai keupayaan kami untuk memenuhi keperluan mereka dalam pelbagai aspek seperti kualiti produk, kemudahan pembuatan, proses pembuatan dan kapasiti pengeluaran. Sila rujuk Seksyen 6.7 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai audit kelayakan produk yang dijalankan oleh pelanggan kami. Sebelum pandemik COVID-19, beberapa pelanggan sedia ada kami menjalankan audit prestasi secara ad-hoc untuk menilai keupayaan kami untuk memenuhi keperluan mereka. Walau bagaimanapun, semasa penularan wabak COVID-19, pelanggan kami tidak menjalankan sebarang audit prestasi ke atas Kumpulan kami kerana sekatan perjalanan. Apabila wabak COVID-19 reda dan aktiviti perniagaan kembali normal, pelanggan kami telah dapat menjalankan audit prestasi ad-hoc secara fizikal di kilang kami. Dari tahun ke tahun, kami telah secara berterusan lulus audit prestasi tersebut dan mendapatkan jualan tambahan daripada pelanggan sedia ada kami. Pada FYE 2023 dan FPE 2024, kami mempunyai 69 dan 78 pelanggan berulang daripada jumlah pangkalan pelanggan kami iaitu 79 dan 86 pelanggan, masing-masing menyumbang kira-kira 87.34% dan 90.70% daripada jumlah pangkalan pelanggan kami.

Langkah kawalan kualiti kami yang ketat dan pematuhan kepada piawaian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa telah membolehkan kami mengekalkan reputasi perniagaan kami dalam menyampaikan produk berkualiti, membolehkan kami menarik pelanggan baharu serta mengekalkan pelanggan sedia ada. Di samping itu, memandangkan produk kami kebanyakannya diekspor, keupayaan Kumpulan kami untuk memenuhi kriteria kelayakan pelanggan antarabangsa menunjukkan keyakinan pelanggan kami terhadap kualiti produk kami.

### 6.4.5 Kami mempunyai pasukan Pengurusan Kanan Penting yang berpengalaman dan praktikal

Kumpulan kami diketuai oleh Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami yang telah mengumpul pengalaman bertahun-tahun dalam bidang masing-masing dan mereka memiliki kepakaran yang berkaitan, pengalaman industri dan pengetahuan mendalam tentang operasi perniagaan kami.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pengarah Urusan kami, Ng Chay Chin dan Pengarah Eksekutif, Chong Ewe Hean, masing-masing mempunyai pengalaman selama 30 tahun dan 31 tahun, dalam industri pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Pengetahuan teknikal dan industri mereka telah memainkan peranan penting dalam menerajui hala tuju strategik keseluruhan dan pembangunan perniagaan Kumpulan kami. Sila rujuk Seksyen 4.1.2 Prospektus ini untuk profil Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif kami.

Pengarah Urusan dan Pengarah Eksekutif kami disokong oleh pasukan Pengurusan Kanan Penting kami yang mempunyai pengetahuan industri yang mendalam dan kepakaran fungsi yang kukuh dengan pengalaman bertahun-tahun dalam bidang masing-masing. Kami percaya pasukan Pengurusan Kanan Penting kami dan komitmen mereka yang kukuh kepada Kumpulan kami boleh menyokong pertumbuhan kami pada masa hadapan sewaktu kami terus berkembang. Sila rujuk Seksyen 4.5.2 Prospektus ini untuk profil Pengurusan Kanan Penting kami.

### 6.5 RANCANGAN MASA DEPAN DAN STRATEGI PERNIAGAAN KAMI

#### 6.5.1 Memperluas kapasiti pengeluaran dengan membina Kilang Baharu

Pada LPD, aktiviti perniagaan kami dijalankan di 3 kilang yang terletak di Juru dan Bukit Minyak, Pulau Pinang dengan jumlah keluasan binaan kira-kira 208,468.19 kps. Pada LPD, ruang lantai pengeluaran dan kadar penggunaan ruang lantai pengeluaran setiap kilang kami adalah seperti berikut:

Kilang	Kawasan dibina	Ruang lantai pengeluaran tersedia	Ruang lantai pengeluaran yang digunakan pada LPD	Kadar penggunaan ruang lantai pengeluaran
	kps	kps	kps	%
Kilang 1	44,034.00	28,740.00	28,740.00	100.00
Kilang 2	74,788.19	47,090.00	47,090.00	100.00
Kilang 3	89,646.00	33,523.00	33,523.00	100.00
<b>Jumlah</b>	<b>208,468.19</b>	<b>109,353.00</b>	<b>109,353.00</b>	

Berdasarkan perkara di atas, ruang lantai pengeluaran di semua kilang kami digunakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kadar penggunaan mesin pengisar CNC, pemusing CNC dan pelarik automatik CNC kami adalah kira-kira 73.30%, 85.10% dan 93.70% masing-masing untuk FYE 2023 dan 64.80%, 89.84% dan 93.76% masing-masing untuk FPE 2024. Oleh demikian, untuk terus mengembangkan perniagaan kami dengan mendapatkan tempahan tambahan dan mengembangkan pangkalan pelanggan kami, ianya penting bagi Kumpulan kami untuk mengembangkan ruang lantai pengeluaran kami serta kapasiti pengeluaran untuk memenuhi keperluan pengeluaran kami. Oleh itu, Kumpulan kami berhasrat untuk membina Kilang Baharu untuk mengembangkan ruang lantai pengeluaran dan kapasiti pengeluaran kami.

Pada Januari 2023, kami memeterai perjanjian jual beli untuk memperoleh Lot 1143 dengan hasrat untuk membina Kilang Baharu dengan anggaran keluasan binaan 227,687 kps di atas tanah ini. Kilang Baharu tersebut dijangka mempunyai jumlah ruang lantai pengeluaran kira-kira 79,020 kps, yang boleh memuatkan kira-kira 200 unit mesin CNC untuk menyokong aktiviti pengeluaran kami. Kilang Baharu juga dijangka mempunyai QA & QC, kawasan pentadbiran dan kawasan penyimpanan/gudang masing-masing kira-kira 24,467 kps, 20,425 kps dan 15,240 kps.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pembinaan Kilang Baharu dianggarkan menelan kos kira-kira RM50.40 juta secara keseluruhannya, yang merangkumi, antara lain, kerja cerucuk, kerja bangunan utama, kerja mekanikal dan elektrik. Kami berhasrat untuk menggunakan RM40.00 juta daripada perolehan kasar yang diperoleh daripada Terbitan Awam untuk pembinaan Kilang Baharu, dengan baki kira-kira RM10.40 juta untuk dibiayai melalui dana yang dijana secara dalaman dan/atau pinjaman bank. Kami berhasrat untuk memulakan pembinaan Kilang Baharu pada suku keempat 2024, dan untuk memulakan operasi di Kilang Baharu pada suku pertama 2027. Sila rujuk Seksyen 3.7.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang pecahan kos pembinaan dan garis masa tentatif untuk pembinaan Kilang Baharu.

### 6.5.2 Pembelian mesin CNC baharu untuk menyokong pengembangan kapasiti pengeluaran kami

Selaras dengan rancangan kami untuk mengembangkan kapasiti pengeluaran kami dengan menubuhkan Kilang Baharu, kami berhasrat untuk membeli mesin CNC baharu untuk menyokong keperluan pengeluaran kami. Kumpulan kami berhasrat untuk membeli mesin CNC yang berikut:

Jenis mesin CNC	Fungsi	Bil. unit
Pengisar CNC	Mesin yang menggunakan kawalan berkomputer dan alat pemotong berbilang titik berputar untuk mengeluarkan bahan berlebihan secara beransur-ansur daripada bahan kerja dan menghasilkan bahagian atau komponen yang direka khas	20
Pemusing CNC	Mesin yang memusingkan bahan kerja akhir atau bahan pada kelajuan tinggi dengan alat pemotong yang mencukur bahan secara beransur-ansur untuk menghasilkan bahagian atau komponen yang direka khas	4
Pengisar pusingan CNC	Mesin yang menggabungkan kedua-dua proses memusing dan mengisar	3
Pelarik automatik CNC	Mesin yang dikendalikan secara mekanikal dan memerlukan hanya sedikit campur tangan manusia untuk memotong, mengampelas, menggerudi, mengubah bentuk dan memusingkan bahan kerja. Mesin ini juga mampu melakukan proses pengisaran pusingan untuk bahagian dan komponen mesin ketepatan yang lebih kecil	3
Pengindeks CNC	Mesin yang menggunakan pengindeksan untuk meletakkan bahan kerja untuk pelbagai aplikasi termasuk pemesinan, kedudukan dan pemeriksaan	6
<b>Jumlah</b>		<b>36</b>

Pembelian mesin CNC baharu ini dianggarkan menelan belanja kira-kira RM12.38 juta yang akan dibiayai melalui perolehan kasar yang diperoleh daripada Terbitan Awam. Sila rujuk Seksyen 3.7.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai kos mesin CNC ini.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Mesin CNC yang akan dibeli oleh Kumpulan kami dijangka akan meningkatkan anggaran kapasiti operasi tahunan kami, butiran lanjut seperti berikut:

Jenis mesin	Bil. unit	Anggaran kapasiti operasi tahunan (jam)
Pengisar CNC	20	118,800
Pemusing CNC	4	23,760
Pengisar pusingan CNC	3	17,820
Pelarik automatik CNC	3	17,820
Pengindeks CNC	6	*N/A
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	

Nota:

- \* Mesin pengindeks CNC tidak mempunyai kapasiti operasi tahunan kerana ia digunakan sebagai penyambung kepada mesin pengisar CNC untuk meningkatkan keupayaan mesin pengisar CNC kami dengan meningkatkan ketepatan kerja kejuruteraan ketepatan kami.

Peningkatan dalam anggaran kapasiti operasi tahunan akan membolehkan kami memenuhi jangkaan permintaan daripada pelanggan kami dari segi jumlah pesanan, kerumitan serta memendekkan masa penghantaran. Ini juga selaras dengan matlamat kami untuk mengembangkan pangkalan pelanggan kami dan memberi perkhidmatan kepada lebih ramai pelanggan tempatan dan antarabangsa untuk pertumbuhan dan pengembangan perniagaan masa depan kami.

### 6.6 KEBERMUSIMAN


Semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan, FPE 2024 dan sehingga LPD, kami tidak mengalami sebarang kebermusiman material dalam perniagaan kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

6.7 PERNIAGAAN DAN PROSES OPERASI KAMI

Proses operasi Kumpulan kami melibatkan perkara berikut:



Nota:

★ Menunjukkan proses di mana pemeriksaan kualiti dijalankan.

⋮ Menunjukkan perkhidmatan nilai tambah yang disediakan kepada pelanggan atas permintaan.

**Jualan**

**Pelanggan baharu**

- (i) Menerima pertanyaan daripada pelanggan

Apabila kami menerima pertanyaan daripada pelanggan kami, kami akan meneliti permintaan produk untuk menentukan kebolehlaksanaan produk dan keperluan spesifikasi permintaan produk, untuk memastikan kami dapat memenuhi spesifikasi produk yang diperlukan.



---

**6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)**

---

**(ii) Penyerahan sebut harga dan pengesahan pesanan**

Selepas itu, pelanggan kami akan meminta sebut harga, dan kami kemudiannya akan menyediakan sebut harga berdasarkan kerumitan produk yang akan dikeluarkan, kos bahan mentah, garis masa penghantaran dan jumlah pesanan, untuk diserahkan kepada pelanggan kami. Selepas itu, pelanggan kami akan mengeluarkan pesanan pembelian sebagai pengesahan pesanan untuk pembuatan besar-besaran. Atas permintaan pelanggan, kami kemudiannya akan melalui proses kelayakan produk dengan pelanggan kami untuk layak sebagai pengeluar mereka untuk mengeluarkan komponen yang diperlukan.

**(iii) Kelayakan produk**

Semasa kelayakan produk, kami dinilai oleh pelanggan kami dari segi kapasiti pengeluaran, keupayaan dan konsistensi kualiti produk kami. Sebagai sebahagian daripada proses, kami menjalankan kejuruteraan proses di mana kami mereka bentuk proses dan teknik pembuatan kami yang digunakan untuk mencapai kecekapan kos dan konsistensi dalam kualiti produk, berdasarkan lakaran dan keperluan yang diterima daripada pelanggan kami. Kami juga mungkin bekerjasama rapat dengan jurutera produk pelanggan kami untuk melaraskan reka bentuk atau ukuran komponen, jika perlu, untuk mengoptimalkan keseluruhan pembuatan, pemasangan dan kualiti produk akhir mereka.

Kami menggunakan perisian CAD untuk reka bentuk produk 2D dan 3D, kejuruteraan dan pemodelan, yang membolehkan kami mereka bentuk proses pembuatan terperinci untuk komponen kejuruteraan ketepatan mengikut spesifikasi pelanggan kami. Kami juga akan menentukan alat yang diperlukan untuk digunakan dalam mesin CNC untuk memotong, memusing dan mengisar, serta menjana arahan yang diprogramkan menggunakan perisian CAM untuk mesin CNC untuk menjalankan pemesinan ketepatan. Sila rujuk Seksyen 6.2.1 Prospektus ini untuk butiran mengenai aktiviti kejuruteraan proses kami dan Seksyen 6.12 Prospektus ini untuk butiran mengenai penggunaan perisian dalam peringkat kelayakan produk.

Selepas itu, kami akan mengeluarkan prototaip komponen untuk penilaian dan ujian oleh pelanggan kami bagi memastikan komponen memenuhi spesifikasi dan keperluan yang tepat. Bergantung pada permintaan pelanggan kami, kami mungkin menghasilkan berbilang kelompok prototaip dalam kuantiti yang berbeza untuk menunjukkan ketekalan kualiti dan keupayaan pembuatan kami. Sebelum menghantar prototaip kepada pelanggan kami, kami akan melakukan pemeriksaan kualiti ke atas prototaip yang dikeluarkan untuk memastikan prototaip memenuhi keperluan mereka.

Tempoh kelayakan produk berbeza berdasarkan kerumitan komponen dan garis masa pelanggan kami. Tempoh biasa untuk menyiapkan proses kelayakan produk adalah sehingga 5 bulan.

Setelah melengkapkan proses kelayakan produk dan menerima kelulusan daripada pelanggan kami mengenai prototaip produk akhir, kami kemudiannya akan meneruskan perancangan pengeluaran dan perolehan.

**Pelanggan sedia ada**

Apabila kami menerima permintaan untuk sebut harga daripada pelanggan, kami akan menyediakan sebut harga berdasarkan sebut harga sebelumnya, dengan mengambil kira kos bahan mentah semasa, garis masa penghantaran dan jumlah pesanan, untuk diserahkan kepada pelanggan kami. Selepas itu, pelanggan kami akan mengeluarkan pesanan pembelian untuk sebarang pesanan baharu sebagai pengesahan pesanan untuk pembuatan besar-besaran.

---

**6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)**

---

**Perancangan pengeluaran dan perolehan****(i) Perancangan pengeluaran**

Pelan pengeluaran diformalkan sebelum pengeluaran dijalankan, dengan mengambil kira kapasiti pengeluaran untuk pembuatan besar-besaran. Kami akan membeli bahan mentah yang diperlukan selepas pengesahan pesanan daripada pelanggan kami. Setelah menerima bahan mentah yang diperlukan daripada pembekal kami, bahan mentah akan dihantar ke barisan pembuatan mengikut jadual pembuatan.

Sebelum pembuatan besar-besaran, kami juga akan melakukan pemeriksaan dan penentuan ke atas alatan yang akan digunakan dalam mesin CNC bagi memastikan alatan tersebut berada dalam keadaan baik untuk menghasilkan komponen kejuruteraan ketepatan dalam dimensi yang jitu dan tepat seperti yang diperlukan oleh pelanggan kami.

**(ii) Perolehan**

Kami akan mendapatkan bahan mentah daripada pembekal kami yang diluluskan. Setelah menerima bahan mentah, kami akan menjalankan pemeriksaan kualiti untuk memastikan bahan mentah yang diterima mengikut spesifikasi dan kuantiti kami, serta dalam keadaan baik. Bahan mentah yang telah lulus semakan kawalan kualiti dalaman kami akan disimpan di gudang kami.

Selanjutnya, kami mungkin juga menggunakan subkontraktor yang diluluskan untuk menjalankan kerja-kerja pra-pemesinan bagi jenis bahan mentah tertentu termasuk keluli keras dan bahan logam bersaiz besar, apabila diperlukan. Subkontraktor pra-pemesinan kami dinilai oleh Kumpulan kami berdasarkan pelbagai aspek seperti rekod prestasi mereka, kepakaran teknikal, pengalaman dan kapasiti pembuatan, prestasi kewangan serta reputasi pasaran sebelum layak sebagai subkontraktor kami yang diluluskan. Untuk kerja-kerja pra-pemesinan subkontrak, kami akan memantau kemajuan untuk memastikan penyediaan tepat pada masanya dan bahawa komponen pra-mesin adalah mengikut keperluan kami. Setelah menerima komponen pra-mesin daripada subkontraktor kami, kami akan menjalankan pemeriksaan kualiti ke atas komponen pra-mesin secara pensampelan untuk memastikan komponen ini memenuhi keperluan yang kami kehendaki. Sekiranya komponen pramesin yang diterima daripada subkontraktor kami gagal memenuhi keperluan kami, komponen tersebut akan dikembalikan kepada subkontraktor kami untuk diolah semula atau penggantian. Pada LPD, kami mempunyai senarai 31 subkontraktor pra-pemesinan yang diluluskan. Oleh itu, kami tidak bergantung kepada mana-mana subkontraktor tunggal untuk menjalankan kerja-kerja pra-pemesinan bahan mentah kami.

**Pembuatan dan penghantaran**

Setelah mesin CNC siap disediakan dan bahan mentah diterima daripada pembekal kami atau komponen pra-mesin diterima daripada subkontraktor, kami akan memulakan pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan melibatkan pemesinan ketepatan, dan/atau mana-mana atau semua perkhidmatan nilai tambah kami yang terdiri daripada kemas permukaan, fabrikasi logam kepingan dan sub-pemasangan mekanikal, atas permintaan pelanggan kami.

6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*SAMBUNGAN*)

Proses pembuatan	Penerangan
Pemesinan ketepatan	<p>Bahan mentah atau komponen pra-mesin akan dimasukkan ke dalam mesin CNC untuk menjalani pelbagai proses pemesinan untuk dibentuk menjadi bentuk dan saiz tepat akhir yang dikehendaki mengikut spesifikasi pelanggan kami.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemesinan           <div style="display: flex; align-items: flex-start; margin-top: 10px;">  <div style="margin-left: 20px;"> <p>Bahan mentah atau komponen pra-mesin akan dimuatkan ke dalam pelbagai mesin untuk menjalani pemotongan, pengisaran dan pemusingan. Sampel komponen kejuruteraan ketepatan dikumpul daripada setiap kelompok pembuatan dan akan dihantar untuk pemeriksaan kualiti bagi memastikan spesifikasi dan dimensi yang tepat dicapai mengikut keperluan pelanggan kami.</p> </div> </div> </li> <li>• Penyahgris           <div style="display: flex; align-items: flex-start; margin-top: 10px;">  <div style="margin-left: 20px;"> <p>Komponen kejuruteraan ketepatan akan dihantar ke talian penyahgris untuk menyingkirkan bahan penyejuk berasaskan air yang terdapat pada komponen. Bahan penyejuk berasaskan air digunakan semasa proses pemesinan untuk menghilangkan haba yang timbul daripada geseran pada titik tertentu yang menjalani proses pemesinan untuk memudahkan pemotongan ketepatan dan mengelakkan keratan dan bahan daripada berubah bentuk. Serpihan dan habuk yang terkumpul pada permukaan komponen semasa proses pemesinan juga akan disingkirkan menggunakan penyejuk berasaskan air.</p> </div> </div> </li> <li>• Penyahgerigis           <div style="display: flex; align-items: flex-start; margin-top: 10px;">  <div style="margin-left: 20px;"> <p>Komponen kejuruteraan ketepatan akan dinyahgerigis secara manual oleh pekerja pengeluaran kami menggunakan bahan seperti kertas pasir untuk menyingkirkan sebarang gerigis berlebihan iaitu tepi yang tidak diingini atau kepingan kecil bahan yang kekal melekat pada komponen kejuruteraan ketepatan selepas proses penyahgris.</p> </div> </div> </li> </ul> <p>Komponen kejuruteraan ketepatan yang lengkap yang dianggap produk siap akan dibungkus dan dihantar kepada pelanggan kami. Atas permintaan pelanggan kami, komponen kejuruteraan ketepatan yang lengkap mungkin menjalani proses nilai tambah, iaitu kemasan permukaan dan/atau sub-pemasangan mekanikal sebelum pembungkusan dan penghantaran.</p>

6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*SAMBUNGAN*)

Proses pembuatan	Penerangan
Kemasan permukaan	<p data-bbox="528 371 1393 483">Selepas menyahgerigis komponen kejuruteraan ketepatan, kami mungkin menghantar komponen kejuruteraan ketepatan untuk semburan pasir, penyaduran atau penganodan sebagai sebahagian daripada perkhidmatan kemasan permukaan kami atas permintaan pelanggan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="528 517 743 546">• Semburan pasir <div style="display: flex; align-items: flex-start;">  <div style="margin-left: 20px;"> <p data-bbox="930 517 1398 819">Komponen kejuruteraan ketepatan akan disemur pasir untuk melicinkan permukaan dan membuang sebarang bahan cemar permukaan. Sampel komponen kejuruteraan ketepatan akan dihantar untuk pemeriksaan kualiti visual selepas semburan pasir untuk memastikan semua permukaan komponen kejuruteraan ketepatan dilicinkan secara sekata dan bahan cemar permukaan disingkirkan dengan teliti.</p> </div> </div> </li> <li data-bbox="528 947 703 976">• Penyaduran <div style="display: flex; align-items: flex-start;">  <div style="margin-left: 20px;"> <p data-bbox="930 947 1398 1384">Komponen kejuruteraan ketepatan akan dicelup ke dalam larutan logam yang dikehendaki berdasarkan spesifikasi pelanggan, untuk membentuk lapisan salutan pada permukaan komponen. Komponen kejuruteraan ketepatan kemudiannya akan menjalani proses pembersihan untuk menyingkir sebarang bahan cemar permukaan, sebelum dihantar ke ketuhar untuk dikeringkan. Sampel komponen kejuruteraan ketepatan bersalut akan dihantar untuk pemeriksaan kualiti visual bagi memastikan semua permukaan komponen kejuruteraan ketepatan disalut sama rata dengan bahan salutan dan ketebalan yang dikehendaki.</p> </div> </div> </li> <li data-bbox="528 1429 708 1458">• Penganodan <div style="display: flex; align-items: flex-start;">  <div style="margin-left: 20px;"> <p data-bbox="930 1429 1398 1809">Komponen kejuruteraan ketepatan akan direndam ke dalam larutan elektrolit asid untuk membentuk kemasan oksida anodik pada permukaan komponen. Komponen kemudiannya akan melalui proses sekunder seperti pewarnaan dan pengedap dengan merendam komponen ke dalam larutan pewarna dan pengedap. Selepas itu, komponen kejuruteraan ketepatan akan menjalani proses pembersihan untuk menyingkir sebarang bahan cemar permukaan. Selepas itu, komponen kejuruteraan ketepatan akan dihantar ke ketuhar untuk pengeringan.</p> <p data-bbox="930 1843 1398 2000">Sampel komponen kejuruteraan ketepatan beranod kemudiannya akan dihantar untuk pemeriksaan kualiti visual selepas proses pengeringan untuk memastikan permukaan komponen ini memenuhi keperluan yang dikehendaki.</p> </div> </div> </li> </ul>

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Proses pembuatan	Penerangan
	<p>Komponen kejuruteraan ketepatan yang telah melalui proses kemasan permukaan mungkin dibungkus atau dihantar kepada pelanggan kami atau mungkin dihantar untuk proses sub-pemasangan mekanikal atas permintaan pelanggan.</p> <p>Kami juga menugaskan subkontraktor yang diluluskan untuk menjalankan proses kemasan permukaan tertentu, termasuk salutan serbuk dan kemasan yang menggunakan bahan penyaduran tertentu, seperti nikel sulfamat, rhodium dan jenis emas tertentu, yang tidak dijalankan oleh Kumpulan kami. Subkontraktor kemasan permukaan kami dinilai oleh Kumpulan kami berdasarkan pelbagai aspek seperti rekod prestasi mereka, kepakaran teknikal, pengalaman dan kapasiti, prestasi kewangan serta reputasi pasaran sebelum layak sebagai subkontraktor yang diluluskan. Bagi kerja-kerja penyaduran subkontrak, kami akan mengawasi kemajuan pembuatan untuk memastikan penyediaan tepat pada masanya dan bahawa produk memenuhi keperluan pelanggan kami. Setelah menerima komponen kejuruteraan ketepatan bersalut serbuk atau bersadur daripada subkontraktor kami selepas proses kemasan permukaan, kami akan menjalankan pemeriksaan kualiti ke atas komponen secara pensampelan untuk memastikan komponen ini memenuhi keperluan yang dikehendaki. Komponen bersalut serbuk atau bersadur yang gagal memenuhi keperluan yang dikehendaki akan dikembalikan kepada subkontraktor kami untuk diolah semula. Untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, kami tidak bergantung kepada mana-mana subkontraktor tunggal kerana penyedia perkhidmatan penyaduran biasanya tersedia di pasaran.</p>
Fabrikasi logam kepingan	 <p>Atas permintaan pelanggan, kami juga boleh membuat logam kepingan untuk menyokong operasi sub-pemasangan mekanikal kami. Di bawah proses fabrikasi logam kepingan, logam kepingan akan dimuatkan ke dalam pelbagai mesin untuk menjalani pemotongan, lenturan dan/atau kimpalan untuk membentuk bentuk yang dikehendaki. Sampel komponen logam kepingan fabrikasi akan dihantar untuk pemeriksaan kualiti bagi memastikan produk memenuhi keperluan pelanggan kami.</p>
Sub-pemasangan mekanikal	 <p>Atas permintaan pelanggan kami, kami mungkin juga menyediakan perkhidmatan sub-pemasangan mekanikal di mana kami memasang berbilang komponen kejuruteraan ketepatan dan komponen logam kepingan fabrikasi untuk membentuk produk sub-pemasangan.</p>

Semakan pemeriksaan visual akhir dijalankan ke atas semua komponen kejuruteraan ketepatan sebelum dibungkus dan dihantar keluar mengikut jadual penghantaran.

---

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*SAMBUNGAN*)

---

### 6.8 JUALAN DAN PEMASARAN

Pasukan jualan dan pemasaran Kumpulan kami, diketuai oleh Chong Ewe Hean, Pengarah Eksekutif kami, serta Yin Thien Hee, Pengarah Perniagaan & Jualan Kanan kami, bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan aktiviti jualan dan pemasaran, menjawab pertanyaan daripada bakal pelanggan, melayani pelanggan sedia ada dan menyelaraskan proses kelayakan produk. Aktiviti jualan dan pemasaran Kumpulan kami adalah seperti berikut:

(i) Pendekatan langsung dan rangkaian industri

Kami mendapat pelanggan baharu dengan menjalankan carian internet ke atas pemain yang beroperasi dalam industri sedia ada yang kami sediakan perkhidmatan, iaitu industri fotonik, E&E, semikonduktor, telekomunikasi dan optoelektronik dan seterusnya mendekati mereka secara langsung. Pasukan jualan dan pemasaran kami mempromosikan produk kami dan mempamerkan keupayaan kejuruteraan, kualiti dan pengeluaran kami kepada bakal pelanggan, dan juga mengikuti rapat pelanggan sedia ada kami untuk kekal terkini dengan pelancaran produk baharu mereka bagi mengenal pasti peluang untuk mendapatkan lebih banyak jualan.

(ii) Rujukan daripada rakan perniagaan

Kami mendapat pelanggan baharu melalui rujukan daripada rakan perniagaan kami, termasuk pelanggan kami, pembekal dan subkontraktor yang diluluskan. Keupayaan kami dalam mengekalkan kualiti produk kami, ditambah pula dengan sejarah kami yang mantap dan rekod prestasi yang terbukti telah membawa masuk rujukan melalui pengesyoran oleh sekutu perniagaan kami, yang sentiasa mengekalkan hubungan baik dengan kami.

(iii) Laman web korporat

Kami telah menubuhkan laman web korporat kami di [www.northeast.my](http://www.northeast.my) sebagai platform untuk memperkenalkan dan menghebahkan tawaran kami serta keupayaan kejuruteraan dan pemesinan kami kepada bakal pelanggan. Laman web korporat kami juga berfungsi untuk menyediakan maklumat yang boleh dicari dengan segera mengenai Kumpulan kami.

Penggunaan internet yang meluas pada masa kini sebagai sumber maklumat membolehkan kami merentasi sempadan geografi dan memudahkan akses dari mana-mana bahagian dunia, meningkatkan potensi jangkauan dan pendedahan pasaran kami.

Semua jualan kami dijalankan berdasarkan pesanan pembelian kerana kami tidak memasuki kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

### 6.9 PENGIKTIRAFAN ANUGERAH PENTING

Anugerah dan pengiktirafan yang diterima oleh Kumpulan kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 adalah seperti berikut:

Tahun	Anugerah dan pengiktirafan	Entiti yang dianugerahkan	Badan pemberi anugerah
2021	Export Excellence Awards – Exporter of the Year: Small and Medium Enterprise	Northeast Precision	Standard Chartered Bank, Malaysia dan Star Media Group Berhad
2021	Export Excellence Awards – Machinery, Electrical & Electronic (Small and Medium Enterprise)	Northeast Precision	Standard Chartered Bank, Malaysia dan Star Media Group Berhad
2022	Golden Eagle Award 2022 Malaysia 100 Excellent Enterprise – Top 2 Winner of Excellent Eagle	Northeast Precision	Nanyang Siang Pau
2022	Platinum Business Awards 2022 – SME Export Excellence Award	Northeast Precision	Persatuan SME Malaysia
2022	Enterprise 50 Award	Northeast Precision	Perbadanan SME Malaysia
2023	Platinum Business Awards 2023 – SME Export Excellence Award	Northeast Precision	Persatuan SME Malaysia
2023	Golden Eagle Award 2023 Malaysia 100 Excellent Enterprises – Top 1 Winner of Excellent Eagle	Northeast Precision	Nanyang Siang Pau

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

### 6.10 JENIS, SUMBER DAN KETERSEDIAAN BAHAN MENTAH DAN INPUT UTAMA

Pecahan pembelian bekalan dan perkhidmatan Kumpulan kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan adalah seperti berikut:

Bekalan dan perkhidmatan	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	% jumlah pembelian	RM'000	% jumlah pembelian	RM'000	% jumlah pembelian	RM'000	% jumlah pembelian	RM'000	% jumlah pembelian
<b>Bahan mentah</b>	<b>29,060</b>	<b>51.76</b>	<b>32,892</b>	<b>52.37</b>	<b>11,986</b>	<b>42.43</b>	<b>8,171</b>	<b>41.82</b>	<b>7,877</b>	<b>41.09</b>
Aluminium	9,681	17.24	14,033	22.35	5,878	20.81	3,950	20.22	4,271	22.28
Tembaga	16,041	28.58	14,665	23.35	3,913	13.85	2,444	12.51	1,264	6.60
Keluli tahan karat	1,566	2.79	2,885	4.59	1,846	6.54	1,461	7.48	2,164	11.29
Keluli karbon	1,305	2.32	819	1.30	309	1.09	286	1.46	152	0.79
Plastik	467	0.83	490	0.78	40	0.14	30	0.15	25	0.13
<b>Perkhidmatan subkontraktor<sup>(i)</sup></b>	<b>19,775</b>	<b>35.23</b>	<b>21,810</b>	<b>34.73</b>	<b>9,635</b>	<b>34.10</b>	<b>6,858</b>	<b>35.11</b>	<b>7,285</b>	<b>38.01</b>
<b>Alat dan perkakasan</b>	<b>4,636</b>	<b>8.26</b>	<b>4,889</b>	<b>7.78</b>	<b>4,003</b>	<b>14.17</b>	<b>2,764</b>	<b>14.15</b>	<b>2,205</b>	<b>11.51</b>
<b>Bahan habis pakai<sup>(ii)</sup></b>	<b>1,761</b>	<b>3.14</b>	<b>2,017</b>	<b>3.21</b>	<b>2,016</b>	<b>7.14</b>	<b>1,366</b>	<b>6.99</b>	<b>1,508</b>	<b>7.87</b>
<b>Bahan pembungkusan</b>	<b>904</b>	<b>1.61</b>	<b>1,197</b>	<b>1.91</b>	<b>610</b>	<b>2.16</b>	<b>376</b>	<b>1.93</b>	<b>291</b>	<b>1.52</b>
<b>Jumlah</b>	<b>56,136</b>	<b>100.00</b>	<b>62,805</b>	<b>100.00</b>	<b>28,250</b>	<b>100.00</b>	<b>19,535</b>	<b>100.00</b>	<b>19,166</b>	<b>100.00</b>

Nota:

- (i) Terdiri daripada perkhidmatan pra-pemesinan, penyaduran dan salutan serbuk.
- (ii) Termasuk antara lain, bahan penyejuk dan minyak, bahan penyaduran, serbuk salutan dan kertas pasir.



## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Bahan mentah ialah pembelian terbesar bekalan kami, di mana aluminium, tembaga, keluli tahan karat, keluli karbon dan plastik merupakan bahan mentah kami. Aluminium, tembaga, keluli tahan karat, keluli karbon dan plastik secara kolektif menyumbang kira-kira 51.76%, 52.37%, 42.43% dan 41.09% daripada jumlah pembelian Kumpulan kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 masing-masing. Aluminium, tembaga, keluli tahan karat, keluli karbon dan plastik digunakan sebagai bahan untuk pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Kumpulan kami tidak menyimpan stok bahan mentah dan bahan mentah ini hanya dibeli selepas pengesahan pesanan daripada pelanggan kami. Bahan mentah ini adalah komoditi dan mudah didapati dan kebanyakannya diperolehi daripada pembekal tempatan. Harga aluminium, tembaga, keluli tahan karat, keluli karbon dan plastik tertakluk kepada turun naik harga mengikut harga komoditi global akibat daripada keadaan permintaan dan bekalan. Namun begitu, kami dapat menyalurkan kos bahan mentah kepada pelanggan kami kerana pembelian sebenar bahan mentah hanya akan dibuat selepas pengesahan pesanan daripada pelanggan kami.

Kami tidak menghadapi sebarang gangguan bekalan bahan mentah atau kelewatan yang menjejaskan operasi perniagaan kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan, FPE 2024 dan sehingga LPD; oleh itu, kami dapat memenuhi semua pesanan kami yang dibuat oleh pelanggan kami.

Pada FYE 2023, kami mengambil langkah sekali sahaja untuk mengawal pembelian bahan mentah sebagai sebahagian daripada tindak balas kami terhadap kelembapan dalam industri semikonduktor dan E&E global dan kami tidak menghadapi sebarang gangguan atau kelewatan bekalan bahan mentah. Sebagai tambahan kepada pengeluaran komponen kejuruteraan ketepatan, bahan mentah ini juga digunakan untuk perkara berikut:

- (i) bagi tujuan menghasilkan prototaip komponen sebelum permulaan pengeluaran dijalankan; dan/atau
- (ii) untuk menghasilkan komponen kejuruteraan ketepatan tambahan untuk menampung penggantian komponen yang rosak (jika ada).

Bahan mentah yang digunakan akan menjadi sebahagian daripada kos barangan dijual dan sebarang baki/bahan mentah yang tidak digunakan daripada di atas akan menjadi sebahagian daripada stok akhir.

### 6.11 R&D




Disebabkan sifat perniagaan kami di mana kami mengeluarkan komponen kejuruteraan ketepatan mengikut spesifikasi dan keperluan pelanggan kami, kami tidak menjalankan sebarang aktiviti R&D berhubung dengan operasi perniagaan kami. Namun begitu, kami terus meningkatkan keupayaan kejuruteraan dan pemesinan kami untuk meningkatkan produktiviti operasi perniagaan kami dan konsistensi kualiti produk kami. Sila rujuk Seksyen 6.4.2 Prospektus ini untuk butiran keupayaan kejuruteraan dan pemesinan kami.

### 6.12 PERISIAN DAN MESIN YANG DIGUNAKAN

Kami menggunakan pelbagai perisian dan mesin untuk menjalankan proses pembuatan kami, dengan contoh dan butiran seperti berikut:

Perisian / mesin	Penerangan
Alat perisian CAD	Kami menggunakan pelbagai perisian CAD seperti SolidWorks dan Spaceclaim untuk reka bentuk produk 2D dan 3D, kejuruteraan dan pemodelan. Perisian ini membolehkan pasukan kejuruteraan kami mereka bentuk proses pembuatan terperinci untuk komponen kejuruteraan ketepatan mengikut spesifikasi pelanggan kami di peringkat kejuruteraan proses.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Perisian / mesin	Penerangan
<p data-bbox="296 342 491 365">Alat perisian CAM</p> <p data-bbox="296 533 421 555">Mesin CNC</p>	<p data-bbox="587 342 1390 504">Kami menggunakan pelbagai perisian CAM seperti Surfcam dan Esprit TNG untuk menjana dan memuatkan arahan yang diprogramkan, berdasarkan lakaran yang dihasilkan daripada alat perisian CAD, ke dalam mesin CNC. Selanjutnya, alat perisian CAM juga digunakan untuk mengawal operasi mesin CNC melalui arahan yang diprogramkan untuk mengautomasikan proses pembuatan.</p> <p data-bbox="587 533 1390 638">Mesin CNC merujuk kepada mesin automatik yang digunakan dalam proses pembuatan kami. Mesin ini dikawal melalui arahan terprogram yang dikodkan dalam alat perisian CAM, berdasarkan lakaran yang dihasilkan daripada alat perisian CAD.</p> <p data-bbox="587 667 1390 745">Mesin CNC yang kami gunakan ialah mesin pengisar CNC, mesin pemusing CNC dan mesin pelarik automatik CNC, seperti yang digambarkan di bawah:</p> <p data-bbox="611 775 847 797"><b>Mesin pengisar CNC</b></p> <div data-bbox="651 835 882 1137">  </div> <p data-bbox="970 853 1369 1039">Mesin yang menggunakan kawalan berkomputer dan alat pemotong berbilang titik berputar untuk mengeluarkan bahan berlebihan daripada bahan kerja untuk menghasilkan bahagian atau komponen yang direka khas</p> <p data-bbox="611 1178 863 1200"><b>Mesin pemusing CNC</b></p> <div data-bbox="619 1216 930 1462">  </div> <p data-bbox="970 1245 1369 1408">Mesin yang memusingkan bahan kerja akhir atau bahan pada kelajuan tinggi dengan alat pemotong yang mencukur secara beransur-ansur untuk menghasilkan bahagian atau komponen yang direka khas</p> <p data-bbox="611 1473 943 1496"><b>Mesin pelarik automatik CNC</b></p> <div data-bbox="619 1507 938 1798">  </div> <p data-bbox="970 1581 1369 1767">Mesin yang mampu memotong, mengampelas, menggerudi, mengubah bentuk dan memusing bahan kerja, serta melakukan proses pengisaran pusingan untuk bahagian dan komponen mesin ketepatan yang lebih kecil</p> <p data-bbox="587 1832 1390 2018">Penggunaan mesin CNC membolehkan pengisaran dan pusingan berkelajuan tinggi, yang akan meningkatkan kecekapan operasi dan ketepatan proses. Selanjutnya, mesin CNC juga membenarkan pemesinan atau pembentukan profil berketepatan tinggi, membolehkan kami memperhalus kemasan produk kami melalui pemotongan/pembentukan geometri dan corak yang kompleks tanpa ubah bentuk.</p>

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Perisian / mesin	Penerangan
Mesin pengukur koordinat	Kami menggunakan mesin pengukur koordinat dalam proses kawalan kualiti kami. Mesin pengukur koordinat digunakan untuk mengukur dimensi komponen dalam ketepatan dan kejituan yang tinggi. Mesin pengukur koordinat membolehkan kami menjalankan pemeriksaan ke atas komponen kami untuk memastikan ia memenuhi keperluan pelanggan kami.

### 6.13 KAPASITI OPERASI DAN PENGGUNAAN

Kami menggunakan beberapa mesin dan peralatan untuk membuat komponen kejuruteraan ketepatan mengikut reka bentuk dan keperluan produk pelanggan kami. Masa pengeluaran dan jenis mesin serta peralatan yang digunakan berbeza, bergantung pada kerumitan komponen kejuruteraan ketepatan yang akan dikeluarkan.

Anggaran kapasiti operasi dan kadar penggunaan kami berdasarkan masa berjalan mesin CNC kami untuk FYE 2023 dan FPE 2024 adalah seperti berikut:

Jenis mesin	Bil. unit pada 30 September 2023	Jam operasi tahunan sebenar	Anggaran kapasiti operasi tahunan <sup>(i)</sup> (jam)	Kadar penggunaan (%) <sup>(ii)</sup>
Pengisar CNC	235	1,023,231	1,395,900	73.30
Pemusing CNC	30	151,657	178,200	85.10
Pelarik automatik CNC	12	66,792	71,280	93.70
<b>Jumlah</b>	<b>277</b>			

Jenis mesin	Bil. unit pada 31 Mei 2024	Jam operasi tahunan sebenar	Anggaran kapasiti operasi <sup>(iii)</sup> (jam)	Kadar penggunaan (%) <sup>(ii)</sup>
Pengisar CNC	235	608,069	938,355	64.80
Pemusing CNC	30	107,624	119,790	89.84
Pelarik automatik CNC	12	44,924	47,916	93.76
<b>Jumlah</b>	<b>277</b>			

Nota:

(i) Anggaran kapasiti operasi tahunan dikira berdasarkan:

Bil. mesin CNC x 5.5 hari bekerja seminggu x 52 minggu setahun x 22 jam bekerja sehari<sup>(a)</sup> – (Bil. mesin CNC x 16 hari bekerja tidak beroperasi<sup>(b)</sup> x 22 jam bekerja sehari)

(a) Berdasarkan 2 syif sehari, 8 jam bekerja serta lebih masa 4 jam bekerja (termasuk waktu rehat 1 jam) setiap syif.

(b) Hari bekerja tidak beroperasi merujuk kepada cuti umum tertentu yang dipatuhi oleh Kumpulan kami dan hari cuti untuk menampung pengambilan stok.

(ii) Kadar penggunaan dikira berdasarkan jam operasi sebenar dibahagikan dengan anggaran kapasiti operasi dan didarab dengan 100%.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

(iii) Anggaran kapasiti operasi dikira berdasarkan:

Bil. mesin CNC x 5.5 hari bekerja seminggu x 35 minggu setiap tempoh x 22 jam bekerja sehari<sup>(a)</sup> –  
(Bil. mesin CNC x 11 hari bekerja tidak beroperasi<sup>(b)</sup> x 22 jam bekerja sehari)

- (a) Berdasarkan 2 syif sehari, 8 jam bekerja serta lebih masa 4 jam bekerja (termasuk waktu rehat 1 jam) setiap syif.
- (b) Hari bekerja tidak beroperasi merujuk kepada cuti umum tertentu yang dipatuhi oleh Kumpulan kami dan hari cuti untuk menampung pengambilan stok.

### 6.14 JENTERA DAN PERALATAN MATERIAL

Pada 31 Mei 2024, jentera dan peralatan material yang digunakan dalam operasi perniagaan kami adalah seperti berikut:

Jenis mesin	Bil. unit	Purata hayat berguna (tahun)	Julat umur jentera (tahun)	NBV pada 31 Mei 2024 (RM'000)
Pengisar CNC	235	10	1 hingga 18	21,689
Pemusing CNC	30	10	1 hingga 15	2,481
Pelarik automatik CNC	12	10	2 hingga 12	1,502
Mengukur koordinat	20	10	1 hingga 18	2,275
<b>Jumlah</b>	<b>297</b>			<b>27,947</b>

### 6.15 JAMINAN KUALITI DAN PENGESAHAN

Kumpulan kami memberi penekanan yang kuat terhadap kualiti semua produk yang dikeluarkan. Sistem pengurusan kualiti kami disokong oleh pasukan QA & QC dalaman kami, di mana mereka menjalankan prosedur kawalan kualiti pada pelbagai peringkat proses pembuatan kami, seperti yang diperincikan dalam Seksyen 6.7 Prospektus ini. Kami mengamalkan dasar jaminan kualiti dalaman yang ketat dalam operasi kami untuk memastikan produk kami mematuhi piawaian dalaman dan antarabangsa.

Selanjutnya, sesetengah pelanggan kami menjalankan audit prestasi secara ad-hoc untuk menilai keupayaan kami untuk mencapai keperluan mereka, dari segi kualiti produk, kemudahan pembuatan, proses pembuatan dan kapasiti pengeluaran. Untuk terus memenuhi jangkaan dan mendapatkan jualan daripada pelanggan kami, adalah penting bagi kami untuk terus mengekalkan standard kualiti tertinggi dalam operasi kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pada LPD, kami telah mendapat pensijilan berikut menerusi anak-anak syarikat kami:

Anak syarikat yang dianugerahkan	Standard	Badan pensijilan	Tarikh pertama dianugerahkan	Tempoh sah semasa	Skop pensijilan
NE Technologies (Kilang 1)	ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti	TÜV Rheinland Cert GmbH	12 April 2016	12 April 2022 – 11 April 2025	Pembuatan dan pemasangan komponen mekanikal untuk industri telekomunikasi dan elektronik
NE Components (Kilang 2)	ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti	TÜV Rheinland Cert GmbH	12 April 2016	12 April 2022 – 11 April 2025	Pembuatan dan pemasangan komponen mekanikal untuk industri telekomunikasi dan elektronik
Northeast Precision (Kilang 2)	ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti	TÜV Rheinland Cert GmbH	12 April 2016	12 April 2022 – 11 April 2025	Pembuatan dan pemasangan komponen mekanikal untuk industri telekomunikasi, elektronik, aeroangkasa dan automotif
NE Integrated (Kilang 3)	ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti	TÜV Rheinland Cert GmbH	28 Oktober 2015	28 Oktober 2021 – 27 Oktober 2024	Pembuatan dan pemasangan komponen mekanikal untuk industri telekomunikasi, elektronik, aeroangkasa dan automotif

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

### 6.16 PELANGGAN UTAMA

5 pelanggan utama Kumpulan kami, sebagai peratusan daripada jumlah hasil kami, untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 adalah seperti berikut:

Pelanggan <sup>(i)</sup>	Tempoh hubungan (tahun)*	Sumbangan hasil		Negara <sup>(ii)</sup>	Industri
		RM'000	%		
<b>FYE 2021</b>					
Kumpulan syarikat Pelanggan A	15	57,679	50.95	USA, Rusia, Jerman dan Itali	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan B	9	7,538	6.66	UK, China, Poland dan USA	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan C	6	6,562	5.80	Jerman, Singapura, Malaysia dan UK	Semikonduktor
Pelanggan D	10	5,407	4.78	Thailand	E&E
Kumpulan syarikat Pelanggan E	5	4,182	3.69	USA, Malaysia dan Hungary	Telekomunikasi
<b>Jumlah</b>		<b>81,368</b>	<b>71.88</b>		
<b>FYE 2022</b>					
Kumpulan syarikat Pelanggan A	16	67,770	46.90	USA, Rusia, Jerman dan Itali	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan B	10	10,867	7.52	UK, China, Poland dan USA	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan F	16	9,558	6.61	Switzerland dan Malaysia	Semikonduktor
Kumpulan syarikat Pelanggan C	7	8,139	5.63	Jerman, Singapura, Malaysia dan UK	Semikonduktor
Kumpulan syarikat Pelanggan G	8	6,689	4.63	Singapura dan Sweden	Optoelektronik
<b>Jumlah</b>		<b>103,023</b>	<b>71.29</b>		

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pelanggan <sup>(i)</sup>	Tempoh hubungan (tahun)*	Sumbangan hasil		Negara <sup>(ii)</sup>	Industri
		RM'000	%		
<b>FYE 2023</b>					
Kumpulan syarikat Pelanggan A	17	31,522	33.77	USA, Rusia, Jerman dan Itali	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan B	11	7,593	8.14	UK, China, Poland dan USA	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan E	7	6,868	7.36	USA, Malaysia dan Hungary	Telekomunikasi
Pelanggan D	12	6,210	6.65	Thailand	E&E
Kumpulan syarikat Pelanggan F	17	5,981	6.41	Switzerland dan Malaysia	Semikonduktor
<b>Total</b>		<b>58,174</b>	<b>62.33</b>		
<b>FPE 2024</b>					
Kumpulan syarikat Pelanggan A	18	15,234	24.49	USA, Rusia, Jerman dan Itali	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan B	12	6,754	10.86	UK, China, Poland dan USA	Fotonik
Kumpulan syarikat Pelanggan F	18	5,074	8.16	Switzerland dan Malaysia	Semikonduktor
Kumpulan syarikat Pelanggan E	8	3,612	5.81	USA, Malaysia dan Hungary	Telekomunikasi
Kumpulan syarikat Pelanggan G	10	3,511	5.64	Singapura dan Sweden	Optoelektronik
<b>Jumlah</b>		<b>34,185</b>	<b>54.96</b>		

Nota:

\* Tempoh hubungan pada hari terakhir FYE/ FPE masing-masing, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(i) Kami tidak dapat mendedahkan nama pelanggan disebabkan oleh perjanjian ketidakedahhan/kerahsiaan yang dilaksanakan dengan pelanggan masing-masing, yang mengandungi klausa ketidakedahhan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan pelanggan tanpa persetujuan bertulis terlebih dahulu. Persetujuan telah diminta kemudiannya tetapi tidak diberikan oleh pelanggan.

(ii) Berdasarkan negara diperbadankan.

Untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, 5 pelanggan utama kami masing-masing menyumbang kira-kira 71.88%, 71.29%, 62.33% dan 54.96% kepada jumlah hasil Kumpulan kami. Semua jualan kami dijalankan berdasarkan pesanan pembelian kerana kami tidak memasuki sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Kami bergantung kepada kumpulan syarikat Pelanggan A kerana mereka masing-masing menyumbang kira-kira 50.95%, 46.90%, 33.77% dan 24.49% kepada jumlah hasil kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Jualan Kumpulan kami kepada kumpulan syarikat Pelanggan A diurus niaga berdasarkan pesanan pembelian. Oleh itu, jika kumpulan syarikat Pelanggan A berhenti membeli produk dan perkhidmatan kami, kami mungkin mengalami pengurangan dalam jualan yang boleh mengakibatkan kehilangan hasil jika kami tidak dapat menggantikan kumpulan syarikat Pelanggan A dengan pelanggan baharu atau dengan pesanan tambahan daripada pelanggan sedia ada tepat pada masanya. Walau bagaimanapun, kami berpandangan bahawa dengan peningkatan berterusan Kumpulan kami dalam keupayaan kejuruteraan dan pemesanan serta hubungan perniagaan jangka panjang kami dengan kumpulan syarikat Pelanggan A selama 18 tahun yang lalu pada LPD, kami menjangka akan terus mendapatkan pesanan daripada kumpulan syarikat Pelanggan A. Tambahan pula, sumbangan hasil daripada kumpulan syarikat Pelanggan A telah berada pada arah aliran menurun daripada kira-kira 50.95% pada FYE 2021 kepada kira-kira 33.77% dan 24.49% pada masing-masing FYE 2023 dan FPE 2024, kerana kami telah pada: (a) setiap FYE 2022 dan FYE 2023 memperoleh 10 pelanggan baharu daripada industri fotonik, E&E, semikonduktor, telekomunikasi dan optoelektronik; dan (b) FPE 2024 memperoleh 8 pelanggan baharu daripada industri fotonik, E&E dan semikonduktor. Semua pelanggan baharu ini diperoleh melalui rujukan daripada pelanggan sedia ada kami. Sila rujuk Seksyen 8.1.1 Prospektus ini untuk faktor risiko yang melibatkan pergantungan kami kepada kumpulan syarikat Pelanggan A.

### 6.17 PEMBEKAL UTAMA

5 pembekal utama Kumpulan kami, sebagai peratusan daripada jumlah pembelian kami, untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 adalah seperti berikut:

Pembekal <sup>(i)</sup>	Tempoh hubungan (tahun)*	Pembelian		Produk atau perkhidmatan utama dibeli
		RM'000	%	
<b>FYE 2021</b>				
Pembekal A	8	15,768	28.09	Tembaga
Tong Heer Aluminium Industries Sdn Bhd	15	3,765	6.70	Aluminium
Pembekal B	16	2,260	4.03	Aluminium
Pembekal C	1	1,541	2.75	Perkhidmatan pra-pemesinan
Pembekal D	9	1,376	2.45	Perkhidmatan penyaduran
<b>Jumlah</b>		<b>24,710</b>	<b>44.02</b>	
<b>FYE 2022</b>				
Pembekal A	9	14,304	22.78	Tembaga
Tong Heer Aluminium Industries Sdn Bhd	16	5,311	8.46	Aluminium
Pembekal B	17	3,822	6.08	Aluminium
Pembekal E	10	2,351	3.74	Keluli tahan karat
UA Materials Sdn Bhd	16	1,553	2.47	Aluminium
<b>Jumlah</b>		<b>27,341</b>	<b>43.53</b>	



## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pembekal <sup>(i)</sup>	Tempoh hubungan (tahun)*	Pembelian		Produk atau perkhidmatan dibeli
		RM'000	%	
<b>FYE 2023</b>				
Pembekal A	10	3,604	12.76	Tembaga
UA Materials Sdn Bhd	17	1,592	5.63	Aluminium
Pembekal B	18	1,543	5.46	Aluminium
Pembekal E	11	1,449	5.13	Keluli tanpa karat
Pembekal F	13	1,065	3.77	Perkhidmatan pra-pemesinan
<b>Jumlah</b>		<b>9,253</b>	<b>32.75</b>	
<b>FPE 2024</b>				
Pembekal E	12	1,753	9.15	Keluli tanpa karat
Tong Heer Aluminium Industries Sdn Bhd	18	1,471	7.67	Aluminium
Pembekal A	11	1,185	6.18	Tembaga
Pembekal F	14	1,056	5.51	Perkhidmatan pra-pemesinan
Pembekal G	13	964	5.03	Perkhidmatan pra-pemesinan
<b>Jumlah</b>		<b>6,429</b>	<b>33.54</b>	

Nota:

\* Tempoh hubungan pada hari terakhir FYE/ FPE masing-masing, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(i) Kami tidak dapat mendedahkan nama pembekal kerana perjanjian ketidakdedahan bersama yang dilaksanakan dengan beberapa pembekal, yang mengandungi klausa ketidakdedahan yang melarang pendedahan maklumat sulit berhubung dengan pembekal tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu. Persetujuan telah diminta kemudiannya tetapi tidak diberikan oleh pembekal.

Bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, 5 pembekal utama kami masing-masing menyumbang kira-kira 44.02%, 43.53%, 32.75% dan 33.54% daripada jumlah pembelian Kumpulan kami. Kesemua 5 pembekal utama kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 berpangkalan di Malaysia.

Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan, Pembekal A merupakan pembekal terbesar Kumpulan kami, masing-masing menyumbang kira-kira 28.09%, 22.78% dan 12.76% kepada jumlah pembelian Kumpulan kami. Walau bagaimanapun, untuk FPE 2024, Pembekal A tidak lagi menjadi pembekal terbesar kami, menyumbang kira-kira 6.18% kepada jumlah pembelian Kumpulan kami. Pembelian Kumpulan kami daripada Pembekal A adalah terutamanya tembaga. Kami percaya bahawa kami akan dapat terus membeli tembaga daripada Pembekal A berdasarkan hubungan perniagaan kami yang telah lama terjalin selama kira-kira 11 tahun dan usaha berterusan kami dalam mengekalkan hubungan baik dengan mereka.

Sekiranya Pembekal A berhenti membekalkan tembaga kepada Kumpulan kami, kami masih boleh mendapatkan sumber daripada pembekal tembaga lain. Pada LPD, kami telah mengenal pasti 6 pembekal alternatif yang layak untuk membekalkan tembaga dalam spesifikasi yang diperlukan oleh kami dan kami akan dapat memperoleh tembaga daripada mereka jika Pembekal A berhenti membekalkan tembaga kepada Kumpulan kami. Berdasarkan perkara di atas, kami tidak bergantung kepada Pembekal A untuk bekalan tembaga.

Walaupun kami tidak mempunyai sebarang kontrak jangka panjang dengan pembekal utama kami, kami tidak mengalami sebarang gangguan besar daripada pembekal utama kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Kami tidak bergantung kepada mana-mana pembekal utama kami yang lain dan mampu untuk mendapatkan bekalan yang sama daripada pembekal alternatif sekiranya pembekal utama kami yang lain berhenti membekalkan bahan kepada Kumpulan kami.

---

**6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)**

---

**6.18 GANGGUAN PERNIAGAAN**

Kumpulan kami tidak mengalami sebarang gangguan material yang telah menjejaskan perniagaan kami dengan ketara sepanjang 12 bulan yang lalu sebelum LPD.

Walau bagaimanapun, penularan wabak COVID-19 di Malaysia sejak 2020 telah membawa kepada gangguan kecil dan sedikit kepada operasi perniagaan kami kerana kami mengalami penggantungan sementara operasi perniagaan disebabkan sekatan pergerakan yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia, butiran lanjut seperti berikut:

- Dari 18 Mac 2020 hingga 18 April 2020, operasi kami digantung buat sementara waktu berikutan pelaksanaan MCO pertama; dan
- Kilang 1 kami ditutup sementara selama 6 hari pada Ogos 2021 untuk pembasmian kuman seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia kerana kes positif COVID-19 di kalangan pekerja kami.

Perkara di atas tidak menyebabkan sebarang kesan buruk yang material kepada perniagaan dan operasi kami.

Kecuali gangguan sementara kepada aktiviti perniagaan kami seperti yang didedahkan di atas, Kumpulan kami dapat beroperasi mengikut prosedur operasi standard yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan tiada gangguan lain yang ketara dalam operasi kami semasa wabak COVID-19 yang menyebabkan kesan buruk yang ketara kepada prestasi kewangan kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024.

Walaupun kami mengalami sedikit kelewatan dalam penghantaran pesanan jualan disebabkan penggantungan sementara operasi perniagaan kami seperti yang dinyatakan di atas serta gangguan dalam rantaian logistik berikutan gangguan rantaian bekalan global dan kekurangan kontena, tiada kesan buruk yang material terhadap jualan kami dan jadual penghantaran semasa wabak COVID-19. Kami telah memaklumkan kepada pelanggan kami tentang kemungkinan kelewatan dalam jadual penghantaran apabila diperlukan, dan kami tidak menerima sebarang tuntutan penalti terhadap Kumpulan kami daripada pelanggan kami yang timbul daripada kelewatan tersebut.

Wabak pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan kenaikan harga bahan mentah pada 2021 dan 2022 akibat gangguan rantaian bekalan global. Walau bagaimanapun, tiada kesan material kepada prestasi kewangan kami kerana kami hanya membeli bahan mentah yang diperlukan selepas pengesahan pesanan daripada pelanggan kami. Selain itu, prestasi kewangan kami tidak terjejas kerana kami berjaya mencatatkan pertumbuhan hasil dan PAT kami untuk FYE 2022, di tengah-tengah pandemik.

Berikutan peralihan ke 'Fasa Endemik' berkuat kuasa April 2022, tiada kesan buruk kepada operasi perniagaan, aliran tunai, kecairan, kedudukan kewangan dan prestasi kewangan kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

### 6.19 PERGANTUNGAN PADA KONTRAK, HAK HARTA INTELEK, LESEN, PERMIT DAN PROSES PENGELUARAN ATAU PERNIAGAAN KAMI

Pada LPD, kecuali seperti yang didedahkan dalam Seksyen 6.20 dan Lampiran B Prospektus ini, perniagaan atau keuntungan Kumpulan kami tidak bergantung secara material kepada kontrak lain termasuk kontrak komersial atau kewangan, hak harta intelek, lesen, permit dan proses pengeluaran atau perniagaan.

### 6.20 HARTA INTELEK

Pada LPD, kecuali seperti yang didedahkan di bawah, kami tidak mempunyai sebarang hak harta intelek yang didaftarkan dan/atau dalam proses pendaftaran:

Tanda dagangan	Pihak berkuasa yang mengeluarkan	Pemilik berdaftar/ Pemohon	Nombor tanda dagangan/ Nombor permohonan	Tarikh pemfailan/ Tarikh luput	Kelas	Penerangan	Status pada LPD
	MyIPO	Northeast	TM2024005612	27 Februari 2024/ N/A	7	Enjin dan motor hidraulik; mesin kimpalan laser; mesin untuk pembuatan semikonduktor; injap sebagai komponen mesin; semua termasuk dalam Kelas 7	Menunggu kelulusan
	MyIPO	NE Components	TM2024005613	27 Februari 2024/ N/A	7	Enjin dan motor hidraulik; mesin kimpalan laser; mesin untuk pembuatan semikonduktor; injap sebagai komponen mesin; semua termasuk dalam Kelas 7	Menunggu kelulusan

Kumpulan kami tidak bergantung secara material pada tanda dagangan yang dinyatakan di atas kerana pelanggan kami tidak bergantung pada pengiktirafan tanda dagangan kami apabila mereka membuat pesanan dengan kami dan produk kami tidak dijual dengan tanda dagangan kami pada masa lalu. Oleh itu, tanda dagangan ini tidak dijangka mempunyai sebarang kesan material kepada operasi perniagaan dan prestasi kewangan kami.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

### 6.21 PEKERJA

Pada 30 September 2023, kami mempunyai tenaga kerja berjumlah 453 pekerja, di mana 128 adalah pekerja tempatan dan 325 pekerja asing. Secara purata, Kumpulan kami mempunyai 269<sup>^</sup> pekerja kontrak / sementara pada FYE 2023.

<sup>^</sup> Dikira berdasarkan bilangan pekerja kontrak / sementara pada setiap akhir bulan dari Oktober 2022 hingga September 2023.

Bilangan pekerja dalam Kumpulan kami mengikut fungsi perniagaan pada 30 September 2023 dibentangkan seperti berikut:

Kategori	Pada 30 September 2023			
	Pekerja Tetap		Pekerja kontrak / sementara	
	Tempatan	Asing	Tempatan	Asing
Pengarah	2	-	-	-
Pengurusan Kanan Penting	3	-	-	-
Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan	12	-	-	4
Kejuruteraan*	15	-	-	39
Penyelenggaraan Kemudahan	5	-	-	-
Pengeluaran	53	-	1	255
Pembelian	2	-	-	-
QA & QC	32	-	-	27
Jualan dan Pemasaran	3	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>325</b>

Nota:

\* Terdiri daripada pengurus kejuruteraan, juruteknik dan pengendali seperti berikut:

	Pekerja tetap		Pekerja kontrak / sementara	
	Tempatan	Asing	Tempatan	Asing
Pengurus kejuruteraan	2	-	-	-
Juruteknik	13	-	-	-
Pengendali	-	-	-	39
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>39</b>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pada LPD, kami mempunyai tenaga kerja berjumlah 503 pekerja, di mana 124 adalah pekerja tempatan dan 379 pekerja asing. Bilangan pekerja dalam Kumpulan kami mengikut fungsi perniagaan seperti pada LPD dibentangkan seperti di bawah:

Kategori	Pada LPD			
	Pekerja tetap		Pekerja kontrak / sementara	
	Tempatan	Asing	Tempatan	Asing
Pengarah	2	-	-	-
Pengurusan Kanan Penting	3	-	-	-
Pentadbiran, Sumber Manusia dan Kewangan	11	-	-	4
Kejuruteraan*	15	-	-	34
Penyelenggaraan Kemudahan	6	-	-	2
Pengeluaran	46	-	1	305
Pembelian	2	-	-	-
QA & QC	35	-	-	34
Jualan dan Pemasaran	3	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>123</b>	<b>-</b>	<b>1</b>	<b>379</b>

Nota:

\* Terdiri daripada pengurus kejuruteraan, juruteknik dan pengendali seperti berikut:

	Pekerja tetap		Pekerja kontrak / sementara	
	Tempatan	Asing	Tempatan	Asing
Pengurus kejuruteraan	2	-	-	-
Juruteknik	13	-	-	-
Pengendali	-	-	-	34
<b>Jumlah</b>	<b>15</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>34</b>

Kerajaan pada 1 Mac 2024 telah mengumumkan bahawa sebarang kuota yang tidak digunakan untuk pekerja asing akan dibatalkan pada 1 Jun 2024, bersama dengan kuota aktif untuk pekerja asing yang levi telah dibayar tetapi visa mereka belum dikeluarkan pada akhir Mac 2024. Tarikh akhir ini kemudian dilanjutkan sehingga 21 April 2024 oleh Kerajaan. Pelaksanaan garis panduan Kerajaan untuk kuota pekerja asing tidak mempunyai sebarang kesan material terhadap operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kami kerana kami mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk aktiviti pengeluaran kami.

Pada LPD, semua pekerja asing kami mempunyai visa dan permit kerja yang sah. Tempoh sah laku permit kerja pekerja asing kami adalah 1 tahun dari tarikh pengeluarannya. Tertakluk kepada pembaharuan visa dan permit kerja mereka, pekerja asing kami dibenarkan bekerja di Malaysia sehingga 10 tahun. Kami berhasrat untuk memperbaharui visa dan permit kerja pekerja asing kami, tertakluk kepada prestasi mereka yang memuaskan. Sila rujuk Seksyen 8.2.1 Prospektus ini mengenai kebergantungan Kumpulan kami terhadap ketersediaan buruh manual, termasuk pekerja asing untuk aktiviti pembuatan kami.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pada LPD, Kumpulan kami telah memperoleh COA berikut daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk penginapan yang disediakan kepada pekerja kami:

Tarikh COA/ Tarikh luput	Syarikat	Lokasi	Bil. pekerja
25 Ogos 2022/ 25 Ogos 2025	Northeast Precision	868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	120
3 Mei 2023/ 3 Mei 2026	Northeast Precision	868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	170
14 Ogos 2023/ 14 Ogos 2026	Northeast Precision	868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Kawasan Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	10
6 Mac 2024/ 6 Mac 2027	Northeast Precision	8, Jalan Carnation, Taman Carnation, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang	26
7 Mei 2024/ 7 Mei 2027	Northeast Precision	8, Lorong Industri Ringan 4, Kawasan Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	82
<b>Jumlah</b>			<b>408</b>

Selain daripada di atas, Kumpulan kami juga telah melalui penyedia perkhidmatan penginapan, Westlite Dormitory (Bukit Minyak) Sdn Bhd ("**Westlite Dormitory**"), menyediakan penginapan kepada 63 pekerja. Westlite Dormitory telah memperoleh COA bertarikh 5 Disember 2023 daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk penginapan yang terletak di 38, Jalan Perniagaan Seri Tambun, Taman Westlite Dormitory Bukit Tambun, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang untuk tempoh 3 tahun sehingga 5 Disember 2026 untuk menempatkan seramai 3,321 pekerja. Berdasarkan perkara di atas, semua penginapan yang disediakan oleh Kumpulan kami kepada pekerja kami telah dikeluarkan dengan COA yang sah pada LPD.

Tiada pekerja kami tergolong dalam mana-mana kesatuan sekerja. Hubungan dan kerjasama antara pihak pengurusan dan pekerja kami adalah baik selama ini dan ini dijangka berterusan pada masa hadapan. Kumpulan kami mematuhi gaji minimum berkanun, EPF, EIS, SOCSO dan levi dana pembangunan sumber manusia berhubung dengan pekerja kami. Pada LPD, tidak ada pertikaian industri yang berkaitan dengan pekerja kami.

### 6.22 UNDANG-UNDANG, KAWAL SELIA, PERATURAN ATAU KEPERLUAN YANG MENGAWAL

Undang-undang, kawal selia, peraturan atau keperluan yang berkaitan yang mengawal pengendalian perniagaan Kumpulan kami dan isu alam sekitar yang penting kepada perniagaan atau operasi Kumpulan kami diringkaskan di bawah. Perkara berikut tidak dimaksudkan sebagai huraian menyeluruh tentang semua undang-undang dan peraturan berkaitan yang perniagaan kami tertakluk kepada dan hanya bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pelabur. Ia tidak bertujuan untuk menggantikan nasihat profesional bebas.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*SAMBUNGAN*)

### (i) Akta Kerajaan Tempatan 1976

Akta Kerajaan Tempatan 1976 ("**LGA**") digubal untuk menyemak dan menyatukan undang-undang berkaitan kerajaan tempatan di Semenanjung Malaysia. Setiap lesen atau permit yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa tempatan dan boleh dibatalkan oleh pihak berkuasa tempatan pada bila-bila masa tanpa memberikan sebarang sebab untuknya.

Menurut LGA, seseorang yang gagal mempamerkan atau mengemukakan lesennya di premis berlesen boleh didenda tidak melebihi RM500 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya.

Pada LPD, tidak terdapat sebarang insiden ketidakpatuhan berhubung dengan peruntukan LGA di atas sejak permulaan operasi kecuali yang berikut:

- (a) NE Components tidak memperoleh sebarang lesen perniagaan untuk premis perniagaannya yang terdahulu di mana ia beroperasi, iaitu lot kedai yang terletak di Bukit Tengah dan Kilang 1. Ia juga tidak memperoleh lesen perniagaan untuk premis perniagaannya yang terdahulu di 1178, Jalan Kebun Baru, Taman Industri Ringan, Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang ("**Lot 1178**") sebelum 22 Ogos 2016. Ia juga tidak memperoleh lesen perniagaan apabila ia beroperasi di Kilang 2 sebelum 27 Mei 2022;
- (b) NE Integrated tidak memperoleh lesen perniagaan untuk premis perniagaannya di mana ia beroperasi sebelum ini, iaitu Lot 117 sebelum 19 Ogos 2014. Ia juga tidak memperoleh lesen perniagaan apabila ia beroperasi di Kilang 3 sebelum 24 Mei 2022;
- (c) NE Solutions tidak memperoleh sebarang lesen perniagaan untuk premis perniagaannya di mana ia beroperasi sebelum ini, iaitu Lot 119. Ia juga tidak memperoleh lesen perniagaan apabila ia beroperasi di Kilang 3 sebelum 3 Mac 2023;
- (d) NE Technologies tidak memperoleh sebarang lesen perniagaan untuk premis perniagaannya di mana ia beroperasi sebelum ini, iaitu lot kedai yang terletak di Bukit Tengah. Ia juga tidak memperoleh lesen perniagaannya apabila ia beroperasi di Kilang 1 sedia ada sebelum 6 Julai 2022; dan
- (e) Northeast Precision tidak memperoleh lesen perniagaannya untuk premis perniagaannya di mana ia beroperasi sebelum ini, iaitu lot kedai yang terletak di Bukit Tengah sebelum 14 Disember 2004. Ia juga tidak memperoleh lesen perniagaannya apabila ia beroperasi di Kilang 1 sebelum 27 November 2012 dan untuk Kilang 2 sebelum 20 April 2022.

Tiada sebarang denda atau tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa tempatan ke atas insiden ketidakpatuhan di atas dan juga tiada kesan material kepada operasi perniagaan atau prestasi kewangan Kumpulan kami.

Pada LPD, Kumpulan kami memegang lesen perniagaan yang sah untuk semua premis perniagaan kami yang sedia ada. Oleh itu, pada LPD, Kumpulan kami telah mematuhi LGA. Butiran lanjut mengenai lesen perniagaan kami dinyatakan dalam Lampiran B Prospektus ini.

---

**6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)**

---

**(ii) Akta Penyelarasan Perindustrian 1975**

Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (“ICA 1975”) menghendaki syarikat perkilangan dengan dana pemegang saham RM2.5 juta dan ke atas atau melibatkan 75 atau lebih pekerja bergaji sepenuh masa untuk memohon lesen pengilangan daripada MITI. Kegagalan untuk memerhati dan mematuhi keperluan pelesenan di bawah ICA 1975 akan menjadi satu kesalahan yang boleh dihukum jika disabitkan dengan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan dan denda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 sehari di mana ketidakpatuhan berterusan.

Pegawai pelesen juga boleh mengikut budi bicaranya membatalkan lesen jika pengilang yang kepadanya lesen dikeluarkan:

- (a) tidak mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan dalam lesen;
- (b) tidak lagi terlibat dalam aktiviti perkilangan yang berkenaan dengan mana lesen itu dikeluarkan; atau
- (c) telah membuat pernyataan palsu dalam permohonannya untuk mendapatkan lesen itu.

Pegawai pelesen juga boleh menahan atau menggantung pembatalan lesen jika dia berpuas hati bahawa perbuatan atau kesilapan pihak pengilang di bawah situasi di atas adalah disebabkan oleh beberapa sebab di luar kawalannya dan terdapat prospek yang munasabah untuk perbuatan itu atau kesilapan sedang diperbaiki dalam tempoh yang diarahkan oleh pegawai pelesenan.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Pada LPD, Kumpulan kami telah mengalami insiden ketidakpatuhan tertentu seperti berikut berhubung dengan lesen pengilangan sejak permulaan operasi, yang telah kami perbetulkan:

Syarikat	Sifat ketidakpatuhan	Status pada LPD	Anggaran masa untuk pembedulan	Kos pembedulan	Potensi penalti maksimum	Kesan kepada operasi perniagaan atau keadaan kewangan
NE Components	Tiada lesen pengilangan bagi kilang sebelumnya di Lot 1178 dan bagi Kilang 2 sebelum 15 Ogos 2022.	NE Components telah memperoleh lesen pengilangan bagi Kilang 2 berkuat kuasa dari 15 Ogos 2022.	Tidak berkaitan kerana ia telah diperbetulkan	-	Denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan dan denda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 sehari di mana ketidakpatuhan berterusan.	Tiada kesan material kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan Kumpulan kami kerana NE Components telah memperoleh lesen pengilangan.
NE Integrated	Tiada lesen pengilangan bagi Kilang 3 sebelum 21 Jun 2022.	NE Integrated telah memperoleh lesen pengilangan bagi Kilang 3 berkuat kuasa dari 21 Jun 2022.	Tidak berkaitan kerana ia telah diperbetulkan	-	Denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan dan denda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 sehari di mana ketidakpatuhan berterusan.	Tiada kesan material kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan Kumpulan kami kerana NE Integrated telah memperoleh lesen pengilangan.
NE Technologies	Tiada lesen pengilangan bagi Kilang 1 sebelum 3 Oktober 2022.	NE Technologies telah memperoleh lesen pengilangan bagi Kilang 1 berkuat kuasa dari 3 Oktober 2022.	Tidak berkaitan kerana ia telah diperbetulkan	-	Denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan dan denda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 sehari di mana ketidakpatuhan berterusan	Tiada kesan material kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan Kumpulan kami kerana NE Technologies telah memperoleh lesen pengilangan.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Sifat ketidakpatuhan	Status pada LPD	Anggaran masa untuk pembedulan	Kos pembedulan	Potensi penalti maksimum	Kesan kepada operasi perniagaan atau keadaan kewangan
Northeast Precision	Tiada lesen pengilangan <sup>(i)</sup> bagi Kilang 1 sebelum 24 Julai 2014 dan Kilang 2 sebelum 29 Ogos 2022.	Northeast Precision telah memperoleh lesen pengilangan bagi Kilang 2 berkuat kuasa dari 29 Ogos 2022.	Tidak berkaitan kerana ia telah diperbetulkan	-	Denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan dan denda selanjutnya tidak melebihi RM1,000 sehari di mana ketidakpatuhan berterusan.	Tiada kesan material kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan Kumpulan kami kerana Northeast Precision telah memperoleh lesen pengilangan.

Nota:

- (i) Northeast Precision mempunyai lesen pengilangan berkuat kuasa dari 24 Julai 2014 di bawah Kilang 1, yang telah didudukinya sebelum ini. Walau bagaimanapun, Northeast Precision telah berpindah ke Kilang 2 pada Ogos 2020 dan telah menjalankan aktiviti pembuatan di Kilang 2 tanpa lesen pengilangan sehingga memperoleh lesen pengilangan untuk Kilang 2 berkuat kuasa dari 29 Ogos 2022.

Pada LPD, Kumpulan kami telah memperoleh semua lesen pengilangan yang sah dan tidak didenda atau dikeluarkan dengan sebarang notis ketidakpatuhan daripada MITI berhubung insiden ketidakpatuhan di atas. Oleh yang demikian, pada LPD, Kumpulan kami telah mematuhi ICA 1975. Butiran lanjut mengenai lesen pengilangan kami dinyatakan dalam Lampiran B Prospektus ini.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*SAMBUNGAN*)

### (iii) Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 dan Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pelesenan) 1986

Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (“**AEL**”) mentadbir antara lain, pelesenan pemasangan nuklear dan aktiviti, berurusan, memiliki atau melupuskan sebarang bahan radioaktif, bahan nuklear, bahan yang ditetapkan atau radas penyinaran. Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pelesenan) 1986 (“**RPLR**”) mengawal antara lain, klasifikasi lesen.

Menurut AEL, tiada seorang pun boleh menempatkan, membina atau mengendalikan pemasangan nuklear, berurusan, memiliki atau melupuskan sebarang bahan radioaktif, bahan nuklear, bahan yang ditetapkan atau radas penyinaran, melainkan dia adalah pemegang lesen sah yang dikeluarkan di bawah AEL untuk tujuan tersebut dan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen. Pihak berkuasa pelesenan ialah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom.

Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah AEL, apabila disabitkan, jika tiada penalti diperuntukkan secara nyata, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau denda tidak melebihi RM100,000 atau kedua-duanya. Jika kesalahan di bawah AEL dilakukan oleh badan korporat, setiap orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah pengarah atau pegawai badan korporat itu melakukan kesalahan itu melainkan jika dia memperuntukkan bahawa dia telah menjalankan semua usaha yang wajar dan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan berlakunya kesalahan itu dan bahawa kesalahan tersebut dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan dan kerelaan beliau.

Pihak berkuasa yang berkenaan juga boleh pada bila-bila masa di bawah mana-mana keadaan berikut mengikut budi bicaranya membatalkan, atau menggantung untuk tempoh yang difikirkan sesuai, mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah AEL:

- (a) jika pemegang lesen telah melakukan kesalahan di bawah AEL;
- (b) jika pemegang lesen melanggar mana-mana syarat lesen;
- (c) jika pemegang lesen berhenti bekerja atau mengendalikan pemasangan nuklear yang berkenaan dengan mana lesen itu dikeluarkan; atau
- (d) jika pada pendapat pihak berkuasa yang berkenaan adalah demi kepentingan awam untuk berbuat demikian.

Pada LPD, Kumpulan kami tidak mengalami sebarang insiden ketidakpatuhan berhubung dengan AEL dan RPLR sejak permulaan operasi. Pada LPD, Kumpulan kami telah mematuhi AEL dan RPLR.

### (iv) Akta Racun, 1952 dan Peraturan-peraturan Racun (Natrium Hidroksida), 1962

Akta Racun, 1952 mengawal selia pengimportan, pemilikan, pengilangan, pengkompaunan, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan racun. Peraturan-peraturan Racun (Natrium Hidroksida), 1962 (“**PSHR**”) mengawal penjualan dan pembelian natrium hidroksida. Seseorang yang menjual natrium hidroksida kepada pembeli yang tidak memegang permit untuk membelinya atau membeli natrium hidroksida daripada penjual yang tidak memegang lesen kepadanya, melakukan suatu kesalahan. Permit untuk membeli, menyimpan dan menggunakan natrium hidroksida boleh dikeluarkan di bawah PSHR dan permit tersebut hendaklah menyatakan kuantiti maksimum natrium hidroksida yang boleh dibeli dan tujuan ia diperlukan, dan akan tamat tempoh pada 31 Disember selepas tarikh terbitan.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Sesiapa yang melanggar peruntukan di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya. Dengan syarat bahawa jika perbuatan atau kesilapan yang mana orang itu dipertuduhkan adalah pada pendapat mahkamah bersifat sedemikian rupa sehingga menyebabkan keingkaran yang disengajakan atau kecuaiian yang boleh dipersalahkan, yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, orang itu hendaklah bertanggungjawab, jika sabit kesalahan, didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Jika seseorang yang dipertuduh atas kesalahan terhadap Akta Racun, 1952 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya ialah suatu badan korporat, tiap-tiap orang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, ialah pengarah atau pegawai badan korporat itu boleh didakwa bersama dalam prosiding yang sama dengan badan korporat itu dan jika badan korporat itu disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan, tiap-tiap pengarah atau pegawai itu akan disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu melainkan dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan pelaksanaannya.

Pada LPD, Kumpulan kami tidak mempunyai sebarang insiden ketidakpatuhan berhubung dengan PSHR sejak permulaan operasi. Pada LPD, Kumpulan kami telah mematuhi PSHR.

### (v) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ("**EQA 1974**") mentadbir penguatkuasaan pelupusan sisa di Malaysia untuk mengawal pencemaran.

EQA 1974 mengawal selia, antara lain, deposit atau pelupusan apa-apa sisa terjadual di darat atau ke dalam perairan Malaysia; menerima atau menghantar, atau menyebabkan atau membenarkan diterima atau dihantar apa-apa sisa terjadual di dalam atau di luar Malaysia; atau transit atau menyebabkan atau membenarkan transit sisa terjadual. Mana-mana orang yang gagal mematuhi keperluan berkaitan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

EQA 1974 selanjutnya memperuntukkan bahawa jika kesalahan terhadap EQA 1974 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain, mana-mana orang yang pada masa melakukan kesalahan itu ialah seorang pengarah, ketua eksekutif, pegawai, pengurus, atau pegawai lain yang serupa atau rakan kongsi syarikat, firma, pertubuhan atau kumpulan orang lain atau yang dikatakan bertindak atas kapasiti sedemikian hendaklah disifatkan sebagai bersalah atas kesalahan itu melainkan jika dia memperuntukkan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuan atau persekongkolan dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk mengelakkan daripada melakukan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya dilakukannya dengan mengambil kira jenis fungsinya dalam kapasiti itu dan kepada semua keadaan.

Pada LPD, Kumpulan kami tidak mempunyai sebarang insiden ketidakpatuhan berhubung EQA 1974 sejak permulaan operasi. Pada LPD, Kumpulan kami telah mematuhi EQA 1974.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

### (vi) Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019

Menurut Seksyen 24D(1) Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019 ("**WMSHA 2019**"), tiada penginapan boleh disediakan kepada pekerja melainkan diperakui oleh COA.

Permohonan untuk COA boleh dibuat oleh majikan atau penyedia penginapan berpusat kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia. Majikan yang melanggar Seksyen 24(D)(1) tersebut melakukan suatu kesalahan, dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM50,000. Penyedia penginapan berpusat yang melanggar Seksyen 24(D)(1) tersebut melakukan suatu kesalahan, dan akan, jika disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya.

Pada LPD, Kumpulan kami mengalami insiden ketidakpatuhan tertentu seperti berikut berkaitan COA sejak permulaan operasi, yang telah kami perbetulkan:

Syarikat	Sifat ketidakpatuhan	Status pada LPD	Anggaran masa untuk pembedulan	Kos pembedulan	Potensi penalti maksimum	Kesan kepada operasi perniagaan atau keadaan kewangan
NE Components, NE Integrated, NE Technologies dan Northeast Precision	WMSHA 2019 berkuat kuasa pada 1 Jun 2020 dengan tempoh tangguh selama 3 bulan untuk majikan membuat persediaan yang diperlukan dan memastikan pematuhan.  Akibatnya, Kumpulan kami dikehendaki mematuhi perkara di atas untuk penginapan pekerja kami (" <b>Penginapan Terdahulu</b> ") menjelang 1 September 2020.	Sebelum sebarang keputusan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Kumpulan kami telah memutuskan untuk memindahkan pekerja kami <sup>(i)</sup> ke asrama kami yang dibina di atas Lot 20460, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah PN 10893 (yang terletak di dalam kawasan Kilang 2) (" <b>Lot 20460</b> ") dan penginapan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan penginapan.	Tidak berkaitan kerana ia telah diperbetulkan	-	Denda tidak melebihi RM50,000 bagi setiap kesalahan	Tiada kesan material kepada operasi perniagaan dan keadaan kewangan Kumpulan kami kerana kami tidak lagi menggunakan Penginapan Terdahulu dan telah memindahkan pekerja kami ke penginapan dengan COA.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Sifat ketidakpatuhan	Status pada LPD	Anggaran masa untuk pembedulan	Kos pembedulan	Potensi penalti maksimum	Kesan kepada operasi perniagaan atau keadaan kewangan
	Kami telah pada 8 Mac 2021 dan 21 September 2021 memohon kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk COA bagi Penginapan Terdahulu.	Akibat perkara di atas, Kumpulan kami tidak lagi menggunakan Penginapan Terdahulu.				

Pada LPD, Kumpulan kami tidak pernah didenda atau diberikan sebarang notis ketidakpatuhan daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia berhubung ketidakpatuhan di atas.

Pada LPD, Kumpulan kami telah:

- (i) berhenti menggunakan Penginapan Terdahulu; dan
- (ii) memindahkan pekerja kami ke tempat penginapan dengan COA iaitu Lot 20460 dan penginapan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan penginapan.

Oleh itu, pada LPD, Kumpulan kami telah mematuhi WMSHA 2019.

Sila rujuk Seksyen 6.21 Prospektus ini untuk butiran lanjut COA kami.

## 6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (*SAMBUNGAN*)

### 6.23 AMALAN ESG

Lembaga kami mengambil perhatian tentang tadbir urus kelestarian seperti yang dinyatakan dalam Kehendak Penyeneraian berhubung dengan Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian, Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Securities (Edisi ke-3) dan MCCG.

Kumpulan kami telah mewujudkan dasar kelestarian dan struktur tadbir urus kelestarian pada Mac 2023 dan Mei 2023, masing-masing untuk mengawal komitmen Kumpulan kami terhadap prinsip ESG dalam memastikan operasi yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar, menjalankan perniagaan secara bertanggungjawab dan pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan dengan pasti.

Lembaga kami, disokong oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami, mempunyai pengawasan dan akauntabiliti muktamad dalam hal kelestarian.

Kumpulan kami memberi tumpuan kepada amalan ESG berikut:

#### (i) Alam Sekitar

- (a) **Kecekapan tenaga:** Mengurangkan penggunaan tenaga dengan memasang diod pemancar cahaya yang cekap tenaga serta pemasangan kawalan pemasa bagi lampu perimeter dan papan tanda serta berlatih mematikan lampu dan penghawa dingin apabila tidak digunakan.
- (b) **Pengurusan air:** Memantau dan menguruskan penggunaan air dengan menuai air hujan untuk menyiram tanaman dan tujuan pembersihan dan memasang paip air pelepasan sendiri untuk kawasan penggunaan tinggi.
- (c) **Pengurangan pelepasan:** Memasang penutup mesin untuk mesin CNC untuk mengelakkan kabus minyak terlepas ke udara persekitaran lantai pengeluaran.
- (d) **Pengurangan sisa:** Melaksanakan aktiviti kitar semula sisa am untuk bahan seperti kertas, plastik dan logam untuk meminimumkan penjanaaan bahan buangan.
- (e) **Pematuhan alam sekitar:** Memastikan pematuhan ketat kepada peraturan dan piawaian alam sekitar termasuk yang berkaitan dengan pelepasan, kualiti udara dan pengendalian sisa tidak berbahaya.

#### (ii) Sosial

- (a) **Kesihatan dan keselamatan pekerja:** Mengutamakan kesihatan dan keselamatan pekerja dengan menyediakan latihan tetap, peralatan perlindungan seperti pelitup muka, kasut keselamatan dan sarung tangan serta melaksanakan protokol keselamatan untuk mengurangkan kemalangan dan insiden di tempat kerja.
- (b) **Kepelbagaian dan keterangkuman:** Memupuk persekitaran kerja yang pelbagai dan inklusif dengan menggalakkan budaya keadilan, kepelbagaian dalam pengambilan dan kenaikan pangkat serta peluang yang sama untuk semua pekerja.
- (c) **Penglibatan komuniti:** Melibatkan diri dengan komuniti setempat dan menyokong inisiatif sosial seperti pekerjaan tempatan dan menyediakan elaun pendidikan bulanan kepada pelajar universiti yang memerlukan di bawah program perantisan kami untuk membina hubungan positif dan muhibah.

---

**6. GAMBARAN KESELURUHAN PERNIAGAAN (SAMBUNGAN)**

---

- (d) **Pematuhan dan etika:** Mematuhi undang-undang berkaitan buruh termasuk Perintah Gaji Minimum 2022 dengan memastikan gaji, waktu bekerja dan pampasan yang adil (jika berkenaan) untuk pekerja kami selain memastikan pematuhan kepada semua peraturan dan piawaian industri yang berkaitan, sambil menggalakkan kelakuan beretika di seluruh Kumpulan kami.

**(iii) Tadbir urus**

- (a) **Pemantauan Lembaga:** Memastikan Lembaga kami menyediakan pengawasan yang berkesan terhadap risiko dan peluang berkaitan kelestarian.
- (b) **Amalan perniagaan beretika:** Mewujudkan dan menguatkuasakan kelakuan perniagaan beretika di seluruh Kumpulan kami kerana kami telah menerima pakai Kod Tatakelakuan dan Etika, Dasar Anti-Sogokan & Rasuah, Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Dasar Pemberi Maklumat.
- (c) **Ketelusan dan pendedahan:** Menyediakan laporan yang telus mengenai prestasi ESG, data kewangan dan penunjuk prestasi operasi kepada pihak berkepentingan kami.
- (d) **Pengurusan risiko:** Mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Perniagaan, mengenal pasti dan mengurus risiko operasi, kewangan, kelestarian dan reputasi yang berkaitan dengan proses pembuatan dan produk.
- (e) **Pematuhan kawal selia:** Memastikan pematuhan dengan peraturan dan piawaian khusus industri, terutamanya yang didedahkan dalam Seksyen 6.22 Prospektus ini.
- (f) **Keselamatan dan privasi data:** Melaksanakan langkah keselamatan data dan privasi untuk melindungi maklumat sensitif, terutamanya jika berurusan dengan formulasi proprietari atau data pelanggan.

Sebagai sebahagian daripada prosedur pengurusan kelestarian Kumpulan kami, Kumpulan kami menilai materialiti perkara kelestarian pada setiap tahun atau apabila keperluan timbul (mana-mana yang lebih awal) dengan melibatkan pihak berkepentingan kami, termasuk pelanggan, pembekal, pelabur, pihak berkuasa yang berkaitan, pekerja dan komuniti yang lebih luas untuk menyelaraskan amalan ESG kami supaya dapat mencapai prestasi kelestarian yang memberi kesan.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI

SMITH ZANDER INTERNATIONAL SDN BHD 201301028298 (1058128-V)  
 15-01, Level 15, Menara MBMR, 1 Jalan Syed Putra, 58000 Kuala Lumpur, Malaysia  
 T : +603 2732 7537 W : www.smith-zander.com

# SMITH ZANDER

Tarikh: 3 September 2024

Lembaga Pengarah

### **Northeast Group Berhad**

Suite 12-A, Level 12, Menara Northam  
 55 Jalan Sultan Ahmad Shah  
 10050 George Town  
 Pulau Pinang

Tuan / Puan,

### **Laporan Penyelidikan Pasaran Bebas mengenai Industri Kejuruteraan Ketepatan di Malaysia ("Laporan IMR")**

Laporan IMR ini telah disediakan oleh SMITH ZANDER INTERNATIONAL SDN BHD ("**SMITH ZANDER**") untuk dimasukkan ke dalam Prospektus berhubung dengan tawaran awam permulaan dan penyenaraian Northeast Group Berhad ("**Northeast**") di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad.

Objektif Laporan IMR ini adalah untuk memberikan pandangan bebas mengenai industri dan pasaran di mana Northeast dan anak-anak syarikatnya ("**Kumpulan Northeast**") beroperasi dan untuk menawarkan pemahaman yang jelas mengenai industri dan dinamik pasaran. Memandangkan Kumpulan Northeast terlibat terutamanya dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan, skop kerja untuk Laporan IMR ini akan menangani bidang berikut:

- (i) Industri sokongan kejuruteraan di Malaysia, sebagai industri yang lebih luas di mana Kumpulan Northeast beroperasi;
- (ii) Industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia, sebagai sub-segmen industri sokongan kejuruteraan di mana Kumpulan Northeast beroperasi;
- (iii) Pemacu industri utama, risiko dan cabaran industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia; dan
- (iv) Landskap kompetitif industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia.

Proses penyelidikan untuk kajian ini telah dijalankan melalui penyelidikan sekunder atau desktop, serta penyelidikan primer terperinci apabila diperlukan, yang melibatkan perbincangan status industri dengan peserta industri terkemuka dan pakar industri. Maklumat pasaran kuantitatif boleh diperoleh daripada temu bual melalui penyelidikan primer dan oleh itu, maklumat tersebut tertakluk kepada turun naik disebabkan kemungkinan perubahan dalam perniagaan, industri dan keadaan ekonomi.

SMITH ZANDER telah menyediakan Laporan IMR ini secara bebas dan objektif dan telah mengambil perhatian yang secukupnya untuk memastikan ketepatan dan kesempurnaan laporan. Kami percaya bahawa Laporan IMR ini membentangkan pandangan yang seimbang tentang industri dalam batasan, antara lain, statistik sekunder dan penyelidikan primer, dan tidak dimaksudkan sebagai menyeluruh. Penyelidikan kami telah dijalankan dengan perspektif "industri keseluruhan" dan tidak semestinya mencerminkan prestasi syarikat individu dalam Laporan IMR ini. SMITH ZANDER tidak akan bertanggungjawab terhadap keputusan dan/atau tindakan pembaca laporan ini. Laporan ini juga tidak boleh dianggap sebagai cadangan untuk membeli atau tidak membeli saham mana-mana syarikat yang dinyatakan dalam laporan ini.

Untuk dan bagi pihak SMITH ZANDER:

  
 \_\_\_\_\_  
 DENNIS TAN  
 RAKAN URUSAN

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

### NOTIS HAK CIPTA

Tiada bahagian daripada Laporan IMR ini boleh diberikan, dipinjamkan, dijual semula, atau didedahkan kepada bukan pelanggan atau mana-mana pihak lain, dalam sebarang format, sama ada atas sebab komersial atau bukan komersial, tanpa kebenaran nyata daripada SMITH ZANDER. Selanjutnya, tiada bahagian dari Laporan IMR ini boleh diekstrak, diterbitkan semula, diubah, diringkaskan, disesuaikan, diubah suai, disimpan dalam sistem perolehan semula, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, atau sebaliknya, untuk tujuan selain daripada penyenaian Northeast di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad, tanpa kebenaran nyata daripada SMITH ZANDER.

Mana-mana bahagian Laporan IMR ini yang digunakan dalam penerbitan pihak ketiga, di mana penerbitan adalah berdasarkan kandungan, keseluruhan atau sebahagian, Laporan IMR ini, atau di mana kandungan Laporan IMR ini digabungkan dengan mana-mana bahan lain, mesti memetik dan menyatakan sumbernya adalah daripada SMITH ZANDER.

Penyelidikan untuk Laporan IMR ini telah selesai pada 2 September 2024.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

#### **SMITH ZANDER INTERNATIONAL SDN BHD**

15-01, Level 15, Menara MBMR  
1, Jalan Syed Putra  
58000 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Tel: + 603 2732 7537

[www.smith-zander.com](http://www.smith-zander.com)

© 2024, Hak cipta terpelihara, **SMITH ZANDER INTERNATIONAL SDN BHD**

### ***Mengenai SMITH ZANDER INTERNATIONAL SDN BHD***

*SMITH ZANDER ialah syarikat penyelidikan pasaran bebas profesional yang berpusat di Kuala Lumpur, Malaysia, menawarkan penyelidikan pasaran, perisikan industri dan penyelesaian perundingan strategi. SMITH ZANDER terlibat dalam penyediaan laporan penyelidikan pasaran bebas untuk latihan pasaran modal, termasuk tawaran awam permulaan, pengambilalihan terbalik, penggabungan dan pengambilalihan, serta pengumpulan dana dan usaha korporat yang lain.*

### ***Profil rakan urusan yang menandatangani, Dennis Tan Tze Wen***

*Dennis Tan ialah Rakan Urusan SMITH ZANDER. Dennis Tan mempunyai lebih daripada 26 tahun pengalaman dalam penyelidikan pasaran dan perundingan strategi, termasuk lebih daripada 21 tahun dalam penyelidikan pasaran bebas dan kajian penilaian wajar untuk pasaran modal di seluruh rantau Asia Pasifik. Dennis Tan mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains (major dalam Sains Komputer dan minor dalam Pentadbiran Perniagaan) dari Memorial University of Newfoundland, Kanada.*

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)


# SMITH ZANDER

## 1 INDUSTRI SOKONGAN KEJURUTERAAN (“ESI”) DI MALAYSIA

### Gambaran keseluruhan

ESI terdiri daripada pemain industri yang terlibat terutamanya dalam pengeluaran produk perantaraan yang digunakan untuk pengeluaran atau pemasangan kepada produk siap untuk pelbagai aplikasi industri. Menurut Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (“MIDA”), ESI terutamanya dibahagi kepada tujuh segmen, iaitu acuan dan dai, pemesinan, peneraan logam, tuangan logam, kejuruteraan permukaan, rawatan haba dan penempaan.

### Segmen ESI



Nota:

- [Dashed border] menandakan segmen di mana Kumpulan Northeast terlibat.
- Senarai ini tidak lengkap.

Sumber: SMITH ZANDER

Butiran mengenai segmen ESI masing-masing adalah seperti berikut:

- Acuan dan dai** merujuk kepada alatan yang digunakan untuk membentuk bahan menjadi komponen. Acuan ialah bekas berongga dalam bentuk geometri yang diingini di mana bahan cecair seperti logam cair dituang ke dalamnya dan dibiarkan sejuk untuk menghasilkan komponen pepejal. Sebaliknya, dai ialah logam pepejal atau berongga dengan bentuk tersuai yang digunakan untuk memotong atau menera bahan kepada bentuk atau profil yang diingini. Acuan dan dai boleh digunakan semula dan membolehkan pengeluaran besar-besaran komponen melalui proses seperti tuangan logam dan peneraan logam.
- Pemesinan**, juga dikenali sebagai pemesinan ketepatan, merujuk kepada proses memotong, membentuk atau mengeluarkan bahan berlebihan daripada bahan kerja (biasanya logam) untuk menghasilkan **komponen kejuruteraan ketepatan** dalam bentuk dan saiz yang diingini. Terdapat pelbagai jenis teknik pemesinan seperti pengisaran, pemusingan, penggerekan, pencanaian, pemesinan nyahcas elektrik, pemotongan laser dan pemotongan jet air. Butiran pelbagai jenis teknik pemesinan adalah seperti berikut:
  - Pengisaran – melibatkan penggunaan alat pemotong berputar untuk mengeluarkan bahan daripada bahan kerja.
  - Pemusingan – melibatkan penggunaan alat pemotong pegun untuk mengeluarkan bahan daripada diameter luar bahan kerja yang berputar.
  - Penggerekan – melibatkan penggunaan alat pemotong satu mata atau kepala penggerekan untuk membesarkan lubang sedia ada pada bahan kerja kepada diameter tertentu.
  - Pencanaian – melibatkan penggunaan roda berputar untuk mengeluarkan bahan daripada permukaan bahan kerja.
  - Pemesinan nyahcas elektrik – juga dikenali sebagai hakisan percikan atau hakisan wayar, merupakan proses penyingkiran bahan daripada permukaan bahan kerja dengan menggunakan satu siri nyahcas elektrik berulang untuk membentuk bahan kerja kepada bentuk yang diingini.
  - Pemotongan laser – proses bukan sentuhan, berasaskan haba yang menggunakan pancaran laser untuk memotong dan menggores reka bentuk tertentu pada bahan atau bahan kerja.

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

- (g) Pemotongan jet air – proses pemotongan sejuk yang menggunakan air bertekanan ultra tinggi, dicampurkan dengan atau tanpa pelelas, untuk memotong bahan menjadi bentuk dan reka bentuk tertentu.

Teknik pemesinan yang dinyatakan di atas boleh dilakukan dengan menggunakan mesin kawalan berangka komputer (“**CNC**”), iaitu mesin yang dipasang dengan perisian komputer yang diprogramkan oleh pengguna dengan arahan untuk memotong dan membentuk bahan kerja mengikut spesifikasi dengan ketepatan tinggi.

- (iii) **Peneraan logam**, juga dikenali sebagai penekan logam, merujuk kepada proses pembentukan sejuk di mana dai penera digunakan untuk mengubah kepingan logam leper (sama ada dalam bentuk gegelung atau kosong) kepada bentuk dan saiz yang diinginkan. Beberapa teknik peneraan termasuk menumbuk, mengosongkan, mencetak timbul dan membengkak.
- (iv) **Tuangan logam** merujuk kepada proses di mana logam cair dituang ke dalam acuan bentuk geometri yang diinginkan dan dibiarkan sejuk untuk menghasilkan komponen pepejal. Terdapat pelbagai jenis kaedah tuangan logam termasuk tuangan dai, tuangan pelaburan, tuangan plaster dan tuangan pasir.
- (v) **Kejuruteraan permukaan**, juga dikenali sebagai kemas permukaan, merujuk kepada proses kemas untuk mengubah suai atau menyalut permukaan komponen logam atau bukan logam untuk tujuan, antara lain, meningkatkan ketahanan kakisan dan haus, menambah baik penampilan estetik, dan/atau meningkatkan ketahanan dan prestasi komponen. Terdapat pelbagai jenis teknik kejuruteraan permukaan seperti penyaduran, semburan pasir, penganodan, penyusukkarbonan, penitridaan, penyemburan haba dan pemendapan wap. Butiran pelbagai jenis teknik kejuruteraan permukaan tersebut adalah seperti berikut:
- (a) Penyaduran – proses salutan yang melibatkan pemendapan lapisan nipis logam yang menutupi permukaan komponen, secara amnya untuk meningkatkan rintangan permukaan terhadap kakisan dan/atau meningkatkan penampilan estetik.
- (b) Semburan pasir – proses semburan yang melibatkan penyemburan bahan pelelas di bawah tekanan tinggi pada permukaan, secara amnya untuk melicinkan permukaan yang kasar dan/atau mengeluarkan lebihan/bahan yang tidak diinginkan pada permukaan.
- (c) Penganodan – proses elektrokimia yang membentuk lapisan oksida pada permukaan, secara amnya untuk meningkatkan rintangan permukaan terhadap kakisan dan/atau meningkatkan penampilan estetik.
- (d) Penyusukkarbonan – proses berasaskan haba yang melibatkan resapan karbon ke atas permukaan, secara amnya untuk meningkatkan kekerasan permukaan.
- (e) Penitridaan – proses berasaskan haba yang melibatkan resapan nitrogen ke atas permukaan, secara amnya untuk meningkatkan kekerasan permukaan.
- (f) Penyemburan haba – proses salutan yang melibatkan penyemburan bahan salutan yang dipanaskan atau dicairkan (cth. logam, karbida dan seramik) ke atas permukaan, secara amnya untuk meningkatkan rintangan permukaan terhadap kakisan dan haba serta untuk meningkatkan penampilan estetik.
- (g) Pemendapan wap – proses salutan yang melibatkan pemeluwapan bahan salutan dalam keadaan wap untuk membentuk lapisan pepejal di atas permukaan, secara amnya untuk meningkatkan rintangan permukaan terhadap kakisan.
- (vi) **Rawatan haba** melibatkan pemanasan logam kepada suhu tertentu dan seterusnya menyejukkan logam tersebut pada kadar terkawal untuk mengubah dan/atau mencapai sifat fizikal dan/atau mekanikal logam yang diinginkan.
- (vii) **Penempaan** merujuk kepada proses membentuk logam mengikut bentuk yang diinginkan menggunakan daya mampatan melalui penukulan, penekanan atau pengelekan.

## 2. INDUSTRI KEJURUTERAAN KETEPATAN DI MALAYSIA

### Gambaran keseluruhan

Kejuruteraan ketepatan ialah disiplin kejuruteraan yang melibatkan reka bentuk, pembangunan dan/atau pengeluaran, antara lain, peralatan ketepatan, peranti, komponen, sistem, modul dan proses, dengan penekanan pada ketepatan yang tinggi dan toleransi yang rendah. Kejuruteraan ketepatan membolehkan penghasilan komponen yang sangat teliti dan tepat.

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

Kumpulan Northeast terutamanya terlibat dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan logam dengan keupayaan pembuatan dalam pemesinan ketepatan dan kemasan permukaan, yang merupakan dua daripada tujuh segmen ESI yang dinyatakan di atas, di bawah **Bab 1 – Industri Sokongan Kejuruteraan di Malaysia** dalam Laporan IMR ini. Oleh yang demikian, bagi tujuan Laporan IMR ini, kejuruteraan ketepatan merujuk kepada pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan, yang merupakan produk perantaraan yang digunakan untuk pelbagai aplikasi industri.

Komponen kejuruteraan ketepatan merujuk kepada bahagian jentera yang sangat tepat yang dihasilkan mengikut bentuk dan saiz yang diingini berdasarkan keperluan pelanggan dan spesifikasi yang tepat. Bahan mentah yang digunakan dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan termasuk logam, plastik atau seramik.

Komponen kejuruteraan ketepatan ialah produk perantaraan yang digunakan untuk pengeluaran dan/atau pemasangan ke dalam produk siap untuk pelbagai aplikasi industri seperti fotonik, elektrik dan elektronik ("E&E"), semikonduktor, telekomunikasi, optoelektronik, aeroangkasa, automotif, instrumen dan peralatan perubatan serta industri penyimpanan data.

Jadual berikut menunjukkan beberapa contoh komponen kejuruteraan ketepatan yang digunakan untuk aplikasi industri masing-masing:

### Aplikasi komponen kejuruteraan ketepatan

Aplikasi industri	Contoh komponen kejuruteraan ketepatan
Fotonik	Penutup untuk amplifler laser dan perumah laser untuk mesin ukiran laser
E&E	Sinki haba, selongsong dan penutup, soket dan penyambung
Semikonduktor	Chuck elektrostatik, ruang vakum dan bebibir vakum
Telekomunikasi	Perumah amplifler, komponen antena dan bahagian menara gelombang mikro
Optoelektronik	Fotodiod, fototransistor, fotoresistor dan tiub sinar katod (CRT)
Aeroangkasa	Bahagian transduser, kerajang udara, ombok enjin dan bahagian gear pendaratan untuk pesawat
Automotif	Pemutar, pengelek, gelas, aci dan muncung injap
Instrumen dan peralatan perubatan	Implan, bahagian yang dimesin dalam pengimbas pengimejan resonans magnetik (MRI) dan pengimbas tomografi komputer (CT)
Simpanan data	Penggerak dan penutup pemacu cakera keras

*Nota: Senarai ini tidak lengkap.*

*Sumber: SMITH ZANDER*

Komponen kejuruteraan ketepatan adalah penting untuk pelbagai industri pengguna akhir kerana produk siap industri pengguna akhir masing-masing bergantung pada komponen tersebut untuk berfungsi dengan berkesan dan selamat. Sebagai contoh, dalam industri fotonik, ketepatan adalah penting dalam pembuatan komponen instrumentasi fotonik kerana komponen seperti amplifler laser secara konsisten memerlukan bahagian dan komponen miniatur dan dibuat dengan tepat untuk mengekalkan operasinya yang cekap dan boleh dipercayai. Oleh itu, komponen kejuruteraan ketepatan yang dihasilkan dengan ketepatan yang tinggi dan dengan spesifikasi yang tepat diperlukan untuk pembuatan komponen instrumentasi fotonik bagi memastikan semua komponen yang dikeluarkan boleh dilengkapi atau dipasang dengan sempurna serta berfungsi dengan sewajarnya.

Selanjutnya, dalam industri E&E, apabila produk E&E pengguna menjadi semakin kecil untuk meningkatkan kemudahan, bahagian dan komponen yang akan dipasang dalam produk E&E siap juga menjadi semakin kecil dengan toleransi yang lebih ketat. Bahagian dan komponen sedemikian boleh dihasilkan dengan ketepatan tinggi melalui kejuruteraan ketepatan.

Pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan ialah salah satu segmen utama dalam rantai nilai industri pembuatan dan diklasifikasikan di bawah segmen pembuatan bahagian dan komponen bersama dengan pembuatan bahagian dan komponen standard. Bahagian dan komponen standard merujuk kepada bahagian dan komponen yang biasa digunakan yang dihasilkan secara besar-besaran berdasarkan piawaian yang diterima di peringkat antarabangsa dari segi struktur, saiz dan aspek lain, yang boleh digunakan untuk pelbagai jenis aplikasi.


Beberapa industri pengguna akhir seperti industri fotonik, E&E, semikonduktor, optoelektronik dan telekomunikasi sangat bergantung kepada industri pembuatan bahagian dan komponen terutamanya

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

komponen kejuruteraan ketepatan untuk menyokong aktiviti pembuatan mereka. Pemain industri pengguna akhir ini biasanya menyumber luar sebahagian atau semua kerja pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan untuk mencapai kualiti, konsistensi dan kecekapan kos, daripada melabur dan mengekalkan rangkaian penuh kemudahan pembuatan yang diperlukan untuk mengeluarkan produk mereka. Oleh itu, industri kejuruteraan ketepatan memainkan peranan penting dalam menawarkan sokongan kepada industri pengguna akhir dengan membekalkan komponen kejuruteraan ketepatan sebagai produk perantara untuk pengeluaran dan/atau pemasangan produk siap.

### Rantaian nilai industri pembuatan



Nota:

- menandakan segmen di mana Kumpulan Northeast terlibat.
- Senarai ini tidak lengkap.


Sumber: SMITH ZANDER

### Prestasi industri, Saiz dan Pertumbuhan

Memandangkan Kumpulan Northeast terlibat terutamanya dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan menggunakan bahan logam melalui dua jenis proses pembuatan, iaitu pemesinan ketepatan dan kemasan permukaan, saiz industri kejuruteraan ketepatan dalam laporan ini diukur berdasarkan nilai jualan pembuatan pemesinan, rawatan dan salutan logam yang merangkumi pengisaran dan pemusingan kepingan kerja logam, dan penyaduran dan penganodan logam.

Industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia meningkat daripada RM2.15 bilion pada 2020 kepada RM3.56 bilion pada 2022 pada kadar pertumbuhan tahunan kompaun ("CAGR") sebanyak 28.68%, walaupun berlakunya penularan wabak Coronavirus 2019 ("COVID-19"). Pada 2023, industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia meningkat selanjutnya sebanyak 12.64% kepada RM4.01 bilion. Pertumbuhan industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia dari 2020 hingga 2023, disokong oleh permintaan untuk komponen kejuruteraan ketepatan daripada industri pengguna akhir di seluruh dunia, dengan butiran lanjut dinyatakan dalam **Bab 3 – Pemacu Utama Industri, Risiko dan Cabaran** Laporan IMR ini.

### Saiz Industri kejuruteraan ketepatan (Malaysia), 2020 – 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia ("DOSM")

## 3. PEMACU UTAMA INDUSTRI, RISIKO DAN CABARAN

### Pemacu Utama Industri

- ▶ **Pertumbuhan dalam industri pengguna akhir memacu permintaan untuk komponen kejuruteraan ketepatan**

Komponen kejuruteraan ketepatan digunakan untuk aplikasi industri dalam banyak industri pengguna akhir. Sebagai industri sokongan kepada industri pengguna akhir, permintaan untuk komponen kejuruteraan ketepatan didorong oleh, dan secara amnya berhubung kait dengan, pertumbuhan industri pengguna akhir ini. Hasil daripada industri fotonik, E&E, semikonduktor dan telekomunikasi merupakan penyumbang utama kepada hasil Kumpulan Northeast. Selanjutnya, Kumpulan Northeast membekalkan kepada pelanggan di Malaysia dan pelbagai pelanggan luar negara. Oleh itu, bahagian berikut akan memberi tumpuan kepada prestasi global dan tinjauan ke atas industri pengguna akhir ini:

- **Industri fotonik**

Fotonik merujuk kepada sains menjana, mengesan, memanipulasi, menghantar dan menguatkan spektrum elektromagnet penuh (cth. sinar gama, sinar-x, ultraungu dan cahaya inframerah) melalui pelbagai peranti, medium dan teknologi. Beberapa contoh peranti dan peralatan fotonik termasuk sel solar dan fotovoltai, sensor dan pengesan, diod laser, diod pemancar cahaya (LED) dan gentian optik. Aplikasi

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

peranti dan peralatan fotonik merentasi pelbagai sektor seperti komunikasi data, pembuatan, penjagaan kesihatan dan tenaga boleh diperbaharui.

Industri fotonik global, yang diwakili oleh hasil daripada pengeluaran komponen fotonik global, meningkat pada CAGR sebanyak 12.26% daripada USD292.00 bilion (RM1.23 trilion<sup>1</sup>) pada 2020 kepada USD368.00 bilion (RM1.62 trilion<sup>1</sup>) pada 2022. SMITH ZANDER menganggarkan industri fotonik global telah berkembang sebanyak 1.49% kepada USD373.50 bilion (RM1.71 trilion<sup>1</sup>) pada 2023.

Melangkah ke hadapan, permintaan untuk peranti dan peralatan fotonik dijangka terus meningkat, kerana peranti dan peralatan fotonik memainkan peranan penting dalam Industri 4.0 untuk menyokong komunikasi kuantum, internet benda industri, komunikasi 5G dan percetakan 3 dimensi (3D).

Tambahan pula, apabila peranti dan peralatan fotonik menjadi semakin kompleks dan memerlukan kelajuan dan kecekapan kuasa yang lebih tinggi di samping berkurangan dari segi saiz dan berat, ia memerlukan komponen kejuruteraan yang sangat tepat untuk memastikan peranti dan peralatan ini berfungsi dengan cekap, oleh demikian, memacu pertumbuhan dan permintaan untuk komponen kejuruteraan ketepatan.

- **Industri E&E**


E&E ialah produk yang direka untuk melaksanakan fungsi tertentu melalui penggunaan tenaga elektrik atau kawalan aliran elektron. Produk E&E yang dihasilkan hari ini memainkan peranan penting dalam pelbagai industri seperti pembuatan dan telekomunikasi, serta dalam kehidupan seharian pengguna.

Industri E&E global berkembang pada CAGR sebanyak 12.02% daripada EUR4.55 trilion (RM21.82 trilion<sup>2</sup>) pada 2020 kepada EUR5.71 trilion (RM26.44 trilion<sup>2</sup>) pada 2022. Menurut ZVEI – Persatuan Pengilang Elektrik dan Elektronik Jerman, industri E&E global dijangka berkembang sebanyak 8.93% kepada EUR6.22 trilion (RM30.70 trilion<sup>2</sup>) pada 2023, menunjukkan permintaan yang berterusan untuk produk E&E.

- **Industri Semikonduktor**

Semikonduktor ialah bahan yang mempunyai sifat elektrik tertentu. Semikonduktor ialah komponen penting dalam banyak produk termasuk produk E&E, kereta dan peralatan perubatan untuk melaksanakan fungsi tertentu seperti kawalan operasi, penghantaran dan pemprosesan data, penderiaan, sambungan tanpa wayar dan pengurusan kuasa.


**Saiz industri fotonik (Global), 2020 – 2022**



Nota: Terkini tersedia setakat 2 September 2024.

Sumber: Persatuan Optik dan Fotonik Antarabangsa ("SPIE"), SMITH ZANDER

**Saiz industri E&E (Global), 2020 – 2022**



Nota: Terkini tersedia setakat 2 September 2024

Sumber: ZVEI – Persatuan Pengilang Elektrik dan Elektronik Jerman, SMITH ZANDER

<sup>1</sup> Kadar pertukaran daripada USD kepada RM adalah berdasarkan kadar pertukaran tahunan purata tahun masing-masing, yang dipetik daripada maklumat tersiar daripada Bank Negara Malaysia ("BNM").

2020	USD1=RM4.2016
------	---------------

2022	USD1=RM4.4005
------	---------------

2023	USD1=RM4.5653
------	---------------

<sup>2</sup> Kadar pertukaran daripada EUR kepada RM adalah berdasarkan kadar pertukaran tahunan purata tahun masing-masing, yang dipetik daripada maklumat tersiar daripada BNM.

2020	EUR1=RM4.7955
------	---------------

2022	EUR1=RM4.6300
------	---------------

2023	EUR1=RM 4.9359
------	----------------

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

Industri semikonduktor global diwakili oleh jualan semikonduktor global. Jualan semikonduktor global meningkat pada CAGR sebanyak 14.17% daripada USD440.39 bilion (RM1.85 trilion) pada 2020 kepada USD574.08 bilion (RM2.53 trilion) pada 2022.

Walaupun bagaimanapun, WSTS melaporkan bahawa jualan semikonduktor global menurun sebanyak 8.22% kepada USD526.89 bilion (RM2.41 trilion) pada 2023, sebagai tindak balas kepada peningkatan kadar inflasi dan normalisasi permintaan untuk pengguna elektronik selepas lonjakan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada 2021.

Walaupun begitu, WSTS mengunjurkan jualan semikonduktor global akan meningkat sebanyak 16.01% kepada USD611.23 bilion (RM2.79 trilion<sup>3</sup>) pada 2024, dengan peningkatan selanjutnya sebanyak 12.46% kepada USD687.38 bilion (RM3.14 trilion<sup>3</sup>) pada 2025, oleh demikian, terus memacu pertumbuhan industri peralatan semikonduktor, yang seterusnya akan memacu permintaan bagi komponen kejuruteraan ketepatan.

### • Industri Telekomunikasi


Telekomunikasi merujuk kepada pertukaran maklumat dalam jarak jauh oleh teknologi elektrik dan elektromagnet melalui penghantaran suara, data dan video. Beberapa contoh infrastruktur, peranti dan peralatan telekomunikasi yang memudahkan penghantaran maklumat termasuk menara telekomunikasi, kabel gentian optik, penghala, antena bumbung, piring satelit dan telefon bimbit.

Industri telekomunikasi global diwakili oleh hasil dan pelaburan pengendali mudah alih global. Industri telekomunikasi global, meningkat pada CAGR sebanyak 1.43% daripada USD1.04 trilion (RM4.37 trilion) pada 2020 kepada USD1.07 trilion (RM4.71 trilion) pada 2022.

Selain itu, GSMA menyatakan bahawa industri telekomunikasi global pada 2023 meningkat sebanyak 3.74% kepada USD1.11 trilion (RM5.07 trilion) dan menganggarkan bahawa industri itu akan meningkat kepada USD1.25 trilion (RM5.71 trilion<sup>4</sup>) menjelang 2030, menunjukkan pertumbuhan positif yang stabil bagi tempoh tersebut.


Menurut Pelan Hala Tuju Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("PBB") untuk Kerjasama Digital mengenai ketersambungan sejagat, PBB menyasarkan bahawa menjelang 2030, setiap individu di seluruh dunia akan mempunyai akses kepada internet dan diliputi oleh teknologi rangkaian mudah alih terkini. Tambahan pula, berikutan pembangunan teknologi mudah alih 5G, permintaan untuk menaik taraf infrastruktur, peranti dan peralatan telekomunikasi sedia ada dan/atau membangunkan infrastruktur, peranti dan peralatan telekomunikasi akan meningkat. Kesemua ini akan terus memacu permintaan untuk komponen kejuruteraan ketepatan berkaitan dengan telekomunikasi.

Jualan semikonduktor (Global), 2020 – 2022



Sumber: Perangkaan Perdagangan Semikonduktor Dunia ("WSTS"), SMITH ZANDER

Industri telekomunikasi (Global) 2020 – 2023



Sumber: Sistem Global untuk Komunikasi Mudah Alih ("GSMA"), SMITH ZANDER

<sup>3</sup> Kadar pertukaran daripada USD kepada RM pada 2024 dan 2025 adalah berdasarkan kadar pertukaran tahunan purata pada 2023, yang dipetik daripada maklumat tersiar daripada BNM pada USD1 = RM4.5653.

<sup>4</sup> Kadar pertukaran daripada USD kepada RM pada 2030 adalah berdasarkan kadar pertukaran tahunan purata pada 2023, yang dipetik daripada maklumat tersiar daripada BNM pada USD1 = RM4.5653.



## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

### ► Peningkatan dalam penyumberan luar kerja-kerja pembuatan kepada syarikat sokongan kejuruteraan termasuk pemain industri kejuruteraan ketepatan untuk mencapai keberkesanan kos

Industri pengguna akhir sama ada telah mengurangkan atau menghentikan sepenuhnya pengeluaran produk perantaraan (cth. komponen kejuruteraan ketepatan) sejak kemunculan syarikat sokongan kejuruteraan, ditambah dengan peningkatan keperluan reka bentuk dan kualiti produk perantaraan ini. Dengan kemajuan teknologi berterusan dalam produk yang dibangunkan dalam industri pengguna akhir, komponen kejuruteraan ketepatan yang diperlukan untuk pembuatan produk pengguna akhir adalah lebih kompleks dan memerlukan ketepatan yang lebih tinggi. Untuk mengeluarkan komponen yang kompleks dan sangat tepat ini dalam cara yang cekap dan kos efektif, ianya penting bagi pengilang untuk dilengkapi dengan jentera, sumber manusia, keupayaan kejuruteraan dan pengalaman industri yang berkaitan.

Oleh itu, daripada memperuntukkan sumber untuk mengeluarkan komponen kejuruteraan ketepatan secara dalaman, pemain industri pengguna akhir sebaliknya lebih tertumpu pada pembangunan dan mereka bentuk produk pengguna akhir baharu dan menyerahkan pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan kepada pemain industri kejuruteraan ketepatan yang dilengkapi dengan kepakaran dan sumber yang berkaitan. Trend penyumberan luar ini telah, dan dijangka akan berterusan, menyokong pertumbuhan industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia.

### ► Inisiatif Kerajaan dalam menyokong industri kejuruteraan ketepatan

Menurut MIDA, Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana keupayaannya dalam aktiviti kejuruteraan dan pengeluaran berkualiti. Justeru, untuk terus berdaya saing, pemain industri kejuruteraan ketepatan sedang meningkatkan kesihatan dan keselamatan tempat kerja, mengikuti perkembangan teknologi terkini untuk memenuhi keperluan pelanggan serta terus menaik taraf kemudahan pembuatan mereka. Ini termasuk penggunaan teknologi pembuatan pintar untuk mengubah proses pembuatan mereka, yang selaras dengan inisiatif Kerajaan ke arah Industri 4.0 yang menggalakkan penggunaan teknologi dan proses Industri 4.0 dan untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai lokasi pembuatan pilihan.

Menurut MIDA, pelaburan berjumlah RM476.90 juta telah diluluskan pada 2023 untuk 30 projek dalam segmen pemesinan, yang membentuk bahagian pelaburan paling ketara dalam kalangan segmen ESI, merangkumi 31.58% daripada jumlah pelaburan dalam ESI (RM1.51 bilion). Selanjutnya, pelaburan berjumlah RM231.70 juta telah diluluskan pada 2023 untuk 10 projek dalam segmen kemasan permukaan.

### ► Inovasi berterusan dalam pembangunan produk dalam industri pengguna akhir memacu permintaan untuk perkhidmatan pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan

Memandangkan kemajuan teknologi yang pesat dan keperluan pengguna yang berubah, pemain industri pengguna akhir sentiasa melakukan inovasi produk untuk mempertingkatkan produk mereka supaya kekal berdaya saing dalam industri masing-masing. Produk pengguna akhir telah menuju ke arah saiz yang lebih kecil dan/atau kerumitan yang lebih besar untuk menggabungkan lebih banyak fungsi dan/atau meningkatkan kecekapan dan kualiti produk untuk memenuhi keperluan pengguna. Akibatnya, komponen yang digunakan untuk produk pengguna akhir ini juga semakin kecil saiznya dan lebih kompleks ke tahap di mana pemain industri pengguna akhir tersebut mungkin tidak mempunyai keupayaan atau sumber untuk mengeluarkan komponen tersebut sendiri dengan berkesan. Oleh itu, pemain industri ini melibatkan pemain industri kejuruteraan ketepatan yang lebih lengkap dengan kepakaran dan sumber yang berkaitan untuk mengeluarkan komponen tersebut dengan ketepatan yang lebih tinggi.

## Risiko dan Cabaran Utama Industri

### ► Pergantungan kepada pekerja asing

Isu kekurangan buruh telah menjadi kelaziman dalam industri pembuatan (termasuk industri kejuruteraan ketepatan) di Malaysia di mana Malaysia bergantung kepada pekerja asing akibat daripada bekalan pekerja tempatan yang terhad untuk operasi berkaitan pembuatan. Sebarang sekatan kuota atau penggantungan dalam pengupahan pekerja asing boleh menyebabkan kesukaran untuk mengupah pekerja yang mencukupi. Selanjutnya, sebarang kenaikan kadar levi pekerja asing atau gaji minimum pekerja akan meningkatkan kos buruh.

Jika penggantungan atau isu dasar yang serupa menyebabkan penggantungan atau pemberhentian pengambilan pekerja asing pada masa hadapan, pengeluar komponen kejuruteraan ketepatan mungkin perlu mendapatkan pekerja tempatan yang mungkin memerlukan kos yang lebih tinggi. Pengeluar komponen kejuruteraan ketepatan yang tidak dapat menyalurkan kenaikan kos buruh kepada pelanggan mereka mungkin mengalami kesan material terhadap keuntungan mereka. Selanjutnya, sebarang kelewatan dalam

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER


pengupahan pekerja tempatan yang mencukupi boleh mengakibatkan gangguan operasi dan seterusnya menjejaskan jadual pengeluaran dan menyebabkan kelewatan dalam jadual pengeluaran dan penghantaran serta kemungkinan pembatalan pesanan daripada pelanggan. Akibatnya, ini boleh menjejaskan perniagaan dan prestasi kewangan pengeluar komponen kejuruteraan ketepatan.

### ► Pendedahan kepada turun naik harga aluminium dan tembaga global

Logam ialah bahan mentah utama yang digunakan dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Aluminium dan tembaga ialah dua jenis logam utama yang digunakan untuk pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan. Harga aluminium dan tembaga di Malaysia didorong oleh harga global masing-masing.

Aluminium terdedah kepada turun naik harga akibat keadaan permintaan dan bekalan, harga bahan mentah untuk pengeluaran aluminium seperti bauksit, dan kos tenaga semasa. Pada suku kedua ("Q2") 2020, purata harga aluminium global suku tahunan ("Harga Aluminium Global") menurun kepada USD1,498.29 setiap tan metrik ("MT") terutamanya disebabkan oleh permintaan kenderaan global yang lemah yang dipengaruhi oleh penularan wabak COVID-19 pada awal 2020. Namun begitu, pasaran aluminium global mencatatkan kenaikan harga secara beransur-ansur bermula dari suku ketiga ("Q3") 2020 sehingga suku pertama ("Q1") 2022. Peningkatan dalam Harga Aluminium Global pada separuh kedua 2020 disokong terutamanya oleh permintaan kukuh untuk aluminium dari China. Selepas itu, Harga Aluminium Global meningkat pada tahun 2021 disebabkan oleh faktor seperti lonjakan permintaan untuk kenderaan dan barangan perkilangan lain, pengurangan bekalan aluminium dari China, kos import yang lebih tinggi dan kekurangan bekalan tenaga. Untuk kenaikan Harga Aluminium Global pada Q1 2022 yang mencecah USD3,250.05 setiap MT, ia disebabkan terutamanya oleh pengurangan pengeluaran (terutamanya relau lebur Eropah) memandangkan kos tenaga yang tinggi, inventori global yang berkurangan dan gangguan kepada bekalan alumina. Harga Aluminium Global kemudiannya merosot kepada USD2,335.98 setiap MT pada suku keempat ("Q4") 2022, berikutan kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan yang mengurangkan permintaan bagi komoditi perindustrian termasuk aluminium dan peningkatan dalam keluaran aluminium di China. Pada tahun 2023, Harga Aluminium Global meningkat sedikit kepada USD2,404.81 setiap MT pada Q1 2023, dan selepas itu berada pada arah aliran menurun sepanjang tahun, kecuali peningkatan sedikit kepada USD2,192.30 setiap MT pada Q4 2023 daripada USD2,160.32 setiap MT pada Q3 2023. Aliran penurunan keseluruhan pada tahun 2023 adalah disebabkan oleh permintaan global yang lemah untuk logam bersama dengan aktiviti ekonomi global yang kian perlahan. Pada Q1 2024, Harga Aluminium Global meningkat sedikit kepada USD2,199.48 setiap MT, diikuti dengan kenaikan selanjutnya kepada USD2,522.75 setiap MT pada Q2 2024. Aliran menaik keseluruhan pada Q1 dan Q2 2024 didorong oleh kekangan bekalan akibat sekatan ke atas logam Rusia ditambah dengan pertumbuhan permintaan aluminium daripada sektor tenaga boleh diperbaharui dan kenderaan elektrik China.

### Harga aluminium (Global), Q1 2020 – Q2 2024



Sumber: Bank Dunia, SMITH ZANDER


Sementara itu, tembaga juga terdedah kepada turun naik harga akibat daripada keadaan permintaan dan bekalan tembaga di pasaran global. Purata harga tembaga global suku tahunan ("Harga Tembaga Global") merosot sebanyak 5.02% kepada USD5,350.80 setiap MT pada Q2 2020 disebabkan impak ekonomi yang disebabkan oleh pandemik COVID-19. Selepas itu, Harga Tembaga Global meningkat sebanyak 81.40% kepada USD9,706.10 setiap MT pada Q2 2021 apabila aktiviti ekonomi global pulih bersama dengan peningkatan dalam permintaan untuk kenderaan elektrik di mana tembaga adalah salah satu bahan mentah utama yang digunakan dalam pembuatan komponen untuk kenderaan elektrik. Harga Tembaga Global

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

kemudiannya merosot sebanyak 3.34% kepada USD9,381.89 setiap MT pada Q3 2021 dan meningkat sebanyak 6.43% kepada USD9,985.47 setiap MT pada Q1 2022. Berikutan itu, Harga Tembaga Global menurun sebanyak 21.95% kepada USD7,793.97 setiap MT pada Q4 2022 disebabkan oleh kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan. Pada tahun 2023, Harga Tembaga Global meningkat kepada USD8,943.62 setiap MT pada Q1 2023, dan selepas itu berada pada arah aliran menurun sepanjang tahun. Aliran penurunan keseluruhan pada 2023 juga disebabkan oleh permintaan global yang lemah untuk logam bersama dengan aktiviti ekonomi global yang kian perlahan. Pada Q1 2024, Harga Tembaga Global meningkat kepada USD8,444.32 setiap MT, diikuti oleh kenaikan selanjutnya kepada USD9,750.64 setiap MT pada Q2 2024. Aliran menaik keseluruhan pada Q1 dan Q2 2024 didorong oleh permintaan tembaga yang kukuh untuk persediaan tenaga dan infrastruktur tenaga boleh diperbaharui serta pusat data, yang melebihi inventori tembaga global.

### Harga tembaga (Global), Q1 2020 – Q2 2024



Sumber: Bank Dunia, SMITH ZANDER

Sebarang kenaikan material dalam harga aluminium dan/atau tembaga boleh menyebabkan kenaikan kos pengeluaran untuk pemain industri kejuruteraan ketepatan, serta kos bawaan untuk menyelenggara inventori. Jika pemain industri kejuruteraan ketepatan tidak dapat menyalurkan kos bahan yang meningkat kepada pelanggan mereka, mereka mungkin terpaksa menanggung peningkatan kos yang boleh memberi kesan material kepada prestasi kewangan mereka.

#### ► Keadaan ekonomi yang buruk boleh menjejaskan jualan perkhidmatan pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan

Prestasi industri pengguna akhir tertentu seperti E&E, yang merupakan pelanggan industri kejuruteraan ketepatan, pada tahap tertentu, bergantung kepada keadaan ekonomi. Ekonomi yang berkembang akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan boleh guna dan kuasa beli pengguna serta belanjawan perbelanjaan perniagaan, yang akan merangsang permintaan untuk produk pengguna akhir daripada pelbagai industri. Walau bagaimanapun, kemerosotan ekonomi sebaliknya boleh menyebabkan pengurangan dalam permintaan untuk produk pengguna akhir, yang mungkin memberi kesan negatif kepada prestasi kewangan keseluruhan pemain industri pengguna akhir serta pemain industri kejuruteraan ketepatan.

Memandangkan teretusnya perang Rusia-Ukraine dan kesan selepas pandemik COVID-19, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan perlahan daripada 3.50% pada 2022 kepada 3.20% pada 2023 dan dijangka kekal pada 3.20% pada 2024. Ini boleh mengganggu permintaan untuk komponen kejuruteraan ketepatan kerana industri pengguna akhir mungkin mengalami kelembapan akibat pengurangan permintaan untuk produk pengguna akhir. Di samping itu, sekiranya terdapat sebarang insiden lain yang boleh menyebabkan keadaan ekonomi buruk atau krisis kewangan pada masa hadapan, ini boleh memberi kesan negatif kepada industri pengguna akhir dan seterusnya memberi kesan buruk kepada prestasi kewangan pemain industri komponen kejuruteraan ketepatan.

[Selebihnya halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

# SMITH ZANDER

## 4. LANDSKAP KOMPETITIF INDUSTRI KEJURUTERAAN KETEPATAN DI MALAYSIA

### Gambaran keseluruhan

Bahagian ini memberi tumpuan kepada pemain industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia kerana Kumpulan Northeast terlibat terutamanya dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan di Malaysia.

Pemain industri kejuruteraan ketepatan biasanya bersaing dari segi keupayaan teknikal, harga, kualiti produk dan perkhidmatan, masa penghantaran dan kapasiti pembuatan. Pemain industri kejuruteraan ketepatan juga dikehendaki untuk mempunyai pemahaman yang kukuh tentang spesifikasi yang diperlukan bagi komponen kejuruteraan ketepatan serta teknik pemesinan ketepatan. Pemain industri yang mempunyai kepakaran teknikal yang kukuh dalam memahami spesifikasi pelanggan mereka mempunyai kelebihan daya saing kerana mereka dapat meningkatkan, mengubah suai dan menyesuaikan proses pembuatan mereka untuk memastikan komponen kejuruteraan ketepatan yang dihasilkan adalah berkualiti dan berketepatan tinggi mengikut keperluan pelanggan dan spesifikasi yang tepat.

Industri kejuruteraan ketepatan berdaya saing dengan halangan kemasukan yang besar kerana peserta baharu memerlukan modal permulaan yang tinggi untuk pembelian mesin dan peralatan automatik, serta kos operasi yang tinggi untuk penyelenggaraan mesin dan peralatan. Selanjutnya, pemain industri perlu sentiasa mengikuti perkembangan teknologi terkini untuk terus menambah baik proses pembuatan mereka untuk kekal berdaya saing dalam industri. Tambahan pula, pemain industri dikehendaki melalui proses kelayakan produk dengan pelanggan mereka yang mungkin memakan masa, di mana pelanggan akan menilai pemain industri dari segi kapasiti pembuatan, keupayaan dan konsistensi dalam kualiti produk. Disebabkan oleh proses kelayakan yang memakan masa, sebaik sahaja pelanggan meluluskan dan melantik pemain industri untuk mengeluarkan komponen kejuruteraan ketepatan mereka, pelanggan berkemungkinan akan terus terlibat dengan pemain industri tersebut untuk jangka masa panjang untuk memastikan konsistensi dalam kualiti produk.

### Pemain Industri Utama

Asas pemilihan pemain industri utama dalam industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia adalah seperti berikut:

- Syarikat yang terlibat dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan dengan keupayaan pembuatan dalam pemesinan ketepatan. Syarikat-syarikat ini mungkin atau mungkin tidak terlibat dalam kemasan permukaan; dan
- Syarikat yang mencatatkan hasil melebihi RM50.00 juta tetapi kurang daripada RM300.00 juta berdasarkan tahun kewangan terkini masing-masing.

Pemain industri utama yang dikenal pasti termasuk semua pemain industri yang dikenal pasti oleh SMITH ZANDER berdasarkan sumber yang tersedia, seperti internet, dokumen yang diterbitkan dan direktori industri. Walau bagaimanapun, mungkin terdapat syarikat yang tidak mempunyai kehadiran media dalam talian dan/atau diterbitkan, atau beroperasi dengan iklan awam yang minimum, dan oleh itu SMITH ZANDER tidak dapat menyatakan secara konklusif bahawa senarai pemain industri adalah lengkap.

Nama Syarikat	Aktiviti Perniagaan	Tahun kewangan terkini yang tersedia	Hasil <sup>(1)</sup> (RM juta)	Margin untung kasar/ (rugi) (%)	Margin untung/ (rugi) selepas cukai (%)
UWC Berhad <sup>(3)</sup>	Penyediaan fabrikasi logam ketepatan dan perkhidmatan pemasangan nilai tambah, fabrikasi komponen mesin ketepatan, dan kontrak pembuatan peralatan ujian automatik.	31 Julai 2023	271.74	N/A <sup>(2)</sup>	19.81
Synturn (M) Sdn Bhd	Penyediaan pembuatan dan pemasangan bahagian dan komponen mesin ketepatan, yang digunakan dalam percetakan dan pengimejan, automotif, industri dan alatan kuasa serta perkakas pengguna dan industri gaya hidup.	30 Jun 2023	219.23	12.66	8.32

## 7. GAMBARAN KESELURUHAN INDUSTRI (SAMBUNGAN)

## SMITH ZANDER

Nama Syarikat	Aktiviti Perniagaan	Tahun kewangan terkini yang tersedia	Hasil <sup>(1)</sup> (RM juta)	Margin untung kasar/ (rugi) (%)	Margin untung/ (rugi) selepas cukai (%)
Eng Teknologi Sdn Bhd	Pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan untuk produk industri dan produk penyimpanan data.	31 Disember 2022	152.48	23.88	14.38
CPE Technology Berhad <sup>(3)</sup>	Penyediaan perkhidmatan pemesinan ketepatan untuk bahagian dan komponen mesin ketepatan yang digunakan dalam industri semikonduktor, sains hayat dan perubatan, peralatan sukan, peralatan sensor, keselamatan, opto-mekanikal, aeroangkasa, instrumentasi, automotif, kejuruteraan am serta industri minyak dan gas.	30 Jun 2023	145.28	35.45	20.85
Grand Venture Technology Sdn Bhd	Pembuatan komponen dan modul pemesinan ketepatan dan kepingan logam untuk industri semikonduktor, sains hayat analisis, elektronik, aeroangkasa, perubatan dan industri lain.	31 Disember 2023	138.13	27.38	8.69
SFP Tech Holdings Berhad <sup>(4)</sup>	Penyediaan fabrikasi logam kepingan, pemesinan CNC, pemasangan mekanikal dan pembekal penyelesaian peralatan automatik.	31 Disember 2023	122.93	42.77	31.84
YBS International Berhad <sup>(4)</sup>	Penyediaan reka bentuk dan fabrikasi acuan berketepatan tinggi, pengacuan suntikan plastik, peneraan logam dan putaran CNC, perkhidmatan pembuatan elektronik dan penyelesaian penyambung.	31 Mac 2024	98.54	10.97	(8.29)
Kumpulan Northeast	Pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan yang digunakan dalam industri fotonik, E&E, semikonduktor, telekomunikasi dan optoelektronik.	30 September 2023	93.34	37.98	19.67
Coraza Integrated Technology Berhad <sup>(4)</sup>	Penyediaan perkhidmatan fabrikasi untuk produk logam perantaraan, daripada bahagian kepingan logam kepada komponen mesin ketepatan.	31 Disember 2023	80.68	14.81	(3.31)
Prodelcon Sdn Bhd	Pembuatan dan pemasangan alat berketepatan tinggi dan bahagian komponen yang digunakan dalam industri fotonik, gelombang mikro frekuensi radio dan perubatan.	30 Jun 2023	57.19	32.74	15.77
Wong Engineering Corporation Berhad <sup>(3)</sup>	Pembuatan bahagian komponen berketepatan tinggi dan penyediaan fabrikasi logam kepingan, rawatan permukaan dan kemasan serta perkhidmatan pemasangan separuh modular dan akhir.	31 Oktober 2023	52.70	6.93	(14.39)

Nota:

- Tersedia terkini pada 2 September 2024.

<sup>(1)</sup> Syarikat mungkin terlibat dalam perniagaan lain selain daripada pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan dan oleh itu, hasil dibentangkan berdasarkan jumlah hasil dan mungkin termasuk hasil daripada segmen perniagaan lain.

<sup>(2)</sup> Tidak tersedia – maklumat tidak tersedia dalam laporan tahunan terkini.

<sup>(3)</sup> Syarikat ini disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

<sup>(4)</sup> Syarikat ini disenaraikan di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad.

Sumber: Kumpulan Northeast, pelbagai laman web syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, SMITH ZANDER

### Bahagian Industri

Pada 2023, industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia, seperti yang diwakili oleh nilai jualan pembuatan pemesinan, rawatan dan salutan logam, dicatatkan pada RM4.01 bilion. Bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2023, hasil yang direkodkan oleh Kumpulan Northeast berjumlah RM93.34 juta dan dengan itu Kumpulan Northeast menguasai bahagian industri sebanyak 2.33% di Malaysia.

## 8. FAKTOR RISIKO

**ANDA HENDAKLAH MEMPERTIMBANGKAN DENGAN TELITI FAKTOR RISIKO YANG DIBENTANGKAN DI BAWAH BERSAMA DENGAN MAKLUMAT LAIN YANG TERKANDUNG PADA BAHAGIAN LAIN DALAM PROSPEKTUS INI SEBELUM MELABUR DALAM SYARIKAT KAMI.**

### 8.1 RISIKO BERKAITAN DENGAN PERNIAGAAN DAN OPERASI KAMI

#### 8.1.1 Kami bergantung kepada pelanggan utama

Kami bergantung kepada pelanggan utama, iaitu kumpulan syarikat Pelanggan A yang membentuk kira-kira 50.95%, 46.90%, 33.77% dan 24.49% kepada hasil Kumpulan kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 masing-masing. Kumpulan syarikat Pelanggan A merupakan pelanggan kami sejak 2006, di mana kami membekalkan komponen kejuruteraan ketepatan kepada mereka untuk digunakan dalam industri fotonik. Sila rujuk Definisi dan Seksyen 6.16 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai kumpulan syarikat Pelanggan A.

Memandangkan kami bergantung kepada kumpulan syarikat Pelanggan A, sebarang kelewatan yang ketara dalam penerimaan pesanan atau penurunan nilai pesanan daripada kumpulan syarikat Pelanggan A boleh memberi kesan buruk kepada prestasi kewangan kami. Selanjutnya, memandangkan kami tidak melakukan sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami, termasuk kumpulan syarikat Pelanggan A, tidak ada jaminan bahawa kumpulan syarikat Pelanggan A akan terus membeli produk kami pada masa hadapan atau permintaan daripada mereka akan dikekalkan pada tahap semasa pada masa hadapan. Sekiranya kumpulan syarikat Pelanggan A berhenti membeli produk dan perkhidmatan daripada Kumpulan kami, kami mungkin mengalami pengurangan jualan yang boleh mengakibatkan kehilangan hasil dan prestasi kewangan Kumpulan kami mungkin terjejas, jika kami tidak dapat menggantikan kumpulan syarikat Pelanggan A dengan pelanggan baharu atau dengan pesanan tambahan daripada pelanggan sedia ada tepat pada masanya.

Keupayaan kami untuk terus mendapatkan jualan daripada pelanggan sedia ada kami bergantung kepada beberapa faktor, termasuk keupayaan kami untuk memenuhi spesifikasi dan keperluan pelanggan, harga yang kompetitif, penghantaran produk yang tepat pada masanya, serta perkhidmatan pelanggan yang berterusan. Namun begitu, sekiranya kami mampu mendapatkan pelanggan baharu, tidak ada jaminan bahawa kami akan mencapai tahap nilai jualan yang sama dan/atau mengekalkan/meningkatkan margin keuntungan kami. Jika kejadian buruk sedemikian berlaku, prestasi kewangan kami akan terjejas.

Selanjutnya, permintaan untuk produk kami juga bergantung kepada permintaan daripada pasaran pengguna akhir untuk produk pelanggan kami. Perubahan dalam pasaran pengguna akhir pelanggan kami mungkin dipengaruhi oleh faktor termasuk, antara lain, keadaan ekonomi, persekitaran politik dan kawal selia, aliran perbelanjaan dan permintaan untuk produk mereka. Jika permintaan untuk produk pelanggan kami berkurangan, aktiviti pengeluaran pelanggan kami juga berkemungkinan berkurangan, membawa kepada penurunan permintaan untuk produk dan perkhidmatan kami. Sehubungan itu, penurunan dalam permintaan daripada pasaran pengguna akhir pelanggan kami mungkin menjejaskan prestasi kewangan kami.

#### 8.1.2 Kami bergantung kepada pasaran eksport

Kami bergantung kepada pasaran eksport kerana majoriti jualan kami diperoleh daripada pelanggan luar negara. Pada Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, jualan eksport kami masing-masing menyumbang kira-kira 78.32%, 77.15%, 73.90% dan 71.47% kepada hasil Kumpulan kami.

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

Sebarang perubahan yang tidak menggalakkan dalam persekitaran ekonomi, politik dan/atau undang-undang di negara yang kami mengeksport produk kami, termasuk, antara lain, USA, UK, Thailand, Singapura, Rusia, Kanada, Jerman dan Hungary, boleh mengakibatkan penurunan dalam permintaan untuk produk kami dan boleh menjejaskan prestasi kewangan kami secara material. Sila rujuk Seksyen 8.2.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang pendedahan kami kepada risiko yang berkaitan dengan persekitaran ekonomi, politik dan/atau undang-undang di pasaran yang kami mengeksport produk kami.

### 8.1.3 Kami tertakluk kepada risiko turun naik pertukaran asing yang boleh memberi kesan kepada keuntungan Kumpulan kami

Kami terdedah kepada risiko turun naik pertukaran asing kerana jualan eksport kami dan beberapa jualan tempatan kami diurus niaga dalam mata wang asing. Jualan tempatan kami yang diurus niaga dalam mata wang asing, kebanyakannya USD, dijana daripada syarikat multinasional yang terletak di Malaysia.

Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, jualan eksport dan jualan tempatan kami yang dalam denominasi mata wang asing masing-masing membentuk kira-kira 82.38%, 79.16%, 77.19% dan 76.08% daripada hasil Kumpulan kami.

Dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, lebih daripada 90% daripada pembelian kami adalah dalam denominasi RM; oleh itu, pendedahan kami kepada risiko urus niaga pertukaran asing untuk pembelian kami adalah minimum.

Pecahan hasil kami yang diurus niaga dalam RM dan mata wang asing bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 adalah seperti berikut:

	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
RM	19,947	17.62	30,117	20.84	21,290	22.81	14,879	23.92
USD	90,049	79.55	110,441	76.42	63,385	67.91	37,489	60.26
EUR	616	0.54	851	0.59	5,884	6.31	6,564	10.55
GBP	1,756	1.55	2,264	1.57	2,015	2.16	2,339	3.76
Yuan (CNY)	-	-	-	-	-	-	576	0.93
Yen (JPY)	320	0.28	319	0.22	638	0.68	176	0.28
SGD	519	0.46	512	0.35	123	0.13	189	0.30
Swiss franc (CHF)	-	-	11	0.01	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>113,207</b>	<b>100.00</b>	<b>144,515</b>	<b>100.00</b>	<b>93,335</b>	<b>100.00</b>	<b>62,212</b>	<b>100.00</b>

Kami terdedah kepada risiko urus niaga pertukaran asing, terutamanya yang timbul daripada pendedahan hasil kami kepada USD, masing-masing mewakili kira-kira 79.55%, 76.42%, 67.91% dan 60.26% daripada jumlah hasil kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024.

Untuk tujuan ilustrasi, mengandaikan kadar pertukaran antara USD dan RM turun naik sebanyak 5.00%, ini akan mengakibatkan peningkatan atau penurunan dalam PAT Kumpulan kami untuk FYE 2023 dan FPE 2024 masing-masing sebanyak kira-kira RM1.89 juta dan RM0.93 juta, bergantung pada pengukuhan atau kelemahan USD terhadap RM. Sila rujuk Nota 30(c) Laporan Akauntan dalam Seksyen 12 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai analisis sensitiviti perubahan dalam kadar pertukaran USD, EUR dan GBP terhadap RM kepada Kumpulan.

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

Kami tidak menggunakan sebarang instrumen kewangan untuk melindungi nilai pendedahan kami terhadap urus niaga dalam mata wang asing. Oleh itu, hasil kami dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada risiko turun naik pertukaran asing, terutamanya USD, kerana lebih daripada 60.00% daripada hasil kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 adalah dalam USD. Sila rujuk Seksyen 11.3.4(i) Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang kesan turun naik dalam pertukaran asing ke atas prestasi kewangan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024.

### 8.1.4 Kami bergantung kepada Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami untuk kejayaan dan pertumbuhan berterusan perniagaan kami

Pertumbuhan masa depan dan kejayaan berterusan Kumpulan kami sebahagian besarnya bergantung kepada sumbangan dan penglibatan berterusan Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami. Pengarah Urusan kami, Ng Chay Chin, dan Pengarah Eksekutif, Chong Ewe Hean, masing-masing mempunyai lebih kurang 30 tahun dan 31 tahun pengalaman dalam industri pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan, adalah bertanggungjawab untuk mengemudi hala tuju strategik keseluruhan Kumpulan kami. Dengan pengalaman mereka serta pengetahuan teknikal dan industri dalam industri pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan dan perniagaan kami, mereka memainkan peranan penting dalam merangka dan melaksanakan strategi dan dasar perniagaan untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan masa depan Kumpulan kami. Seterusnya, Pengurusan Kanan Penting kami dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dalam bidang kerja masing-masing untuk memastikan operasi perniagaan kami berjalan lancar. Sila rujuk Seksyen 4.1.2 dan 4.5.2 Prospektus ini untuk profil Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami.

Kami menyedari bahawa kejayaan berterusan dan pertumbuhan masa depan Kumpulan kami banyak bergantung pada keupayaan dan usaha Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami. Oleh itu, kehilangan mana-mana Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami secara serentak atau dalam tempoh masa yang singkat mungkin memberikan kesan yang boleh menjejaskan operasi Kumpulan kami dan pertumbuhan masa depan perniagaan kami. Jika kami tidak dapat menarik bakat yang sesuai untuk menggantikan kehilangan mana-mana Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami tepat pada masanya, ini boleh menjejaskan keputusan operasi, prestasi kewangan dan prospek Kumpulan kami.

### 8.1.5 Kami bergantung kepada pengurus kejuruteraan dan juruteknik kami

Kumpulan kami bergantung kepada pengurus kejuruteraan dan juruteknik kami untuk melaksanakan operasi perniagaan kami. Pengurus kejuruteraan kami terlibat dalam menerajui kejuruteraan proses dan penambahbaikan berterusan proses pemesanan dan pembuatan kami. Juruteknik kami, yang juga merupakan sebahagian daripada pasukan kejuruteraan kami, terlibat terutamanya dalam menyediakan jentera untuk pengeluaran komponen kejuruteraan ketepatan, serta melakukan penyelenggaraan pada jentera, alatan dan peralatan kami. Kepakaran pengurus kejuruteraan kami dalam kejuruteraan proses dan pengetahuan industri mereka yang mendalam, bersama dengan pengetahuan teknikal juruteknik kami, membolehkan kami menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan dengan cepat dengan membangunkan atau menyesuaikan proses pembuatan dengan sewajarnya sambil mengekalkan kualiti produk kami, yang merupakan salah satu faktor utama dalam memacu pertumbuhan perniagaan kami selama ini.

Kami bersaing dengan pemain industri lain dalam industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia dan segmen industri sokongan kejuruteraan lain untuk merekrut dan mengekalkan pengurus kejuruteraan dan juruteknik. Kehilangan sejumlah besar pengurus kejuruteraan dan juruteknik Kumpulan kami secara serentak atau dalam tempoh masa yang singkat tanpa sebarang penggantian yang sesuai atau tepat pada masanya, atau ketidakupayaan kami untuk menarik atau mengekalkan pengurus kejuruteraan dan juruteknik yang cekap, boleh menjejaskan keupayaan kami untuk bersaing dan berkembang dalam industri kejuruteraan ketepatan.



## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

Walaupun sebelum ini kami tidak menghadapi sebarang kekurangan pengurus kejuruteraan atau juruteknik yang mungkin menyebabkan gangguan besar kepada operasi kami, tiada jaminan bahawa kami akan dapat merekrut, membangun dan mengekalkan bilangan pengurus kejuruteraan dan juruteknik yang mencukupi untuk menyokong pertumbuhan masa depan dan pengembangan Kumpulan kami.

### 8.1.6 Kami mungkin tidak berjaya dalam pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami

Kami merancang untuk mengembangkan perniagaan Kumpulan kami dengan mengembangkan kapasiti pengeluaran kami, melalui rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami seperti berikut:

- (i) mengembangkan kapasiti pengeluaran dengan membina Kilang Baharu; dan
- (ii) membeli mesin CNC baharu untuk menyokong pengembangan kapasiti pengeluaran kami.

Sila rujuk Seksyen 6.5 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami.

Pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami adalah tertakluk kepada perbelanjaan tambahan, seperti perbelanjaan modal, perbelanjaan operasi dan keperluan modal kerja yang lain. Perbelanjaan tambahan sedemikian boleh menjejaskan margin keuntungan kami jika kami tidak dapat memperoleh jualan yang mencukupi berikutan pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan ini. Tambahan pula, pelaksanaan rancangan dan strategi perniagaan ini mungkin dipengaruhi oleh faktor di luar kawalan kami, seperti perubahan dalam keadaan pasaran umum, iklim ekonomi serta persekitaran politik di Malaysia dan negara lain di mana kami mengeksport produk kami, yang mungkin menjejaskan daya maju komersial rancangan dan strategi perniagaan kami. Pelaksanaan rancangan dan strategi perniagaan ini juga boleh terjejas oleh pelbagai faktor lain seperti proses pembuatan yang lebih cekap yang digunakan oleh pesaing kami atau harga yang lebih menarik yang ditawarkan oleh pesaing kami, yang mungkin menjejaskan daya tarikan produk kami.

Oleh itu, tidak ada jaminan bahawa usaha dan perbelanjaan yang dibelanjakan untuk pelaksanaan rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami akan membuahkan hasil yang diharapkan dalam mengembangkan perniagaan kami dari segi prestasi kewangan dan kehadiran pasaran. Kami juga tidak dapat menjamin bahawa kami akan berjaya dalam melaksanakan rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami, dan kami juga tidak dapat menjamin bahawa kami akan dapat menjangka semua risiko perniagaan, operasi dan industri yang timbul daripada rancangan masa depan dan strategi perniagaan ini. Kegagalan sedemikian boleh menjejaskan operasi perniagaan dan prestasi kewangan kami.

### 8.1.7 Ketiadaan kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami boleh mengakibatkan turun naik dalam prestasi kewangan Kumpulan kami

Kami tidak memasuki sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami kerana pelanggan kami secara amnya membeli komponen kejuruteraan ketepatan daripada kami melalui pesanan pembelian. Ketiadaan kontrak jangka panjang disebabkan terutamanya oleh sifat perniagaan kami yang memberi tumpuan kepada pembuatan HMLV untuk mengeluarkan komponen unik dan kompleks dengan keperluan kualiti khusus dan kuantiti yang kecil. Komponen kejuruteraan ketepatan yang kami keluarkan tertakluk kepada perubahan keperluan dan spesifikasi teknikal pelanggan bergantung pada perubahan dalam, antara lain, produk dan/atau proses pemasangan mereka; oleh itu, pesanan pembelian daripada pelanggan kami mungkin berbeza dari semasa ke semasa.

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

Memandangkan kami tidak mempunyai sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami, kami terdedah kepada risiko kehilangan pelanggan kami kerana mereka tidak berkewajipan untuk membeli komponen kejuruteraan ketepatan daripada kami. Sekiranya berlaku kehilangan mana-mana pelanggan kami, terutamanya pelanggan utama kami, serta ketidakupayaan untuk mendapatkan jualan tambahan daripada pelanggan sedia ada atau mendapatkan pelanggan baharu tepat pada masanya, prestasi kewangan kami mungkin terjejas.

Walaupun Kumpulan kami sentiasa berusaha untuk memastikan kepuasan pelanggan dengan terus meningkatkan kualiti produk kami, mengekalkan dan mengukuhkan hubungan perniagaan sedia ada serta menjalin hubungan dengan pelanggan baharu untuk mengembangkan pangkalan pelanggan kami, sebarang faktor luaran seperti suasana ekonomi yang buruk, pengurangan harga yang ketara oleh pesaing kami atau kelembapan dalam permintaan untuk komponen kejuruteraan ketepatan dalam industri pelanggan yang kami layani, mungkin memberi kesan negatif kepada jualan kami memandangkan ketiadaan kontrak jangka panjang, yang seterusnya akan memberi kesan negatif kepada prestasi kewangan Kumpulan kami.

### 8.1.8 Operasi perniagaan kami terdedah kepada gangguan yang tidak dijangka atau kelewatan disebabkan oleh kegagalan peralatan, kebakaran, bencana alam, kejadian force majeure dan wabak penyakit berjangkit, yang mungkin di luar kawalan kami

Kami bergantung pada pelbagai jenis jentera dan peralatan untuk mengeluarkan komponen kejuruteraan ketepatan. Jentera dan peralatan ini mungkin, kadangkala, tidak berfungsi kerana kegagalan yang tidak dijangka atau kerosakan yang dialami semasa operasi. Perniagaan kami juga tertakluk kepada kerugian akibat kejadian di luar kawalan kami seperti kebakaran, yang boleh menyebabkan kerosakan atau kemusnahan semua atau sebahagian daripada kemudahan pembuatan dan jentera dan peralatan kami, mengakibatkan gangguan kepada, atau penggantungan operasi kami yang berpanjangan.

Selanjutnya, operasi perniagaan kami juga mungkin terjejas oleh kegagalan kuasa yang tidak dijangka dan keadaan cuaca buruk atau bencana alam seperti banjir atau ribut, yang boleh menyebabkan gangguan kepada operasi di kilang pembuatan kami dan/atau kerosakan pada jentera dan peralatan kami. Di samping itu, sebarang kejadian force majeure seperti peperangan, mogok dan/atau rusuhan mungkin menghalang kami daripada menjalankan operasi kami. Kejadian yang tidak dijangka ini boleh menjejaskan keupayaan kami untuk memenuhi jadual penghantaran yang dipersetujui dengan pelanggan kami.

Selain itu, wabak penyakit berjangkit seperti COVID-19 boleh menyebabkan gangguan kepada aktiviti perniagaan kami kerana kemungkinan berlakunya tindakan sekatan pergerakan oleh Kerajaan sebagai langkah untuk membendung penularan virus itu. Ini boleh mengakibatkan kesan buruk terhadap prestasi kewangan kami, kerana operasi perniagaan kami mungkin digantung buat sementara waktu. Selanjutnya, sebarang wabak atau pandemik berskala besar boleh mengakibatkan gangguan kepada aktiviti perniagaan dan ekonomi global, yang boleh mengakibatkan penutupan perniagaan dan akhirnya menyebabkan gangguan dalam rantaian bekalan global. Ini boleh menjejaskan aktiviti perniagaan kami dengan teruk, kerana kami mungkin mengalami kelewatan daripada pembekal kami dan kelewatan untuk memenuhi pesanan pelanggan kami. Sila rujuk Seksyen 6.18 Prospektus ini untuk butiran mengenai gangguan kepada aktiviti perniagaan Kumpulan kami yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024.

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

Sekiranya kami terpaksa menghentikan operasi kami disebabkan insiden yang dinyatakan di atas, kami masih perlu menanggung perbelanjaan operasi tertentu seperti kos buruh dan kos utiliti. Operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kami mungkin terjejas jika gangguan berlaku untuk tempoh masa yang berpanjangan. Oleh itu, tiada jaminan bahawa kami akan dapat merekodkan keuntungan atau mempunyai dana yang mencukupi untuk operasi kami pulih daripada kerugian yang disebabkan oleh peristiwa tersebut. Bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan, FPE 2024 dan sehingga LPD, kecuali gangguan sementara operasi perniagaan kami seperti yang didedahkan dalam Seksyen 6.18 Prospektus ini, kami tidak mengalami sebarang gangguan besar terhadap operasi perniagaan kami yang disebabkan oleh kegagalan peralatan yang tidak dijangka, kebakaran, bencana alam, kejadian force majeure dan/atau wabak penyakit berjangkit. Walaupun begitu, tiada jaminan bahawa kami tidak akan menghadapi peristiwa sedemikian dan operasi perniagaan dan/atau prestasi kewangan kami tidak akan terjejas sekiranya peristiwa tersebut berlaku pada masa hadapan.

### 8.1.9 Kami terdedah kepada risiko kredit dan pembayaran ingkar oleh pelanggan

Untuk FYE 2023 dan FPE 2024, kami memberikan pelanggan kami tempoh kredit masing-masing selama 30 hari hingga 120 hari daripada penghantaran barang. Sekiranya kami tidak menerima bayaran dalam tempoh kredit atau kegagalan pembayaran oleh pelanggan kami, aliran tunai operasi atau keputusan kewangan kami mungkin terjejas. Selanjutnya, ia juga boleh menyebabkan kerugian rosot nilai ke atas perdagangan belum terima atau hapus kira perdagangan belum terima sebagai hutang lapuk, yang boleh menjejaskan prestasi kewangan kami.

Keuntungan/(kerugian) rosot nilai bersih kami ke atas perdagangan belum terima bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 adalah seperti berikut:

	Telah diaudit			
	FYE 2021 RM'000	FYE 2022 RM'000	FYE 2023 RM'000	FPE 2024 RM'000
Keuntungan/(kerugian) rosot nilai bersih ke atas perdagangan belum terima	(230)	(966)	50	(55)

Sila rujuk Seksyen 11.3.3(v) dan 11.4.8(i) Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang keuntungan/(kerugian) rosot nilai bersih kami ke atas perdagangan belum terima serta tempoh pusing ganti perdagangan belum terima masing-masing untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024.

### 8.1.10 Perlindungan insurans kami mungkin tidak mencukupi untuk menampung semua kerugian atau liabiliti yang mungkin timbul berkaitan dengan operasi kami

Kami mengekalkan insurans pada tahap yang lazim dalam industri untuk melindungi daripada pelbagai kerugian dan liabiliti seperti kebakaran, kecurian, rompakan bersenjata, kerosakan jentera, antara lain. Pada LPD, kami mempunyai polisi insurans berikut untuk operasi kami:

Jenis polisi insurans	Jumlah diinsuranskan RM'000
Kebakaran	71,924
Kerosakan jentera	450
Kecurian, rompakan bersenjata atau tebusan	2,900
Semua risiko	62,880
Liabiliti awam	2,000
Kenderaan bermotor	120
<b>Jumlah</b>	<b>140,274</b>

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

Walau bagaimanapun, polisi insurans yang telah kami beli adalah tertakluk kepada had dan pengecualian liabiliti dari segi kejadian yang berlaku serta jumlah yang diinsuranskan. Oleh itu, polisi Kumpulan kami mungkin tidak mencukupi untuk menampung semua kerugian atau liabiliti yang dialami akibat berlakunya sebarang kejadian yang tidak dijangka pada masa hadapan. Jika polisi insurans kami tidak dapat menampung kerugian atau liabiliti penuh yang dialami, prestasi kewangan kami mungkin akan terjejas.

Selain itu, kami juga akan tertakluk kepada risiko bahawa, pada masa depan, kami mungkin tidak dapat mengekalkan atau mendapatkan insurans daripada jenis dan jumlah yang dikehendaki pada kadar yang berpatutan. Jika kami menanggung liabiliti signifikan yang tidak diinsuranskan sepenuhnya, ia boleh memberi kesan buruk yang material terhadap operasi perniagaan dan prestasi kewangan kami.

### 8.1.11 Kami terdedah kepada risiko pematuhan kawal selia

Kami terdedah kepada risiko pematuhan kawal selia kerana operasi perniagaan kami tertakluk kepada pelbagai undang-undang, kawal selia dan peraturan. Sila rujuk Lampiran B Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai kelulusan, lesen dan permit utama Kumpulan kami.

Kelulusan, lesen dan permit utama kami tertakluk kepada pematuhan undang-undang, peraturan dan keperluan yang berkaitan (termasuk syarat yang dikenakan oleh pelbagai badan pengeluar). Sekiranya berlaku ketidakpatuhan oleh Kumpulan kami, kelulusan, lesen dan permit ini mungkin ditamatkan, dibatalkan atau tidak boleh diperbaharui apabila tamat tempoh. Walaupun kami sudah menetapkan proses dalaman untuk memantau dan memastikan pematuhan berterusan terhadap syarat masing-masing yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan (jika ada) serta memantau kesahihan kelulusan, lesen dan permit kami (jika ada), tidak ada jaminan bahawa kami akan dapat mematuhi syarat yang dikenakan atau kami akan dapat memperbaharui lesen, permit dan kelulusan ini tepat pada masanya. Kegagalan berbuat demikian boleh menjejaskan operasi perniagaan kami dan prestasi kewangan masa depan kami.

Di samping itu, seperti yang didedahkan dalam Nota (i) Lampiran B Prospektus ini, NE Components, NE Integrated dan NE Technologies masih belum mematuhi salah satu syarat lesen pengilangan mereka, iaitu jumlah tenaga kerja sepenuh masa hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% rakyat Malaysia menjelang 31 Disember 2024. Tiada jaminan bahawa NE Components, NE Integrated dan NE Technologies akan dapat memenuhi syarat tersebut menjelang 31 Disember 2024. Sekiranya syarat tersebut tidak dipenuhi sebelum 31 Disember 2024 dan tempoh lanjutan tidak dilanjutkan oleh MITI, MITI boleh mengambil tindakan dengan mengeluarkan amaran, mengenakan penalti atau syarat atau sekatan tambahan, menggantung dan/atau membatalkan lesen pengilangan kami untuk sebarang pelanggaran atau ketidakpatuhan syarat. Operasi dan prestasi kewangan Kumpulan kami akan terjejas secara material jika lesen pengilangan NE Components, NE Integrated dan NE Technologies dibatalkan. Pada LPD, kecuali seperti yang didedahkan di atas, kami telah mematuhi undang-undang, peraturan dan keperluan yang berkaitan yang terpakai kepada kelulusan, lesen dan permit utama kami.

### 8.1.12 Kami mungkin tidak dapat memperoleh pendanaan, terutamanya pada syarat yang boleh diterima oleh kami, untuk memenuhi keperluan modal kami

Keupayaan kami untuk mendapatkan pembiayaan luar adalah tertakluk kepada pelbagai ketidakpastian, termasuk keputusan operasi, keadaan kewangan dan aliran tunai masa depan kami, prestasi ekonomi Malaysia dan pasaran luar negara di mana kami mengeksport produk kami, kos pembiayaan dan keadaan pasaran kewangan, dan ketersediaan bank untuk terus menyediakan pinjaman baharu. Tiada jaminan bahawa sebarang pembiayaan yang diperlukan, sama ada secara jangka pendek atau jangka panjang, akan disediakan kepada kami pada syarat yang memuaskan atau tidak sama sekali.

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

Jika pendanaan yang mencukupi tidak tersedia apabila diperlukan, atau hanya tersedia dengan syarat yang tidak menguntungkan, memenuhi keperluan modal kami atau sebaliknya mengambil kesempatan daripada peluang perniagaan atau bertindak balas kepada tekanan persaingan mungkin menjadi mencabar, boleh memberi kesan material dan buruk kepada perniagaan, keadaan kewangan dan hasil operasi kami.

Sila rujuk Seksyen 11.4.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai pinjaman kami.

### 8.2 RISIKO BERKAITAN DENGAN INDUSTRI KAMI

#### 8.2.1 Kami bergantung kepada ketersediaan buruh kasar, termasuk pekerja asing untuk aktiviti pembuatan kami

Walaupun kami bergantung pada mesin untuk menjalankan pemesanan ketepatan untuk mengeluarkan komponen kejuruteraan ketepatan, kami masih bergantung kepada buruh manual untuk menjalankan beberapa proses seperti pemeriksaan visual, kemasan permukaan dan pembungkusan. Pada LPD, pekerja tempatan membentuk kira-kira 19.48% manakala pekerja asing membentuk kira-kira 80.52% daripada jumlah pekerja dalam jabatan Pengeluaran dan QA & QC. Sila rujuk Seksyen 6.21 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai bilangan pekerja asing kami mengikut fungsi perniagaan.

Wabak pandemik COVID-19 di Malaysia yang bermula awal 2020 membawa kelembapan dalam sektor pembuatan; dan dari pelaksanaan sekatan pergerakan pada 18 Mac 2020 hingga pembukaan semula permohonan pengambilan pekerja asing pada 15 Februari 2022, pekerja asing tidak dibenarkan masuk ke Malaysia. Semasa tempoh pembekuan pengambilan pekerja asing pada tahun 2020 dan 2021, Kumpulan kami mengalami kekurangan buruh kasar kerana kami tidak dapat mengambil pekerja asing. Pada 14 Jun 2022, kami menerima kelulusan daripada Kementerian Sumber Manusia untuk mengambil dan membawa masuk pekerja asing dari negara asal mereka. Pembekuan pengambilan pekerja asing pada tahun 2020 dan 2021 tidak mempunyai kesan material terhadap operasi dan keputusan kewangan Kumpulan kami.

Sila rujuk Seksyen 6.21 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang kesan pengumuman Kerajaan pada 1 Mac 2024 berhubung kuota pekerja asing kepada Kumpulan kami.

Pada LPD, Kumpulan kami mempunyai tenaga kerja yang mencukupi seramai 82 pekerja tempatan dan 339 pekerja asing untuk menyokong aktiviti pembuatan kami.

Sekiranya terdapat sebarang pembekuan pengambilan atau kekurangan pekerja asing pada masa hadapan, ia mungkin menjejaskan aktiviti pembuatan Kumpulan kami disebabkan pengurangan kapasiti tenaga kerja. Dalam keadaan sedemikian, kami akan dikehendaki mengupah pekerja tempatan yang mungkin menyebabkan Kumpulan kami untuk menanggung kos buruh yang lebih tinggi, yang mungkin memberi kesan kepada prestasi kewangan kami.

#### 8.2.2 Kami terdedah kepada turun naik harga bahan mentah dan kekurangan bahan mentah

Bahan mentah yang digunakan dalam aktiviti pembuatan kami ialah aluminium, tembaga, keluli tahan karat, keluli karbon dan plastik. Bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, bahan mentah masing-masing membentuk kira-kira 51.76%, 52.37%, 42.43% dan 41.09% daripada jumlah pembelian Kumpulan kami. Sila rujuk Seksyen 6.10 Prospektus ini untuk pecahan pembelian bekalan dan perkhidmatan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024.

---

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

---

Harga bahan mentah seperti aluminium, tembaga, keluli tahan karat, keluli karbon dan plastik tertakluk kepada turun naik harga akibat, antara lain, keadaan permintaan dan bekalan global, serta keadaan ekonomi global dan serantau (cth. pandemik COVID-19 dan ketidakpastian yang timbul akibat sekatan ke atas Rusia). Sila rujuk Laporan IMR dalam Seksyen 7 Prospektus ini untuk butiran mengenai turun naik harga bahan mentah. Kumpulan kami secara amnya boleh menyalurkan sebarang kenaikan kos yang disebabkan oleh turun naik harga bahan mentah kepada pelanggan kami. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa kami akan dapat terus menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan kami. Oleh itu, kegagalan untuk menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan kami boleh mengakibatkan peningkatan yang ketara dalam kos jualan kami, dengan demikian menjejaskan prestasi kewangan kami.

Di samping itu, sifat operasi kami memerlukan kami mendapatkan kuantiti bahan mentah yang mencukupi tepat pada masanya dan pada harga yang boleh diterima untuk meneruskan operasi kami dan memenuhi permintaan daripada pelanggan kami. Walaupun kami tidak mengalami sebarang kekurangan bahan mentah dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, tiada jaminan bahawa kejadian sedemikian tidak akan berlaku pada masa hadapan. Sebarang kekurangan bahan mentah secara tiba-tiba boleh menjejaskan operasi perniagaan kami dan tiada jaminan bahawa kami akan dapat memperoleh bahan mentah daripada pembekal baharu tepat pada masanya atau pada harga yang berpatutan. Sekiranya kami dikehendaki membayar kos yang lebih tinggi kepada pembekal baharu untuk bahan mentah ini dan kami tidak dapat menyalurkan kenaikan kos kepada pelanggan kami tepat pada masanya, ia boleh menjejaskan keadaan kewangan dan hasil operasi kami.

### 8.2.3 Kami tertakluk kepada risiko yang berkaitan dengan persekitaran ekonomi, politik dan/atau undang-undang dalam pasaran di mana kami mengeksport produk kami

Walaupun pada asasnya kami beroperasi di Malaysia, hasil kami kebanyakannya diperoleh daripada jualan eksport. Bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, jualan eksport kami masing-masing membentuk kira-kira 78.32%, 77.15%, 73.90% dan 71.47% daripada jumlah hasil kami. Ketika kami terus mengembangkan perniagaan kami, prestasi kewangan dan hasil operasi kami akan terus tertakluk kepada keadaan ekonomi dan politik di negara yang kami menjalankan perniagaan. Sebagai contoh, sebarang kenaikan dalam tarif import komponen kejuruteraan ketepatan disebabkan oleh keadaan ekonomi dan politik di negara yang kami mengeksport produk kami boleh mengakibatkan penurunan permintaan untuk produk kami disebabkan kenaikan harga, dan ini boleh menjejaskan prestasi kewangan kami.

Khususnya, eksport kepada pelanggan di USA merupakan penyumbang terbesar kepada hasil Kumpulan kami dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Jualan kepada pelanggan di USA berjumlah kira-kira 48.34%, 39.84%, 32.78% dan 26.98% daripada jumlah hasil Kumpulan kami masing-masing bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Oleh itu, kami terdedah kepada risiko penumpuan yang timbul daripada eksport kami ke USA. Walaupun kami tidak menghadapi sebarang keadaan yang telah menjejaskan eksport kami secara negatif ke USA dalam Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, tiada jaminan bahawa sebarang perubahan dalam persekitaran ekonomi, politik dan/atau undang-undang di USA dan suasana perdagangan global, jika ada, tidak akan menjejaskan eksport kami ke USA pada masa hadapan. Walaupun kami mungkin boleh terus mengeksport produk kami ke negara lain sekiranya eksport kami ke USA terjejas, tidak ada jaminan bahawa kami akan dapat memperoleh jualan tambahan daripada pelanggan sedia ada dan jualan daripada pelanggan baharu tepat pada masanya untuk menggantikan jualan yang tidak diperoleh daripada pelanggan kami di USA. Ini boleh mengakibatkan kehilangan hasil dan akan memberi kesan buruk kepada prestasi kewangan kita.

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

### 8.2.4 Kami menghadapi persaingan daripada pemain industri lain

Menurut Laporan IMR, industri kejuruteraan ketepatan di Malaysia berdaya saing dengan halangan kemasukan yang besar kerana modal permulaan dan kos operasi yang tinggi diperlukan untuk pemain baharu memasuki industri. Kami biasanya bersaing dengan pemain industri lain dari segi keupayaan teknikal, harga, kualiti produk dan perkhidmatan, masa penghantaran dan keupayaan pembuatan. Sila rujuk Laporan IMR dalam Seksyen 7 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang landskap persaingan industri kejuruteraan ketepatan.

Pelanggan semasa dan bakal pelanggan kami mempunyai pilihan untuk memesan komponen kejuruteraan ketepatan daripada pemain industri lain. Oleh itu, persaingan yang kami hadapi daripada pemain industri lain mungkin memberi kesan kepada hasil dan keuntungan kami kerana kami mungkin terpaksa bersaing dengan harga yang lebih kompetitif untuk mendapatkan pesanan jualan daripada pelanggan sedia ada dan pelanggan baharu. Kegagalan untuk terus berdaya saing boleh mengakibatkan, antara lain, kesan buruk, pengurangan dalam hasil dan/atau margin keuntungan, kehilangan pelanggan sedia ada dan/atau kegagalan untuk mendapatkan pelanggan baharu, yang seterusnya boleh menjejaskan prestasi kewangan dan prospek pertumbuhan kami.

### 8.2.5 Kami mungkin tidak dapat menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dalam industri kami

Kumpulan kami terutamanya terlibat dalam pembuatan komponen mesin ketepatan yang digunakan dalam industri fotonik, E&E, semikonduktor, telekomunikasi dan optoelektronik. Oleh itu, perniagaan kami tertakluk kepada perubahan teknologi seperti, antara lain, kepakaran kejuruteraan dan teknologi pemesinan yang diperlukan dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan untuk industri pelanggan kami. Sekiranya kami gagal untuk mengikuti perubahan teknologi ini dan tidak kekal berdaya saing dari segi teknologi, kami mungkin tidak dapat mengekalkan pelanggan sedia ada atau menarik pelanggan baharu dan operasi serta prestasi kewangan kami mungkin terjejas.

Oleh itu, kejayaan masa depan kami bergantung kepada keupayaan kami untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi yang berubah sambil mengekalkan kualiti produk kami dan terus meningkatkan kecekapan pembuatan kami tepat pada masanya.

Tidak ada jaminan bahawa penggunaan teknologi baharu dan relevan, serta keupayaan pembuatan dan kejuruteraan kami, dapat dibangunkan dengan berjaya dan tepat pada masanya untuk menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi bagi memenuhi jangkaan pelanggan kami.

## 8.3 RISIKO BERKAITAN DENGAN SAHAM KAMI DAN PENYENARAIAN KAMI

### 8.3.1 Tiada pasaran terdahulu untuk Saham kami

Sebelum Penyenaraian kami, tidak ada pasaran awam terdahulu untuk Saham kami. Oleh itu, kami tidak dapat memberi jaminan kepada anda bahawa selepas Penyenaraian kami, pasaran aktif untuk Saham kami akan terwujud, atau jika terwujud, pasaran sedemikian boleh dikekalkan. Juga tiada jaminan bahawa akan wujud pasaran cair untuk Saham kami yang didagangkan di Pasaran ACE. Sila rujuk kepada pernyataan amaran yang didedahkan pada muka depan Prospektus ini.

Walaupun Harga IPO ditentukan selepas mengambil kira pelbagai faktor seperti sejarah kewangan dan operasi kami serta rancangan masa depan dan strategi perniagaan kami, kami tidak dapat memberi jaminan kepada anda bahawa Harga IPO akan sepadan dengan harga di mana Saham kami akan didagangkan pada Pasaran ACE selepas Penyenaraian kami dan harga pasaran Saham kami tidak akan menurun di bawah Harga IPO.

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

### 8.3.2 Harga dagangan dan volum dagangan Saham kami mungkin tidak menentu

Keadaan ekonomi, politik dan potensi pertumbuhan pelbagai sektor ekonomi serta faktor luaran seperti prestasi bursa saham serantau dan global serta aliran masuk atau keluar dana asing menyumbang kepada turun naik harga dagangan dan volum Saham kami di Bursa Securities. Harga pasaran Saham kami mungkin turun naik dengan ketara dan pantas disebabkan, antara lain, faktor-faktor berikut, yang mana beberapa daripadanya di luar kawalan kami:

- (i) risiko operasi am dan perniagaan Kumpulan kami;
- (ii) variasi dalam keputusan dan operasi kewangan kami;
- (iii) kegagalan Pengarah Urusan, Pengarah Eksekutif dan Pengurusan Kanan Penting kami dalam melaksanakan strategi perniagaan dan pertumbuhan;
- (iv) peletakan jawatan oleh Pengurusan Kanan Penting kami;
- (v) perubahan dalam cadangan, persepsi atau anggaran prestasi kewangan kami oleh penganalisis sekuriti;
- (vi) perubahan dalam penilaian pasaran saham tersenarai secara umum atau harga saham syarikat yang mempunyai perniagaan yang serupa dengan Kumpulan kami;
- (vii) perubahan dalam keadaan yang menjejaskan industri, keadaan umum ekonomi atau sentimen pasaran saham atau peristiwa dan faktor lain;
- (viii) turun naik harga dan volum pasaran saham;
- (ix) perubahan dalam dasar kerajaan, perundangan atau peraturan; dan/atau
- (x) penglibatan dalam tuntutan, litigasi, timbang tara atau lain-lain bentuk penyelesaian pertikaian.

Sehubungan itu, tiada jaminan bahawa harga pasaran Saham kami tidak akan tertakluk kepada turun naik atau didagangkan pada harga di bawah Harga IPO.

### 8.3.3 Kepentingan Promoter kami yang mengawal Syarikat kami mungkin tidak sejajar dengan kepentingan pemegang saham kami

Promoter kami secara kolektif akan memegang agregat 452,821,608 Saham, mewakili kira-kira 61.19% daripada modal saham terbitan diperbesar kami semasa Penyenaraian kami. Akibatnya, mereka akan dapat mengawal hala tuju perniagaan dan pengurusan Kumpulan kami dengan berkesan, termasuk pemilihan Pengarah, masa dan pembayaran dividen serta mempunyai kawalan undian yang besar ke atas Kumpulan kami. Oleh itu, Promoter kami berkemungkinan akan mempengaruhi keputusan perkara tertentu yang memerlukan undian pemegang saham kami, melainkan mereka dan orang yang berkaitan dengan mereka dikehendaki untuk mengelak daripada mengundi sama ada mengikut undang-undang, garis panduan atau peraturan yang berkaitan. Oleh itu, mungkin terdapat risiko ketidakselarasan kepentingan oleh Promoter kami dengan pemegang saham kami yang lain.

### 8.3.4 Kemungkinan penjualan sejumlah besar Saham dalam pasaran awam berikutan IPO kami boleh menjejaskan harga Saham kami

Selepas IPO dan Penyenaraian kami selesai, Promoter kami secara kolektif akan memegang agregat 452,821,608 Saham, mewakili kira-kira 61.19% daripada modal saham terbitan diperbesar kami.

Ada kemungkinan Promoter kami boleh melupuskan sebahagian atau semua Saham mereka selepas Tempoh Moratorium, menurut objektif pelaburan mereka sendiri. Jika Promoter kami menjual, atau dianggap sebagai berhasrat untuk menjual, sejumlah besar Saham kami, harga pasaran untuk Saham kami boleh terjejas.



---

## 8. FAKTOR RISIKO (SAMBUNGAN)

---

### 8.3.5 Penyenaraian kami mungkin mengalami penangguhan atau pembatalan

Penyenaraian kami mungkin ditangguhkan atau dibatalkan kerana kemungkinan berlakunya peristiwa tertentu, termasuk yang berikut:

- (i) Penaja Jamin Tunggal kami melaksanakan haknya di bawah Perjanjian Taja Jamin atau Ejen Penempatan Tunggal kami melaksanakan haknya di bawah perjanjian penempatan untuk melepaskan dirinya daripada kewajipannya;
- (ii) kami tidak dapat memenuhi syarat tebaran pegangan saham awam di bawah Kehendak Penyenaraian untuk mempunyai sekurang-kurangnya 25.00% daripada modal saham terbitan diperbesar kami, yang dipohon di bawah Penyenaraian kami, berada di tangan sekurang-kurangnya 200 pemegang saham awam yang memegang tidak kurang daripada 100 Saham setiap satu pada saat Penyenaraian kami; dan/atau
- (iii) pembatalan kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan untuk Penyenaraian kami atas apa jua sebab.

Walaupun kami berusaha untuk mematuhi pelbagai keperluan kawal selia, sekiranya keadaan seperti yang dinyatakan di atas berlaku, pelabur tidak akan menerima sebarang Saham dan kami akan memulangkan sepenuhnya tanpa faedah, semua wang yang dibayar berhubung dengan permohonan dalam tempoh 14 hari, jika gagal, peruntukan Seksyen 243(2) CMSA akan dilaksanakan. Syarikat kami akan bertanggungjawab untuk memulangkan wang tersebut dengan faedah pada kadar 10.00% setahun atau pada kadar lain yang mungkin ditentukan oleh SC selepas tamat tempoh tersebut sehingga bayaran balik penuh dibuat.

Jika Penyenaraian kami dibatalkan/ ditamatkan dan Saham kami telah diperuntukkan kepada pelabur, semua wang yang dibayar berkenaan dengan semua permohonan untuk Saham IPO kami akan dikembalikan kepada pelabur hanya melalui pembatalan modal saham seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 116 dan 117 Akta dan peraturan yang berkaitan dengannya.

Pembatalan sedemikian memerlukan kelulusan pemegang saham melalui resolusi khas dalam mesyuarat agung, persetujuan pemiutang kami (jika diperlukan), dengan kebenaran Mahkamah Tinggi Malaysia atau dengan notis untuk dihantar kepada Ketua Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Pendaftar Syarikat dalam tempoh 7 hari dari tarikh resolusi khas dan memenuhi keperluan kesolvenan di bawah Seksyen 117(3) Akta. Tidak ada jaminan bahawa wang sedemikian boleh dikembalikan dalam tempoh yang singkat jika keadaan sedemikian berlaku.

Walau bagaimanapun, Lembaga kami akan berusaha untuk mematuhi pelbagai keperluan kawal selia, termasuk, antara lain, syarat tebaran pegangan saham awam untuk Penyenaraian kami. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa faktor/peristiwa yang dinyatakan di atas tidak akan menyebabkan kelewatan dalam atau pembatalan Penyenaraian kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

## **9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN**

---

### **9.1 URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN KUMPULAN KAMI**

#### **9.1.1 Urus niaga pihak berkaitan yang material**

Kecuali untuk Pemerolehan seperti yang didedahkan dalam Seksyen 5.1.1 Prospektus ini, tiada urus niaga pihak berkaitan material yang lain yang dilakukan atau akan dilakukan oleh Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 serta untuk tempoh dari 1 Jun 2024 sehingga LPD.

Lembaga kami juga mengesahkan bahawa tiada urus niaga pihak berkaitan material yang lain yang telah dilaksanakan selepas LPD atau dilakukan oleh Kumpulan kami tetapi belum dilaksanakan sehingga tarikh Prospektus ini.

Selepas Penyenaraian kami, kami juga akan diminta untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham kami setiap kali kami melakukan urus niaga pihak berkaitan yang material menurut Kehendak Penyenaraian. Walau bagaimanapun, jika urus niaga pihak berkaitan tersebut dianggap sebagai urus niaga pihak berkaitan berulang, kami boleh mendapatkan mandat am daripada pemegang saham kami untuk melakukan urus niaga tersebut tanpa perlu mendapatkan kelulusan pemegang saham yang berasingan setiap kali kami ingin melakukan urus niaga pihak berkaitan tersebut semasa tempoh sah mandat.

#### **9.1.2 Urus niaga pihak berkaitan yang dilakukan yang bersifat atau bersyarat luar biasa**

Kumpulan kami tidak melakukan sebarang urus niaga yang bersifat atau bersyarat luar biasa, yang melibatkan barangan, perkhidmatan, aset ketara atau tidak ketara, dengan pihak berkaitan bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 serta untuk tempoh dari 1 Jun 2024 sehingga LPD.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

### 9.1.3 Pinjaman dan/atau bantuan kewangan yang dibuat kepada/daripada atau untuk faedah pihak berkaitan

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, Kumpulan kami tidak memberi/menerima sebarang pinjaman dan/atau bantuan kewangan kepada/daripada atau untuk faedah pihak berkaitan yang material kepada Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 serta untuk tempoh dari 1 Jun 2024 sehingga LPD:

Bil.	Pihak yang mengurus niaga	Sifat perhubungan	Sifat urusan niaga	Nilai urusan niaga				
				FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2024	Dari 1 Jun 2024 sehingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
1.	Ng Chay Chin, Yin Thien Hee dan NE Components	<p>Ng Chay Chin ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Urusan kami.</p> <p>Ng Chay Chin juga ialah pengarah dan pemegang saham utama Mountain Range.</p> <p>Yin Thien Hee ialah Pengurusan Kanan Penting kami.</p> <p>Yin Thien Hee juga ialah pemegang saham Mountain Range.</p> <p>Mereka ialah pengarah NE Components.</p>	Pendahuluan kepada NE Components untuk keperluan modal kerja	165	-	-	-	-

## 9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Bil.	Pihak yang berurusan niaga	Sifat perhubungan	Sifat urusan niaga	Nilai urusan niaga				
				FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2024	Dari 1 Jun 2024 sehingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
2.	Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean dan NE Integrated	<p>Ng Chay Chin ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Urusan kami.</p> <p>Chong Ewe Hean ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Eksekutif kami.</p> <p>Mereka juga ialah pengarah dan pemegang saham utama Mountain Range.</p> <p>Mereka ialah pengarah NE Integrated.</p>	Pendahuluan kepada NE Integrated untuk keperluan modal kerja	3,101	-	-	-	-

## 9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Bil.	Pihak yang berurus niaga	Sifat perhubungan	Sifat urus niaga	Nilai urus niaga				
				FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2024	Dari 1 Jun 2024 sehingga LPD
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
3.	Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean dan NE Solutions	<p>Ng Chay Chin ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Urusan kami.</p> <p>Chong Ewe Hean ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Eksekutif kami.</p> <p>Mereka juga ialah pengarah dan pemegang saham utama Mountain Range.</p> <p>Mereka ialah pengarah NE Solutions.</p>	Pendahuluan kepada NE Solutions untuk keperluan modal kerja	308	-	-	-	-

## 9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Bil.	Pihak yang berurus niaga	Sifat perhubungan	Sifat urus niaga	Nilai urus niaga				Dari 1 Jun 2024 sehingga LPD
				FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2024	
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	
4.	Ng Chay Chin dan NE Technologies	Ng Chay Chin ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Urusan kami.  Beliau juga ialah pengarah dan pemegang saham utama Mountain Range.  Beliau ialah pengarah NE Technologies.	Pendahuluan kepada NE Technologies untuk keperluan modal kerja	62	-	-	-	-
5.	Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean dan Northeast Precision	Ng Chay Chin ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Urusan kami.  Chong Ewe Hean ialah Promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Eksekutif kami.  Mereka juga ialah pengarah dan pemegang saham utama Mountain Range.  Mereka ialah pengarah Northeast Precision.	Pendahuluan kepada Northeast Precision untuk keperluan modal kerja	1,055	-	-	-	-

---

## 9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (*SAMBUNGAN*)

---

Pendahuluan yang dibuat oleh pihak berkaitan kami bukan atas dasar yang tulus kerana ia tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik dalam tempoh 12 bulan akan datang atau apabila dituntut. Pada LPD, pendahuluan di atas telah dijelaskan sepenuhnya.

Melangkah ke hadapan, Kumpulan kami telah menetapkan kawalan dalaman yang berkaitan dan prosedur pematuhan berhubung dengan pendahuluan dan pinjaman kepada/oleh pihak berkaitan, dan tiada pendahuluan atau pinjaman lanjut akan diberi/diterima kepada/daripada mana-mana pihak berkaitan Kumpulan kami melainkan pendahuluan dan pinjaman sedemikian dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai dan Kehendak Penyenaraian dan dibawa ke perhatian Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dan Lembaga kami untuk pertimbangan dan kelulusan.

### 9.1.4 Jaminan peribadi

Ng Chay Chin, Chong Ewe Hean, Yin Thien Hee dan/atau Ng Chai Hee telah memberi jaminan peribadi untuk kemudahan pembiayaan yang diberikan oleh Affin Bank Berhad, Hong Leong Bank Berhad, OCBC Al-Amin Bank Berhad, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Public Bank Berhad dan RHB Islamic Bank Berhad kepada Kumpulan kami (secara kolektif, "**Pembiaya**"). Sila rujuk Seksyen 11.4.3 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai jaminan peribadi kemudahan pembiayaan ini.

Sehubungan dengan Penyenaraian kami, Kumpulan kami telah memperoleh persetujuan bersyarat daripada Pembiaya untuk melepaskan jaminan peribadi di atas dengan menggantikannya dengan jaminan korporat daripada Syarikat kami setelah Penyenaraian kami berjaya.

## 9.2 PEMANTAUAN DAN PENGAWASAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

### 9.2.1 Semakan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami menyemak sebarang urusan niaga pihak berkaitan (termasuk urusan niaga pihak berkaitan berulang) dan sebarang situasi konflik kepentingan (termasuk potensi konflik kepentingan) yang mungkin timbul dalam Kumpulan kami (termasuk sebarang urusan niaga, prosedur atau tindakan yang menimbulkan persoalan terhadap integriti pengurusan).

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami mengekalkan dan menyemak secara berkala kecukupan prosedur dan proses yang ditetapkan oleh Syarikat kami untuk memantau urusan niaga pihak berkaitan dan konflik kepentingan. Ia juga menetapkan prosedur dan proses untuk memastikan urusan niaga yang dijalankan adalah untuk kepentingan terbaik Syarikat kami, atas dasar yang tulus dan berdasarkan terma komersial biasa yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan daripada yang biasanya tersedia untuk pihak ketiga, dan tidak merugikan pemegang saham minoriti kami. Antara lain, pihak berkaitan yang berada dalam kedudukan yang berkonflik dengan kepentingan Kumpulan kami akan dikehendaki untuk tidak melibatkan diri dalam perbincangan dan/atau mengundi mengenai urusan niaga tersebut.

Semua semakan oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami dilaporkan kepada Lembaga kami untuk tindakan selanjutnya.

---

## 9. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN (*SAMBUNGAN*)

---

### 9.2.2 Dasar Kumpulan kami mengenai urus niaga pihak berkaitan

Urus niaga pihak berkaitan mengikut sifatnya, melibatkan konflik kepentingan antara Kumpulan kami dan pihak berkaitan yang mana Kumpulan kami telah melakukan urus niaga sedemikian. Adalah menjadi dasar Kumpulan kami bahawa semua urus niaga pihak berkaitan mesti disemak oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami untuk memastikan bahawa ia dirunding dan dipersetujui demi kepentingan terbaik Syarikat kami, atas dasar yang tulus dan berdasarkan terma-terma komersial biasa yang tidak lebih menguntungkan pihak berkaitan daripada yang biasanya tersedia kepada pihak ketiga, dan tidak merugikan pemegang saham minoriti kami.

Di samping itu, kami merancang untuk mengguna pakai rangka kerja tadbir urus korporat yang komprehensif yang memenuhi prinsip amalan terbaik untuk mengurangkan sebarang potensi situasi konflik kepentingan dan inginkan rangka kerja itu untuk mematuhi Kehendak Penyenaraian dan seboleh mungkin mematuhi prinsip panduan yang ditetapkan dalam MCGG semasa Penyenaraian kami.

Prosedur yang boleh menjadi sebahagian daripada rangka kerja itu termasuk, antara lain, yang berikut:

- (i) Lembaga kami perlu memastikan bahawa sekurang-kurangnya separuh daripada ahli Lembaga kami adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan akan menjalankan penilaian tahunan terhadap kebebasan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas kami;
- (ii) Lembaga kami akan dikehendaki untuk mengisytiharkan sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung yang mereka mungkin ada dalam mana-mana pengaturan perniagaan yang terlibat atau dicadangkan untuk terlibat dalam urus niaga dengan Kumpulan kami, sama ada mereka percaya ia adalah urus niaga material atau tidak. Selepas pendedahan sedemikian, Pengarah yang berkepentingan dikehendaki untuk tidak melibatkan diri daripada berbincang dan mengundi ke atas sebarang resolusi yang berkaitan dengan urus niaga pihak berkaitan; dan
- (iii) semua urus niaga pihak berkaitan yang sedia ada atau berpotensi perlu didedahkan oleh pihak yang berkepentingan untuk laporan pengurusan. Pengurusan kami kemudiannya akan mencadangkan urus niaga tersebut kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko kami untuk penilaian dan penaksiran yang seterusnya, di mana ia akan membuat cadangan yang sesuai kepada Lembaga kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



---

**10. KONFLIK KEPENTINGAN**

---

**10.1 KEPENTINGAN DALAM PERNIAGAAN DAN PERBADANAN YANG MENJALANKAN PERDAGANGAN YANG SERUPA DENGAN KUMPULAN KAMI ATAU YANG MERUPAKAN PELANGGAN ATAU PEMBEKAL KAMI**

Pada LPD, tiada Pengarah kami dan pemegang saham utama kami yang mempunyai sebarang kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam perniagaan atau perbadanan lain yang:

- (i) menjalankan perdagangan yang serupa dengan Kumpulan kami; atau
- (ii) merupakan pelanggan atau pembekal Kumpulan kami.

**10.2 PENGAKUAN OLEH PENASIHAT MENGENAI KONFLIK KEPENTINGAN****10.2.1 Affin Hwang IB**

Affin Hwang IB mengesahkan bahawa tiada situasi konflik kepentingan yang wujud atau mungkin wujud dalam kapasitinya sebagai Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal bagi IPO kami.

**10.2.2 BDO PLT**

BDO PLT mengesahkan bahawa tiada situasi konflik kepentingan yang wujud atau yang mungkin wujud dalam kapasitinya sebagai Juruaudit dan Akauntan Pelapor bagi IPO kami.

**10.2.3 Wong Beh & Toh**

Wong Beh & Toh mengesahkan bahawa tiada situasi konflik kepentingan yang wujud atau yang mungkin wujud dalam kapasitinya sebagai Peguam bagi IPO kami.

**10.2.4 SMITH ZANDER**

SMITH ZANDER mengesahkan bahawa tiada situasi konflik kepentingan yang wujud atau yang mungkin berlaku dalam kapasitinya sebagai Penyelidik Pasaran Bebas bagi IPO kami.

**10.2.5 Pendaftar Saham**

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd mengesahkan bahawa tiada situasi konflik kepentingan yang wujud atau yang mungkin wujud dalam kapasitinya sebagai Pendaftar Saham bagi IPO kami.

**10.2.6 Rumah Terbitan**

Malaysian Issuing House Sdn Bhd mengesahkan bahawa tiada situasi konflik kepentingan yang wujud atau yang mungkin wujud dalam kapasitinya sebagai Rumah Terbitan bagi IPO kami.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN**

---

**11.1 MAKLUMAT KEWANGAN LAMPAU**

Syarikat kami telah diperbadankan di bawah Akta pada 18 Julai 2022. Pada 5 Januari 2024, kami telah menyelesaikan Pemerolehan yang mengakibatkan NE Components, NE Integrated, NE Solutions, NE Technologies dan Northeast Precision menjadi anak syarikat milik penuh kami. Oleh itu, penyata kewangan Kumpulan kami terdiri daripada:

- (i) penyata kedudukan kewangan bergabung pada 30 September 2021, 30 September 2022 dan 30 September 2023;
- (ii) penyata kedudukan kewangan disatukan pada 31 Mei 2024;
- (iii) penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bergabung bagi FYE 2021, 2022 dan 2023;
- (iv) penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan bagi FPE 2024;
- (v) penyata perubahan dalam ekuiti bergabung bagi FYE 2021, 2022 dan 2023;
- (vi) penyata perubahan dalam ekuiti disatukan bagi FPE 2024;
- (vii) penyata aliran tunai bergabung bagi FYE 2021, 2022 dan 2023; dan
- (viii) penyata aliran tunai disatukan bagi FPE 2024.

Penyata kewangan bergabung lampau bagi FYE 2021, 2022 dan 2023 serta penyata kewangan disatukan bagi FPE 2024 telah disediakan seolah-olah struktur Kumpulan kami telah wujud sepanjang Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Semua baki dalam kumpulan, urus niaga, pendapatan dan perbelanjaan telah dihapuskan apabila digabungkan/ disatukan.

Maklumat kewangan bergabung/ disatukan lampau yang dibentangkan di bawah hendaklah dibaca bersama dengan "Perbincangan dan Analisis Pengurusan mengenai Keadaan Kewangan dan Keputusan Operasi" seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 11.3 Prospektus ini dan Laporan Akauntan, bersama dengan nota-nota yang mengiringi seperti yang dibentangkan dalam Seksyen 12 Prospektus ini.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 11.1.1 Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bergabung/disatukan lampau Kumpulan kami

Jadual di bawah membentangkan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bergabung/disatukan Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Hasil	113,207	144,515	93,335	65,745	62,212
Kos jualan	(78,377)	(89,738)	(57,885)	(39,060)	(38,313)
GP	34,830	54,777	35,450	26,685	23,899
Pendapatan kendalian lain	3,916	10,573	3,654	1,986	2,260
Untung/(rugi) rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima	(230)	(966)	50	-	(55)
Perbelanjaan pengedaran	(1,715)	(2,870)	(2,592)	(1,884)	(1,658)
Perbelanjaan pentadbiran	(10,551)	(12,731)	(12,013)	(8,098)	(7,120)
Kos kewangan	(951)	(981)	(1,213)	(705)	(942)
PBT	25,299	47,802	23,336	17,984	16,384
Perbelanjaan cukai	(5,483)	(9,731)	(4,976)	(4,049)	(4,020)
<b>PAT</b>	<b>19,816</b>	<b>38,071</b>	<b>18,360</b>	<b>13,935</b>	<b>12,364</b>
Pendapatan komprehensif lain, bersih daripada cukai	-	-	-	-	-
<b>Jumlah pendapatan komprehensif berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepenuhnya entiti bergabung/ pemilik syarikat induk</b>	<b>19,816</b>	<b>38,071</b>	<b>18,360</b>	<b>13,935</b>	<b>12,364</b>
Margin GP <sup>(i)</sup> (%)	30.77	37.90	37.98	40.59	38.42
EBITDA <sup>(ii)</sup> (RM'000)	33,162	55,732	32,276	23,719	22,478
Margin EBITDA <sup>(iii)</sup> (%)	29.29	38.56	34.58	36.08	36.13
Margin PBT <sup>(iv)</sup> (%)	22.35	33.08	25.00	27.35	26.34
Margin PAT <sup>(v)</sup> (%)	17.50	26.34	19.67	21.20	19.87
EPS asas dan cair <sup>(vi)</sup> (sen)	2.68	5.14	2.48	1.88	1.67

Nota:

- (i) Margin GP dikira berdasarkan GP dibahagikan dengan hasil.

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

(ii) EBITDA dikira seperti berikut:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
PAT	19,816	38,071	18,360	13,935	12,364
Tambah: Perbelanjaan cukai	5,483	9,731	4,976	4,049	4,020
Kos kewangan	951	981	1,213	705	942
Susut nilai	6,941	6,970	7,828	5,075	5,447
Tolak: Pendapatan faedah	(29)	(21)	(101)	(45)	(295)
<b>EBITDA</b>	<b>33,162</b>	<b>55,732</b>	<b>32,276</b>	<b>23,719</b>	<b>22,478</b>

(iii) Margin EBITDA dikira berdasarkan EBITDA dibahagikan dengan hasil.

(iv) Margin PBT dikira berdasarkan PBT dibahagikan dengan hasil.

(v) Margin PAT dikira berdasarkan PAT dibahagikan dengan hasil.

(vi) Untuk tujuan perbandingan, EPS asas dikira berdasarkan PAT dibahagikan dengan modal saham terbitan diperbesar sebanyak 740,000,000 Saham selepas IPO kami. Untuk tujuan maklumat, EPS cair adalah sama dengan EPS asas kerana tiada sekuriti berpotensi mencairkan dalam terbitan semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan masing-masing.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 11.1.2 Penyata kedudukan kewangan bergabung/ disatukan lampau Kumpulan kami

Jadual di bawah membentangkan penyata kedudukan kewangan bergabung/ disatukan Kumpulan kami pada akhir Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ASET</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	49,208	47,973	65,317	63,838	60,985
Aset hak penggunaan	12,654	16,692	17,262	17,651	16,483
Hartanah pelaburan	9,482	7,666	5,385	7,607	5,359
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>	<b>71,344</b>	<b>72,331</b>	<b>87,964</b>	<b>89,096</b>	<b>82,827</b>
Inventori	2,921	3,587	2,492	2,822	2,550
Perdagangan belum terima dan belum terima lain	17,577	22,332	15,534	16,478	21,130
Aset cukai semasa	517	654	4,330	2,115	5,953
Tunai dan baki bank	52,853	71,050	81,906	79,524	84,527
<b>Jumlah aset semasa</b>	<b>73,868</b>	<b>97,623</b>	<b>104,262</b>	<b>100,939</b>	<b>114,160</b>
Aset bukan semasa dipegang untuk dijual	-	1,606	-	-	-
<b>Jumlah aset</b>	<b>145,212</b>	<b>171,560</b>	<b>192,226</b>	<b>190,035</b>	<b>196,987</b>
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>					
Ekuiti dilaburkan	2,900	3,200	3,200	3,200	-
Modal saham	-	-	-	-	142,754
Rizab	86,132	123,183	139,543	137,118	12,354
<b>Jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepunya entiti bergabung/ pemilik syarikat induk</b>	<b>89,032</b>	<b>126,383</b>	<b>142,743</b>	<b>140,318</b>	<b>155,108</b>
Pinjaman	22,990	18,666	26,282	26,771	25,253
Liabiliti pajakan	41	2,380	1,430	2,057	440
Liabiliti cukai tertunda	2,950	4,290	5,635	5,062	5,655
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>	<b>25,981</b>	<b>25,336</b>	<b>33,347</b>	<b>33,890</b>	<b>31,348</b>
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	26,666	16,325	12,593	12,448	6,517
Pinjaman	1,225	982	1,471	1,429	1,518
Liabiliti pajakan	287	1,489	1,870	1,852	1,607
Liabiliti cukai semasa	2,021	1,045	202	98	889
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>	<b>30,199</b>	<b>19,841</b>	<b>16,136</b>	<b>15,827</b>	<b>10,531</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>	<b>56,180</b>	<b>45,177</b>	<b>49,483</b>	<b>49,717</b>	<b>41,879</b>
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>	<b>145,212</b>	<b>171,560</b>	<b>192,226</b>	<b>190,035</b>	<b>196,987</b>

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 11.2 PERMODALAN DAN KETERHUTANGAN

Jadual di bawah membentangkan permodalan dan keterhutangan Kumpulan kami pada 31 Julai 2024 dan pro forma permodalan dan keterhutangan Kumpulan kami yang telah disediakan dengan andaian bahawa IPO kami dan penggunaan perolehan yang akan dikumpulkan daripada Terbitan Awam kami telah berlaku pada 31 Julai 2024:

	Tidak teraudit pada 31 Julai 2024	Selepas IPO kami dan penggunaan perolehan
	RM'000	RM'000
<b>Keterhutangan</b>		
<u>Semasa</u>		
Selamat dan terjamin		
- Liabiliti pajakan	1,355	1,355
- Pinjaman berjangka	1,935	1,587
<u>Bukan semasa</u>		
Selamat dan terjamin		
- Liabiliti pajakan	372	372
- Pinjaman berjangka	33,880	14,228
<b>Jumlah keterhutangan</b>	<b>37,542</b>	<b>17,542</b>
<b>Permodalan</b>		
Ekuiti	156,372	234,266
<b>Jumlah permodalan</b>	<b>156,372</b>	<b>234,266</b>
<b>Jumlah permodalan dan keterhutangan</b>	<b>193,914</b>	<b>251,808</b>
Nisbah penggearan (kali) <sup>(i)</sup>	0.24	0.07

Nota:

(i) Dikira berdasarkan jumlah keterhutangan dibahagikan dengan jumlah permodalan.

Pro forma pemodal dan keterhutangan Kumpulan kami di atas disediakan untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak mewakili permodalan dan keterhutangan sebenar kami pada 31 Julai 2024 atau pada masa hadapan.

### 11.3 PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN MENGENAI KEADAAN KEWANGAN DAN KEPUTUSAN OPERASI

Perbincangan dan analisis pengurusan berikut berkenaan dengan keadaan kewangan dan keputusan operasi Kumpulan kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan hendaklah dibaca bersama dengan Laporan Akauntan bersama dengan nota-nota yang mengiringinya seperti yang dibentangkan dalam Seksyen 12 Prospektus ini.

---

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

---

Perbincangan dan analisis mengandungi data yang diperoleh daripada penyata kewangan bergabung/ disatukan teraudit Kumpulan kami serta kenyataan memandang ke hadapan yang melibatkan risiko, ketidakpastian dan andaian. Keputusan sebenar mungkin berbeza dengan ketara daripada yang diunjurkan dalam kenyataan memandang ke hadapan. Faktor yang boleh menyebabkan keputusan masa depan berbeza dengan ketara daripada yang termasuk dalam kenyataan memandang ke hadapan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, faktor yang dibincangkan di bawah dan pada bahagian lain Prospektus ini, terutamanya faktor risiko seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 8 Prospektus ini.

Tiada dasar perakaunan yang khusus untuk Kumpulan kami. Untuk maklumat lanjut mengenai dasar perakaunan penting Kumpulan kami, sila rujuk Nota 3 Laporan Akauntan yang disertakan dalam Seksyen 12 Prospektus ini.

### 11.3.1 Gambaran keseluruhan operasi kami

Kami ialah syarikat pemegang pelaburan. Melalui anak-anak syarikat kami, kami terlibat terutamanya dalam pembuatan komponen kejuruteraan ketepatan yang digunakan dalam industri fotonik, E&E, semikonduktor, telekomunikasi dan optoelektronik. Komponen kejuruteraan ketepatan ialah bahagian yang dimesin dengan tepat dalam dimensi yang tepat dan jitu (iaitu toleransi untuk variasi sehingga julat mikron satu digit) untuk diproses selanjutnya dan/atau dipasang untuk membentuk produk akhir oleh pelanggan kami. Untuk melengkapkan penawaran produk kami, kami juga menyediakan kemasan permukaan, fabrikasi logam kepingan dan sub-pemasangan mekanikal sebagai perkhidmatan nilai tambah kepada pelanggan kami atas permintaan.

Sila rujuk Seksyen 6 Prospektus ini untuk maklumat lanjut mengenai gambaran keseluruhan perniagaan Kumpulan kami.

### 11.3.2 Faktor penting yang mempengaruhi keadaan kewangan dan keputusan operasi kami

Keadaan kewangan dan hasil operasi kami telah dan dijangka dipengaruhi oleh, antara lain, faktor berikut:

#### (i) Keadaan permintaan dan penawaran

Hasil dan keuntungan kami bergantung kepada keadaan permintaan dan penawaran industri sokongan kejuruteraan. Khususnya, perkhidmatan kami didorong oleh kemajuan teknologi dalam industri yang kami bekalkan (terutamanya fotonik, E&E dan semikonduktor), di mana kami mendapat manfaat daripada trend teknologi yang berkembang seperti ciptaan teknologi baharu dan kemajuan teknologi semasa. Di samping itu, kemajuan teknologi dalam industri ini juga akan membawa kepada keperluan untuk kami melabur dan menaik taraf jentera dan peralatan kami untuk mengikuti aliran teknologi baharu sebagai sebahagian daripada operasi perniagaan kami.

Namun begitu, jika kami tidak dapat mengikuti perubahan teknologi terkini atau melabur untuk menaik taraf jentera dan peralatan kami, ini mungkin memberi kesan buruk kepada Kumpulan kami akibat kehilangan pesanan daripada pelanggan. Permintaan dan penawaran produk kami, iaitu komponen kejuruteraan ketepatan, juga dipengaruhi oleh faktor lain seperti sokongan daripada kerajaan dan sektor awam, pengembangan dalam ekonomi global, dasar perlindungan oleh ekonomi utama serta tekanan harga menurun daripada pelanggan kami.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**(ii) Kebergantungan kepada pelanggan utama**

Kumpulan kami bergantung kepada pelanggan utama, iaitu kumpulan syarikat Pelanggan A, yang menyumbang kira-kira RM57.68 juta (50.95%), RM67.77 juta (46.90%), RM31.52 juta (33.77%) dan RM15.23 juta (24.49%) daripada hasil kami masing-masing untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Sekiranya kumpulan syarikat Pelanggan A berhenti membeli produk dan perkhidmatan Kumpulan kami, atau terdapat kehilangan mana-mana pelanggan utama kami yang lain, kami mungkin mengalami pengurangan dalam jualan yang boleh mengakibatkan kehilangan hasil jika Kumpulan kami tidak dapat menggantikan kumpulan syarikat Pelanggan A dengan pelanggan baharu atau dengan pesanan tambahan daripada pelanggan sedia ada tepat pada masanya dan ini akan memberi kesan buruk kepada prestasi perniagaan dan kewangan kami. Sila rujuk Seksyen 8.1.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang faktor risiko ini.

**(iii) Kebergantungan kepada pasaran eksport**

Kami bergantung kepada pasaran eksport kerana majoriti jualan kami diperoleh daripada pelanggan luar negara seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 11.3.3(i)(b) Prospektus ini. Sebarang perubahan yang tidak menggalakkan dalam persekitaran ekonomi, politik dan/atau undang-undang di negara yang kami mengeksport produk kami, boleh mengakibatkan penurunan dalam permintaan untuk produk kami dan boleh menjejaskan prestasi kewangan kami secara material.

Pelanggan kami tidak memasuki kontrak jangka panjang dengan Kumpulan kami. Jualan kami dijamin melalui pesanan pembelian daripada pelanggan kami, yang mungkin berbeza dari masa ke masa, bergantung pada keperluan mereka. Sila rujuk Seksyen 8.1.2 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang faktor risiko ini.

**(iv) Ketersediaan pengurus kejuruteraan dan juruteknik**

Kami bergantung kepada ketersediaan pengurus kejuruteraan yang terlibat dalam menerajui kejuruteraan proses dan penambahbaikan berterusan proses pemesinan dan pembuatan kami. Kami juga bergantung kepada ketersediaan juruteknik untuk menyediakan mesin kami untuk pengeluaran komponen kejuruteraan ketepatan, serta melaksanakan penyelenggaraan pada jentera, alatan dan peralatan kami. Oleh itu, aktiviti pengeluaran kami sebahagian besarnya bergantung kepada keupayaan kami untuk menarik dan mengekalkan pengurus kejuruteraan dan juruteknik dengan kepakaran teknikal yang betul, integriti profesional dan komitmen. Oleh itu, keupayaan kami untuk beroperasi dan bersaing boleh terjejas jika kami tidak dapat menarik, melatih, memotivasi dan mengekalkan pengurus kejuruteraan dan juruteknik yang cekap. Kami mungkin menawarkan pakej imbuhan yang kompetitif dan insentif yang menarik untuk memberi ganjaran dan motivasi kepada pengurus kejuruteraan dan juruteknik kami dan untuk mengekalkan mereka dalam Kumpulan kami. Walau bagaimanapun, ini seterusnya boleh menjejaskan perniagaan dan prestasi kewangan kami sekiranya kami gagal untuk menyalurkan kos yang meningkat kepada pelanggan kami.



---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

Walaupun sebelum ini kami tidak mengalami sebarang kesan besar terhadap perniagaan dan prestasi kewangan kami disebabkan ketersediaan dan kos untuk menggaji pengurus kejuruteraan dan juruteknik, tidak ada jaminan bahawa kami akan dapat merekrut, membangun dan mengekalkan bilangan pekerja sedemikian yang mencukupi. Jika kami tidak dapat mengupah dan/atau mengekalkan pengurus kejuruteraan dan juruteknik kami, ini mungkin mempunyai kesan material dan buruk terhadap operasi dan prestasi kewangan kami.

**(v) Kebergantungan kepada ketersediaan, kualiti dan turun naik harga bahan mentah**

Operasi kami bergantung kepada bekalan bahan mentah berkualiti yang konsisten, seperti aluminium, tembaga, keluli tahan karat dan keluli karbon. Kami mesti mendapatkan bahan mentah tepat pada masanya agar kami dapat mengubah dan menghantar produk kami tepat pada masanya kepada pelanggan kami. Sebarang gangguan yang berpanjangan dalam bekalan bahan mentah ini dan/atau bahan mentah yang tidak memenuhi piawaian kualiti kami akan mengganggu operasi perniagaan kami.

Di samping itu, bahan mentah kami, terutamanya aluminium, tembaga dan keluli, tertakluk kepada turun naik harga yang didorong oleh harga global masing-masing. Oleh itu, bahan mentah logam kami adalah sensitif terhadap harga, dan kami menghadapi risiko harga turun naik. Walaupun kami boleh menanggung risiko sedemikian dengan meningkatkan harga jualan produk kami untuk mengekalkan margin keuntungan kami, tindakan sedemikian akan menyebabkan produk kami menjadi kurang berdaya saing di pasaran dan seterusnya mungkin mempunyai kesan kewangan buruk dan material kepada Kumpulan kami.

**(vi) Kebergantungan untuk mendapatkan pesanan pembelian baharu secara berterusan**

Kemampuan perniagaan dan prestasi kewangan kami bergantung kepada keupayaan kami untuk terus mendapatkan pesanan pembelian baharu dengan nilai atau volum yang sama atau besar daripada pelanggan sedia ada atau baharu kami. Kami tidak mempunyai sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami yang boleh menjamin prestasi kewangan masa hadapan kami kerana semua jualan kami dijamin melalui pesanan pembelian.

Selama bertahun-tahun, kami telah mengekalkan hubungan kerja yang baik dengan pelanggan kami dengan menyampaikan komponen kejuruteraan ketepatan yang memenuhi spesifikasi dan keperluan mereka tepat pada masanya. Sebagai bukti, kami mempunyai pesanan pembelian berulang dikeluarkan oleh pelanggan kami semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan, FPE 2024 dan sehingga LPD. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa ketiadaan kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami tidak akan menjejaskan perniagaan dan prestasi kewangan kami.

**(vii) Kesan turun naik pertukaran asing, kadar faedah, inflasi dan dasar kerajaan/ekonomi/fiskal/monetari**

Sila rujuk Seksyen 11.3.4 Prospektus ini untuk maklumat lanjut tentang kesan turun naik dalam pertukaran asing, kadar faedah, inflasi dan dasar kerajaan/ekonomi/fiskal/monetari.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**11.3.3 Keputusan operasi**

Komponen penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bergabung Kumpulan kami serta analisis keputusan operasi Kumpulan kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan adalah seperti berikut:

**(i) Hasil**

Kumpulan kami hanya mempunyai 1 segmen perniagaan, iaitu pemesinan ketepatan di mana kami mengeluarkan komponen kejuruteraan ketepatan tersuai untuk pelanggan kami. Hasil pemesinan ketepatan Kumpulan kami boleh diasingkan kepada industri pelanggan berikut:

- Fotonik;
- E&E;
- Semikonduktor;
- Telekomunikasi; dan
- Optoelektronik.

Hasil kami diiktiraf selepas penghantaran dan penerimaan produk kami oleh pelanggan kami. Semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, hasil kami diperoleh daripada pasaran tempatan dan luar negara. Hasil daripada pasaran luar negara terutamanya dari USA, UK, Thailand, Singapura, Rusia, Kanada, Jerman dan Hungary.

Jualan kami terutamanya dalam denominasi USD dan RM. Untuk FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024, kira-kira 79.55%, 76.42%, 67.91% dan 60.26% daripada jumlah hasil Kumpulan kami masing-masing dalam denominasi USD.

Kami tidak mengamalkan sebarang dasar penetapan harga tetap. Harga jualan produk kami ditentukan dan dirundingkan berdasarkan kes ke kes, dan mungkin berbeza mengikut pelbagai faktor seperti kerumitan, spesifikasi teknikal dan keperluan, jumlah pesanan dan harga bahan mentah. Oleh itu, harga jualan produk kami termasuk perkhidmatan nilai tambah yang terdiri daripada kemasan permukaan, fabrikasi logam kepingan dan/atau sub-pemasangan mekanikal (jika ada), atas permintaan pelanggan kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (a) Hasil mengikut industri pelanggan

Jadual di bawah membentangkan hasil mengikut industri pelanggan Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Fotonik	66,799	59.00	80,724	55.86	42,611	45.65	29,437	44.77	25,205	40.51
E&E	18,892	16.69	21,600	14.95	17,440	18.69	11,293	17.18	12,528	20.14
Semikonduktor	13,139	11.61	21,039	14.56	14,724	15.78	11,799	17.95	11,127	17.89
Telekomunikasi	9,179	8.11	12,634	8.74	13,492	14.45	8,747	13.30	8,919	14.34
Optoelektronik	5,198	4.59	8,518	5.89	5,068	5.43	4,469	6.80	4,433	7.12
<b>Jumlah</b>	<b>113,207</b>	<b>100.00</b>	<b>144,515</b>	<b>100.00</b>	<b>93,335</b>	<b>100.00</b>	<b>65,745</b>	<b>100.00</b>	<b>62,212</b>	<b>100.00</b>

Hasil Kumpulan kami terutamanya diperoleh daripada industri fotonik, E&E serta semikonduktor, yang masing-masing secara keseluruhannya menyumbang kira-kira 87.30%, 85.37%, 80.12% dan 78.54% daripada hasil kami untuk FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (b) Hasil mengikut pasaran geografi

Jadual di bawah membentangkan hasil Kumpulan kami mengikut pasaran geografi bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
<b>Tempatan<sup>(i)</sup></b>	<b>24,548</b>	<b>21.68</b>	<b>33,026</b>	<b>22.85</b>	<b>24,362</b>	<b>26.10</b>	<b>17,342</b>	<b>26.38</b>	<b>17,752</b>	<b>28.53</b>
<b>Luar negara</b>										
USA	54,723	48.34	57,576	39.84	30,592	32.78	20,531	31.23	16,782	26.98
UK	10,751	9.50	16,106	11.14	13,515	14.48	8,702	13.24	13,201	21.22
Thailand	5,645	4.99	6,961	4.82	6,485	6.95	4,626	7.04	4,034	6.48
Singapura	5,958	5.26	8,079	5.59	4,719	5.06	4,289	6.52	3,843	6.18
Kanada	1,333	1.18	1,572	1.09	3,033	3.25	1,687	2.57	2,399	3.86
Jerman	771	0.68	1,622	1.12	2,612	2.80	2,412	3.67	1,322	2.12
Hungary	1,437	1.27	1,804	1.25	1,564	1.68	1,116	1.70	593	0.95
Rusia	5,517	4.87	14,340	9.92	3,779	4.05	3,493	5.31	576	0.93
Lain-lain <sup>(ii)</sup>	2,524	2.23	3,429	2.38	2,674	2.85	1,547	2.35	1,710	2.75
	<b>88,659</b>	<b>78.32</b>	<b>111,489</b>	<b>77.15</b>	<b>68,973</b>	<b>73.90</b>	<b>48,403</b>	<b>73.62</b>	<b>44,460</b>	<b>71.47</b>
<b>Jumlah</b>	<b>113,207</b>	<b>100.00</b>	<b>144,515</b>	<b>100.00</b>	<b>93,335</b>	<b>100.00</b>	<b>65,745</b>	<b>100.00</b>	<b>62,212</b>	<b>100.00</b>

Nota:

- (i) Hasil tempatan dijana terutamanya daripada anak-anak syarikat/ syarikat berkaitan perbadanan multinasional.
- (ii) Lain-lain merangkumi, antara lain China, India, Jepun, Pakistan, Poland dan Switzerland.

USA merupakan penyumbang hasil terbesar kepada Kumpulan kami, menyumbang kira-kira 48.34%, 39.84%, 32.78% dan 26.98% daripada jumlah hasil Kumpulan kami bagi FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024 masing-masing.

Profil geografi sumbangan hasil Kumpulan kami berbeza dari tahun ke tahun mengikut permintaan dan lokasi pelanggan sedia ada dan baharu yang diperoleh oleh Kumpulan kami pada tahun tertentu.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**(c) Ulasan mengenai hasil:****FYE 2022 berbanding FYE 2021**

Hasil Kumpulan kami meningkat kira-kira RM31.31 juta atau 27.66% daripada kira-kira RM113.21 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM144.52 juta untuk FYE 2022.

Peningkatan hasil Kumpulan kami adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) peningkatan hasil daripada industri fotonik sebanyak kira-kira RM13.93 juta atau 20.85% daripada kira-kira RM66.80 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM80.72 juta untuk FYE 2022. Peningkatan hasil terutamanya disebabkan oleh peningkatan jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan A dan kumpulan syarikat Pelanggan B masing-masing kira-kira RM10.09 juta dan RM3.33 juta;
- (ii) peningkatan hasil daripada industri semikonduktor sebanyak kira-kira RM7.90 juta atau 60.13% daripada kira-kira RM13.14 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM21.04 juta untuk FYE 2022. Peningkatan hasil terutamanya disebabkan oleh peningkatan jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan F sebanyak kira-kira RM5.51 juta;
- (iii) peningkatan hasil daripada industri telekomunikasi sebanyak kira-kira RM3.46 juta atau 37.64% daripada kira-kira RM9.18 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM12.63 juta untuk FYE 2022. Peningkatan hasil terutamanya disebabkan oleh peningkatan jualan kepada kumpulan syarikat pelanggan E sebanyak kira-kira RM2.34 juta; dan
- (iv) peningkatan hasil daripada industri optoelektronik sebanyak kira-kira RM3.32 juta atau 63.87% daripada kira-kira RM5.20 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM8.52 juta untuk FYE 2022. Peningkatan hasil terutamanya disebabkan oleh peningkatan jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan G sebanyak kira-kira RM2.53 juta.

Peningkatan jualan kepada pelanggan yang dinyatakan di atas disebabkan terutamanya oleh volum pesanan yang lebih tinggi yang diterima disebabkan oleh: (a) tempahan komponen kejuruteraan ketepatan sedia ada dan baharu daripada pelanggan kami; dan (b) pesanan terpendam yang timbul daripada wabak COVID-19.

Mengikut pasaran geografi, sejajar dengan peningkatan hasil di atas, sumbangan pasaran tempatan Kumpulan kami meningkat kira-kira RM8.48 juta atau 34.54% daripada kira-kira RM24.55 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM33.03 juta untuk FYE 2022. Peningkatan tersebut terutamanya disumbangkan oleh pelanggan dalam industri semikonduktor dan E&E. Sumbangan pasaran luar negara Kumpulan kami juga meningkat kira-kira RM22.83 juta atau 25.75% daripada kira-kira RM88.66 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM111.49 juta untuk FYE 2022. Ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan hasil daripada USA, UK, Thailand, Singapura dan Rusia kira-kira RM20.47 juta, yang kebanyakannya adalah pelanggan dalam industri fotonik, E&E, telekomunikasi dan optoelektronik.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**FYE 2023 berbanding FYE 2022**

Hasil Kumpulan kami menurun kira-kira RM51.18 juta atau 35.42% daripada kira-kira RM144.52 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM93.34 juta untuk FYE 2023.

Pengurangan dalam hasil Kumpulan kami adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) penurunan hasil daripada industri fotonik sebanyak kira-kira RM38.11 juta atau 47.21% daripada kira-kira RM80.72 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM42.61 juta untuk FYE 2023. Penurunan hasil terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan A dan kumpulan syarikat Pelanggan B masing-masing kira-kira RM36.25 juta dan RM3.27 juta;
- (ii) penurunan hasil daripada industri semikonduktor sebanyak kira-kira RM6.32 juta atau 30.02% daripada kira-kira RM21.04 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM14.72 juta untuk FYE 2023. Penurunan hasil terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan C dan kumpulan syarikat Pelanggan F masing-masing kira-kira RM3.04 juta dan RM3.58 juta; dan
- (iii) penurunan hasil daripada industri E&E sebanyak kira-kira RM4.16 juta atau 19.26% daripada kira-kira RM21.60 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM17.44 juta untuk FYE 2023. Penurunan hasil terutamanya disebabkan oleh penurunan jualan kepada salah seorang pelanggan kami sebanyak kira-kira RM3.16 juta.

Penurunan jualan kepada pelanggan yang dinyatakan di atas disebabkan terutamanya oleh volum pesanan yang lebih rendah yang diterima disebabkan oleh: (a) tiada pesanan untuk komponen kejuruteraan ketepatan baharu daripada pelanggan sedia ada kami; (b) kelembapan dalam industri semikonduktor dan E&E global pada tahun 2023 sebagai tindak balas kepada, antara lain, kelemahan permintaan dalam pasaran pengguna akhir; dan (c) lebihan stok oleh pelanggan kami pada FYE 2022.

Mengikut pasaran geografi, sejajar dengan penurunan hasil di atas, sumbangan pasaran tempatan Kumpulan kami menurun sebanyak kira-kira RM8.66 juta atau 26.23% daripada kira-kira RM33.03 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM24.36 juta untuk FYE 2023. Penurunan tersebut terutamanya disebabkan oleh jualan yang lebih rendah daripada pelanggan dalam industri fotonik, semikonduktor dan E&E. Sumbangan pasaran luar negara Kumpulan kami juga berkurangan kira-kira RM42.52 juta atau 38.13% daripada kira-kira RM111.49 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM68.97 juta untuk FYE 2023. Ini disebabkan terutamanya oleh penurunan hasil dari USA, UK, Thailand, Singapura dan Rusia kira-kira RM43.97 juta, yang kebanyakannya adalah pelanggan dalam industri fotonik, semikonduktor dan E&E. Penurunan itu sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan hasil daripada Kanada sebanyak kira-kira RM1.46 juta.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### FPE 2024 berbanding FPE 2023

Hasil Kumpulan kami menurun kira-kira RM3.53 juta atau 5.37% daripada kira-kira RM65.75 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM62.21 juta untuk FPE 2024.

Pengurangan dalam hasil Kumpulan kami adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) penurunan hasil daripada industri fotonik sebanyak kira-kira RM4.23 juta atau 14.38% daripada kira-kira RM29.44 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM25.21 juta untuk FPE 2024. Penurunan hasil terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan A berjumlah kira-kira RM7.13 juta dan sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan B sebanyak kira-kira RM1.67 juta; dan
- (ii) penurunan hasil daripada industri semikonduktor sebanyak kira-kira RM0.67 juta atau 5.70% daripada kira-kira RM11.80 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM11.13 juta untuk FPE 2024. Penurunan hasil terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam jualan kepada kumpulan syarikat Pelanggan C dan kumpulan syarikat Pelanggan F masing-masing kira-kira RM0.73 juta dan RM0.13 juta.

Penurunan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan hasil daripada industri E&E sebanyak kira-kira RM1.24 juta atau 10.94% daripada kira-kira RM11.29 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM12.53 juta untuk FPE 2024.

Penurunan jualan di atas terutamanya disebabkan oleh volum pesanan yang lebih rendah yang diterima daripada kumpulan syarikat Pelanggan A disebabkan permintaan industri yang lemah merentasi kebanyakan geografi utama yang mereka berkhidmat serta pelarasan inventori oleh pelanggan pengeluar peralatan aslinya.

Mengikut pasaran geografi, sejajar dengan penurunan hasil di atas, sumbangan pasaran luar negara Kumpulan kami juga berkurangan kira-kira RM3.94 juta atau 8.15% daripada kira-kira RM48.40 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM44.46 juta untuk FPE 2024. Ini terutamanya disebabkan oleh penurunan hasil daripada USA, Rusia, Jerman dan Thailand sebanyak kira-kira RM8.35 juta, yang kebanyakannya adalah pelanggan dalam industri fotonik, E&E dan optoelektronik. Penurunan ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan hasil dari UK, yang kebanyakannya adalah pelanggan dalam industri E&E dan telekomunikasi, sebanyak kira-kira RM4.50 juta.

#### (ii) Kos jualan

Kos jualan Kumpulan kami terdiri daripada 3 komponen utama, iaitu overhead pengeluaran, kos bahan dan kos buruh. Komponen utama kos jualan kami ialah overhead pengeluaran dan bahan mentah, yang secara kolektif menyumbang kira-kira 83.43%, 85.48%, 74.90% dan 73.90% daripada kos jualan kami untuk FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024 masing-masing.

Pembelian Kumpulan kami terutamanya dalam denominasi RM. Bagi FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024, pembelian kami dalam denominasi RM masing-masing ialah kira-kira 98.20%, 97.43%, 94.38% dan 96.08%.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

Kumpulan kami tidak mengekalkan kos jualan mengikut industri pelanggan atau pasaran geografi kerana sistem perakaunan kami tidak menangkap maklumat tersebut. Selanjutnya, oleh sebab semua produk kami adalah komponen kejuruteraan ketepatan dan kami hanya mempunyai 1 segmen perniagaan, iaitu pemesinan ketepatan, tiada peruntukan khusus kos mengikut segmen produk atau perniagaan. Untuk tujuan maklumat, harga jualan komponen kejuruteraan ketepatan kami juga termasuk perkhidmatan nilai tambah yang terdiri daripada kemasan permukaan, fabrikasi logam kepingan dan/atau sub-pemasangan mekanikal (jika ada), atas permintaan pelanggan kami. Sila rujuk Seksyen 6.2.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai aktiviti utama dan model perniagaan kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (a) Kos jualan mengikut komponen kos

Jadual di bawah membentangkan kos jualan Kumpulan kami mengikut komponen kos untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Overhed pengeluaran	36,868	47.04	42,593	47.46	28,360	48.99	19,354	49.55	19,088	49.82
Kos bahan	28,523	36.39	34,113	38.02	14,996	25.91	10,266	26.28	9,226	24.08
Kos buruh	12,986	16.57	13,032	14.52	14,529	25.10	9,440	24.17	9,999	26.10
<b>Jumlah</b>	<b>78,377</b>	<b>100.00</b>	<b>89,738</b>	<b>100.00</b>	<b>57,885</b>	<b>100.00</b>	<b>39,060</b>	<b>100.00</b>	<b>38,313</b>	<b>100.00</b>

#### Overhed pengeluaran

Overhed pengeluaran menyumbang kira-kira 47.04%, 47.46%, 48.99% dan 49.82% daripada jumlah kos jualan Kumpulan kami masing-masing untuk FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024.

Overhed pengeluaran terutamanya terdiri daripada kos subkontraktor, susut nilai mesin dan peralatan, kos utiliti, susut nilai aset hak penggunaan, insurans, kos penyelenggaraan, alatan dan perkakasan, bahan pembungkusan, serta kos sampingan untuk pengurus kejuruteraan dan pekerja pengeluaran kami seperti kebajikan kakitangan, permit, visa dan yuran levi.

#### Kos bahan

Kos bahan, yang terdiri terutamanya daripada aluminium, tembaga, keluli tahan karat dan keluli karbon, menyumbang kira-kira 36.39%, 38.02%, 25.91% dan 24.08% daripada jumlah kos jualan Kumpulan kami masing-masing untuk FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024. Sila rujuk Seksyen 6.10 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai bahan mentah yang dibeli oleh kami untuk digunakan dalam aktiviti pengeluaran kami.

Kami mendapatkan sebahagian besar bahan mentah kami daripada pembekal tempatan manakala beberapa bahan mentah kami seperti aluminium dan tembaga diperoleh daripada pembekal luar negara. Kami akan mendapatkan sebut harga untuk bahan mentah daripada pembekal kami sebelum kami menyerahkan sebut harga kami kepada pelanggan kami; oleh itu, pembelian bahan mentah hanya akan dibuat selepas pengesahan tempahan daripada pelanggan kami.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Disebabkan tumpuan Kumpulan kami pada pembuatan HMLV di mana produk kami tertakluk kepada perubahan yang kerap dalam keperluan dan spesifikasi teknikal oleh pelanggan kami, bahan mentah yang digunakan untuk setiap produk boleh berbeza dari segi jenis logam, bentuk, saiz dan ketebalan yang ditentukan oleh pelanggan kami. Oleh itu, walaupun unit ukuran yang sama dari segi kuantiti yang digunakan, kos bahan berbeza dari satu produk ke produk yang lain bergantung pada keperluan pelanggan kami.

Semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, kos jualan kami berbeza akibat turun naik dalam harga bahan mentah tertentu seperti aluminium, tembaga dan keluli tahan karat. Sila rujuk Seksyen 8.2.2 Prospektus ini untuk butiran lanjut tentang faktor risiko dan kesan turun naik harga bahan mentah kepada Kumpulan kami.

### Kos buruh

Kos buruh menyumbang kira-kira 16.57%, 14.52%, 25.10% dan 26.10% daripada jumlah kos jualan Kumpulan kami masing-masing untuk FYE 2021, 2022, 2023 dan FPE 2024.

Kos buruh merangkumi terutamanya gaji (termasuk kerja lebih masa), kos kakitangan tidak langsung yang berkaitan dengan sokongan aktiviti pengeluaran seperti kakitangan QA & QC, caruman berkanun, bonus dan upah.

### (b) Ulasan mengenai kos jualan:

#### FYE 2022 berbanding FYE 2021

Kos jualan Kumpulan kami meningkat kira-kira RM11.36 juta atau 14.49%, daripada kira-kira RM78.38 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM89.74 juta untuk FYE 2022.

Peningkatan kos jualan adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) Peningkatan overhead pengeluaran kira-kira RM5.73 juta disebabkan terutamanya oleh peningkatan dari:
  - (a) kos subkontraktor kira-kira RM2.03 juta kerana kami menyumber luar lebih banyak proses kemasan permukaan seperti penyaduran dan semburan pasir serta pra-pemesinan komponen kejuruteraan ketepatan tertentu kepada subkontraktor kami kerana ia lebih menjimatkan kos berbanding melakukannya sendiri;
  - (b) pembelian alatan dan perkakasan serta bahan pembungkusan kira-kira RM0.55 juta untuk memenuhi pesanan pembelian yang lebih tinggi daripada pelanggan kami;
  - (c) permit, visa dan yuran levi disebabkan penggajian tambahan dan pembaharuan permit pekerjaan atau visa pekerja asing kami (yang terlibat dalam aktiviti pengeluaran) kira-kira RM1.24 juta; dan
  - (d) caj elektrik dan pemasangan elektrik masing-masing kira-kira RM0.57 juta dan RM0.44 juta.
- (ii) peningkatan kos bahan kira-kira RM5.59 juta disebabkan penggunaan bahan mentah yang lebih tinggi, sejajar dengan pertumbuhan hasil kami.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**FYE 2023 berbanding FYE 2022**

Kos jualan Kumpulan kami menurun sebanyak kira-kira RM31.85 juta atau 35.49%, daripada kira-kira RM89.74 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM57.89 juta untuk FYE 2023.

Penurunan dalam kos jualan adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) penurunan dalam kos bahan kira-kira RM19.12 juta disebabkan oleh harga aluminium dan keluli yang lebih rendah serta penggunaan bahan mentah yang lebih rendah, yang sejajar dengan jualan yang lebih rendah yang dicatatkan bagi tahun kewangan; dan
- (ii) penurunan dalam overhead pengeluaran kira-kira RM14.23 juta terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam kos subkontraktor sebanyak kira-kira RM12.18 juta kerana kami mengurangkan penyumberan luar proses pra-pemesinan serta kemasan permukaan untuk bahan penyaduran tertentu kepada subkontraktor kami, yang mana adalah sejajar dengan kekurangan pesanan yang diterima untuk tahun kewangan.

Penurunan di atas sebahagiannya diimbangi oleh kenaikan kos buruh kira-kira RM1.50 juta terutamanya disebabkan oleh: (i) pengupahan pekerja pengeluaran tambahan untuk menggantikan pekerja pengeluaran asing yang akan tamat kontrak dengan Kumpulan kami. Tempoh pertindihan bagi pengupahan pekerja asing baru dan penamatan pekerja asing lama adalah antara 1 hingga 2 bulan secara purata. Bilangan pekerja pengeluaran meningkat sebanyak 88 daripada 221 pekerja pengeluaran pada FYE 2022 kepada 309 pekerja pengeluaran pada FYE 2023; dan (ii) pengupahan pekerja pengeluaran tambahan adalah untuk meningkatkan kapasiti kami kerana pelanggan kami hanya akan membuat pesanan berdasarkan kapasiti kami yang sedia ada. Proses pengupahan pekerja pengeluaran ini bermula pada FYE 2022 dan mereka hanya menyertai Kumpulan kami pada FYE 2023 kerana proses pengambilan biasanya mengambil masa antara 3 hingga 6 bulan.

**FPE 2024 berbanding FPE 2023**

Kos jualan Kumpulan kami menurun kira-kira RM0.75 juta atau 1.91%, daripada kira-kira RM39.06 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM38.31 juta untuk FPE 2024.

Penurunan kos jualan adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) penurunan dalam kos bahan kira-kira RM1.04 juta disebabkan penggunaan bahan mentah yang lebih rendah, sejajar dengan jualan yang lebih rendah yang dicatatkan bagi tempoh kewangan; dan
- (ii) penurunan dalam overhead pengeluaran kira-kira RM0.27 juta terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam penyelenggaraan jentera dan bangunan kilang sebanyak kira-kira RM0.24 juta kerana kurang penyelenggaraan diperlukan untuk mesin baru serta bangunan kilang.

Penurunan di atas sebahagiannya diimbangi oleh kenaikan kos buruh kira-kira RM0.56 juta terutamanya disebabkan oleh pengupahan pekerja asing tambahan untuk menggantikan pekerja asing yang akan tamat kontrak dengan Kumpulan kami serta meningkatkan kapasiti tenaga kerja kami yang sedia ada dalam menjangkakan peningkatan pesanan pada masa hadapan.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (iii) GP dan margin GP

#### (a) GP

Jadual di bawah membentangkan GP Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Pemesinan ketepatan	34,830	100.00	54,777	100.00	35,450	100.00	26,685	100.00	23,899	100.00
<b>GP keseluruhan</b>	<b>34,830</b>	<b>100.00</b>	<b>54,777</b>	<b>100.00</b>	<b>35,450</b>	<b>100.00</b>	<b>26,685</b>	<b>100.00</b>	<b>23,899</b>	<b>100.00</b>

#### (b) Margin GP

Jadual di bawah membentangkan margin GP Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	%	%	%	%	%
Pemesinan ketepatan	30.77	37.90	37.98	40.59	38.42
<b>Margin GP keseluruhan</b>	<b>30.77</b>	<b>37.90</b>	<b>37.98</b>	<b>40.59</b>	<b>38.42</b>

Seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 11.3.3(i) Prospektus ini, kami tidak mengamalkan sebarang dasar penetapan harga yang tetap kerana harga jualan produk kami ditentukan dan dirundingkan berdasarkan kes ke kes dan mungkin berbeza mengikut pelbagai faktor seperti kerumitan, spesifikasi dan keperluan teknikal, jumlah pesanan dan harga bahan mentah. Oleh itu, harga jualan produk kami adalah termasuk perkhidmatan nilai tambah yang terdiri daripada kemasan permukaan, fabrikasi logam kepingan dan/atau sub-pemasangan mekanikal (jika ada), atas permintaan pelanggan kami. Oleh itu, margin GP produk kami juga tidak tetap.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**(c) Ulasan mengenai GP dan margin GP:****FYE 2022 berbanding FYE 2021**

GP Kumpulan kami meningkat kira-kira RM19.95 juta atau 57.27% daripada kira-kira RM34.83 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM54.78 juta untuk FYE 2022. Peningkatan GP adalah disebabkan terutamanya oleh: (i) peningkatan hasil sebanyak kira-kira RM31.31 juta atau 27.66% daripada kira-kira RM113.21 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM144.52 juta untuk FYE 2022; dan (ii) peningkatan margin GP yang diterangkan di bawah.

Margin GP keseluruhan Kumpulan kami meningkat kira-kira 7.13% daripada kira-kira 30.77% untuk FYE 2021 kepada kira-kira 37.90% untuk FYE 2022. Peningkatan margin GP disebabkan terutamanya oleh skala ekonomi, iaitu keturunan masa jentera yang diperlukan untuk menghasilkan komponen kejuruteraan ketepatan yang sama menyebabkan kos buruh dan kos overhead pengeluaran yang lebih rendah, serta harga jualan yang lebih tinggi dalam RM hasil daripada pengukuhan USD.

**FYE 2023 berbanding FYE 2022**

GP Kumpulan kami menurun kira-kira RM19.33 juta atau 35.28% daripada kira-kira RM54.78 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM35.45 juta untuk FYE 2023. Penurunan GP adalah sejajar dengan penurunan hasil sebanyak kira-kira RM51.18 juta atau 35.42% daripada kira-kira RM144.52 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM93.34 juta untuk FYE 2023.

Margin GP keseluruhan Kumpulan kami meningkat sedikit sebanyak kira-kira 0.08% daripada kira-kira 37.90% untuk FYE 2022 kepada kira-kira 37.98% untuk FYE 2023. Peningkatan margin GP disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan langkah kawalan kos keseluruhan Kumpulan kami yang diambil, seperti pengurangan kerja lebih masa pekerja yang tidak diperlukan dan kawalan pembelian bahan mentah, di mana kami telah menyelaraskan pesanan bahan mentah dengan jadual pengeluaran Kumpulan kami untuk mengurangkan kos penyimpanan inventori, sebagai tindak balas kepada kelembapan dalam industri semikonduktor dan E&E global pada 2023 dan proses pengeluaran cekap secara berterusan. Untuk tujuan maklumat sahaja, kawalan pembelian bahan mentah adalah langkah sekali sahaja yang dilaksanakan oleh Kumpulan kami pada FYE 2023 sebagai sebahagian daripada tindak balas kami terhadap kelembapan dalam industri semikonduktor dan E&E global.

**FPE 2024 berbanding FPE 2023**

GP Kumpulan kami berkurangan kira-kira RM2.79 juta atau 10.44% daripada kira-kira RM26.69 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM23.90 juta untuk FPE 2024. Penurunan GP adalah sejajar dengan penurunan hasil sebanyak kira-kira RM3.53 juta atau 5.37% daripada kira-kira RM65.75 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM62.21 juta untuk FPE 2024.

Margin GP keseluruhan Kumpulan kami berkurangan kira-kira 2.17% daripada kira-kira 40.59% untuk FPE 2023 kepada kira-kira 38.42% untuk FPE 2024. Penurunan margin GP adalah disebabkan oleh peningkatan kos buruh kira-kira RM0.56 juta terutamanya disebabkan oleh pengupahan pekerja asing tambahan untuk menggantikan pekerja asing yang akan tamat kontrak dengan Kumpulan kami serta untuk meningkatkan kapasiti tenaga kerja kami yang sedia ada dalam menjangkakan peningkatan pesanan pada masa hadapan.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (iv) Pendapatan kendalian lain

Jadual di bawah membentangkan pendapatan kendalian lain Kumpulan Kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Jualan sekerap <sup>(i)</sup>	3,176	81.10	2,893	27.36	1,599	43.76	1,001	50.40	828	36.64
Keuntungan tidak direalisasi daripada pertukaran asing	524	13.38	3,807	36.01	1,042	28.52	351	17.67	801	35.44
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	-	-	<sup>(ii)</sup> 2,413	22.82	<sup>(iii)</sup> 426	11.66	<sup>(iii)</sup> 426	21.45	-	-
Keuntungan direalisasi daripada pertukaran asing	-	-	845	7.99	264	7.22	-	-	172	7.61
Pendapatan sewa	187	4.78	300	2.84	222	6.08	163	8.21	164	7.26
Pendapatan faedah	29	0.74	21	0.20	101	2.76	45	2.27	295	13.05
Tuntutan insurans diterima	-	-	294	2.78	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>3,916</b>	<b>100.00</b>	<b>10,573</b>	<b>100.00</b>	<b>3,654</b>	<b>100.00</b>	<b>1,986</b>	<b>100.00</b>	<b>2,260</b>	<b>100.00</b>

Nota:

- (i) Jualan sekerap terdiri daripada hasil jualan: (a) bahan besi buruk daripada aktiviti pengeluaran kami (termasuk prototaip komponen untuk penilaian dan ujian oleh pelanggan kami) seperti aluminium, tembaga, keluli tahan karat dan keluli karbon; dan (b) bahan mentah tertentu yang tidak lagi digunakan dalam aktiviti pengeluaran kami.
- (ii) Termasuk keuntungan daripada pelupusan aset hak penggunaan sebanyak kira-kira RM1,000.
- (iii) Termasuk keuntungan daripada pelupusan aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan kira-kira RM0.09 juta

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (a) Ulasan mengenai pendapatan kendalian lain:

#### FYE 2022 berbanding FYE 2021

Pendapatan kendalian lain Kumpulan kami meningkat kira-kira RM6.66 juta atau 169.99% daripada kira-kira RM3.92 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM10.57 juta untuk FYE 2022.

Peningkatan pendapatan kendalian lain adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) peningkatan keuntungan tidak direalisasi daripada pertukaran asing sebanyak kira-kira RM3.28 juta disebabkan oleh pengukuhan USD (majoriti jualan kami adalah dalam denominasi USD) berbanding RM pada akhir tahun kewangan; dan
- (ii) keuntungan daripada pelupusan 2 hartanah dalam tahun kewangan, iaitu 2 unit kilang berkembar satu tingkat dengan pejabat 2 tingkat terletak di Taman Industri Ringan Juru, Pulau Pinang bernilai kira-kira RM2.41 juta.

Peningkatan di atas sebahagiannya diimbangi oleh penurunan jualan sekerap kira-kira RM0.28 juta terutamanya disebabkan oleh: (i) pengeluaran komponen kompleks yang memerlukan pelbagai proses yang menggunakan bahan mentah logam yang lebih rendah berdasarkan spesifikasi pelanggan kami; (ii) harga sekerap dan campuran sekerap yang berbeza kerana kebanyakan bahan mentah logam yang digunakan dalam aktiviti pengeluaran kami pada FYE 2022 adalah aluminium dan bukan tembaga (harga sekerap untuk aluminium lebih rendah berbanding dengan tembaga); dan (iii) kecekapan berterusan dan pengetahuan teknikal dalam proses pengeluaran kami di mana sekerap yang lebih kurang dihasilkan selepas menghasilkan komponen kejuruteraan ketepatan yang sama untuk tempoh tertentu untuk pelanggan kami kerana pesanan berulang dan kebiasaan produk.

#### FYE 2023 berbanding FYE 2022

Pendapatan kendalian lain Kumpulan kami menurun sebanyak kira-kira RM6.92 juta atau 65.44% daripada kira-kira RM10.57 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM3.65 juta untuk FYE 2023.

Penurunan dalam pendapatan kendalian lain adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) penurunan keuntungan tidak direalisasi daripada pertukaran asing sebanyak kira-kira RM2.77 juta disebabkan oleh jualan dalam mata wang asing yang lebih rendah bagi tahun kewangan;
- (ii) keuntungan yang lebih rendah daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan kira-kira RM0.43 juta pada FYE 2023 berbanding kira-kira RM2.41 juta pada FYE 2022; dan
- (iii) penurunan jualan sekerap kira-kira RM1.29 juta disebabkan oleh jumlah bahan besi buruk yang lebih rendah yang dijual hasil daripada penggunaan bahan logam yang lebih rendah sejajar dengan penerimaan pesanan yang lebih rendah.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**FPE 2024 berbanding FPE 2023**

Pendapatan kendalian Kumpulan kami yang lain meningkat kira-kira RM0.27 juta atau 13.80% daripada kira-kira RM1.99 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM2.26 juta untuk FPE 2024.

Peningkatan pendapatan kendalian lain disebabkan terutamanya oleh peningkatan keuntungan tidak direalisasi sebanyak kira-kira RM0.45 juta disebabkan oleh pengukuhan USD berbanding RM pada akhir tempoh kewangan, kerana majoriti jualan kami dalam denominasi USD. Peningkatan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam jualan sekerap kira-kira RM0.17 juta terutamanya disebabkan oleh penjualan bahan besi buruk yang lebih rendah daripada penggunaan bahan logam yang lebih rendah sejajar dengan penerimaan pesanan yang lebih rendah.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (v) Keuntungan/(kerugian) rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima

Jadual di bawah membentangkan keuntungan/(kerugian) rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Keuntungan/(kerugian) rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima	(230)	100.00	(966)	100.00	50	100.00	-	-	(55)	100.00

Kumpulan kami mengiktiraf peruntukan kerugian rosot nilai bagi perdagangan belum terima berdasarkan pendekatan yang dipermudahkan menurut MFRS 9 *Instrumen Kewangan* dan mengukur peruntukan kerugian rosot nilai berdasarkan kerugian kredit dijangka seumur hidup ("ECL") daripada pengiktirafan awal. Jumlah ECL dinilai pada setiap tempoh pelaporan untuk mencerminkan perubahan dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal perdagangan belum terima.

Kumpulan kami menggunakan matriks elaun untuk mengukur ECL perdagangan belum terima daripada usia melampaui tempoh. Jangkaan kadar kerugian ditentukan oleh kebarangkalian tiada kutipan daripada perdagangan belum terima didarab dengan jangkaan jumlah kerugian yang timbul daripada kemungkiran.

Semasa proses tersebut, kebarangkalian tidak membayar oleh perdagangan belum terima dilaraskan dengan maklumat memandang ke hadapan (indeks harga pengguna dan indeks keluaran dalam negara kasar) yang mempengaruhi kemampuan pelanggan untuk menyelesaikan perdagangan belum terima dan didarabkan dengan jangkaan kerugian yang timbul daripada kemungkiran untuk menentukan ECL seumur hidup bagi perdagangan belum terima.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**(a) Ulasan mengenai keuntungan/(kerugian) rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima:****FYE 2022 berbanding FYE 2021**

Kerugian rosot nilai bersih Kumpulan kami atas perdagangan belum terima meningkat kira-kira RM0.74 juta atau 320.00% daripada kira-kira RM0.23 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM0.97 juta untuk FYE 2022.

Peningkatan kerugian rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima adalah disebabkan terutamanya oleh rosot nilai perdagangan belum terima secara individu sebanyak kira-kira RM1.32 juta yang telah melampaui tempoh lebih daripada 365 hari yang tertunggak daripada salah seorang pelanggan kami di Pakistan. Kumpulan kami pada masa lalu telah cuba mengutip jumlah terhutang oleh pelanggan ini kerana produk telah dihantar dan diterima, dan tiada pertikaian oleh mereka mengenai produk. Walau bagaimanapun, selepas mempertimbangkan kos berbanding faedah untuk mendapatkan semula jumlah yang terhutang oleh pelanggan ini, Kumpulan kami memutuskan untuk tidak memulakan sebarang tindakan undang-undang terhadap pelanggan ini. Tambahan pula, Kumpulan kami tidak lagi membekalkan komponen kejuruteraan ketepatan kepada pelanggan ini selepas FYE 2022.

Peningkatan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh pembalikan kerugian rosot nilai berjumlah kira-kira RM0.36 juta selepas mengambil kira perdagangan belum terima terosot nilai secara individu daripada salah seorang pelanggan kami, kebarangkalian tiada pembayaran daripada baki perdagangan belum terima yang lebih rendah dan jangkaan jumlah kerugian yang lebih rendah yang timbul daripada kemungkiran untuk FYE 2022.

**FYE 2023 berbanding FYE 2022**

Kumpulan kami merekodkan keuntungan rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima kira-kira RM0.05 juta untuk FYE 2023.

Keuntungan rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima disebabkan terutamanya oleh rosot nilai atas perdagangan belum terima yang lebih rendah sebanyak RM0.05 juta untuk FYE 2023 berbanding rosot nilai atas perdagangan belum terima sebanyak RM1.32 juta untuk FYE 2022 serta pembalikan kerugian rosot nilai berjumlah kira-kira RM0.10 juta akibat daripada pengiktirafan ECL yang lebih rendah.

**FPE 2024 berbanding FPE 2023**

Kumpulan kami merekodkan kerugian rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima kira-kira RM0.06 juta untuk FPE 2024.

Untuk FPE 2024, Kumpulan kami merekodkan kerugian rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima sebanyak RM0.06 juta selepas mengambil kira kebarangkalian tidak membayar dan jangkaan jumlah kerugian yang timbul daripada kemungkiran untuk FPE 2024.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (vi) Perbelanjaan pentadbiran

Perbelanjaan pentadbiran Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan adalah seperti berikut:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Imbuan Pengarah	6,241	59.15	7,286	57.23	5,293	44.06	3,697	45.65	2,786	39.13
Kos kakitangan	929	8.81	2,102	16.51	3,095	25.76	2,159	26.66	1,665	23.38
Susut nilai	833	7.90	815	6.40	750	6.24	475	5.87	524	7.36
Duti setem	^	*	33	0.26	59	0.49	59	0.73	430	6.04
Yuran perundingan	89	0.84	290	2.28	226	1.89	161	1.99	165	2.32
Perbelanjaan asrama	37	0.35	132	1.04	208	1.73	160	1.98	141	1.98
Yuran audit	71	0.67	83	0.65	149	1.24	50	0.62	102	1.43
Percetakan dan alat tulis	77	0.73	121	0.95	125	1.04	92	1.14	99	1.39
Yuran guaman dan profesional	2	0.02	147	1.15	254	2.11	118	1.46	98	1.38
Yuran cukai	24	0.23	58	0.46	99	0.83	31	0.38	96	1.35
Yuran perubatan	437	4.14	207	1.63	137	1.14	70	0.86	93	1.31
Perkhidmatan keselamatan	164	1.55	163	1.28	137	1.14	91	1.12	91	1.28
Pembaikan dan penyelenggaraan	109	1.03	119	0.94	98	0.82	66	0.82	86	1.21
Makanan dan minuman	141	1.34	92	0.72	88	0.73	44	0.54	81	1.14
Penilaian	93	0.88	101	0.79	143	1.19	48	0.59	79	1.11
Lain-lain <sup>(i)</sup>	1,304	12.36	982	7.71	1,152	9.59	777	9.59	584	8.19
<b>Jumlah</b>	<b>10,551</b>	<b>100.00</b>	<b>12,731</b>	<b>100.00</b>	<b>12,013</b>	<b>100.00</b>	<b>8,098</b>	<b>100.00</b>	<b>7,120</b>	<b>100.00</b>

Nota:

(i) Lain-lain merangkumi, antara lain, insurans, kebajikan kakitangan, cukai pintu, caj pos dan kurier, perbelanjaan telefon dan internet, yuran penyelenggaraan perisian dan kerugian direalisasi daripada pertukaran asing.

^ Kurang daripada RM1,000.

\* Kurang daripada 0.01%.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**(a) Ulasan mengenai perbelanjaan pentadbiran:****FYE 2022 berbanding FYE 2021**

Perbelanjaan pentadbiran Kumpulan kami meningkat kira-kira RM2.18 juta atau 20.66% daripada kira-kira RM10.55 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM12.73 juta untuk FYE 2022.

Peningkatan perbelanjaan pentadbiran terutamanya disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) peningkatan kos kakitangan kira-kira RM1.17 juta berikutan daripada pengambilan kakitangan terutamanya untuk bahagian pentadbiran, sumber manusia dan kewangan. Selain itu, terdapat juga pembayaran bonus semasa FYE 2022 yang sejajar dengan peningkatan prestasi Kumpulan kami untuk FYE 2022; dan
- (ii) peningkatan imbuhan Pengarah sebanyak kira-kira RM1.05 juta terutamanya disebabkan oleh kenaikan gaji yang sejajar dengan peningkatan prestasi Kumpulan kami untuk FYE 2022, peningkatan yuran Pengarah serta pembayaran bonus semasa FYE 2022.

Kenaikan di atas sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam kerugian direalisasi daripada pertukaran asing sebanyak kira-kira RM0.27 juta terutamanya disebabkan oleh pengukuhan USD pada tahun kewangan.

**FYE 2023 berbanding FYE 2022**

Perbelanjaan pentadbiran Kumpulan kami berkurangan kira-kira RM0.72 juta atau 5.64% daripada kira-kira RM12.73 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM12.01 juta untuk FYE 2023.

Pengurangan dalam perbelanjaan pentadbiran disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam imbuhan Pengarah sebanyak kira-kira RM1.99 juta kerana pembayaran yuran, bonus dan gaji Pengarah yang lebih rendah pada tahun kewangan, sejajar dengan prestasi keseluruhan Kumpulan kami untuk FYE 2023.

Penurunan imbuhan Pengarah di atas sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan: (i) kos kakitangan kira-kira RM0.99 juta terutamanya untuk mengambil kira imbuhan setahun penuh Ketua Pegawai Kewangan kami serta pengelasan semula gaji Ng Meng Hang (termasuk caruman berkanun yang berkaitan) daripada imbuhan Pengarah berikutan peletakan jawatannya sebagai Pengarah NE Components dan Northeast Precision pada September 2022; dan (ii) yuran penyelenggaraan perisian kira-kira RM0.17 juta terutamanya disebabkan oleh peningkatan alat perisian CAD dan CAM serta yuran penyelenggaraan perisian CAM tertentu untuk FYE 2022 yang hanya ditanggung pada FYE 2023 akibat daripada penangguhan bil oleh pembekal perkhidmatan.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**FPE 2024 berbanding FPE 2023**

Perbelanjaan pentadbiran Kumpulan kami berkurangan kira-kira RM0.98 juta atau 12.08% daripada kira-kira RM8.10 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM7.12 juta untuk FPE 2024.

Pengurangan perbelanjaan pentadbiran adalah disebabkan terutamanya oleh penurunan imbuhan Pengarah dan kos kakitangan masing-masing kira-kira RM0.91 juta dan RM0.49 juta, hasil daripada pengeluaran gaji yang lebih rendah oleh para Pengarah (termasuk caruman berkanun yang berkaitan) dan juga bonus kakitangan yang lebih rendah.

Penurunan di atas sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan duti setem kira-kira RM0.37 juta yang timbul daripada pembayaran duti setem menurut Pemerolehan yang telah diselesaikan pada 5 Januari 2024.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (vii) Perbelanjaan pengedaran

Jadual di bawah membentangkan perbelanjaan pengedaran Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Caj pengangkutan	878	51.19	1,679	58.50	1,442	55.63	1,059	56.21	886	53.44
Perbelanjaan perjalanan	520	30.32	707	24.63	678	26.16	536	28.45	575	34.68
Kos pengangkutan	168	9.80	283	9.86	335	12.92	174	9.24	90	5.43
Lain-lain <sup>(i)</sup>	149	8.69	201	7.01	137	5.29	115	6.10	107	6.45
<b>Jumlah</b>	<b>1,715</b>	<b>100.00</b>	<b>2,870</b>	<b>100.00</b>	<b>2,592</b>	<b>100.00</b>	<b>1,884</b>	<b>100.00</b>	<b>1,658</b>	<b>100.00</b>

Nota:

- (i) Lain-lain merangkumi penyelenggaraan kenderaan bermotor, cukai jalan dan insurans dan caj penghantaran.

### (a) Ulasan mengenai perbelanjaan pengedaran:

#### FYE 2022 berbanding FYE 2021

Perbelanjaan pengedaran Kumpulan kami meningkat kira-kira RM1.16 juta atau 67.35% daripada kira-kira RM1.72 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM2.87 juta untuk FYE 2022.

Peningkatan perbelanjaan pengedaran disebabkan terutamanya oleh peningkatan:

- (i) caj pengangkutan kira-kira RM0.80 juta terutamanya disebabkan oleh caj pengangkutan udara yang lebih tinggi yang ditanggung untuk menampung peningkatan jualan luar negara pada tahun kewangan;
- (ii) perbelanjaan perjalanan kira-kira RM0.19 juta disebabkan oleh peningkatan perjalanan (dalam dan luar negara) selepas penarikan balik sekatan perjalanan yang dikenakan sebelum ini disebabkan oleh COVID-19; dan
- (iii) kos pengangkutan kira-kira RM0.11 juta terutamanya disebabkan oleh kos bas ulang-alik pekerja yang lebih tinggi untuk menghantar pekerja pengeluaran kami dari asrama mereka ke kilang kami.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### FYE 2023 berbanding FYE 2022

Perbelanjaan pengedaran Kumpulan kami berkurangan kira-kira RM0.28 juta atau 9.69% daripada kira-kira RM2.87 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM2.59 juta untuk FYE 2023.

Pengurangan dalam perbelanjaan pengagihan disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam caj pengangkutan sebanyak kira-kira RM0.24 juta kerana kami mempunyai jualan luar negara yang lebih rendah untuk tahun kewangan.

### FPE 2024 berbanding FPE 2023

Perbelanjaan pengedaran Kumpulan kami berkurangan kira-kira RM0.23 juta atau 12.00% daripada kira-kira RM1.88 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM1.66 juta untuk FPE 2024.

Pengurangan dalam perbelanjaan pengagihan disebabkan terutamanya oleh penurunan dalam caj pengangkutan sebanyak kira-kira RM0.17 juta, sejajar dengan penurunan jualan luar negara yang dicatatkan bagi tempoh kewangan.

### (viii) Kos kewangan

Jadual di bawah membentangkan kos kewangan Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit						Tidak Teraudit		Teraudit	
	FYE 2021		FYE 2022		FYE 2023		FPE 2023		FPE 2024	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Perbelanjaan faedah atas:										
Pinjaman berjangka	913	96.00	852	86.85	990	81.62	553	78.47	839	89.07
Liabiliti pajakan	30	3.15	118	12.03	213	17.56	147	20.82	97	10.30
Jaminan bank	8	0.85	11	1.12	10	0.82	5	0.71	6	0.63
<b>Jumlah</b>	<b>951</b>	<b>100.00</b>	<b>981</b>	<b>100.00</b>	<b>1,213</b>	<b>100.00</b>	<b>705</b>	<b>100.00</b>	<b>942</b>	<b>100.00</b>

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)****(a) Ulasan mengenai kos kewangan:****FYE 2022 berbanding FYE 2021**

Kos kewangan Kumpulan kami meningkat sedikit sebanyak kira-kira RM0.03 juta atau 3.15% daripada kira-kira RM0.95 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM0.98 juta untuk FYE 2022. Peningkatan kos kewangan disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan faedah yang lebih tinggi atas liabiliti pajakan akibat daripada pengiktirafan liabiliti pajakan yang lebih tinggi dalam tahun kewangan berjumlah kira-kira RM3.87 juta berbanding kira-kira RM0.33 juta yang diiktiraf pada tahun sebelumnya.

**FYE 2023 berbanding FYE 2022**

Kos kewangan Kumpulan kami meningkat kira-kira RM0.23 juta atau 23.65% daripada kira-kira RM0.98 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM1.21 juta untuk FYE 2023. Peningkatan kos kewangan disebabkan terutamanya oleh jumlah pinjaman bank yang lebih tinggi dalam tahun kewangan berjumlah kira-kira RM27.75 juta berbanding kira-kira RM19.65 juta pada FYE 2022 kerana pinjaman berjangka kira-kira RM11.04 juta telah dikeluarkan untuk pemerolehan Lot 1143 pada FYE 2023. Ini telah menyebabkan perbelanjaan faedah yang lebih tinggi ditanggung dalam tahun kewangan.

**FPE 2024 berbanding FPE 2023**

Kos kewangan Kumpulan kami meningkat kira-kira RM0.24 juta atau 33.62% daripada kira-kira RM0.71 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM0.94 juta untuk FPE 2024. Peningkatan kos kewangan disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan faedah yang ditanggung menurut pengeluaran pinjaman berjangka untuk pemerolehan Lot 1143.

**(ix) PBT dan margin PBT**

Jadual di bawah membentangkan PBT dan margin PBT Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
PBT (RM'000)	25,299	47,802	23,336	17,984	16,384
Margin PBT (%)	22.35	33.08	25.00	27.35	26.34

**(a) Ulasan mengenai PBT dan margin PBT:****FYE 2022 berbanding FYE 2021**

PBT Kumpulan kami meningkat kira-kira RM22.50 juta atau 88.95% daripada kira-kira RM25.30 juta untuk FYE 2021 kepada kira-kira RM47.80 juta untuk FYE 2022. Peningkatan PBT disumbangkan terutamanya oleh peningkatan GP dan pendapatan kendalian lain masing-masing sebanyak kira-kira RM19.95 juta dan RM6.66 juta. Walau bagaimanapun, peningkatan PBT sebahagiannya diimbangi oleh perbelanjaan pengedaran yang lebih tinggi, perbelanjaan pentadbiran yang lebih tinggi dan kerugian rosot nilai bersih atas perdagangan belum terima yang lebih tinggi masing-masing sebanyak kira-kira RM1.16 juta, RM2.18 juta dan RM0.74 juta.



---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

Disebabkan daripada perkara di atas, margin PBT Kumpulan kami meningkat daripada kira-kira 22.35% untuk FYE 2021 kepada kira-kira 33.08% untuk FYE 2022.

**FYE 2023 berbanding FYE 2022**

PBT Kumpulan kami berkurangan kira-kira RM24.47 juta atau 51.18% daripada kira-kira RM47.80 juta untuk FYE 2022 kepada kira-kira RM23.34 juta untuk FYE 2023. Penurunan dalam PBT disebabkan terutamanya oleh GP dan pendapatan kendalian lain yang lebih rendah masing-masing sebanyak kira-kira RM19.33 juta dan RM6.92 juta. Penurunan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh perbelanjaan pengedaran yang lebih rendah dan perbelanjaan pentadbiran yang lebih rendah masing-masing kira-kira RM0.28 juta dan RM0.72 juta. Kumpulan kami mencatatkan keuntungan rosot nilai bersih kira-kira RM0.05 juta untuk FYE 2023 berbanding dengan kerugian rosot nilai bersih kira-kira RM0.97 juta untuk FYE 2023 daripada perdagangan belum terima.

Disebabkan perkara di atas, margin PBT Kumpulan kami menurun daripada kira-kira 33.08% untuk FYE 2022 kepada kira-kira 25.00% untuk FYE 2023.

**FPE 2024 berbanding FPE 2023**

PBT Kumpulan kami berkurangan kira-kira RM1.60 juta atau 8.90% daripada kira-kira RM17.98 juta untuk FPE 2023 kepada kira-kira RM16.38 juta untuk FPE 2024. Penurunan PBT terutamanya disebabkan oleh GP yang lebih rendah iaitu kira-kira RM2.79 juta dan kos kewangan yang lebih tinggi iaitu kira-kira RM0.24 juta. Penurunan tersebut sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan pendapatan kendalian lain sebanyak RM0.27 juta, perbelanjaan pentadbiran dan pengedaran yang lebih rendah masing-masing sebanyak RM0.98 juta dan RM0.23 juta.

Disebabkan perkara di atas, margin PBT Kumpulan kami menurun daripada kira-kira 27.35% untuk FPE 2023 kepada kira-kira 26.34% untuk FPE 2024.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (x) Perbelanjaan cukai

Jadual di bawah membentangkan perbelanjaan cukai Kumpulan kami bersama dengan perbandingan antara kadar cukai efektif dan berkanun Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perbelanjaan cukai semasa berdasarkan keuntungan bagi tahun/ tempoh kewangan					
- tahun semasa	5,103	8,773	4,090	3,736	3,811
- kurang/(lebih) peruntukan perbelanjaan cukai dalam tahun/ tempoh sebelumnya	(174)	(543)	(459)	(459)	189
	4,929	8,230	3,631	3,277	4,000
<b>Perbelanjaan cukai tertunda</b>					
- berkaitan dengan pengasalan dan pembalikan perbezaan sementara	799	1,314	944	371	168
- (kurang)/lebih peruntukan dalam tahun/ tempoh sebelumnya	(245)	26	401	401	(148)
	554	1,340	1,345	4,049	4,020
Cukai keuntungan harta tanah	-	161	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>5,483</b>	<b>9,731</b>	<b>4,976</b>	<b>4,049</b>	<b>4,020</b>
Kadar cukai efektif <sup>(i)</sup> (%)	21.67	20.36	21.32	22.51	24.54
Kadar cukai berkanun (%)	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00

Nota:

- (i) Kadar cukai efektif dikira dengan membahagikan jumlah perbelanjaan cukai ke atas PBT untuk tahun/ tempoh kewangan masing-masing.

Bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, kami tidak mempunyai sebarang tunggakan atau peruntukan untuk cukai pegangan.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**


---

**(a) Ulasan mengenai perbelanjaan cukai:****FYE 2021**

Kadar cukai efektif Kumpulan kami adalah 21.67% untuk FYE 2021. Kadar cukai efektif untuk FYE 2021 adalah lebih rendah daripada kadar cukai berkanun sebanyak 24.00% terutamanya disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) lebih peruntukan perbelanjaan cukai pada tahun sebelumnya berjumlah kira-kira RM0.17 juta terutamanya disebabkan oleh lebih anggaran perbelanjaan tidak boleh ditolak dan kurang anggaran perbelanjaan yang dibenarkan;
- (ii) lebih peruntukan cukai tertunda pada tahun sebelumnya berjumlah kira-kira RM0.25 juta terutamanya disebabkan oleh perbezaan sementara antara pendapatan boleh cukai dan pendapatan perakaunan;
- (iii) kadar cukai korporat yang lebih rendah sebanyak 17.00% (ke atas RM600,000 pertama pendapatan bercukai) yang dinikmati oleh entiti (dengan modal berbayar RM2.50 juta atau bawah dan pendapatan kasar tidak melebihi RM50.00 juta) dalam Kumpulan kami (kecuali untuk Northeast Precision kerana pendapatan kasarnya telah melebihi RM50.00 juta);
- (iv) pendapatan tidak bercukai kira-kira RM0.17 juta seperti keuntungan tidak direalisasi daripada pertukaran asing; dan
- (v) penggunaan elaun pelaburan semula kira-kira RM0.50 juta.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan cukai Kumpulan kami telah diimbangi sebahagiannya dengan perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai kira-kira RM0.64 juta seperti susut nilai dan perbelanjaan faedah ke atas pinjaman berjangka tertentu.

**FYE 2022**

Kadar cukai efektif Kumpulan kami adalah 20.36% untuk FYE 2022. Kadar cukai efektif untuk FYE 2022 adalah lebih rendah daripada kadar cukai berkanun sebanyak 24.00% terutamanya disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) lebih peruntukan perbelanjaan cukai pada tahun sebelumnya berjumlah kira-kira RM0.54 juta terutamanya disebabkan oleh lebih anggaran perbelanjaan tidak boleh ditolak dan kurang anggaran perbelanjaan yang dibenarkan;
- (ii) kadar cukai korporat yang lebih rendah sebanyak 17.00% (ke atas RM600,000 pertama pendapatan bercukai) yang dinikmati oleh entiti (dengan modal berbayar RM2.50 juta atau bawah dan pendapatan kasar tidak melebihi RM50.00 juta) dalam Kumpulan kami (kecuali untuk Northeast Precision kerana pendapatan kasarnya telah melebihi RM50.00 juta);
- (iii) pendapatan tidak bercukai kira-kira RM1.45 juta seperti keuntungan tidak direalisasi daripada pertukaran asing; dan
- (iv) penggunaan elaun pelaburan semula kira-kira RM0.71 juta bagi tahun kewangan.

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

Walau bagaimanapun, perbelanjaan cukai Kumpulan kami telah diimbangi sebahagiannya dengan perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai sebanyak kira-kira RM0.91 juta seperti susut nilai, yuran profesional untuk setiausaha syarikat, insurans dan perbelanjaan faedah bagi pinjaman berjangka tertentu.

**FYE 2023**

Kadar cukai efektif Kumpulan kami adalah 21.32% untuk FYE 2023. Kadar cukai efektif untuk FYE 2023 adalah lebih rendah daripada kadar cukai berkanun sebanyak 24.00% terutamanya disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) lebih peruntukan perbelanjaan cukai pada tahun sebelumnya berjumlah kira-kira RM0.46 juta terutamanya disebabkan oleh lebih anggaran perbelanjaan tidak boleh ditolak dan kurang anggaran perbelanjaan yang dibenarkan;
- (ii) kadar cukai korporat yang lebih rendah sebanyak 17.00% (ke atas RM600,000 pertama pendapatan bercukai) yang dinikmati oleh entiti (dengan modal berbayar RM2.50 juta atau bawah dan pendapatan kasar tidak melebihi RM50.00 juta) dalam Kumpulan kami (kecuali untuk Northeast Precision kerana pendapatan kasarnya telah melebihi RM50.00 juta);
- (iii) pendapatan tidak bercukai kira-kira RM0.46 juta seperti keuntungan tidak direalisasi daripada pertukaran asing; dan
- (iv) penggunaan elaun pelaburan semula kira-kira RM0.59 juta untuk tahun kewangan.

Walau bagaimanapun, perbelanjaan cukai Kumpulan kami telah diimbangi sebahagiannya dengan perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai sebanyak kira-kira RM0.61 juta seperti susut nilai, yuran profesional untuk setiausaha syarikat, insurans dan perbelanjaan faedah bagi pinjaman berjangka tertentu.

**FPE 2024**

Kadar cukai efektif Kumpulan kami adalah pada 24.54% untuk FPE 2024. Kadar cukai efektif untuk FPE 2024 adalah lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun sebanyak 24.00% terutamanya disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) NE Technologies dan Northeast Precision telah membayar cukai tambahan untuk tahun taksiran 2021 di bawah Program Pendedahan Sukarela Khas 2.0 berjumlah kira-kira RM0.27 juta; dan
- (ii) kurang peruntukan perbelanjaan cukai dalam tempoh sebelumnya berjumlah kira-kira RM0.19 juta terutamanya disebabkan oleh kurang anggaran perbelanjaan yang tidak boleh ditolak dan lebih anggaran perbelanjaan yang dibenarkan.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (xi) PAT dan margin PAT

Jadual di bawah membentangkan PAT dan margin PAT Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
PAT (RM'000)	19,816	38,071	18,360	13,935	12,364
Margin PAT (%)	17.50	26.34	19.67	21.20	19.87

PAT dan margin PAT Kumpulan kami secara amnya konsisten dengan PBT dan margin PBT kerana kadar efektif cukai kami adalah antara 20.36% dan 24.54% bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan serta FPE 2024.

### 11.3.4 Kesan turun naik dalam pertukaran asing, kadar faedah, inflasi dan dasar kerajaan/ekonomi/fiskal/monetari

#### (i) Pertukaran asing

Kami terdedah kepada risiko pertukaran asing kerana jualan eksport kami, yang masing-masing menyumbang kira-kira 78.32%, 77.15%, 73.90% dan 71.47% daripada hasil kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan serta FPE 2024, kebanyakannya dalam denominasi USD. Oleh itu, kami terdedah kepada turun naik dalam kadar pertukaran asing dan sebarang pergerakan buruk dalam pasaran pertukaran asing mungkin memberi kesan negatif ke atas prestasi kewangan dan keputusan operasi kami.

Kesan turun naik pertukaran asing ke atas prestasi kewangan kami semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan adalah seperti berikut:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Keuntungan/(Rugi) direalisasi daripada pertukaran asing	(267)	845	264	(101)	172
Keuntungan tidak direalisasi daripada pertukaran asing	524	3,807	1,042	351	801
<b>Keuntungan bersih daripada pertukaran asing</b>	<b>257</b>	<b>4,652</b>	<b>1,306</b>	<b>250</b>	<b>973</b>
PBT	25,299	47,802	23,336	17,984	16,384
Keuntungan bersih daripada pertukaran asing sebagai peratusan PBT (%)	1.02	9.73	5.60	1.39	5.94

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Berdasarkan perkara di atas, kami terdedah kepada keuntungan atau rugi pertukaran asing semasa pertukaran mata wang asing kepada RM, terutamanya yang timbul daripada perbezaan masa antara bil kami dan penerimaan bayaran sebenar daripada pelanggan asing kami.

Kami tidak menggunakan sebarang instrumen kewangan untuk melindungi nilai pendedahan kami terhadap urus niaga dalam mata wang asing. Walau bagaimanapun, kami memantau pergerakan pertukaran asing dengan teliti untuk menguruskan risiko mata wang asing kami. Kami juga mengekalkan akaun mata wang asing di mana kutipan yang terhasil daripada jualan asing kami digunakan untuk menyelesaikan pembayaran kami dalam mata wang asing yang sama. Ini akan memberikan, pada tahap tertentu, perlindungan semula jadi terhadap turun naik pertukaran asing.

### (ii) Kadar faedah

Pendedahan kami kepada turun naik kadar faedah timbul daripada pinjaman bank kadar terapung yang disandarkan kepada kadar pembiayaan asas seperti yang ditetapkan oleh institusi kewangan kami yang mungkin berubah dari masa ke masa. Oleh itu, sebarang peningkatan kadar faedah pinjaman bank kadar terapung kami akan meningkatkan kos pinjaman kami dan kos kewangan kami, yang seterusnya mungkin memberi kesan buruk kepada prestasi kewangan kami.

Kumpulan kami telah memantau pergerakan kadar faedah untuk memastikan bahawa kadar yang paling kompetitif diperoleh dan di mana sesuai, pengaturan pinjaman dan instrumen berfaedah disusun semula atau dikurangkan.

Jumlah pinjaman Kumpulan kami (terdiri daripada pinjaman berjangka terhutang kepada institusi kewangan yang berdasarkan kadar faedah terapung) dan kos kewangan yang sepadan untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan adalah seperti berikut:

	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah pinjaman	24,215	19,648	27,753	28,200	26,771
Kos kewangan	913	852	990	553	839

Keputusan kewangan Kumpulan kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 tidak terjejas secara material oleh turun naik dalam kadar faedah.

Pada LPD, jumlah pinjaman Kumpulan kami (terdiri daripada pinjaman berjangka terhutang kepada institusi kewangan) berjumlah kira-kira RM35.73 juta.

### (iii) Inflasi

Perniagaan, keadaan kewangan atau keputusan operasi kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024 tidak terjejas secara material oleh inflasi. Namun begitu, tiada jaminan bahawa inflasi masa hadapan seperti peningkatan kos subkontraktor, kos material dan kos buruh pada masa hadapan tidak akan memberi kesan kepada prestasi perniagaan dan kewangan kami.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (iv) Dasar Kerajaan/ekonomi/fiskal/monetari

Kami tertakluk kepada risiko dasar kerajaan, ekonomi, fiskal atau monetari, di mana sebarang perubahan yang tidak menguntungkan boleh menjejaskan perniagaan kami, prestasi kewangan dan prospek industri sokongan kejuruteraan di mana kami beroperasi. Bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, keputusan kami tidak terjejas oleh sebarang perubahan yang tidak menguntungkan berkaitan dengan dasar kerajaan, ekonomi, fiskal atau monetari.

## 11.4 KECAIRAN DAN SUMBER MODAL

### 11.4.1 Modal kerja

Untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan serta FPE 2024, kami telah membiayai operasi kami melalui tunai yang dijana daripada kendalian kami, kredit pembekal dan pinjaman luar daripada institusi kewangan. Penggunaan utama dana ini adalah terutamanya untuk membiayai keperluan modal kerja kami, termasuk pembelian bahan mentah dan mesin serta pembayaran kepada pembekal kami, dan juga pembayaran balik pinjaman bank.

Pada 31 Mei 2024, kami mempunyai wang tunai dan baki bank kira-kira RM84.53 juta.

Pada 31 Mei 2024, modal kerja kami, yang dikira berdasarkan jumlah aset semasa ditolak jumlah liabiliti semasa, adalah kira-kira RM103.63 juta. Ini mewakili nisbah semasa kira-kira 10.84 kali.

Berdasarkan perkara di atas, selepas mengambil kira jangkaan aliran tunai kami yang akan dijana daripada kendalian kami, keperluan pembiayaan untuk perbelanjaan modal komited kami, tahap tunai dan baki bank sedia ada kami dan perolehan yang akan diperolehi daripada Terbitan Awam kami, Lembaga kami berpendapat bahawa kami akan mempunyai modal kerja yang mencukupi untuk sekurang-kurangnya 12 bulan dari tarikh Prospektus ini.

### 11.4.2 Aliran tunai

Jadual di bawah membentangkan ringkasan aliran tunai Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tunai bersih daripada aktiviti kendalian	31,281	23,887	22,740	19,331	6,295
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(13,065)	(2,597)	(9,118)	(8,342)	(310)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	(1,139)	(6,490)	(4,157)	(3,035)	(4,352)
<b>Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>17,077</b>	<b>14,800</b>	<b>9,465</b>	<b>7,954</b>	<b>1,633</b>

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kesan perubahan kadar pertukaran atas tunai dan kesetaraan tunai	428	3,384	1,377	506	967
Tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan tahun/ tempoh kewangan	34,557	52,062	70,246	70,246	81,088
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun/ tempoh kewangan</b>	<b>52,062</b>	<b>70,246</b>	<b>81,088</b>	<b>78,706</b>	<b>83,688</b>

Tiada sekatan undang-undang, kewangan atau ekonomi terhadap keupayaan anak syarikat kami untuk memindahkan/menerima dana kepada/dari Syarikat kami dalam bentuk dividen tunai, pinjaman atau pendahuluan, tertakluk kepada ketersediaan rizab, pinjaman atau pendahuluan yang boleh diagihkan dengan mematuhi mana-mana perjanjian kewangan yang berkenaan.

**(a) Ulasan mengenai aliran tunai:****FYE 2021****(i) Tunai bersih daripada aktiviti kendalian**

Untuk FYE 2021, keuntungan kendalian Kumpulan kami sebelum perubahan dalam modal kerja adalah kira-kira RM32.87 juta. Selepas membuat pelarasan untuk perkara utama berikut, tunai bersih daripada aktiviti kendalian kami adalah kira-kira RM31.28 juta:

- (a) pengurangan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak kira-kira RM0.75 juta terutamanya disebabkan oleh pembayaran segera daripada pelanggan kami;
- (b) peningkatan perdagangan belum bayar dan belum bayar lain sebanyak kira-kira RM4.07 juta terutamanya disebabkan oleh kelewatan pembayaran yang dibuat kepada pembekal kami akibat daripada pelaksanaan pelbagai fasa MCO yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia;
- (c) cukai pendapatan yang dibayar sebanyak kira-kira RM3.45 juta; dan
- (d) peningkatan inventori kira-kira RM2.16 juta terutamanya disebabkan oleh jumlah kerja dalam proses dan barangan siap yang lebih tinggi, yang menunggu penyelesaian proses pengeluaran atau penghantaran kerana pesanan ini hanya perlu dipenuhi pada tahun kewangan berikutnya.



---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

**(ii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan**

Bagi FYE 2021, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan sebanyak kira-kira RM13.07 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan perkara berikut:

- (a) pembelian mesin, alat dan peralatan seperti mesin CNC, yang digunakan dalam aktiviti pengeluaran kami, kira-kira RM9.77 juta;
- (b) pembelian peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan dan sistem penggera kebakaran kira-kira RM0.82 juta; dan
- (c) modal kerja-dalam proses untuk Kilang 2 dan Kilang 3 kira-kira RM2.22 juta.

**(iii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan**

Bagi FYE 2021, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan sebanyak kira-kira RM1.14 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan perkara berikut:

- (a) pembayaran balik pinjaman berjangka kira-kira RM1.11 juta; dan
- (b) pembayaran balik liabiliti pajakan kira-kira RM0.60 juta.

Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi sebahagiannya oleh perolehan daripada terbitan saham biasa baharu dalam NE Integrated sebanyak kira-kira RM0.60 juta.

**FYE 2022****(i) Tunai bersih daripada aktiviti kendalian**

Bagi FYE 2022, keuntungan kendalian Kumpulan kami sebelum perubahan dalam modal kerja adalah kira-kira RM50.54 juta. Selepas membuat pelarasan untuk perkara utama berikut, tunai bersih kami daripada aktiviti kendalian adalah kira-kira RM23.89 juta:

- (a) peningkatan perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak kira-kira RM5.30 juta disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi pada FYE 2022 yang mengakibatkan pengebilan dan jumlah terhutang daripada pelanggan yang lebih tinggi;
- (b) penurunan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain kira-kira RM10.34 juta terutamanya disebabkan oleh pembayaran balik jumlah terhutang kepada Pengarah dan pemegang saham kami serta pembayaran kepada pembekal dan subkontraktor kami pada tahun kewangan;
- (c) cukai pendapatan yang dibayar kira-kira RM9.73 juta; dan
- (d) peningkatan inventori kira-kira RM0.67 juta terutamanya disebabkan oleh jumlah kerja dalam proses yang lebih tinggi kerana pesanan ini hanya perlu dipenuhi pada tahun kewangan berikutnya dan jumlah bahan mentah yang lebih tinggi disebabkan kami membeli lebih banyak bahan mentah ke arah penghujung FYE 2022 untuk memenuhi jangkaan peningkatan tempahan pelanggan kami pada tahun kewangan akan datang.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (ii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan

Bagi FYE 2022, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan sebanyak kira-kira RM2.60 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan perkara berikut:

- (a) pembelian mesin, alat dan peralatan seperti mesin CNC, yang digunakan dalam aktiviti pengeluaran kami, kira-kira RM6.17 juta;
- (b) pembelian peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan dan sistem penggera kebakaran untuk kilang kami yang baru diubah suai, iaitu Kilang 2 dan Kilang 3, kira-kira RM0.94 juta; dan
- (c) modal kerja dalam proses terutamanya untuk Kilang 3 kira-kira RM1.01 juta.

Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi sebahagiannya dengan perolehan daripada pelupusan 2 hartanah, iaitu sebuah kilang berkembar setingkat dengan pejabat 2 tingkat dan sebuah kilang berkembar 1½ tingkat yang terletak di Taman Industri Ringan Juru, Pulau Pinang bernilai kira-kira RM6.48 juta.

### (iii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan

Bagi FYE 2022, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan kira-kira RM6.49 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan perkara berikut:

- (a) pembayaran dividen sebanyak RM1.02 juta;
- (b) pembayaran balik pinjaman berjangka kira-kira RM4.57 juta; dan
- (c) pembayaran balik liabiliti pajakan kira-kira RM1.19 juta.

## FYE 2023

### (i) Tunai bersih daripada aktiviti kendalian

Bagi FYE 2023, keuntungan kendalian Kumpulan kami sebelum perubahan dalam modal kerja adalah kira-kira RM30.76 juta. Selepas membuat pelarasan untuk perkara utama berikut, tunai bersih kami daripada aktiviti kendalian adalah kira-kira RM22.74 juta:

- (a) penurunan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak kira-kira RM6.51 juta terutamanya disebabkan oleh jualan yang lebih rendah pada FYE 2023 yang mengakibatkan pengebilan dan jumlah terhutang daripada pelanggan yang lebih rendah;
- (b) penurunan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain sebanyak kira-kira RM6.57 juta terutamanya disebabkan oleh pembelian bahan mentah dan bahan pakai habis yang lebih rendah yang mengakibatkan perdagangan belum bayar yang lebih rendah kepada pembekal dan subkontraktor kami pada tahun kewangan;
- (c) cukai pendapatan yang dibayar kira-kira RM8.47 juta; dan

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

- (d) penurunan dalam inventori kira-kira RM1.10 juta terutamanya disebabkan oleh jumlah kerja dalam proses dan bahan mentah yang lebih rendah, yang sejajar dengan penerimaan pesanan yang lebih rendah untuk tahun kewangan.

**(ii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan**

Bagi FYE 2023, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan sebanyak kira-kira RM9.12 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan pembelian mesin, alatan dan peralatan kira-kira RM8.12 juta dan peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan serta sistem penggera kebakaran kira-kira RM1.08 juta.

Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi sebahagiannya dengan perolehan daripada pelupusan 2 hartanah, iaitu 2 unit kedai pejabat dua tingkat, terletak di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang sebanyak RM1.70 juta.

**(iii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan**

Bagi FYE 2023, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan sebanyak kira-kira RM4.16 juta yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran balik pinjaman berjangka dan liabiliti pajakan masing-masing kira-kira RM2.93 juta dan RM1.96 juta. Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi sebahagiannya oleh pengeluaran liabiliti pajakan kira-kira RM0.75 juta.

**FPE 2024****(i) Tunai bersih daripada aktiviti kendalian**

Bagi FPE 2024, keuntungan kendalian Kumpulan kami sebelum perubahan dalam modal kerja adalah kira-kira RM21.73 juta. Selepas membuat pelarasan untuk perkara utama berikut, tunai bersih kami daripada aktiviti kendalian adalah kira-kira RM6.30 juta:

- (a) peningkatan perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak kira-kira RM5.61 juta terutamanya disebabkan oleh perdagangan belum terima yang lebih tinggi yang direkodkan;
- (b) pengurangan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain sebanyak kira-kira RM4.10 juta terutamanya disebabkan oleh pembelian bahan mentah dan bahan pakai habis yang lebih rendah yang mengakibatkan belum bayar yang lebih rendah kepada pembekal dan subkontraktor kami dalam tempoh kewangan;
- (c) cukai pendapatan yang dibayar kira-kira RM4.94 juta; dan
- (d) peningkatan inventori kira-kira RM0.06 juta terutamanya disebabkan oleh jumlah kerja dalam proses yang lebih tinggi yang menunggu penyelesaian proses pengeluaran dan pesanan hanya perlu dipenuhi selepas tempoh kewangan.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (ii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan

Bagi FPE 2024, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan kira-kira RM0.31 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan pembelian mesin, alat dan peralatan serta peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan.

### (iii) Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan

Bagi FPE 2024, Kumpulan kami merekodkan tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan kira-kira RM4.35 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan perkara berikut:

- (a) pembayaran dividen sebanyak RM2.00 juta;
- (b) pembayaran balik pinjaman berjangka kira-kira RM0.98 juta; dan
- (c) pembayaran balik liabiliti pajakan kira-kira RM1.35 juta.

#### 11.4.3 Pinjaman

Jumlah pinjaman terkumpul kami pada 31 Mei 2024 berjumlah kira-kira RM28.82 juta. Semua pinjaman kami adalah bercagar, berfaedah dan dalam denominasi RM, butirannya dinyatakan di bawah:

Jenis pinjaman	Tujuan	Tempoh	Kadar faedah setahun %	Pada 31 Mei 2024		
				Berbayar dalam tempoh 12 bulan	Berbayar selepas 12 bulan	Jumlah
				RM'000	RM'000	RM'000
Pinjaman berjangka <sup>(i)(ii)</sup>	Pembelian hartanah	15 hingga 25 tahun	4.30 hingga 7.22	1,518	25,253	26,771
Liabiliti pajakan <sup>(iii)</sup>	Pembelian mesin dan peralatan, dan kenderaan bermotor	3 hingga 5 tahun	2.41 hingga 5.66	1,607	440	2,047
<b>Jumlah</b>				<b>3,125</b>	<b>25,693</b>	<b>28,818</b>

Nota:

- (i) Terdiri daripada 7 pinjaman berjangka untuk membiayai/ membiayai sebahagian pemerolehan berikut:
  - (a) tanah (bersama dengan bangunan sedia ada yang didirikan di atasnya) untuk Kilang 2;
  - (b) tanah (bersama dengan bangunan sedia ada yang didirikan di atasnya) untuk Kilang 3;
  - (c) Lot 1368;
  - (d) Lot 1143;

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (e) sebuah unit kilang industri ringan banglo dua tingkat yang terletak di Kawasan Industri Ringan Juru, Simpang Ampat, Pulau Pinang;
- (f) sebuah unit kilang industri ringan banglo dua tingkat yang terletak di Kawasan Industri Ringan Juru, Simpang Ampat, Pulau Pinang; dan
- (g) sebuah unit kilang berkembar setingkat yang ditambah dengan pejabat dua tingkat yang terletak di Taman Industri Ringan Juru, Simpang Ampat, Pulau Pinang.
- (ii) Berdasarkan kadar terapung.
- (iii) Terdiri daripada 24 kemudahan sewa beli terhutang kepada institusi kewangan.

Profil kematangan jumlah pinjaman tertunggak kami pada 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah:

	Pada 31 Mei 2024			
	Dalam tempoh 1 tahun	2 hingga 5 tahun	Lebih daripada 5 tahun	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pinjaman berjangka	1,518	6,839	18,414	26,771
Liabiliti pajakan	1,607	440	-	2,047
<b>Jumlah</b>	<b>3,125</b>	<b>7,279</b>	<b>18,414</b>	<b>28,818</b>

Pinjaman bank yang diberikan kepada kami daripada institusi kewangan adalah bercagar melalui caj ke atas tanah dan bangunan pegangan bebas kami, hartanah pelaburan, tanah dan bangunan pegangan pajak dan mesin CNC, serta dijamin secara bersama dan berasingan oleh Pengarah tertentu Kumpulan kami.

Kumpulan kami telah memperoleh persetujuan bersyarat daripada institusi kewangan untuk melepaskan para Pengarah dan/atau pemegang saham daripada jaminan peribadi mereka dengan menggantikannya dengan jaminan korporat daripada Syarikat kami setelah Penyenaraian kami berjaya. Butiran pinjaman bank serta caj sekuriti adalah seperti berikut:

Butiran pinjaman bank	Cagaran diberikan
Hong Leong Bank Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada NE Components terdiri daripada pinjaman berjangka tetap	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaj ke atas sebuah kilang industri ringan banglo dua tingkat dan sebuah kilang berkembar setingkat ditambah dengan pejabat dua tingkat</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Meng Hang</li> <li>• Yin Thien Hee</li> </ul> </li> </ul>

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Butiran pinjaman bank	Cagaran diberikan
RHB Islamic Bank Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada NE Components terdiri daripada Pembiayaan-i Berjangka Murabahah Komoditi fleksi penuh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaj ke atas Lot 1143</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Yin Thien Hee</li> </ul> </li> </ul>
RHB Islamic Bank Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada NE Components terdiri daripada Pembiayaan-i Berjangka Murabahah Komoditi fleksi penuh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaj ke atas sebidang tanah pegangan bebas</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Yin Thien Hee</li> </ul> </li> </ul>
Public Bank Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada NE Integrated yang terdiri daripada pinjaman berjangka tetap dan jaminan bank	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaj ke atas Kilang 3</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Chai Hee</li> </ul> </li> </ul>
Public Bank Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada Northeast Precision yang terdiri daripada pinjaman berjangka tetap	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Caj ke atas sebuah kilang industri ringan banglo dua tingkat</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Meng Hang</li> </ul> </li> </ul>
Public Bank Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada Northeast Precision yang terdiri daripada pinjaman berjangka tetap dan jaminan bank	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Caj ke atas Kilang 2 dan Lot 20460</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Meng Hang</li> </ul> </li> </ul>
Public Bank Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada Northeast Precision yang terdiri daripada pinjaman berjangka tetap	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Caj ke atas sebidang tanah pegangan bebas</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Meng Hang</li> </ul> </li> </ul>
OCBC Bank (Malaysia) Berhad untuk kemudahan yang diberikan kepada Northeast Precision yang terdiri daripada kemudahan perdagangan (surat jaminan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Caj ke atas Kilang 1</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Meng Hang</li> </ul> </li> </ul>
Affin Bank Berhad untuk sewa beli yang diberikan kepada NE Components	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dijamin oleh Yin Thien Hee</li> </ul>

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Butiran pinjaman bank	Cagaran diberikan
OCBC Al-Amin Bank Berhad untuk sewa beli yang diberikan kepada NE Components	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaj ke atas 5 mesin CNC di bawah sewa beli</li> <li>- Jaminan bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Meng Hang</li> <li>• Yin Thien Hee</li> </ul> </li> </ul>
OCBC Al-Amin Bank Berhad untuk sewa beli yang diberikan kepada NE Integrated	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaj ke atas 9 mesin CNC di bawah sewa beli</li> <li>- Dijamin bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Chai Hee</li> </ul> </li> </ul>
OCBC Al-Amin Bank Berhad untuk sewa beli yang diberikan kepada NE Technologies	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dicaj ke atas 7 mesin CNC di bawah sewa beli</li> <li>- Dijamin bersama dan berasingan oleh: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ng Chay Chin</li> <li>• Chong Ewe Hean</li> <li>• Ng Chai Hee</li> <li>• Ng Meng Hang</li> </ul> </li> </ul>
Public Bank Berhad untuk sewa beli yang diberikan kepada Northeast Precision	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dijamin oleh Ng Chay Chin</li> </ul>
Public Bank Berhad untuk sewa beli yang diberikan kepada Northeast Precision	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Dijamin oleh Chong Ewe Hean</li> </ul>

Tiada sebarang kemungkiran pada sebarang pembayaran sama ada faedah dan/atau jumlah prinsipal berkenaan dengan mana-mana pinjaman kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan sehingga LPD. Kami juga tidak menemui kebermusiman dalam trend pinjaman kami.

Pada LPD, kami tidak melanggar mana-mana terma dan syarat atau perjanjian yang berkaitan dengan pengatur kredit atau peminjaman bank kami yang boleh menjejaskan secara material kedudukan kewangan kami, keputusan operasi perniagaan atau pelaburan oleh pemegang Saham kami.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 11.4.4 Komitmen material

Pada LPD, kecuali seperti yang dibentangkan di bawah, Kumpulan kami tidak mempunyai sebarang komitmen material lain untuk perbelanjaan modal, yang apabila dikuatkuasakan, mungkin mempunyai kesan material ke atas kedudukan kewangan kami:

	RM'000
<b>Perbelanjaan modal berkenaan dengan pembelian hartanah, loji dan peralatan</b>	
– Diluluskan tetapi tidak dikontrak	62,778
– Dikontrak tetapi tidak diperuntukkan	763
<b>Jumlah</b>	<b>63,541</b>

Komitmen material di atas adalah untuk, antara lain, pengembangan kapasiti pengeluaran kami, yang termasuk pembinaan Kilang Baharu serta pembelian mesin CNC baharu. Kami menjangka bahawa pembiayaan komitmen material kami di atas melalui dana yang dijana secara dalaman dan/atau pinjaman bank serta kira-kira RM52.38 juta daripada perolehan yang diperolehi daripada Terbitan Awam kami.

Sila rujuk Seksyen 3.7 dan 6.5 Prospektus ini untuk butiran mengenai penggunaan perolehan yang diperolehi daripada Terbitan Awam kami dan rancangan masa depan serta strategi perniagaan kami, masing-masing.

### 11.4.5 Liabiliti luar jangka

Pada LPD, Lembaga kami mengesahkan bahawa tiada liabiliti luar jangka, yang apabila dikuatkuasakan, mungkin mempunyai kesan buruk yang ketara ke atas keputusan operasi atau kedudukan kewangan kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 11.4.6 Pelaburan dan penyahlaburan material

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, kami tidak melakukan sebarang pelaburan dan penyahlaburan material semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan, FPE 2024 dan sehingga LPD:

	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2024	Dari 1 Jun 2024 hingga LPD
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b><u>Pelaburan material</u></b>					
Mesin, alatan dan peralatan	(i)9,768	(i)6,170	(i)8,116	-	-
Modal kerja dalam proses	(ii)2,219	(iii)1,008	-	-	-
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan dan sistem penggera kebakaran	-	-	1,082	-	-
Lot 1143	-	-	12,829	-	-
Tanah pegangan bebas	-	-	-	-	(vi)10,870
<b>Jumlah</b>	<b>11,987</b>	<b>7,178</b>	<b>22,027</b>	<b>-</b>	<b>10,870</b>
<b><u>Penyahlaburan material</u></b>					
Hartanah, loji dan peralatan	-	(iv)6,480	-	-	-
Aset bukan semasa dipegang untuk dijual	-	-	(v)1,700	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>6,480</b>	<b>1,700</b>	<b>-</b>	<b>-</b>

Nota:

- (i) Iaitu pembelian mesin, alatan dan peralatan seperti mesin CNC yang digunakan dalam aktiviti pengeluaran kami.
- (ii) Iaitu modal kerja dalam proses terutamanya untuk pengubahsuaian Kilang 2 dan Kilang 3.
- (iii) Iaitu modal kerja dalam proses terutamanya untuk pengubahsuaian Kilang 3.
- (iv) Iaitu pelupusan 2 hartanah, iaitu kilang berkembar satu tingkat dengan pejabat 2 tingkat dan kilang berkembar 1½ tingkat yang terletak di Taman Industri Ringan Juru, Simpang Ampat, Pulau Pinang dengan jumlah pertimbangan tunai sebanyak RM6.48 juta.
- (v) Iaitu pelupusan 2 hartanah, iaitu 2 unit kedai pejabat dua tingkat yang terletak di Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat, Pulau Pinang dengan jumlah pertimbangan tunai sebanyak RM1.70 juta.
- (vi) Iaitu pembelian sebidang tanah pegangan bebas yang terletak di Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dengan jumlah pertimbangan tunai sebanyak kira-kira RM10.87 juta.

Pelaburan material di atas dibiayai melalui gabungan dana yang dijana secara dalaman dan pinjaman bank. Pada LPD, kami tidak mempunyai sebarang perbelanjaan modal material dan penyahlaburan yang sedang dijalankan.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### 11.4.7 Litigasi atau prosiding timbang tara material

Pada LPD, kami tidak terlibat dalam mana-mana prosiding kerajaan, undang-undang atau timbang tara, termasuk yang berkaitan dengan kebangkrutan, penerimaan atau prosiding serupa yang mungkin mempunyai atau telah mempunyai, kesan material atau ketara ke atas kedudukan kewangan atau keuntungan kami, pada 12 bulan yang lalu sejurus sebelum tarikh Prospektus ini.

### 11.4.8 Nisbah kewangan penting

Jadual di bawah membentangkan nisbah kewangan penting Kumpulan kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima <sup>(i)</sup> (hari)	55	53	54	51	65
Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar <sup>(ii)</sup> (hari)	61	31	27	31	31
Tempoh pusing ganti inventori <sup>(iii)</sup> (hari)	14	15	16	18	16
Nisbah semasa <sup>(iv)</sup> (kali)	2.45	5.00	6.46	6.38	10.84
Nisbah penggearing <sup>(v)</sup> (kali)	0.28	0.19	0.22	0.23	0.19
Nisbah penggearing bersih <sup>(vi)</sup> (kali)	(0.32)	(0.38)	(0.36)	(0.34)	(0.36)

Nota:

- (i) Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima dikira berdasarkan perdagangan belum terima berbanding hasil untuk tahun/ tempoh kewangan masing-masing didarab dengan bilangan hari dalam tahun/ tempoh kewangan masing-masing.
- (ii) Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar dikira berdasarkan perdagangan belum bayar berbanding kos jualan bagi tahun/ tempoh kewangan masing-masing didarab dengan bilangan hari dalam tahun /tempoh kewangan masing-masing.
- (iii) Tempoh pusing ganti inventori dikira berdasarkan inventori berbanding kos jualan bagi tahun/ tempoh kewangan masing-masing didarab dengan bilangan hari dalam tahun/ tempoh kewangan masing-masing.
- (iv) Nisbah semasa dikira berdasarkan jumlah aset semasa berbanding jumlah liabiliti semasa pada akhir tahun/ tempoh kewangan masing-masing.
- (v) Nisbah penggearing dikira berdasarkan jumlah pinjaman (termasuk liabiliti pajakan yang terhutang kepada institusi kewangan) berbanding jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepunya entiti bergabung/ pemilik syarikat induk pada akhir tahun/ tempoh kewangan masing-masing.
- (vi) Nisbah penggearing bersih dikira berdasarkan jumlah pinjaman (termasuk liabiliti pajakan yang terhutang kepada institusi kewangan), bersih daripada tunai dan baki bank, berbanding jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepunya entiti bergabung/ pemilik syarikat induk pada akhir tahun/ tempoh kewangan masing-masing.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (i) Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perdagangan belum terima	17,198	21,066	13,697	13,914	16,486
Hasil	113,207	144,515	93,335	65,745	62,212
Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima <sup>(i)</sup> (hari)	55	53	54	51	65

Nota:

- (i) Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima dikira berdasarkan perdagangan belum terima berbanding hasil untuk tahun/ tempoh kewangan masing-masing didarab dengan bilangan hari dalam tahun/ tempoh kewangan masing-masing.

Untuk FYE 2023 dan FPE 2024, tempoh kredit yang diberikan kepada pelanggan kami adalah antara 30 hari hingga 120 hari (FYE 2022 dan FYE 2021: 30 hari hingga 90 hari). Setiap permohonan kredit dinilai dan diluluskan selepas mengambil kira pelbagai faktor seperti latar belakang dan kebolehpercayaan kredit (termasuk sejarah pembayaran) pelanggan kami, hubungan perniagaan dengan pelanggan kami serta volum dan nilai urus niaga.

Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima kami adalah masing-masing pada 55 hari, 53 hari, 54 hari dan 65 hari untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, yang berada dalam tempoh kredit biasa yang diberikan kepada pelanggan kami.

Untuk FYE 2022, tempoh pusing ganti perdagangan belum terima kami berkurangan kepada 53 hari (FYE 2021: 55 hari) terutamanya disebabkan oleh kerugian rosot nilai yang lebih tinggi yang direkodkan akibat daripada rosot nilai perdagangan belum terima secara individu daripada salah seorang pelanggan kami sebanyak kira-kira RM1.32 juta.

Tempoh pusing ganti perdagangan belum terima kami untuk FYE 2023 sebanyak 54 hari secara amnya konsisten dengan FYE 2022 sebanyak 53 hari.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Untuk FPE 2024, tempoh pusing ganti perdagangan belum terima kami meningkat kepada 65 hari (FPE 2023: 51 hari) terutamanya disebabkan oleh perbezaan masa pada pembayaran yang dibuat oleh pelanggan kami. Analisis usia perdagangan belum terima kami pada 31 Mei 2024 dan kutipan berikutnya serta baki perdagangan belum terima kami pada LPD adalah seperti di bawah:

	Dalam tempoh kredit	Melebihi tempoh kredit			Jumlah
		Tidak melebihi 30 hari	Antara 31 hingga 60 hari	Lebih daripada 60 hari	
		RM'000	RM'000	RM'000	
Perdagangan belum terima	12,486	3,182	588	230	16,486
% jumlah perdagangan belum terima	75.74	19.30	3.57	1.39	100.00
Kutipan berikutnya sehingga dan termasuk LPD	11,570	3,147	538	128	15,383
Perdagangan belum terima tertunggak pada LPD (bersih daripada kutipan berikutnya)	916	35	50	102	1,103
% perdagangan belum terima bersih daripada kutipan berikutnya	83.05	3.17	4.53	9.25	100.00

Pada 31 Mei 2024, jumlah perdagangan belum terima kami berjumlah kira-kira RM16.49 juta, di mana kira-kira RM4.00 juta atau 24.26% daripada perdagangan belum terima kami melebihi tempoh kredit biasa. Ini disebabkan terutamanya oleh masa pemprosesan pembayaran oleh pelanggan multinasional kami, yang biasanya berlaku pada akhir bulan tanpa mengira tarikh invoice, dan oleh itu lazimnya tertunggak sedikit.

Pada LPD, kami telah mengutip kira-kira RM15.38 juta, mewakili kira-kira 93.31% daripada jumlah perdagangan belum terima kami pada 31 Mei 2024. Kami masih dalam proses mengutip perdagangan belum terima tertunggak kira-kira RM1.10 juta daripada pelanggan kami. Lembaga kami berpendapat bahawa perdagangan belum terima yang tertunggak boleh diperoleh semula selepas mengambil kira sejarah pembayaran pelanggan ini. Kami telah berusaha berterusan untuk mendapatkan semula jumlah tertunggak, termasuk panggilan susulan dan surat-menyurat.

Kami menetapkan dasar kawalan kredit dan pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara berterusan. Sebagai sebahagian daripada dasar kawalan kredit kami, Kumpulan kami menilai sama ada mana-mana perdagangan belum terima mengalami kemerosotan kredit pada asas tahunan berdasarkan prestasi operasi pelanggan kami, perubahan dalam terma kontrak, arah aliran pembayaran dan maklumat tempoh lampau.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

### (ii) Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Perdagangan belum bayar	13,068	7,513	4,270	4,910	4,897
Kos jualan	78,377	89,738	57,885	39,060	38,313
Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar <sup>(i)</sup> (hari)	61	31	27	31	31

Nota:

- (i) Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar dikira berdasarkan perdagangan belum bayar berbanding kos jualan bagi tahun/ tempoh kewangan masing-masing didarab dengan bilangan hari dalam tahun/ tempoh kewangan masing-masing.

Untuk FYE 2023 dan FPE 2024, tempoh kredit yang diberikan oleh pembekal kami adalah antara 30 hari hingga 90 hari (FYE 2022 dan FYE 2021: 30 hari hingga 180 hari). Ianya amalan kami untuk membuat pembayaran segera kepada pembekal kami untuk memupuk hubungan perniagaan yang baik dengan mereka untuk menjaga kesinambungan bekalan pada harga yang kompetitif.

Tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar kami adalah pada 61 hari, 31 hari, 27 hari dan 31 hari masing-masing untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024, yang masih dalam/lebih rendah daripada tempoh kredit biasa yang diberikan oleh pembekal kami.

Untuk FYE 2022, tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar kami berkurangan kepada 31 hari (FYE 2021: 61 hari) kerana kami membayar pembekal dan subkontraktor kami dalam tempoh masa yang lebih singkat pada FYE 2022 dan bukannya tempoh yang lebih panjang semasa pelaksanaan pelbagai fasa MCO oleh Kerajaan Malaysia dalam FYE 2021.

Untuk FYE 2023, tempoh pusing ganti perdagangan belum bayar kami berkurangan kepada 27 hari (FYE 2022: 31 hari) terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam perdagangan belum bayar akibat daripada pembelian bahan mentah dan perkhidmatan subkontraktor yang lebih rendah, yang sejajar dengan jualan lebih rendah yang direkodkan untuk tahun kewangan.

Tempoh pusing sejajar perdagangan belum bayar kami untuk FPE 2024 selama 31 hari adalah konsisten dengan FPE 2023 selama 31 hari.

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

Analisis usia perdagangan belum bayar kami pada 31 Mei 2024 dan pembayaran berikutnya serta baki perdagangan belum bayar kami pada LPD adalah seperti di bawah:

	Dalam tempoh kredit	Melebihi tempoh kredit			Jumlah
		Tidak melebihi 30 hari	Antara 31 hingga 60 hari	Melebihi 60 hari	
		RM'000	RM'000	RM'000	
Perdagangan belum bayar	4,897	-	*	-	4,897
% jumlah perdagangan belum bayar	100.00	-	^	-	100.00
Pembayaran berikutnya sehingga dan termasuk LPD	4,850	-	*	-	4,850
Pembayaran belum terima tertunggak pada LPD (bersih daripada pembayaran berikutnya)	47	-	*	-	47
% perdagangan belum bayar bersih daripada pembayaran berikutnya	100.00	-	^	-	100.00

Nota:

\* Kurang daripada RM1,000.

^ Kurang daripada 0.01%.

Pada 31 Mei 2024, perdagangan belum bayar kami berjumlah kira-kira RM4.90 juta, yang mana jumlah yang kecil (kurang daripada RM1,000) telah melebihi tempoh kredit biasa.

Kami tidak terlibat dalam sebarang pertikaian dengan mana-mana pembekal kami dan tiada sebarang tindakan undang-undang telah dimulakan oleh mereka terhadap kami semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan, FPE 2024 dan sehingga LPD.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

## (iii) Nisbah tempoh pusing ganti inventori

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Inventori</b>					
– Bahan mentah	985	1,170	875	1,692	1,303
– Kerja dalam proses	1,466	1,816	779	387	557
– Barangan siap	470	601	838	743	690
<b>Jumlah</b>	<b>2,921</b>	<b>3,587</b>	<b>2,492</b>	<b>2,822</b>	<b>2,550</b>
Kos jualan	78,377	89,738	57,885	39,060	38,313
Tempoh pusing ganti inventori <sup>(i)</sup> (hari)	14	15	16	18	16

Nota:

- (i) Tempoh pusing ganti inventori dikira berdasarkan inventori ke atas kos jualan bagi tahun/ tempoh kewangan masing-masing didarab dengan bilangan hari dalam tahun/ tempoh kewangan masing-masing.

Memandangkan kami memberi tumpuan kepada pembuatan HMLV, kami hanya memulakan pengeluaran kami (termasuk perancangan pengeluaran, penilaian tahap inventori dan perolehan bahan mentah) selepas menerima pesanan yang pasti daripada pelanggan kami dan mengeluarkan mengikut spesifikasi dan keperluan mereka.

Untuk FYE 2022, tempoh pusing ganti inventori kami meningkat kepada 15 hari (FYE 2021: 14 hari) terutamanya disebabkan oleh jumlah kerja dalam proses yang lebih tinggi kerana pesanan ini hanya perlu dipenuhi pada tahun kewangan berikutnya dan jumlah bahan mentah yang dibeli adalah lebih tinggi. Daripada membeli bahan mentah berdasarkan pesanan yang pasti daripada pelanggan, kami membeli bahan mentah berdasarkan jangkaan pesanan yang lebih tinggi untuk tahun kewangan yang akan datang untuk mendapat manfaat daripada skala ekonomi melalui pembelian pukal bahan mentah.

Untuk FYE 2023, tempoh pusing ganti inventori kami meningkat sedikit kepada 16 hari (FYE 2022: 15 hari) terutamanya disebabkan peningkatan sedikit dalam barangan siap disebabkan perbezaan masa dalam penghantaran pesanan kepada pelanggan pada tahun kewangan akan datang.

Untuk FPE 2024, tempoh pusing ganti inventori kami berkurangan kepada 16 hari (FPE 2023: 18 hari) terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam bahan mentah kerana kami membeli bahan mentah yang lebih rendah, yang sejajar dengan jualan yang lebih rendah yang direkodkan untuk tempoh kewangan.

Kami menyemak inventori kami yang bergerak perlahan/tidak lagi digunakan lebih daripada 12 bulan dengan menggunakan pendekatan pengenalan khusus yang memerlukan pengurusan kami untuk mempertimbangkan jangka hayat dan kekerapan permintaan inventori kami. Memandangkan pertimbangan dan anggaran pengurusan kami diperlukan, kemungkinan perubahan dalam anggaran ini boleh mengakibatkan rosot nilai pada inventori.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Kami berpendapat bahawa tiada inventori material yang bergerak perlahan/tidak digunakan lagi pada LPD berdasarkan perkara berikut:

- (a) bahan mentah kami terutamanya adalah logam yang bersifat tahan lama;
- (b) kerja dalam proses dan barangan siap terutamanya terdiri daripada bahagian logam kepingan dan komponen kejuruteraan ketepatan yang dikilangkan mengikut spesifikasi dan keperluan pelanggan serta disokong oleh pesanan pembelian yang pasti; dan
- (c) kami tidak mengalami sebarang peruntukan untuk inventori yang bergerak perlahan/ tidak digunakan lagi sepanjang Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024.

### (iii) Nisbah semasa

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Aset semasa	73,868	99,229	104,262	100,939	114,160
Liabiliti semasa	30,199	19,841	16,136	15,827	10,531
Nisbah semasa <sup>(i)</sup> (kali)	2.45	5.00	6.46	6.38	10.84

Nota:

- (i) Nisbah semasa dikira berdasarkan jumlah aset semasa berbanding jumlah liabiliti semasa pada akhir tahun/ tempoh kewangan masing-masing.

Nisbah semasa mengukur kecairan Kumpulan kami dan keupayaan kami untuk memenuhi obligasi jangka pendek kami.

Nisbah semasa kami meningkat daripada 2.45 kali pada 30 September 2021 kepada 5.00 kali pada 30 September 2022 terutamanya disebabkan oleh:

- (a) peningkatan aset semasa kami sebanyak kira-kira RM25.36 juta atau 34.33% yang terutamanya disebabkan oleh peningkatan tunai dan baki bank kami sebanyak kira-kira RM18.20 juta serta perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak kira-kira RM4.76 juta; dan
- (b) penurunan dalam liabiliti semasa kami sebanyak kira-kira RM10.36 juta atau 34.30% yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain kami sebanyak kira-kira RM10.34 juta dan liabiliti cukai semasa kira-kira RM0.98 juta. Walau bagaimanapun, ini telah diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan liabiliti pajakan kira-kira RM1.20 juta.



## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Nisbah biasa kami meningkat daripada 5.00 kali pada 30 September 2022 kepada 6.46 kali pada 30 September 2023 terutamanya disebabkan oleh:

- (a) peningkatan aset semasa kami sebanyak kira-kira RM5.03 juta atau 5.07% yang terutamanya disebabkan oleh peningkatan tunai dan baki bank kami sebanyak kira-kira RM10.86 juta serta peningkatan aset cukai semasa sebanyak RM3.68 juta. Walau bagaimanapun, peningkatan aset semasa sebahagiannya diimbangi oleh penurunan dalam perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak kira-kira RM6.80 juta, penurunan dalam inventori kira-kira RM1.10 juta dan pelupusan aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan kira-kira RM1.61 juta pada FYE 2022; dan
- (b) penurunan dalam liabiliti semasa kami sebanyak kira-kira RM3.70 juta atau 18.67% yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain kami sebanyak kira-kira RM3.73 juta serta penurunan dalam liabiliti cukai semasa kira-kira RM0.84 juta. Walau bagaimanapun, penurunan dalam liabiliti semasa telah diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan pinjaman kira-kira RM0.49 juta dan peningkatan liabiliti pajakan kira-kira RM0.38 juta.

Nisbah biasa kami meningkat daripada 6.38 kali pada 31 Mei 2023 kepada 10.84 kali pada 31 Mei 2024 terutamanya disebabkan oleh:

- (a) peningkatan aset semasa kami sebanyak kira-kira RM13.22 juta atau 13.10% yang terutamanya disebabkan oleh peningkatan tunai dan baki bank kami sebanyak kira-kira RM5.00 juta, peningkatan perdagangan belum terima dan belum terima lain sebanyak kira-kira RM4.65 juta dan peningkatan aset cukai semasa kira-kira RM3.84 juta; dan
- (b) penurunan dalam liabiliti semasa kami sebanyak kira-kira RM5.30 juta atau 33.46% yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam perdagangan belum bayar dan belum bayar lain kami sebanyak kira-kira RM5.93 juta serta penurunan dalam liabiliti pajakan kira-kira RM0.25 juta.

### (iv) Nisbah penggearingan

	Teraudit			Tidak Teraudit	Teraudit
	Pada 30 September			Pada 31 Mei	
	2021	2022	2023	2023	2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Jumlah pinjaman <sup>(i)</sup>	24,543	23,517	31,053	32,109	28,818
Jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepunya bersama entiti bergabung/ pemilik syarikat induk	89,032	126,383	142,743	140,318	155,108
Nisbah penggearingan <sup>(iii)</sup> (kali)	0.28	0.19	0.22	0.23	0.19
Nisbah penggearingan bersih <sup>(iii)</sup> (kali)	(0.32)	(0.38)	(0.36)	(0.34)	(0.36)

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Nota:

- (i) Terdiri daripada pinjaman berjangka dan liabiliti pajakan yang terhutang kepada institusi kewangan.
- (ii) Nisbah penggearing dikira berdasarkan jumlah pinjaman (termasuk liabiliti pajakan yang terhutang kepada institusi kewangan) berbanding jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepenuhnya entiti bergabung/ pemilik syarikat induk pada akhir tahun/ tempoh kewangan masing-masing.
- (iii) Nisbah penggearing bersih dikira berdasarkan jumlah pinjaman (termasuk liabiliti pajakan yang terhutang kepada institusi kewangan), bersih tunai dan baki bank, berbanding jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal bersama entiti mengawal/ pemilik syarikat induk pada akhir tahun/ tempoh kewangan masing-masing.

Nisbah penggearing kami menurun daripada 0.28 kali pada 30 September 2021 kepada 0.19 kali pada 30 September 2022. Ini terutamanya disebabkan oleh:

- (a) pembayaran balik pinjaman berjangka kira-kira RM4.57 juta;
- (b) pembayaran balik liabiliti pajakan kira-kira RM1.19 juta; dan
- (c) peningkatan jumlah ekuiti kami berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepenuhnya entiti bergabung sebanyak kira-kira RM37.35 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan keuntungan bersih yang dijana semasa FYE 2022 sebanyak kira-kira RM38.07 juta.

Nisbah penggearing kami meningkat daripada 0.19 kali pada 30 September 2022 kepada 0.22 kali pada 30 September 2023 terutamanya disebabkan oleh pengeluaran pinjaman berjangka kira-kira RM11.04 juta untuk pemerolehan Lot 1143. Ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan jumlah ekuiti berkaitan dengan pemegang saham mengawal sepenuhnya entiti bergabung berjumlah kira-kira RM16.36 juta yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan keuntungan bersih yang dijana semasa FYE 2023 sebanyak kira-kira RM18.36 juta.

Nisbah penggearing menurun daripada 0.23 kali pada 31 Mei 2023 kepada 0.19 kali pada 31 Mei 2024. Ini terutamanya disebabkan oleh:

- (a) pembayaran balik pinjaman berjangka kira-kira RM0.98 juta;
- (b) pembayaran balik liabiliti pajakan kira-kira RM1.35 juta; dan
- (c) peningkatan jumlah ekuiti berkaitan dengan pemilik syarikat induk sebanyak kira-kira RM14.79 juta yang sebahagian besarnya disebabkan oleh keuntungan bersih yang dijana semasa FPE 2024 sebanyak kira-kira RM12.36 juta.

### 11.4.9 Jenis instrumen kewangan digunakan

Pada LPD, kecuali untuk pinjaman seperti yang didedahkan dalam Seksyen 11.4.3 Prospektus ini, kami tidak mempunyai atau menggunakan mana-mana instrumen kewangan lain. Kami membiayai operasi kami terutamanya melalui tunai yang dijana daripada operasi kami, kredit yang diberikan oleh pembekal kami serta pinjaman luar daripada institusi kewangan.

---

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

---

Walau bagaimanapun, dari perspektif perakaunan, instrumen kewangan terdiri daripada deposit dengan institusi kewangan, tunai dan baki bank, perdagangan belum terima dan belum terima lain, perdagangan belum bayar dan belum bayar lain serta pinjaman seperti yang ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan bergabung/ disatukan kami. Instrumen kewangan ini digunakan dalam urusan perniagaan biasa kami.

### 11.4.10 Dasar dan objektif perbendaharaan

Dasar perbendaharaan utama kami adalah untuk mengekalkan modal kerja yang mencukupi untuk membiayai operasi kami, ditambah pula dengan kemudahan kredit yang mencukupi untuk memenuhi anggaran komitmen yang timbul daripada perbelanjaan kendalian dan liabiliti kewangan kami. Sumber kecairan utama kami ialah tunai dan baki bank kami, tunai yang dijana daripada operasi kami dan pinjaman luar daripada institusi kewangan.

Dalam urusan perniagaan biasa kami, kami berurusan dengan pelanggan dan pembekal dari pasaran tempatan dan luar negara, di mana urusan niaga adalah dalam denominasi mata wang tempatan dan juga asing. Kami mengekalkan akaun bank dalam USD, RM, GBP, EUR dan Yuan China, supaya kutipan boleh digunakan untuk menyelesaikan pembayaran mata wang yang sama (jika boleh). Ini memberikan, pada tahap tertentu, perlindungan semula jadi terhadap turun naik dalam pertukaran asing dan mengurangkan pendedahan kami kepada risiko pertukaran asing. Kami mungkin mempertimbangkan instrumen lindung nilai seperti kontrak derivatif yang tersedia dalam pasaran kewangan untuk melindungi nilai terhadap risiko pertukaran asing sekiranya perlu.

Operasi kami tidak tertakluk kepada sebarang kesan material yang timbul daripada turun naik kadar faedah sepanjang Tahun Kewangan Dalam Semakan dan FPE 2024. Sehubungan itu, kami tidak memasuki sebarang instrumen kewangan untuk melindungi nilai daripada turun naik dalam kadar faedah. Kami menguruskan pendedahan kami kepada turun naik kadar faedah dengan mengekalkan gabungan pinjaman kadar tetap dan kadar terapung.

Kumpulan kami memantau kecukupan modal secara berterusan. Strategi kami adalah untuk mengekalkan nisbah hutang kepada ekuiti pada tahap optimum berdasarkan keperluan perniagaan kami dan keadaan ekonomi semasa. Ia juga menjadi tanggungjawab Pengarah kami untuk mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko utama (kredit, kecairan, mata wang dan kadar faedah) yang berkaitan dengan aktiviti ini.

### 11.5 MAKLUMAT TREND

Pada LPD, Lembaga kami mengesahkan bahawa tiada:

- (i) arah aliran, tuntutan, komitmen, peristiwa atau ketidakpastian yang diketahui yang telah atau yang kami jangkakan secara munasabah akan mempunyai kesan material yang menguntungkan atau tidak menguntungkan ke atas prestasi kewangan, kedudukan dan operasi Kumpulan kami selain daripada yang didedahkan dalam Seksyen ini dan dalam Seksyen 6 dan 8 Prospektus ini;
- (ii) komitmen material untuk perbelanjaan modal, kecuali seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 11.4.4 Prospektus ini;

---

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

---

- (iii) peristiwa atau urus niaga yang luar biasa, jarang berlaku atau sebarang perubahan ekonomi penting yang telah menjejaskan prestasi kewangan, kedudukan dan operasi Kumpulan kami secara material, kecuali seperti yang didedahkan dalam Seksyen ini dan dalam Seksyen 6 dan 8 Prospektus ini;
- (iv) arah aliran, permintaan, komitmen, peristiwa atau ketidakpastian yang diketahui yang telah mengakibatkan kesan material ke atas hasil dan/atau keuntungan Kumpulan kami serta kecairan dan sumber modal Kumpulan kami, kecuali yang telah didedahkan dalam Seksyen ini dan dalam Seksyen 6 dan 8 Prospektus ini; dan
- (v) arah aliran, tuntutan, komitmen, peristiwa atau ketidakpastian yang diketahui yang berkemungkinan munasabah menjadikan penyata kewangan lampau kami tidak menunjukkan prestasi dan kedudukan kewangan masa hadapan selain daripada yang didedahkan dalam Seksyen ini dan dalam Seksyen 6 dan 8 Prospektus ini.

**11.6 PERUBAHAN SIGNIFIKAN**

Tiada perubahan ketara lain yang telah berlaku yang mungkin mempunyai kesan material ke atas kedudukan kewangan dan keputusan Kumpulan kami sejak 31 Mei 2024 sehingga tarikh Prospektus ini.

**11.7 BUKU PESANAN**

Kami tidak menyelenggara buku pesanan kerana kami tidak mempunyai sebarang kontrak jangka panjang dengan pelanggan kami kerana jualan kami dibuat berdasarkan penerimaan pesanan pembelian pasti daripada pelanggan kami secara berterusan.

Walau bagaimanapun, hasil /operasi perniagaan kami adalah mampan tanpa adanya kontrak jangka panjang, berdasarkan perkara berikut:

- (i) dengan kehadiran pasaran kira-kira 20 tahun terkumpul, kami telah mengukuhkan diri kami sebagai pengeluar terkemuka dalam industri kejuruteraan ketepatan. Kami telah mencapai pemahaman tentang kehendak dan keperluan pelanggan kami dan ini telah membolehkan kami bekerjasama rapat dengan mereka selama ini; dan
- (ii) kami telah mengekalkan hubungan jangka panjang dengan pelanggan kami dan kami percaya bahawa hubungan ini telah membolehkan kami mendapatkan pesanan daripada mereka pada masa lalu, dan akan membolehkan kami terus mendapatkan pesanan daripada mereka pada masa hadapan. Hubungan jangka panjang kami dengan pelanggan kami telah membolehkan kami mengembangkan reputasi kami dalam industri kejuruteraan ketepatan.

**11.8 DASAR DIVIDEN**

Syarikat kami pada masa ini tidak mempunyai apa-apa dasar dividen yang rasmi. Memandangkan kami adalah syarikat induk, keupayaan kami untuk membayar dividen bergantung kepada dividen atau pengagihan lain yang kami terima daripada anak-anak syarikat kami. Pembayaran dividen oleh anak-anak syarikat kami adalah bergantung kepada keuntungan boleh diagih, prestasi kewangan, keperluan aliran tunai untuk operasi dan perbelanjaan modal dan sebarang faktor lain.

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

Untuk tujuan maklumat, jadual di bawah membentangkan dividen yang diisytiharkan oleh Kumpulan kami untuk Tahun Kewangan Dalam Semakan dan Tempoh Kewangan Dalam Semakan:

	Teraudit			Tidak teraudit	Teraudit
	FYE 2021	FYE 2022	FYE 2023	FPE 2023	FPE 2024
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dividen diisytiharkan	-	1,020	2,000	-	-
PAT	19,816	38,071	18,360	13,935	12,364

Kecuali seperti yang didedahkan di atas, Kumpulan kami tidak berhasrat untuk mengisytiharkan apa-apa dividen atau membayar apa-apa dividen sebelum Penyenaraian kami.

Peringkat dividen juga tidak boleh dianggap sebagai petunjuk dasar dividen masa hadapan Kumpulan kami dan tidak akan membentuk penyata yang mengikat secara sah. Tidak ada jaminan bahawa dividen akan dibayar pada masa hadapan atau ke atas masa apa-apa dividen yang akan dibayar pada masa hadapan.

Sebarang pengisytiharan dan pembayaran dividen pada masa hadapan adalah mengikut budi bicara Lembaga kami. Tiada inferens harus atau boleh dibuat daripada mana-mana kenyataan di atas tentang keuntungan masa depan sebenar kami dan keupayaan kami untuk membayar dividen pada masa hadapan.

(Baki halaman ini sengaja tinggalkan kosong)

**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)****11.9 LAPORAN AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN**

Tel : +604 222 0288  
 Fax: +604 222 0299  
 www.bdo.my

51-21-F, Menara BHL  
 Jalan Sultan Ahmad Shah  
 10050 Penang  
 Malaysia  
 SST No: P11-1809-32000112

Laporan ini telah diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya, terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi ini, versi Bahasa Inggeris mengatasi versi ini.

**Lembaga Pengarah**  
**Northeast Group Berhad**  
 Suite 12-A, Level 12, Menara Northam  
 55 Jalan Sultan Ahmad Shah  
 10050 George Town  
 Pulau Pinang

Tarikh: 6 September 2024

Rujukan kami : BDO/ GCB/TZH/SJH/nw

Tuan

**NORTHEAST GROUP BERHAD (“NORTHEAST” ATAU “SYARIKAT”) DAN ANAK-ANAK SYARIKATNYA (“KUMPULAN NORTHEAST” ATAU “KUMPULAN”)**

**LAPORAN MENGENAI PENYUSUNAN PRO FORMA PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN PADA 31 MEI 2024 (“Laporan ini”)**

Kami telah menyelesaikan tugas jaminan kami untuk melaporkan mengenai penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan Kumpulan yang disediakan oleh Lembaga Pengarah Syarikat (“Lembaga Pengarah”). Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Mei 2024 bersama dengan nota-nota yang mengiringinya, yang telah kami capkan untuk tujuan pengenalan sahaja, telah disediakan untuk dimasukkan dalam prospektus Syarikat (“Prospektus”) berhubung dengan penyenaaran dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan diperbesar Northeast di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) (“Penyenaaran”).

Kriteria terpakai ke atas asas yang digunakan oleh Lembaga Pengarah untuk menyusun Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan diterangkan dalam Nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan ditetapkan dalam perenggan 9.18 dan 9.20 Bab 9 Bahagian II Divisyen 1: Ekuiti Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“Garis Panduan Prospektus”).

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun oleh Lembaga Pengarah untuk menggambarkan kesan urus niaga seperti yang dibentangkan dalam Nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Mei 2024 seandainya urus niaga tersebut telah berlaku pada 31 Mei 2024. Sebagai sebahagian daripada proses ini, maklumat mengenai kedudukan kewangan disatukan Kumpulan telah dipetik oleh Lembaga Pengarah daripada penyata kedudukan kewangan disatukan teraudit Kumpulan pada 31 Mei 2024.

**Tanggungjawab Pengarah ke atas Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyusun Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan berdasarkan asas yang diterangkan dalam Nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan menurut kehendak Garis Panduan Prospektus.

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)



### Kebebasan dan Pengurusan Kualiti Akauntan Melapor

Firma kami mengguna pakai Piawaian Pengurusan Kualiti Malaysia, ISQM 1, *Pengurusan Kualiti Firma yang Menjalankan Audit dan Semakan Penyata Kewangan, atau Tugas Jaminan atau Perkhidmatan Berkaitan Lain* dan selaras dengan itu, Firma diperlukan untuk merangka, melaksanakan dan mengendalikan sistem pengurusan kualiti termasuk dasar atau prosedur yang didokumenkan berkenaan pematuhan kepada keperluan etika, piawaian profesional, dan keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkenaan.

Kami bebas daripada Kumpulan menurut *Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* oleh Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang Kecil”) dan *Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa)* oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

### Tanggungjawab Akauntan Melapor

Tanggungjawab kami adalah untuk memberi pendapat, seperti yang dikehendaki oleh Garis Panduan Prospektus, mengenai sama ada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun, dalam semua aspek material, oleh Lembaga Pengarah berdasarkan asas yang diterangkan dalam Nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan.

Kami menjalankan tugas kami selaras dengan Piawaian Antarabangsa mengenai Tugas Jaminan (ISAE) 3420, *Tugas Jaminan untuk Melaporkan mengenai Penyusunan Pro Forma Maklumat Kewangan yang Disertakan dalam Prospektus*, diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa dan diterima pakai oleh Institut Akauntan Malaysia. Piawaian ini memerlukan kami untuk mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan prosedur untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang sama ada Lembaga Pengarah telah menyusun, dalam semua aspek material, Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan berdasarkan asas seperti yang diterangkan dalam Nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan selaras dengan kehendak Garis Panduan Prospektus.

Untuk tujuan tugas ini, kami tidak bertanggungjawab untuk mengemas kini atau mengeluarkan semula apa-apa laporan atau pendapat ke atas sebarang maklumat kewangan lampau yang digunakan dalam penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan, dan kami, sepanjang pelaksanaan tugas ini, tidak melaksanakan audit atau semakan ke atas maklumat kewangan yang digunakan dalam penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan. Dalam memberikan pendapat ini, kami tidak menanggung apa-apa tanggungjawab bagi laporan atau pendapat sedemikian yang melebihi tanggungjawab kami kepada mereka yang mana laporan atau pendapat tersebut kami tujukan pada tarikh ia dikeluarkan.

Tujuan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dimasukkan dalam Prospektus adalah semata-mata untuk menggambarkan kesan peristiwa atau urusan niaga penting ke atas penyata kedudukan kewangan Kumpulan yang belum dilaraskan seolah-olah peristiwa itu telah berlaku atau urusan niaga telah dilaksanakan pada tarikh yang lebih awal yang dipilih untuk tujuan ilustrasi. Sehubungan itu, kami tidak memberikan sebarang jaminan bahawa hasil sebenar peristiwa atau urusan niaga pada 31 Mei 2024 adalah seperti yang dibentangkan.

Tugas jaminan yang munasabah untuk melaporkan mengenai sama ada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun, dalam semua aspek material, berdasarkan asas yang dibentangkan dalam Nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan menurut keperluan Garis Panduan Prospektus yang melibatkan pelaksanaan prosedur untuk menilai sama ada kriteria terpakai yang digunakan oleh Lembaga Pengarah dalam penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan memberikan asas yang munasabah untuk membentangkan kesan ketara yang berkaitan langsung dengan peristiwa atau urusan niaga, dan untuk mendapatkan bukti yang mencukupi dan sesuai tentang sama ada:

## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)



### Tanggungjawab Akauntan Melapor (sambungan)

- (a) pelarasan pro forma yang berkaitan memberi kesan yang sesuai kepada kriteria tersebut; dan
- (b) Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan mencerminkan penggunaan pakai yang betul pelarasan tersebut kepada maklumat kewangan yang tidak dilaraskan.

Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, dengan mengambil kira pemahaman kami mengenai sifat Kumpulan, peristiwa atau urusan niaga yang berkenaan dengan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan telah disusun, dan keadaan tugas lain yang berkaitan.

Tugas ini juga melibatkan penilaian pembentangan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan secara menyeluruh.

Kami percaya bahawa bukti yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk menjadi asas bagi pendapat kami.

### Pendapat

Pada pendapat kami, Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan Kumpulan telah disusun, dalam semua aspek material, berdasarkan asas yang diterangkan dalam Nota-nota kepada Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan dan selaras dengan kehendak Garis Panduan Prospektus.

### Perkara Lain

Laporan ini telah disediakan hanya untuk tujuan yang dinyatakan di atas, berhubung dengan Penyenaraian. Oleh itu, Laporan ini tidak harus digunakan untuk apa-apa tujuan lain tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu. Firma ataupun mana-mana ahli atau kakitangan Firma tidak memikul tanggungjawab yang terhasil dalam apa cara sekalipun, kepada mana-mana pihak berhubung dengan Laporan ini yang bertentangan dengan tujuan yang disebut di atas.

Yang benar,

**BDO PLT**  
201906000013 (LLP0018825-LCA) & AF 0206  
Akauntan Bertauliah

Pulau Pinang

**Goh Chee Beng**  
03535/11/2024 J  
Akauntan Bertauliah



**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

*Northeast Group Berhad*  
**No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)**  
*Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

**1. PRO FORMA KUMPULAN DAN ASAS PENYEDIAAN****1.1 Pro Forma Kumpulan**

Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan Northeast Group Berhad (“Northeast” atau “Syarikat”) dan anak-anak syarikatnya (secara kolektif dirujuk sebagai “Kumpulan Northeast” atau “Kumpulan”) pada 31 Mei 2024 (“Pro Forma SOFP Disatukan”) bersama dengan nota-nota kepadanya, di mana Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab sepenuhnya, telah disediakan untuk tujuan ilustrasi hanya untuk tujuan dimasukkan ke dalam prospektus berhubung dengan penyenaiaan dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan diperbesar Syarikat di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) (“Penyenaiaan”).

**1.2 Asas Penyediaan**

Pro Forma SOFP Disatukan telah disediakan berdasarkan penyata kedudukan kewangan disatukan teraudit Kumpulan pada 31 Mei 2024, yang disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”), Piawaian Perakaunan IFRS dan kehendak Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.


Penyata kewangan disatukan teraudit Kumpulan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2024 digunakan dalam penyediaan Pro Forma SOFP Disatukan tidak tertakluk kepada sebarang syarat audit, pengubahsuaian atau penafian.

Pro Forma SOFP Disatukan Kumpulan merangkumi Pro Forma SOFP Disatukan pada 31 Mei 2024, dilaraskan untuk kesan daripada peristiwa atau urus niaga seperti yang dibentangkan dalam Nota 2 dan Nota 3 kepada Pro Forma SOFP Disatukan.

Disebabkan sifatnya, Pro Forma SOFP Disatukan tidak semestinya menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan yang akan dicapai seandainya kesan daripada urus niaga seperti yang dibentangkan dalam Nota 3 benar-benar berlaku pada tarikh masing-masing. Seterusnya, maklumat sedemikian tidak meramalkan kedudukan kewangan Kumpulan pada masa depan.

**2. URUS NIAGA MATERIAL****2.1 Pembelian hartanah, loji dan peralatan**

Pada 13 Mac 2024, NE Components Sdn. Bhd. (“NE Components”) telah menandatangani Perjanjian Jual dan Beli (“SPA”) untuk memperoleh hartanah pegangan kekal yang dipegang di bawah GM 889, Lot 1144, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM10,869,760. Deposit sebanyak RM1,086,976 telah dibayar apabila SPA dilaksanakan. NE Components telah menggunakan kemudahan perbankan sepenuhnya sebanyak RM9,239,000 untuk membiayai pembelian hartanah pegangan kekal tersebut, manakala baki sebanyak RM543,784 telah dijelaskan secara tunai. Pemerolehan telah selesai pada 1 Ogos 2024. Penggunaan sepenuhnya kemudahan perbankan dan penyelesaian tunai sebanyak RM543,784 telah digambarkan dalam Pro Forma SOFP Disatukan untuk menunjukkan kesan urus niaga ini seandainya urus niaga ini telah dilaksanakan pada 31 Mei 2024.



**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

*Northeast Group Berhad*  
*No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)*  
*Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

**3. SKIM PENYENARAIAAN**

Berhubung dengan, dan sebagai sebahagian penting Penyenaiaan, Syarikat bercadang untuk menjalankan yang berikut:

**3.1 Tawaran Awam Permulaan (“IPO”)****3.1.1 Terbitan Awam dan Tawaran untuk Jualan**

Terbitan awam sebanyak 168,989,000 Saham baharu dan tawaran untuk jualan sebanyak 51,800,000 Saham sedia ada, mewakili kira-kira 22.84% dan 7.00% masing-masing daripada jumlah bilangan saham terbitan diperbesar Syarikat pada harga IPO sebanyak RM0.50 setiap Saham.

**3.1.2 Penyenaiaan**

Penerimaan Masuk ke Senarai Rasmi Bursa Securities serta penyenaiaan dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan diperbesar Syarikat sebanyak RM227,248,000 (sebelum penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam) merangkumi 740,000,000 Saham di Pasaran ACE Bursa Securities.

**3.2 Penggunaan Perolehan daripada Terbitan Awam**

Perolehan kasar daripada Terbitan Awam sebanyak RM84,494,500 dijangka akan digunakan dengan cara berikut:

	<b>RM'000</b>
Pembinaan kilang baharu <sup>1</sup>	40,000
Pembayaran balik pinjaman bank	20,000
Pembelian mesin Kawalan Berangka Komputer (“CNC”) baharu <sup>1</sup>	12,378
Keperluan modal kerja <sup>1</sup>	5,516
Anggaran perbelanjaan penyenaiaan <sup>2</sup>	6,600
	84,494

**Nota:**

- (1) Pada tarikh boleh laksana akhir prospektus, Kumpulan masih belum menandatangani apa-apa perjanjian kontrak yang mengikat atau mengeluarkan apa-apa pesanan pembelian berhubung dengan perolehan yang diketepikan untuk pembinaan kilang baharu, mesin CNC baharu, bersama dengan perolehan yang diketepikan untuk tujuan modal kerja. Oleh itu, amaun perolehan kasar telah dimasukkan dalam tunai dan baki bank bagi tujuan ilustrasi dalam Pro Forma SOFP Disatukan.
- (2) Anggaran perbelanjaan penyenaiaan berjumlah RM6,600,000 akan ditanggung oleh Syarikat merangkumi, antara lain, yuran taja jamin, penempatan dan brokeraji, yuran profesional dan perbelanjaan pelbagai. Sejumlah RM2,086,126 diandaikan berkaitan langsung dengan IPO dan dengan itu, akan didebitkan terhadap modal saham Syarikat dan baki perbelanjaan sebanyak RM4,513,874 diandaikan akan dikaitkan kepada Penyenaiaan dan oleh itu, akan dibelanjakan ke penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain. Pada 31 Mei 2024, perbelanjaan penyenaiaan berjumlah RM2,637,418 telah dimasukkan di bawah bayaran terdahulu.




## 11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)

*Northeast Group Berhad*  
*No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)*  
*Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

## 3. PRO FORMA SOFP DISATUKAN PADA 31 MEI 2024

Pro Forma SOFP Disatukan pada 31 Mei 2024 telah disediakan untuk tujuan ilustrasi sahaja untuk menunjukkan kesan ke atas penyata kedudukan kewangan disatukan teraudit Kumpulan pada 31 Mei 2024 berdasarkan andaian bahawa urus niaga yang dibentangkan dalam Nota 2 dan Nota 3 telah dilaksanakan pada 31 Mei 2024, dan harus dibaca bersama dengan nota-nota yang mengiringi Pro Forma SOFP Disatukan.

		<u>Teraudit</u>		<u>Pro Forma I</u>		<u>Pro Forma II</u>		<u>Pro Forma III</u>	
	Nota	Pada 31 Mei 2024 RM'000	Pelarasan untuk urus niaga material RM'000	Selepas urus niaga material RM'000	Pelarasan untuk IPO RM'000	Selepas Pro Forma I dan selepas IPO RM'000	Pelarasan untuk Penggunaan Perolehan daripada Terbitan Awam RM'000	Selepas Pro Forma II dan Penggunaan Perolehan daripada Terbitan Awam RM'000	
<b>ASET</b>									
<b>Aset bukan semasa</b>									
Hartanah, loji dan peralatan	4.2.1	60,985	10,870	71,855	-	71,855	-	71,855	
Aset hak penggunaan		16,483	-	16,483	-	16,483	-	16,483	
Hartanah pelaburan		5,359	-	5,359	-	5,359	-	5,359	
		82,827	10,870	93,697	-	93,697	-	93,697	
<b>Aset semasa</b>									
Inventori		2,550	-	2,550	-	2,550	-	2,550	
Perdagangan belum terima dan belum terima lain	4.2.2	21,130	(1,087)	20,043	-	20,043	(2,637)	17,406	
Aset cukai semasa		5,953	-	5,953	-	5,953	-	5,953	
Tunai dan baki bank	4.2.3	84,527	(544)	83,983	84,494	168,477	(23,963)	144,514	
		114,160	(1,631)	112,529	84,494	197,023	(26,600)	170,423	
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>196,987</b>	<b>9,239</b>	<b>206,226</b>	<b>84,494</b>	<b>290,720</b>	<b>(26,600)</b>	<b>264,120</b>	
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>									
<b>Ekuiti berkaitan dengan pemilik syarikat induk</b>									
Modal saham	4.2.4	142,754	-	142,754	84,494	227,248	(2,086)	225,162	
Rizab penggabungan		(139,553)	-	(139,553)	-	(139,553)	-	(139,553)	
Perolehan tertahan	4.2.5	151,907	-	151,907	-	151,907	(4,514)	147,393	
		155,108	-	155,108	84,494	239,602	(6,600)	233,002	




**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

*Northeast Group Berhad*  
*No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)*  
*Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

**3. PRO FORMA SOFP DISATUKAN PADA 31 MEI 2024 (sambungan)**

Pro Forma SOFP Disatukan pada 31 Mei 2024 telah disediakan untuk tujuan ilustrasi sahaja untuk menunjukkan kesan ke atas penyata kedudukan kewangan disatukan teraudit Kumpulan pada 31 Mei 2024 berdasarkan andaian bahawa urusan niaga yang dibentangkan dalam Nota 2 dan Nota 3 telah dilaksanakan pada 31 Mei 2024, dan harus dibaca bersama dengan nota-nota yang mengiringi Pro Forma SOFP Disatukan (sambungan).

		<u>Teraudit</u>		<u>Pro Forma I</u>		<u>Pro Forma II</u>		<u>Pro Forma III</u>	
	Nota	Pada 31 Mei 2024 RM'000	Pelarasan untuk urus niaga material RM'000	Selepas urus niaga material RM'000	Pelarasan untuk IPO RM'000	Selepas Pro Forma I dan selepas IPO RM'000	Pelarasan untuk Penggunaan Perolehan daripada Terbitan Awam RM'000	Selepas Pro Forma II dan Penggunaan Perolehan daripada Terbitan Awam RM'000	
<b>LIABILITI</b>									
<b>Liabiliti bukan semasa</b>									
Pinjaman	4.2.6	25,253	8,907	34,160	-	34,160	(19,813)	14,347	
Liabiliti pajakan		440	-	440	-	440	-	440	
Liabiliti cukai tertunda		5,655	-	5,655	-	5,655	-	5,655	
		31,348	8,907	40,255	-	40,255	(19,813)	20,442	
<b>Liabiliti semasa</b>									
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain		6,517	-	6,517	-	6,517	-	6,517	
Pinjaman	4.2.6	1,518	332	1,850	-	1,850	(187)	1,663	
Liabiliti pajakan		1,607	-	1,607	-	1,607	-	1,607	
Liabiliti cukai semasa		889	-	889	-	889	-	889	
		10,531	-	10,863	-	10,863	(187)	10,676	
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		41,879	9,239	51,118	-	51,118	(20,000)	31,118	
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		196,987	9,239	206,226	84,494	290,720	(26,600)	264,120	
Aset bersih (RM'000)		155,108		155,108		239,602		233,002	
Bilangan saham biasa diandaikan dalam terbitan ('000)		571,011		571,011		740,000		740,000	
Aset bersih berkaitan dengan pemegang ekuiti sesaham biasa (RM)		0.27		0.27		0.32		0.31	



**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

*Northeast Group Berhad*  
*No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)*  
*Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

**4. PRO FORMA SOFP DISATUKAN PADA 31 MEI 2024 (sambungan)****4.1 Pro Forma Pelarasan kepada Pro Forma SOFP Disatukan pada 31 Mei 2024****4.1.1 Pro Forma I**

Pro Forma I dinyatakan selepas menggabungkan kesan untuk urus niaga material seperti yang dibentangkan dalam Nota 2.1.

**4.1.2 Pro Forma II**

Pro Forma II dinyatakan selepas menggabungkan kesan Pro Forma I dan kesan selepas IPO diselesaikan seperti yang dibentangkan dalam Nota 3.1.

**4.1.3 Pro Forma III**

Pro Forma III dinyatakan selepas menggabungkan kesan Pro Forma II dan kesan selepas penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam seperti yang dibentangkan dalam Nota 3.2.

**4.2 Nota-nota kepada Pro Forma SOFP Disatukan pada 31 Mei 2024****4.2.1 Hartanah, loji dan peralatan**


Pergerakan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

	<b>RM'000</b>
Pada 31 Mei 2024	60,985
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	10,870
<b>Pro Forma I/Pro Forma II/Pro Forma III</b>	<b>71,855</b>

**4.2.2 Perdagangan Belum Terima dan Belum Terima Lain**

Pergerakan perdagangan belum terima dan belum terima lain adalah seperti berikut:

	<b>RM'000</b>
Pada 31 Mei 2024	21,130
Permodalan deposit dibayar untuk pembelian hartanah, loji dan peralatan	(1,087)
<b>Pro Forma I/ Pro Forma II</b>	<b>20,043</b>
Penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam	
- Anggaran perbelanjaan penyenaian yang termasuk dalam bayaran terdahulu	(2,637)
<b>Pro Forma III</b>	<b>17,406</b>



**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

*Northeast Group Berhad*  
*No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)*  
*Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

**4. PRO FORMA SOFP DISATUKAN PADA 31 MEI 2024 (sambungan)****4.2 Nota-nota kepada Pro Forma SOFP Disatukan pada 31 Mei 2024 (sambungan)****4.2.3 Tunai dan Baki Bank**

Pergerakan tunai dan baki bank adalah seperti berikut:

	<b>RM'000</b>
Pada 31 Mei 2024	84,527
Pembayaran tunai untuk pembelian hartanah, loji dan peralatan	(544)
	<b>83,983</b>
<b>Pro Forma I</b>	<b>84,494</b>
Perolehan daripada Terbitan Awam	<b>84,494</b>
<b>Pro Forma II</b>	<b>168,477</b>
Penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam	
- Anggaran perbelanjaan penyenaiaan <sup>1</sup>	(3,963)
- Pembayaran balik pinjaman bank	(20,000)
	<b>144,514</b>
	<b>144,514</b>

**Nota:**

(1) Anggaran perbelanjaan penyenaiaan berjumlah RM6,600,000 akan ditanggung oleh Syarikat merangkumi, antara lain, yuran taja jamin, penempatan dan brokeraj, yuran profesional dan perbelanjaan pelbagai. Pada 31 Mei 2024, perbelanjaan penyenaiaan berjumlah RM2,637,418 telah dibayar dan dimasukkan di bawah bayaran terdahulu. Baki perbelanjaan penyenaiaan belum bayar adalah RM3,962,582.

**4.2.4 Modal Saham**

Pergerakan modal saham adalah seperti berikut:

	<b>RM'000</b>
Pada 31 Mei 2024/ Pro Forma I	142,754
Perolehan daripada Terbitan Awam	84,494
	<b>227,248</b>
<b>Pro Forma II</b>	<b>227,248</b>
Penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam	
- Anggaran perbelanjaan penyenaiaan yang berkaitan langsung dengan penerbitan Saham baharu	(2,086)
	<b>225,162</b>
	<b>225,162</b>


Apabila urusan niaga seperti yang disebut masing-masing dalam Nota 2 dan Nota 3 selesai, modal saham terbitan diperbesar Syarikat akan menjadi RM225,161,874 merangkumi 740,000,000 Saham.

**4.2.5 Perolehan Tertahan**

Pergerakan perolehan tertahan adalah seperti berikut:

	<b>RM'000</b>
Pada 31 Mei 2024/Pro Forma I/Pro Forma II	151,907
Penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam	
- Anggaran perbelanjaan penyenaiaan	(4,514)
	<b>147,393</b>
<b>Pro Forma III</b>	<b>147,393</b>

Muka surat | 6




**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

*Northeast Group Berhad*  
*No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)*  
*Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

**4. PRO FORMA SOFP DISATUKAN PADA 31 MEI 2024 (sambungan)****4.2 Nota-nota kepada Pro Forma SOFP Disatukan pada 31 Mei 2024 (sambungan)****4.2.6 Pinjaman**

Pergerakan pinjaman adalah seperti berikut:

	<b>RM'000</b>
<u>Bukan semasa</u>	
Pada 31 Mei 2024	25,253
Penggunaan pinjaman bank	8,907
<b>Pro Forma I/Pro Forma II</b>	<b>34,160</b>
Penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam	
- Pembayaran balik pinjaman bank	(19,813)
<b>Pro Forma III</b>	<b>14,347</b>
<u>Semasa</u>	
Pada 31 Mei 2024	1,518
Penggunaan pinjaman bank	332
<b>Pro Forma I/Pro Forma II</b>	<b>1,850</b>
Penggunaan perolehan daripada Terbitan Awam	
- Pembayaran balik pinjaman bank	(187)
<b>Pro Forma III</b>	<b>1,663</b>



**11. MAKLUMAT KEWANGAN (SAMBUNGAN)**


*Northeast Group Berhad  
No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)  
Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan*

**KELULUSAN LEMBAGA PENGARAH**

Diluluskan dan diterima pakai oleh Lembaga Pengarah Syarikat mengikut resolusi bertarikh 6 September 2024.



.....  
**NG CHAY CHIN**  
PENGARAH



.....  
**CHONG EWE HEAN**  
PENGARAH

Pulau Pinang  
Tarikh: 6 September 2024





**12. LAPORAN AKAUNTAN**

Tel : +604 222 0288  
 Fax: +604 222 0299  
 www.bdo.my

51-21-F, Menara BHL  
 Jalan Sultan Ahmad Shah  
 10050 Penang  
 Malaysia  
 SST No: P11-1809-32000112

Laporan ini telah diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris. Sekiranya, terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi ini, versi Bahasa Inggeris mengatasi versi ini.

**Lembaga Pengarah**  
**Northeast Group Berhad**  
 Suite 12-A, Level 12, Menara Northam  
 55 Jalan Sultan Ahmad Shah  
 10050 George Town  
 Pulau Pinang

Tarikh: 6 September 2024

Rujukan kami: GCB/TZH/SJH/nw

Tuan/Puan

**Pendapat Akauntan Melapor mengenai Maklumat Kewangan yang Terkandung dalam Laporan Akauntan (“laporan ini”) Northeast Group Berhad (“Northeast” atau “Syarikat”)**

**Pendapat**

Kami telah mengaudit penyata kewangan Syarikat dan anak-anak syarikatnya (“Kumpulan”). Maklumat kewangan ini merangkumi:

- (a) Penyata kedudukan kewangan bergabung Kumpulan pada 30 September 2021, 30 September 2022 dan 30 September 2023, serta penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bergabung, penyata perubahan dalam ekuiti bergabung dan penyata aliran tunai bergabung Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022 dan 30 September 2023;
- (b) Penyata kedudukan kewangan disatukan Kumpulan pada 31 Mei 2024, serta penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain disatukan, penyata perubahan dalam ekuiti disatukan dan penyata aliran tunai disatukan Kumpulan bagi tempoh kewangan berakhir pada 31 Mei 2024; dan
- (c) Ringkasan dasar perakaunan material seperti yang dinyatakan dalam Nota 3 laporan ini.

Maklumat kewangan lampau telah disediakan untuk dimasukkan ke dalam prospektus Syarikat (“Prospektus”) berhubung dengan penerimaan masuk Northeast ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Securities”) serta penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan diperbesar Syarikat di Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad (“Penyenaian”). Laporan ini diberikan untuk tujuan mematuhi Kehendak Penyenaian Pasaran ACE Bursa Securities (“Kehendak Penyenaian”), dan Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bukan untuk tujuan lain.

Pada pendapat kami, maklumat kewangan tersebut memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan pada 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024, serta prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi setiap tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“MFRS”) dan Piawaian Perakaunan IFRS.

---

**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

---

**Asas Pendapat**

Kami menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa ("ISA"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diterangkan lebih lanjut dalam seksyen *Tanggungjawab Akauntan Melapor ke atas Audit Penyata Kewangan* dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas bagi pendapat kami.

***Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain***

Kami bebas daripada Kumpulan menurut *Undang-undang Kecil (mengenai Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan *Kod Etika Antarabangsa bagi Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa)* oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain menurut Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

**Tanggungjawab Pengarah ke atas Penyata Kewangan**

Para Pengarah Syarikat ("Pengarah") bertanggungjawab untuk penyediaan penyata kewangan bergabung dan disatukan yang memberi pandangan yang benar dan saksama selaras dengan MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS. Para Pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang ditentukan perlu oleh para Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan bergabung dan disatukan yang bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan Kumpulan, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai kemampuan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, sebagaimana berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai pilihan realistik lain kecuali untuk berbuat demikian.

**Tanggungjawab Akauntan Melapor ke atas Audit Maklumat Kewangan**

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan munasabah tentang sama ada maklumat kewangan Kumpulan secara keseluruhannya bebas daripada salah nyata material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan yang menyertakan pendapat kami. Jaminan munasabah ialah tahap jaminan yang tinggi, namun bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan ISA akan sentiasa mengesan kewujudan salah nyata material. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau secara terkumpul, salah nyata ini dijangka secara munasabah dapat mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan maklumat kewangan ini.

---

**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

---

**Tanggungjawab Akauntan Melapor ke atas Audit Maklumat Kewangan (sambungan)**

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan ISA, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata material maklumat kewangan Kumpulan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan tatacara audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas kepada pendapat kami. Risiko kegagalan mengesah salah nyata material terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko tidak mengesan salah nyata material yang diakibatkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan disengajakan, salah nyata atau mengatasi kawalan dalaman;
- (b) Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka tatacara audit yang sesuai dengan keadaan tersebut, namun tidak bertujuan untuk memberikan pendapat ke atas keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan;
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah;
- (d) Membuat kesimpulan tentang kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kumpulan untuk meneruskan sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan akauntan melapor kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam maklumat kewangan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubahsuai pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi hingga tarikh laporan kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Kumpulan berhenti untuk diteruskan sebagai usaha berterusan;
- (e) Menilai pembentangan, struktur dan kandungan maklumat kewangan Kumpulan secara menyeluruh, termasuk pendedahan, dan sama ada maklumat kewangan Kumpulan mewakili urusan niaga dan peristiwa yang mendasari dengan cara yang mencapai pembentangan yang saksama; dan
- (f) Mendapatkan bukti audit sesuai yang mencukupi berkenaan maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat pada maklumat kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan prestasi audit. Kumpulan. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara perkara lain, skop yang dirancang dan masa audit serta penemuan audit penting, termasuk apa-apa kekurangan signifikan dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)****Lain-lain Perkara**

Maklumat perbandingan berkenaan dengan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bergabung, penyata perubahan dalam ekuiti bergabung, penyata aliran tunai bergabung dan nota-nota berkaitan kepada penyata kewangan bergabung bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2023 belum diaudit.

Laporan ini disediakan semata-mata untuk mematuhi Kehendak Penyenaraian dan Bab 10, Bahagian II Divisi 1: Ekuiti daripada Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan untuk dimasukkan ke dalam Prospektus berhubung dengan Penyenaraian dan bukan untuk tujuan lain. Oleh itu, laporan ini tidak boleh digunakan untuk sebarang tujuan lain tanpa kebenaran bertulis kami terlebih dahulu. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana orang lain untuk kandungan laporan ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'BDO PLT'.

**BDO PLT**  
201906000013 (LLP0018825-LCA) & AF 0206  
Akauntan Bertauliah

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'Goh Chee Beng'.

**Goh Chee Beng**  
03535/11/2024 J  
Akauntan Bertauliah

Pulau Pinang  
Tarikh: 6 September 2024



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (sambungan)**

Penyata kedudukan kewangan teraudit pada 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah (sambungan):

		31.5.2024	30.9.2023	30.9.2022	30.9.2021
	Nota	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000
<b>Liabiliti semasa</b>					
Perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	17	6,517	12,593	16,325	26,666
Pinjaman	15	1,518	1,471	982	1,225
Liabiliti pajakan	7	1,607	1,870	1,489	287
Liabiliti cukai semasa		889	202	1,045	2,021
		<u>10,531</u>	<u>16,136</u>	<u>19,841</u>	<u>30,199</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<u>41,879</u>	<u>49,483</u>	<u>45,177</u>	<u>56,180</u>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<u>196,987</u>	<u>192,226</u>	<u>171,560</u>	<u>145,212</u>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)




**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN**

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah:

		1.10.2023 hingga 31.5.2024	1.10.2022 hingga 31.5.2023 Tidak Teraudit RM'000	1.10.2022 hingga 30.9.2023 Teraudit RM'000	1.10.2021 hingga 30.9.2022 Teraudit RM'000	1.10.2020 hingga 30.9.2021 Teraudit RM'000
	Nota	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000
Hasil	20	62,212	65,745	93,335	144,515	113,207
Kos jualan		<u>(38,313)</u>	<u>(39,060)</u>	<u>(57,885)</u>	<u>(89,738)</u>	<u>(78,377)</u>
Untung kasar		23,899	26,685	35,450	54,777	34,830
Pendapatan kendalian lain	22	2,260	1,986	3,654	10,573	3,916
(Rugi)/Laba bersih atas rosot nilai perdagangan belum terima	10(f)	(55)	-	50	(966)	(230)
Perbelanjaan pengedaran		(1,658)	(1,884)	(2,592)	(2,870)	(1,715)
Perbelanjaan pentadbiran		(7,120)	(8,098)	(12,013)	(12,731)	(10,551)
Kos kewangan	23	<u>(942)</u>	<u>(705)</u>	<u>(1,213)</u>	<u>(981)</u>	<u>(951)</u>
Untung sebelum cukai		16,384	17,984	23,336	47,802	25,299
Perbelanjaan cukai	24	<u>(4,020)</u>	<u>(4,049)</u>	<u>(4,976)</u>	<u>(9,731)</u>	<u>(5,483)</u>
Untung bagi tempoh/tahun kewangan		12,364	13,935	18,360	38,071	19,816
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai		<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Jumlah pendapatan komprehensif		<u>12,364</u>	<u>13,935</u>	<u>18,360</u>	<u>38,071</u>	<u>19,816</u>



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

### PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN (sambungan)

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah (sambungan):

		1.10.2023 hingga 31.5.2024	1.10.2022 hingga 31.5.2023 Tidak	1.10.2022 hingga 30.9.2023	1.10.2021 hingga 30.9.2022	1.10.2020 hingga 30.9.2021
		Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000
	<b>Nota</b>					
Untung berkaitan dengan pemilik Syarikat/ pemegang saham mengawal sepunya entiti bergabung		12,364	13,935	18,360	38,071	19,816
Jumlah pendapatan komprehensif berkaitan dengan pemilik Syarikat/ pemegang saham mengawal sepunya entiti bergabung		12,364	13,935	18,360	38,071	19,816
Perolehan setiap saham biasa berkaitan dengan pemilik Syarikat/ pemegang saham mengawal sepunya entiti bergabung						
Asas dan cair (sen)	26	1.67	1.88	2.48	5.14	2.68

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)





**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI**

Penyata perubahan dalam ekuiti teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah:

Teraudit	Nota	Ekuiti dilaburkan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
<b>Baki pada 1 Oktober 2020</b>		2,300	66,316	68,616
Untung bagi tahun kewangan		-	19,816	19,816
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai		-	-	-
<b>Jumlah pendapatan komprehensif</b>		-	19,816	19,816
Urus niaga dengan pemegang saham mengawal sepunya: Terbitan modal saham	13	600	-	600
<b>Baki pada 30 September 2021</b>		<b>2,900</b>	<b>86,132</b>	<b>89,032</b>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)


**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (sambungan)**

Penyata perubahan dalam ekuiti teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah:

Teraudit	Nota	Ekuiti dilaburkan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
<b>Baki pada 1 Oktober 2021</b>		2,900	86,132	89,032
Untung bagi tahun kewangan		-	38,071	38,071
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai		-	-	-
<b>Jumlah pendapatan komprehensif</b>		-	38,071	38,071
<b>Urus niaga dengan pemegang saham mengawal sepenuhnya:</b>				
Penggabungan entiti bergabung	13	*	-	*
Terbitan modal saham	13	300	-	300
Dividen	25	-	(1,020)	(1,020)
<b>Baki pada 30 September 2022</b>		<b>3,200</b>	<b>123,183</b>	<b>126,383</b>

\* Kurang daripada RM1,000

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (sambungan)**

Penyata perubahan dalam ekuiti teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah:

Teraudit	Nota	Ekuiti dilaburkan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
<b>Baki pada 1 Oktober 2022</b>		3,200	123,183	126,383
Untung bagi tahun kewangan		-	18,360	18,360
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai		-	-	-
<b>Jumlah pendapatan komprehensif</b>		-	18,360	18,360
Urus niaga dengan pemegang saham mengawal sepenuhnya: Dividen	25	-	(2,000)	(2,000)
<b>Baki pada 30 September 2023</b>		<b>3,200</b>	<b>139,543</b>	<b>142,743</b>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (sambungan)**

Penyata perubahan dalam ekuiti teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah (sambungan):

Tidak teraudit	Ekuiti dilaburkan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
<b>Baki pada 1 Oktober 2022</b>	3,200	123,183	126,383
Untung bagi tempoh kewangan	-	13,935	13,935
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai	-	-	-
<b>Jumlah pendapatan komprehensif</b>	-	13,935	13,935
<b>Baki pada 31 Mei 2023</b>	3,200	137,118	140,318

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)


**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (sambungan)**

Penyata perubahan dalam ekuiti teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah (sambungan):

Teraudit	Nota	Modal saham RM'000	Ekuiti dilaburkan RM'000	Rizab Penggabungan RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah ekuiti RM'000
<b>Baki pada 1 Oktober 2023</b>		*	3,200	-	139,543	142,743
Untung bagi tempoh kewangan		-	-	-	12,364	12,364
Pendapatan komprehensif lain, selepas cukai		-	-	-	-	-
<b>Jumlah pendapatan komprehensif</b>		-	-	-	12,364	12,364
<b>Urus niaga dengan pemilik Syarikat:</b>						
Terbitan modal saham	13(g)	1	-	-	-	1
Kesan pemerolehan anak syarikat dalam penggabungan perniagaan di bawah kawalan sepunya	13(g)	142,753	(3,200)	(139,553)	-	-
		142,754	(3,200)	(139,553)	-	1
<b>Baki pada 31 Mei 2024</b>		142,754	-	(139,553)	151,907	155,108

\* Kurang daripada RM1,000

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)


### NORTHEAST GROUP BERHAD

(Diperbadankan di Malaysia)

#### PENYATA ALIRAN TUNAI

Penyata aliran tunai teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah:

	1.10.2023 hingga 31.5.2024 Teraudit RM'000	1.10.2022 hingga 31.5.2023 Tidak Teraudit RM'000	1.10.2022 hingga 30.9.2023 Teraudit RM'000	1.10.2021 hingga 30.9.2022 Teraudit RM'000	1.10.2020 hingga 30.9.2021 Teraudit RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN</b>					
Untung sebelum cukai	16,384	17,984	23,336	47,802	25,299
Pelarasan untuk:					
Susut nilai:					
- hartanah, loji dan peralatan	4,642	4,315	6,648	5,725	6,092
- aset hak penggunaan	779	701	1,091	1,066	709
- hartanah pelaburan	26	59	89	179	140
Keuntungan daripada pelupusan:					
- hartanah, loji dan peralatan	-	(332)	(332)	(2,412)	-
- aset hak penggunaan	-	-	-	(1)	-
- aset bukan semasa dipegang untuk jualan	-	(94)	(94)	-	-
Kerugian rosot nilai atas:					
- hartanah pelaburan	-	-	-	31	-
- perdagangan belum terima	55	-	50	1,323	230
Perbelanjaan faedah	942	705	1,213	981	951
Pendapatan faedah	(295)	(45)	(101)	(21)	(29)
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	-	-	-	29	-
Pembalikan kerugian rosot nilai daripada perdagangan belum terima	-	-	(100)	(357)	-
Keuntungan tidak direalisasi bersih daripada pertukaran asing	(801)	(351)	(1,042)	(3,807)	(523)
Untung kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja	21,732	22,942	30,758	50,538	32,869
(Peningkatan)/Penurunan dalam inventori	(58)	765	1,095	(666)	(2,158)
(Peningkatan)/Penurunan perdagangan belum terima dan belum terima lain	(5,607)	5,701	6,511	(5,296)	753
(Penurunan)/Peningkatan perdagangan belum bayar dan belum bayar lain	(4,095)	(3,879)	(6,575)	(10,343)	4,069
Tunai yang dijana daripada kendalian dihantar ke depan	11,972	25,529	31,789	34,233	35,533



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)**

Penyata aliran tunai teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah (sambungan):

	1.10.2023 hingga 31.5.2024	1.10.2022 hingga 31.5.2023	1.10.2022 hingga 30.9.2023	1.10.2021 hingga 30.9.2022	1.10.2020 hingga 30.9.2021
	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KENDALIAN (sambungan)</b>					
Tunai yang dijana daripada kendalian dibawa ke depan	11,972	25,529	31,789	34,233	35,533
Faedah diterima	104	45	101	21	29
Faedah dibayar	(845)	(558)	(1,000)	(863)	(921)
Cukai dibayar balik	-	-	322	225	89
Cukai dibayar	(4,936)	(5,685)	(8,472)	(9,729)	(3,449)
Tunai bersih daripada aktiviti kendalian	<u>6,295</u>	<u>19,331</u>	<u>22,740</u>	<u>23,887</u>	<u>31,281</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>					
Pembelian:					
- hartanah, loji dan peralatan	(310)	(10,012)	(10,787)	(8,484)	(13,065)
- aset hak penggunaan	-	(370)	(371)	(605)	-
Perolehan daripada pelupusan:					
- hartanah, loji dan peralatan	-	340	340	6,491	-
- aset hak penggunaan	-	-	-	1	-
- aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan	-	1,700	1,700	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(310)</u>	<u>(8,342)</u>	<u>(9,118)</u>	<u>(2,597)</u>	<u>(13,065)</u>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)**

Penyata aliran tunai teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah (sambungan):

	1.10.2023 hingga 31.5.2024	1.10.2022 hingga 31.5.2023	1.10.2022 hingga 30.9.2023	1.10.2021 hingga 30.9.2022	1.10.2020 hingga 30.9.2021
	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>					
Pengeluaran liabiliti pajakan	-	752	752	-	-
Pembayaran balik:					
- pinjaman berjangka	(982)	(2,486)	(2,933)	(4,567)	(1,114)
- liabiliti pajakan	(1,350)	(1,287)	(1,962)	(1,190)	(603)
Perolehan daripada:					
- pemerbadanan sebuah entiti bergabung	-	-	-	*	-
- terbitan saham biasa	1	-	-	300	600
Dividen dibayar	(2,000)	-	-	(1,020)	-
Perubahan bersih deposit bank berlesen dengan kematangan melebihi tiga (3) bulan	(21)	(14)	(14)	(13)	(22)
<b>Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pembiayaan</b>	<b>(4,352)</b>	<b>(3,035)</b>	<b>(4,157)</b>	<b>(6,490)</b>	<b>(1,139)</b>
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	1,633	7,954	9,465	14,800	17,077
Kesan kadar pertukaran perubahan tunai dan kesetaraan tunai	967	506	1,377	3,384	428
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh/tahun kewangan	81,088	70,246	70,246	52,062	34,557
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh/tahun kewangan</b>	<b>83,688</b>	<b>78,706</b>	<b>81,088</b>	<b>70,246</b>	<b>52,062</b>

\* Kurang daripada RM1,000





**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA ALIRAN TUNAI (sambungan)**

Penyata aliran tunai teraudit bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 dibentangkan di bawah (sambungan):

**Penyesuaian Liabiliti yang Timbul daripada Aktiviti Pembiayaan**

Teraudit	Liabiliti pajakan (Nota 7) RM'000	Pinjaman berjangka (Nota 15) RM'000
Baki pada 1 Oktober 2020	901	25,329
Aliran tunai	(603)	(1,114)
Aliran bukan tunai:		
- Pelepasan faedah (Nota 7)	30	-
Baki pada 30 September 2021	328	24,215
Baki pada 1 Oktober 2021	328	24,215
Aliran tunai	(1,190)	(4,567)
Aliran bukan tunai:		
- Penambahan liabiliti pajakan	4,613	-
- Pelepasan faedah (Nota 7)	118	-
Baki pada 30 September 2022	3,869	19,648
Baki pada 1 Oktober 2022	3,869	19,648
Aliran tunai	(1,962)	8,105
Aliran bukan tunai:		
- Penambahan liabiliti pajakan	1,180	-
- Pelepasan faedah (Nota 7)	213	-
Baki pada 30 September 2023	3,300	27,753
Baki pada 1 Oktober 2023	3,300	27,753
Aliran tunai	(1,350)	(982)
Aliran bukan tunai		
- Pelepasan faedah (Nota 7)	97	-
Baki pada 31 Mei 2024	2,047	26,771
<b>Tidak teraudit</b>		
Baki pada 1 Oktober 2022	3,869	19,648
Aliran tunai	(1,287)	8,552
Aliran bukan tunai:		
- Penambahan liabiliti pajakan	1,180	-
- Pelepasan faedah (Nota 7)	147	-
Baki pada 31 Mei 2023	3,909	28,200



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

**NORTHEAST GROUP BERHAD**  
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021**

### 1. MAKLUMAT UMUM

Syarikat telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 pada 18 Julai 2022 sebagai syarikat sendirian berhad. Pada 10 Januari 2024, Syarikat menukar bentuk undang-undangnya daripada syarikat sendirian berhad kepada syarikat awam berhad dan sejak itu menggunakan nama semasanya, Northeast Group Berhad.

Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Suite 12-A, Level 12 Menara Northam, No.55 Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 George Town, Pulau Pinang.

Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di No.1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1, Taman IKS Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.

Maklumat kewangan terkandung dalam laporan ini bagi tempoh/tahun kewangan berakhir dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata wang fungsian Kumpulan. Segala maklumat kewangan dibentangkan dalam RM telah dibundarkan ke ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

Aktiviti utama Syarikat ialah aktiviti syarikat induk. Aktiviti utama anak-anak syarikat/Entiti Bergabung (seperti ditakrifkan dalam Nota 5) dinyatakan dalam Nota 5 laporan ini.


### 2. ASAS PENYEDIAAN

#### 2.1 Tahun/Tempoh Kewangan yang Berkaitan

Laporan Akauntan terdiri daripada Penyata Kewangan Disatukan dan Bergabung Syarikat dan anak-anak syarikatnya/Entiti Bergabung seperti yang ditakrifkan dalam Nota 5 (dirujuk secara kolektif sebagai "Kumpulan") bagi tahun/tempoh kewangan berakhir ("FYE")/("FPE") 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024. Penyata Kewangan Disatukan/Bergabung Kumpulan terdiri daripada penyata kewangan teraudit Syarikat dan anak-anak syarikatnya/Entiti Bergabung dan disediakan semata-mata untuk dimasukkan ke dalam Prospektus Syarikat berhubung dengan Penyenaraian.

Penyata Kewangan Disatukan/Bergabung Kumpulan disediakan menggunakan penyata kewangan teraudit bagi tahun/tempoh kewangan yang berkaitan setiap syarikat dalam Kumpulan seperti berikut:

Syarikat	Tahun/Tempoh Kewangan Berkaitan
Northeast Group Berhad <sup>(1)</sup>	FPE dari 18 Julai 2022 (tarikh diperbadankan) hingga 30 September 2023 FPE dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei 2024
Northeast Precision Sdn Bhd	FYE 30 September 2021 FYE 30 September 2022 FYE 30 September 2023 FPE dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei 2024
NE Components Sdn Bhd <sup>(2)</sup>	FYE 30 September 2021 FYE 30 September 2022 FYE 30 September 2023 FPE dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei 2024



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021


#### 2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

##### 2.1 Tahun/Tempoh Kewangan yang Berkaitan (sambungan)

Penyata Kewangan Disatukan/Bergabung Kumpulan disediakan menggunakan penyata kewangan teraudit bagi tahun/tempoh kewangan yang berkaitan setiap syarikat dalam Kumpulan seperti berikut (sambungan):

Syarikat	Tahun/Tempoh Kewangan Berkaitan
NE Integrated Sdn Bhd <sup>(3)</sup>	FYE 30 September 2021 FYE 30 September 2022 FYE 30 September 2023 FPE dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei 2024
NE Technologies Sdn Bhd <sup>(4)</sup>	FYE 30 September 2021 FYE 30 September 2022 FYE 30 September 2023 FPE dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei 2024
NE Solutions Sdn Bhd <sup>(5)</sup>	FYE 30 September 2021 FYE 30 September 2022 FYE 30 September 2023 FPE dari 1 Oktober 2023 hingga 31 Mei 2024

- (1) Tiada penyata kewangan teraudit untuk Northeast Group Berhad bagi FYE 30 September 2021 dan 30 September 2022 kerana Syarikat hanya diperbadankan pada 18 Julai 2022.
- (2) Sebelum tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, akhir tahun kewangan untuk audit berkanun NE Components Sdn Bhd adalah pada 30 Jun 2020 dan audit berkanun NE Components Sdn Bhd bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2021 adalah dari 1 Julai 2020 hingga 30 September 2021 yang berada dalam Tahun Kewangan Berkaitan. Penyata kewangan NE Components Sdn Bhd bagi FYE 30 September 2021 telah diaudit semula oleh BDO PLT dan disediakan menurut MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS untuk dimasukkan ke dalam Penyata Kewangan Bergabung Kumpulan.
- (3) Sebelum tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, akhir tahun kewangan untuk audit berkanun NE Integrated Sdn Bhd adalah pada FYE 31 Mac 2021 yang berada dalam Tahun Kewangan Berkaitan. Penyata kewangan NE Integrated Sdn Bhd bagi FYE 30 September 2021 telah diaudit semula oleh BDO PLT dan disediakan menurut MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS untuk dimasukkan ke dalam Penyata Kewangan Bergabung Kumpulan.
- (4) Sebelum tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, akhir tahun kewangan untuk audit berkanun NE Technologies Sdn Bhd adalah pada FYE 31 Disember 2020 yang berada dalam Tahun Kewangan Berkaitan. Penyata kewangan NE Technologies Sdn Bhd bagi FYE 30 September 2021 telah diaudit semula oleh BDO PLT dan disediakan menurut MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS untuk dimasukkan ke dalam Penyata Kewangan Bergabung Kumpulan.
- (5) Sebelum tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, akhir tahun kewangan untuk audit berkanun NE Solutions Sdn Bhd adalah pada 31 Mei 2020 dan audit berkanun NE Solutions Sdn Bhd bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2021 adalah dari 1 Jun 2020 hingga 30 September 2021 yang berada dalam Tahun Kewangan Berkaitan. Penyata kewangan NE Solutions Sdn Bhd bagi FYE 30 September 2021 telah diaudit semula oleh BDO PLT dan disediakan menurut MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS untuk dimasukkan ke dalam Penyata Kewangan Bergabung Kumpulan.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

##### 2.1 Tahun/Tempoh Kewangan yang Berkaitan (sambungan)

Penyata kewangan teraudit semua syarikat dalam Kumpulan bagi Tahun/Tempoh Kewangan yang Berkaitan yang dilaporkan di atas tidak tertakluk kepada apa-apa syarat, pengubahsuaian atau penafian.

Maklumat kewangan laporan ini adalah berdasarkan penyata kewangan teraudit masing-masing bagi Kumpulan dengan pelarasan bersesuaian yang berkenaan dan pengelasan semula yang dibuat untuk tujuan Laporan ini.

##### 2.2 Penyata kewangan bergabung bagi FYE 30 September 2021, 2022 dan 2023

Penyata Kewangan Bergabung Syarikat bagi FYE 30 September 2021, 2022 dan 2023 telah disediakan menurut MFRS, Piawaian Perakaunan IFRS dan berdasarkan Nota Panduan "Penyata Kewangan Bergabung" yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia berhubung dengan penyenaian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham terbitan diperbesar Syarikat di Pasaran ACE Bursa Securities.

Penyata Kewangan Bergabung terdiri daripada penyata kewangan Entiti Bergabung seperti yang didedahkan dalam Nota 5 kepada penyata kewangan, yang berada di bawah kawalan sepunya sepanjang tempoh pelaporan. Kawalan sepunya Entiti Bergabung telah diwujudkan berdasarkan Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean, sebagai promoter, pemegang saham utama dan Pengarah Eksekutif Syarikat.

Entiti di bawah kawalan sepunya ialah entiti yang akhirnya dikawal oleh pihak yang sama dan kawalan itu tidak bersifat sementara. Kawalan wujud apabila pihak yang sama mempunyai, hasil daripada perjanjian berkontrak, kuasa kolektif muktamad untuk mentadbir dasar kewangan dan kendalian setiap Entiti Bergabung untuk memperoleh manfaat daripada aktiviti mereka, dan kuasa kolektif muktamad itu tidak bersifat sementara. Penyata kewangan entiti kawalan sepunya dimasukkan dalam Penyata Kewangan Bergabung dari hari kawalan bermula sehingga tarikh kawalan itu ditamatkan.

Semua maklumat, termasuk penyata kewangan bergabung, telah diekstrak daripada penyata kewangan teraudit Kumpulan semasa tempoh pelaporan yang berkaitan.

Maklumat kewangan seperti yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan Bergabung mungkin tidak sepadan dengan penyata kewangan disatukan Kumpulan, selepas memasukkan/memberi kesan kepada pemerolehan yang berkaitan kerana Penyata Kewangan Bergabung menggambarkan kombinasi perniagaan di bawah kawalan sepunya untuk tujuan Penyenaian. Akibatnya, maklumat kewangan sedemikian dalam Penyata Kewangan Bergabung tidak bertujuan untuk meramalkan kedudukan kewangan, keputusan operasi dan aliran tunai Kumpulan.


##### 2.3 Penyata kewangan disatukan bagi FPE 31 Mei 2024

Penyata kewangan disatukan Kumpulan bagi FPE 31 Mei 2024 telah disediakan menurut MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS.

Dalam tempoh kewangan, Kumpulan menggunakan kaedah perakaunan penggabungan secara retrospektif yang timbul daripada pemerolehan keseluruhan kepentingan ekuiti Northeast Precision Sdn Bhd, NE Components Sdn Bhd, NE Integrated Sdn Bhd, NE Technologies Sdn Bhd dan NE Solutions Sdn Bhd oleh Syarikat dalam kombinasi perniagaan di bawah kawalan sepunya.

Akibatnya, pengolahan perakaunan berikut telah diguna pakai dalam penyata kewangan disatukan yang timbul daripada kombinasi perniagaan di bawah kawalan sepunya:

- (a) Aset dan liabiliti Northeast Precision Sdn Bhd, NE Components Sdn Bhd, NE Integrated Sdn Bhd, NE Technologies Sdn Bhd dan NE Solutions Sdn Bhd diiktiraf dan diukur pada amaun dibawa sebelum kombinasi perniagaan tanpa dinyatakan semula kepada nilai saksama;



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 2. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

##### 2.3 Penyata kewangan disatukan bagi FPE 31 Mei 2024 (sambungan)

Akibatnya, pengolahan perakaunan berikut telah diguna pakai dalam penyata kewangan disatukan yang timbul daripada kombinasi perniagaan di bawah kawalan sepunya (sambungan):

- (b) Perolehan tertahan selain daripada rizab ekuiti Kumpulan pada 1 Oktober 2023 adalah milik Syarikat, Northeast Precision Sdn Bhd, NE Components Sdn Bhd, NE Integrated Sdn Bhd, NE Technologies Sdn Bhd dan NE Solutions Sdn Bhd;
- (c) Modal saham pada 1 Oktober 2023 mencerminkan modal saham Syarikat, Northeast Precision Sdn Bhd, NE Components Sdn Bhd, NE Integrated Sdn Bhd, NE Technologies Sdn Bhd dan NE Solutions Sdn Bhd; dan
- (d) Penyata kedudukan kewangan pada 31 Mei 2024 mewakili kedudukan kewangan Kumpulan selepas mencerminkan kesan pemerolehan dalam tempoh kewangan.

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL

##### 3.1 Asas perakaunan

Maklumat kewangan telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dalam laporan ini.

Penyediaan maklumat kewangan selaras dengan MFRS dan Piawaian Perakaunan IFRS memerlukan para Pengarah membuat anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luar jangka dan liabiliti luar jangka. Tambahan pula, para Pengarah juga dikehendaki melaksanakan pertimbangan mereka dalam proses menggunakan pakai dasar perakaunan. Bidang yang melibatkan pertimbangan, anggaran dan andaian sedemikian didedahkan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan. Walaupun anggaran dan andaian ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.


##### 3.2 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan terdiri daripada penyata kewangan Syarikat dan kesemua anak syarikatnya. Kawalan dicapai apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak, kepada variasi pulangan daripada penglibatannya dengan penerima pelaburan dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas penerima pelaburan. Khususnya, Kumpulan mengawal penerima pelaburan jika dan hanya jika Kumpulan mempunyai:

- (a) Kuasa ke atas penerima pelaburan;
- (b) Pendedahan, atau hak, kepada variasi pulangan daripada pelaburannya dengan penerima pelaburan; dan
- (c) Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangannya.

Jika Kumpulan mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi atau hak serupa daripada penerima pelaburan, Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang berkaitan untuk menilai sama ada ia mempunyai kuasa ke atas penerima pelaburan, termasuk:

- (a) Pengaturan kontrak dengan pemegang undi lain dalam penerima pelaburan;
- (b) Hak yang timbul daripada perjanjian kontrak lain; dan
- (c) Hak mengundi Kumpulan dan potensi hak mengundi.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.2 Asas Penyatuan (sambungan)

Baki, urus niaga, pendapatan dan perbelanjaan dalam kumpulan dihapuskan pada penyatuan. Keuntungan tidak direalisasi yang timbul daripada urus niaga dengan sekutu dan usaha sama dihapuskan terhadap pelaburan setakat kepentingan Kumpulan dalam penerima pelaburan. Rugi tidak direalisasi dihapuskan dengan cara yang sama seperti keuntungan tidak direalisasi, tetapi hanya setakat tiada rosot nilai.

Penyata kewangan anak syarikat disediakan untuk tempoh pelaporan yang sama dengan Syarikat, menggunakan dasar perakaunan yang konsisten. Di mana perlu, dasar perakaunan anak syarikat akan ditukar untuk memastikan konsistensi dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Anak syarikat disatukan dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan sehingga tarikh kuat kuasa di mana kawalan terhenti, mengikut kesesuaian. Aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan anak syarikat yang diperoleh atau dilupuskan dalam tahun kewangan dimasukkan dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan sehingga tarikh Kumpulan berhenti mengawal anak syarikat.


Perubahan dalam kepentingan pemilikan pemilik Syarikat dalam anak syarikat yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, amaun dibawa bagi kepentingan mengawal dan tidak mengawal diselaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan relatifnya dalam anak syarikat. Apa-apa perbezaan antara amaun di mana kepentingan tidak mengawal diselaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan dengan pemilik syarikat induk.

Jika Kumpulan kehilangan kawalan ke atas anak syarikat, untung atau rugi atas pelupusan dikira sebagai perbezaan antara:

- (a) Agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama apa-apa kepentingan yang dikekalkan; dan
- (b) Amaun dibawa aset (termasuk muhibah) dan liabiliti anak syarikat yang sebelumnya dan apa-apa kepentingan bukan mengawal.

Amaun yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain berhubung dengan anak syarikat diambil kira (iaitu dikelaskan semula kepada untung atau rugi dipindahkan terus kepada perolehan tertahan) dengan cara yang sama seperti yang diperlukan jika aset atau liabiliti yang berkaitan telah dilupuskan. Nilai saksama mana-mana pelaburan yang dikekalkan dalam bekas anak syarikat pada tarikh kawalan hilang dianggap sebagai nilai saksama pada pengiktirafan awal untuk perakaunan berikutnya di bawah MFRS 9 *Instrumen Kewangan* atau, jika berkenaan, kos pengiktirafan awal pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama.

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.3 Kombinasi perniagaan kawalan sepunya

###### 3.3.1 Kombinasi perniagaan di bawah kawalan sepunya

Kombinasi perniagaan yang melibatkan entiti di bawah kawalan sepunya diambil kira dengan menggunakan kaedah penggabungan. Aset dan liabiliti entiti penggabungan ditunjukkan pada amaun dibawa yang dilaporkan dalam penyata kewangan individu masing-masing.

Dalam kombinasi perniagaan di bawah kawalan sepunya, apa-apa perbezaan antara kos penggabungan dan modal saham entiti 'diperoleh' ditunjukkan dalam ekuiti sebagai rizab penggabungan.

Penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain bergabung mencerminkan keputusan entiti bergabung bagi tempoh kewangan penuh dan perbandingan dibentangkan seolah-olah entiti telah digabungkan sejak tarikh entiti itu berada di bawah kawalan sepunya.

Entiti di bawah kawalan sepunya ialah entiti yang akhirnya dikawal oleh pihak yang sama dan kawalan itu tidak bersifat sementara. Kawalan wujud apabila pihak yang sama mempunyai, hasil daripada perjanjian kontrak, kuasa kolektif muktamad untuk mentadbir dasar kewangan dan kendalian bagi setiap entiti bergabung untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti mereka, dan kuasa kolektif muktamad itu tidak bersifat sementara. Penyata kewangan entiti kawalan sepunya dimasukkan dalam Penyata Kewangan Bergabung dari hari kawalan bermula sehingga tarikh kawalan itu ditamatkan.


###### 3.3.2 Kombinasi perniagaan bukan di bawah kawalan sepunya

Kombinasi perniagaan bukan di bawah kawalan sepunya diambil kira dengan menggunakan kaedah perakaunan pemerolehan.

Dalam kombinasi perniagaan yang diambil kira dengan menggunakan kaedah perakaunan pemerolehan, aset boleh dikenal pasti yang diperoleh, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang ditanggung dalam kombinasi perniagaan diukur pada nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan, kecuali bahawa:

- Aset atau liabiliti cukai tertunda dan liabiliti atau aset yang berkaitan dengan pengaturan manfaat pekerja diiktiraf dan diukur masing-masing menurut MFRS 112 *Cukai Pendapatan* dan MFRS 119 *Manfaat Pekerja*;
- Aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan diiktiraf dan diukur menurut MFRS 16 *Pajakan*;
- Instrumen liabiliti atau ekuiti yang berkaitan dengan urus niaga pembayaran berasaskan saham pihak yang diperoleh atau penggantian oleh Kumpulan bagi urus niaga pembayaran berasaskan saham pihak yang diperoleh diukur menurut MFRS 2 *Pembayaran Berasaskan Saham* pada tarikh pemerolehan; dan
- Aset (atau kumpulan pelupusan) yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan menurut MFRS 5 *Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan* diukur menurut Piawaian tersebut.

Kos berkaitan dengan pemerolehan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana kos ditanggung dan perkhidmatan diterima.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.3 Kombinasi perniagaan kawalan sepunya (sambungan)

###### 3.3.2 Kombinasi perniagaan bukan di bawah kawalan sepunya

Mana-mana pertimbangan luar jangka belum bayar diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Pelarasan tempoh pengukuran kepada pertimbangan luar jangka diuruskan seperti berikut:


- (a) Jika pertimbangan luar jangka dikelaskan sebagai ekuiti, ia tidak diukur semula dan penyelesaian seterusnya akan diambil kira dalam ekuiti; dan
- (b) Perubahan seterusnya kepada pertimbangan luar jangka yang diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti yang merupakan instrumen kewangan dalam skop MFRS 9 *Instrumen Kewangan* diiktiraf sama ada dalam untung atau rugi atau dalam pendapatan komprehensif lain menurut MFRS 9 *Instrumen Kewangan*. Semua perubahan seterusnya yang lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang dipegang sebelum ini dalam pihak diperoleh diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pemerolehan dan apa-apa keuntungan atau rugi yang sepadan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Komponen kepentingan tidak mengawal dalam pihak diperoleh yang merupakan kepentingan pemilikan semasa dan memberi pemegangnya hak kepada bahagian berkadar aset bersih entiti sekiranya berlaku pembubaran pada mulanya diukur pada bahagian berkadar instrumen pemilikan semasa dalam amaun aset bersih boleh dikenal pasti pihak diperoleh yang diiktiraf. Semua komponen lain bagi kepentingan tidak mengawal hendaklah diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan mereka, melainkan asas pengukuran lain diperlukan oleh MFRS. Pilihan asas pengukuran dibuat berdasarkan kombinasi demi kombinasi. Selepas pengiktirafan awal, amaun dibawa bagi kepentingan tidak mengawal ialah amaun kepentingan tersebut pada pengiktirafan awal ditambah bahagian kepentingan tidak mengawal bagi perubahan seterusnya dalam ekuiti.

Mana-mana lebih daripada jumlah nilai saksama pertimbangan yang dipindahkan dalam kombinasi perniagaan, amaun kepentingan tidak mengawal dalam pihak diperoleh (jika ada), dan nilai saksama kepentingan ekuiti Kumpulan yang dipegang sebelum ini dalam pihak diperoleh (jika ada), melebihi nilai saksama bersih aset dan liabiliti boleh dikenal pasti pihak diperoleh direkodkan sebagai muhibah dalam penyata kedudukan kewangan bergabung. Dalam keadaan di mana amaun yang kemudiannya melebihi yang terdahulu, lebih itu diiktiraf sebagai keuntungan daripada pembelian murah dalam untung atau rugi pada tarikh pemerolehan.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)





## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.4 Hartanah, loji dan peralatan serta susut nilai

Semua item hartanah, loji dan peralatan pada mulanya diukur pada kos. Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan langsung dengan pemerolehan aset.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila kos ditanggung dan ada kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset itu akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset itu boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa untuk bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Kos servis harian hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh apabila kos ditanggung. Kos juga merangkumi anggaran awal untuk merungkai dan mengalihkan aset dan memulihkan tapak di mana ia terletak yang Kumpulan bertanggungjawab untuk menanggung apabila aset itu diperolehi, jika berkenaan.

Setiap bahagian item hartanah, loji dan peralatan dengan kos yang ketara berhubung dengan jumlah kos aset dan yang mempunyai hayat berguna yang berbeza, disusut nilai secara berasingan.

Selepas pengiktirafan awal, hartanah, loji dan peralatan kecuali tanah pegangan kekal dinyatakan pada kos ditolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada.

Susut nilai dikira untuk menghapuskan nilai kos aset kepada nilai sisanya pada asas garis-lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susut nilai utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan pegangan bebas	4%
Bangunan pegangan pajak	2.5% - 4%
Jentera, alatan dan peralatan	10%
Pengubahsuaian dan pemasangan elektrik	10% - 20%
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan dan sistem penggera kebakaran	10% - 20%
Kenderaan bermotor	20%
Peralatan kilang	10%


Tanah dan bangunan hendaklah diambil kira secara berasingan, walaupun apabila ia diperolehi bersama. Tanah pegangan bebas mempunyai hayat berguna tanpa had dan tidak disusutnilaikan.

Modal kerja dalam proses mewakili bangunan dalam pembinaan dan tidak disusutnilaikan sehingga suatu masa apabila aset tersedia untuk digunakan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, amaun dibawa sesuatu item hartanah, loji dan peralatan dinilai untuk rosot nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawanya mungkin tidak boleh diperolehi semula. Penurunan nilai dibuat jika amaun dibawa melebihi amaun boleh pulih (sila lihat Nota 3.8 laporan ini mengenai rosot nilai aset bukan kewangan).

Nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susut nilai anggaran terdahulu hendaklah disemak jika terdapat tanda rosot nilai untuk memastikan bahawa amaun, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran sebelumnya dan jangkaan corak penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam item hartanah, loji dan peralatan. Jika jangkaan berbeza daripada anggaran sebelumnya, perubahan tersebut diambil kira sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan.

Amaun dibawa sesuatu item hartanah, loji dan peralatan dinyahiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Perbezaan antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa dimasukkan dalam untung atau rugi.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.5 Aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan

###### Kumpulan sebagai penerima pajak

Kumpulan mengiktiraf aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan pada tarikh permulaan kontrak untuk semua pajakan kecuali pajakan jangka pendek atau pajakan yang mana aset sandarannya bernilai rendah, memberikan hak untuk mengawal penggunaan sesuatu aset yang dikenal pasti untuk satu tempoh masa.

Kumpulan menentukan tempoh pajakan sebagai tempoh pajakan yang tidak boleh dibatalkan, bersama dengan kedua-dua:

- (a) Tempoh yang diliputi oleh pilihan untuk melanjutkan pajakan jika penerima pajak secara munasabah pasti akan melaksanakan pilihan tersebut; dan
- (b) Tempoh yang diliputi oleh pilihan untuk menamatkan pajakan jika penerima pajak secara munasabah pasti tidak akan melaksanakan pilihan tersebut.

Dalam menilai sama ada penerima pajak secara munasabah pasti akan melaksanakan pilihan untuk melanjutkan pajakan, atau tidak akan melaksanakan pilihan untuk menamatkan pajakan, Kumpulan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan berkaitan yang mewujudkan insentif ekonomi bagi penerima pajak untuk melaksanakan pilihan untuk melanjutkan pajakan atau tidak melaksanakan pilihan untuk menamatkan pajakan. Kumpulan menyemak semula tempoh pajakan jika terdapat perubahan dalam tempoh pajakan yang tidak boleh dibatalkan.

Kumpulan telah memilih untuk tidak mengiktiraf aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan untuk pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah sebanyak RM20,000 dan ke bawah. Pajakan jangka pendek ialah pajakan dengan tempoh pajakan selama dua belas (12) bulan atau kurang. Kumpulan mengiktiraf pembayaran pajakan yang berkaitan dengan pajakan ini sebagai perbelanjaan pada asas garis-lurus sepanjang tempoh pajakan.

###### ***Aset hak penggunaan***


Aset hak penggunaan pada mulanya direkodkan pada kos, yang terdiri daripada:

- (i) Amaun ukuran awal liabiliti pajakan;
- (ii) Apa-apa pembayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan pajakan, ditolak mana-mana insentif pajakan yang diterima;
- (iii) Apa-apa kos langsung permulaan yang ditanggung oleh Kumpulan; dan
- (iv) Anggaran kos yang perlu ditanggung oleh Kumpulan dalam merungkai dan mengalihkan aset sandaran, memulihkan tapak di mana ia berada atau memulihkan aset sandaran kepada keadaan yang diperlukan oleh pemberi pajak.

Selepas pengiktirafan awal, aset hak penggunaan diukur pada kos ditolak apa-apa susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, dan diselaraskan untuk apa-apa pengukuran semula liabiliti pajakan.

Aset hak penggunaan disusut nilai menggunakan kaedah garis lurus dari tarikh permulaan sehingga lebih awal antara akhir hayat berguna aset hak penggunaan atau akhir tempoh pajakan. Tempoh pajakan aset hak penggunaan adalah seperti berikut:

Tanah pegangan pajak	25 tahun - 56 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun - 7 tahun
Jentera	3 tahun



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.5 Aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan (sambungan)

Kumpulan sebagai penerima pajak (sambungan)

##### *Liabiliti pajakan*

Liabiliti pajakan pada mulanya diukur pada nilai semasa pembayaran pajakan yang tidak dibayar pada tarikh tersebut. Pembayaran pajakan didiskaun menggunakan kadar pinjaman tambahan Kumpulan. Selepas pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur liabiliti pajakan dengan meningkatkan amaun dibawa untuk mencerminkan faedah ke atas liabiliti pajakan, mengurangkan amaun dibawa untuk mencerminkan pembayaran pajakan yang dibuat, dan mengukur semula amaun dibawa untuk mencerminkan mana-mana penilaian semula atau pengubahsuaian pajakan atau untuk mencerminkan pembayaran pajakan tetap dasar yang disemak semula.

Pembayaran pajakan diperuntukkan antara kos prinsipal dan kewangan. Kos kewangan dicaj kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap ke atas baki liabiliti bagi setiap tempoh.

Bayaran pajakan berubah yang bergantung kepada jualan, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana syarat yang mencetuskan bayaran tersebut berlaku.

##### 3.6 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga, ditolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian rosot nilai terkumpul.

Kos berikutnya dimasukkan ke dalam amaun dibawa hartanah pelaburan atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila kos ditanggung dan ada kemungkinan manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset itu akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset itu boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa untuk bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Kos servis harian hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.


Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa kerugian rosot nilai terkumpul.

Susut nilai dikira untuk menghapus kira kos atau penilaian hartanah pelaburan kepada nilai sisanya pada asas garis lurus sepanjang anggaran hayat bergunanya. Kadar susut nilai utama bagi hartanah pelaburan adalah seperti berikut:

Bangunan pegangan bebas	2% - 4%
Kedai pejabat	4%

Tanah pegangan bebas mempunyai hayat berguna tanpa had dan tidak disusut nilai.

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.7 Pelaburan dalam anak syarikat

Anak syarikat ialah entiti di mana Kumpulan dan Syarikat terdedah, atau mempunyai hak, kepada variasi pulangan daripada penglibatannya dengan anak syarikat dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas anak syarikat.

Pelaburan dalam anak syarikat, yang dihapuskan apabila disatukan, dinyatakan dalam penyata kewangan berasingan Syarikat pada kos ditolak kerugian rosot nilai, jika ada. Pelaburan yang diambil kira pada kos hendaklah diambil kira selaras dengan MFRS 5 *Aset Bukan Dipegang untuk Jualan dan Operasi Dihentikan* apabila ia dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan) selaras dengan MFRS 5.

Apabila kawalan ke atas anak syarikat hilang akibat daripada urus niaga, peristiwa atau keadaan lain, Kumpulan akan menyahiktiraf semua aset, liabiliti dan kepentingan tidak mengawal pada amaun dibawanya dan mengiktiraf nilai saksama pertimbangan yang diterima. Mana-mana kepentingan yang dikekalkan dalam bekas anak syarikat diiktiraf pada nilai saksamanya pada tarikh kawalan hilang. Perbezaan yang terhasil diiktiraf sebagai keuntungan atau rugi dalam untung atau rugi.

##### 3.8 Rosot nilai aset bukan kewangan

Amaun dibawa aset, kecuali aset kewangan dan inventori, disemak pada akhir setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika terdapat petunjuk sedemikian wujud, amaun boleh pulih aset dianggarkan.

Amaun boleh pulih aset dianggarkan untuk aset individu. Jika tidak mungkin untuk menganggarkan amaun boleh pulih untuk aset individu, ujian rosot nilai dijalankan ke atas unit penjanaan tunai ("CGU") di mana aset tersebut tergolong.

Amaun boleh pulih aset atau CGU ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama ditolak kos untuk menjual dan nilai penggunaannya.


Dalam menganggar nilai dalam penggunaan, anggaran aliran masuk dan keluar tunai masa hadapan yang akan diperoleh daripada penggunaan berterusan aset dan daripada pelupusan muktamadnya didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus untuk aset yang anggaran aliran tunai masa hadapan belum diselaraskan. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi apabila amaun dibawa aset atau CGU, melebihi amaun boleh pulih aset atau CGU. Jumlah kerugian rosot nilai diperuntukkan kepada aset CGU yang lain pada asas pro-rata amaun dibawa setiap aset dalam CGU.

Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi serta-merta.

Kerugian rosot nilai bagi aset akan dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf.

Kerugian rosot nilai dibalikkan hanya setakat amaun dibawa aset itu tidak melebihi amaun dibawa yang akan ditentukan, ditolak susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai telah diiktiraf.

Pembalikan sedemikian diiktiraf sebagai pendapatan serta-merta dalam untung atau rugi.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.9 Inventori

Inventori ditentukan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu dan dinyatakan pada amaun yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan tolak kos untuk menyiapkan dan menjual.

Kos merangkumi semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang ditanggung untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasa. Kos barang siap dan kerja dalam proses termasuk kos buruh langsung dan overhead berkaitan.

Inventori ditaksir untuk rosot nilai pada akhir setiap tempoh pelaporan dengan membandingkan amaun dibawa setiap item inventori dengan harga jualan tolak kos untuk menyiapkan dan menjual. Jika inventori terjejas, amaun dibawa dikurangkan kepada harga jualan tolak kos untuk menyiapkan dan menjual. Kerugian rosot nilai diiktiraf serta-merta dalam untung atau rugi.

##### 3.10 Instrumen kewangan

Instrumen kewangan ialah mana-mana kontrak yang menimbulkan aset kewangan satu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Aset kewangan ialah mana-mana aset tunai, instrumen ekuiti perusahaan lain, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada perusahaan lain, atau hak kontrak untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi untuk menguntungkan Kumpulan.

Liabiliti kewangan ialah mana-mana liabiliti yang merupakan obligasi kontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau obligasi kontrak untuk menukar aset kewangan atau liabiliti kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang mungkin tidak menguntungkan Kumpulan.

Instrumen kewangan diiktiraf pada penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut. Pada pengiktirafan awal, instrumen kewangan diiktiraf pada nilai saksama tambah, dalam kes instrumen kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga yang dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan atau pengeluaran instrumen kewangan.

###### (a) Aset kewangan


Apabila aset kewangan pada mulanya diiktiraf, ia diukur pada nilai saksama, ditambah, dalam kes aset kewangan bukan pada Nilai Saksama Melalui Untung atau Rugi ("FVTPL"), kos urus niaga boleh dikaitkan secara langsung.

Kumpulan menentukan klasifikasi aset kewangan pada pengiktirafan awal. Pengukuran bagi setiap klasifikasi aset kewangan adalah seperti berikut:

###### (i) Aset kewangan diukur pada kos terlunas

Aset kewangan yang merupakan instrumen hutang diukur pada kos terlunas jika ia dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya adalah untuk mengutip aliran tunai kontrak dan mempunyai syarat kontrak yang menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas amaun pokok tertunggak.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan rugi diiktiraf dalam untung atau rugi melalui proses pelunasan. Aset kewangan dibawa bersih atas kerugian rosot nilai, jika ada.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

#### 3.10 Instrumen kewangan (sambungan)

- (a) Aset kewangan (sambungan)
- (ii) Aset kewangan diukur pada nilai saksama

Aset kewangan yang merupakan instrumen hutang diukur pada Nilai Saksama Melalui Pendapatan Komprehensif lain ("FVTOCI"), jika ia dipegang dalam model perniagaan yang objektifnya adalah untuk mengutip aliran tunai kontrak dan menjual aset kewangan, dan mempunyai syarat kontrak yang menimbulkan aliran tunai pada tarikh tertentu yang semata-mata pembayaran pokok dan faedah ke atas amaun pokok tertunggak.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan yang merupakan instrumen hutang diukur pada nilai saksama. Apa-apa keuntungan atau rugi yang terhasil daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali untuk kerugian susut nilai, perbezaan pertukaran dan pendapatan faedah yang diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau rugi terkumpul yang sebelum ini diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dikelaskan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengelasan semula apabila aset kewangan dinyahiktiraf.

Aset kewangan yang merupakan instrumen hutang yang tidak memenuhi syarat untuk diukur pada kos terlunas atau FVTOCI diukur pada FVTPL.

Instrumen ekuiti dikelaskan sebagai aset kewangan yang diukur pada FVTPL jika ia dipegang untuk dagangan atau ditetapkan sedemikian pada pengiktirafan awal. Instrumen ekuiti dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia diperolehi terutamanya untuk dijual dalam tempoh terdekat atau merupakan derivatif yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai (termasuk derivatif terbenam yang berasingan). Kumpulan telah memilih opsyen tidak boleh batal untuk menetapkan instrumen ekuiti tidak dipegang untuk dagangan selain daripada pelaburan dalam anak syarikat semasa pengiktirafan awal sebagai aset kewangan yang diukur pada FVTPL.


Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan yang merupakan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama. Keuntungan atau rugi terhasil daripada perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen ke atas instrumen ekuiti diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran telah ditetapkan.

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah tamat tempoh. Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran yang diterima diiktiraf dalam untung atau rugi.

Tunai dan baki bank diukur pada kos terlunas. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan deposit dalam bank berlesen dan pelaburan yang sangat cair dengan risiko perubahan nilai saksama yang tidak ketara dengan tempoh matang asal tiga (3) bulan atau kurang dan digunakan oleh Kumpulan dalam pengurusan komitmen jangka pendek mereka. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dibentangkan bersih daripada overdraf bank dan deposit yang dicagarkan.

Pembelian atau penjualan cara biasa ialah pembelian atau penjualan aset kewangan di bawah kontrak yang syaratnya memerlukan penghantaran aset dalam tempoh masa yang ditetapkan biasanya oleh peraturan atau konvensyen pasaran.

Pembelian atau penjualan cara biasa aset kewangan hendaklah diiktiraf dan dinyahiktiraf, mengikut kesesuaian, menggunakan perakaunan tarikh perdagangan.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

#### 3.10 Instrumen kewangan (sambungan)

##### (b) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan mengikut inti pati pengaturan berkontrak yang dimasuki dan memenuhi definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan dikelaskan sama ada sebagai liabiliti kewangan yang diukur pada FVTPL atau liabiliti kewangan yang diukur pada kos terlunas.

##### (i) Liabiliti kewangan diukur pada FVTPL

Liabiliti kewangan diukur pada FVTPL termasuk liabiliti kewangan yang dipegang untuk dagangan dan liabiliti kewangan yang ditetapkan pada pengiktirafan awal sebagai pada FVTPL.

Liabiliti kewangan dikelaskan sebagai dipegang untuk dagangan jika ia diperoleh untuk dijual dalam tempoh terdekat. Ini termasuk derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan yang tidak memenuhi kriteria perakaunan lindung nilai. Liabiliti derivatif pada mulanya diukur pada nilai saksama dan kemudiannya dinyatakan pada nilai saksama, dengan mana-mana keuntungan atau rugi yang terhasil diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali apabila risiko kredit Kumpulan sendiri meningkat atau berkurangan dan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain. Keuntungan atau rugi bersih atas derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

##### (ii) Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama ditambah kos urus niaga berkaitan langsung dan kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.


Untuk liabiliti kewangan, keuntungan dan rugi diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktiraf dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, ia dipadamkan, iaitu apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan atau dibatalkan atau tamat tempoh. Pertukaran antara peminjam sedia ada dan pemberi pinjaman instrumen hutang dengan terma yang jauh berbeza diambil kira sebagai pemansuhan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu. Begitu juga, pengubahsuaian besar terma liabiliti kewangan sedia ada diambil kira sebagai pemansuhan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu.

Perbezaan antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dimansuhkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk mana-mana aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang diambil alih, diiktiraf dalam untung atau rugi.

##### (c) Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan ialah kontrak yang memerlukan penerbit membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik pemegang bagi kerugian yang ditanggungnya disebabkan penghutang tertentu gagal membuat pembayaran apabila tiba masanya mengikut syarat asal atau syarat yang telah diubahsuai bagi instrumen hutang.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

#### 3.10 Instrumen kewangan (sambungan)

##### (c) Kontrak jaminan kewangan (sambungan)

Liabiliti kontrak jaminan kewangan pada mulanya diukur pada nilai saksama dan, jika tidak ditetapkan sebagai FVTPL dan tidak timbul daripada pemindahan aset, diukur seterusnya pada yang lebih tinggi daripada:

- (i) amaun elaun kerugian yang ditentukan menurut MFRS 9 *Instrumen Kewangan*; atau
- (ii) amaun yang diiktiraf pada mulanya tolak pelunasan terkumpul, jika berkenaan.

##### (d) Ekuiti

Instrumen ekuiti ialah apa-apa kontrak yang membuktikan baki kepentingan dalam aset Kumpulan selepas ditolak semua liabilitinya. Saham biasa dikelaskan sebagai instrumen ekuiti.


Saham biasa direkodkan pada perolehan yang diterima pada terbitan dan dikelaskan sebagai ekuiti. Kos urus niaga yang berkaitan langsung dengan penerbitan instrumen ekuiti diambil kira sebagai potongan daripada ekuiti, setelah ditolak mana-mana manfaat cukai pendapatan yang berkaitan. Jika tidak, ia dicaj kepada untung atau rugi.

Dividen interim kepada pemegang saham diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diisytiharkan. Dividen akhir diiktiraf selepas kelulusan pemegang saham dalam mesyuarat agung.

Kumpulan mengukur liabiliti untuk mengagihkan aset bukan tunai sebagai dividen kepada pemilik Syarikat pada nilai saksama bagi aset yang akan diagihkan. Amaun dibawa dividen diukur semula pada akhir setiap tempoh dan pada tarikh penyelesaian, dengan sebarang perubahan diiktiraf secara langsung dalam ekuiti sebagai pelarasan kepada amaun pengagihan.

Pada penyelesaian urus niaga, Kumpulan mengiktiraf perbezaan, jika ada, antara amaun dibawa aset yang diagihkan dan amaun dibawa liabiliti dalam untung atau rugi.

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*





## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.11 Rosot nilai aset kewangan

Kumpulan mengiktiraf elaun kerugian rosot nilai untuk jangkaan kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos terlunas.

Kumpulan mengiktiraf elaun kerugian rosot nilai untuk perdagangan belum terima berdasarkan pendekatan dipermudahkan menurut MFRS 9 *Instrumen Kewangan* dan mengukur elaun kerugian rosot nilai berdasarkan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat daripada pengiktirafan awal.

Kumpulan mengiktiraf elaun kerugian rosot nilai untuk belum terima lain berdasarkan pendekatan am tiga peringkat dalam MFRS 9 menggunakan model jangkaan kerugian kredit berpandangan ke hadapan.

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan menilai sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit untuk aset kewangan selain daripada perdagangan belum terima dengan membandingkan risiko kemungkiran yang berlaku sepanjang jangka hayat dengan risiko kemungkiran sejak pengiktirafan awal. Bagi mereka yang risiko kreditnya tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal aset kewangan, jangkaan kerugian kredit untuk dua belas bulan bersama dengan pendapatan faedah kasar diiktiraf. Bagi mereka yang risiko kreditnya telah meningkat dengan ketara, jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat bersama dengan pendapatan faedah kasar diiktiraf. Bagi mereka yang ditentukan sebagai terjejas kredit, jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat bersama dengan pendapatan faedah pada asas bersih diiktiraf.

Kumpulan mempertimbangkan pengalaman kerugian kredit lampau dan data yang boleh diperhatikan seperti perubahan semasa dan ramalan masa hadapan dalam keadaan ekonomi untuk menganggarkan amaun jangkaan kerugian rosot nilai. Metodologi dan andaian termasuk apa-apa ramalan keadaan ekonomi masa hadapan disemak secara berkala.

Amaun dibawa aset kewangan dikurangkan melalui penggunaan elaun untuk akaun kerugian rosot nilai dan amaun kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Apabila aset kewangan menjadi tidak boleh dikutip, ia dihapus kira daripada elaun untuk akaun kerugian rosot nilai.


##### 3.12 Kos pinjaman

Kos pinjaman yang berkaitan langsung dengan pemerolehan atau pengeluaran aset yang layak dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset sehingga apabila sebahagian besar aktiviti yang diperlukan untuk menyediakan aset untuk kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan itu selesai, yang mana selepas itu perbelanjaan tersebut dicaj kepada untung atau rugi. Aset yang layak ialah aset yang semestinya mengambil tempoh masa yang panjang untuk disediakan untuk kegunaan atau penjualan yang dihasratkan. Permodalan kos pinjaman digantung semasa tempoh lanjutan di mana pembangunan aktif terganggu.

Amaun kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan ialah kos pinjaman sebenar yang ditanggung ke atas pinjaman dalam tempoh ditolak apa-apa pendapatan pelaburan ke atas pelaburan sementara pinjaman.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana ia ditanggung.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

#### 3.13 Cukai pendapatan

Cukai pendapatan termasuk semua cukai ke atas untung boleh cukai. Cukai pendapatan juga termasuk cukai lain, seperti cukai pegangan dan cukai keuntungan hartanah yang perlu dibayar ke atas pelupusan hartanah, jika ada.

Cukai dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda.

##### (a) Cukai semasa

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan mengikut undang-undang cukai bidang kuasa di mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan untung boleh cukai.

##### (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun dibawa aset atau liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya.

Cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara, melainkan cukai tertunda timbul daripada muhibah atau pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan kombinasi perniagaan dan pada masa urus niaga, tidak menjejaskan untung perakaunan mahupun untung boleh cukai.


Aset cukai tertunda diiktiraf hanya setakat yang berkemungkinan bahawa untung boleh cukai masa hadapan akan tersedia di mana perbezaan sementara boleh tolak, kerugian cukai tidak digunakan dan kredit cukai tidak digunakan boleh digunakan. Amaun dibawa aset cukai tertunda disemak pada akhir setiap tempoh pelaporan. Jika tidak lagi berkemungkinan bahawa untung boleh cukai yang mencukupi akan tersedia untuk membolehkan manfaat sebahagian atau semua aset cukai tertunda itu digunakan, amaun dibawa aset cukai tertunda akan dikurangkan dengan sewajarnya. Apabila terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai yang mencukupi akan tersedia, pengurangan tersebut akan diterbalikkan kepada tahap untung boleh cukai.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diofset apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk menolak selesai aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan pihak berkuasa percukaian yang sama pada sama ada:

- (i) Entiti boleh cukai yang sama; atau
- (ii) Entiti boleh cukai berbeza yang berhasrat sama ada untuk menyelesaikan liabiliti dan aset cukai semasa pada asas bersih, atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak, dalam setiap tempoh masa hadapan di mana sebahagian besar amaun liabiliti atau aset cukai tertunda dijangka akan diselesaikan atau pulih.

Cukai tertunda akan diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan dalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan cukai yang berkaitan dengan item yang dikreditkan atau dicaj, dalam tempoh yang sama atau berbeza, secara langsung kepada ekuiti, di mana cukai tertunda akan dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka terpakai pada tahun apabila aset direalisasikan atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan pengumuman kadar cukai oleh Kerajaan yang mempunyai kesan substantif enakmen sebenar pada akhir setiap tempoh pelaporan.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.14 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila terdapat obligasi semasa, undang-undang atau konstruktif, akibat daripada peristiwa lalu, dan apabila terdapat kemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang dipercayai boleh dibuat berdasarkan amaun obligasi.

Jika kesan nilai masa wang adalah material, amaun peruntukan akan didiskaun kepada nilai semasanya pada kadar sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus untuk liabiliti tersebut.

Peruntukan disemak pada akhir setiap tempoh pelaporan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Jika tidak lagi berkemungkinan aliran keluar sumber yang merangkumi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, peruntukan itu akan dibalikkan.


Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian kendalian masa hadapan. Jika Kumpulan mempunyai kontrak yang membebankan, obligasi semasa di bawah kontrak tersebut hendaklah diiktiraf dan diukur sebagai peruntukan.

##### 3.15 Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

Liabiliti luar jangka ialah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan disahkan oleh berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti yang di luar kawalan Kumpulan atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana ia tidak berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi. Liabiliti luar jangka juga timbul dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Kumpulan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan.

Aset luar jangka ialah aset yang mungkin timbul daripada peristiwa masa lalu yang kewujudannya akan disahkan oleh berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa hadapan yang tidak pasti yang di luar kawalan Kumpulan. Kumpulan tidak mengiktiraf aset luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

#### 3.16 Pengiktirafan hasil

##### (a) Jualan barangan

Kumpulan mengiktiraf hasil daripada kontrak dengan pelanggan untuk jualan barangan berdasarkan model lima langkah seperti yang dinyatakan di bawah:

- (i) Mengenal pasti kontrak dengan pelanggan. Kontrak ditakrifkan sebagai perjanjian antara dua atau lebih pihak yang mewujudkan hak dan obligasi yang boleh dikuatkuasakan dan menetapkan kriteria yang mesti dipenuhi.
- (ii) Mengenal pasti obligasi pelaksanaan dalam kontrak. Obligasi pelaksanaan ialah janji dalam kontrak dengan pelanggan untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan.
- (iii) Menentukan harga urus niaga. Harga urus niaga ialah amaun pertimbangan yang Kumpulan jangka berhak sebagai pertukaran untuk memindahkan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan, tidak termasuk amaun yang dikutip bagi pihak ketiga.
- (iv) Memperuntukkan harga urus niaga kepada obligasi pelaksanaan dalam kontrak. Bagi kontrak yang mempunyai lebih daripada satu obligasi pelaksanaan, Kumpulan memperuntukkan harga urus niaga kepada setiap obligasi pelaksanaan dalam amaun yang menggambarkan amaun pertimbangan yang Kumpulan jangka berhak sebagai pertukaran untuk memenuhi setiap obligasi pelaksanaan.
- (v) Mengiktiraf hasil apabila (atau ketika) Kumpulan memenuhi obligasi pelaksanaan.

Kumpulan memenuhi obligasi pelaksanaan dan mengiktiraf hasil pada sesuatu masa.

Apabila Kumpulan memenuhi obligasi pelaksanaan dengan menyerahkan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan, ia mewujudkan aset berasaskan kontrak pada amaun pertimbangan yang diperoleh daripada pelaksanaan tersebut. Jika amaun pertimbangan diterima daripada pelanggan melebihi amaun hasil diiktiraf, ini menimbulkan liabiliti kontrak.

Hasil diukur pada nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum terima.

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila Kumpulan memenuhi obligasi pelaksanaan dengan memindahkan barangan yang dijanjikan kepada pelanggan. Aset dipindahkan ketika dan apabila pelanggan memperoleh kawalan ke atas aset tersebut, yang bertepatan dengan penghantaran barangan dan perkhidmatan serta penerimaan oleh pelanggan.


##### (b) Pendapatan lain

##### (i) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru, menggunakan kaedah faedah berkesan.

##### (ii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan bagi pajakan berterusan.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

#### 3.17 Manfaat pekerja

##### (a) Manfaat pekerja jangka pendek

Upah, gaji, caruman keselamatan sosial, cuti tahunan bergaji, cuti sakit bergaji, bonus dan manfaat bukan monetari diukur pada asas tidak berdiskaun dan dibelanjakan apabila pekerja memberikan perkhidmatan mereka kepada Kumpulan.

Ketidakhadiran berpampasan terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan bergaji diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila pekerja memberikan perkhidmatan yang meningkatkan kelayakan mereka kepada ketidakhadiran berpampasan masa hadapan. Ketidakhadiran berpampasan tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku dan ia luput jika kelayakan tempoh semasa tidak digunakan sepenuhnya dan tidak melayakkan pekerja mendapat pembayaran tunai untuk kelayakan yang tidak digunakan apabila meninggalkan Kumpulan.

Bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila terdapat obligasi semasa, undang-undang atau konstruktif untuk membuat pembayaran sedemikian, akibat peristiwa lalu dan apabila anggaran yang dipercayai boleh dibuat berdasarkan amaun obligasi.

##### (b) Pelan caruman ditentukan

Kumpulan membuat caruman kepada kumpulan wang simpanan berkanun. Caruman tersebut diiktiraf sebagai liabiliti selepas menolak apa-apa caruman yang telah dibayar dan sebagai perbelanjaan dalam tempoh pekerja memberikan perkhidmatan mereka.


#### 3.18 Mata wang asing

##### (a) Mata wang fungsian dan pembentangan

Item yang disertakan dalam penyata kewangan Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi ("mata wang fungsian"). Laporan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia.

##### (b) Terjemahan dan baki mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh tersebut. Semua perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian urus niaga mata wang asing dan daripada terjemahan aset dan liabiliti monetari mata wang asing dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tempoh ia timbul. Item bukan monetari yang pada mulanya dalam denominasi mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pemerolehan, dan item bukan monetari yang dibawa pada nilai saksama diterjemahkan menggunakan kadar pertukaran yang wujud apabila nilai ditentukan untuk tujuan mata wang pembentangan.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

#### 3.19 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama aset atau liabiliti (kecuali untuk urus niaga pajakan) ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga teratur antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama mengandaikan bahawa urus niaga untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau tanpa kehadiran pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Kumpulan mengukur nilai saksama aset atau liabiliti dengan mengambil kira ciri-ciri aset atau liabiliti jika peserta pasaran akan mengambil kira ciri-ciri ini apabila menetapkan harga aset atau liabiliti. Kumpulan telah mempertimbangkan ciri-ciri berikut semasa menentukan nilai saksama:

- (a) Keadaan dan lokasi aset; dan
- (b) Sekatan, jika ada, ke atas penjualan atau penggunaan aset.

Pengukuran nilai saksama bagi aset bukan kewangan mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset itu dalam penggunaan tertinggi dan terbaiknya atau dengan menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset itu pada tahap tertinggi dan penggunaan terbaik.

Nilai saksama liabiliti kewangan atau bukan kewangan atau instrumen ekuiti entiti sendiri mengandaikan bahawa:


- (a) Liabiliti akan kekal tertunggak dan penerima pindahan peserta pasaran dikehendaki memenuhi obligasi tersebut. Liabiliti tidak akan diselesaikan dengan rakan niaga atau sebaliknya dipadamkan pada tarikh pengukuran; dan
- (b) Instrumen ekuiti entiti sendiri akan kekal tertunggak dan penerima pindahan peserta pasaran akan mengambil hak dan tanggungjawab yang berkaitan dengan instrumen tersebut. Instrumen tidak akan dibatalkan atau dipadamkan pada tarikh pengukuran.

#### 3.20 Aset bukan semasa dipegang untuk jualan

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan jika amaun dibawa akan dipulihkan terutamanya melalui urus niaga jualan dan bukannya melalui penggunaan berterusan. Untuk perkara ini berlaku, aset hendaklah tersedia untuk dijual segera dalam keadaan semasanya tertakluk hanya kepada terma yang biasa dan lazim bagi penjualan aset tersebut dan kebarangkalian penjualan tersebut berlaku mestilah tinggi. Kebarangkalian kelulusan pemegang saham (jika diperlukan dalam bidang kuasa) dianggap sebagai sebahagian daripada penilaian sama ada kebarangkalian penjualan itu berlaku adalah tinggi.

Jualan dijangka layak untuk pengiktirafan sebagai jualan lengkap dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pengelasan. Walau bagaimanapun, lanjutan tempoh yang diperlukan untuk menyelesaikan jualan tidak menghalang aset daripada diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan jika kelewatan adalah disebabkan oleh peristiwa atau keadaan yang di luar kawalan Kumpulan dan terdapat bukti yang mencukupi bahawa Kumpulan tetap komited terhadap rancangannya untuk menjual aset tersebut.

Aset bukan semasa dikelaskan sebagai dipegang untuk diagihkan kepada pemilik apabila entiti komited untuk mengagihkan aset tersebut kepada pemilik. Untuk perkara ini berlaku, aset hendaklah tersedia untuk pengagihan segera dalam keadaan semasanya dan kebarangkalian pengagihan tersebut berlaku mestilah tinggi. Untuk pengagihan menjadi berkebarangkalian tinggi, tindakan untuk menyelesaikan pengagihan mestilah dimulakan dan dijangka selesai dalam tempoh satu tahun dari tarikh pengelasan. Tindakan yang diperlukan untuk menyelesaikan pengagihan harus menunjukkan bahawa kebarangkalian perubahan ketara untuk pengagihan akan dibuat atau pengagihan akan ditarik balik adalah rendah. Kebarangkalian kelulusan pemegang saham (jika diperlukan dalam bidang kuasa) harus dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada penilaian sama ada kebarangkalian pengagihan itu berlaku adalah tinggi.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.20 Aset bukan semasa dipegang untuk jualan (sambungan)

Sejurus sebelum pengelasan awal sebagai dipegang untuk jualan, amaun dibawa aset diukur menurut MFRS yang berkenaan. Pada pengelasan awal sebagai dipegang untuk jualan, aset bukan semasa diukur pada nilai yang lebih rendah antara amaun dibawa sebelum pengelasan awal sebagai dipegang untuk jualan dan nilai saksama tolak kos untuk menjual. Perbezaan, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai kerugian rosot nilai.

Aset bukan semasa dipegang untuk jualan dikelaskan sebagai aset semasa dalam penyata kedudukan kewangan dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara amaun dibawa sejurus sebelum pengelasan awal dan nilai saksama tolak kos untuk menjual dan tidak disusutnilaikan. Sebarang pendapatan atau perbelanjaan terkumpul diiktiraf secara langsung dalam ekuiti berkaitan dengan aset bukan semasa yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan dibentangkan secara berasingan.

Jika aset dikelaskan sebagai aset bukan semasa dipegang untuk jualan atau dipegang untuk pengagihan tetapi kemudiannya, kriteria untuk pengelasan tidak dipenuhi, ia akan berhenti dikelaskan sebagai aset bukan semasa yang dipegang untuk jualan dan akan diukur pada nilai yang lebih rendah antara:

- (i) amaun dibawanya sebelum aset dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan atau dipegang untuk pengagihan, dilaraskan untuk sebarang susut nilai, pelunasan atau penilaian semula yang akan diiktiraf sekiranya aset itu tidak dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan atau dipegang untuk pengagihan; dan
- (ii) amaun boleh pulihnya pada tarikh keputusan berikutnya untuk tidak menjual atau mengagihkan.

##### 3.21 Perolehan setiap saham biasa


###### (a) Asas

Perolehan setiap saham asas bagi tahun kewangan dikira dengan membahagikan untung bagi tahun kewangan berkaitan dengan pemilik/pemegang saham mengawal sepunya Kumpulan dengan jangkaan bilangan saham biasa Syarikat selepas Penyenaian selesai.

###### (b) Cair

Perolehan setiap saham cair bagi tahun kewangan dikira dengan membahagikan untung bagi tahun kewangan berkaitan dengan pemilik/pemegang saham mengawal sepunya entiti bergabung dengan jangkaan bilangan saham biasa Syarikat selepas Penyenaian selesai, dilaraskan untuk kesan saham biasa berpotensi mencairkan.

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 3. DASAR PERAKAUNAN MATERIAL (sambungan)

##### 3.22 Segmen kendalian

Segmen kendalian ditakrifkan sebagai komponen Kumpulan yang:

- (a) Melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan yang mana ia boleh memperoleh hasil dan menanggung perbelanjaan (termasuk hasil dan perbelanjaan yang berkaitan dengan urus niaga dengan komponen lain Kumpulan);
- (b) Keputusan kendaliannya disemak secara kerap oleh ketua pembuat keputusan kendalian Kumpulan dalam membuat keputusan tentang sumber yang akan diperuntukkan kepada segmen dan menilai prestasinya; dan
- (c) Yang mana maklumat kewangan berasingan tersedia.

Segmen kendalian mungkin terlibat dalam aktiviti perniagaan yang masih belum memperoleh hasil.


Kumpulan melaporkan secara berasingan maklumat mengenai setiap segmen kendalian yang memenuhi mana-mana ambang kuantitatif berikut:

- (a) Hasilnya yang dilaporkan, termasuk kedua-dua jualan kepada pelanggan luar dan jualan atau pemindahan antara segmen, ialah sepuluh peratus (10%) atau lebih daripada hasil bergabung, dalaman dan luaran, bagi semua segmen kendalian.
- (b) Amaun mutlak untung atau rugi yang dilaporkan ialah sepuluh peratus (10%) atau lebih daripada amaun yang lebih besar, dalam amaun mutlak antara:
  - (i) Untung bergabung yang dilaporkan bagi semua segmen kendalian yang tidak melaporkan rugi; dan
  - (ii) Rugi bergabung yang dilaporkan bagi semua segmen kendalian yang melaporkan rugi.
- (c) Asetnya ialah sepuluh peratus (10%) atau lebih daripada aset bergabung semua segmen kendalian.

Segmen kendalian yang tidak memenuhi mana-mana ambang kuantitatif boleh dianggap boleh dilaporkan, dan didedahkan secara berasingan, jika pihak pengurusan percaya bahawa maklumat tentang segmen tersebut akan berguna kepada pengguna penyata kewangan.

Jumlah hasil luaran yang dilaporkan oleh segmen kendalian hendaklah membentuk sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus (75%) daripada hasil Kumpulan. Segmen kendalian yang dikenal pasti sebagai segmen boleh dilaporkan dalam tahun/tempoh kewangan semasa mengikut ambang kuantitatif akan menghasilkan pernyataan semula data segmen tempoh sebelumnya untuk tujuan perbandingan.

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*





**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN****31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021****4. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN MATERIAL****4.1 Perubahan dalam anggaran**

Anggaran dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman lampau dan faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan tersebut.

Para Pengarah berpendapat bahawa tiada perubahan ketara dalam anggaran pada akhir tempoh pelaporan.

**4.2 Pertimbangan kritikal yang dibuat dalam mengguna pakai dasar perakaunan**

Tiada pertimbangan kritikal terlibat yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.


**4.3 Sumber utama ketidakpastian anggaran**

Berikut adalah andaian utama mengenai masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada akhir setiap tempoh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang menyebabkan pelarasan material kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya.

Rosot nilai perdagangan belum terima

Elaun rosot nilai untuk perdagangan belum terima adalah berdasarkan andaian tentang risiko kemungkiran dan jangkaan kadar kerugian kredit. Kumpulan menerima pakai pertimbangan dalam membuat andaian ini dan memilih input untuk mengira kerugian rosot nilai tersebut, secara amnya berdasarkan data lampau pelanggan yang ada, keadaan pasaran sedia ada termasuk anggaran yang berpandangan ke hadapan iaitu indeks harga pengguna dan indeks keluaran dalam negara kasar, pada akhir tempoh pelaporan.

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

**5. ANAK SYARIKAT/ENTITI BERGABUNG**

Butiran anak syarikat/entiti bergabung adalah seperti berikut:

Nama anak syarikat /entiti bergabung	Negara diperbadankan/ Tempat perniagaan utama	Faedah berkesan dalam ekuiti dipegang berdasarkan kepentingan mengundi				Aktiviti utama
		31.5.2024 %	30.9.2023 %	30.9.2022 %	30.9.2021 %	
Northeast Precision Sdn Bhd	Malaysia	100	100	100	100	Kerja kejuruteraan ketepatan
NE Components Sdn Bhd	Malaysia	100	100	100	100	Kerja kejuruteraan ketepatan
NE Integrated Sdn Bhd	Malaysia	100	100	100	100	Kerja kejuruteraan ketepatan
NE Technologies Sdn Bhd	Malaysia	100	100	100	100	Kerja kejuruteraan ketepatan
NE Solutions Sdn Bhd	Malaysia	100	100	100	100	Kerja kejuruteraan ketepatan

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)




## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Teraudit 31 Mei 2024	Tanah pegangan kekal RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Bangunan pegangan pajak RM'000	Jentera, alatan dan peralatan RM'000	Pengubah- suaian dan pemasang- an elektrik RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan keleng- kapan dan sistem penggera kebakaran RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan kilang RM'000	Modal kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pada kos</b>										
Baki pada 1 Oktober 2023	18,587	1,230	13,392	69,724	1,366	5,610	1,069	35	360	111,373
Penambahan	-	-	2	166	-	142	-	-	-	310
Baki pada 31 Mei 2024	18,587	1,230	13,394	69,890	1,366	5,752	1,069	35	360	111,683
<b>Susut nilai terkumpul</b>										
Baki pada 1 Oktober 2023	-	443	2,294	38,986	731	2,716	871	15	-	46,056
Caj semasa	-	33	333	3,776	66	390	42	2	-	4,642
Baki pada 31 Mei 2024	-	476	2,627	42,762	797	3,106	913	17	-	50,698
<b>Amaun dibawa</b>										
Baki pada 31 Mei 2024	18,587	754	10,767	27,128	569	2,646	156	18	360	60,985

(Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong)




**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

**6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)**

Teraudit	Tanah pegangan kekal RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Bangunan pegangan pajak RM'000	Jentera, alat, dan peralatan RM'000	Pengubah- suaian dan pemasang- an elektrik RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan keleng- kapan dan sistem penggera kebakaran RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan kilang RM'000	Modal kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pada kos</b>										
Baki pada 1 Oktober 2022	4,353	-	7,531	63,925	1,122	4,528	1,106	35	5,907	88,507
Penambahan	12,829	-	314	8,116	244	1,082	85	-	-	22,670
Pelupusan	-	-	-	(1,377)	-	-	(757)	-	-	(2,134)
Klasifikasi semula	-	-	5,547	-	-	-	-	-	(5,547)	-
Pemindahan(kepada)/daripada aset hak penggunaan (Nota 7)	-	-	-	(940)	-	-	635	-	-	(305)
Pemindahan daripada hartanah pelaburan (Nota 8)	1,405	1,230	-	-	-	-	-	-	-	2,635
<b>Baki pada 30 September 2023</b>	<b>18,587</b>	<b>1,230</b>	<b>13,392</b>	<b>69,724</b>	<b>1,366</b>	<b>5,610</b>	<b>1,069</b>	<b>35</b>	<b>360</b>	<b>111,373</b>
<b>Susut nilai terkumpul</b>										
Baki pada 1 Oktober 2022	-	-	1,951	34,829	644	2,160	939	11	-	40,534
Caj semasa	-	-	343	5,604	87	556	54	4	-	6,648
Pelupusan	-	-	-	(1,369)	-	-	(757)	-	-	(2,126)
Pemindahan(kepada)/daripada aset hak penggunaan (Nota 7)	-	-	-	(78)	-	-	635	-	-	557
Pemindahan daripada hartanah pelaburan (Nota 8)	-	443	-	-	-	-	-	-	-	443
<b>Baki pada 30 September 2023</b>	<b>-</b>	<b>443</b>	<b>2,294</b>	<b>38,986</b>	<b>731</b>	<b>2,716</b>	<b>871</b>	<b>15</b>	<b>-</b>	<b>46,056</b>
<b>Amaun dibawa</b>										
<b>Baki pada 30 September 2023</b>	<b>18,587</b>	<b>787</b>	<b>11,098</b>	<b>30,738</b>	<b>635</b>	<b>2,894</b>	<b>198</b>	<b>20</b>	<b>360</b>	<b>65,317</b>




## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Teraudit 30 September 2022	Tanah pegangan kekal RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Bangunan pegangan pajak RM'000	Jentera, alatan dan peralatan RM'000	Pengubah- suaian dan pemasang- an elektrik RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan keleng- kapan dan sistem penggera kebakaran RM'000	Kende- raan bermotor RM'000	Peralatan kilang RM'000	Modal kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pada kos</b>										
Baki pada 1 Oktober 2021	5,962	3,399	5,005	57,547	1,421	3,664	2,278	35	7,192	86,503
Penambahan	-	-	233	6,170	33	942	98	-	1,008	8,484
Pelupusan	(1,609)	(3,399)	-	-	(313)	(5)	(1,823)	-	-	(7,149)
Dihapus kira	-	-	-	-	(19)	(73)	-	-	-	(92)
Klasifikasi semula	-	-	2,293	-	-	-	-	-	(2,293)	-
Pemindahan daripada aset hak penggunaan (Nota 7)	-	-	-	208	-	-	553	-	-	761
Baki pada 30 September 2022	4,353	-	7,531	63,925	1,122	4,528	1,106	35	5,907	88,507
<b>Susut nilai terkumpul</b>										
Baki pada 1 Oktober 2021	-	947	1,713	29,872	794	1,805	2,157	7	-	37,295
Caj semasa	-	68	238	4,863	92	408	52	4	-	5,725
Pelupusan	-	(1,015)	-	-	(228)	(4)	(1,823)	-	-	(3,070)
Dihapus kira	-	-	-	-	(14)	(49)	-	-	-	(63)
Pemindahan daripada aset hak penggunaan (Nota 7)	-	-	-	94	-	-	553	-	-	647
Baki pada 30 September 2022	-	-	1,951	34,829	644	2,160	939	11	-	40,534
<b>Amaun dibawa</b>										
Baki pada 30 September 2022	4,353	-	5,580	29,096	478	2,368	167	24	5,907	47,973




## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

Teraudit 30 September 2021	Tanah pegangan kekal RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Bangunan pegangan pajak RM'000	Jentera, alatan dan peralatan RM'000	Pengubah- suaian dan pemasang- an elektrik RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan keleng- kapan dan sistem penggera kebakaran RM'000	Kende- raan bermotor RM'000	Peralatan kilang RM'000	Modal kerja dalam proses RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pada kos</b>										
Baki pada 1 Oktober 2020	7,367	4,629	5,005	46,834	1,294	2,845	1,085	35	4,973	74,067
Penambahan	-	-	-	9,768	127	819	132	-	2,219	13,065
Pemindahan daripada aset hak penggunaan (Nota 7)	-	-	-	945	-	-	1,061	-	-	2,006
Pemindahan kepada hartanah pelaburan (Nota 8)	(1,405)	(1,230)	-	-	-	-	-	-	-	(2,635)
Baki pada 30 September 2021	5,962	3,399	5,005	57,547	1,421	3,664	2,278	35	7,192	86,503
<b>Susut nilai terkumpul</b>										
Baki pada 1 Oktober 2020	-	1,106	1,512	24,319	687	1,430	1,052	3	-	30,109
Caj semasa	-	173	201	5,188	107	375	44	4	-	6,092
Pemindahan daripada aset hak penggunaan (Nota 7)	-	-	-	365	-	-	1,061	-	-	1,426
Pemindahan kepada hartanah pelaburan (Nota 8)	-	(332)	-	-	-	-	-	-	-	(332)
Baki pada 30 September 2021	-	947	1,713	29,872	794	1,805	2,157	7	-	37,295
<b>Amaun dibawa</b>										
Baki pada 30 September 2021	5,962	2,452	3,292	27,675	627	1,859	121	28	7,192	49,208



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021


**6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)**

- (a) Pada akhir tempoh pelaporan, amaun dibawa bagi hartanah, loji dan peralatan yang dicagar sebagai cagaran untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada Kumpulan seperti yang didedahkan dalam Nota 15(c) kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

	31.5.2024 Teraudit RM'000	30.9.2023 Teraudit RM'000	30.9.2022 Teraudit RM'000	30.9.2021 Teraudit RM'000
Tanah pegangan bebas	18,587	18,587	4,353	5,962
Bangunan pegangan bebas	754	787	-	2,452
Bangunan pegangan pajak	7,847	8,040	2,316	-
Modal kerja dalam proses	360	360	5,907	7,192
	<u>27,548</u>	<u>27,774</u>	<u>12,576</u>	<u>15,606</u>

- (b) Kumpulan membuat pembayaran tunai berikut untuk membeli hartanah, loji dan peralatan:

	31.5.2024 Teraudit RM'000	30.9.2023 Teraudit RM'000	30.9.2022 Teraudit RM'000	30.9.2021 Teraudit RM'000
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	310	22,670	8,484	13,065
Dibiayai oleh pinjaman berjangka	-	(11,038)	-	-
Tidak dibayar dan termasuk di bawah belum bayar lain	-	(845)	-	-
Bayaran tunai untuk pembelian hartanah, loji dan peralatan	<u>310</u>	<u>10,787</u>	<u>8,484</u>	<u>13,065</u>



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 7. ASET HAK PENGGUNAAN DAN LIABILITI PAJAKAN


#### Kumpulan sebagai pemajak

#### Aset hak penggunaan

	Baki pada 1.10.2023 RM'000	Susut nilai RM'000	Baki pada 31.5.2024 RM'000
<b>Teraudit</b>			
<b>Amaun dibawa</b>			
Tanah pegangan pajak	11,631	(250)	11,381
Kenderaan bermotor	807	(130)	677
Jentera	4,824	(399)	4,425
	<u>17,262</u>	<u>(779)</u>	<u>16,483</u>

	Baki pada 1.10.2022 RM'000	Penambahan RM'000	Susut nilai RM'000	Pemindahan (kepada)/ daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 6) RM'000	Baki pada 30.9.2023 RM'000
<b>Teraudit</b>					
<b>Amaun dibawa</b>					
Tanah pegangan pajak	12,006	-	(375)	-	11,631
Kenderaan bermotor	149	799	(141)	*	807
Jentera	4,537	-	(575)	862	4,824
	<u>16,692</u>	<u>799</u>	<u>(1,091)</u>	<u>862</u>	<u>17,262</u>

\* Kurang daripada RM1,000





## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 7. ASET HAK PENGGUNAAN DAN LIABILITI PAJAKAN (sambungan)


#### Kumpulan sebagai pemajak (sambungan)

#### Aset hak penggunaan (sambungan)

Teraudit Amaun dibawa	Baki pada	Penambahan	Pelupusan	Susut nilai	Pemindahan	Baki pada
	1.10.2021				kepada hartanah, loji dan peralatan	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	(Nota 6) RM'000	RM'000
Tanah pegangan pajak	12,381	-	-	(375)	-	12,006
Kenderaan bermotor	143	175	*	(169)	*	149
Jentera	130	5,043	-	(522)	(114)	4,537
	12,654	5,218	*	(1,066)	(114)	16,692

Teraudit Amaun dibawa	Baki pada		Susut nilai	Pemindahan	Baki pada
	1.10.2020	30.9.2021		kepada hartanah, loji dan peralatan	
	RM'000	RM'000	RM'000	(Nota 6) RM'000	RM'000
Tanah pegangan pajak	12,826	(445)	-	-	12,381
Kenderaan bermotor	361	(218)	*	*	143
Jentera	756	(46)	(580)	(580)	130
	13,943	(709)	(580)	(580)	12,654

\* Kurang daripada RM1,000



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 7. ASET HAK PENGGUNAAN DAN LIABILITI PAJAKAN (sambungan)


#### Kumpulan sebagai pemajak (sambungan)

#### Liabiliti pajakan

	Baki pada 1.10.2023 RM'000	Pembayaran pajakan RM'000	Perbelanjaan faedah RM'000	Baki pada 31.5.2024 RM'000
<b>Teraudit</b>				
<b>Amaun dibawa</b>				
Kenderaan bermotor	487	(86)	14	415
Jentera	2,813	(1,264)	83	1,632
	<u>3,300</u>	<u>(1,350)</u>	<u>97</u>	<u>2,047</u>

	Baki pada 1.10.2022 RM'000	Penambahan RM'000	Pembayaran pajakan RM'000	Perbelanjaan faedah RM'000	Baki pada 30.9.2023 RM'000
<b>Teraudit</b>					
<b>Amaun dibawa</b>					
Kenderaan bermotor	153	428	(112)	18	487
Jentera	3,716	752	(1,850)	195	2,813
	<u>3,869</u>	<u>1,180</u>	<u>(1,962)</u>	<u>213</u>	<u>3,300</u>



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**


NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

**7. ASET HAK PENGGUNAAN DAN LIABILITI PAJAKAN (sambungan)****Kumpulan sebagai pemajak (sambungan)****Liabiliti pajakan (sambungan)**

	Baki pada 1.10.2021 RM'000	Penambahan RM'000	Pembayaran pajakan RM'000	Perbelanjaan faedah RM'000	Baki pada 30.9.2022 RM'000
<b>Teraudit</b>					
<b>Amaun dibawa</b>					
Kenderaan bermotor	317	148	(325)	13	153
Jentera	11	4,465	(865)	105	3,716
	<u>328</u>	<u>4,613</u>	<u>(1,190)</u>	<u>118</u>	<u>3,869</u>

	Baki pada 1.10.2020 RM'000	Pembayaran pajakan RM'000	Perbelanjaan faedah RM'000	Baki pada 30.9.2021 RM'000
<b>Teraudit</b>				
<b>Amaun dibawa</b>				
Kenderaan bermotor	677	(384)	24	317
Jentera	224	(219)	6	11
	<u>901</u>	<u>(603)</u>	<u>30</u>	<u>328</u>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021


#### 7. ASET HAK PENGGUNAAN DAN LIABILITI PAJAKAN (sambungan)

##### Liabiliti pajakan (sambungan)

	31.5.2024 Teraudit RM'000	30.9.2023 Teraudit RM'000	30.9.2022 Teraudit RM'000	30.9.2021 Teraudit RM'000
Diwakili oleh:				
Liabiliti semasa	1,607	1,870	1,489	287
Liabiliti bukan semasa	440	1,430	2,380	41
	<u>2,047</u>	<u>3,300</u>	<u>3,869</u>	<u>328</u>
Liabiliti pajakan terhutang kepada institusi kewangan	<u>2,047</u>	<u>3,300</u>	<u>3,869</u>	<u>328</u>

- (a) Pada akhir tempoh pelaporan, tanah pegangan pajak dengan amaun dibawa sebanyak RM11,382,526 (30.9.2023: RM11,632,228; 30.9.2022: RM12,006,780; 30.9.2021: RM12,381,332) telah dicagar kepada institusi kewangan untuk kemudahan perbankan yang diberikan kepada Kumpulan seperti yang didedahkan dalam Nota 15(c) kepada penyata kewangan.
- (b) Kumpulan mempunyai pajakan asrama dan pejabat tertentu dengan tempoh pajakan selama dua belas (12) bulan atau kurang dan peralatan pejabat bernilai rendah sebanyak RM20,000 dan ke bawah. Kumpulan menggunakan pengecualian "pajakan jangka pendek" dan "pajakan aset bernilai rendah" untuk pajakan ini.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN


31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 7. ASET HAK PENGGUNAAN DAN LIABILITI PAJAKAN (sambungan)

(c) Berikut adalah amaun yang diiktiraf dalam untung atau rugi:

	1.10.2023 hingga 31.5.2024	1.10.2022 hingga 31.5.2023	1.10.2022 hingga 30.9.2023	1.10.2021 hingga 30.9.2022	1.10.2020 hingga 30.9.2021
	Teraudit RM'000	Tidak Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000
Susut nilai bagi aset hak penggunaan					
- termasuk dalam kos jualan	649	625	950	897	491
- termasuk dalam perbelanjaan pentadbiran	130	76	141	169	218
Perbelanjaan berkaitan dengan pajakan jangka pendek					
- termasuk dalam kos jualan	-	-	-	-	2
- termasuk dalam perbelanjaan pentadbiran	76	113	162	100	46
Perbelanjaan berkaitan dengan pajakan aset bernilai rendah					
- termasuk dalam perbelanjaan pentadbiran	16	13	24	23	12
Perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan					
- termasuk dalam kos jualan	97	147	213	118	30
	<u>968</u>	<u>974</u>	<u>1,490</u>	<u>1,307</u>	<u>799</u>

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021


#### 7. ASET HAK PENGGUNAAN DAN LIABILITI PAJAKAN (sambungan)

(d) Berikut ialah jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan sebagai pemajak:

	1.10.2023 hingga 31.5.2024	1.10.2022 hingga 31.5.2023	1.10.2022 hingga 30.9.2023	1.10.2021 hingga 30.9.2022	1.10.2020 hingga 30.9.2021
	Teraudit RM'000	Tidak teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000	Teraudit RM'000
Termasuk dalam tunai bersih daripada aktiviti kendalian: Pembayaran berkaitan pajakan jangka pendek dan aset bernilai rendah	92	126	186	123	60
Termasuk dalam tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan: Pembelian aset hak penggunaan	-	370	371	605	-
Termasuk dalam tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan: Pembayaran untuk liabiliti pajakan	1,350	1,287	1,962	1,190	603
Jumlah aliran keluar tunai untuk pajakan	1,442	1,783	2,519	1,918	663

(e) Maklumat mengenai risiko kewangan liabiliti pajakan didedahkan dalam Nota 30 kepada penyata kewangan.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)




**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

**8. HARTANAH PELABURAN**

Teraudit	Tanah pegangan kekal RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Jumlah RM'000
<b>31 Mei 2024</b>			
<b>Pada kos</b>			
Baki pada 1 Oktober 2023/ 31 Mei 2024	3,692	1,979	5,671
<b>Susut nilai terkumpul</b>			
Baki pada 1 Oktober 2023	-	286	286
Caj semasa	-	26	26
Baki pada 31 Mei 2024	-	312	312
<b>Amaun dibawa</b>			
Baki pada 31 Mei 2024	3,692	1,667	5,359
<b>30 September 2023</b>			
<b>Pada kos</b>			
Baki pada 1 Oktober 2022	5,097	3,209	8,306
Pemindahan kepada hartanah, loji dan peralatan (Nota 6)	(1,405)	(1,230)	(2,635)
Baki pada 30 September 2023	3,692	1,979	5,671
<b>Susut nilai terkumpul</b>			
Baki pada 1 Oktober 2022	-	640	640
Caj semasa	-	89	89
Pemindahan kepada hartanah, loji dan peralatan (Nota 6)	-	(443)	(443)
Baki pada 30 September 2023	-	286	286
<b>Amaun dibawa</b>			
Baki pada 30 September 2023	3,692	1,693	5,385

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)




**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

**8. HARTANAH PELABURAN (sambungan)**

Teraudit	Tanah pegangan kekal RM'000	Bangunan pegangan bebas RM'000	Kedai pejabat RM'000	Jumlah RM'000
<b>30 September 2022</b>				
<b>Pada kos</b>				
Baki pada 1 Oktober 2021	5,097	3,209	2,242	10,548
Pemindahan kepada aset bukan semasa dipegang untuk jualan (Nota 12)	-	-	(2,242)	(2,242)
Baki pada 30 September 2022	5,097	3,209	-	8,306
<b>Susut nilai terkumpul</b>				
Baki pada 1 Oktober 2021	-	551	515	1,066
Caj semasa	-	89	90	179
Pemindahan kepada aset bukan semasa dipegang untuk jualan (Nota 12)	-	-	(605)	(605)
Baki pada 30 September 2022	-	640	-	640
<b>Kerugian rosot nilai terkumpul</b>				
Analisis kepekaan mata wang asing lain tidak didedahkan kerana ia tidak material kepada Kumpulan.





**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN****31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021****30. OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)****(d) Risiko kadar faedah**

Risiko kadar faedah ialah risiko nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan instrumen kewangan Kumpulan akan turun naik disebabkan perubahan dalam kadar faedah pasaran.


Risiko kadar faedah Kumpulan timbul terutamanya daripada deposit berfaedah dan pinjaman berfaedah daripada institusi kewangan. Kumpulan meminjam pada kadar faedah terapung untuk menjana profil faedah yang diinginkan dan untuk menguruskan pendedahan Kumpulan kepada turun naik kadar faedah.

Analisis kepekaan untuk risiko kadar faedah

Jadual berikut menunjukkan analisis kepekaan Kumpulan jika kadar faedah pada akhir setiap tempoh pelaporan berubah sebanyak lima puluh (50) mata asas dengan semua pembolehubah lain kekal malar:

	31.5.2024 Teraudit RM'000	30.9.2023 Teraudit RM'000	30.9.2022 Teraudit RM'000	30.9.2021 Teraudit RM'000
<b>Kesan ke atas untung selepas cukai</b>				
Kadar faedah				
- meningkat 0.5%	102	105	75	92
- menurun 0.5%	<u>(102)</u>	<u>(105)</u>	<u>(75)</u>	<u>(92)</u>
<b>Kesan ke atas ekuiti</b>				
Kadar faedah				
- meningkat 0.5%	-	-	-	-
- menurun 0.5%	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

*(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)*




**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

**30. OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)****(d) Risiko kadar faedah (sambungan)**

Jadual berikut membentangkan amaun dibawa, purata wajaran kadar faedah berkesan (“WAEIR”) dan purata wajaran kadar pinjaman tambahan (“WAIBR”) pada akhir setiap tempoh pelaporan dan baki tempoh matang instrumen kewangan Kumpulan yang terdedah kepada risiko kadar faedah:

Teraudit	Nota	WAEIR/ WAIBR* %	Dalam tempoh satu (1) tahun RM'000	Satu (1) hingga dua (2) tahun RM'000	Dua (2) hingga tiga (3) tahun RM'000	Tiga (3) hingga empat (4) tahun RM'000	Empat (4) hingga lima (5) tahun RM'000	Lebih daripada lima (5) tahun RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pada 31 Mei 2024</b>									
<b>Kadar tetap</b>									
Deposit dengan bank berlesen	11	3.38	35,976	-	-	-	-	-	35,976
Liabiliti pajakan	7	4.68*	(1,607)	(257)	(113)	(70)	-	-	(2,047)
<b>Kadar terapung</b>									
Pinjaman berjangka	15	4.33	(1,518)	(1,591)	(1,668)	(1,748)	(1,832)	(18,414)	(26,771)
<b>Pada 30 September 2023</b>									
<b>Kadar tetap</b>									
Deposit dengan bank berlesen	11	2.68	5,886	-	-	-	-	-	5,886
Liabiliti pajakan	7	4.68*	(1,870)	(1,122)	(166)	(103)	(39)	-	(3,300)
<b>Kadar terapung</b>									
Pinjaman berjangka	15	4.73	(1,471)	(1,541)	(1,616)	(1,694)	(1,775)	(19,656)	(27,753)



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)


NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

### 30. OBJEKTIF DAN DASAR PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (sambungan)

#### (d) Risiko kadar faedah (sambungan)

Jadual berikut membentangkan amaun dibawa, purata wajaran kadar faedah berkesan (“WAEIR”) dan purata wajaran kadar pinjaman tambahan (“WAIBR”) pada akhir setiap tempoh pelaporan dan baki tempoh matang instrumen kewangan Kumpulan yang terdedah kepada risiko kadar faedah (sambungan):

Teraudit	Nota	WAEIR/ WAIBR* %	Dalam tempoh satu (1) tahun RM'000	Satu (1) hingga dua (2) tahun RM'000	Dua (2) hingga tiga (3) tahun RM'000	Tiga (3) hingga empat (4) tahun RM'000	Empat (4) hingga lima (5) tahun RM'000	Lebih daripada lima (5) tahun RM'000	Jumlah RM'000
<b>Pada 30 September 2022</b>									
<b>Kadar tetap</b>									
Deposit dengan bank berlesen	11	1.65	804	-	-	-	-	-	804
Liabiliti pajakan	7	4.58*	(1,489)	(1,554)	(782)	(33)	(11)	-	(3,869)
<b>Kadar terapung</b>									
Pinjaman berjangka	15	4.52	(982)	(1,026)	(1,074)	(1,122)	(1,174)	(14,270)	(19,648)
<b>Pada 30 September 2021</b>									
<b>Kadar tetap</b>									
Deposit dengan bank berlesen	11	1.65	791	-	-	-	-	-	791
Liabiliti pajakan	7	3.46*	(287)	(41)	-	-	-	-	(328)
<b>Kadar terapung</b>									
Pinjaman berjangka	15	3.38	(1,225)	(1,270)	(1,306)	(1,354)	(1,404)	(17,656)	(24,215)




## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 31. PERISTIWA PENTING DALAM TAHUN KEWANGAN DAN BERIKUTAN

- (a) Pada 27 Disember 2023, modal terbitan dan berbayar penuh Northeast Group Sdn Bhd (“Northeast”) dinaikkan daripada RM2 kepada RM1,000 melalui terbitan 998 saham biasa baharu pada RM1 setiap satu secara tunai. Pada 10 Januari 2024, Syarikat menukar bentuk undang-undangnya daripada syarikat sendirian berhad kepada syarikat awam berhad dan menggunakan nama semasanya, Northeast Group Berhad.
- (b) Northeast memperoleh keseluruhan modal saham terbitan NE Components Sdn Bhd (“NE Components”) yang terdiri daripada 500,000 saham biasa daripada penjual untuk pertimbangan belian sebanyak RM31,630,700 yang dijelaskan melalui penerbitan 126,522,800 saham biasa baharu Northeast (“Saham Northeast”) kepada penjual pada harga terbitan RM0.25 setiap saham. Pemerolehan tersebut telah diselesaikan pada 5 Januari 2024. Berikutan itu, Northeast menganggap NE Components sebagai anak syarikat milik sepenuhnya.
- (c) Northeast memperoleh keseluruhan modal saham terbitan NE Integrated Sdn Bhd (“NE Integrated”) yang terdiri daripada 1,000,000 saham biasa daripada penjual untuk pertimbangan belian sebanyak RM19,602,900 yang dijelaskan melalui penerbitan 78,411,600 Saham baharu Northeast kepada penjual pada harga terbitan RM0.25 setiap saham. Pemerolehan telah diselesaikan pada 5 Januari 2024. Berikutan itu, Northeast menganggap NE Integrated sebagai anak syarikat milik sepenuhnya.
- (d) Northeast memperoleh keseluruhan modal saham terbitan NE Solutions Sdn Bhd (“NE Solutions”) yang terdiri daripada 50,000 saham biasa daripada vendor untuk pertimbangan pembelian RM2,468,100 yang dipenuhi melalui penerbitan 9,872,400 Saham Northeast baharu kepada vendor pada harga terbitan RM0.25 sesaham. Pemerolehan telah selesai pada 5 Januari 2024. Berikutan itu, Northeast menganggap NE Solutions sebagai anak syarikat milik sepenuhnya.
- (e) Northeast memperoleh keseluruhan modal saham terbitan NE Technologies Sdn Bhd (“NE Technologies”) yang terdiri daripada 150,000 saham biasa daripada penjual untuk pertimbangan belian sebanyak RM15,121,500 yang dijelaskan melalui penerbitan 60,486,000 Saham baharu Northeast kepada penjual pada harga terbitan RM0.25 setiap saham. Perolehan telah diselesaikan pada 5 Januari 2024. Berikutan itu, Northeast menganggap NE Technologies sebagai anak syarikat milik sepenuhnya.
- (f) Northeast memperoleh keseluruhan modal saham terbitan Northeast Precision Sdn Bhd (“Northeast Precision”) yang terdiri daripada 1,500,000 saham biasa daripada penjual untuk pertimbangan belian sebanyak RM73,929,300 yang dijelaskan melalui penerbitan 295,717,200 Saham baharu Northeast kepada penjual pada harga terbitan RM0.25 setiap saham. Pemerolehan telah diselesaikan pada 5 Januari 2024. Berikutan itu, Northeast menganggap Northeast Precision sebagai anak syarikat milik sepenuhnya.
- (g) Pada 13 Mac 2024, NE Components telah menandatangani Perjanjian Jual Beli (“SPA”) untuk memperoleh hartanah pegangan bebas yang dipegang di bawah GM 889, Lot 1144, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM10,869,760. Deposit sebanyak RM1,086,976 telah dibayar apabila SPA dilaksanakan. NE Components telah menggunakan kemudahan perbankan sepenuhnya sebanyak RM9,239,000 untuk membiayai pembelian hartanah pegangan bebas tersebut, manakala baki RM543,784 dijelaskan secara tunai. Pemerolehan telah selesai pada 1 Ogos 2024.



## 12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)

### NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021

#### 32. PENERIMAAN PAKAI MFRS BAHARU DAN PINDAAN KEPADA MFRS

##### 32.1 MFRS baharu yang diterima pakai dalam tempoh kewangan

Kumpulan menerima pakai Piawaian Rangka Kerja MFRS berikut yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ('MASB') dalam tahun/tempoh kewangan:


Tajuk	Tarikh kuat kuasa
MFRS 17 <i>Kontrak Insurans</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 17 <i>Penggunaan Pakai Awal MFRS 17 dan MFRS 9 Maklumat Perbandingan</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 101 <i>Pendedahan Dasar Perakaunan</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 108 <i>Takrifan Anggaran Perakaunan</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 112 <i>Cukai Tertunda berkaitan dengan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Urus Niaga Tunggal</i>	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 112 <i>Reformasi Cukai Antarabangsa - Peraturan Model Dua Tonggak</i>	Sila lihat MFRS 112 perenggan 98M

Penerimaan Pakai Piawaian di atas tidak mempunyai apa-apa kesan material ke atas prestasi atau kedudukan kewangan Kumpulan.

##### 32.2 MFRS baharu dan Pindaan ke MFRS yang telah dikeluarkan, tetapi hanya berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2024

Tajuk	Tarikh kuat kuasa
Pindaan kepada MFRS 16 <i>Pajakan - Liabiliti Pajakan dalam Jualan dan Pajakan Balik</i>	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 101 <i>Pengelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa</i>	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 101 <i>Liabiliti Bukan Semasa dengan Waad</i>	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 107 dan MFRS 7 <i>Pengaturan Kewangan Pembekal</i>	1 Januari 2024
Pindaan kepada MFRS 121 <i>Kekurangan Kebolehtukaran</i>	1 Januari 2025
Pindaan kepada MFRS 9 dan MFRS 7 <i>Pindaan kepada Klasifikasi dan Pengukuran Penyata Kewangan</i>	1 Januari 2026
MFRS 18 <i>Pembentangan dan Pendedahan dalam Penyata Kewangan</i>	1 Januari 2027
MFRS 19 <i>Anak Syarikat yang tiada Akauntabiliti Awam: Pendedahan</i>	1 Januari 2027
Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128 <i>Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Sekutu atau Usaha Samanya</i>	Ditangguhkan

Kumpulan sedang dalam proses menilai kesan pelaksanaan Piawaian dan Pindaan kepada Piawaian ini, memandangkan kesannya hanya dapat diperhatikan bagi tahun kewangan akan datang.



**12. LAPORAN AKAUNTAN (SAMBUNGAN)****NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN****31 MEI 2024, 30 SEPTEMBER 2023, 30 SEPTEMBER 2022 DAN 30 SEPTEMBER 2021****KENYATAAN OLEH PENGARAH**

Kami, Ng Chay Chin dan Chong Ewe Hean, sebagai dua daripada Pengarah Northeast Group Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, laporan ini yang dibentangkan pada muka surat 5 hingga 85 disediakan untuk memberikan pandangan benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan pada 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 serta prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan bagi tahun/tempoh kewangan berakhir 30 September 2021, 30 September 2022, 30 September 2023 dan 31 Mei 2024 selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Perakaunan IFRS, Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Malaysia Securities Berhad dan Bab 10, Bahagian II Divisi 1: Ekuiti daripada Garis Panduan Prospektus yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.


Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi bertarikh 6 September 2024.



Ng Chay Chin  
Pengarah



Chong Ewe Hean  
Pengarah



### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN

#### 13.1 PETIKAN PERLEMBAGAAN KAMI

Peruntukan berikut dipetik daripada Perlembagaan kami dan disyaratkan keseluruhannya oleh peruntukan Perlembagaan kami dan undang-undang terpakai. Perkataan dan ungkapan yang terkandung dalam peruntukan berikut akan mempunyai maksud yang sama seperti yang digunakan dalam Perlembagaan kami kecuali mereka ditakrifkan sebaliknya di sini atau konteks memerlukan sebaliknya.

<b>Perkataan</b>	<b>Maksud</b>
“Pasaran ACE”	Maknanya Pasaran ACE Bursa Securities atau sebarang pasaran lain Bursa Securities di mana Syarikat tersenarai pada masa relevan.
“Akta”	Maknanya Akta Syarikat 2016 dan sebarang modifikasi, pindaan atau penggubalan semula statutori dan sebarang perundangan lain yang dibuat di bawahnya yang berkuat kuasa buat sementara dan sebarang undang-undang bertulis yang berkuat kuasa buat sementara berhubung dengan syarikat dan menjejaskan Syarikat.
“Penama Dibenarkan”	Maknanya orang yang dibenarkan bertindak sebagai penama seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan Bursa Depository.
“Pemilik Benefisial”	Maknanya pemilik akhir Sekuriti Dideposit yang merupakan orang yang layak kepada semua hak, manfaat, kuasa dan kelebihan dan tertakluk kepada semua liabiliti, tugas dan obligasi berhubung dengan, atau terhasil daripada, Sekuriti Dideposit, dan tidak termasuk sebarang jenis penama.
“Lembaga”	Maknanya Lembaga Pengarah Syarikat dan di mana konteks membenarkan atau memerlukan, akan bermaksud Pengarah yang bilangannya tidak kurang daripada kuorum yang diperlukan untuk bertindak sebagai Lembaga Pengarah.
“Bursa Securities”	Maknanya Bursa Malaysia Securities Berhad (No. Pendaftaran 200301033577 (635998-W)) atau nama lain yang dikenali sebagainya dari masa ke masa.
“Bursa Depository”	Maknanya Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran 198701006854 (165570-W)) dan/atau penamanya.
“Syarikat”	Maknanya NORTHEAST GROUP BERHAD (No. Pendaftaran 202201025913 (1471610-P)).
“Perlembagaan”	Maknanya perlembagaan ini seperti asalnya dibuat atau seperti yang ditukar dari masa ke masa melalui Resolusi Khas.
“Sekuriti Dideposit”	Maknanya sekuriti untuk kredit akaun sekuriti dan termasuk sekuriti dalam akaun sekuriti yang digantung seperti terkandung dalam Akta Depositori Pusat dan/atau Peraturan Bursa Depository.
“Pendeposit”	Maknanya pemegang Akaun Sekuriti.
“Pengarah”	Maknanya pengarah Syarikat buat sementara (termasuk pengarah silih ganti atau penama).

**13. MAKLUMAT TAMBAHAN (SAMBUNGAN)**

“Bentuk elektronik”	Maknanya sebarang dokumen atau maklumat yang dihantar, dibekalkan, disalur atau disiarkan asalnya dan diterima di destinasiya oleh penerima yang ditujukan melalui kelengkapan elektronik dalam sebarang bentuk atau kaedah untuk pemprosesan (di mana unguapannya termasuk pemampatan digital) atau simpanan data yang diterima, disalur atau disiarkan melalui kaedah wayar, radio, optik, awan, laman web atau sebarang kaedah elektromagnetik lain atau persamaannya dan seperti yang dibenarkan di bawah Kehendak Penyenaraian atau sebarang kombinasinya.
“Penama Dibenarkan Dikecualikan”	Maknanya penama dibenarkan seperti yang ditakrifkan di bawah SICDA, di mana dikecualikan daripada mematuhi peruntukan Seksyen 25A(1) SICDA.
“Kehendak Penyenaraian”	Maknanya Kehendak Penyenaraian Pasaran ACE Bursa Securities, termasuk sebarang pindaan kepadanya yang mungkin dibuat dari masa ke masa.
“hari pasaran”	Maknanya mana-mana hari antara Isnin hingga Jumaat (termasuk kedua-dua hari) di mana Bursa Securities dibuka untuk dagangan sekuriti dan bukan cuti umum.
“Ahli”	Maknanya mana-mana orang yang buat masa ini memegang saham dalam Syarikat dan namanya terdapat dalam Daftar Ahli atau Rekod Pendeposit (kecuali Bursa Depository Nominees Sdn. Bhd.).
“Pejabat”	Maknanya pejabat berdaftar Syarikat buat sementara.
“Resolusi Biasa”	Maknanya resolusi yang diluluskan menurut syarat yang ditetapkan dalam Seksyen 291 Akta.
“Rekod Pendeposit”	Maknanya rekod pendeposit yang diberi oleh Bursa Depository kepada Syarikat di bawah Bab 24.0 Peraturan Bursa Depository.
“Daftar Ahli”	Maknanya daftar ahli yang disimpan menurut Akta.
“Peraturan Bursa Depository”	Maknanya peraturan Bursa Depository seperti diterbitkan di bawah SICDA.
“Meterai”	Maknanya meterai rasmi Syarikat.
“Setiausaha”	Maknanya mana-mana orang yang dilantik untuk melakukan tugas setiausaha Syarikat dan akan termasuk, setiausaha bersama, sementara, pembantu atau timbalan setiausaha.
“Sekuriti”	Maknanya sekuriti seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 2 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 atau sebarang modifikasi, pindaan atau penggubalan semula kepadanya yang berkuat kuasa buat sementara.
“Akaun Sekuriti”	Maknanya akaun yang ditubuhkan oleh Bursa Depository untuk Pendeposit untuk mencatat deposit sekuriti dan untuk Pendeposit mengurus Sekuriti sedemikian.



### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN (*SAMBUNGAN*)

“SICDA”	Maknanya Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan setiap pindaan, modifikasi atau penggubalan semula statutori yang berkuat kuasa buat sementara.
“Resolusi Khas”	Maknanya resolusi yang diluluskan menurut syarat yang ditetapkan dalam Seksyen 292 Akta.

#### 13.1.1 Imbuhan Pengarah

##### Artikel 97 – Yuran dan manfaat bagi Pengarah bukan eksekutif

Yuran Pengarah, dan sebarang manfaat yang perlu dibayar kepada Pengarah termasuk pampasan untuk kehilangan pekerjaan Pengarah akan dari masa ke masa ditentukan melalui Resolusi Biasa Syarikat di mesyuarat Ahli dan akan (kecuali resolusi sedemikian memperuntukkan sebaliknya) dibahagikan antara Pengarah sebagaimana yang mereka persetujui SENTIASA DENGAN SYARAT bahawa:

- (a) gaji yang perlu dibayar kepada Pengarah eksekutif tidak boleh termasuk komisen ke atas atau peratusan perolehan;
- (b) yuran yang perlu dibayar kepada Pengarah bukan eksekutif akan dibuat melalui jumlah tetap dan bukan melalui komisen ke atas atau peratusan keuntungan atau perolehan;
- (c) sebarang yuran yang dibayar kepada Pengarah silih ganti adalah seperti yang dipersetujui antaranya dan Pengarah yang menamakannya dan akan dibayar daripada imbuhan Pengarah yang melantik; dan
- (d) yuran dan manfaat kepada Pengarah tidak akan dinaikkan kecuali menurut Resolusi Biasa Syarikat yang diluluskan di mesyuarat Ahli, di mana notis kenaikan yang dicadangkan telah diberi dalam notis memanggil mesyuarat.

##### Artikel 98 – Pembayaran balik perbelanjaan

Pengarah akan dibayar semua perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan lain yang dibelanjakan oleh mereka sewajarnya dan seperti yang diperlukan dalam dan berkaitan dengan perniagaan Syarikat termasuk perbelanjaan perjalanan dan perbelanjaan lain yang ditanggung untuk menghadiri mesyuarat Lembaga atau Ahli.

##### Artikel 99 – Yuran dan manfaat khas

Tertakluk kepada Artikel 97, mana-mana Pengarah yang atas permintaan Lembaga berkhidmat dalam mana-mana jawatankuasa atau melakukan perkhidmatan khas bagi sebarang tujuan Syarikat boleh dibayar yuran dan manfaat tepat seperti mana Lembaga boleh tentukan.

##### Artikel 117 – Pelantikan atau pelucutan seorang Pengarah silih ganti

Seorang Pengarah boleh melantik mana-mana orang (selain daripada seorang Pengarah) yang diluluskan oleh majoriti Pengarah lain untuk bertindak sebagai Pengarah silih gantinya dan atas budi bicaranya melalui notis kepada Syarikat, melucutkan Pengarah silih ganti sedemikian daripada jawatannya. Seorang Pengarah silih ganti hanya boleh dilantik sebagai silih ganti kepada satu (1) Pengarah. Sebarang yuran yang dibayar oleh Syarikat kepada Pengarah silih ganti akan ditolak daripada imbuhan Pengarah tersebut.

Sebarang pelantikan atau pelucutan Pengarah silih ganti boleh dibuat secara bertulis dan dihantar dengan tangan, melalui pos, faksimili atau dalam sebarang bentuk atau cara lain, elektronik atau sebaliknya, seperti yang diluluskan oleh Lembaga.

### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN (*SAMBUNGAN*)

#### Artikel 121 – Imbuan

Imbuan seorang Pengarah Urusan akan ditetapkan oleh Lembaga dan boleh dibayar melalui gaji atau sebaliknya tetapi imbuan sedemikian tidak akan termasuk komisen ke atas atau peratusan perolehan tetapi boleh menjadi terma pelantikannya bahawa dia akan menerima pencen, gratuiti atau manfaat lain apabila bersara.

#### 13.1.2 Kuasa mengundi dan meminjam Pengarah kami

##### Artikel 101 – Perniagaan Syarikat akan diuruskan oleh Lembaga

Perniagaan Syarikat akan diuruskan oleh Lembaga, yang boleh melaksanakan semua kuasa Syarikat yang tidak perlu di bawah Akta, Kehendak Penyenaraian atau oleh Perlembagaan untuk dilaksanakan oleh Syarikat di mesyuarat Ahli, tertakluk walau bagaimanapun kepada Perlembagaan, peruntukan Akta, Kehendak Penyenaraian dan kepada peraturan-peraturan, yang tidak bertentangan dengan Perlembagaan atau peruntukan sedemikian, yang boleh ditetapkan melalui Resolusi Biasa Syarikat di mesyuarat Ahli, tetapi tiada peraturan yang dibuat oleh Syarikat di mesyuarat Ahli akan membatalkan sebarang tindakan terdahulu Lembaga yang akan menjadi sah jika peraturan tersebut tidak dibuat.

##### Artikel 102 – Kuasa meminjam Lembaga

Lembaga boleh melaksanakan semua kuasa Syarikat untuk meminjam wang dan untuk memajak atau mencagar perusahaan, hartanah dan modal belum dipanggilnya, dan mana-mana bahagian daripadanya dan untuk menerbitkan debentur dan sekuriti lain sama ada secara langsung atau sebagai sandaran untuk sebarang hutang, liabiliti atau obligasi Syarikat, atau anak-anak syarikatnya SENTIASA DENGAN SYARAT bahawa tiada apa yang terkandung dalam Perlembagaan akan membenarkan Lembaga untuk meminjam sebarang wang atau memajak atau mencagar mana-mana perusahaan, hartanah atau modal belum dipanggil Syarikat, atau untuk menerbitkan debentur atau sekuriti lain sama ada secara langsung atau sebagai sandaran untuk sebarang hutang, liabiliti atau obligasi pihak ketiga yang tidak berkaitan.

##### Artikel 112 – Pengerusi mempunyai undi penentu

Tertakluk kepada Perlembagaan, sebarang persoalan yang timbul di mana-mana mesyuarat Pengarah akan diputuskan melalui majoriti undian dan penentuan oleh majoriti Pengarah akan bagai semua tujuan dianggap sebagai penentuan Lembaga dan SENTIASA DENGAN SYARAT BAHAWA dalam kes persamaan undi, pengerusi mesyuarat akan mempunyai undi kedua atau penentu. Walau bagaimanapun, dalam kes persamaan undi dan di mana hanya dua (2) Pengarah membentuk kuorum, pengerusi mesyuarat di mana hanya kuorum sedemikian hadir atau di mana hanya dua (2) Pengarah kompeten yang mengundi ke atas persoalan berkenaan, tidak akan mempunyai undi penentu.

##### Artikel 114 – Pendedahan kepentingan oleh Pengarah

Setiap Pengarah akan mengisytiharkan kepentingan dalam Syarikat dan kepentingannya dalam sebarang kontrak atau kontrak yang dicadangkan dengan Syarikat sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh undang-undang. Tertakluk kepada Seksyen 222 Akta, seorang Pengarah tidak boleh menyertai sebarang perbincangan atau mengundi berhubung dengan sebarang kontrak atau kontrak yang dicadangkan di mana dia mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung dan jika dia berbuat demikian, undinya tidak akan dikira. Seorang Pengarah akan, tidak kira kepentingannya, dikira dalam kuorum untuk mana-mana mesyuarat di mana keputusan akan diambil berkaitan sebarang kontrak atau kontrak yang dicadangkan atau pengaturan di mana dia berkepentingan dalam sebarang cara.

### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN (*SAMBUNGAN*)

#### Artikel 115 – Kuasa untuk mengundi

Tertakluk kepada Artikel 114 di sini, seorang Pengarah akan mengundi berhubung dengan:

- (a) sebarang pengaturan untuk memberi Pengarah sendiri atau mana-mana pengarah lain sebarang sandaran atau indemniti berhubung dengan wang yang dipinjamkannya atau obligasi yang diusahakannya untuk manfaat Syarikat; atau
- (b) sebarang pengaturan untuk Syarikat memberi sebarang sandaran kepada pihak ketiga berhubung dengan hutang atau obligasi Syarikat di mana Pengarah sendiri atau mana-mana Pengarah lain telah menanggung tanggungjawab sepenuhnya atau sebahagiannya di bawah jaminan atau indemniti atau melalui deposit sandaran.

#### Artikel 116 – Pengarah boleh menjadi pengarah perbadanan lain

Seorang Pengarah Syarikat boleh menjadi Pengarah atau pegawai lain atau sebaliknya berkepentingan dalam mana-mana perbadanan yang dianjurkan oleh Syarikat atau dalam mana Syarikat mungkin berkepentingan sebagai pemegang saham atau sebaliknya atau mana-mana perbadanan, yang secara langsung atau tidak langsung berkepentingan dalam Syarikat sebagai pemegang saham atau sebaliknya dan tiada Pengarah sedemikian akan perlu menjelaskan kepada Syarikat sebarang imbuhan atau manfaat lain yang diterima olehnya sebagai Pengarah atau pegawai, atau daripada kepentingannya dalam, perbadanan sedemikian kecuali Syarikat mengarahkan sebaliknya pada masa pelantikan. Pengarah boleh melaksanakan kuasa mengundi yang diberi oleh saham atau kepentingan lain dalam mana-mana perbadanan lain yang dipegang atau dimiliki oleh Syarikat, atau boleh dilaksanakan oleh mereka sebagai Pengarah perbadanan lain demikian dalam cara dan dalam semua aspek seperti mereka fikirkan wajar (termasuk pelaksanaannya memihak kepada sebarang resolusi melantik diri mereka atau mana-mana Pengarah atau pegawai lain perbadanan sedemikian) dan mana-mana Pengarah boleh mengundi memihak kepada pelaksanaan hak mengundi sedemikian dalam cara yang disebut di atas, tidak kira bahawa dia mungkin adalah, atau akan dilantik, Pengarah atau pegawai lain perbadanan sedemikian dan oleh itu adalah atau mungkin menjadi berkepentingan dalam pelaksanaan hak mengundi sedemikian dalam cara yang disebut di atas SENTIASA DENGAN SYARAT bahawa dia telah mematuhi Seksyen 221 Akta dan peruntukan relevan lain Akta dan Perlembagaan.

#### **13.1.3 Perubahan dalam modal dan hak, keutamaan dan sekatan yang terikat kepada setiap kelas sekuriti berhubung dengan undian, dividen, pembubaran dan sebarang hak istimewa**

##### Artikel 8 – Kelas saham

Saham dalam modal asal atau sebarang modal ditambah boleh dibahagikan menjadi beberapa kelas dan mungkin terikat kepada masing-masing sebarang hak keutamaan, tertunda atau hak istimewa, kelebihan, syarat atau sekatan lain berhubung dengan dividen, undian, pulangan modal atau sebaliknya seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan.

### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN (*SAMBUNGAN*)

#### Artikel 9 – Penukaran modal saham

Sentiasa tertakluk kepada peruntukan Artikel 8 di sini, Syarikat akan mempunyai kuasa untuk menambah atau mengurangkan modal, untuk menggabungkan atau subbahagikan saham menjadi saham dengan amaun yang lebih besar atau kecil untuk menerbitkan semua atau mana-mana bahagian modal asal atau sebarang modal tambahan sebagai saham berbayar penuh atau sebahagiannya, dan dengan sebarang hak keutamaan atau kelebihan, atau tertakluk kepada sebarang terma atau syarat khas dan sama ada dengan atau tanpa sebarang gelaran khas dan juga dari masa ke masa menukar, mengubah, menukar, membatalkan atau menguruskan sebarang kelebihan, terma, syarat atau gelaran menurut peraturan-peraturan Syarikat buat sementara.

#### Artikel 10 – Peruntukan saham

Tanpa menjejaskan sebarang hak istimewa yang dahulunya diberi kepada pemegang sebarang saham atau kelas saham sedia ada dan tertakluk kepada peruntukan Akta, Kehendak Penyenaraian, Perlembagaan, dan kepada peruntukan sebarang resolusi Syarikat, Lembaga boleh menerbitkan, memperuntuk atau sebaliknya melupuskan saham sedemikian kepada mana-mana orang pada harga, atas terma dan syarat, dengan hak keutamaan, tertunda, atau hak istimewa lain dan tertakluk kepada sekatan dan pada masa seperti mana Lembaga boleh tentukan SENTIASA DENGAN SYARAT bahawa:

- (a) saham dalam Syarikat tidak akan diterbitkan untuk memindahkan kepentingan mengawal dalam Syarikat tanpa kelulusan terdahulu pemegang saham di mesyuarat Ahli;
- (b) dalam kes saham selain daripada saham biasa, tiada hak istimewa akan terikat sehingga yang sama telah dinyatakan dalam Perlembagaan; dan
- (c) tiada Pengarah akan menyertai skim yang melibatkan terbitan baharu saham atau sekuriti yang boleh ditukar kepada pekerja kecuali Ahli di mesyuarat agung telah meluluskan peruntukan khusus kepada Pengarah sedemikian.

#### Artikel 11 – Hak pemegang saham keutamaan

Tertakluk kepada Akta, sebarang saham keutamaan dengan kebenaran Resolusi Biasa boleh diterbitkan atas terma-terma bahawa mereka adalah atau atas opsyen Syarikat boleh ditebus dan Syarikat tidak akan menerbitkan saham keutamaan bertaraf prioriti kepada saham keutamaan yang telah diterbitkan tetapi boleh menerbitkan saham keutamaan bertaraf sama dengannya.

Seorang pemegang saham keutamaan mesti mempunyai hak untuk mengundi dalam keadaan berikut:

- (a) semasa tempoh di mana dividen keutamaan atau mana-mana bahagian daripadanya kekal tertunggak dan belum dibayar, tempoh sedemikian bermula dari tarikh tidak melebihi dua belas bulan, atau tempoh lebih kurang seperti yang diperuntukkan oleh tataurusan, selepas tarikh dividen perlu dibayar;
- (b) apabila terdapat sebarang resolusi yang menukar hak yang terikat kepada saham sedemikian; atau
- (c) apabila terdapat sebarang resolusi untuk penggulungan syarikat.

Seorang pemegang saham keutamaan akan layak kepada hak yang sama seperti pemegang saham biasa berhubung dengan penerimaan notis, laporan, penyata kewangan teraudit dan menghadiri mesyuarat.

---

**13. MAKLUMAT TAMBAHAN (SAMBUNGAN)**

---

Artikel 13 – Modifikasi hak kelas

Jika pada bila-bila masa modal saham dibahagikan menjadi kelas saham berbeza, hak yang terikat kepada sebarang kelas (kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh terma-terma terbitan saham kelas tersebut) boleh, sama ada atau tidak Syarikat sedang digulung, ditukar atau dibatalkan dengan persetujuan bertulis pemegang tujuh puluh lima peratus (75%) saham terbitan kelas tersebut, atau dengan kebenaran Resolusi Khas yang diluluskan di mesyuarat berasingan pemegang saham kelas tersebut. Kepada setiap mesyuarat berasingan peruntukan Perlembagaan berhubung dengan mesyuarat Ahli akan terpakai dengan pindaan supaya kuorum yang perlu adalah sekurang-kurangnya dua (2) orang yang memegang atau mewakili melalui proksi sekurang-kurangnya satu pertiga ( $1/3$ ) saham terbitan kelas tersebut dan mana-mana pemegang saham kelas tersebut yang hadir sendiri atau melalui proksi boleh menuntun undian. Kepada setiap Resolusi Khas, peruntukan Seksyen 292 Akta akan terpakai dengan adaptasi yang perlu.

Artikel 14 – Penukaran hak melalui penerbitan saham baharu

Hak yang diberi kepada pemegang saham sebarang kelas yang diterbitkan dengan hak keutamaan atau hak lain, akan kecuali diperuntukkan sebaliknya dengan nyata oleh terma-terma terbitan saham kelas tersebut, dianggap telah ditukar oleh pewujudan atau penerbitan saham lanjut bertaraf berhubung dengan penyertaan dalam keuntungan atau aset Syarikat dalam beberapa atau kesemua aspek sama rata dengannya.

Artikel 55 – Kuasa untuk menambah modal

Syarikat boleh dari masa ke masa, sama ada semua saham buat masa ini diterbitkan telah dipanggil sepenuhnya atau tidak, melalui Resolusi Biasa menambah modal sahamnya dengan mewujudkan dan menerbitkan saham baharu, modal saham baharu sedemikian dalam amaun sedemikian dan akan dibahagikan menjadi saham amaun tertentu dan membawa hak atau tertakluk kepada syarat atau sekatan berhubung dengan dividen, pulangan modal atau sebaliknya seperti yang diarahkan oleh Syarikat melalui resolusi membenarkan penambahan tersebut.

Artikel 56 – Tawaran saham atau sekuriti baharu

Tertakluk kepada sebarang arahan sebaliknya yang mungkin diberi oleh Syarikat di mesyuarat Ahli, semua saham baharu atau sebarang jenis sekuriti boleh ditukar, sebelum mereka diterbitkan, ditawarkan kepada orang yang pada tarikh tawaran layak menerima notis daripada Syarikat berkaitan mesyuarat Ahli secara berkadar, sedekat mana yang keadaan membenarkan, kepada amaun saham atau sekuriti sedia ada kepada mana mereka yang layak. Tawaran akan dibuat melalui notis menyatakan bilangan saham dan sekuriti yang ditawarkan dan mengehendkan masa dalam mana tawaran, jika tidak diterima akan dianggap telah ditolak dan selepas tamat tempoh masa tersebut atau apabila menerima tanda daripada orang kepada siapa tawaran dibuat bahawa dia menolak untuk menerima saham atau sekuriti yang ditawarkan, Lembaga boleh melupuskan saham atau sekuriti tersebut dalam cara yang mereka fikirkan paling memanfaatkan Syarikat. Lembaga juga boleh melupuskan sebarang saham atau sekuriti baharu yang (disebabkan nisbah saham atau sekuriti baharu kepada saham atau sekuriti yang dipegang oleh orang yang layak kepada tawaran saham atau sekuriti baharu) tidak dapat, pada pendapat Lembaga, ditawarkan dengan mudah di bawah Artikel 56.

### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN (*SAMBUNGAN*)

#### Artikel 57 – Penarafan saham baharu

Kecuali sejauh mana diperuntukkan sebaliknya oleh syarat terbitan dalam Perlembagaan, sebarang modal saham yang dikutip dengan mewujudkan saham baharu akan dianggap sebagai sebahagian daripada modal saham asal Syarikat, dan akan tertakluk kepada peruntukan serupa merujuk kepada pembayaran panggilan, lien, pemindahan, penghantaran, rampasan dan sebaliknya seperti modal saham asal.

#### Artikel 58 – Kuasa untuk menukar modal

- (a) Syarikat boleh mengubah modal sahamnya dalam mana-mana satu atau lebih cara berikut dengan meluluskan Resolusi Biasa untuk:
- (i) menggabungkan dan membahagikan semua atau mana-mana modal sahamnya, kadar antara amaun yang dibayar dan amaun, jika ada, yang belum dibayar terhadap setiap saham yang disubbahagi akan sama seperti dalam kes saham daripada mana saham yang disubbahagikan diperoleh;
  - (ii) menukar semua atau mana-mana saham berbayarnya menjadi stok dan boleh menukar balik stok tersebut menjadi saham berbayar; atau
  - (iii) subbahagikan sahamnya atau mana-mana saham, yang mana terdapat dalam subpembahagian, kadar antara amaun yang dibayar dan amaun, jika ada, yang belum dibayar terhadap setiap saham yang disubbahagi akan sama seperti dalam kes saham daripada mana saham yang disubbahagikan diperoleh.
- (b) Syarikat boleh mengubah modal sahamnya dalam mana-mana satu atau lebih cara berikut dengan meluluskan Resolusi Khas untuk:
- (i) membatalkan saham yang pada tarikh resolusi diluluskan terhadapnya tidak diambil atau dipersetujui untuk diambil oleh mana-mana orang atau yang telah dirampas dan mengurangkan amaun modal sahamnya dengan amaun saham yang dibatalkan demikian; atau
  - (ii) mengurangkan modal sahamnya, dalam sebarang cara tertakluk kepada keperluan dan persetujuan yang diperlukan, dan dengan sebarang insiden yang dibenarkan, di bawah Akta dan Kehendak Penyeraian.

#### **13.1.4 Pemindahan sekuriti**

##### Artikel 42 – Tiada sekatan ke atas pemindahan sekuriti tersenarai berbayar penuh

Tertakluk kepada Akta, Perlembagaan, Peraturan Bursa Depository dan kecuali seperti yang mungkin diperlukan oleh undang-undang, tiada sekatan ke atas pemindahan Sekuriti tersenarai berbayar penuh dalam Syarikat.

##### Artikel 43 – Pemindahan sekuriti

Pemindahan mana-mana Sekuriti tersenarai atau kelas Sekuriti tersenarai Syarikat akan dibuat melalui kemasukan buku oleh Bursa Depository menurut Peraturan Bursa Depository dan, tidak kira Seksyen 105, 106 dan 110 Akta, tetapi tertakluk kepada Seksyen 148(2) Akta dan sebarang pengecualian yang boleh dibuat daripada mematuhi Seksyen 148(1) Akta, Syarikat akan dihalang daripada mendaftar dan memberi kesan kepada sebarang pemindahan Sekuriti tersenarai.

### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN (*SAMBUNGAN*)

#### 13.2 BATASAN KE ATAS HAK MEMILIKI SEKURITI DAN/ATAU MELAKSANAKAN HAK MENGUNDI

Oleh sebab Saham kami dicadangkan untuk sebut harga di Senarai Rasmi, Saham sedemikian perlu ditetapkan sebagai saham yang perlu didepositkan dengan Bursa Depository. Apabila ditetapkan sedemikian, seorang pemegang Saham kami perlu mendeposit Sahamnya dengan Bursa Depository pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan, jika tidak Pendaftar Saham kami perlu memindahkan Sahamnya kepada Kementerian Kewangan dan Saham sedemikian tidak boleh didagangkan di Bursa Securities.

Urusan Saham yang didepositkan dengan Bursa Depository hanya dapat dibuat oleh orang yang mempunyai akaun sekuriti dengan Bursa Depository ("**Pendeposit**") melalui kemasukan ke dalam akaun sekuriti Pendeposit tersebut.

Pendeposit yang namanya terdapat dalam Rekod Pendeposit yang disimpan oleh Bursa Depository berhubung dengan Saham kami akan dianggap sebagai pemegang saham kami dan akan layak kepada semua hak, manfaat, kuasa dan kelebihan dan tertakluk kepada semua liabiliti, tugas dan obligasi berhubung dengan, atau terhasil daripada, Saham sedemikian.

Tertakluk kepada yang di atas, tiada batasan ke atas hak untuk memiliki Saham kami, termasuk batasan ke atas pemegang saham bukan pemastautin atau asing untuk memegang atau melaksanakan hak mengundi ke atas Saham kami yang dikenakan oleh undang-undang Malaysia atau Perlembagaan kami.

#### 13.3 MODAL SAHAM

- (i) Pada tarikh Prospektus ini, kami hanya mempunyai 1 kelas saham, iaitu saham biasa, kesemuanya yang setaraf antara satu sama lain. Tiada hak istimewa yang terikat kepada Saham kami.
- (ii) Butiran modal saham Syarikat kami dan anak-anak syarikat kami bersama perubahan masing-masing bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan dan sehingga LPD masing-masing didedahkan dalam Seksyen 5.1.2 dan 5.2 Prospektus ini.
- (iii) Kecuali seperti yang didedahkan dalam Seksyen 5 Prospektus ini, tiada lebih daripada 10% modal saham Syarikat kami atau anak-anak syarikat kami telah dibayar dengan aset selain daripada tunai, dalam masa 3 tahun lepas dari LPD.
- (iv) Kecuali bagi terbitan Saham langganan kami semasa pemerbadanan kami, Saham baharu yang diterbitkan untuk Pemerolehan dan yang akan diterbitkan untuk Terbitan Awam seperti yang didedahkan masing-masing dalam Seksyen 5.1.2 dan 3.3.1 Prospektus ini, tiada Saham, debentur, waran, opsi, sekuriti boleh ditukar atau modal belum dipanggil Syarikat kami telah diterbitkan atau dicadangkan untuk diterbitkan sebagai berbayar penuh atau sebahagiannya, secara tunai atau sebaliknya daripada tunai, dalam masa 2 tahun sebelum tarikh Prospektus ini.
- (v) Pada tarikh Prospektus ini, sama ada Syarikat kami atau anak-anak syarikat kami tidak mempunyai sebarang waran, opsi, sekuriti boleh ditukar atau modal belum dipanggil yang tertunggak.
- (vi) Kecuali bagi Peruntukan Borang Merah Jambu seperti yang didedahkan dalam Seksyen 3.3.1(ii) Prospektus ini, tiada skim lain yang melibatkan Pengarah dan pekerja kami dalam modal Kumpulan kami.
- (vii) Tiada Saham akan diperuntukkan, diterbitkan atau ditawarkan atas asas Prospektus ini melebihi 6 bulan dari tarikh Prospektus ini.

### 13. MAKLUMAT TAMBAHAN (*SAMBUNGAN*)

#### 13.4 KAWALAN PERTUKARAN

Pada tarikh Prospektus ini, kami tidak mempunyai mana-mana anak syarikat atau syarikat bersekutu asing yang memerlukan penghantaran balik modal dan pembayaran keuntungan oleh atau kepada Kumpulan kami.

#### 13.5 KONTRAK MATERIAL

Kecuali seperti yang didedahkan di bawah, Kumpulan kami tidak memasuki sebarang kontrak material (yang bukan kontrak dalam urusan biasa perniagaan) semasa Tahun Kewangan Dalam Semakan, FPE 2024 dan sehingga tarikh Prospektus ini:

- (i) Pada 22 Disember 2021, NE Integrated memasuki perjanjian jual beli dengan ATC Surface Finishing Sdn Bhd ("**ATC Surface**") untuk melupuskan 1 unit kilang berkembar satu tingkat dengan pejabat 2 tingkat dengan alamat taksiran 117, Lorong IKS Juru 5, Taman Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang yang dibina di atas Lot 20188, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 2190 untuk pertimbangan tunai sebanyak RM3,240,000. Pelupusan tersebut telah selesai pada 26 Mei 2022.
- (ii) Pada 22 Disember 2021, NE Integrated memasuki perjanjian jual beli dengan ATC Surface untuk melupuskan 1 unit kilang berkembar satu tingkat dengan pejabat 2 tingkat dengan alamat taksiran 119, Lorong IKS Juru 5, Taman Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang, yang dibina di atas Lot 20189, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah No. Hakmilik GM 2191 untuk pertimbangan tunai sebanyak RM3,240,000. Pelupusan tersebut telah selesai pada 26 Mei 2022.
- (iii) Pada 19 September 2022, Northeast Precision memasuki perjanjian jual beli dengan Tang Cho Chiang untuk melupuskan sebuah kedai pejabat dua tingkat dengan alamat taksiran 92, Jalan Tasek Mutiara 2, Bandar Tasek Mutiara, 14120 Simpang Ampat, Pulau Pinang yang dibina di atas Lot 9904, Mukim 15, Daerah Seberang Perai Selatan, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GRN 139265 untuk pertimbangan tunai sebanyak RM1,000,000. Pelupusan tersebut telah selesai pada 27 Disember 2022.
- (iv) Pada 4 Januari 2023, NE Components memasuki perjanjian jual beli dengan Sheng Kimn Hong Sdn Bhd untuk membeli kesemua bidang tanah lapang pegangan kekal yang dikenali sebagai Lot 1143, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 603 untuk pertimbangan tunai sebanyak RM12,264,100. Pemerolehan tersebut telah selesai pada 3 Mei 2023.
- (v) Pada 13 Mac 2024, NE Components memasuki perjanjian jual beli dengan Tan Hwang Jin dan Tan Lim Piu (kedua-duanya sebagai pelaksana harta pusaka Tan Tong Nam, si mati), untuk membeli kesemua bidang tanah lapang pegangan kekal yang dikenali sebagai Lot 1144, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 889 untuk pertimbangan tunai sebanyak RM10,869,760. Pemerolehan tersebut telah selesai pada 1 Ogos 2024.
- (vi) Syarikat kami telah pada 3 September 2024, memasuki Perjanjian Taja Jamin dengan Penaja Jamin Tunggal untuk menaja jamin 66,600,000 Saham Terbitan di bawah Seksyen 3.3.1(i) dan 3.3.1(ii) Prospektus ini, menurut terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Taja Jamin. Butiran lanjut Perjanjian Taja Jamin dinyatakan dalam Seksyen 3.9 Prospektus ini.



---

**13. MAKLUMAT TAMBAHAN (SAMBUNGAN)**

---

**13.6 PENGAMBILALIHAN AWAM**

Tiada mana-mana berikut yang telah berlaku semasa tahun kewangan terakhir sehingga LPD:

- (i) tawaran pengambilalihan awam oleh pihak ketiga berhubung dengan Saham kami; dan
- (ii) tawaran pengambilalihan awam oleh kami berhubung dengan saham syarikat lain.

**13.7 PERSETUJUAN**

- (i) Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal, Setiausaha Syarikat, Peguam, Pendaftar Saham dan Rumah Terbitan kami telah memberi persetujuan bertulis masing-masing untuk dimasukkan dalam Prospektus ini nama mereka dan semua rujukan kepadanya dalam bentuk dan konteks yang terkandung sebelum penerbitan Prospektus ini, dan persetujuan demikian tidak kemudiannya ditarik balik.
- (ii) Juruaudit dan Akauntan Pelapor kami telah memberi persetujuan bertulis mereka untuk dimasukkan dalam Prospektus ini nama mereka, Laporan Akauntan, Laporan Akauntan Melapor mengenai Penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Mei 2024, dan semua rujukan kepadanya dalam bentuk dan konteks yang terkandung dalam Prospektus ini sebelum penerbitan Prospektus ini, dan persetujuan demikian tidak kemudiannya ditarik balik.
- (iii) IMR kami telah memberi persetujuan bertulis mereka untuk dimasukkan dalam Prospektus ini nama mereka, Laporan IMR dan semua rujukan kepadanya dalam bentuk dan konteks yang terkandung dalam Prospektus ini sebelum penerbitan Prospektus ini, dan persetujuan demikian tidak kemudiannya ditarik balik.

**13.8 DOKUMEN TERSEDIA UNTUK PEMERIKSAAN**

Salinan dokumen berikut boleh diperiksa di pejabat berdaftar kami di Suite 12-A, Level 12, Menara Northam, 55 Jalan Sultan Ahmad Shah, 10050 George Town, Pulau Pinang semasa waktu pejabat biasa bagi tempoh 6 bulan dari tarikh Prospektus ini:

- (i) Perlembagaan kami;
- (ii) penyata kewangan teraudit Northeast bagi tempoh dari 18 Julai 2022 (tarikh pemerbadanan) hingga 30 September 2023 dan FPE 2024;
- (iii) penyata kewangan teraudit setiap anak syarikat kami bagi Tahun Kewangan Dalam Semakan;
- (iv) Laporan IMR seperti yang dimasukkan dalam Seksyen 7 Prospektus ini;
- (v) Laporan Akauntan Melapor mengenai Penyusunan Pro Forma Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan pada 31 Mei 2024 seperti yang dimasukkan dalam Seksyen 11.9 Prospektus ini;
- (vi) Laporan Akauntan seperti yang dimasukkan dalam Seksyen 12 Prospektus ini;
- (vii) kontrak material yang dirujuk dalam Seksyen 13.5 Prospektus ini; dan
- (viii) surat persetujuan yang dirujuk dalam Seksyen 13.7 Prospektus ini.

**13. MAKLUMAT TAMBAHAN (SAMBUNGAN)**

---

**13.9 PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Pengarah, Promoter dan Pemegang Saham Menjual kami telah melihat dan meluluskan Prospektus ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh untuk ketepatan maklumat yang terkandung dalam Prospektus ini. Setelah membuat semua pertanyaan munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tiada kenyataan palsu atau mengelirukan atau fakta lain yang jika ditinggalkan, akan menjadikan sebarang kenyataan dalam Prospektus ini palsu atau mengelirukan.

Affin Hwang IB, sebagai Penasihat Utama, Penaja, Ejen Penempatan Tunggal dan Penaja Jamin Tunggal kami, mengakui bahawa, berasaskan semua maklumat tersedia, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, Prospektus ini merupakan pendedahan penuh dan benar mengenai semua fakta material berhubung dengan IPO kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

## 14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN

RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN INI TIDAK MENGANDUNGI TATACARA TERPERINCI SERTA TERMA DAN SYARAT PENUH DAN ANDA TIDAK BOLEH BERGANTUNG KEPADA RINGKASAN INI UNTUK TUJUAN MANA-MANA PERMOHONAN SAHAM TERBITAN KAMI. ANDA MESTILAH MERUJUK KEPADA TATACARA TERPERINCI SERTA TERMA DAN SYARAT SEBAGAIMANA YANG DIBENTANGKAN DALAM “TATACARA TERPERINCI PERMOHONAN DAN PENERIMAAN” YANG MENGIRINGI SALINAN ELEKTRONIK PROSPEKTUS KAMI DI LAMAN WEB BURSA SECURITIES. ANDA JUGA HENDAKLAH MENGHUBUNGI RUMAH TERBITAN BAGI PERTANYAAN LANJUT.

Melainkan ditakrifkan selainnya, semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di sini akan membawa maksud yang sama seperti yang diberikan kepadanya dalam Prospektus kami.

Melainkan konteks memerlukan selainnya, perkataan yang digunakan dalam bentuk mufrad termasuk bentuk jamak, dan begitu juga sebaliknya.

### 14.1 PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN PERMOHONAN

Permohonan bagi Saham Terbitan kami akan diterima dan ditutup pada masa dan tarikh yang dinyatakan di bawah:

PEMBUKAAN TEMPOH PERMOHONAN: 10.00 PAGI, 26 SEPTEMBER 2024

PENUTUPAN TEMPOH PERMOHONAN: 5.00 PETANG, 3 OKTOBER 2024

Seciranya terdapat sebarang perubahan kepada masa dan tarikh penutupan permohonan bagi Saham Terbitan kami, kami akan mengiklankan notis perubahan dalam akhbar harian Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia yang diedarkan secara meluas di Malaysia dan mengumumkannya di laman web Bursa Securities dengan sewajarnya. Tarikh pengundian permohonan bagi Saham Terbitan kami, peruntukan Saham Terbitan kami dan Penyenaraian kami akan dilanjutkan sehubungannya.

**Permohonan lewat tidak akan diterima.**

### 14.2 KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan mesti dibuat selaras dengan terma Prospektus kami dan Perlembagaan kami. Anda bersetuju untuk terikat dengan Perlembagaan kami. Pengemukaan Borang Permohonan tidak bermakna bahawa Permohonan anda akan berjaya.

#### 14.2.1 Permohonan bagi Saham Terbitan kami oleh Orang Awam Malaysia dan Orang yang Layak

Jenis Permohonan dan kategori pelabur	Kaedah Permohonan
Permohonan oleh Orang Awam Malaysia:	
(i) Individu	Borang Permohonan Putih atau Permohonan Saham Elektronik atau Permohonan Saham Internet
(ii) Bukan Individu	Borang Permohonan Putih sahaja
Permohonan oleh Orang yang Layak	Borang Permohonan Merah Jambu sahaja

## 14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMBUNGAN)

### 14.2.2 Permohonan bagi Saham IPO kami melalui penempatan persendirian

Jenis Permohonan dan kategori pelabur	Kaedah Permohonan
Permohonan oleh:	
(i) Pelabur Terpilih	Ejen Penempatan Tunggal kami akan menghubungi Pelabur Terpilih secara langsung. Mereka hendaklah mengikuti arahan Ejen Penempatan Tunggal
(ii) Pelabur Bumiputera yang diluluskan oleh MITI	MITI akan menghubungi Pelabur Bumiputera secara langsung. Mereka hendaklah mengikuti arahan MITI

## 14.3 KELAYAKAN

### 14.3.1 Umum

Anda mesti mempunyai Akaun CDS dan alamat surat-menyurat di Malaysia. Sekiranya anda tidak mempunyai Akaun CDS, anda boleh membuka satu Akaun CDS dengan menghubungi mana-mana ADA seperti yang dinyatakan dalam senarai ADA yang dibentangkan dalam Seksyen 12 Tatacara Terperinci Permohonan dan Penerimaan yang mengiringi salinan elektronik Prospektus ini di laman web Bursa Securities. Akaun CDS mesti atas nama diri anda. Akaun CDS yang tidak sah, penama atau pihak ketiga tidak akan diterima bagi Permohonan.

Hanya 1 Borang Permohonan bagi **setiap kategori** daripada setiap pemohon akan dipertimbangkan dan **PERMOHONAN MESTI SEKURANG-KURANGNYA 100 SAHAM TERBITAN ATAU GANDAAN 100 SAHAM TERBITAN.**

**PERMOHONAN BERGANDA TIDAK AKAN DITERIMA MELAINKAN DIBENARKAN SECARA NYATA DALAM TERMA DAN SYARAT INI. PEMOHON YANG MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BERGANDA ATAS NAMA DIRINYA SENDIRI ATAU MENGGUNA NAMA ORANG LAIN, DENGAN ATAU TANPA KEBENARAN MEREKA, MELAKUKAN KESALAHAN DI BAWAH SEKSYEN 179 CMSA DAN SEKIRANYA DISABITKAN, BOLEH DIKENAKAN HUKUMAN DENDA MINIMUM SEBANYAK RM1,000,000 DAN TEMPOH PENJARA SEHINGGA 10 TAHUN DI BAWAH SEKSYEN 182 CMSA.**

**PEMOHON TIDAK DIBENARKAN UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN BERGANDA DALAM KATEGORI PERMOHONAN YANG SAMA.**

**PEMOHON YANG INGIN MEMOHON SAHAM TERBITAN YANG DITAWARKAN KEPADA ORANG AWAM MALAYSIA DENGAN MENGGUNAKAN AKAUN BANK BERSAMA HENDAKLAH MENGHUBUNGI INSTITUSI KEWANGAN YANG MENGURUSKAN PERMOHONAN IPO UNTUK MENYEDIAKAN NAMA YANG SEPADAN DALAM AKAUN BANK BERSAMA DENGAN AKAUN CDS BELIAU KEPADA RUMAH TERBITAN. INI ADALAH UNTUK MEMASTIKAN RUMAH TERBITAN MENERIMA PERMOHONAN IPO YANG NAMA DALAM AKAUN BANK BERSAMA SEPADAN DENGAN NAMA DALAM AKAUN CDS DAN UNTUK MEMINIMUMKAN KEJADIAN PERMOHONAN IPO DITOLAK DISEBABKAN OLEH "AKAUN CDS MILIK ORANG LAIN". SYARIKAT, PENASIHAT UTAMA DAN RUMAH TERBITAN KAMI TIDAK BERTANGGUNGJAWAB ATAS SEBARANG ISU YANG TIMBUL SELEPASNYA.**

## 14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMBUNGAN)

### 14.3.2 Permohonan oleh Orang Awam Malaysia

Anda hanya boleh memohon Saham Terbitan kami jika anda memenuhi kesemua di bawah:

- (i) Anda mesti merupakan salah satu berikut:
  - (a) warganegara Malaysia yang sekurang-kurangnya 18 tahun pada tarikh permohonan Saham Terbitan kami;
  - (b) perbadanan/institusi yang diperbadankan di Malaysia dengan majoriti warganegara Malaysia dalam lembaga pengarah/pemegang amanah anda dan jika anda mempunyai modal saham, lebih daripada separuh modal saham terbitan, tidak termasuk modal saham keutamaan, dipegang oleh warganegara Malaysia; atau
  - (c) dana persaraan, koperasi, yayasan, dana wang simpanan, dana pencen yang ditubuhkan atau beroperasi di Malaysia;
- (ii) Anda bukan pengarah atau kakitangan Rumah Terbitan atau ahli keluarga terdekat pengarah atau kakitangan Rumah Terbitan; dan
- (iii) Anda mesti mengemukakan Permohonan dengan menggunakan hanya salah satu kaedah berikut:
  - (a) Borang Permohonan Putih;
  - (b) Permohonan Saham Elektronik; atau
  - (c) Permohonan Saham Internet.

### 14.3.3 Permohonan oleh Orang yang Layak

Orang yang Layak akan diperuntukkan Borang Permohonan Merah Jambu dan surat daripada kami yang memperincikan peruntukan masing-masing.

Orang yang Layak yang telah membuat permohonan dengan menggunakan Borang Permohonan Merah Jambu masih boleh memohon Saham Terbitan kami yang diperuntukkan kepada Orang Awam Malaysia dengan menggunakan Borang Permohonan Putih atau Permohonan Saham Elektronik atau Permohonan Saham Internet.

## 14.4 TATACARA PERMOHONAN MELALUI CARA BORANG PERMOHONAN

Borang Permohonan mesti dilengkapkan selaras dengan nota dan arahan yang terkandung dalam kategori Borang Permohonan masing-masing. Permohonan yang dibuat pada jenis Borang Permohonan yang tidak betul atau yang tidak mematuhi **SECARA KETAT** terma Prospektus kami atau kategori Borang Permohonan masing-masing atau nota dan arahan yang tercetak dalamnya atau yang tidak boleh dibaca tidak akan diterima.

Amaun PENUH yang perlu dibayar ialah RM0.50 bagi setiap Saham Terbitan.

Bayaran mesti dibuat atas nama **“MIH SHARE ISSUE ACCOUNT NO. 651”** dan dipalng **“A/C PAYEE ONLY”** dan diendorskan pada bahagian belakang dengan nama dan alamat anda.

---

**14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMBUNGAN)**

---

Setiap Borang Permohonan yang dilengkapkan berserta dengan kiriman wang yang betul dan salinan dokumen berkaitan yang boleh dibaca boleh dikemukakan dengan salah satu cara berikut:

- (i) dihantar melalui **POS BIASA** dalam sampul surat rasmi yang disediakan ke alamat berikut:

**Malaysian Issuing House Sdn Bhd**  
(No. Pendaftaran 199301003608 (258345-X))  
11<sup>th</sup> Floor, Menara Symphony  
No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim  
Seksyen 13  
46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

atau

**P.O. Box 00010**  
Pejabat Pos Jalan Sultan  
46700 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

- (ii) atau **DIHANTAR DENGAN TANGAN DAN DIDEPOSIT** ke dalam Kotak Masuk yang disediakan di bahagian hadapan Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan,

agar sampai tidak lewat dari jam 5.00 petang pada 3 Oktober 2024 atau pada masa dan tarikh yang ditetapkan dalam sebarang perubahan masa atau tarikh penutupan permohonan Saham Terbitan kami.

Kami, bersama dengan Rumah Terbitan, tidak akan mengeluarkan sebarang pemberitahuan penerimaan Borang Permohonan atau wang Permohonan anda. Sila rujuk semua pertanyaan berhubung dengan Borang Permohonan Putih kepada Rumah Terbitan.

**14.5 PERMOHONAN MELALUI CARA PERMOHONAN SAHAM ELEKTRONIK**

Hanya individu warganegara Malaysia boleh memohon Saham Terbitan kami yang ditawarkan kepada Orang Awam Malaysia dengan cara Permohonan Saham Elektronik.

Permohonan Saham Elektronik boleh dibuat melalui ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian ini dan cawangan-cawangan mereka, iaitu, Affin Bank Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, AmBank (M) Berhad, CIMB Bank Berhad, Malayan Banking Berhad, Public Bank Berhad dan RHB Bank Berhad. Yuran pemprosesan akan dikenakan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian masing-masing (melainkan dikecualikan) bagi setiap Permohonan Saham Elektronik.

Tatacara, terma dan syarat yang tepat bagi Permohonan Saham Elektronik akan dipaparkan pada skrin ATM Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Elektronik berkenaan.

## 14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMBUNGAN)

### 14.6 PERMOHONAN MELALUI CARA PERMOHONAN SAHAM INTERNET

Hanya individu warganegara Malaysia boleh menggunakan Permohonan Saham Internet untuk memohon Saham Terbitan kami yang ditawarkan kepada Orang Awam Malaysia.

Permohonan Saham Internet boleh dibuat melalui laman web perkhidmatan kewangan internet Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet ini, iaitu Affin Bank Berhad, Alliance Bank Malaysia Berhad, CGS International Securities Malaysia Sdn Bhd, Malacca Securities Sdn Bhd, Malayan Banking Berhad, Moomoo Securities Malaysia Sdn Bhd dan Public Bank Berhad. Yuran pemprosesan akan dikenakan oleh Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet masing-masing (melainkan dikecualikan) bagi setiap Permohonan Saham Internet.

Tatacara, terma dan syarat yang tepat bagi Permohonan Saham Internet akan dibentangkan pada laman web perkhidmatan kewangan internet Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet masing-masing.

### 14.7 KUASA LEMBAGA DAN RUMAH TERBITAN KAMI

Rumah Terbitan, atas kebenaran Lembaga kami, mempunyai hak untuk:

- (i) menolak Permohonan yang:
  - (a) tidak mematuhi arahan dalam Prospektus kami, Borang Permohonan, Permohonan Saham Elektronik dan Permohonan Saham Internet (di mana berkenaan); atau
  - (b) tidak boleh dibaca, tidak lengkap atau tidak tepat; atau
  - (c) disertakan dengan pengiriman wang yang tidak betul, atau dalam bentuk yang tidak sesuai; atau
- (ii) menolak atau menerima mana-mana Permohonan, secara keseluruhan atau sebahagiannya, atas asas tidak berdiskriminasi tanpa perlu memberi sebarang sebab; dan
- (iii) memasukkan ke dalam bank semua wang Permohonan (termasuk daripada pemohon yang tidak berjaya/berjaya separa sahaja) yang mana kemudiannya akan dikembalikan, di mana berkenaan (tanpa faedah), selaras dengan Seksyen 14.9 di bawah.

Sekiranya anda berjaya dalam Permohonan anda, Lembaga kami mempunyai hak untuk meminta anda untuk tampil secara sendiri di pejabat berdaftar Rumah Terbitan pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh notis dikeluarkan kepada anda untuk memastikan Permohonan anda adalah asal dan sah. Lembaga kami tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kehilangan atau ketidakterimaan notis tersebut dan mereka juga tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa perbelanjaan yang anda tanggung atau yang anda akan tanggung untuk tujuan mematuhi peruntukan ini.

## 14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (*SAMBUNGAN*)

### 14.8 LEBIHAN/KURANG LANGGANAN

Sekiranya terdapat lebih langganan, Rumah Terbitan akan melakukan pengundian dengan cara yang diluluskan oleh Pengarah kami untuk menentukan penerimaan Permohonan dengan cara yang adil dan saksama. Dalam menentukan cara pengundian, Pengarah kami akan mempertimbangkan hasrat untuk mengumpul dan memperuntukkan Saham Terbitan kami kepada bilangan pemohon yang munasabah dengan tujuan untuk meluaskan tapak pemegangan saham Syarikat kami serta mewujudkan pasaran yang cair dan mencukupi bagi Saham kami.

Keputusan peruntukan Saham Terbitan yang terhasil daripada pengundian yang berjaya akan tersedia kepada orang awam di laman web Rumah Terbitan di [www.mih.com.my](http://www.mih.com.my) dalam tempoh 1 Hari Pasaran selepas tarikh pengundian.

Menurut Kehendak Penyenaraian, kami dikehendaki mempunyai minimum sebanyak 25.00% daripada modal saham terbitan Syarikat kami dipegang oleh sekurang-kurangnya 200 pemegang saham awam yang memegang tidak kurang daripada 100 Saham seorang semasa Penyenaraian dan penyelesaian IPO kami. Kami menjangka untuk mencapai syarat ini pada masa Penyenaraian. Sekiranya syarat di atas tidak dipenuhi, kami mungkin tidak dibenar untuk meneruskan Penyenaraian kami. Sekiranya ini berlaku, wang yang dibayar berkenaan dengan semua Permohonan akan dipulangkan dengan sepenuhnya (tanpa faedah).

Sekiranya terdapat kurang langganan Saham Terbitan kami oleh Orang Awam Malaysia dan/atau Orang yang Layak, tertakluk kepada peruntukan penarikan balik dan peruntukan semula sebagaimana yang dibentangkan dalam Seksyen 3.3.4 Prospektus ini, mana-mana Saham Terbitan tersebut di atas yang tidak dipohon kemudiannya akan dilanggan oleh Penaja Jamin Tunggal kami berdasarkan terma Perjanjian Taja Jamin.

### 14.9 PEMOHON YANG TIDAK BERJAYA/BERJAYA SEPARA

Jika anda tidak berjaya/berjaya separa dalam Permohonan anda, wang Permohonan anda (tanpa faedah) akan dipulangkan kepada anda dengan cara berikut.

#### 14.9.1 Bagi permohonan dengan cara Borang Permohonan

- (i) Wang Permohonan atau bakinya, menurut yang mana berkenaan, akan dipulangkan kepada anda melalui sampul surat "A" Rasmi yang ditulis alamat dan dilekatkan setem sendiri yang anda sediakan melalui pos biasa (bagi permohonan yang tidak berjaya sepenuhnya) atau dengan mengkreditkan ke dalam akaun bank anda (akaun bank sama yang anda telah berikan kepada Bursa Depository untuk tujuan dividen/pengagihan tunai) atau jika anda tidak memberikan maklumat akaun bank tersebut kepada Bursa Depository, baki wang Permohonan akan dipulangkan melalui draf jurubank yang dihantar melalui pos biasa/berdaftar ke alamat berdaftar atau surat-menyurat anda yang terakhir disimpan dengan Bursa Depository (bagi permohonan yang berjaya separa) dalam masa 10 Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir atas risiko anda sendiri.
- (ii) Sekiranya Permohonan anda ditolak disebabkan anda tidak memberi nombor Akaun CDS, wang Permohonan anda akan dipulangkan melalui draf jurubank yang dihantar melalui pos biasa/pos berdaftar ke alamat anda yang dinyatakan pada Kad Pengenalan Pendaftaran Negara ("**NRIC**") atau mana-mana dokumen pengenalan sementara rasmi sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan dari masa ke masa atau kad kuasa (jika anda ialah ahli anggota tentera atau polis) atas risiko anda sendiri.



## 14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMBUNGAN)

- (iii) Sebilangan Permohonan akan disimpan untuk menggantikan mana-mana Permohonan yang berjaya diundi yang selepasnya ditolak. Wang Permohonan berhubung dengan Permohonan ini yang selepasnya ditolak atau tidak berjaya atau hanya berjaya separa akan dikembalikan (tanpa faedah) oleh Rumah Terbitan menurut item (i) atau (ii) di atas (menurut yang mana berkenaan).
- (iv) Rumah Terbitan mempunyai hak untuk memasukkan ke dalam akaun banknya kesemua wang Permohonan daripada pemohon yang tidak berjaya. Wang ini akan dipulangkan (tanpa faedah) dalam masa 10 Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir dengan mengkreditkan ke dalam akaun bank anda (akaun bank sama yang anda telah berikan kepada Bursa Depository untuk tujuan dividen/pengagihan tunai) atau melalui pengeluaran draf jurubank yang dihantar melalui pos biasa/berdaftar ke alamat berdaftar atau surat-menyurat anda yang terakhir disimpan dengan Bursa Depository jika anda tidak memberikan maklumat akaun bank tersebut kepada Bursa Depository atau menurut item (ii) di atas (menurut yang mana berkenaan).

### 14.9.2 Bagi permohonan dengan cara Permohonan Saham Elektronik dan Permohonan Saham Internet

- (i) Rumah Terbitan akan memaklumkan kepada Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet mengenai Permohonan yang gagal atau berjaya separa dalam masa 2 Hari Pasaran selepas tarikh pengundian. Amaun penuh wang Permohonan atau bakinya akan dikreditkan (tanpa faedah) ke dalam akaun anda dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet (atau diatitkan dengan Institusi Kewangan Dibenarkan) dalam masa 2 Hari Pasaran selepas menerima pengesahan daripada Rumah Terbitan.
- (ii) Anda boleh menyemak akaun anda pada Hari Pasaran ke-5 dari tarikh pengundian.
- (iii) Sebilangan Permohonan akan disimpan untuk menggantikan mana-mana Permohonan yang berjaya diundi yang selepasnya ditolak. Wang Permohonan berhubung dengan Permohonan ini yang selepasnya ditolak akan dikembalikan (tanpa faedah) oleh Rumah Terbitan dengan mengkreditkan ke dalam akaun anda dengan Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet (atau diatitkan dengan Institusi Kewangan Dibenarkan) tidak lebih daripada 10 Hari Pasaran dari tarikh pengundian akhir.
- (iv) Bagi Permohonan yang dipegang sebagai simpanan dan selepasnya tidak berjaya atau berjaya separa, Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet berkenaan akan dimaklumkan mengenai Permohonan yang tidak berjaya atau berjaya separa dalam masa 2 Hari Pasaran selepas tarikh pengundian akhir. Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian atau Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet akan mengkreditkan wang Permohonan atau mana-mana bahagiannya (tanpa faedah) dalam masa 2 Hari Pasaran selepas penerimaan pengesahan daripada Rumah Terbitan.

## 14. RINGKASAN TATACARA PERMOHONAN DAN PENERIMAAN (SAMBUNGAN)

### 14.10 PEMOHON YANG BERJAYA

Sekiranya anda berjaya dalam Permohonan anda:

- (i) Saham Terbitan kami yang diperuntukkan kepada anda akan dikreditkan ke dalam Akaun CDS anda.
- (ii) Notis peruntukan akan dihantar kepada anda ke alamat berdaftar atau surat-menyurat anda yang terakhir disimpan dengan Bursa Depository, atas risiko anda sendiri, sebelum Penyenaraian kami. Ini adalah satu-satunya pengesahan penerimaan Permohonan anda.
- (iii) Menurut Seksyen 14(1) SICDA, Bursa Securities telah menetapkan Saham kami sebagai sekuriti yang ditetapkan. Oleh itu, Saham Terbitan kami yang diterbitkan/ditawarkan melalui Prospektus kami akan didepositkan terus dengan Bursa Depository dan sebarang dagangan dalam Saham ini akan dilaksanakan selaras dengan SICDA dan Peraturan Bursa Depository.
- (iv) Selaras dengan Seksyen 29 SICDA, semua dagangan dalam Saham kami akan dibuat secara kemasukan buku melalui Akaun CDS. Tiada sijil saham akan dikeluarkan kepada anda dan anda tidak berhak untuk mengeluarkan sebarang sekuriti didepositkan yang dipegang secara bersama dengan Bursa Depository atau penamanya selagi Saham kami tersenarai di Bursa Securities.

### 14.11 PERTANYAAN

Pertanyaan berhubung dengan Permohonan boleh dirujukkan seperti berikut:

Cara Permohonan	Pihak untuk dirujuk pertanyaan
Borang Permohonan	Khidmat Pertanyaan Rumah Terbitan pada no. telefon +603-7890 4700
Permohonan Saham Elektronik	Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian yang berkenaan
Permohonan Saham Internet	Institusi Kewangan yang Mengambil Bahagian dalam Permohonan Internet dan Institusi Kewangan Dibenarkan yang berkenaan

Anda juga boleh menyemak status Permohonan dengan menghubungi ADA anda masing-masing pada nombor telefon sebagaimana yang dinyatakan dalam senarai ADA yang dibentangkan dalam Seksyen 12 Tatacara Terperinci Permohonan dan Penerimaan yang mengiringi salinan elektronik Prospektus ini di laman web Bursa Securities atau Rumah Terbitan pada no. telefon +603-7890 4700 antara 5 hingga 10 Hari Pasaran (semasa waktu pejabat sahaja) selepas hari pengundian akhir.

**LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI****A.1 HARTANAH MATERIAL YANG DIMILIKI OLEH KUMPULAN KAMI**

Pada LPD, butiran hartanah material yang dimiliki oleh Kumpulan kami adalah seperti berikut:

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
1.	Northeast Precision (Kilang 1)	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 21062 (dahulunya dikenali sebagai Lot 521), Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah PM 460 (dahulunya dikenali sebagai PM 65)</p> <p><b>Alamat pos:</b> 1088 Jalan Juru, Kawasan Perindustrian Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> Pajakan 60 tahun yang tamat tempoh pada 19 April 2039</p>	<p><b>Penerangan:</b> Bangunan kilang dua tingkat ditambah dengan bangunan pejabat dua tingkat</p> <p><b>Kegunaan sedia ada:</b> Kilang pembuatan, gudang dan pejabat</p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Perindustrian</p>	8 Disember 2011 dan 27 Februari 2023	58,329.63/ 44,034.00	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tanah ini tidak boleh dipindah milik, digadai, dipajak atau dipajak kecil, disewa atau apa-apa urusan niaga melainkan dengan kebenaran bertulis pihak berkuasa negeri.</p> <p><b>Syarat nyata utama:</b> Tanah ini hendaklah digunakan untuk "kilang komponen mekanikal" sahaja.</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada OCBC Bank (Malaysia) Berhad melalui no. perserahan 0701SC2009000960 yang dicipta pada 12 Mac 2009.</p>	3,286

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokaliti/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
2.	Northeast Precision (Kilang 2)	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> PT 181, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah HSD 16517 ("<b>PT 181</b>"); dan</p> <p>Lot 20460, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah PN 10893 ("<b>Lot 20460</b>").</p> <p><b>Alamat pos:</b> 868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> PT 181: Pajakan 60 tahun yang akan tamat tempoh pada 4 Februari 2057</p>	<p><b>Penerangan:</b> Bangunan kilang satu tingkat ditambah dengan bangunan pejabat dua tingkat</p> <p><b>Kegunaan sedia ada:</b> <u>PT 181</u> Kilang pembuatan, gudang dan pejabat</p> <p><u>Lot 20460</u> Kediaman untuk pekerja</p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Perindustrian</p>	12 September 2003, 14 April 2009 dan 10 Januari 2022	135,549.82/74,788.19	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> <u>PT 181</u></p> <p>(a) Tanah ini tidak boleh dipindah milik, digadai, dipajak atau dipajak kecil, disewa atau apa-apa urusan niaga melainkan dengan kebenaran bertulis pihak berkuasa negeri.</p> <p>(b) Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dibahagi atau dibahagi kecil.</p> <p>(c) Kegunaan tanah yang diberi milik ini bersama dengan bangunan hendaklah tertakluk kepada kelulusan PDC dan pihak berkuasa negeri.</p> <p><u>Lot 20460</u> Tanah ini tidak boleh dipindah milik, digadai, dipajak atau dipajak kecil, disewa atau apa-apa urusan niaga tanpa kebenaran bertulis pihak berkuasa negeri.</p>	8,621

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
		Lot 20460: Pajakan 60 tahun yang akan tamat tempoh pada 2 Oktober 2073				<p><b>Syarat nyata utama:</b> PT 181 Pemilik yang didaftarkan selepas PDC hendaklah mematuhi semua terma dan syarat perjanjian jual beli yang dimasuki dengan PDC.</p> <p><u>Lot 20460</u> Tanah ini hendaklah digunakan untuk perindustrian sahaja.</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada Public Bank Berhad melalui no. perserahan 0799SC2018010995 yang dicipta pada 25 April 2018.</p>	

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokaliti/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
3.	NE Integrated (Kilang 3)	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 7703, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah PN 10420</p> <p><b>Alamat pos:</b> 1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1, Taman IKS Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> Pajakan 60 tahun yang akan tamat tempoh pada 10 Januari 2056</p>	<p><b>Penerangan:</b> Bangunan kilang dua tingkat dengan bangunan pejabat 3 tingkat ditambah dengan bangunan kilang dua tingkat dengan gudang</p> <p><b>Kegunaan sedia ada:</b> Kilang pembuatan, pejabat dan gudang</p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Perindustrian</p>	12 Oktober 1995 dan 30 Mei 2023	93,473.80/ 89,646.00	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tanah ini tidak boleh dipindah milik, digadai, dipajak atau dipajak kecil, disewa atau apa- apa urusan niaga melainkan dengan kebenaran bertulis pihak berkuasa negeri.</p> <p><b>Syarat nyata utama:</b> Tanah ini hendaklah digunakan untuk perindustrian sahaja.</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada Public Bank Berhad melalui no. perserahan 0799SC2019001976 yang dicipta pada 30 Januari 2019.</p>	9,887

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokaliti/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
4.	Northeast Precision	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 20449, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 2255</p> <p><b>Alamat pos:</b> 8, Lorong Industri Ringan 4, Kawasan Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> Pegangan bebas</p>	<p><b>Penerangan:</b> Kilang perindustrian ringan banglo dua tingkat</p> <p><b>Kegunaan sedia ada dan dicadangkan:</b> Kosong. Dicapangkan untuk menukarkan kilang menjadi kediaman sementara untuk pekerja pengeluaran.</p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Tiada</p>	30 Jun 2016	12,766/ 5,627	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tiada</p> <p><b>Syarat nyata utama:</b> (Gred Pertama) Tanah ini :</p> <p>(a) hendaklah tidak akan terjejas oleh mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara yang menghadkan pampasan berbayar atas perlaksanaan untuk hak melintas atau kegunaan yang dianugerahkan oleh Bab 3 Bahagian Tiga Kanun atau pada penciptaan hak jalan Pemungut oleh Pihak Berkuasa Negeri;</p> <p>(b) tertakluk kepada syarat tersirat bahawa tanah boleh dimasukkan semula jika ia terbiar lebih daripada 3 tahun, hendaklah dikembalikan kepada Negeri sahaja jika pemilik semasa meninggal dunia tanpa waris; dan</p>	2,160

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
						<p>(c) hak milik hendaklah menganugerah hak mutlak ke atas semua hasil hutan dan semua minyak, mineral dan lain-lain deposit semula jadi pada atau di bawah permukaan tanah (termasuk hak untuk bekerja atau mengekstrak dan hasil atau deposit sedemikian dan mengeluarkannya melampaui sempadan tanah).</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada Public Bank Berhad melalui no. perserahan 0701SC2016004711 yang dicipta pada 21 Disember 2016.</p>	



## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokaliti/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
5.	NE Components	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 20435, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 2240</p> <p><b>Alamat pos:</b> 1178 Jalan Kebun Baru, Taman Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> Pegangan bebas</p>	<p><b>Penerangan:</b> Kilang berkembar satu tingkat ditambah dengan pejabat dua tingkat</p> <p><b>Kegunaan sedia ada:</b> Disewa kepada Wilpack Food Services Sdn Bhd untuk kegunaan perindustrian<sup>(i)</sup></p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Perindustrian</p>	22 Januari 2016 dan 8 Januari 2021	12,518.43/ 6,252.86	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tiada</p> <p><b>Syarat nyata utama:</b> Tanah ini hendaklah digunakan untuk perindustrian sahaja.</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada Hong Leong Bank Berhad melalui no. perserahan 0701SC2015005399 yang dicipta pada 9 Disember 2015.</p>	2,919

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
6.	NE Components	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 20448, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 2254</p> <p><b>Alamat pos:</b> 6, Lorong Industri Ringan 4, Kawasan Industri Ringan Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> Pegangan bebas</p>	<p><b>Penerangan:</b> Kilang perindustrian ringan banglo dua tingkat</p> <p><b>Kegunaan sedia ada:</b> Disewa kepada Ircare Sdn Bhd untuk pejabat, kajian dan pembangunan dan/atau pengeluaran produk<sup>(ii)</sup></p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Tiada</p>	30 Jun 2016	12,766/ 5,627	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tiada</p> <p><b>Syarat nyata utama:</b> (Gred Pertama) Tanah ini: (a) hendaklah tidak terjejas oleh mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara yang mengehadkan pampasan berbayar atas perlangsungan hak melintas atau kegunaan yang dianugerahkan oleh Bab 3 Bahagian Tiga Kanun atau penciptaan hak jalan Pemungut oleh Pihak Berkuasa Tempatan; (b) tertakluk kepada syarat tersirat bahawa tanah boleh dimasuki semula jika ia terbiar lebih daripada 3 tahun, hendaklah dikembalikan kepada Negeri hanya jika pemilik semasa meninggal dunia tanpa waris; dan</p>	2,439

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
						<p>(c) hak milik hendaklah menganugerah hak mutlak terhadap semua hasil hutan dan semua minyak, mineral dan lain-lain deposit semula jadi pada atau di bawah permukaan tanah (termasuk hak untuk bekerja atau mengekstrak dan hasil atau deposit sedemikian dan mengeluarkannya melampaui sempadan tanah).</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada Hong Leong Bank Berhad melalui no. perserahan 0701SC2016004615 yang dicipta pada 15 Disember 2016.</p>	

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
7.	Northeast Precision	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 20223, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GRN 155629</p> <p><b>Alamat pos:</b> 8, Jalan Carnation, Taman Carnation, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> Pegangan bebas</p>	<p><b>Penerangan:</b> Pejabat kedai dua tingkat</p> <p><b>Kegunaan sedia ada dan dicadangkan:</b> Kosong. Dicapangkan untuk digunakan sebagai kediaman pekerja.</p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Tiada</p>	4 Disember 2015	1,334.72/ 2,478	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tiada</p> <p><b>Syarat nyata utama:</b> (Gred Pertama) Tanah ini: (a) hendaklah tidak terjejas oleh mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara yang mengehadkan pampasan berbayar atas perlangsungan hak melintas atau kegunaan yang dianugerahkan oleh Bab 3 Bahagian Tiga Kanun atau penciptaan hak jalan Pemungut oleh Pihak Berkuasa Tempatan; (b) tertakluk kepada syarat tersirat bahawa tanah boleh dimasuki semula jika ia terbiar lebih daripada 3 tahun, hendaklah dikembalikan kepada Negeri hanya jika pemilik semasa meninggal dunia tanpa waris; dan</p>	355

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokaliti/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
						<p>(c) hak milik hendaklah menganugerah hak mutlak terhadap semua hasil hutan dan semua minyak, mineral dan lain-lain deposit semula jadi pada atau di bawah permukaan tanah (termasuk hak untuk bekerja atau mengekstrak dan hasil atau deposit sedemikian dan mengeluarkannya melampaui sempadan tanah).</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Tiada</p>	

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokaliti/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
8.	Northeast Precision	<p><b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 1368, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 788</p> <p><b>Alamat pos:</b> Tiada</p> <p><b>Tempoh pegangan:</b> Pegangan bebas</p>	<p><b>Penerangan:</b> Tanah lapang</p> <p><b>Kegunaan sedia ada dan dicadangkan:</b> Kosong. Dicapangkan untuk membina kediaman untuk pekerja tempatan, jika diperlukan.</p> <p><b>Kategori kegunaan tanah:</b> Tiada</p>	N/A	100,710.71/ Tiada	<p><b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tiada</p> <p><b>Syarat nyata utama:</b> (Gred Pertama) Tanah ini:</p> <p>(a) hendaklah tidak terjejas oleh mana-mana peruntukan Kanun Tanah Negara yang mengehadkan pampasan berbayar atas perlangsungan hak melintas atau kegunaan yang dianugerahkan oleh Bab 3 Bahagian Tiga Kanun atau penciptaan hak jalan Pemungut oleh Pihak Berkuasa Tempatan;</p> <p>(b) tertakluk kepada syarat tersirat bahawa tanah boleh dimasuki semula jika ia terbiar lebih daripada 3 tahun, hendaklah dikembalikan kepada Negeri hanya jika pemilik semasa meninggal dunia tanpa waris; dan</p>	4,712

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
						<p>(c) hak milik hendaklah menganugerah hak mutlak terhadap semua hasil hutan dan semua minyak, mineral dan lain-lain deposit semula jadi pada atau di bawah permukaan tanah (termasuk hak untuk bekerja atau mengekstrak dan hasil atau deposit sedemikian dan mengeluarkannya melampaui sempadan tanah).</p> <p><b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada Public Bank Berhad melalui no. perserahan 0701SC2019004979 yang dicipta pada 20 Disember 2019.</p>	

## LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemilik berdaftar/ Benefisial	Pengenalan hak milik/ Alamat pos atau lokality/ Tempoh pegangan	Penerangan hartanah/ Kegunaan sedia ada atau dicadangkan/ Kategori kegunaan tanah	Tarikh pengeluaran CF/ CCC	Keluasan tanah/ Kawasan dibina (kps)	Sekatan kepentingan/ syarat/ bebanan utama	NBV teraudit pada 31 Mei 2024
							RM'000
9.	NE Components	<b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 1143, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 603  <b>Alamat pos:</b> Tiada  <b>Tempoh pegangan:</b> Pegangan bebas	<b>Penerangan:</b> Tanah lapang  <b>Kegunaan sedia ada dan dicadangkan:</b> Kosong. Dicapangkan untuk membina Kilang Baharu <sup>(iii)</sup>  <b>Kategori kegunaan tanah:</b> Tiada	N/A	222,983.62/ Tiada	<b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tiada  <b>Syarat nyata utama:</b> Tiada  <b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada RHB Islamic Bank Berhad melalui no. perserahan 0701SC2023001469 yang dicipta pada 12 April 2023.	12,829
10.	NE Components	<b>Pengenalan hak milik:</b> Lot 1144, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang yang dipegang di bawah GM 889  <b>Alamat pos:</b> Tiada  <b>Tempoh pegangan:</b> Pegangan bebas	<b>Penerangan:</b> Tanah lapang  <b>Kegunaan sedia ada dan dicadangkan:</b> Kosong. Dicapangkan digunakan untuk mengembangkan kilang pada masa hadapan  <b>Kategori kegunaan tanah:</b> Tiada	N/A	197, 631.70/ Tiada	<b>Sekatan kepentingan utama:</b> Tiada  <b>Syarat nyata utama:</b> Tiada  <b>Bebanan utama:</b> Hartanah ini digadaikan kepada RHB Islamic Bank Berhad melalui no. perserahan 0701SC2024002977 yang dicipta pada 22 Julai 2024.	-(iv)



**LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)**

Nota:

Tarikh perjanjian penyewaan	Tuan tanah	Penyewa	Sewa bulanan (RM)	Tempoh	Klausa penamatan
(i) 15 Jun 2023	NE Components	Wilpack Food Services Sdn Bhd	9,500	5 Julai 2023 sehingga 4 Julai 2025	<p>Dalam keadaan penyewa hendak menamatkan perjanjian penyewaan sebelum tarikh tamat, penyewa hendak memberi tuan bangunan 3 bulan notis terdahulu atau RM28,500.00 seperti dipersetujui sebagai ganti rugi dicairkan dan bukan mengikut penalti. Deposit sewa untuk jumlah RM28,500.00 yang dibayar oleh penyewa hendaklah dipulangkan kepada penyewa tanpa faedah. Deposit utiliti berjumlah RM9,000.00 yang dibayar oleh penyewa hanya akan dipulangkan kepada penyewa atas bukti pembayaran penuh caj semua utiliti yang dibekalkan ke premis tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada kemudahan air, elektrik, pemetungan dan telekomunikasi) yang diserahkan balik oleh penyewa.</p> <p>Dalam keadaan tuan bangunan hendak menamatkan perjanjian penyewaan sebelum tarikh tamat, tuan bangunan hendak memberi penyewa 3 bulan notis terdahulu atau RM28,500.00 seperti dipersetujui sebagai ganti rugi dicairkan dan bukan mengikut penalti. Deposit sewa yang berjumlah RM28,500.00 yang dibayar oleh penyewa hendaklah dipulangkan kepada penyewa tanpa faedah. Deposit utiliti berjumlah RM9,000.00 yang dibayar oleh penyewa hanya akan dipulangkan kepada penyewa atas bukti pembayaran penuh caj semua utiliti yang dibekalkan ke premis tersebut (termasuk tetapi tidak terhad kepada kemudahan air, elektrik, pemetungan dan telekomunikasi) yang diserahkan balik oleh penyewa.</p>
(ii) 26 Jun 2023	NE Components	Ircare Sdn Bhd	11,000	1 Ogos 2023 sehingga 31 Julai 2026	<p>Penyewaan tidak akan ditamatkan oleh mana-mana pihak pada 2 tahun pertama penyewaan (tidak berkenaan semasa penyewaan semula).</p> <p>Pada tahun ketiga, kedua-dua pihak akan berhak menamatkan penyewaan pada bila-bila masa dengan 3 bulan notis bertulis terdahulu kepada pihak yang satu lagi dan penamatan tidak akan menyebabkan apa-apa perampasan deposit, penalti atau liabiliti berbayar oleh pihak yang menamatkan kecuali untuk apa-apa sewa tunggakan, jika ada.</p>

**LAMPIRAN A: HARTANAH MATERIAL KAMI (SAMBUNGAN)**

---

- (iii) Sila rujuk kepada Seksyen 3.7.1 dan 6.5.1 Prospektus ini untuk butiran lanjut mengenai pembinaan Kilang Baharu.
- (iv) Pemerolehan hartanah ini hanya disempurnakan pada 1 Ogos 2024. Oleh yang demikian tidak terdapat NBV pada 31 Mei 2024.

Pada LPD, semua hartanah yang dipaparkan di atas tidak bercanggahan dengan apa-apa syarat kegunaan tanah atau syarat kawal selia semasa, peraturan tanah, peraturan bangunan atau isu-isu alam persekitaran yang mungkin secara material menjejaskan operasi kami dan penggunaan hartanah tersebut.

**A.2 HARTANAH MATERIAL YANG DISEWA OLEH KUMPULAN KAMI**

Pada LPD, kami tidak mempunyai apa-apa hartanah material yang disewa oleh Kumpulan kami untuk operasi perniagaan kami.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)

**LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI**

Pada LPD, butiran lesen dan permit utama kami untuk operasi kami, bersama dengan syarat utama yang dikenakan dan status pematuhan berkaitan, adalah seperti berikut:

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
1.	Northeast	MBSP	Lesen perniagaan "Northeast Group Berhad" untuk pejabat dan papan iklan di lokasi 1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1, Taman IKS Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/01/20240508/3918	8 Mei 2024/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A
2.	NE Components	MBSP	Lesen perniagaan "NE Components Sdn Bhd" untuk kilang kerja kejuruteraan ketepatan, pejabat, gudang dan papan iklan di lokasi 868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/02/20220527/7279	5 Disember 2023/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A

**LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)**

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
3.	NE Integrated	Mbsp	Lesen perniagaan "NE Integrated Sdn Bhd" untuk kilang kerja kejuruteraan ketepatan, pejabat, stor, papan iklan di lokasi 1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1, Taman IKS Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/02/20220524/9835	5 Disember 2023/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A
4.	NE Solutions	Mbsp	Lesen perniagaan "NE Solutions Sdn Bhd" untuk kilang kerja kejuruteraan ketepatan, pejabat dan papan iklan di lokasi 1946, Lorong IKS Bukit Minyak 1, Taman IKS Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/02/20230303/8044	5 Disember 2023/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A

**LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)**

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
5.	NE Technologies	Mbsp	Lesen perniagaan "NE Technologies Sdn Bhd" untuk pengilangan perkakasan kejuruteraan, pejabat, gudang dan papan iklan di lokasi 1088, Jalan Juru, Kawasan Perindustrian Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/02/20220706/1471	5 Disember 2023/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A
6.	Northeast Precision	Mbsp	Lesen perniagaan "Northeast Precision Sdn Bhd" untuk kerja kejuruteraan ketepatan, kilang, pejabat, gudang dan papan iklan di lokasi 868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/02/20220420/6076	5 Disember 2023/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A

**LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)**

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
7.	Northeast Precision	Mbsp	Lesen perniagaan untuk mengendalikan hostel di lokasi 868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/01/20220706/9467	5 Disember 2023/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A
8.	Northeast Precision	Mbsp	Lesen perniagaan "Northeast Precision Sdn Bhd" untuk pengilangan perkakasan kejuruteraan, kilang, pejabat, gudang dan papan iklan di lokasi 1088, Jalan Juru, Kawasan Perindustrian Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang.	PRI/02/20221208/9502	14 September 2023/ 31 Disember 2024	Tiada	N/A

## LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
9.	NE Components	MITI/ MIDA	Lesen pengilangan untuk "bahagian dan komponen ketepatan yang dimesin"	A024712 (No. Siri A041091)	15 Ogos 2022/ Sah sehingga dan kecuali ditarik balik atau diserahkan kembali	<p>(a) Tapak: 868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang (tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan).</p> <p>(b) MITI dan MIDA mesti dimaklumkan mengenai apa-apa pelupusan saham dalam syarikat.</p> <p>(c) Syarikat hendak melatih warganegara Malaysia supaya teknologi dan kemahiran boleh dipindahkan ke semua tahap kerja.</p> <p>(d) Syarikat mesti memenuhi syarat nisbah pelaburan modal setiap pekerja ("CIPE") sekurang-kurangnya RM140,000.</p>	<p>Dipatuhi</p> <p>Dipatuhi</p> <p>Diambil perhatian</p> <p>Dipatuhi</p>

## LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
						<p>(e) Jumlah tenaga kerja sepenuh masa hendak terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia pada 31 Disember 2024. Penggajian pekerja asing termasuk pekerja sumber luar hendak tertakluk kepada dasar semasa.</p> <p>(f) Syarikat hendak menyerahkan maklumat mengenai prestasi pelaburan dan pelaksanaan projek di bawah ICA 1975 dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Malaysia 1965 ("<b>Akta MIDA</b>") apabila diperlukan oleh MIDA.</p> <p>(g) Syarikat hendak melaksanakan projeknya seperti yang diluluskan dan menurut undang-undang dan syarat yang berkuat kuasa di Malaysia.</p>	<p>Akan dipatuhi<sup>(i)</sup></p> <p>Diambil perhatian</p> <p>Dipatuhi</p>



## LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
10.	NE Integrated	MITI/ MIDA	Lesen pengilangan untuk "bahagian dan komponen ketepatan yang dimesin"	A024568 (No. Siri A042030)	21 Jun 2022/ Sah sehingga dan kecuali ditarik balik atau diserahkan kembali	<p>(i) Tapak: 1946, Lorong IKS Bukit Minyak, Taman IKS Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang (tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan).</p> <p>(ii) MITI dan MIDA mesti dimaklumkan mengenai apa-apa pelupusan saham dalam syarikat.</p> <p>(iii) Syarikat hendak melatih warganegara Malaysia supaya teknologi dan kemahiran boleh dipindahkan ke semua tahap kerja.</p> <p>(iv) Syarikat mesti memenuhi syarat nisbah CIPE sekurang-kurangnya RM140,000.</p>	<p>Dipatuhi</p> <p>Dipatuhi</p> <p>Diambil perhatian</p> <p>Dipatuhi</p>

## LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
						(v) Jumlah tenaga kerja sepenuh masa hendak terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia pada 31 Disember 2024. Penggajian pekerja asing termasuk pekerja sumber luar hendaklah tertakluk kepada dasar semasa.	Akan dipatuhi <sup>(i)</sup>
						(vi) Syarikat hendak menyerahkan maklumat mengenai prestasi pelaburan dan pelaksanaan projek di bawah ICA 1975 dan Akta MIDA apabila diperlukan oleh MIDA.	Dipatuhi
						(vii) Syarikat hendak melaksanakan projeknya seperti yang diluluskan dan menurut undang-undang dan syarat yang berkuat kuasa di Malaysia.	Dipatuhi

## LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
11.	NE Technologies	MITI/ MIDA	Lesen pengilangan untuk "bahagian dan komponen ketepatan yang dimesin"	A024736 (No. Siri A041119)	3 Oktober 2022/ Sah sehingga dan kecuali ditarik balik atau diserahkan kembali	<p>(i) Tapak: 1088, Jalan Juru, Kawasan Perindustrian Juru, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang (tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan).</p> <p>(ii) MITI dan MIDA mesti dimaklumkan mengenai apa-apa pelupusan saham dalam syarikat.</p> <p>(iii) Syarikat hendak melatih warganegara Malaysia supaya teknologi dan kemahiran boleh dipindahkan ke semua tahap kerja.</p> <p>(iv) Syarikat mesti memenuhi syarat nisbah CIPE sekurang-kurangnya RM140,000.</p>	<p>Dipatuhi</p> <p>Dipatuhi</p> <p>Diambil perhatian</p> <p>Dipatuhi</p>

## LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
						(v) Jumlah tenaga kerja sepenuh masa hendak terdiri daripada sekurang-kurangnya 80% warganegara Malaysia pada 31 Disember 2024. Penggajian pekerja asing termasuk pekerja sumber luar hendaklah tertakluk kepada dasar semasa.	Akan dipatuhi <sup>(i)</sup>
						(vi) Syarikat hendak menyerahkan maklumat mengenai prestasi pelaburan dan pelaksanaan projek di bawah ICA 1975 dan Akta MIDA bila diperlukan oleh MIDA.	Dipatuhi
						(vii) Syarikat hendak melaksanakan projeknya seperti yang diluluskan dan menurut undang-undang dan syarat yang berkuat kuasa di Malaysia.	Dipatuhi

## LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
12.	Northeast Precision	MITI/ MIDA	Lesen pengilangan untuk "bahagian dan komponen ketepatan yang dimesin"	A024643 (No. Siri A041003)	29 Ogos 2022/ Sah sehingga dan kecuali ditarik balik atau diserahkan kembali	<p>(a) Tapak: 868, Plot 41, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, Taman Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang (tertakluk kepada kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan).</p> <p>(b) MITI dan MIDA mesti dimaklumkan mengenai apa-apa pelupusan saham dalam syarikat.</p> <p>(c) Syarikat hendak melatih warganegara Malaysia supaya teknologi dan kemahiran boleh dipindahkan ke semua tahap kerja.</p> <p>(d) Syarikat hendak melaksanakan projeknya seperti yang diluluskan dan menurut undang-undang dan syarat yang berkuat kuasa di Malaysia.</p>	<p>Dipatuhi</p> <p>Dipatuhi</p> <p>Diambil perhatian</p> <p>Dipatuhi</p>

**LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)**

No.	Pemegang lesen	Pihak berkuasa melulus/ Pengeluar	Butiran lesen/ Permit	No. lesen/ No. pendaftaran	Tarikh berkuat kuasa/ Tarikh tamat	Syarat utama yang dikenakan	Status pematuhan
13.	Northeast Precision (Ng Chay Chin)	Lembaga Pelesenan Tenaga Atom	Lesen Tenaga Atom: Lesen Kelas C di bawah Peraturan-peraturan Perlindungan Sinaran (Pelesenan) 1986 untuk membeli, memiliki, mempunyai, mengendali, mengguna dan menyimpan perkakasan penyinaran seperti yang dinyatakan dalam lesen tersebut.	LPTA/A/1395 (No. Siri 1395-29861)	15 Mei 2024/ 14 Mei 2027	(a) Personel yang bertanggungjawab untuk lesen ini ialah Ng Chay Chin.  (b) Lesen ini tidak boleh dipindah milik.	Diambil perhatian  Diambil perhatian
14.	Tang Cho Chiang Northeast Precision	Kementerian Kesihatan	Permit untuk membeli, menyimpan dan mengguna Natrium Hidroksida di bawah Peraturan-peraturan Racun (Natrium Hidroksida), 1962	013229	1 Januari 2024/ 31 Disember 2024	Untuk membeli sehingga maksimum Natrium Hidroksida pejal sebanyak 600 kg dan cecair sebanyak 7,200 kg untuk rawatan air kumbahan dan tujuan pembersihan.	Dipatuhi
15.	Norshidah binti Hashim, NE Integrated	Kementerian Kesihatan	Permit untuk membeli, menyimpan dan mengguna Natrium Hidroksida di bawah Peraturan-peraturan Racun (Natrium Hidroksida), 1962	013257	1 Januari 2024/ 31 Disember 2024	Untuk membeli sehingga maksimum Natrium Hidroksida pejal sebanyak 600 kg untuk rawatan air dan tujuan pembersihan produk.	Dipatuhi

**LAMPIRAN B: LESEN DAN PERMIT UTAMA KAMI (SAMBUNGAN)**

---

Nota:

- (i) Pada LPD, NE Components, NE Integrated dan NE Technologies masih belum mematuhi syarat ini atau menyerah permohonan kepada MITI untuk membezakan syarat tersebut di bawah seksyen 4(4) ICA 1975. Sekiranya NE Components, NE Integrated dan NE Technologies tidak dapat mematuhi syarat ini sebelum 31 Disember 2024 dan permohonan lanjutan masa tidak diluluskan oleh MITI, MITI boleh mengambil tindakan dengan mengeluarkan amaran, mengenakan penalti atau syarat tambahan atau sekatan, penggantungan dan/atau menarik balik lesen untuk mana-mana pelanggaran atau ketidakpatuhan syarat itu. Pada LPD, NE Components, NE Integrated dan NE Technologies masing-masing mempunyai kira-kira 16.55%, 22.55% dan 36.79% tenaga kerja tempatan.

(Baki halaman ini sengaja ditinggalkan kosong)